DEWAN MAJLIS

LAPORAN PENUH
(HANSARD)

MESYUARAT PERTAMA DARI
MUSIM PERMESYUARATAN KE-20
MAJLIS MESYUARAT NEGARA
1445 / 2024

(JILID I)

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

DEWAN MAJLIS

LAPORAN PENUH
(HANSARD)

MESYUARAT PERTAMA DARI
MUSIM PERMESYUARATAN KE-20
MAJLIS MESYUARAT NEGARA

PADA
HARI SELASA, 17 SYAABAN 1445 BERSAMAAN 27 FEBRUARI 2024 HINGGA
HARI SABTU, 12 RAMADAN 1445 BERSAMAAN 23 MAC 2024

BERTEMPAT
DI DEWAN PERSIDANGAN,
MAJLIS MESYUARAT NEGARA,
JALAN DEWAN MAJLIS,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat,
Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Dewan Majlis BB3910,
Negara Brunei Darussalam.

1. LAPORAN PENUH (HANSARD) MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KEDUA PULUH MAJLIS MESYUARAT NEGARA 1445 / 2024 JILID I

Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan (Cataloguing-in-Publication)

BRUNEI Darussalam. Majlis Mesyuarat Negara.
Dewan Majlis : Laporan Penuh (Hansard) : Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara 1445/2024. (Jilid I). -- Bandar Seri Begawan : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, 2024.
627 pages ; 25 cm
ISBN 978-99917-987-9-0 (Paperback)
1. Majlis Mesyuarat Negara -- 2024 2. Legislative councils 3. Legislative bodies -- Brunei Darussalam -- Congresses 4. Brunei Darussalam -- Politics and government -- Congresses I. Title

328.595504 BRU (DDC 23)

Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib,
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya
Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah,
Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara

Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra,
Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara

PENYEDIAAN LAPORAN PENUH
(HANSARD)

Penyusun

Dayang Sarinah binti Haji Md. Hashim
Awang Norhakimin bin Nordin
Dayang Susilawati binti Saie
Dayang Zulia'ah binti Haji Mohd. Zanai
Awang Junaidi bin Haji Metussin @ Haji Tuah

Penyemak

Awang Mohammad Faiq bin Haji Mohd. Yassin
Awang Haji Mohammad Amalul Muttaqin bin Haji Ismail
Dayang Hajah Haslinda binti Haji Hidup
Dayangku Aqilah Nursyahidah binti Pengiran Roslan
Dayang Amanina Nadirah binti Haji Akop
Awang Haji Moksin bin Haji Durahim
Dayang Siti Nuur Hafiizah binti Haji Abd. Rashid

Pemberita Sambilan

Dayang Hajah Nurul Afifah binti Haji Lakat
Dayang Siti Nurul Hasanah binti Ja'afar
Dayang Noor Rosmawati binti Haji Ismail
Dayang Hajah Adiliana binti Haji Damit
Pengiran Md. Syazwan bin Pengiran Haji Bakar
Dayang Malini binti Jamali
Dayang Irma Ratna Seri Ayu binti Brahim
Awang Mohamad Syahafindey bin Husin
Dayang Salamah binti Haji Saidil
Dayang Siti Nurulidayah binti Haji Jafri
Dayang Nor Hafizah binti Rahim
Dayang Muhidyatunnajihah binti Othman
Awangku Shazned @ Awangku Mohammad Najib bin Pengiran Shamri
Dayang Hajah Haspalela binti Haji Abdul Ranee
Dayang Mashidayawazy binti Haji Mohd. Aminuddin
Dayang Fatimah binti Bungsu
Awang Azmy bin Untong
Dayangku Rozainah binti Pengiran Haji Bakar
Dayang Emma Malissa binti Haji Isakhan
Dayang Rafiqah binti Haji Awang Hamzah
Dayang Norehan binti Haji Nani/Nayan
Dayang Siti Nuradibah binti Haji Jahri @ Azahari
Dayang Siti Nurhuzaifah binti Haji Hamzah
Dayang Hajah Haslinah binti Haji Alias
Pengiran Nuruljanah Nabillah binti Pengiran Haji Rosley

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Selasa, 17 Syaaban 1445 / 27 Februari 2024	
1.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	1
2.	**PERKARA I** – Doa Selamat	4
	Ucapan Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara	4
3.	**PERKARA II –** Mengesahkan Minit	5
4.	**PERKARA III**– Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam	6
5.	Doa Selamat	8
	Hari Rabu, 18 Syaaban 1445 / 28 Februari 2024	
6.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	9
7.	Doa Selamat	12
8.	**PERKARA IV – KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS NO. 1 TAHUN 2024 – SENARAI PERINTAH-PERINTAH DARURAT YANG TELAH DILULUSKAN DALAM TAHUN 2023 DAN 2024 MENURUT PERKARA 83 DARI PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	14
9.	**PERKARA IV – KERTAS YANG DIBENTANGKAN DI ATAS MEJA KERTAS NO.2 TAHUN 2024 – ANGGARAN HASIL DAN PERBELANJAAN NEGARA BAGI TAHUN KEWANGAN, 2024/2025**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	14
10.	**PERKARA V – USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**	
	Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri	15
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	19
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	20

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	24
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	26
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Nasir	28
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	30
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	31
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim	34
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Md. Yusof	38
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	42
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	43
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman	45
	Yang Berhormat Awang Lau How Teck	48
	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam	49
	Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee	53
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	55
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	58
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	60
	Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin	64
	Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong	65
	Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan	66
	Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat	69

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Khamis, 19 Syaaban 1445 / 29 Februari 2024	
11.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	72
12.	Doa Selamat	75
13.	**PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN, 2024/2025**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	76
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	110
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim	111
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	118
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman	120
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof	122
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	126
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	128
	Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee	130
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	130
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	132
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	133
	Hari Sabtu, 21 Syaaban 1445 / 2 Mac 2024	
14.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	138
15.	Doa Selamat	141
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN, 2024/2025	

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	142
16.	**Bab 2, Ceraian (1) dan (2)**	
17.	**KEMENTERIAN PERTAHANAN** **Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II	145
18.	**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI** **Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	154
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof	174
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	182
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim	189
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	194
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	196
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	198
	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam	199
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	202
	Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee	204
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	205
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	207
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	208
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	210

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Isnin, 23 Syaaban 1445 / 4 Mac 2024	212
19.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	215
20.	Doa Selamat	
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN, 2024/2025	
	SANBUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A	
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	216
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	218
	Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin	218
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	219
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman	220
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	223
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	225
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	226
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	228
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	229
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	230
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya’akub	231
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	232
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	233
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	233
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Nasir	234
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	235
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	236
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	237

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Lau How Teck	238
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	239
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	240
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	244
	Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan	247
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	248
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	248
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	254
	Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong	257
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	258
	Hari Selasa, 24 Syaaban 1445 / 5 Mac 2024	
21.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	260
22.	Doa Selamat	263
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN, 2024/2025	
23.	**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A**	
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	264
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	282
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	283
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	284
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	286
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	286
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Nasir	287
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	288
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya’akub	290

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	291
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	292
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	293
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	294
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	295
	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam	297
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	299
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	302
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	304
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	306
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	309
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim	311
	Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan	315
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	316
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof	319
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	325
	Yang Berhormat Menteri Kesihtan	328
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	329
	Yang Berhormat Awang Lau How Teck	329
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	331
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman	333
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	335

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Hari Rabu, 25 Syaaban 1445 / 6 Mac 2024	
24.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	338
25.	Doa Selamat	341
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN, 2024/2025	
	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A	
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	342
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	349
	Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin	355
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	356
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	357
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	363
26.	**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA Tajuk SJ01A**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	367
	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam	379
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	384
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	391
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	393
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	396
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	397
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	398
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	400
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	403
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	404

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	405
	Yang Berhormat Menteri Pembangunan	409
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	410
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Nasir	411
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	412
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	413
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	414
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	415
	Hari Khamis, 26 Syaaban 1445 / 7 Mac 2024	
27.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	417
28.	Doa Selamat	420
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN, 2024/2025	
	SAMBUNGAN - KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA Tajuk SJ01A	
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	421
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	422
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Md. Yusof	423
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	428
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	432
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	433
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	436
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim	436

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	440
	Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan	444
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	444
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman	444
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	446
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	450
	Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin	451
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	452
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	453
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	454
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	458
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	462
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama	464
	Hari Sabtu, 28 Syaaban 1445 / 9 Mac 2024	
29.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	467
30.	Doa Selamat	470
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN, 2024/2025	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	471
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	477
31.	**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI Tajuk SC01A**	
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	478
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	485

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	486
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	487
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	487
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman	489
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	491
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	492
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	494
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	495
	Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee	496
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	498
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	499
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	501
32.	**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI** **Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A**	
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	504
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	508
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	509
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	510
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	511
	Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin	513
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	516
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	518

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	519
	Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam	520
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	524
	Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed	525
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	527
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri	528
	Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin	529
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	530
	Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee	531
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	534
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman	537
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	538
	Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi	540
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Setia Haji Md.Yusof	542
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	547
	Hari Isnin, 30 Syaaban 1445 / 11 Mac 2024	
33.	Senarai nama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara	552
34.	Doa Selamat	555
	SAMBUNGAN PERKARA VI – RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN, 2024/2025	

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II	556
	SAMBUNGAN - KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A	
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	561
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	562
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	563
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	564
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Nasir	565
	Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin	566
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	572
	Yang Berhormat Awang Lau How Teck	576
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	577
	Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin	578
	Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II	581
35.	**KEMENTERIAN PENDIDIKAN Tajuk SF01A hingga Tajuk SF06A**	
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	588
	Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan	597
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	599
	Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub	601
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	603
	Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir	606
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	607

BIL.	KANDUNGAN	MUKA SURAT
	Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman	608
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	609
	Yang Berhormat Menteri Kesihatan	611
	Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann	612
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	613
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim	615
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	618
	Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim	622
	Yang Berhormat Menteri Pendidikan	622

DEWAN MAJLIS

Hari Selasa, 17 Syaaban 1445 / 27 Februari 2024

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I,K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L.,

Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.45 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ini, hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, maka kita dapat bersama-sama hadir pada pagi ini dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Persidangan yang diadakan pada pagi ini cukup signifikan yang Istiadat Pembukaan Rasminya iaitu Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ Sambil kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, maka kita dapat bermesyuarat dalam keadaan permesyuaratan negara kita dalam suasana yang aman damai, harmoni dan penuh sejahtera.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam kesempatan pagi ini, izinkanlah saya lebih dahulu mengalu-alukan kehadiran Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara yang baharu iaitu Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji

Hurairah. Dalam pada itu, saya juga ingin merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya dan berterima kasih kepada mantan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara yang lalu iaitu Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin bin Haji Asar, atas khidmat bakti, tenaga dan buah fikiran yang disumbangkan beliau selama memegang jawatan yang berkenaan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, di hadapan kita ada beberapa perkara yang perlu kita selesaikan. Maka, oleh yang demikian saya cadangkan ada baiknya kita beralih untuk menyelesaikan perkara yang selanjutnya.

Yang Mulia Jurutulis: Perkara II - Meneliti dan Mengesahkan Minit Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang selama 18 hari bermula 9 Syaaban 1445 hingga 6 Ramadan 1444 bersamaan dengan 2 Mac hingga 28 Mac 2023 bertempat di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di hadapan kita sekarang Minit Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara yang telah bersidang selama 18 hari. Minit Persidangan itu telah dikelilingkan kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk diteliti dengan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, saya ingin memberikan peluang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, jika ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk memberikan pendapat ataupun pindaan terhadap minit yang berada di hadapan kita ini, saya persilakan Yang Berhormat. Nampaknya tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin membuat sebarang kenyataan atau pindaan mengenai minit yang telah pun kita kelilingkan ini. Maka saya membuat kesimpulan bahawa isi kandungan Minit Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 yang telah bersidang selama 18 hari itu adalah betul dan tidak ada pindaan, maka minit ini saya luluskan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebentar lagi Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara yang kita hadiri ini akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Maka bagi membolehkan majlis ini untuk menunggu dan menjunjung keberangkatan baginda ke majlis ini, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat ini dulu.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMPENA ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20 MAJLIS MESYUARAT NEGARA PADA HARI SELASA, 17 SYAABAN 1445 BERSAMAAN 27 FEBRUARI 2024 BERTEMPAT DI BANGUNAN DEWAN MAJLIS, JALAN DEWAN MAJLIS, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِيْنُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالدِّين، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلىَ أَشْرَفِ ٱلْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اَلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَ بَعْدُ

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ bersyukur kita ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dapat bersidang lagi pada hari ini dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Majlis Mesyuarat Negara merupakan medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina oleh para ahli. Ia dihasratkan kekal *relevant* untuk membincang perkara-perkara strategik yang bemanfaat bagi rakyat dan negara.

Beta berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat akan sentiasa peka untuk mengikuti perkembangan yang berlaku bukan sahaja di dalam negara malah juga di peringkat serantau mahupun antarabangsa. Ini semua boleh memberikan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat perspektif berbeza serta idea-idea baharu yang boleh menyuntik kemajuan dalam bidang-bidang utama yang diperlukan. Secara khusus Beta juga mahu Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik akan sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan lebih-lebih lagi para penduduk yang diwakili masing-masing.

Beta percaya perundingan timbal balik ini akan memastikan *inclusiveness* kesemua pihak dan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat serta membantu reka dasar Kerajaan Beta. Ke arah ini Beta sarankan supaya pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan untuk terus memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat khasnya menerusi penglibatan dalam mana-mana keahlian jawatankuasa ataupun *taskforce* yang diamanahkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik juga disarankan untuk membuat inisiatif masing-masing ke arah membantu Kerajaan Beta

dalam menjana peluang-peluang pekerjaan mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia termasuk dalam kalangan pengusaha tempatan dan golongan tertentu yang lain. Beta difahamkan bahawa menerusi laporan *ASEAN +3 Macro Economic Research Office (AMRO)* telah diramalkan bahawa ekonomi negara akan mengukuh kepada 2.4% pada tahun 2024 yang diterajui oleh sektor bukan minyak dan gas melalui aktiviti perekonomian dalam sektor pertanian, makanan, kewangan, pengangkutan dan pelancongan serta peluasan aktiviti dalam sektor penapisan minyak dan gas hiliran.

Beta juga telah difahamkan bahawa beberapa usaha mempelbagaikan ekonomi telah pun dilaksanakan, namun masih saja belum mencukupi untuk mengimbangi kedudukan defisit fiskal kerajaan. Tetapi apa pun keadaan pada hakikatnya kita tidak dapat lagi terlalu bergantung pada semata-mata sektor minyak dan gas kerana terdapat beberapa faktor di luar kawalan kita seperti penurunan pengeluaran minyak dan gas dan harga pasaran global minyak dan gas yang tidak menentu. Usaha-usaha perlulah diteruskan dan dipertingkatkan lagi ke arah mempelbagaikan ekonomi serta memberikan tumpuan kepada industri-industri strategik yang negara mempunyai potensi dan kekuatan untuk lebih berjaya. Pada masa yang sama, isu-isu semasa seperti isu alam sekitar, perubahan iklim dan sebagainya juga perlu diberikan perhatian. Namun apa pun berlaku hala tuju pengeluaran minyak dan gas mesti diaktifkan dan industri hiliran minyak dan gas dikembangkan serta bekalan tenaga elektrik dan bahan api terus diutamakan.

Dari segi perbelanjaan kerajaan pula, ia dilihat semakin meningkat tahun demi tahun. Namun demikian, أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, Kerajaan Beta masih mampu untuk menyediakan sejumlah belanjawan bagi keperluan pembangunan.

Apa yang penting di sini ialah setiap agensi Kerajaan Beta hendaklah menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat negara ini.

Dari segi pembangunan negara pula, Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-12 akan bermula pada Tahun Kewangan 2024-2025 ini bagi tempoh lima tahun. Dalam masa yang sama, RKN mempunyai peranan penting ke arah mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035. Maka apa yang Beta harapkan supaya projek-projek pembangunan RKN ini akan dapat

dipercepatkan mengikut garis masa yang sudah ditentukan.

Adalah juga menjadi harapan kita supaya *Blueprints* yang berkaitan dengan perekonomian akan mendorong kepada pertumbuhan sektor yang disasarkan dan dapat menarik lebih banyak lagi Pelaburan Langsung Asing yang berpotensi untuk menjana peluang-peluang pekerjaan baharu. Untuk akhirnya, Beta sekali lagi menyarankan agar persidangan ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai objektif pembangunan dan kemajuan negara.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

(Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan majlis diiringi oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara dan Pembesar-Pembesar Negara.)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu marilah kita merafakkan rasa kesyukuran ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara telah selesai dan sempurna dilaksanakan oleh Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah juga berkenan mengurniakan titah.

Bagi membolehkan majlis ini untuk menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat untuk bergambar ramai bersama-sama denganYang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya untuk meninggalkan bangunan Dewan Majlis ini.

Maka, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللهُ pada esok hari iaitu hari Rabu, 18 Syaaban 1445 bersamaan dengan 28 Februari 2024 bertugas pada pukul 9.30 pagi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Rabu, 18 Syaaban 1445 / 28 Februari 2024

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L.,. Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang bagi hari kedua pada hari ini Rabu, 18 Syaaban 1445 bersamaan 28 Februari 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه أَلْحَمْدُ لِلّه kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat-Nya jua kita dapat bersama-sama berkumpul lagi pada pagi ini untuk bersidang di Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan izin أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua, pada hari Selasa semalam, أَلْحَمْدُ لِلّه Isitiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara telah selamat sempurna dilaksanakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien yang telah bercemar duli dan mengurniakan titah dalam majlis tersebut.

Majlis ini dengan sepenuhnya ingin menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya dan menjunjung tinggi atas keberangkatan baginda bercemar duli dan mengurniakan titah yang bernilai tinggi itu.

Saya cuba untuk memberikan serba sedikit mengenai beberapa perkara yang terkandung dalam titah yang dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam majlis yang mulia ini pada hari semalam.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien itu sesungguhnya amat bernas dan mengandungi banyak nasihat untuk kita amat-amati dan juga junjung serta dijadikan panduan dan sandaran bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Ia juga jelas mencerminkan pemedulian dan keprihatinan baginda terhadap kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Sesungguhnya baginda menaruh harapan yang tinggi agar Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dapat kekal relevan untuk membincangkan perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara ini.

Oleh itu, Ahli-Ahli Yang Berhormat diharapkan dapat berganding bahu dan menjadikan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini sebagai wadah melahirkan buah fikiran yang membina dalam sama-sama membawa pembangunan dan kemajuan kepada negara.

Baginda juga melahirkan harapan yang tinggi agar Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa peka mengikuti perkembangan mengenai isu-isu yang menjadi kepentingan kepada rakyat dan negara, bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di luar negara. Ini setentunya memberikan perspektif berlainan dan membolehkan Ahli-Ahli Yang Berhormat menyumbangkan idea dan *input* dalam membawa perubahan positif dan setentunya memacu kemajuan dalam bidang-bidang tertentu.

Begitu juga dengan pihak-pihak yang berkenaan seharusnya memanfaatkan pengetahuan dan pengalaman Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam bidang-bidang tertentu serta meneliti dan mengambil baik cadangan-cadangan yang dikemukakan itu dengan seelok-eloknya, dalam usaha untuk menambah baik dasar, program dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Semua ini sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang setentunya memerlukan penglibatan dan permuzakarahan yang berterusan secara inklusif bersama-sama dengan pihak yang berkepentingan, termasuk dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan para penduduk di negara ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat meneliti sepenuhnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah dikurniakan semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara semasa kita membincangkan Usul Yang Telah Diberi Notis dalam Perkara V dari Susunan Kerja Majlis Mesyuarat Negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, di hadapan kita ada beberapa perkara yang perlu kita selesaikan dahulu. Sekarang, kita berpindah ke perkara seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Perkara IV. Kertas-Kertas yang akan dibentangkan di atas meja. Kertas No. 1 Tahun 2024 oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan segala hormat meminta izin Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 1 Tahun 2024 iaitu Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah dliluluskan dalam tahun 2023 dan 2024 menurut Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Mulia Jurutulis: Kertas No. 2 Tahun 2024 yang akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola dengan segala hormatnya memohon izin kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No.2 Tahun 2024 iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2024/2025. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah membuat kenyataan untuk membentangkan Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan pada tahun 2023/2024 menurut Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Manakala Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah membuat kenyataan untuk

membentangkan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Oleh yang demikian, bagi perkara-perkara yang tersebut maka saya memberikan izin kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan untuk membawa dan membentangkan kertas-kertas yang dimaksudkan.

Yang Mulia Jurutulis: Perkara V, Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم Syukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى yang telah mengurniakan rahmat,taufik dan hidayah-Nya kepada kita semua untuk sama-sama hadir di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Selawat serta salam ke atas Junjungan kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. أَلْحَمْدُ لِلّه Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bagi tahun 2024 telah disempurnakan kelmarin oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dengan yang demikian, di Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan satu Usul untuk menjunjung kasih atas kurnia titah dan keberangkatan baginda.

Dalam Usul yang akan saya kemukakan ini, juga menyentuh perkara-perkara penting yang telah disentuh oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam ucapan rasmi tadi. Saya juga akan menyentuh perkara-perkara yang sama yang sangat penting diulangi lagi. Usul saya adalah seperti berikut:

"Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20, Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi tersebut telah sama-sama kita dengar kelmarin iaitu mengandungi banyak hikmah dan pengajaran untuk kita jadikan sebagai iktibar dan panduan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Ia mencerminkan kebijaksanaan, kewibawaan, keprihatinan dan pemedulian tinggi baginda yang sentiasa mengambil berat terhadap kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk negara ini.

Antara lain, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah seperti berikut:

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menyentuh mengenai peranan Majlis Mesyuarat Negara sebagai medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina oleh para ahli yang dihasratkan kekal relevan untuk membincang perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara.;

2. Baginda menekankan mengenai kepentingan bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sentiasa peka mengikuti perkembangan yang berlaku bukan sahaja di dalam negara, bahkan juga di peringkat serantau mahupun antarabangsa bagi memberikan perspektif berbeza serta idea-idea baharu yang boleh menyuntik kemajuan dalam bidang-bidang utama yang diperlukan.;

3. Baginda juga menyeru supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat akan sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak yang berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan, lebih-lebih lagi para penduduk yang diwakili masing-masing bagi memastikan *inclusiveness* kesemua pihak dan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat serta membantu reka dasar kerajaan.;

4. Ahli-Ahli Yang Berhormat, baginda sarankan untuk melaksanakan inisiatif masing-masing ke arah membantu kerajaan dan menjana peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan, kapasiti sumber tenaga manusia termasuk dalam kalangan pengusaha tempatan dan golongan tertentu yang lain.;

5. Menyentuh mengenai ekonomi negara, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil maklum bahawa berdasarkan Laporan *ASEAN + Three Macroeconomic Research*

Office (AMRO), ekonomi Negara Brunei Darussalam diramalkan akan mengukuh kepada 2.4% pada tahun 2024 yang diterajui oleh sektor bukan minyak dan gas melalui aktiviti perekonomian dalam beberapa subsektor termasuk pertanian, kewangan, pengangkutan dan pelancongan serta peluasan dalam sektor penapisan minyak dan gas asli.;

6. Baginda mengambil maklum bahawa beberapa usaha untuk mempelbagaikan ekonomi telah pun dilaksanakan, namun ia masih belum mencukupi untuk mengimbangi kedudukan defisit fiskal kerajaan. Oleh yang demikian, baginda menyarankan supaya negara tidak lagi terlalu bergantung pada sektor minyak dan gas semata-mata disebabkan terdapatnya beberapa faktor di luar kawalan kita seperti penurunan pengeluaran minyak dan gas dan harga pasaran global minyak dan gas yang tidak menentu.

7. Dalam hubungan tersebut, baginda menyarankan supaya usaha-usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi negara akan terus dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada industri-industri strategik yang berpotensi untuk berjaya. Pada masa yang sama, memberikan perhatian kepada isu semasa seperti pencemaran alam sekitar dan perubahan iklim.;

8. Baginda seterusnya menekankan supaya hala tuju pengeluaran minyak dan gas diaktifkan dan industri hiliran minyak dan gas dikembangkan serta bekalan tenaga elektrik dan bahan api terus diutamakan.;

9. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya telah menyentuh mengenai perbelanjaan kerajaan yang dilihat semakin meningkat tahun demi tahun, namun demikian baginda bersyukur kerajaan baginda masih mampu untuk menyediakan sejumlah belanjawan bagi keperluan pembangunan.;

10. Dalam hal tersebut, baginda menitahkan agar setiap agensi kerajaan menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat negara ini.;

11. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya menyentuh mengenai peranan dan kepentingan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dalam menjana pembangunan negara dan dalam mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035, baginda berharap supaya projek-projek RKN ini akan dapat dipercepatkan mengikut garis masa yang telah ditentukan.; dan

12. Baginda seterusnya berharap *blueprints* yang berkaitan dengan perekonomian akan mendorong kepada pertumbuhan sektor yang disasarkan dan akan dapat menarik lebih banyak lagi Pelaburan Langsung Asing yang berpotensi untuk menjana peluang-peluang pekerjaan baharu.

Dalam hubungan ini, saya ingin menyeru kepada semua pihak di negara ini, khususnya warga perkhidmatan awam dan sektor swasta untuk sama-sama menghayati dan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut. Berusaha dengan gigih, komitmen dan tanggungjawab dan bekerjasama melalui pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation* dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang mendukung kepimpinan dan hasrat baginda ke arah menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Salah satu faktor penting dalam memastikan kejayaan wawasan tersebut ialah penyejajaran bagi semua agensi kerajaan mahupun swasta dikehendaki untuk memastikan perancangan strategik masing-masing adalah sejajar dan selaras dengan matlamat wawasan berkenaan.

Dalam masa yang sama ia juga meningkatkan kolaborasi antara pelbagai agensi dan pihak yang berkepentingan untuk mengenal pasti dan menangani *common and cross-cutting issues* dan *challenges* yang memberikan kesan kepada pelbagai pihak khususnya masyarakat. Usaha-usaha seumpama ini diharap akan dapat meningkatkan akauntabiliti dan menggalakkan penggunaan sumber yang optimum di samping mengelakkan duplikasi dan pembaziran.

Kementerian-kementerian juga adalah disarankan untuk sentiasa meneliti semula, mengemas kini dasar-dasar peraturan, prosedur kerja yang sedia ada di samping menggunakan dan memanfaatkan sepenuhnya kepesatan dan kecanggihan teknologi digital sebagai langkah berterusan ke arah mengurangkan birokrasi, mempercepatkan proses dan meningkatkan ketelusan produktiviti serta kualiti perkhidmatan yang diberikan di samping membanteras amalan-amalan yang menyalahi undang-undang peraturan dan etika kerja seperti rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pada mengakhiri ucapan sembah menjunjung kasih ini, marilah kita sama-sama berdoa semoga segala usaha kita dilaksanakan mendatangkan hasil yang kita hasratkan dan Negara Brunei Darussalam serta seluruh rakyat dan penduduk akan terus maju jaya dan pesat membangun bersatu padu, senantiasa dilimpahi dengan rahmat dan berkat serta dilindungi daripada segala jenis penyakit dan bala bencana oleh أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ آمِيْنُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن .

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli- Ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar satu kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam Usul Yang Diberi Notis. Sebelum Usul ini kita buka untuk dibahaskan, maka saya meminta sekiranya ada terdapat seorang Ahli Yang Berhormat untuk menyokong Usul yang berkenaan ini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم
السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

أَلْحَمْدُ لِلّه Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong sepenuhnya terhadap Usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu: "Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara yang telah berlangsung pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan dengan 27 Februari 2024 dan seterusnya atas kurnia titah baginda dalam majlis tersebut". Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّه Sebentar tadi Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah membentangkan: Satu Usul bagi menyembahkan menjunjung kasih yang sepenuh-penuhnya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024".

Kenyataan Usul ini telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Maka, saya kira Usul ini sekarang sudah boleh dibukakan untuk dibahaskan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk membuat kenyataan. Bersama dengan saya di sini, terdapat 1 senarai sejumlah 22 orang Ahli Yang Berhormat yang ingin turut serta membahaskan Usul ini. Bagi memulakan perbahasan ini, saya

persilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II untuk memulakannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba/ kaola/saya hormati.

Kaola lebih dahulu dengan penuh hormatnya merakamkan ucapan berbanyak-banyak terima kasih atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk berucap pada menyokong Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu: Usul menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024" yang baru berlalu semalam.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tersebut jelas mencerminkan keprihatinan mendalam dan berterusan baginda berkaitan hal-ehwal kesejahteraan dan kemaslahatan rakyat dan penduduk serta pandangan jauh lagi bijaksana baginda pada memastikan kemajuan pembangunan dan kemakmuran negara dalam hala tuju mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sehubungan itu, peramba/kaola/saya juga sukacita ingin mengetengahkan 4 perkara utama berdasarkan pengamatan peramba/ kaola/ saya terhadap inti pati titah baginda tersebut seperti berikut:

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa Majlis Mesyuarat Negara merupakan medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina oleh para ahlinya dan seterusnya berhasrat agar majlis ini kekal relevan untuk membincangkan perkara-perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara. Memberikan perspektif berbeza dan idea-idea serta pendekatan baharu ke arah menyuntik kemajuan dalam bidang-bidang berkeutamaan.

Sesungguhnya, titah baginda ini penuh khidmat, penuh nasihat dan tepat sekali melihat akan kedudukan dan peranan penting majlis ini dalam struktur pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana menurut Perlembagaan Negara.

Demikianlah juga, perkara-perkara yang dibawa ke persidangan majlis seharusnya mengetengahkan dan membahaskan kepentingan dan keutamaan negara sebagai terjemahan relevensinya kepada memastikan kemajuan dan keberhasilan usaha-usaha yang diterajui sektor-sektor dalam kerajaan baginda. Titah baginda juga menganjurkan agar setiap kita dalam majlis ini untuk memanfaatkan kebijaksanaan masing-masing untuk berpandangan lebih jauh dengan melihat kepada amalan-amalan terbaik khasnya dari luar negara dengan dukungan data-data dan maklumat yang betul sebagai sandaran pada aspek *forward looking* dan transformasi yang dihasratkan baginda tersebut.;

2. Dalam titah baginda menyarankan agar Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sentiasa turun padang untuk bermuzakarah bersama pihak-pihak berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan lebih-lebih lagi penduduk yang diwakili masing-masing. Baginda percaya perundingan timbal balik ini akan memastikan *inclusiveness* kesemua pihak dan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat serta membantu reka dasar kerajaan baginda.

Perkara yang disentuh dalam titah berkenaan jelas menunjukkan keprihatinan baginda pada memastikan keterangkuman dan keterlibatan setiap pihak berkepentingan di negara ini dalam apa jua perkara yang ditunduki oleh ahli-ahli majlis ini.

Ini adalah mustahak untuk memastikan isu-isu yang diketengahkan adalah autentik dan berasaskan perundingan *on the ground* khasnya untuk mendapatkan fakta-fakta yang betul berkaitan isu yang ditimbulkan oleh masyarakat.

Pendekatan turun padang ini juga akan berupaya membantu pihak-pihak berkaitan dalam kerajaan, meneliti dasar-dasar yang berkaitan serta meningkatkan keyakinan masyarakat. Apatah lagi bila kerap dilaksanakan, sebagaimana seruan titah baginda berkenaan. Atas dasar inilah baginda sentiasa berkenan meluangkan masa bercemar duli berangkat turun padang dan bersua muka bagi melihat secara dekat keadaan semasa rakyat baginda sendiri. Amalan sedemikian perlulah dijadikan sebagai teladan kepada kita semua khususnya dalam

kalangan khususnya pemimpin-pemimpin akar umbi.;

3. Seterusnya dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menyarankan agar pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan untuk terus memanfaatkan sepenuhnya pengalaman dan pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat khasnya menerusi penglibatan dalam mana-mana keahlian jawatankuasa ataupun *task force* yang diamanahkan. Kurnia titah bernas baginda ini bukan sahaja menitikberatkan keseimbangan dalam perancanaan sebarang keputusan yang diambil oleh pihak kerajaan, iaitu dengan memastikan keterlibatan pihak-pihak berkepentingan lainnya dalam proses tersebut malah turut mengiktiraf keupayaan Ahli-Ahli Yang Berhormat berdasarkan pengalaman dan pengetahuan masing-masing. Demikian juga peramba/kaola/saya berpandangan bahawa ini juga merupakan inti pati kepada aspek perundingan timbal balik yang disentuh sebelum ini.; dan

4. Perkara utama yang terakhir dari petikan titah baginda berkenaan menyentuh perbelanjaan kerajaan yang semakin meningkat tahun demi setahun, namun kerajaan masih mampu menyediakan sejumlah belanjawaan bagi keperluan pembangunan. Sehubungan itu, baginda menegaskan kepentingan setiap agensi kerajaan menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perhidmatan bagi penduduk dan rakyat negara ini. Baginda turut menekankan kepentingan untuk tidak lagi bergantung pada sektor minyak dan gas bagi ekonomi negara. Namun begitu, hala tuju sektor huluan minyak dan gas mesti sahaja perlu dikekalkan dan terus diaktifkan di samping usaha-usaha memperkembangkan sektor hiliran serta memastikan keterjaminan bekalan tenaga elektrik dan bahan-bahan api.

Dalam pada itu wajar usaha-usaha diteruskan dan dipertingkatkan oleh kesemua pihak yang bertanggungjawab secara bersepadu. Titah baginda terus mengingatkan kita semua bahawa dalam mengejar kemajuan dan perkembangan pembangunan negara ini, ia tidak terlepas daripada persekitaran global yang dipengaruhi ketidaktentuan ekonomi dunia juga politik, krisis kesihatan termasuklah kepentingan berkaitan perubahan iklim.

Justeru, ia juga menuntut setiap sektor di negara ini untuk lebih bijak dalam menyusun atur perancangan masing-masing sebagai menyesuaikan kepada trend berkenaan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesinambungan dan pencapaian keberhasilan yang sepenuhnya.

Titah baginda turut menekankan komitmen tinggi kerajaan pada memastikan keberkesanan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan khasnya untuk kepentingan rakyat dan penduduk negara ini. Namun keberkesanan yang dihasratkan tersebut perlulah diimbangi dengan perancangan dan pelaksanaan belanjawan serta berhemah serta menitikberatkan pelaburan yang memberikan pulangan yang bermakna atau *value for investment*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola/ peramba/saya sangat menyanjung tinggi kurnia titah-titah baginda berkenaan jelas mengandungi kata-kata hikmat nasihat dan hal tuju yang dapat dijadikan panduan kepada 'kitani' semua bersidang sepanjang permesyuaratan kali ini.

Kaola/peramba/saya mengajak semua Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk berbincang dengan mengamalkan sifat keterbukaan dan syura, mengutarakan pandangan serta pendapat dalam isu yang berkepentingan kepada negara. Namun apa yang utama ialah berasaskan data-data dan maklumat yang betul dan *relevant* sebagai menekankan pendekatan *evidence based* dan juga *solution based*.

Dengan cara ini juga akan mempermudahkan lagi pihak-pihak berkaitan dalam kerajaan untuk membuat penyesuaian terhadap sebarang dasar dan peraturan sedia ada yang berhubung kait dengan isu yang ditimbulkan termasuklah sebarang saranan ke arah memperkesankan perancangan dan pelaksanaan bidang-bidang yang menjadi tumpuan sektor-sektor utama di negara ini.

Ini selaras dengan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membuat inisiatif-inisiatif masing-masing ke arah membantu kerajaan dalam usaha-usaha menjana peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia, termasuklah dalam kalangan pengusaha-pengusaha tempatan dan golongan tertentu.

Kaola/peramba/saya sangat yakin dengan pengalaman luas Ahli-Ahli Berhormat yang pernah berkhidmat dengan kerajaan mahupun mencapai kecemerlangan melalui penglibatan di sektor swasta serta dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, kebeliaan, perniagaan dan seumpamanya mempunyai kelebihan dalam memberikan pandangan atau saranan dari pelbagai sudut untuk membantu pihak kerajaan merancang serta melaksanakan inisiatif untuk memajukan Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini.

Perkara memberikan pandangan dan saranan ini telah 'kitani' sepakati dan akan menjadi pendekatan berkesan di sesi Muzakarah 'kitani' ini khususnya

yang terakhir bersama Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, akhir sekali kaola ingin menyembahkan sekali lagi ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia titah baginda.

Peramba/kaola/saya sudahi dengan اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ، وَشَعْبَانَ، وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, أَلْحَمْدُ لِلّٰه dengan memanjatkan syukur ke hadrat أَللّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dengan izin-Nya jua kaola dapat berada di dalam Dewan yang mulia ini bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bagi melaksanakan amanah dan tanggungjawab kaola sebagai Ahli Yang Berhormat.

Dalam kesempatan ini juga, kaola dengan penuh ikhlas dan sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi ruang kesempatan kaola memberikan ucapan di Dewan yang mulia ini.

Abiskaola menyokong penuh Usul Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang peramba/kaola/saya hormati sekalian. Dalam titah baginda menyarankan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk membuat inisiatif-inisiatif ke arah membantu kerajaan dalam menjana peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia, termasuk dalam kalangan pengusaha tempatan dan golongan tertentu yang lain.

Saranan baginda ini merupakan titik tolak ke arah memperkukuhkan kerjasama semua pihak melalui *Whole of Government* dan *Whole of Nation Approach.* Ini termasuklah kerjasama pelbagai pihak swasta dan badan bukan kerajaan bagi melaksanakan pelbagai program kesedaran ke arah memastikan seluruh rakyat memahami istilah pembangunan mampan dan diterjemahkan dalam aktiviti harian dengan menyasarkan lebih banyak penglibatan dan sumbangan daripada golongan belia dalam membentuk masa depan Negara Brunei Darussalam dengan memberi penekanan kepada inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus.

Dengan semangat, sokongan dan keupayaan mereka untuk inovasi, golongan belia mempunyai kuasa untuk mengubah cabaran iklim menjadikan batu loncatan ke arah masa depan yang lebih berdaya tahan.

Dalam pada itu, inisiatif perlu dipertingkatkan secara berterusan bagi menggalakkan generasi muda untuk menceburi bidang perniagaan, khususnya sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang dianggap penting memandangkan ia memberikan sumbangan yang besar kepada pendapatan ekonomi negara sekali gus melahirkan usahawan muda yang berjaya.

Usahawan muda yang berjaya bukan sahaja mencipta perniagaan baharu, malahan meningkatkan peluang pekerjaan dan sebagainya. Kajian usahawan muda dalam bidang perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) memberikan satu impak positif dalam pembangunan ekonomi negara. Bagi mencapai hasrat ini, kajian perlu dijalankan yang bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mendorong kejayaan usahawan muda tempatan dalam Peerusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negara kita, Negara Brunei Darussalam.

Dengan ini, program-program yang 'diungkayahkan' hendaklah melalui landasan yang tepat bagi memastikan para usahawan dilengkapi dengan alatan dan cerapan yang diperlukan untuk mengatasi cabaran landskap perniagaan yang sering berubah dan mendorong mereka untuk mencapai kejayaan yang lebih besar dalam pasaran antarabangsa.

Semua pihak seharusnya memahami atau 'menanai' titah baginda sebagai cabaran bagi ke arah menggerakkan agenda kemajuan negara ini termasuklah merangka pelan-pelan strategik yang inklusif dan juga mengambil kira mewujudkan projek-projek transformasi ke arah mencipta iklim dan ekosistem perniagaan baharu yang dapat dimanfaatkan oleh semua golongan.

Ini termasuklah menaik taraf infrastruktur dan bangunan perniagaan yang sedia ada kepada lebih relevan mengikut perubahan masa, menggubal dasar dan polisi, bersangkutan dengan peraturan dan syarat yang memberi

peluang kepada peniaga baharu untuk berniaga.

Perkara ini penting untuk diberi perhatian sewajarnya, kerana masih sahaja lagi didapati bangunan-bangunan perniagaan yang ada tidak mengalami perubahan. Ada juga dibiarkan kosong dan yang paling menyedihkan tidak dikunjungi pelanggan kerana tidak mempunyai tarikan.

Kaedah konsep kepelbagaian ataupun *multi-functional* aktiviti perniagaan yang digunakan oleh negara-negara maju, boleh sahaja diguna pakai sebagai pencetus perubahan. Kompleks pasar ikan dan sayur juga dijadikan sebagai tempat riadah, pusat membeli belah, berurus niaga dengan pihak-pihak bank dan sebagainya tempat tarikan pelancong.

Akhirnya, kaola mengharapkan agar titah baginda ini akan sentiasa dijadikan sebagai panduan dan "kayu ukur" ke arah mewujudkan kemajuan dan pembangunan negara bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sekian.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan pula, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم Yang Berhormat Yang Di-Pertua. أَلْحَمْدُ لِلّٰه

Dalam kesempatan ini juga, kaola dengan penuh ikhlas dan sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kerana memberikan ruang kesempatan kaola memberikan ucapan dalam Dewan yang mulia ini bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Abiskaola menyokong penuh Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembah ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Menyentuh berkenaan dengan inti pati titah baginda agar usaha-usaha perlulah diteruskan dan dipertingkatkan lagi ke arah mempelbagaikan ekonomi serta memberikan tumpuan kepada industri-industri strategik, kerana negara mempunyai potensi dan kekuatan untuk berdaya maju. Pada masa yang sama, isu-isu semasa seperti isu alam sekitar, perubahan iklim dan sebagainya juga perlu diberi perhatian.

Dalam perkara ini, pihak-pihak berkenaan perlu juga memberi tumpuan kepada kemajuan di luar bandar yang berpotensi menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pertumbuhan ekonomi yang perlahan di kawasan luar bandar berpunca daripada kekurangan infrastruktur misalannya jaringan jalan raya, kemudahan telefon dan *Internet.*

Infrastruktur yang tidak mencukupi bukan sahaja menghalang pembangunan ekonomi di luar bandar, malah menyekat pencapaian kepada perkhidmatan penting seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan.

Cabaran yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar bergantung pada sektor tradisional seperti pertanian, perhutanan dan perikanan. Walau bagaimanapun, sektor ini memainkan peranan penting bagi menjana pendapatan rakyat di luar bandar.

Ia juga terdedah kepada pelbagai cabaran seperti harga barangan yang turun naik, perubahan iklim dan kekurangan kemajuan teknologi. Pada masa yang sama, kekurangan penggunaan teknologi canggih dan inovasi dan kreatif di luar bandar turut menghalang potensi pertumbuhan ekonomi yang diharapkan.

Dalam hal ini, sebarang usaha yang sedia ada seharusnya digerakkan dengan lebih laju bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di luar bandar. Antara tumpuan utama adalah membangun infrastruktur yang menjadi pemangkin kepada usaha lain termasuk memperkasakan sumber tenaga manusia di luar bandar dan dari segi pendidikan atau ekonomi.

Langkah ini akan membuka potensi ekonomi di luar bandar secara lebih seimbang dan inklusif. Justeru, adalah penting bagi pihak kerajaan, sektor swasta dan masyarakat untuk bekerjasama dalam melaksanakan intervensi atau insentif bersasar bertujuan meningkatkan ekonomi dan kehidupan penduduk luar bandar, memperbanyakkan pembangunan luar bandar dan merapatkan jurang ekonomi antara bandar dan luar bandar.

Sehubungan itu, bajet khas luar bandar diperuntukkan secara berasingan dengan peruntukan Bajet Kemajuan Bandar. Kemajuan bandar dan luar bandar sangat tidak seimbang iaitu dilihat Peruntukan Kemajuan Bandar sangat tinggi, dibandingkan di luar bandar yang hanya lebih rendah sedikit. Adalah lebih baik Peruntukan Khas Luar Bandar dapat dibentuk semula agar kemajuan luar bandar sejajar dengan kemajuan bandar.

Manfaat dan tujuan peruntukan khas antaranya, strategi pelaksanaan dan pembaharuan akan memberikan manfaat kepada penduduk luar bandar. Yang kedua, komitmen kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi, serta kementerian yang berkaitan dengan peruntukan khas ini dapat melaksanakan agenda kesejahteraan rakyat di luar bandar dapat dicapai.

Dengan peruntukan khas yang disediakan ini akan sampai kepada

masyarakat luar bandar bagi merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar, sepertimana saranan berikut:

1. Bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk luar bandar Program Peruntukan Rakyat khasnya termiskin, miskin dan kurang mampu perlu diperuntukkan program-program strategik di bawah skim pembangunan, terutama bagi mengelakkan perpindahan atau penghijrahan penduduk asal luar bandar ke pusat bandar.;

2. Peruntukan kesejahteraan rakyat seperti Program Peningkatan Pendapatan, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya Serta Program Komuniti dan lain-lain.;

3. Peruntukan untuk kemajuan pekebun kecil yang akan memberikan manfaat kepada pekebun-pekebun kecil di bawah agensi pertanian.; dan

4. Peruntukan menaik taraf pendidikan digital di luar bandar. Semoga peruntukan yang disediakan ini akan sampai kepada masyarakat luar bandar bagi merapatkan jurang keseimbangan pembangunan antara bandar dan luar bandar.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, peramba/ kaola/saya hormati sekalian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam cukup optimis agar Projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN-12) sepertimana yang telah disentuh dalam titah baginda bermula pada Tahun Kewangan 2024/2025 sewajarnya memberikan kesan yang positif terutama sekali ke arah meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat serta dapat dinikmati dan dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Sekian.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم Yang Berhormat Yang Di-Pertua, أَلْحَمْدُ لِلّٰه dengan bersyukur ke hadrat الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى atas limpah dan kurnia-Nya, kaola berkesempatan lagi berada di Dewan yang mulia ini bersama rakan Ahli Yang Berhormat yang lain dalam suasana tenang dan harmoni.

Dalam kesempatan ini juga, kaola dengan penuh ikhlas dan sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi ruang kesempatan kepada kaola memberikan ucapan di dalam Dewan yang mulia ini dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang peramba/

kaola/saya hormati sekalian, abiskaola menyokong penuh Usul Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Selaku rakyat kita seharusnya bersyukur kerana dikurniakan seorang raja yang sentiasa prihatin akan kesejahteraan rakyat.

Dalam titah, baginda menegaskan adalah penting setiap agensi kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Dalam perkara ini, setiap perubahan atau pembaharuan yang dibuat sama ada berkait dengan dasar-dasar atau peraturan dan perkhidmatan hendaklah bersifat mesra rakyat. Mana-mana perkhidmatan yang dahulunya difikirkan membebankan dari segi masa dan cara hendaklah dipercepatkan serta dipermudahkan melalui kaedah dan penggunaan teknologi yang mesra pengguna.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang peramba/ kaola/saya hormati sekalian, memang tidak dapat dinafikan bahawa perbelanjaan kerajaan telah pun meningkat setiap tahun bagi tujuan pembangunan. Daerah Temburong tidak terkecuali menikmati limpahan pembangunan yang disediakan.

Jambatan Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien antara pembangunan mega yang menjadi kebanggaan serta dapat dinikmati dan dimanfaatkan oleh seluruh rakyat yang sekali gus dapat merancakkan sosial dan ekonomi seharian. Namun usaha meramaikan Pekan Bangar adalah satu cabaran yang perlu dihadapi dan ditangani dengan sewajarnya.

Cadangan bagi menjadikan daerah “Permata Hijau” ini sebagai pusat pengajian tinggi dan penyelidikan adalah satu langkah yang perlu difikirkan bagi merancakkan lagi aktiviti sosioekonomi di Daerah Temburong. Dalam masa yang sama, pelancongan pendidikan dilihat sebagai saranan hala tuju yang mampu menjana ekonomi negara, إِنْ شَاءَ اللهُ

Dalam kesempatan ini, kaola sukacita menyeru kepada diri kaola sendiri dan rakan Ahli Yang Berhormat agar dapat

menerapkan kaedah turun padang sebagai mekanisme bagi mendapatkan *input* yang tepat terutama sekali hal-hal kesejahteraan rakyat sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Semoga semua urusan diberikan kemudahan oleh أَللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ آمِيْنُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Yang Berhormat Yang Di-Pertua, أَلْحَمْدُ لِلهِ syukur ke hadrat أَللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ atas limpah dan kurnia-Nya, kaola berkesempatan berada dalam Dewan yang mulia ini bersama rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain dalam suasana penuh keberkatan.

Dalam kesempatan ini, kaola penuh ikhlas dan sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi ruang kesempatan kaola memberi ucapan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Abiskaola menyokong penuh Usul Yang Behormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Konsep turun padang adalah satu amalan terbaik bagi memahami situasi rakyat. Kaedah ini juga menjadi amalan para pemimpin yang ternama di serata dunia. Baginda juga mengamalkan konsep turun padang dengan mengadakan lawatan mengejut dan tidak berjadual kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan juga syarikat-syarikat swasta.

Amalan ini juga perlu dijadikan sebagai asas kepada setiap kakitangan kerajaan untuk mengetahui perkara sebenar berkenaan dengan masalah dan hal-ehwal rakyat terutama sekali dalam membuat dasar ataupun polisi kerajaan mahupun membuat sebarang perubahan dalam menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai.

Begitu juga halnya apabila merancang dan melaksanakan projek-projek atau program-program dalam semua sektor

agar ia menjadi praktikal dan mencapai sasaran yang diharapkan. Dalam kita memperkatakan tentang turun padang kaola terpanggil untuk menyuarakan berkenaan dengan hala tuju Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dan Peniaga Mikrokecil dan Sederhana (PMKS).

Memang tidak dinafikan sudah ada program-program yang sebelumnya disediakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan bagi membantu meningkatkan kualiti dan kuantiti produk mereka. Namun ia masih dilihat samar-samar dan tidak sampai ke matlamat yang diharap-harapkan, di sinilah pentingnya turun padang untuk memahami situasi sebenar permasalahan dan hala tuju para pengusaha.

Program-program hendaklah selari dengan niat dan kemampuan para pengusaha berkenaan. Kaola sangat-sangat mengharapkan agar perkara ini dapat diberi perhatian sekurang-kurangnya para pengusaha ini dapat dibimbing hingga mencapai tahap sara diri.

Selain itu, usaha-usaha yang berterusan bagi mengetengahkan para pengusaha tempatan perlu dipertingkatkan dengan menganjurkan acara-acara peringkat nasional, serantau mahupun antarabangsa.

Ia juga memberi peluang kepada para Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana (PMKS) untuk meningkatkan kapasiti dari segi kemahiran, ilmu, pengalaman dan produktiviti. Dengan ini pencapaian ketara dapat dilihat berdasarkan permintaan pasaran.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang peramba/ kaola/saya hormati sekalian, akhirnya kaola menaruh harapan agar Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 ini memberi hasil yang positif terutama sekali ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحْيم
Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.
السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola menyokong penuh Usul menjunjung kasih daripada Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam kesempatan ini, kaola menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyembahkan sokongan dan usaha padu dan sedaya upaya kaola dalam menunaikan hasrat titah baginda dengan kemampuan dan buah fikiran kaola untuk sama-sama berbincang dan memberikan cadangan bagi isu-isu yang dianggap bermanfaat terutama sekali yang berkaitan dengan kesejahteraan penduduk dan rakyat di negara ini,إِنْ شَاءَ اللهُ

Titah baginda semalam jelas mencerminkan keprihatinan dan pemedulian baginda terhadap rakyat dan negara yang amat teliti dan berwibawa dan tidak hanya memfokuskan kepada kepentingan nasional, tetapi juga kepada kebajikan dan keperluan rakyat jelata.

Adalah menjadi suatu penghormatan bagi kaola sebagai wakil rakyat dari peringkat akar umbi dalam 'menanai' hasrat dan harapan baginda. Kaola dengan sepenuhnya bersetuju bahawa majlis ini adalah medan terbaik untuk memperjuangkan pendapat dan idea-idea yang membina bagi kemajuan negara. Perbincangan yang berintegriti dan terbuka adalah teras kepada sistem perundangan yang kukuh dan adil lagi saksama.

Pemahaman dan kesedaran terhadap perkembangan semasa, sama ada di peringkat kebangsaan, serantau atau antarabangsa setentunya adalah penting. Hanya melalui pengetahuan yang komprehensif dan pemahaman yang mendalam, kita dapat memperoleh pandangan yang inklusif serta mengemukakan cadangan dan penyelesaian yang relevan dan berkesan terhadap isu-isu yang dihadapi oleh rakyat dan negara. Kerjasama pihak-pihak berkuasa kerajaan dan sektor-sektor lain adalah kunci kejayaan dalam merealisasikan matlamat pembangunan negara.

Kaola dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sentiasa aktif melibatkan diri dalam sesi Muzakarah dan dialog berterusan bersama pihak-pihak berkenaan dan setentunya ia harus dipupuk untuk memastikan kepentingan semua pihak diambil kira secara saksama.

Kaola juga ingin menyembahkan sokongan padu terhadap pertumbuhan ekonomi negara yang masa depan ekonomi kita tidak boleh lagi bergantung semata-mata pada sektor minyak dan gas. Peluasan sektor-sektor yang lain seperti pertanian, makanan, kewangan, pengangkutan, pelancongan, penapisan minyak dan gas hiliran adalah strategi yang bijak dalam memastikan kestabilan dan kelestarian ekonomi kita. Dalam

pembangunan-pembangunan ini juga, kita tidak boleh mengabaikan tanggungjawab terhadap generasi akan datang dengan melindungi dan menjaga sumber-sumber alam 'kitani'.

Ke arah pembangunan jangka panjang yang mantap dan efisien juga, kaola serta rakan-rakan Ahli Yang Berhormat akan terus mendukung usaha kerajaan dalam keperluan-keperluan apa jua perancangan dan pelaksanaan yang teliti dan bersepadu serta juga memastikan bahawa pembangunan ekonomi adalah inklusif dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat termasuk golongan yang kurang berupaya.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberikan semangat kepada kaola untuk terus berusaha dengan penuh integriti, keikhlasan dan kesungguhan dalam mencapai matlamat ke arah negara yang lebih maju dan berdaya saing.

Kita juga sebagai rakyat memainkan peranan dalam menyanjung tinggi segala gagasan baginda demi sama-sama menyemai tanggungjawab agar dapat menjaga keharmonian dan kestabilan negara. Justeru, meningkatkan kualiti kehidupan rakyat sejajar dengan Wawasan Brunei 2035.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin mengucapkan syukur ke hadrat الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah kurnia-Nya jua kaola dapat berdiri di Dewan yang mulia ini bersama-sama rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan berharap kerjasama dan kemuafakatan kukuh antara semua pihak dapat menyumbang kepada menjadikan negara dan rakyat sentiasa sihat sejahtera, aman dan damai dan juga sentiasa dalam perlindungan أَللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ menjadikan negara sebagai بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, seramai 6 orang Ahli Yang Berhormat yang telah turut serta untuk membincangkan, membahaskan Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan senarai ini masih banyak lagi yang akan turut membincangkannya Usul ini. Maka saya ingin mencadangkan supaya kita tangguhkan persidangan ini dulu bagi membolehkan kita berehat selama 15 minit dan perbincangan dan perbahasan ini akan kita sambung semula nanti. إِنْ شَاءَ اللهُ

(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis

Mesyuarat Negara disambung semula selepas kita berhenti rehat sebentar. Persidangan masih lagi membahaskan Usul Yang Telah Diberi Notis yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Untuk meneruskan perbincangan ini, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim untuk membahaskan Usul yang berkenaan. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim: السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pertama-tama izinkan kaola mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya dan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah memberikan laluan untuk kaola menyatakan sokongan terhadap Usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa semalam dan seterusnya jua atas limpah kurnia titah baginda seperti Usul yang dibawakan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Kaola penuh yakin bahawa dengan kebijaksanaan serta pengalaman luas Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sidang ini إِنْ شَاءَ اللهُ akan dipermudahkan, berjalan dengan lancar, teratur dan mencapai hasrat yang diharapkan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, kaola bersyukur ke hadrat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah yang begitu jelas menggambarkan hasrat, aspirasi serta harapan tinggi baginda dalam menyejahterakan rakyat dan memakmurkan negara. Titah ini juga menggariskan secara terperinci hala tuju negara ke arah mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035 melalui perkembangan ekonomi yang mampan, berdaya tahan dan berdaya saing. Dalam waktu yang sama baginda juga menasihatkan kita untuk turun padang

untuk memastikan *inclusiveness* bagi meningkatkan keyakinan rakyat dalam membantu reka dasar kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini merupakan medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina, membincangkan perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara serta para Ahli Yang Berhormat sentiasa peka untuk mengikut perkembangan serantau atau antarabangsa, jelas menunjukkan harapan tinggi baginda terhadap sumbangan institusi Majlis Mesyuarat Negara ini sebagai wadah untuk melahirkan idea-idea baharu, membina dan bernas.

Ia bukan saja mengajak kita untuk mengambil kira perspektif dalaman, malahan juga perspektif dan *dimension* berbeza di luar dari *comfort zone* kita. Perkara ini memerlukan kita untuk meneroka strategi-strategi baharu yang *feasible* termasuk mengambil kira perkembangan semasa serantau dan antarabangsa yang berlaku di sekeliling kita.

Langkah ini sudah setentunya akan menjadi nilai tambah negara dalam merangka dasar yang bakal digubal oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Kaola sendiri berpendapat titah baginda ini secara telus menggambarkan keprihatinan mendalam dan hasrat murni baginda untuk menjana perkembangan dan kemajuan yang terbaik untuk negara ini supaya ia kekal sebagai negara بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ negara yang aman makmur yang mendapat keredaan اللهُ Yang Maha Pengampun setanding dengan negara-negara membangun.

Bagi mencapai hasrat ini, kaola rasa ia akan memerlukan kita semua terutama pihak-pihak yang berkepentingan untuk berpandangan jauh menyejajarkan usaha, menggembleng tenaga, *forward looking* dan berfikiran positif. Inilah inti pati dan corak kehidupan yang perlu kita pertahankan, lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia yang semakin bergolak dengan isu-isu politik yang semakin meruncing serta suasana ekosistem ekonomi global yang tidak menentu dan sukar diramal.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekarang izinkan kaola menyentuh titah baginda yang berkaitan dengan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 yang akan bermula pada Tahun Kewangan 2024/2025 terutama kesan positifnya dalam menjana pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi yang إِنْ شَاءَ اللهُ akan meningkatkan taraf hidup rakyat dan penduduk negara ini.

Kaola sendiri berpendapat peruntukan *capital expenditure* ini bukan sahaja akan

memberikan hala tuju yang jelas mengenai landasan ekosistem ekonomi negara, malahan ia akan juga akan menyuntik semangat dan nafas baharu khususnya kepada masyarakat bisnes dan rakyat serta penduduk negara ini secara amnya. Ini kerana peranan dan sifat RKN itu sendiri yang bertindak sebagai pemangkin ataupun *catalyst* dan pemacu dalam membantu mengaktifkan dan merangsang aktiviti ekonomi negara melalui *spin-off* dari *pump priming* pelaburan-pelaburan tersebut.

Peruntukan kemajuan dalam bentuk *capital formation* ini juga akan menggambarkan komitmen kuat kerajaan dan akan memberikan mesej atau *right signal* yang jelas kepada para pengusaha tempatan dan pelabur-pelabur asing tentang tumpuan dan dasar negara dalam menjana ekonomi yang berdaya tahan dan berdaya saing.

Ini diharapkan akan menambah keyakinan mereka untuk membuat pelaburan di negara ini dan seterusnya akan dapat menambah peluang-peluang pekerjaan yang baharu dan berkualiti kepada negara. Semoga dengan adanya peluang kerja ini nanti, ia akan membantu mengurangkan tahap pengangguran dan mengeluarkan sebahagian golongan penerima bantuan dari kepompong kemiskinan إِنْ شَاءَ اللهُ. Cuma yang perlu kita perbaiki dan kukuhkan ialah *delivery system* dalam melaksanakan program-program dan projek-projek yang telah dirancang.

Ini selaras dengan titah harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar perlaksanaan projek-projek RKN ini dipercepatkan mengikut garis masa yang sudah ditentukan. Setentunya ini akan memerlukan penyejajaran yang mantap, koordinasi yang kukuh dan pembaikan ekosistem perniagaan yang lebih kondusif, proaktif dan *pro-business* supaya proses permohonan kemajuan akan bertambah cepat, berkesan dan telus.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola perhatikan di peringkat penggubal dasar, kita telah dapat melihat perubahan-perubahan yang positif ke arah memperkesankan proses dan menjadikan ekosistem lebih pro-bisnes, namun kita ingin melihat perubahan dasar dan perubahan peraturan ini akan disambut dan disokong sepenuhnya di semua peringkat pelaksanaan dalam bentuk *delivery* yang proaktif, cekap dan lebih berkesan supaya yang sukar akan dapat dimudahkan dan yang mudah perlu dimudahkan lagi.

Ini antara lainnya akan memerlukan penggunaan teknologi yang terkini, *best practices* yang telah teruji, tadbir urus yang kukuh, *accountability* yang telus, *connectivity* yang mudah akses, kemajuan *institutional development, human resources* yang *marketable, industry and future ready* serta perubahan minda ataupun *mindset* dalam penyampaian perkhidmatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, untuk mencapai maksud tersebut, kaola berpendapat kita perlu meneliti secara strategik, *building blocks* ataupun prasyarat yang diperlukan untuk membantu peniaga-peniaga tempatan yang ingin berkembang maju dan menarik pelabur-pelabur asing. Prasyarat ini terutamanya yang berkaitan dengan penarikan *FDI* telah pun pernah kaola nyatakan dalam Dewan ini pada tahun lalu secara panjang lebar. Kaola sarankan supaya pihak-pihak yang berkepentingan akan meneliti semula keberkesanan pelaksanaannya jika kita ingin memacu dan mengaktifkan perkembangan aktiviti ekonomi di negara ini. Dalam kesempatan ini, izinkanlah juga kaola menyentuh semula satu prasyarat yang difikirkan penting dan perlu ditangani secepat mungkin.

Isu ini adalah hasil maklum balas daripada masyarakat bisnes di negara ini dan mempunyai impak yang besar terhadap ekosistem bisnes dan aktiviti ekonomi. Ini kerana ia melibatkan kehidupan, keyakinan serta perancangan masa depan *stakeholder* dalam turut sama menjana dan melibatkan diri dalam aktiviti negara dan dalam waktu yang sama boleh menjejaskan peluang-peluang pekerjaan tempatan.

Isu yang kaola maksudkan ialah berkaitan dengan dasar menghendaki pengusaha-pengusaha pelabur luar yang bukan berstatus Penduduk Tetap, warga asing pemilik syarikat sendiri, para pengurus dan pekerja mahir yang sudah menjangka umur 60 tahun ke atas untuk tidak dibenarkan tinggal di negara ini walaupun mereka telah bermastautin lebih 30 tahun. Kaola rasa dasar dan peraturan ini perlu diteliti semula supaya ia tidak menjejaskan keyakinan pelabur asing dan menimbulkan kesan negatif kepada aktiviti ekonomi domestik secara keseluruhannya dari segi pengaliran keluar wang dari negara, penutupan premis peniagaan, penjualan hartanah dan pengurangan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Dalam waktu yang sama, kaola juga pernah menimbulkan mengenai kemungkinan negara memperkenalkan *long stay pass* ataupun visa berasaskan keperluaan spesifik negara. Dasar ini jika dilaksanakan boleh membantu negara untuk meningkatkan keyakinan dan menarik lebih banyak pelabur asing untuk datang, tinggal dan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti perekonomian di negara ini. *Long Stay Pass* ini kebiasannya diberikan dalam jangka waktu 5 atau 10 tahun berasaskan kepada jumlah pelaburan sumbangan dan keperluan. Dengan adanya jaminan ini setentunya akan menambah aliran masuk kewangan ataupun *currency in-flows* ke negara ini dan boleh mendatangkan *spin-off* dan *multiplier effects* yang positif kepada aktiviti-aktiviti ekonomi tempatan dan juga Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, untuk akhirnya, sekali lagi kaola menyuarakan sokongan ke atas Usul menjunjung kasih atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam upacara perasmian mesyuarat ini. Semoga kita semua dapat petunjuk, taufik dan hidayah daripada اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Kita berdoa semoga sumbangan kita di majlis ini akan meraih keberkatan dan manfaat untuk kesinambungan, bukan saja bagi generasi masa ini malahan generasi penerus yang akan datang إِنْ شَاءَ اللهُ.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Sekarang saya persilakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, silakan Yang Berhormat.

Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: Terima kasih Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ,

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.
السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

أَلْحَمْدُ لِلهِ bersyukur kita ke hadrat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat, hidayah serta izin-Nya jua dapatlah kita bersama-sama hadir di Persidangan Mesyuarat Pertama dari Musim Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Kaola dengan hormatnya sukacita merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan peluang kepada kaola bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain dalam menyembahkan sokongan sepenuhnya Usul menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muízzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saiffuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah bersempena dengan Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلهِ setelah kita mengamati akan isi kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat mengandungi hikmah nasihat dan nilai murni yang tinggi iaitu mencerminkan kearifan, kebijaksanaan, kewibawaan, berwawasan dan keprihatinan baginda yang tinggi dalam

menjurus ke arah kelangsungan pertumbuhan sosioekonomi negara yang lebih mampan dan berkembang maju semata-mata demi mengukuhkan, meningkatkan lagi kesejahteraan, kebajikan, kemakmuran dan keharmonian rakyat dan penduduk yang bernaung di Negara Brunei Darussalam dan sekali gus untuk mencapai ke arah Wawasan Brunei 2035.

Dalam 'menanai' dan menjulang sepenuhnya akan isi titah baginda tersebut, marilah kita bersama-sama berganding bahu mengikut bidang tugas dan tanggungjawab masing-masing seperti yang diamanahkan dengan mengambil sepenuh perhatian dan sebagai panduan dalam kalangan kita, khususnya Ahli-Ahli Yang Berhormat dan semua warga perkhidmatan awam, sektor awam serta sekalian rakyat dan penduduk di negara ini amnya, dalam usaha memastikan apa jua hasrat baginda yang dimaksudkan إِنْ شَاءَ اللهُ akan diterjemahkan mengikut yang dihasratkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola sukacita ingin menyentuh beberapa perkara dari isi kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Secara peribadi kaola sangat menjunjung tinggi dan menghargai kepercayaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara khusus baginda menitahkan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak yang berkenaan yang berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan lebih-lebih lagi para penduduk yang diwakili masing-masing.

Seterusnya, baginda bertitah dan percaya perundingan timbal balik ini akan memastikan *inclusiveness* semua pihak dan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat serta membantu reka dasar kerajaan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه setakat ini kementerian-kementerian telah pun memberikan kerjasama mengadakan permuzakarahan dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan secara terbuka dan menyusun lawatan-lawatan kerja di tempat-tempat yang tertentu, termasuk di kawasan-kawasan ladang dan perusahaan. Kaedah seperti ini juga memberikan peluang kepada kami sebagai Ahli Yang Berhormat bukan sahaja untuk meluahkan pandangan, pendapat malahan berbincang isu-isu penting serta mengongsikan masalah-masalah atau rungutan-rungutan orang ramai yang berkaitan dengan perkhidmatan dan bidang tugas kementerian-kementerian berkenaan.

Di samping itu, kementerian-kementerian berkenaan juga berpeluang memberikan penjelasan serta perhatian terhadap pandangan dan buah fikiran yang disuarakan dalam menjunjung dan 'menanai' titah dan hasrat murni baginda itu. إِنْ شَاءَ اللهُ permuzakarahan

sedemikian akan mendatangkan kesan positif, manfaat dan kebaikan kepada negara, rakyat dan penduduk negara ini dan akan dapat diteruskan malahan dipertingkatkan dari semasa ke semasa dengan adanya kerjasama yang padu dari agensi-agensi kerajaan dan akan dilaratkan kepada *stakeholders* berkepentingan yang lain.

Ke arah ini, apa yang sangat diharapkan, pihak kementerian yang berkenaan hendaklah mengambil tindakan segera dan sewajarnya, terutama sekali yang menyentuh kemaslahatan dan mendatangkan kesan positif kepada negara dan masyarakat dalam kita bersama-sama meningkatkan keyakinan, kredibiliti dan juga menambah baik dasar kerajaan.

Manakala berhubung dengan titah baginda yang perlu kita bersama-sama ambil perhatian yang serius, yang berulang kali baginda titahkan ialah mengenai kepentingan yang berhubung kait dengan hal-ehwal perekonomian iaitu beberapa usaha mempelbagaikan ekonomi telah pun dilaksanakan namun masih saja belum mencukupi untuk mengimbangi kedudukan defisit fiskal kerajaan. Baginda seterusnya menekankan usaha-usaha perlulah diteruskan dan dipertingkatkan lagi ke arah mempelbagaikan ekonomi serta memberikan tumpuan kepada industri-industri strategik yang negara mempunyai potensi dan kekuatan yang berjaya.

Berkaitan dengan ini juga, baginda menaruh harapan yang tinggi supaya *blueprint* yang berkaitan dengan perekonomian yang akan mendorong kepada pertumbuhan sektor yang disasarkan dan dapat menarik lebih ramai Pelaburan Langsung Asing berpotensi untuk menjana peluang-peluang pekerjaan baharu. Sehubungan dengan itu, kepentingan perekonomian sebagaimana yang kita maklumi أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang telah berjaya mengeluarkan *Blueprint Economy for Brunei Darussalam* yang telah menerokai dan mengenal pasti bagi negara ini menuju ke arah mempelbagaikan serta memperkasakan perkembangan ekonomi yang lebih mantap dan *sustainable* dengan tidak semata-mata bergantung pada sektor minyak dan gas.

Ke arah ini, tujuh keutamaan strategik telah menjadi sasaran untuk diutamakan dan dipertingkatkan yang berpotensi tinggi dalam menyumbangkan pelbagai pertumbuhan aktiviti-aktiviti dan *spin-off effect* perekonomian dan ekosistem perniagaan termasuk yang menjana dan mampu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang sama ada berbentuk profesional, teknikal dan berkemahiran. Ini termasuklah salah satu antara keutamaan strategik yang dikenal pasti dalam lima sektor utama iaitu hiliran minyak dan gas, pemakanan, pelancongan, teknologi dan infokomunikasi dan perkhidmatan

sebagai penggerak utama kepada pertumbuhan yang menerajui kepelbagaian ekonomi.

Kaola berpandangan dasar dan kaedah yang lebih berkesan dan efektif perlulah dipertingkatkan dan diperluaskan serta diserapkan dalam semua agensi kerajaan terutama sekali dalam usaha untuk kita bersama-sama menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing yang berskala besar kerana ia mendatangkan impak yang signifikan dalam menyumbangkan pertumbuhan ekonomi yang dinamik lagi *sustainable.* Ini sudah setentunya memerlukan penyejajaran dan penyelarasan di semua *stakeholders* yang berkepentingan khususnya agensi-agensi kerajaan, bukan sahaja berperanan sebagai *regulator* tetapi yang lebih mustahak bertindak sebagai pemudah cara ataupun fasilitator yang berkesan dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur dan juga sebagai insentif untuk menyebarluaskan lagi aktiviti perniagaan dan perusahaan yang lebih besar di Negara Brunei Darussalam.

Di sinilah betapa pentingnya peranan semua kementerian dan agensi yang berkepentingan untuk berganding bahu bekerjasama dengan lebih padu mengikut bidang kuasa dan tugas masing-masing dalam bersama-sama kita merealisasikan kejayaan dasar dan polisi kerajaan seperti yang dihasratkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat.

Dari segi pembangunan negara yang berkaitan dengan Rancangan Kemajuan Negara, baginda menekankan betapa pentingnya RKN-12 yang akan bermula pada tahun 2024/2025 dan seterusnya menaruh harapan projek-projek pembangunan RKN ini akan dapat dipercepatkan mengikut garis masa yang sudah ditentukan. Dalam masa yang sama RKN mempunyai peranan penting ke arah mencapai aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Menerusi projek-projek RKN ini kaola penuh percaya dan berkeyakinan peruntukan yang disediakan adalah lebih menjurus dan mengutamakan yang mampu menjana pertumbuhan dan pembangunan sosioekonomi yang lebih mantap sekali gus menyumbang meningkatkan taraf kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Ke arah ini sudah setentunya memerlukan perancangan, pemantauan, komitmen, penyelerasan dan pengurusan yang penuh bertanggungjawab, berintegriti, efisien dan sistem tadbir urus yang cemerlang dalam memastikan sesuatu projek dilaksanakan dengan penuh kesempurnaan bukan sahaja mengikut spesifikasi atau standard yang ditetapkan malahan juga dalam jangka masa yang telah ditentukan.

Dalam masa yang sama, jika ada satu masalah atau perkara yang berbangkit yang boleh menggugat tempoh jangka penyiapan projek itu hendaklah diadakan permuzakarahan secara *transparent* dengan segera dengan *stakeholder* yang

berkepentingan untuk diselesaikan. Dengan secara sedemikian segala projek kerajaan dalam RKN tidak akan terbengkalai dan إِن شَاءَ اللهُ mungkin akan dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang disasarkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi mengakhirinya, marilah kita bersama-sama berdoa ke hadrat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan mohon berkat syafaat Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja sentiasa dikurniakan petunjuk, hidayah dan rahmat serta dalam keadaan sihat walafiat lagi dilanjutkan usia dengan penuh kesejahteraan serta dalam perlindungan اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan seterusnya Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini akan sentiasa diberi keamanan, kemakmuran lagi dirahmati أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ آمِيّن. آمِيّنْ. آمِيّن. يَا رَ بَّ ا لعَالَمِيْن.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحْيم. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. أَلْحَمْدُ لِلّه dengan memanjatkan syukur ke hadrat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ atas izin-Nya jua kaola dapat berada di Dewan yang mulia ini pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bagi melaksanakan amanah dan tanggungjawab kaola sebagai Ahli Yan Berhormat.

Dalam kesempatan ini juga, kaola dengan penuh ikhlas dan sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi ruang dan kesempatan kaola memberi ucapan di Dewan yang mulia ini.

Abiskaola menyokong penuh usul Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa Bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati sekalian.

Kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan titah baginda yang antara lain mengharapkan agar Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa peka dan mengikuti perkembangan yang berlaku bukan sahaja di dalam negara malah juga di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

Sememangnya perkara ini cukup relevan bagi memberikan perspektif berbeza serta idea-idea baharu ke arah menyuntik kemajuan dalam bidang-bidang utama yang diperlukan. Antara perkembangan yang cukup pantas adalah perniagaan melalui media sosial yang mampu menjana pendapatan yang cukup lumayan serta mampu menembusi pasaran luar negara dan antarabangsa.

Dalam masa yang sama fenomena ini juga mendapat respons yang memberangsangkan dalam kalangan rakyat khusus generasi muda untuk menceburi sektor perniagaan atas talian. Namun, cabaran terhadap persaingan dalam dalam perniagaan adalah satu perkembangan yang biasa dan perlu diambil positif oleh para peniaga yang lain untuk meningkatkan keupayaan disebabkan perubahan iklim perniagaan mengikut zaman. Ini adalah penting bagi menggalakkan aktiviti perniagaan secara sihat.

Dalam pada itu, pihak kerajaan mahupun pihak yang berkepentingan hendaklah memastikan suasana perniagaan ini mengikut landasan yang sempurna dengan mengambil kira kebaikannya dalam memberi peluang-peluang pekerjaan, perniagaan dan memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Amalan-amalan terbaik yang diguna pakai oleh negara-negara maju boleh sahaja menjadi panduan bagi memastikan iklim perniagaan terus berkembang. Penyediaan ekosistem perniagaan digital yang kondusif juga adalah perlu bagi mengimbangi keperluan pengguna sepertimana yang digariskan dalam Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati.

Dalam titah baginda juga ada menyentuh berkenaan dengan Laporan *Asean + 3 Macroeconomic Research Office (AMRO)* yang meramalkan ekonomi negara akan mengukuh kepada 2.4% pada tahun 2024. Semoga perkembangan prospek ini dapat merangsang pertumbuhan ekonomi bukan minyak dan gas ke arah mewujudkan kepelbagaian sumber ekonomi negara yang mampan, ان شاء الله .

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Kaola bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izin dan rahmat-Nya jua serta menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muízzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ʻAli Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung pada 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024 dan seterusnya mengurniakan titah di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menyokong sepenuhnya Usul Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bijaksana.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Dewan yang mulia ini kaola junjung dengan setinggi-tingginya. Titah nasihat baginda, bagi kaola untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran yang membina bagi membincangkan perkara-perkara strategik yang bermanfaat untuk rakyat dan negara akan kaola jadikan sebagai garis panduan dalam mengajukan dan meneliti perkara-perkara dan isu-isu yang akan kaola bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Titah saranan baginda, bagi kaola untuk sentiasa turun padang, bermuzakarah dengan pelbagai pihak, menunjukkan keprihatinan baginda mengenai perihal pentingnya perundingan yang menyeluruh dan inklusif yang baginda percaya akan meningkatkan keyakinan masyarakat dan dapat membantu dalam mereka dasar kerajaan.

Dalam hal ini, إِنْ شَاءَ اللهُ abiskaola akan sentiasa bersedia melibatkan diri dengan pihak kerajaan dan dengan sedaya upaya kaola dengan izin أَللهِ, bersama rakan-rakan pengusaha yang lain dalam apa juga usaha membantu negara bagi mempertingkatkan perekonomian negara, menjana peluang-peluang pekerjaan untuk anak-anak tempatan, membangun kapasiti sumber tenaga manusia terutama sekali para belia dan memperkasa dan memudah cara keterlibatan belia dalam bidang perniagaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Di dalam Dewan yang mulia ini, kaola akan sentiasa memfokuskan kepada

membangkitkan strategi dan hala tuju kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dalam usaha-usaha dan inisiatif mempelbagaikan ekonomi negara, menaikkan hasil kutipan dan strategi untuk mengurangkan perbelanjaan demi 'mendamitkan' jurang defisit yang sudah bertahun menjadi cabaran utama kepada kewangan negara 'kitani'.

Di samping isu-isu semasa, seperti pelaksanaan dasar perubahan iklim negara dan perubahan dasar, proses atau peraturan yang melibatkan kehidupan dan kesejahteraan rakyat, kaola juga akan memfokuskan kepada dasar strategi dan inisiatif yang ketara dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara yang mampan, melalui sektor bukan minyak dan gas dan lima subsektor yang baginda gariskan dalam titah baginda.

Kaola juga berharap dengan perdebatan yang sihat dan harmoni nanti kalangan Yang Berhomat Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dapat membuahkan satu hasil yang diharapkan dengan tindakan-tindakan yang akan dibuat dengan cepat dan tepat dengan dasar yang bersesuaian agar kita tidak ketinggalan dan mempercepatkan pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Bersyukur kita ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga, kita dapat berkumpul di Dewan yang mulia ini bagi menghadiri Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana telah memberi laluan kepada kaola untuk ikut serta dalam perbahasan membincangkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muízzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuatan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pagi kelmarin, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Kaola menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato

Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mencerminkan keprihatinan baginda akan kesejahteraan rakyat dan dinamik pergolakan ekonomi pada masa ini yang Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali dari terkesan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola menjunjung tinggi titah baginda agar Persidangan Majlis Mesyuarat Negara dijadikan medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran untuk membincangkan perkara strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara.

Titah baginda memberi keyakinan kepada abiskaola, bahawa setiap pendapat dan buah fikiran yang dibawa ke Dewan ini, pada sesi-sesi muzakarah dan pada setiap perjumpaan akan diambil berat oleh pihak-pihak berkenaan dan diberi pertimbangan yang sewajarnya sebagai pendapat yang mungkin berbeza tetapi tidak bertentangan dengan hasrat kerajaan.

Lebih-lebih lagi pendapat-pendapat itu hasil daripada maklumat orang ramai akar umbi, golongan yang terkesan atau dari pemerhatian umum. Dengan kita mengamalkan sikap keterbukaan, sedia memberi dan menerima pendapat dan buah fikiran, إِنْ شَاءَ اللهُ banyak permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh orang ramai dapat difikirkan bersama untuk diatasi.

Kaola menjunjung tinggi saranan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam mana-mana keahlian jawatankuasa ataupun *task force* yang diamanahkan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dalam kaola mengamati titah baginda, kaola merasa ada pesanan yang berupa segera untuk diambil tindakan ataupun dicari pendekatan yang baharu dan pemikiran di luar kotak *(thinking outside the box).* Usaha mempelbagaikan ekonomi, mengawal defisit fiskal kerajaan, mengenal pasti serta memberi tumpuan kepada industri-industri strategik, memastikan *economic blueprints* mampu mendorong pertumbuhan dan menarik pelaburan asing dan menjana pekerjaan antara cabaran yang dihadapi yang perlu ditangani segera dan secara berkesan.

Kaola rasa seluruh jentera kerajaan, badan-badan serta entiti-entiti kerajaan dan bukan kerajaan perlu bekerjasama meningkatkan usaha-usaha agar apa

yang jadi sasaran akan menjadi kenyataan dan bukan sasaran yang sukar untuk dicapai dan semakin jauh untuk dicapai. Mungkin di sinilah maksud baginda, *inclusiveness* akan meningkatkan keyakinan rakyat serta membantu reka dasar kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN-12) yang akan bermula pada Tahun Kewangan 2024/2025. Kaola berharap Rancangan Kemajuan Negara Ke 12 (RKN-12) akan memberi suntikan yang diperlukan bagi mengembangkan pertumbuhan ekonomi.

Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN-12) ini juga bila sudah bermula nanti merupakan *lifeline* kepada syarikat-syarikat anak tempatan yang sudah *established* tetapi kini menghadapi masalah *survival* disebabkan kekurangan projek.

Sektor swasta yang diharapkan kukuh dan berperanan bersama membawa pertumbuhan kepada negara kini mengalami masa depan yang tidak menentu *(uncertain futures).* Kesan daripada ini juga antara sebab pertumbuhan ekonomi negara ini lembab, kita sudah sepatutnya dapat mewujudkan syarikat-syarikat tempatan yang kukuh setanding dengan syarikat luar di negara ini atau syarikat-syarikat yang berada di luar negeri.

Adalah diharapkan dalam Majlis Mesyuarat Negara yang bersidang ini melalui pendekatan *Whole of Nation* dan *Whole of Government*, kita dapat bertindak segera dan bersama merealisasikan Wawasan Brunei 2035 demi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Sekian sahaja, yang ingin kaola sampaikan, marilah kita berdoa ke hadrat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, semoga kita semua diberi petunjuk serta hidayah dalam kita membincangkan isu-isu yang menentukan masa depan negara kita, Negara Brunei Darussalam. آمِيْنْ يَا رَبَّ الْعَا لَمِيْنَ.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukuplah dulu kita bersidang pada pagi ini. Saya ingin menangguhkan persidangan Majlis Mesyuarat pada pagi ini dan kita akan bersidang semula pada petang nanti mulai dari pukul 2.30 petang dan kita akan menyambung lagi membincangkan mengenai Usul Yang Diberi Notis ini.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara sebelum kita tangguhkan pagi tadi, kita telah mula membincangkan mengenai Usul Yang Telah Diberi Notis yang secara spesifiknya satu Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Maka, persidangan pada petang ini kita sambung semula perbincangan bagi Ahli Yang Berhormat yang suka untuk menyertai perbincangan ini. Saya sekarang memulakan perbincangan ini dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Selamat petang dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi ruang untuk kaola memberi ucapan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini. Dalam pada itu, kaola ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah atas pelantikannya sebagai Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang kaola hormati.

Kaola berdiri di Dewan yang mulia ini juga ingin menyembahkan sembah menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada 27 Februari 2024.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola juga menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Behormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bagi menyembahkan dan menjunjung kasih yang setinggi-tinggi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Sesungguhnya titah baginda itu amat dijunjung tinggi dan inti pati daripada titah baginda sangat padat dengan nasihat yang mencerminkan keprihatinan dan kebijaksanaan baginda dalam memastikan keamanan, kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara terutama sekali dengan menekankan terhadap sektor bukan minyak dan gas seperti subsektor pertanian sebagai salah satu usaha dalam menguruskan, mempelbagaikan dan mempertingkatkan ekonomi negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam kesempatan ini, kaola juga ingin merakamkan penghargaan kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh agensi-agensi berkepentingan seperti menjalankan *start-up capital* bagi para belia dan lepasan graduan yang dapat memberi peluang kepada mereka untuk menggunakan teknologi moden dalam industri tanaman. Semoga inisiatif-inisiatif seperti ini akan dapat menggalakkan lagi *participation* anak tempatan untuk bergiat aktif, menceburi diri dalam industri pertanian secara kolaboratif, inklusif dan inovatif.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih yang sebanyak-banyaknya kepada semua pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat atas bantuan dan sokongan yang telah diberikan.

Sebagai penutup, kaola berharap agar perbincangan dalam permesyuaratan pada musim ini berjalan dengan lancar dan memberi manfaat yang besar kepada masyarakat dan Negara Brunei Darussalam. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Behormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم awal kalam kaola panjatkan rasa syukur ke hadrat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan redha-Nya jua segala nikmat keamanan dan kesejahteraan dapat terus dinikmati oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini. Lebih dahulu kaola ucapkan penghargaan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang

Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan peluang kepada kaola untuk turut serta memberikan sokongan terhadap Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sembah menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya berkenan mengurniakan titah di Istiadat Pembukaaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah atas pelantikannya selaku Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi kelmarin, sangat padat dengan nasihat, teguran dan harapan seorang pemimpin yang bijaksana, berpandangan jauh dan prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Baginda memberikan penekanan terhadap kepentingan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini serta peranan, penglibatan dan pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Selain itu, pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara juga menjadi keutamaan dalam perhatian baginda.

Kaola menjunjung kasih yang setinggi-tingginya dan menyokong penuh titah baginda khususnya mengenai Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Menjadikan Dewan yang mulia ini sebagai platform perbincangan dan pertukaran pendapat mengenai perkara-perkara strategik yang bermanfaat kepada rakyat dan negara yang sudah setentunya akan memberikan impak positif terhadap apa jua agenda yang dibincangkan dan dengan ketelusan dan keterbukaan semua ahli untuk bekerjasama, إِنْ شَاءَ الله, dalam apa jua isu yang dibincangkan bak kata pepatah "Yang berat akan dapat sama-sama dipikul dan yang ringan kita jinjing bersama."

Hasrat baginda agar Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa peka mengikuti

perkembangan semasa di dalam dan di luar negara untuk mempertingkatkan kemajuan sektor-sektor yang menjadi bidang fokus utama negara, menunjukkan sikap keterbukaan baginda supaya kita meninjau dan meneroka idea-idea baharu yang lebih kreatif meskipun dari luar negara dan mengambil amalan-amalan terbaik ataupun *best practices* yang efektif dan bersesuaian dengan konsep negara kita untuk diadaptasi dalam sektor-sektor yang relevan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam titah baginda menekankan supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak yang berkepentingan. Kaola sukacita juga mengongsikan bahawa aktiviti ini telah abiskaola dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat laksanakan dari semasa ke semasa dalam kumpulan yang besar seperti permuzakarahan bersama kementerian-kementerian dan juga dalam kumpulan yang kecil iaitu agensi-agesi kerajaan serta swasta yang difokuskan mengikut keperluan dan agenda.

Kaola menjunjung tinggi usul baginda ini kerana impaknya berdasarkan pengalaman, khususnya lawatan dalam kumpulan yang kecil ternyata lebih berkesan untuk mendapatkan maklumat terperinci dan menjalankan kerjasama yang lebih produktif. Ianya juga membukakan ruang untuk perbincangan yang lebih terbuka dan efektif bagi meningkatkan keyakinan masyarakat serta membantu reka bentuk dasar-dasar yang ada dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. إِنْ شَاءَ اللهُ siri lawatan dalam kumpulan yang kecil ini akan terus diperluaskan lagi pada masa akan datang.

Kaola juga menyembahkan sokongan dan menyambut baik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melibatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam jawatankuasa ataupun *taskforce* mengikut pengalaman dan pengetahuan di bidang masing-masing. إِنْ شَاءَ اللهُ penglibatan ini akan memberikan peluang kepada abiskaola untuk menyumbang pandangan dan buah fikiran dalam memberikan manfaat kepada perkembangan agama dan kepentingan bangsa dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pemerhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap perkembangan sektor perekonomian negara menunjukkan hasrat dan sokongan baginda agar usaha mempelbagaikan

ekonomi terus dipertingkatkan dan diusahakan bagi memastikan negara tidak bergantung semata-mata pada sektor minyak dan gas. Kepelbagaian ekonomi ini adalah aspirasi negara yang dihasratkan dalam *Brunei Darussalam Economic Blueprint.* Dalam hal ini, kaola juga menjunjung titah baginda untuk kita mengenal pasti kekuatan dan potensi negara dalam suatu industri strategik tertentu untuk diberikan tumpuan dan 'diungkayahkan' dengan jayanya. Bagi kaola, inilah juga antara peranan terpenting dan tanggungjawab semua Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, iaitu untuk menilai dan memperbaiki strategi-strategi sedia ada dalam apa jua sektor perekonomian yang dilaksanakan bertujuan mempertingkatkan produktiviti dengan alternatif dan strategi baharu yang lebih baik.

إِنْ شَاءَ اللهُ usaha ini mampu meningkatkan ekonomi dan memperkukuh pendapatan negara dari sektor-sektor lain selain dari minyak dan gas. Sesuai dengan agenda kerajaan untuk menggalakkan "ekonomi hijau", baginda turut menekankan supaya isu-isu semasa seperti alam sekitar dan perubahan iklim diberikan perhatian sambil memberikan keutamaan kepada perkembangan industi hiliran minyak dan gas serta pengeluaran tenaga bahan api dan tenaga elektrik.

Dari aspek pembangunan pula, penekanan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berhubung dengan perbelanjaan kerajaan, أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola bersyukur kerana atas rezeki daripada اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua Kerajaan Negara Brunei Darussalam masih dapat mengendalikan RKN-12 bagi memenuhi keperluan pembangunan negara dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan terhadap penduduk dan rakyat. Kaola menjunjung dan menyokong penuh nasihat dan usul baginda agar setiap kerajaan menggunakan peruntukan dengan lebih berhemah dan harapan baginda supaya projek-projek RKN dipercepatkan mengikut garis masa yang ditentukan. Dalam hal ini, kaola percaya hasrat murni baginda itu termasuklah juga untuk memastikan projek-projek yang dirancang akan dinilai secara adil dan telus serta diserahkan kepada pihak yang benar-benar berkelayakan dan mahir dengan jaminan kualiti projek agar ia tidak merugikan kerajaan pada masa akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Semoga nasihat dan hasrat murni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya persidangan Dewan yang mulia ini dimanfaatkan sebagai *platform* perbincangan strategik secara terbuka yang dapat kita laksanakan bersama demi merealisasikan objektif

pembangunan dan kemajuan negara dengan izin .أللهِ.

أَلْحَمْدُ لِلّه kaola pasti berpandukan nasihat baginda ini, kita semua komited untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini dengan tulus ikhlas untuk agama, bangsa dan negara.

Akhir kalam, marilah kita memohon doa ke hadrat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja dan seluruh rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam dikurniakan petunjuk, rahmat dan mendapat reda اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى serta sentiasa dalam keadaan sihat walafiat dan kesejahteraan di bawah perlindungan-Nya jua.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Sekarang saya persilakan pula Yang Berhomat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi peluang untuk kaola memberikan ucapan dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sukacita kaola menyokong sepenuhnya Usul dan kandungan ucapan Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara, baginda mengingatkan supaya sentiasa bertanggungjawab dalam menjayakan matlamat negara dan kepentingan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Dengan kebijaksanaan titah baginda, koala selaku Ahli Yang Berhormat akan sedaya upaya menitikberatkan kepentingan dalam mengikuti perkembangan yang berlaku serta isu semasa sama ada di dalam negara mahupun di peringkat global. Secara komprehensif, hal ini akan membantu dalam mencadangkan segala isu serta

memberi penyelesaian yang bermaklumat dan holistik.

Dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, kaola ingin menekankan akan kepentingan ekonomi digital. Ini adalah penting kerana menurut Setiausaha Agung *ASEAN* menjelang tahun 2030 *ASEAN* akan menjadi ekonomi ke-4 terbesar di dunia. Dengan ekonomi digitalnya dijangka berkembang kira-kira USD300 bilion kepada USD1 trilion.

Digital *Masterplan* 2025 yang diperkenalkan oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi menggambarkan bahawa ekonomi digital adalah pemaju penting dalam mengubah Negara Brunei Darussalam menjadi negara pintar dengan sokongan kerajaan digital, ekonomi digital dan masyarakat digital. Tambahan lagi, Pelan Tindakan Ekonomi Negara Brunei Darussalam juga bertujuan mencapai pembangunan ekonomi yang mampan. Kerajaan telah merancang untuk mengembangkan sektor bukan minyak dan gas melalui penerokaan aktiviti ekonomi baharu dan pendekatan lima sektor utama seperti *information and communication technology* iaitu *ICT*.

Di samping itu, pandemik *COVID-19* memang tidak dapat dinafikan telah membentuk semula landskap ekonomi dan sosial negara yang membawa kepada kemunculan perusahaan baharu dan perubahan corak dari aspek pengguna. Berkembangnya perniagaan dari rumah, dari sektor makanan dan minuman telah mempamerkan daya tahan dan semangat inovatif komuniti dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Penyesuaian ini secara tidak langsung telah mendorong dalam mempertimbangkan bagaimana kita dapat mengintegrasi perkembangan ekonomi dalam mempelbagaikan strategi. Walaupun potensi pertumbuhan ekonomi digital di Negara Brunei Darussalam memberangsangkan, persoalan mengenai perkembangan *magnitude* dalam bersama meneliti kesan ekonomi terhadap inisiatif transformasi digital serta memantau kemajuan ekonomi digital penting untuk dititikberatkan melalui strategi nasional yang komprehensif.

Tambahan pula, dengan lonjakan penggunaan digital secara tidak langsung akan dapat meningkatkan ancaman siber yang tidak dapat dielakkan. Peningkatan ketara dalam kerugian dan penipuan global atau *scam* telah mendesak pihak berkepentingan untuk membuat strategi dalam menangani jenayah siber secara komprehensif. Di samping itu, cabaran ini juga secara tidak langsung akan dapat membuka peluang pekerjaan dalam sama-sama menangani isu jenayah siber dalam dunia digital.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seperti yang dinyatakan Laporan *ASEAN +3 Micro Economic Research Office,* kaola juga berharap pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam akan

berkembang dan akan meningkat pada tahun ini dan akan datang. Oleh yang demikian, kaola seterusnya menantikan pandangan berharga daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat dan tindak balas yang boleh diambil dari pihak kementerian-kementerian yang berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sebelum kaola mengundur diri izinkan kaola mengucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah atas pelantikannya sebagai Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin.

Yang Berhormat Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Momin: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat .

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Pertama sekali, kaola panjatkan rasa syukur ke hadrat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya jua membolehkan kita hadir di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini.

أَلْحَمْدُ لِلهِ, lebih dahulu kaola merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas ruang yang diberikan kepada kaola untuk berucap di dalam Dewan yang mulia ini dan seterusnya memberi sokongan kaola terhadap Usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menyembahkan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya berkenaan mengurniaan titah semasa Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara, pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 28 Februari 2024. Dalam kesempatan ini juga kaola ingin merakamkan ucapan tahniah yang setinggi-tinggi kepada Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah atas pelantikan sebagai Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis

Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola menyokong penuh Usul inti pati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang begitu jelas agar Ahli-Ahli Berhormat berbincang mengenai perkara-perkara - strategik yang bermanfaat bagi rakyat dan negara.

Kaola menjunjung titah baginda bahawa kepekaan untuk mengikuti perkembangan semasa yang berlaku dalam dan luar negara adalah penting dalam usaha untuk menghasilkan pelbagai pandangan dan idea-idea inovatif yang dapat menyumbang kepada kemajuan dalam sektor-sektor yang relevan untuk meningkatkan perekonomian negara.

Kaola sekali lagi menjunjung hasrat murni baginda yang menitahkan secara khusus bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan. Kaola percaya aktiviti turun padang dan lawatan dalam kumpulan kecil sepertimana yang abiskaola laksanakan bersama rakan-rakan Ahli Yang Berhormat dari Kumpulan Cemerlang bersama dengan beberapa agensi ternyata lebih berkesan untuk memperoleh maklumat yang lebih terperinci dan menjalankan kerjasama yang lebih produktif di samping memberikan peluang untuk perbincangan yang telus dan efektif bagi meningkatkan lagi keyakinan masyarakat awam terhadap pihak kerajaan serta membantu reka dasar kerajaan baginda.

Ini dilaksanakan di samping permuzakarahan yang biasa berjalan dalam kumpulan yang besar dengan kementerian-kementerian. Kaola menyambut baik saranan baginda untuk melibatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam jawatankuasa atau *taskforce* mengikut pengalaman dan pengetahuan masing-masing. Kerjasama seperti ini akan menjalin hubungan baik antara kedua-dua pihak dan memberikan impak positif pada agenda yang dibincangkan. إِنْ شَاءَ اللهُ abiskaola bersedia menyumbangkan buah fikiran yang bermanfaat demi kemajuan dan kebaikan negara kita.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dari segi ekonomi baginda menekankan bahawa usaha untuk mempelbagaikan ekonomi telah pun dilaksanakan, namun harus dipertingkatkan termasuklah aspirasi yang dihasratkan dalam *Economic Blueprint* yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Kaola juga menyokong penuh titah baginda agar kita tidak terlalu bergantung semata-mata kepada pengeluaran minyak dan gas. Pada masa yang sama, baginda juga menekankan isu-isu seperti alam sekitar, perubahan

iklim dan sebagainya untuk diberikan perhatian. Hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini sesuai dengan agenda kerajaan untuk menggalakkan "ekonomi hijau".

Dalam konteks ini, kaola berpendapat bahawa peranan yang amat penting bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah untuk memperluaskan dan memperbaiki strategi-strategi yang sedia ada serta mencadangkan alternatif yang lebih baik dalam pelaksanaan dasar kerajaan baginda. Ini bertujuan mengukuhkan pendapatan dari sektor-sektor selain minyak dan gas sambil memberikan keutamaan kepada pengeluaran tenaga dan bahan api seperti tenaga elektrik. إِنْ شَاءَ الله, kaola akan lebih bekerjasama dengan lebih erat bersama Jabatan Tenaga di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menyusun rancangan serta menetapkan *indicate* prestasi, kunci bagi mendapatkan matlamat yang dihasratkan.

Mengenai penekanan baginda berhubung dengan perbelanjaan kerajaan. Kaola bersyukur kerana kerajaan masih dapat mengendalikan RKN-12 bagi keperluan pembangunan negara walaupun Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak terlibat secara langsung dalam perancangan awal projek-projek dalam RKN-12. Namun kaola berharap, dapat menyumbang dalam bantuan kemajuan dan perkembangan projek-projek berkenaan.

إِنْ شَاءَ اللهُ, dengan sedaya upaya melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan ini dengan penuh ikhlas dan jujur. Semoga apa yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar persidangan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencabar objektif pembangunan dan kemajuan negara dapat dicapai dengan izin اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ Melalui perbincangan-perbincangan yang dilaksanakan dengan fikiran yang terbuka di dalam Dewan yang mulia ini nanti.

Marilah bersama kita memohon doa ke hadrat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja dan seluruh rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam ini dikurniakan petunjuk rahmat dan reda اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ serta sentiasa dalam keadaan sihat walafiat, dalam kesejahteraan dan di bawah perlindungan-Nya jua, آمِيْنُ

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhorrmat.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Terima Kasih kepada Yang Beerhormat Yang Di-Pertua kerana memberi kesempatan kaola untuk memberikan ucapan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu sukacita kaola mengucapkan tahniah yang setinggi-tinggi kepada Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah atas pelantikan sebagai Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sukacita kaola mengambil kesempatan untuk menyatakan sokongan sepenuhnya atas Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Awang Haji Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Lalila Utama Awang Haji Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sukacita juga kaola mengambil kesempatan ini untuk turut menyembahkan penghargaan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Suiltan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara kelmarin, pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu sangat penting dan penuh makna. Baginda mempunyai pandangan jauh, sangat luas dan bijak untuk pembangunan dan kemajuan negara. Baginda benar-benar prihatin akan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara 'kitani'.

Mengenai titah baginda berhubung kepekaan abiskaola untuk mengikuti

perkembangan yang berlaku bukan sahaja dalam negara malah juga di peringkat serantau dan antarabangsa kaola sanjung tinggi. Kaola sangat bersetuju dengan nasihat dan saranan baginda. 'Kitani' hendaklah keluar daripada kepompong diri sendiri dan keluar kepada zon selesa. Dalam hubungan ini, terdapat pelbagai peluang dari kluster industri yang patut kita teliti dengan lebih mendalam terutamanya dalam sektor seperti industri farmaseutikal, halal, *Islamic banking* dan takaful.

Menurut ramalan pasaran daripada pelbagai syarikat konsultasi perniagaan utama industri farmaseutikal halal dijangka mencapai nilai USD105 bilion pada tahun 2024 ini. Di samping itu nilai pasaran secara global akan melebihi USD1 trilion. Dalam aset perkhidmatan *islamic banking* dan takaful pula, aset kewangan islam di peringkat global dijangka mencecah USD4.94 trilion pada tahun 2025. Pasaran Asia Tenggara salah satu peneraju utama mewakili hampir satu per empat dari jumlah aset kewangan Islam global.

Dari segi pelancongan yang merupakan eksport yang tidak ketara (*invisible export)* untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara ini penting dilipatgandakan usaha untuk mempromosi kekuatan negara yang kita miliki seperti kestabilan kerajaan, suasana yang selamat dan aman. Kita seterusnya boleh juga menampakkan kelebihan dalam kalangan penduduk yang dapat menguasai bahasa Inggeris, Mandarin dan Arab. Ini boleh membuka peluang besar untuk menarik pelancong-pelancong seperti dari Timur Tengah, China dan negara berpendapatan tinggi yang lain yang menggunakan bahasa tersebut.

Di samping itu juga, kita mempunyai kekayaaan dari segi kecantikan alam semula jadi. Bumi negara kita terkenal dengan flora dan fauna, ini boleh dikomersialkan untuk meningkatkan jumlah pelancong terutama sekali bagi pencinta alam. Dengan menembusi pasaran-pasaran ini dengan menggunakan label *Brunei Halal* diharap akan memberi sumbangan yang signifikan kepada pendapatan negara.

Oleh itu, penting untuk menguatkan usaha dalam mengambil peluang-peluang ini. Kejayaan dalam semua bidang ini akan membuka peluang pekerjaan yang luas bagi rakyat dan penduduk tempatan dengan memperhebat promosi dan melalui faktor-faktor ini kita dapat memperluaskan tapak pelancongan negara dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh.

Untuk mengakhiri ucapan kaola ini, kaola akan terus berusaha dengan sedaya upaya, dengan penuh dedikasi dan komitmen untuk menjalankan peranan sebagai Ahli Yang Berhormat. Semoga اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ memberikan taufik dan hidayah dalam melaksanakan amanah ini dengan tujuan demi agama, raja, bangsa dan negara.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostamam bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostamam bin Haji Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Selawat kepada junjungan نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ dan sahabat-sahabat yang jujur lagi setia hingga ke akhir zaman. Kaola bersyukur ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ atas rahmat dan segala nikmat yang dilimpahkan kepada kitani dan juga kepada Negara Brunei Darussalam dan kita dapat berkumpul dalam keadaan yang aman damai dan mengaminkan doa-doa semoga ini akan kekal selama-lamanya آمِيْنُ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Behormat.

Kaola menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan seterusnya kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu`izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20. Majlis Mesyuarat Negara.

Isu-isu yang dibangkitkan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan penuh hikmah dan nasihat serta menggariskan arah tuju menunjukkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke atas rakyat baginda dan kitani bersyukur atas pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, إِنْ شَاءَ اللهُ. kaola akan ’tanai’ titah

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menggunakan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara sebagai medan dan kaola akan berhemah dan berpandangan strategik sambil mengikuti perkembangan semasa dalam sosioekonomi serantau dan global apabila membangkitkan isu-isu rakyat dengan kementerian-kementerian yang berkaitan apabila membincangkan perbelanjaan-perbelanjaan kementerian tersebut. Kaola akan mempraktikkan pengalaman kaola dalam industri dan *corporate governance* dalam memberi pandangan yang mungkin berbeza tetapi tidak bertentangan dengan idealogi dan hala tuju negara.

إِنْ شَاءَ اللهُ kaola akan 'menanai' dan mengambil iktibar dari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta berusaha untuk meningkatkan lagi dengan turun padang dan bermuzakarah dengan agensi-agensi kerajaan, komuniti dan pihak-pihak berkepentingan serta memastikan bahawa isu-isu yang dibangkitkan mendapat respons, jelas dan padu untuk diketahui umum dan orang ramai.

Sebagai contoh, 'menanai' titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Dewan yang mulia ini sebagai medan untuk melahirkan pendapat dan buah fikiran.

Dalam persidangan tahun lepas di Dewan yang mulia ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah memberikan lebih daripada 500 pandangan, usul, cadangan dan permohonan untuk diberi pencerahan dengan isu-isu kenegaraan yang telah dibangkitkan oleh rakyat dengan tujuan membantu melicinkan jentera kerajaan, ini tidak termasuk isu-isu yang dibangkitkan semasa sesi muzakarah dan lawatan kerja-kerja agensi-agensi kerajaan selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Mu'izzaddin dan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa Persidangan Majlis Mesyuarat Negara merupakan medan yang penting dalam membincangkan perkara strategik yang memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. أَلْحَمْدُ لِلّٰه beberapa kementerian memberi jawapan secara langsung semasa persidangan yang lalu, manakala yang lain mengikuti proses membuat susulan bertulis dalam tempoh tiga ke enam bulan selepas persidangan.

Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa kementerian yang belum

memberi jawapan. Kementerian-kementerian tersebut mungkin terlepas perhatian akan isu yang dibangkitkan di dalam Dewan disebabkan oleh kesibukan menangani isu dalaman kementerian.

Kaola mengharapkan ketelusan yakni *transparency* menangani isu rakyat dan kementerian diharap memberi perhatian serius atas isu yang dibangkitkan. Tindakan memberi atau tidak memberi jawapan yang telus kepada pertanyaan-pertanyaan yang diajukan oleh ahli-ahli Yang Berhormat mempunyai impak yang besar terhadap kepercayaan rakyat. Setengah soalan yang belum dijawab akan terus menjadi isu dan akan disusuli dalam Dewan ini. إِنْ شَاءَ اللهُ

Dalam merapatkan jurang komunikasi antara rakyat dan kerajaan serta untuk memastikan bahawa setiap pendapat dan pertanyaan yang diajukan oleh masyarakat melalui Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat diberi perhatian sepenuhnya. Penting bagi kementerian-kementerian untuk memberi respons yang tepat dan menyeluruh.

Justeru, kaola mencadangkan agar kesemua pertanyaan, cadangan yang diajukan di dalam Dewan yang mulia ini yang berupa isu atau rintihan rakyat melalui Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini dapat dipaparkan di laman sesawang rasmi kementerian yang berkaitan. Ini akan memberi landasan yang menunjukkan bagaimana agensi kerajaan menerima cadangan dan memberi maklum balas dengan segera dan disertakan dengan pelan tindakan supaya rakyat mengetahui soalan dan aduan mereka telah diberi perhatian yang sewajarnya. Ini akan memberi kepercayaan bahawa kerajaan prihatin dan mendengar isu-isu rakyat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Merujuk titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan tentang Rancangan Kemajuan Negara RKN-11 dan RKN-12. أَلْحَمْدُ لِلّٰه dengan rahmat dan rezeki daripada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, negara kita masih mempunyai kemampuan untuk menyelenggarakan projek-projek pembangunan bagi mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Penting kita menyiapkan projek-projek dalam RKN ini tepat pada masanya mengikut jadual spesifikasi dan dalam bajet yang ditetapkan. Justeru, adalah kritikal untuk menggunakan konsep projek *'delivery board'* di lembaga projek dengan pelaksanaan projek kerajaan diberi tumpuan dan pemantauan dan diberi bantuan yang sewajar kepada agensi-agensi yang bertanggungjawab dan memastikan projek-projek itu berjalan dengan lancar.

Ini kerana manfaat projek yang sudah siap dilaksanakan bukan sahaja untuk rakyat menikmati prasarana yang telah siap tetapi juga kepada warga kontraktor tempatan yang bergantung sepenuhnya kepada projek-projek pembangunan

kerajaan. Walaupun Ahli-Ahli Yang Berhormat tidak berkesempatan untuk menunduki projek-projek yang disenaraikan dalam RKN-12, kaola percaya penuh kepentingan rakyat di peringkat daerah dan luar bandar telah pun diambil kira Tindakan Unit Projek *Acquisition Plan* untuk mencapai matlamat projek ini sudah dikenal pasti sebagai *realistic* dan *achievable.*

Pemantauan aktif perlu dijalankan supaya projek kerajaan dalam RKN berjalan lancar dan dikenal pasti sebarang isu yang mungkin menimbulkan kelewatan projek dan langkah-langkah sewajarnya perlu diambil lebih awal untuk memberi bantuan menyelesaikan masalah tersebut tanpa menjejaskan jadual projek. Walaupun Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dilantik tidak berkesempatan membuat *input* dalam RKN-12 إِنْ شَاءَ اللهُ 'terkaduhung' RKN-12 meliputi musim perlantikan kaola dalam Majlis Mesyuarat Negara ini. Fokus RKN-12 akan mendapat perhatian kaola setiap tahun ini إِنْ شَاءَ اللهُ.

Kaola juga difahamkan ada beberapa projek pembangunan terdahulu tidak mendapat konsultan atau menyebabkan komuniti setempat menyebabkan beberapa projek yang telah selesai kurang optimal dan kemajuan daripada projek kemajuan dapat dirasakan. Oleh itu, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia agar projek-projek pembangunan dalam RKN ini dipercepatkan mengikut garis panduan dan garis masa yang telah ditetapkan dan ini adalah amat disanjung.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mengenai dengan inisiatif-inisiatif kerajaan melalui pelbagai *blueprints* yang diilhamkan adalah sangat penting untuk semua *blueprint* disejajarkan dan diintegrasi bersama agar perancangan sumber-sumber yang diperlukan seperti tenaga kerja, dana, *KPI*, jadual pencapaian supaya pelan tindakan akan lebih optimal dapat menyumbang meningkatkan kualiti perkhidmatan. إِنْ شَاءَ اللهُ di Dewan yang mulia ini, dalam sesi muzakarah kaola akan memikul amanah dan tanggungjawab dengan sepenuh kemampuan kaola dengan menerapkan prinsip *smart* dan imbang *(check and balance)* serta memberi cadangan, pandangan demi agama, raja, bangsa dan negara. Mungkin pandangan berbeza, *automotive view* tetapi kaola berharap tidak bertentangan.

Sekian sahaja dahulu daripada kaola. Jika ada tindak langkah kaola yang kurang manis dan kesilapan serta kekurangan sepanjang permesyuaratan ini nanti, lebih dahulu kaola memohon ampun dan maaf jua, yang baik semuanya datang daripada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ yang buruk dan kurang itu datang kekurangan kaola sendiri.

Terima kasih. والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bersyukur kita terhadap أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izin-Nya jua kita dapat hadir di Dewan yang mulia ini dan kaola merakamkan ribuan terima kasih atas kesempatan yang diberikan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola menyokong sepenuhnya akan Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia perkenan baginda berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024, hari Selasa kelmarin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola menjunjung tinggi keseluruhan kandungan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara tahun 1445/2024, khususnya titah yang menyarankan agar Ahli-Ahli Yang Berhormat akan sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan bagi meningkatkan keyakinan masyarakat.

Dalam hal tersebut, menyentuh dalam perkara turun padang ini, أَلْحَمْدُ لِلهِ, kaola selaku Penghulu sentiasa mengadakan perundingan dan permuzakarahan bersama dengan ketua-ketua kampung di mukim kaola untuk mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu anak buah kampung yang perlu 'dikelinga'. Hal ini akan kaola laksanakan secara berterusan agar segala isu-isu penduduk kampung dan mukim sentiasa 'dikelinga' demi kebaikan bersama.

Mana-mana isu yang memerlukan tindakan pihak kerajaan, isu tersebut akan disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Selain perundingan di peringkat mukim, kaola juga mengadakan perundingan di peringkat zon bagi tujuan yang sama. Kaola juga menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai usaha meningkatkan perekonomian melalui pengusaha tempatan dan golongan tertentu serta mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Dalam hal ini, di mukim kaola, beberapa kampung telah berjaya melahirkan produk-produk

di bawah Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

إِنْ شَاءَ اللهُ, perkara ini akan dipertingkatkan sehingga tahap yang lebih baik dan mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035. Di sini kaola juga mengharapkan agar pihak kerajaan sentiasa memberi kerjasama yang padu dalam menjayakan program-program yang dirancang oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.

Selain itu, kaola juga berharap agar pihak kerajaan sentiasa meneliti dasar-dasar yang tidak sejajar antara kementerian sehingga ia menyulitkan urusan orang ramai disebabkan dasar-dasar yang tidak sehaluan itu. Untuk mengakhiri ucapan kaola ini, kaola berdoa semoga sepanjang permesyuaratan ini mendapat rahmat dan keredaan أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى jua.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم
السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Segala puji dan syukur ke hadrat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى atas limpah rahmat-Nya kerana kita dapat bersama-sama lagi bersidang di dalam Dewan yang mulia ini bagi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola berterima kasih atas peluang yang diberikan kepada kaola menyertai Ahli-Ahli Yang Berhormat bagi menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bagi menyembahkan junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara, kelmarin, Selasa 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dari pengamatan kaola, inti pati titah baginda tersebut mencerminkan keprihatinan baginda tentang keberadaan negara sekarang demi menjamin kesejahteraan rakyat setiap masa. Isu dan saranan dalam titah baginda tersebut seharusnya diambil

perhatian sepenuhnya dan perlu pelaksanaan yang komprehensif dan bersistem oleh semua pihak yang berkepentingan.

Antara isi titah, baginda mahukan Ahli-Ahli Yang Berhormat sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak yang berkepentingan dari sektor kerajaan, swasta, persatuan-persatuan dan lebih-lebih lagi para penduduk yang diwakili melalui daerah masing-masing. Dalam kalangan pemimpin akar umbi, perkara ini tidak asing lagi. Ia sangat penting dan harus dikekalkan dan dipertingkatkan untuk mengetahui hal-ehwal masyarakat dan keberadaan penduduk kampung mereka seperti yang dilakukan pada masa ini.

Ke arah membantu kerajaan dalam mempertingkatkan sektor-sektor ekonomi, kegiatan-kegiatan ekonomi terutama dalam kegiatan pertanian yang diusahakan oleh ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung merangkumi warga emas dan juga belia yang menggunakan *platform* yang ada iaitu Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P), boleh membangkitkan sosioekonomi kampung. Dalam jangka masa panjang, program ini bukan sahaja boleh mengganti import tetapi juga boleh dikembangluaskan kepada pasaran eksport dan boleh membantu ekonomi negara. Kaola yakin ekonomi kampung boleh diusahakan secara besar-besaran dengan adanya kerjasama dari pelbagai pihak yang berkepentingan.

Akhir kata, kaola berdoa semoga apa jua perancangan dan usaha dalam permesyuaratan ini akan sentiasa dipermudahkan dan mendapat rahmat dan berkat daripada اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ آمِيْنُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan pula, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhomat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Syukur ke hadrat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ atas rahmat dan nikmat yang telah dilimpahkan kepada kaola kerana dapat sama-sama hadir ke dalam Dewan yang mulia ini. Kaola merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi peluang dan kesempatan kepada kaola untuk sama-sama membincangkan Usul Menjunjung Kasih.

Kaola menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan

dan limpah kurnia titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Kaola sukacita sepenuhnya menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda. Sesungguhnya, titah baginda itu amatlah kita junjung tinggi dan inti pati daripada titah baginda sangat padat dengan nasihat dan mencerminkan keprihatinan dan kebijaksanaan baginda dalam memastikan keamanan, kesejahteraan rakyat dan negara sentiasa terjamin.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Berdasarkan titah baginda kaola ingin menyentuh beberapa isu:

1. Peranan dan tanggungjawab Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik. Dalam tempoh yang sudah berjalan melalui muzakarah dan tinjauan yang dibuat bersama penghulu dan ketua-ketua kampung atau pemimpin akar umbi, antara perkara yang telah kita lakukan adalah mengkaji semula projek-projek lama sama ada boleh diteruskan ataupun ditambah baik sepanjang usaha membuat dan membawa perubahan-perubahan bermakna bagi menjana kemajuan mukim dan kampung khasnya dan juga daerah amnya. Dalam hal ini, kerjasama dan maklum balas daripada penghulu dan ketua-ketua kampung di bawah kelolaan dan tadahan akan secara berterusan dilaksanakan mengikut keutamaan.

   Sewaktu tinjauan ke kawasan-kawasan kampung yang dibuat, tidak dinafikan keunikan tersendiri dan kadangkala tidak disedari oleh penduduk kampung sendiri. Keunikan itu pula boleh memberi pendapatan kepada penduduk-penduduk kampung begitu juga dengan produk-produk itu sendiri.;

2. Perkembangan kemahiran. Perkara ini terus diberi tumpuan ke arah menyumbangkan kemahiran dan sikap peribadi yang dikehendaki dalam kalangan orang ramai khususnya belia berkemahiran yang aktif dan produktif. Sukacita dikongsikan tinjauan perkembangan di kampung-kampung secara lebih dekat. Kita bangga dengan usaha

yang dilakukan oleh para keluarga secara turun-temurun seperti bisnes makanan dan minuman, automotif, perkhidmatan dan sebagainya. Kita juga sangat gembira bila melihat tidak sedikit dari kalangan usahawan ini dilakukan oleh golongan belia sebagai generasi penerus, pemacu pembangunan sosial ekonomi.

Dari sinilah suntikan semangat yang perlu kita sokong untuk mengembangmajukan usaha-usaha mereka ini dari sudut bantuan program dan melibatkan pihak kerajaan dan swasta ke arah perniagaan secara lebih teratur dan serius dengan program dan pemantauan. Selain itu, bantuan infrastruktur juga akan membantu meningkatkan pendapatan mereka sekali gus memberikan kemudahan dan persekitaran yang lebih selamat. Dengan itu, kita percaya akan dapat membuka peluang pekerjaan kepada penduduk di kawasan sendiri.;

3. Dari segi perekonomian, dengan mengamati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya kita tidak terlalu bergantung semata-mata pada sektor minyak dan gas. Perekonomian dari segi sektor pertanian, makanan, pengangkutan dan pelancongan perlu diteroka dari potensi sesebuah kampung itu.

Dalam hal ini, pada pendapat kaola, kita perlu terlibat berurus dengan penduduk kampung bagi merancang projek-projek khususnya melibatkan pelaksanaan. Contohnya, projek untuk tanah-tanah mereka yang terbiar dicadangkan untuk bertanam atau membuahkan hasil seperti tanaman cili ataupun serai. Selain projek penternakan ikan dalam sangkar dan pembangunan sumber pelancongan, semua ini akan memberi kemahiran dan pendapatan kepada mereka sendiri sekali gus agenda ini akan memberi impak positif kepada pembangunan untuk terus berkembang.

Penduduk-penduduk kampung bersama-sama bertanggungjawab merancang dan mencapai kata sepakat terhadap projek-projek yang memberi peluang kepada penduduk di kampung-kampung itu sendiri. Dalam hal ini, tidak salah pada pandangan kaola, bagi ketua-ketua kampung menggunakan segala kepakaran dan pengalaman penduduk-penduduk dalam menentukan apakah bentuk pembangunan dalam jangka pendek iaitu antara tiga ke lima tahun yang mereka perlukan.

Kaola amat berharap melalui pendekatan ini akan dapat melahirkan masyarakat kampung yang lebih berdikari dan bergotong-

royong, mempunyai hak dalam membuat keputusan dan menyuarakan pandangan, memupuk jalinan kerjasama dan menyuarakan pandangan. Malah, penduduk kampung itu sendiri akan dapat sama-sama aktif melibatkan diri merancang dan merealisasikan pembangunan yang mereka perlukan selain penduduk merasakan kehendak dan pandangan mereka dihargai, dan dengan pelan tindakan ini akan juga membantu melonjakkan pembangunan sesebuah kampung.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan bagi 'menanai' dan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam Dewan yang mulia ini.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه bersyukur ke hadrat اللهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ atas rahmat-Nya jua kaola mendapat peluang untuk menyampaikan sembah menjunjung kasih di dalam Dewan ini. Kaola lebih dahulu dengan penuh hormat dan takzim sukacita menyokong sepenuhnya Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan bercemar duli dan pengurniaan titah semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Kaola menjunjung kasih yang setinggi-tingginya atas titah baginda terutama titah yang menyarankan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan sentiasa turun padang untuk bermuzakarah dengan pihak-pihak berkepentingan bagi meningkatkan keyakinan masyarakat. Dalam hal sentiasa turun padang ini, kaola Ahli Yang Berhormat dan selaku ketua

kampung menyambut baik titah baginda. Kaola dengan sedaya upaya akan terus meningkatkan usaha untuk 'menanai' amanah ini dengan kerjasama semua pihak yang berkepentingan dari sektor kerajaan dan swasta dalam memeduli apa jua permasalahan yang ada khususnya bagi penduduk di bawah tadahan tanggungjawab kaola.

Akhir sekali, peramba/kaola/saya ingin menyembahkan sekali lagi menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat lain yang suka untuk membahaskan Usul yang telah dikemukakan ini.

Usul yang dicadangkan pada pagi tadi oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkenan berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Maka dengan demikian itu, saya berpendapat ada baiknya sekarang atau pun kita sampai ke penghujung perbincangan mengenai Usul ini maka ada baiknya Usul ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju maka Usul ini diluluskan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum kita berpindah kepada perkara lain, oleh sebab kita sehari suntuk membincangkan mengenai Usul yang dikemukakan tadi dan kita telah mendengar ucapan-ucapan maka saya kira ada baiknya kita berehat dulu dan إِنْ شَاءَ اللهُ pada esok hari dengan minda yang lebih terbuka agar kita akan dapat berbincang dengan lebih panjang lebar lagi dan akan mendengarkan satu perkara dari kementerian yang berkenaan yang memerlukan kita menumpukan perhatian dan pemikiran kita juga.

Dengan itu, saya tutup mesyuarat hari ini dan ditangguhkan sehingga kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Khamis, 29 Februari 2024 bersamaan 18 Syaaban 1445 mulai pukul 9.30 pagi. إِنْ شَاءَ اللهُ

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Khamis, 19 Syaaban 1445 / 29 Februari 2024

YANG DI-PERTUA DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ketiga, hari ini Khamis, 19 Syaaban 1445 bersamaan 29 Februari 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita bersyukur ke hadrat أَللّٰه سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat lagi bersama-sama hadir pada pagi ini, bersidang bagi hari yang ketiga di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه pada hari Rabu semalam, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara telah selesai meluluskan satu Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah berkenan berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada hari Selasa, 17 Syaaban 1445 bersamaan 27 Februari 2024.

Pada pagi ini, kita beralih pula kepada perkara yang seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Perkara VI. Rang Undang-Undang yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang persidangan berpindah ke Perkara VI iaitu Rang Undang-Undang. Satu Rang Undang-Undang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya kira Yang Berhormat Menteri berkenaan ingin membuat pendahuluan atau kenyataan tentang Rang Undang-Undang yang berkenaan ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan segala hormatnya kaola memohon izin untuk mengemukakan satu Rang Undang-Undang yang bergelar**: "Suatu Akta untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulan Wang yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu",** untuk bacaan kali yang pertama. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebentar tadi telah mencadangkan bagi Rang Undang-Undang tersebut untuk dibaca bagi kali yang pertama.

Yang Mulia Jurutulis: Satu Rang Undang-Undang yang bergelar**: "Suatu Akta untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulan Wang yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu".**

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola memohon izin bagi memaklumkan di majlis ini untuk mengemukakan cadangan bagi bacaan kali yang kedua dan ketiga bagi Rang Undang-Undang yang bergelar: **"Suatu Akta untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulan Wang yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu",** pada persidangan hari ini juga.

Sesuai dengan Peraturan Majlis Mesyuarat Negara bahawa kaola bercadang untuk mengemukakan Rang Undang-Undang ini untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga pada hari ini juga. Maka kaola memohon izin dan kebenaran Yang Berhormat Yang Di-Pertua supaya digantung Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara bagi membolehkan dibuat cadangan-cadangan sedemikian pada hari ini juga.

Permohonan ini adalah semata-mata bagi membolehkan majlis ini memudahkan tugas-tugasnya dengan lebih lancar dan teratur lagi.

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, setelah saya mendengar alasan dan keterangan serta sebab yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, maka saya izinkan supaya Peraturan-Peraturan Tetap Majlis Mesyuarat Negara digantung bagi membolehkan Rang Undang-Undang yang bergelar: **"Suatu Akta untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulan Wang yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu",** untuk dibaca bagi kali yang kedua dan ketiga menurut Syarat 48(3) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Silakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ
عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah: **"Untuk membenarkan bagi pengeluaran sejumlah $6,250,000,000 bilion dari Kumpulan wang Yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual".**

Oleh yang demikian, kaola memohon izin lebih dahulu mengongsikan beberapa inisiatif, projek dan pencapaian serta peluang-peluang yang disediakan oleh kerajaan bagi rakyat dan penduduk termasuk bagi sektor swasta di negara ini ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Selepas itu, barulah kaola akan menerangkan mengenai penyediaan Rang Anggaran Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2024/2025 ini berdasarkan kepada analisa dan penilaian yang telah dibuat ke atas

prospek ekonomi global dan Negara Brunei Darussalam, keutamaan perbelanjaan kerajaan serta kemampuan kewangan kerajaan untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, syukur kita panjatkan ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua serta berkat kepimpinan, kebijaksanaan dan keprihatinan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita telah mencapai peristiwa penting iaitu Ulang Tahun Yang Ke-40 Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam. Sebagai rakyat dan penduduk negara ini, kita haruslah rasa bersyukur dan sangat beruntung kerana dapat menikmati keamanan, kemakmuran dan kesejahtaraan yang berterusan.

Dalam tempoh 4 dekad ini, kita telah melihat negara kita berkembang mengecapi arus pemodenan melalui kemajuan dalam penyediaan infrastruktur dan pembangunan dalam segala bidang, pendidikan yang berkualiti dan inklusif, sistem penjagaan kesihatan yang komprehensif dan hubungan baik dengan negara serantau dan antarabangsa. Penting sekali usaha-usaha bagi mempelbagai ekonomi sudah nampak jelas dan ketara keberhasilannya dengan sentiasa berpandukan kepada prinsip Melayu Islam Beraja.

Kemajuan yang dicapai setakat ini, walaupun agak perlahan tetapi amatlah bermakna kepada kita semua dalam memangkin semangat untuk dijadikan sebagai titik tolak untuk kita bersama melipatgandakan lagi usaha secara bersepadu. Sektor bukan minyak dan gas kini memainkan peranan yang signifikan dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan menjana peluang pekerjaan melalui pelaburan strategik dalam sektor-sektor utama seperti hiliran minyak dan gas, pemakanan, pelancongan, perkhidmatan perniagaan, teknologi maklumat dan komunikasi. Di samping itu, dengan usaha bersepadu untuk meningkatkan kapasiti modal insan dan keupayaan keusahawanan, negara sedang menyaksikan transformasi dalam komposisi struktur dan landskap perekonomian.

Peralihan ini bukan sahaja menggambarkan kemajuan negara ke arah mengurangkan kebergantungan pada sektor minyak dan gas tetapi merupakan komitmen kerajaan untuk menjamin masa depan yang dinamik dan berdaya tahan serta memastikan kemakmuran terus dapat dinikmati oleh generasi pada masa ini dan akan datang.

Sebagai usaha berterusan dari pihak kerajaan bagi mempelbagaikan ekonomi negara, beberapa inisiatif telah pun dilaksanakan antaranya melalui pelaburan-pelaburan strategik dalam

sektor hiliran minyak dan gas ataupun *downstream oil and gas.*

أَلْحَمْدُ لِلّٰه sejak Wawasan Brunei 2035 dilancarkan pada tahun 2007, peningkatan dan penglibatan sektor swasta dapat dilihat telah menyumbang kepada pembangunan negara dan menghasilkan peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar ataupun KDNK bagi sektor bukan minyak dan gas terutamanya melalui penubuhan syarikat-syarikat baharu Pelaburan Langsung Asing ataupun *FDI* antaranya di sektor hiliran minyak dan gas, pemakanan, perkhidmatan, *ICT* dan pelancongan. Penubuhan syarikat-syarikat *FDI* ini juga telah menjana pekerjaan yang berkualiti bagi anak-anak tempatan.

Secara amnya, syarikat-syarikat *FDI* berkenaan berfungsi sebagai *catalyst* yang merangsang pelbagai aktiviti sokongan dan memberikan nilai tambah dalam negara serta menghasilkan kesan *multiplier effect* kepada perkembangan syarikat-syarikat tempatan yang lazimnya akan dapat memperoleh manfaat dari permintaan dan keperluan bagi pembekalan pemakanan perbankan, pembinaan, logistik, penyelenggaraan fasiliti, pembekalan jentera dan kelengkapan dan lain-lain. Projek-projek pelaburan berkenaan juga telah mewujudkan satu landasan atau *platform* bagi membina kepakaran warga tempatan ataupun *transfer of knowledge* melalui latihan dan pendedahan kepada pelbagai disiplin termasuk bidang teknikal, komersial dan pengurusan.

Seterusnya, syarikat-syarikat tersebut juga dapat membantu usaha negara ke arah mengurangkan kebergantungan pada import. Oleh itu, kerajaan akan sentiasa berusaha dan meneroka peluang-peluang untuk menarik lebih banyak *FDI* ke negara ini. Akan tetapi, beberapa perundingan dalam fasa lanjutan (*advance negotiation)* bersama segelintir pelabur telah terjejas disebabkan meraka telah mengambil keputusan untuk meneliti semula perancangan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai tapak operasi pasca pandemik *COVID-19.* Di samping itu, kerajaan juga telah dan akan terus meningkatkan kerjasama dengan syarikat-syarikat *FDI* dan *GLC's* yang sedia ada di dalam negeri untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti ekonomi termasuk meningkatkan produktiviti dan penghasilan produk-produk baharu.

Selain itu, Negara Brunei Darussalam juga telah mengukuhkan strategi *FDI* dengan memberi tumpuan kepada kaedah-kaedah dan prosedur-prosedur bagi memudah cara dan mempercepatkan pelaksanaan projek dan telah meningkatkan perkhidmatan *aftercare* kepada syarikat-syarikat pelaburan yang sedia ada bagi membantu dalam mengatasi apa jua cabaran yang dihadapi serta menerokai potensi pertumbuhan cabang perniagaan atau produk yang baharu.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bagi mendukung pembangunan industri dan membina kesalinghubungan (*connectivity)* dengan negara-negara luar, kerajaan bersama pelabur-pelabur asing akan terus membuat pelaburan untuk menyediakan serta menaik taraf infrastruktur dan ekosistem perniagaan dan pelaburan dalam sektor pengangkutan dan logistik seperti pelabuhan, perkapalan, pengendalian kargo dan kompleks pendaratan ikan.

Dalam hal ini, satu syarikat usahasama antara *Darussalam Asset* dan *Guangxi Beibu Gulf International Port Group Limited* iaitu Syarikat *Muara Port Company* Sdn. Bhd. *(MPC)* telah memulakan beberapa inisiatif bagi menampung peningkatan dalam kegiatan ekonomi di Negara Brunei Darussalam.

لْحَمْدُ لِلّٰه pada bulan April 2023, *MPC* telah merasmikan pelayaran pertama perkapalan kontena yang baharu secara pelayaran langsung dari Pelabuhan Muara ke Pelabuhan Qinzhou, Republik Rakyat China. Aktiviti sedemikian berpotensi untuk meningkatkan lagi jumlah perdagangan serta membukakan pasaran baharu khususnya antara Republik Rakyat China dan wilayah *BIMP-EAGA*.

Seterusnya, untuk menampung keperluan kapasiti yang semakin meningkat, *MPC* juga akan melaksanakan projek pembangunan dan pengubahsuaian Pelabuhan Muara (*Muara Ports Expansion and Renovation Project).* إِنْ شَاءَ اللّٰهُ kerja-kerja pembinaan akan bermula pada suku ketiga tahun 2024 ini dan akan siap pada tahun 2027.

Melalui projek ini, pihak *MPC* menjangkakan peningkatan *volume throughput* melalui Pelabuhan Muara daripada sebanyak 220,000 *TEU* pada masa ini kepada 500,000 *TEU* setelah pembinaan selesai.

Dalam masa yang sama, satu projek pelaburan utama iaitu projek usaha sama antara *Dana Strategic Development Capital* dengan sebuah syarikat tempatan dan beberapa syarikat antarbangsa iaitu *Integrated Marine Maintenance* dan *Decommissioning Yard* yang dikendalikan oleh *Syarikat Anson International Sdn. Bhd.* yang terletak di Pulau Muara Besar. Usaha sama ini telah diwujudkan untuk menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan *decommissioning* bagi kapal-kapal yang berada di perairan negara ini termasuk *decommissioning* pelantar dan telaga minyak mentah, *fabrication* dan lain-lain.

Bagi *Project Decommissioning* dan *Restoration,* Syarikat *Brunei Shell Petroleum (BSP)* akan bekerjasama dengan *Syarikat Anson International Sdn. Bhd.* bagi *decommissioning* aset-aset penghasilan minyak dan gas yang telah luput secara berperingkat dalam tempoh 30 tahun yang akan datang. Aktiviti berkenaan dijangka akan dapat menghasilkan kira-kira 131,000 tan metrik besi keluli yang akan dapat dikitar semula dan diguna pakai dalam pelbagai industri seperti industri perkapalan dan perkhidmatan kejuruteraan. Pada masa

ini, projek tersebut telah memasuki fasa pelaksanaan dan disasarkan untuk mula beroperasi pada pertengahan tahun 2025.

Di samping itu, sebagai usaha untuk mempelbagaikan ekonomi أَلْحَمْدُ لِلّٰه beberapa syarikat pelaburan dalam sektor hiliran minyak dan gas telah mengembangkan lagi perniagaan mereka. Antaranya:

1. Pada bulan Januari 2023, Syarikat *Polygel* telah mula menghasilkan bahan *Metilox* dengan skala komersial dengan keupayaan penghasilan sebanyak 2,500 metrik tan setahun. *Metilox* merupakan salah satu bahan mentah yang diperlukan bagi menghasilkan *antioxidant* bagi minyak motor, cecair hidrolik dan pelincir.

2. Pada bulan November 2023, *Syarikat Brunei Methanol Company (BMC)* telah melancarkan kemudahan akses kepada pembeli, yang membolehkan kimia berkenaan dibekalkan dan dijual langsung kepada pengguna-pengguna atau industri tempatan. Langkah berkenaan telah dapat mengurangkan kos logistik yang dihadapi oleh pengguna-pengguna metanol seperti Syarikat *Polygel.*

3. Loji *Syarikat Brunei Fertilizer Industries* ataupun *BFI* Sdn. Bhd. telah pun dilancarkan secara rasmi oleh Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 25 Februari 2023. Hasil penjualan daripada syarikat tersebut bagi tempoh bulan Januari sehingga Disember 2023, telah mencapai lebih daripada 957 ribu tan metrik baja *urea* dengan nilai USD356 juta, yang 99% daripadanya telah pun dieksport ke nagara-negara rantau Asia Tenggara, Amerika Syarikat, *Oceania* dan sebagainya; dan

4. Syarikat *HLDS (B) Steel* Sdn. Bhd. yang bertapak di Tapak Perindustrian Salambigar merupakan pengeluar paip pelbagai jenis dan kegunaan termasuk *carbon welded steel pipes and torque tube* bagi kegunaan industri tempatan dan pasaran luar negara.إِنْ شَاءَ الله, mulai suku kedua tahun ini syarikat berkenaan akan memperluaskan teknologi dan keupayaan pemprosesan produknya melalui kaedah *heat treatment, upset forging, threading* dan sebagainya yang sebelum ini merupakan aktiviti hanya dikendalikan oleh rakan strategik Syarikat *HLDS* di Amerika Syarikat.

Untuk memperkembangkan lagi sektor hiliran terdapat 3 projek pelaburan yang sedang dalam perancangan, iaitu:

1. Projek Pelaburan untuk menubuhkan 2 loji pemprosesan bagi pengeluaran *Asid Asetik dan Aniline* ataupun *AAA* yang akan dibina di Tapak Perindustrian Sungai Liang (*SPARK)* pada tahun 2024 dan

dijangka mula beroperasi pada tahun 2027.;

2. Projek yang dikendalikan oleh *TotalEnergies* untuk menubuhkan sebuah loji tenaga "suria" di *SPARK* yang dihasratkan untuk membekalkan tenaga kepada loji pemprosesan *TotalEnergies* dan penghuni *SPARK* yang akan mula dibina pada tahun 2024 dan disasarkan beroperasi pada tahun 2025.;

3. Berikutan penandatanganan perjanjian pelaksanaan Projek Kemajuan Pulau Muara Besar (PMB) Fasa 2 antara pihak kerajaan dengan *Syarikat Hengyi Industry* Sdn. Bhd. penilaian lanjut dan kajian pasaran masih dilaksanakan untuk memastikan lagi kebolehlaksanaan projek ini dengan pembangunan fasiliti-fasiliti baharu إِنْ شَاءَ اللهُ syarikat ini akan meningkatkan kapasiti *feedstock* untuk menghasilkan lebih banyak produk dan memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Dalam usaha mempelbagaikan industri pemakanan serta mengukuhkan sekuriti pemakanan dan mengurangkan kebergantungan pada import. أَلْحَمْدُ لِلّٰه beberapa syarikat pelaburan yang sedia ada telah dan akan mengembangluaskan dan meningkatkan kapasiti pengeluaran masing-masing, antaranya:

1. Projek Kerjasama Kajian dan Penyelidikan antara Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dengan *Hunan Hybrid Rice Research Centre*, Republic Rakyat China telah dilancarkan bagi mengkaji kesesuaian varieti padi bagi kawasan ladang yang tidak mempunyai sistem perairan. Projek tersebut bertujuan memperkukuhkan lagi Program Pembiakan Padi dan Industri Biji Benih Padi di negara ini.; dan

2. Negara Brunei Darussalam melalui *Syarikat Golden Chick Livestock Sdn. Bhd.* telah berjaya mengeksport sekitar 5.1 juta biji telur ayam ke Republik Singapura pada tahun 2023. Dalam perkara ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan terus bekerjasama dengan pihak autoriti di luar negara serta para pengusaha untuk membuat penyelarasan, perancangan dan persiapan yang bersesuaian bagi mengeksport ayam segar dan produk berasaskan daging dan pertanian dan perikanan untuk dieksport ke Republik Singapura dan negara-negara lain.;

3. *Syarikat LianFeng* dengan gabungan anak syarikatnya, *Syarikat Blue Ocean Tech Sdn. Bhd.* dan *JETS* Sdn. *Bhd.* sedang giat berusaha untuk meningkatkan lagi hasil pengeluaran udang biru *Rostris.* Antara kerja yang dijalankan adalah pembinaan kolam-kolam ternakan di beberapa kawasan seperti

di Kampung Serasa, Meragang, Mentiri dan Sungai Paku. Syarikat tersebut juga dalam proses perundingan untuk menyediakan pelaburan sebanyak $5.1 juta bagi menambah jumlah tapak-tapak yang boleh digunakan untuk meningkatkan operasi pengeluaran dan penetasan.;

4. *Syarikat Gropoint Sdn. Bhd.* dari Malaysia juga telah bercadang untuk menubuhkan sebuah Pusat Pemprosesan Makanan Lauk Beku di *Serasa Fisheries Center* yang bertaraf antarabangsa. Projek ini akan melibatkan pelaburan sebanyak $26.1 juta dan akan mempunyai kapasiti pengeluaran makanan beku sebanyak 3,500 – 5,000 tan metrik setahun. Pembinaan pusat tersebut dijangka akan bermula pada suku ketiga tahun 2024 ini dan akan memakan masa selama 2 tahun.; dan

5. Syarikat *Muara International Fish Landing Sdn. Bhd.* iaitu anak syarikat *MPC* juga telah berjaya menyiapkan kerja-kerja pemodenan dan pembangunan semula di Kompleks Pendaratan Ikan Muara, yang antara lainnya pembangunan kemudahan fasiliti *cold storage* yang telah pun siap dan memulakan operasinya pada bulan Disember 2023. Fasiliti ini إِنْ شَاءَ اللهُ akan dapat menyumbang kepada keperluan dan kemudahan rangkaian *cold chain logistics* di negara ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sekarang kaola ingin menyentuh mengenai hasil daripada inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah fokus keutamaan belanjawan pada tahun-tahun yang lalu yang menjurus kepada Pembangunan Modal Insan.

Fokus ini telah berhasil membukakan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk khususnya belia di negara ini dan menyediakan latihan-latihan peningkatan kapasiti dan kemahiran ke arah meningkatkan produktiviti negara. Pelbagai pendekatan dan tindakan secara holistik dan bersepadu telah dan sedang dilaksanakan bersama agensi-agensi yang berkaitan termasuklah meningkatkan keboleh pasaran belia melalui pendidikan dan latihan kemahiran.

Sokongan untuk *enterpreneurship*, keusahawanan dan Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana (PMKS) dan penjanaan lebih banyak peluang pekerjaan baharu di sektor swasta melalui pelaburan strategik dalam sektor-sektor hiliran dan industri pemakanan dan agropertanian sepertimana yang dikenal pasti dan telah dikongsikan sebentar tadi.

Dalam bidang pendidikan, negara telah memperolehi keputusan *PISA* atau *Program for International Student Assessment* atau Program Penilaian Pelajar Antarabangsa 2022, أَلْحَمْدُ لِلّٰه, Negara Brunei Darussalam adalah salah satu dari tiga negara teratas dari negara-

negara *ASEAN* yang ikut serta. Dalam semua domain *PISA 2022,* dengan peningkatan sebanyak 12 *score* dalam Matematik, 21 *score* dalam membaca dan 15 *score* dalam Sains berbanding *PISA 2018*. Pencapaian ini adalah hasil daripada usaha gigih para pendidik di negara ini dalam membantu semua pelajar mencapai potensi mereka sepenuhnya.

Bagi membentuk masa depan tenaga kerja di negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan ke atas isi kandungan *Manpower Blueprint* yang diterajui oleh Kementerian Pendidikan dan *Manpower Planning and Employment Council (MPEC). Manpower Blueprint* adalah sebagai garis panduan dan hala tuju bagi agensi pelaksana dan pihak berkepentingan ke arah pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035, terutamanya matlamat satu iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

'Pembarigaan' *Manpower Blueprint* إِنْ شَاءَ اللهُ akan dilaksanakan dalam tahun 2024 ini kepada kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, pihak swasta, institusi pengajian tinggi dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Dalam menangani *mismatch* antara pembekalan dan permintaan tenaga kerja secara berkesan, *Manpower Industry Steering Committee (MISC)* akan terus menyediakan program serta inisiatif bagi memastikan bekalan tenaga kerja tempatan adalah sejajar dan sepadan dengan peluang pekerjaan yang tersedia. Dalam masa yang sama, *MISC* juga melaksanakan inisiatif dan strategi yang akan dapat menangani isu pengangguran bagi jangka masa panjang termasuk penjanaan pekerjaan-pekerjaan baharu, *displacement of foreign worker* dan penyediaan kursus melalui *upskilling* dan *reskilling*. Setakat ini, *MISC* telah menjalankan program-program kerjaya di bawah sektor-sektor Hospitaliti dan Pelancongan, Pembinaan, *ICT*, Tenaga, Pengangkutan dan Logistik. Beberapa program akan dilaksanakan pada tahun 2024 ini. Antaranya adalah seperti:

1. Di bawah Sektor Tenaga, Kursus Juruteknik Elektrik dalam solar *photovoltaic* secara rintis akan dilancarkan pada bulan Julai 2024.;

2. Di bawah Sektor *Hospitality* dan *Tourism*, *MISC* akan menyediakan *competency framework* bagi 4 jenis jawatan iaitu:

    i. Bellboy.;
    ii. Telephone Operato.r;
    iii. Demi Che.f; dan
    iv. Chef De Partie.

    Di samping itu, satu program latihan juga akan diadakan khusus bagi Pemandu Pelancong ataupun *tourist guide* yang berkeinginan untuk menjadi Pemandu Pelancong yang berdaftar.; dan

3. Di bawah sektor Infokomunikasi dan Teknologi, Program *TechInspire* akan dijalankan yang melibatkan seramai 50 orang anak tempatan dijangka akan mengikuti latihan bagi jawatan *IT Technician* dan *Network Technician*.

MPEC juga telah memperkenalkan beberapa program dan inisiatif seperti berikut:

i. *Structure Apprenticeship Programme (SAP)* bagi memperolehi sijil, lesen dan pendaftaran bagi bidang kerjaya yang tertentu. Program pertama adalah *Clinical Supervisory Programme* bagi graduan baharu dalam bidang *Allied Health Professionals* dengan kerjasama Kementerian Kesihatan. Kohort pertama bagi program ini akan berjalan selama 18 bulan mulai suku pertama tahun 2024 secara latihan sambil bekerja ataupun *on-the-job training* untuk seramai 30 orang peserta.;

ii. *Programme Study in Professional Institution (SPIN)* dalam bidang *accountancy* yang pada masa ini dalam sesi pengajian kohort yang keempat telah bermula pada bulan Januari 2024. Pada masa ini, *MPEC* sedang meneroka peluang untuk mengembangluaskan kursus-kursus profesional dalam bidang yang berlainan mengikut keperluan industri di bawah program ini.; dan

iii. Program *SkillsPlus,* untuk memberi peluang dan bantuan pembiayaan kepada pencari kerja tempatan untuk melatih semula dan meningkatkan kemahiran sebanyak 13 bidang dalam program tersebut telah dikemas kini selaras dengan keperluan industri ke arah memastikan ia adalah sejajar dengan *Economic Blueprint* dan *Manpower Blueprint*.;

iv. Untuk memenuhi permintaan yang sentiasa meningkat khususnya dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional serta memperkasa kapasiti dan kemahiran tenaga kerja, Skim Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional ataupun *TVET* telah diperkenalkan khusus bagi pelajar lepasan di peringkat *'O',* yang mempunyai 3 *'O'* dan ke bawah, untuk mengikuti pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi swasta. Setakat ini, sebanyak 2 pengambilan telah dijalankan iaitu seramai 141 orang telah mengikuti program ini.

Sebagai satu langkah untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja di negara ini, Perintah Pekerjaan (upah minimum) 2023 telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan pada 12 Julai 2023 untuk menetapkan kos kadar gaji minimum $500.00 sebulan yang perlu dibayar oleh majikan kepada setiap pekerja. Dalam hal ini, para majikan diberikan tempoh peralihan selama 6 bulan dari tarikh berkuatkuasanya perintah berkenaan untuk mengambil langkah persediaan

yang bersesuaian. Dasar gaji minimum akan dilaratkan kepada semua industri secara berfasa yang bermula dengan Fasa 1, iaitu Industri Perbankan dan Kewangan dan Industri Infokomunikasi dan Teknologi.;

Kerajaan juga menyedari bahawa terdapat isu kekurangan jururawat dan keperluan untuk meningkatkan lebih ramai lagi pekerja dalam Sektor Kesihatan. Oleh itu, *JPMC College of Health Sciences Sdn. Bhd.* telah dilancarkan pada bulan Ogos 2023 yang merupakan sebuah kerjasama antara *Jerudong Park Medical Center Sdn. Bhd.* dan *Far Eastern University* dari Republik Filipina. Bagi Tahun Akademik 2023/2024 seramai 137 pelajar sedang menjalani kursus asas dalam bidang sains (*Foundation in Science Certificate)* dan seramai 70 pelajar sedang menjalani kursus Sarjana Muda dalam Kejururawatan (*Bachelor of Science in Nursing)*.

Di samping inisiatif-inisiatif yang dihasratkan tadi, Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) yang dilaksanakan pada bulan Julai 2023 yang lalu menggalakkan para pekerja untuk berkhidmat dan terus produktif bagi membolehkan mereka menerima pendapatan semasa bersara dengan lebih baik dan إِنْ شَاءَ الله sepanjang hayat serta perlindungan manfaat turunan juga boleh dirasai oleh tanggungan-tanggungan ahli. Skim ini adalah inklusif yang bukan sahaja memberikan manfaat kepada pekerja dalam sektor swasta dan kerajaan malah juga termasuk masyarakat yang produktif dalam sektor bukan formal atau bekerja sendiri. Berikutan pelaksanaan skim ini, sebanyak 93% ahli atau seramai 178,775 ahli telah mengikuti SPK. أَلْحَمْدُ لِلّٰه baru-baru ini SPK telah dianugerahi '2024 *Best of The Best Awards'* yang telah dikelolakan oleh *Asia Asset Management (AAM)* di bawah kategori *Most Improved Pension Fund* di rantau *ASEAN*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam meneruskan perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035, pada tahun-tahun ke hadapan kita akan menghadapi lebih banyak cabaran seperti kemajuan pesat dan transformasi teknologi maklumat, peningkatan ancaman siber, ancaman perubahan iklim dan pencemaran alam, perubahan sosial dan demografi dan ketidakstabilan geopolitik, evolusi dalam pendidikan dan pembangunan kemahiran, cabaran kesihatan dan cabaran-cabaran lain yang di luar kawalan kita. Tambahan pula sebagai sebuah negara yang terbuka dan bersaiz kecil kita tidak terlepas daripada faktor luaran ini dan kesannya masih lagi dirasai dalam beberapa sektor sehingga kini.

Di sebalik cabaran-cabaran tersebut, kita seharusnya mengambil peluang dan menjadikannya sebagai "batu loncatan" untuk transformasi, inovasi dan kemajuan yang antaranya melalui hubungan yang baik dengan rakan kongsi serantau dan antarabangsa bagi meningkatkan akses kepada pasaran

baharu. Kaola yakin dengan sikap produktif dan bersatu serta mengambil langkah-langkah persiapan yang holistik melalui kolaborasi erat antara semua pihak melalui pendekatan *Whole of Nation* dengan penuh dedikasi dan komitmen kita akan dapat membina sebuah negara yang akan dapat melindungi masa depan kita, malah juga memberikan inspirasi dan menyuntik semangat kepada generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. أَلْحَمْدُ لِلّٰه ekonomi dunia telah beransur pulih pasca pandemik *COVID-19* dan dalam keadaan lebih stabil berikutan penurunan kadar inflasi secara konsisten dan penubuhan ekonomi yang resilien khususnya dalam 6 bulan terakhir tahun 2023. Ini disumbangkan oleh faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan dan pembekalan dalam ekonomi utama berikutan peningkatan perbelanjaan oleh entiti swasta dan kerajaan. Peningkatan ketersediaan tenaga buruh, kecekapan rantaian bekalan serta pengurangan kos tenaga dan komoditi. Berikutan prospek penubuhan positif dan resilien ini yang dijangka akan berterusan pada tahun 2024, pihak *International Monetary Fund (IMF)* melalui laporan *World Economic Outlook Update* keluaran bulan Januari 2024 telah menyemak semula unjuran penubuhan global bagi tahun 2024 kepada 3.1% berbanding unjuran awal 2.9%. Manakala unjuran bagi tahun 2025 masih dikekalkan iaitu berkembang pada kadar 3.2%.

Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan diunjurkan adalah sederhana dan masih di bawah *purata* pertumbuhan bagi tempoh antara tahun 2000 ke 2019, iaitu sebanyak 3.8%, dan jua berkemungkinan berdepan dengan cabaran-cabaran dan ketidakstabilan disebabkan oleh kesan daripada pergolakan geopolitik yang berpanjangan. Tekanan inflasi global, risiko ketidakstabilan kewangan global dan peningkatan kesan buruk perubahan iklim.

Berikutan dengan unjuran pertumbuhan ekonomi global ini pihak *IMF* telah meramalkan jumlah perdagangan global (*global trade volume*) berkembang pada kadar 3.3% bagi tahun 2024 dan 3.6% bagi tahun 2025. Unjuran ini masih di bawah *prorata* sebanyak 4.9%. Prospek pertumbuhan akan terus cenderung ke arah pertumbuhan yang perlahan disebabkan peningkatan halangan perdagangan (*trade barrier*) dan perpecahan geoekonomi ataupun *geoeconomic fragmentation*.

Pihak *Energy Information Administration (EIA)* melalui laporan bulan Februari 2024 telah melaporkan bahawa harga minyak Brent secara *purata* telah meningkat kepada kadar USD80 setong pada Januari 2024 ini antaranya disebabkan oleh ketidaktentuan yang meningkat terhadap bekalan dan penghantaran minyak dunia berikutan konflik di Timur Tengah dan Laut Merah. *EIA* seterusnya meramalkan bahawa harga minyak dunia akan meningkat kepada sekitar USD80 ke USD85 setong

sebelumnya menurun kepada USD78 setong pada tahun 2025 disebabkan oleh ramalan peningkatan inventori minyak global.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola seterusnya ingin mengongsikan prestasi ekonomi negara yang bergantung pada aktiviti-aktiviti ekonomi domestik, prestasi projek-projek Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* yang sedia ada dan kemajuan pelaksanaan projek *FDI* baharu.

Bagi keseluruhan tahun 2023, أَلْحَمْدُ لِلّٰه kadar penubuhan KDNK Negara mencatatkan peningkatan sebanyak 1.4%. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan yang berterusan dari sektor bukan minyak dan gas yang meningkat pada kadar 4.5%. Peningkatan bagi sektor ini adalah antaranya disebabkan oleh peningkatan subsektor seperti pengangkutan udara, kewangan dan pembinaan. Walau bagaimanapun, sektor minyak dan gas mencatatkan penurunan sebanyak 2.0%.

Di samping itu, bagi tahun 2024, Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengunjurkan kadar pertumbuhan KDNK Negara antara 3.3% hingga 4.0%. Unjuran tersebut adalah mengambil kira peningkatan sektor minyak dan gas khususnya peningkatan pada pengeluaran minyak mentah dan gas asli. Sektor Bukan Minyak Dan Gas juga menunjukkan peningkatan yang antara lain disumbang oleh subsektor seperti pembuatan produk petroleum dan kimia, ternakan, perikanan dan pengangkutan udara.

Manakala, pihak *IMF, ASEAN Plus 3 Industry Macroeconomic Research Office (AMRO) dan Asian Development Bank (ADB)* telah mengunjurkan penubuhan ekonomi yang positif bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2024 iaitu masing-masing pada kadar 3.5%, 2.4% dan 2.5%. Unjuran tersebut adalah mengambil kira peningkatan usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi khususnya pengeluaran produk sektor hiliran minyak dan gas serta aktiviti-aktiviti berkaitan dari *Syarikat Hengyi Industries Sendirian Berhad, Syarikat Methanol Brunei (BMC)* dan *Syarikat Brunei Fertilizer Industries Sendirian Berhad (BFI).*

Namun di sebalik unjuran positif ini, negara dijangka turut terkesan daripada impak ketidakpastian dan beberapa risiko yang berkemungkinan akan menjejas momentum pertumbuhan ekonomi negara.

Kadar inflasi global bagi tahun 2023 telah meningkat secara *significant* iaitu pada kadar 6.9%, kesan daripada peningkatan ini turut dirasai di negara ini memandangkan kira-kira 70% daripada bekalan dan barangan negara adalah diimport.

Walau bagaimanapun, أَلْحَمْدُ لِلّٰه melalui usaha bersama beberapa agensi kerajaan, inflasi negara bagi tahun 2023 hanya meningkat pada kadar yang rendah iaitu 0.4% di sebalik peningkatan harga makanan sebanyak 2.7%.

Oleh itu, negara akan terus berusaha bagi menghasilkan beberapa produk bagi menggalakkan penggantian import *(Import Substitution)* dan seterusnya bagi memperbanyakkan pilihan barangan. Ini adalah termasuk inisiatif *Syarikat Ghanim International Corporation* dengan kerjasama *Syarikat Western Foods & Packaging Sendirian Berhad (WFP)* yang telah pun melancarkan minyak masak sayuran tempatan yang pertama di bawah jenama "*BruneiHalalFoods".*

Dalam hubungan ini, kita perlulah meneruskan usaha-usaha untuk mempelbagaikan lagi ekonomi negara untuk mencapai matlamat-matlamat di bawah Wawasan Brunei 2035, khususnya Matlamat Ke-3 Iaitu: Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya izinkan kaola mengongsikan kedudukan fiskal kerajaan bagi Tahun Kewangan 2022/2023. Kerajaan telah mencatatkan kutipan hasil pendapatan sebanyak $6.35 bilion iaitu peningkatan 33.1% bebanding $4.77 bilion pada Tahun Kewangan 2021/2022.

Peningkatan ini adalah berikutan kenaikan harga minyak dunia pada tahun 2022 yang secara *prorata* berada pada paras melebihi USD90 setong. Dari segi perbelanjaan pula, kerajaan juga telah mencatatkan peningkatan sebanyak 5.3% kepada $6.08 bilion berbanding dengan $5.78 bilion pada Tahun Kewangan 2021/2022. Walau bagaimanapun, syukur أَلْحَمْدُ لِلّٰه kerajaan telah berjaya merekodkan lebih belanjawan *(budget surplus)* sejumlah $260.46 juta setelah merekodkan defisit belanjawan berturut-turut sejak Tahun Kewangan 2019/2020.

Bagi kedudukan fiskal kerajaan untuk Tahun Kewangan 2023/2024 pula, berikutan dengan harga minyak dunia yang melebihi USD$80 setong serta pengeluaran minyak dan gas yang menurun disebabkan penutupan berjadual bagi aktiviti-aktiviti penyelenggaraan. Unjuran hasil pendapatan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2023/2024 adalah dikemas kini kepada $3.22 bilion berbanding anggaran asal sebanyak $2.99 bilion.

Manakala perbelanjaan kerajaan bagi Tahun Kewangan 2023/2024 adalah diunjurkan berjumlah $5.92 bilion berbanding dengan $5.96 bilion yang telah diperuntukkan pada Tahun Kewangan 2023/2024.

Unjuran ini adalah mengambil kira tambahan peruntukan yang dijangkakan pada Tahun Kewangan 2023/2024 antara lainnya untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan di bawah Perkhidmatan Rampaian dan sejumlah $2.1 juta untuk membiayai perbelanjaan bagi pemakanan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Namun demikian, Perbelanjaan Kemajuan diunjurkan berjumlah $373.82 juta berbanding dengan $500 juta yang telah diluluskan, antaranya disebabkan oleh beberapa perkara seperti penelitian

semula keperluan penggunaan (*user requirement)* dan skop projek.

Oleh itu, berasaskan kepada anggaran kutipan hasildan perbelanjaan seperti yang kaola kongsikan sebentar tadi, kerajaan dijangka akan merekodkan defisit belanjawan sebanyak $2.7 bilion pada Tahun Kewangan 2023/2024.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seterusnya sukacita kaola mengongsikan bahawa dengan berasaskan unjuran-unjuran serta arah tuju ekonomi dunia pada masa ini dengan mengambil kira tahap pengeluaran minyak negara, anggaran hasil kerajaan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 diunjurkan berjumlah $3.26 bilion, $2.47 bilion atau 75% adalah hasil daripada sektor minyak dan gas, dan $793.52 juta atau 25% adalah hasil daripada sektor bukan minyak dan gas. Pecahan hasil-hasil tersebut antaranya:

i. Kutipan hasil cukai-cukai yang keseluruhannya berjumlah $228.17 juta. Antaranya $197 juta dari Cukai Pendapatan Syarikat-Syarikat dan Cukai Setem, $14.1 juta daripada Lesen Kenderaan di bawah Jabatan Pengangkutan Darat dan $12.0 juta dari Cukai-Cukai Di Bawah Lembaga-Lembaga Bandaran.;

ii. Sebanyak $103.7 juta dari kutipan *duty import* dan *excise* Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.;

iii. Hasil dari Yuran dan Caj yang keseluruhannya berjumlah $230.67 juta. Antaranya dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik dianggarkan berjumlah $165.2 juta, dari Kementerian Kesihatan dianggarkan berjumlah $11 juta daripada Yuran dan Caj Perkhidmatan Hospital, dan dari Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dianggarkan berjumlah $10 juta dari perkhidmatan-perkhidmatan imigresen.;

iv. Hasil daripada pendapatan Sewa dan Komersial dari jualan barang dan perkhidmatan yang keseluruhannya berjumlah $98.7 juta. Antaranya dari Jabatan Kemajuan Perumahan dianggarkan berjumlah $60.2 juta dan Jabatan Kerja Raya dianggarkan berjumlah $26.8 juta.; dan

v. Seterusnya hasil daripada pendapatan Kewangan yang keseluruhannya berjumlah $102.2 juta iaitu sebanyak $61.73 juta dari Pulangan Pelaburan dan Simpanan, dan sebanyak $40.49 juta dari hasil yang berlebihan dari Badan-Badan Berkanun.

Dalam kesempatan ini, sukacita kaola kongsikan bahawa dengan pengenalan "*Chart of Accounts"* yang baharu mulai Tahun Kewangan 2024/2025, Kategori Gaji Kakitangan akan diubah menjadi Kategori *"Emolumen"* yang merangkumi peruntukan gaji, elaun-elaun dan caruman. bukan sahaja bagi pegawai-

pegawai dan kakitangan yang berjawatan tetap, tetapi juga bagi yang dalam jawatan bergaji hari. Selain itu, kesemua elaun di bawah Kategori Perbelanjaan Berulang-Ulang akan dipindah di bawah Kategori *"Emolumen".*

Oleh itu, sejumlah $6.25 bilion dicadangkan untuk membiayai perbelanjaan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, iaitu:

i. Sejumlah $2.29 bilion untuk membiayai Emolumen termasuk Gaji, Faedah Perkhidmatan, kemudahan-kemudahan lain dan Caruman Majikan.;

ii. Sebanyak $2.40 bilion adalah untuk membiayai Perbelanjaan Berulang-Ulang.;

iii. Sejumlah $500 juta diperuntukkan untuk membiayai sebanyak 305 Projek-Projek Pembangunan di bawah RKN-12. Bagi tempoh RKN-12 yang akan bermula pada Tahun Kewangan 2024/2025 dan akan berakhir pada tahun 2029/2030, Jawatankuasa Tertinggi RKN yang dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meluluskan sebanyak $4 bilion untuk membiayai 305 buah projek di pelbagai sektor dan kluster ekonomi.; dan

iv. Selebihnya untuk membiayai perbelanjaan di bawah Tajuk Perbelanjaan Yang Diakui.

Oleh itu, berdasarkan kepada anggaran hasil dan perbelanjaan kaola nyatakan tadi, maka kerajaan dijangka akan mengalami defisit belanjawan berjumlah kira-kira $2.99 bilion. Unjuran defisit ini akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada tahap pengeluaran minyak dan gas negara, harga minyak dunia, kadar pertukaran mata wang dolar Amerika Syarikat, hasil pendapatan dari sektor bukan minyak dan gas dan perbelanjaan sebenar kerajaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola akan beralih kepada Tema Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Tema Belanjawan pada Tahun Kewangan 2023/2024 iaitu: 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' atau *'Building A Prosperous Future Together'* adalah untuk dikekalkan dan dilanjutkan bagi tempoh 2 tahun lagi bermula Tahun Kewangan 2024/2025 hingga 2025/2026.

Ini adalah untuk memastikan kesinambungan dan penyejajaran serta penilaian dalam jangka masa sederhana ke arah mencapai dasar-dasar dan matlamat-matlamat perbelanjaan yang telah disasarkan sebelum ini dan membolehkan agensi-agensi kerajaan untuk terus berusaha memajukan inisiatif-inisiatif dan projek-projek sama ada yang telah dirancang atau dalam pelaksanaan.

Tema ini akan memfokuskan kepada 3 keutamaan (*priority*) yang baharu bagi Tahun Kewangan 2024/2025:

1. Meningkatkan Kesejahteraan dan Produktiviti Awam.;

2. Memupuk Kepelbagaian Ekonomi yang Mampan.; dan

3. Pembangunan Modal Insan yang Dinamik dan Berwawasan.

Seperti yang pernah kaola kongsikan semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara pada 6 Mac 2023. Tema ini adalah sebagai komitmen kerajaan untuk membina asas ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan ke arah pertumbuhan ekonomi yang mampan bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Oleh itu, keutamaan akan terus diberikan untuk meningkatkan usaha dalam merangsang pertumbuhan dan mempelbagaikan ekonomi negara, meningkatkan ekosistem perniagaan dan pelaburan yang lebih kondusif untuk menarik lebih banyak pelaburan yang berkualiti dan bermanfaat kepada negara ini. Ini juga termasuk penglibatan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau *GLC's*. Usaha-usaha sedemikian penting untuk menjana peluang pekerjaan berkualiti bagi penduduk tempatan khususnya di sektor swasta. Kerajaan juga akan terus menyokong penyediaan infrastruktur berkualiti, mudah diakses bagi kemudahan aktiviti perekonomian, perniagaan dan perindustrian.

Di samping itu, kerajaan akan menubuhkan usaha-usaha bagi menyediakan pendidikan yang berkualiti dan inklusif ke arah melahirkan anak tempatan yang berkemahiran, *marketable*, *employable and future ready*, sesuai dengan keperluan dan permintaan industri-industri yang dikembangkan agar dapat menyumbang kepada produktiviti negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola akan menghuraikan secara ringkas keutamaan-keutamaan berkenaan satu per satu termasuk perkembangan dan pencapaiannya:

1. Meningkatkan Kesejahteraan dan Produktiviti Awam.

   Fokus pertama ini merupakan komitmen kerajaan untuk memelihara kesejahteraan dan kebajikan rakyat dengan meletakkan asas kepada penduduk yang lebih sihat, berpendidikan dan produktif agar generasi semasa dan akan datang dapat sama-sama menyumbang kepada kestabilan sosioekonomi negara ke arah masa depan yang lebih makmur.

   Kerajaan juga akan terus melabur kepada pembangunan infrastruktur dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat dan penduduk yang meliputi pelbagai sektor termasuk pengangkutan, telekomunikasi dan kemudahan asasi seperti pembekalan air dan elektrik, memperluaskan rangkaian perkhidmatan dan penyediaan perumahan negara. Oleh

itu, beberapa peruntukan telah disediakan di bawah fokus ini:

i. Bagi memenuhi permintaan bekalan tenaga elektrik yang semakin meningkat dan memastikan bekalan yang mencukupi, berkualiti serta *reliable* Harga Rancangan sebanyak $400 juta secara keseluruhan disediakan bagi melaksanakan sebanyak 36 buah projek di bawah RKN-12 termasuk pembinaan Janakuasa *Combined Cycle Bukit Panggal Phase 2*, serta menaik taraf dan mengukuhkan sistem rangkaian di seluruh negara.;

ii. Bagi memastikan rakyat mempunyai tempat kediaman yang selesa, penyediaan perumahan yang selamat, berkualiti dan mampu untuk dimiliki, kerajaan telah menyediakan Harga Rancangan sebanyak $277 juta untuk melaksanakan 9 buah projek di bawah RKN-12 untuk meningkatkan penyediaan perumahan negara. Antaranya di Kampung Lugu Fasa 2B, Kampung Rimba Fasa 6, Kampung Salambigar, Kampung Lumut Fasa 7 dan Kampung Tanah Jambu.; dan

iii. Bagi pembekalan air yang bersih secara lebih efektif dan *reliable* kepada orang ramai, kerajaan akan memperuntukkan Harga Rancangan sebanyak $261.1 juta di bawah RKN-12 untuk menaik taraf dan memperbaiki sistem loji-loji dan kolam-kolam rawatan serta sistem pembetungan di seluruh daerah.

Pada masa yang sama, sejak penggabungan infrastruktur rangkaian telekomunikasi pada tahun 2019, Syarikat *Unified National Network Sendirian Berhad (UNN)* telah melaksanakan kerja-kerja peningkatan dan penambahbaikan terhadap infrastruktur untuk rangkaian *mobile* iaitu perkhidmatan rangkaian *5G* telah disediakan dengan liputan di keempat-empat daerah dan kelajuan sehingga *1000mbps* di kawasan-kawasan tumpuan (*high density area*). Syarikat *UNN* juga telah berupaya meningkatkan liputan Internet termasuk memperluaskan *fibre broadband* ke kawasan luar bandar yang liputan *fixed broadband penetration* telah mencapai 91% berbanding 50% pada tahun 2020.

Dengan penggabungan infrastruktur tersebut, juga telah dapat menurunkan harga *broadband* dan pelan telefon sebanyak 55% secara purata dan ini sekali gus meningkatkan penggunaan atau pelanggan Internet dan dapat mengurangkan kos operasi perniagaan di negara ini. Sebagai misalan, bagi harga *fixed broadband* tanpa had yang sebelum ini adalah pada kadar $459 dengan kelajuan

100mbps kepada $169 pada kelajuan *500mbps* pada masa ini. Bagi tawaran pelan *postpaid* pula, sebelum ini pelan $55 hanya memberikan pelanggan data sebanyak *7.5GB* sahaja manakala pada masa ini pelanggan boleh mendapat data yang lebih banyak iaitu *30GB* dengan harga $50 sahaja. Ini akan dapat membantu dan memudahkan perjalanan pendigitalan Negara Brunei Darussalam ke arah menjadi sebuah *smart nation*.

Dalam memenuhi keperluan perkhidmatan *ICT* yang semakin meningkat, *Syarikat UNN* sedang membina sebuah Pusat Pangkalan Data (*data centre*) yang bertempat di kawasan Tungku, Daerah Brunei dan Muara sebagai penambahan kapasiti kepada pusat-pusat pangkalan data yang sedia ada. Pusat pangkalan data yang baharu ini akan dapat menempatkan sehingga 500 buah rak berbanding 112 rak yang sedia ada dan seterusnya akan mendapatkan pensijilan *Tier* 3 pada awal tahun 2025. *UNN* juga telah berjaya memperolehi Pensijilan Piawaian Antarabangsa *ISO/IEC 27001:2022* pada Mac 2023 bagi perlindungan kerahsiaan, integriti dan ketersediaan bagi aset dan sistem data dan maklumat organisasi yang diiktiraf di peringkat global.

Kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada inisiatif-inisiatif ke arah Pelan *Transformasi Digital* bagi meningkatkan kecekapan prestasi dan produktiviti perkhidmatan awam untuk memastikan rakyat menerima perkhidmatan yang berkualiti tinggi, mudah diakses dan responsif yang memenuhi keperluan. Ke arah itu, kerajaan akan terus menyediakan peruntukan-peruntukan seperti berikut:

i. Bagi meningkatkan lagi produktiviti dan keberkesanan pengurusan kes-kes mahkamah, kerajaan akan menyediakan Harga Rancangan sebanyak $19.4 juta secara keseluruhan di bawah RKN-12 untuk melaksanakan 3 buah projek iaitu Sistem Pengurusan Elektronik Kes Badan Kehakiman 2.0, Sistem Pengurusan Mahkamah Syariah 2.0 dan Sistem *Technology Courts*;.;

ii. Bagi penyediaan pangkalan data-data yang komprehensif termasuk pengurusan aset dan penambah baik penyelarasan antara jabatan. Kerajaan akan menyediakan Harga Rancangan sebanyak $29.4 juta secara keseluruhan di bawah RKN-12 untuk melaksanakan 4 buah projek iaitu antara lainnya Projek Permintaan Utiliti, Projek *'MOD Integrated Platform'*, Projek Sistem Aset dan Infrastruktur Kerajaan dan Sistem

Permohonan Perumahan dan Bil Atas Talian.; dan

iii. Bagi penyediaan sistem maklumat untuk penyimpanan dan pengurusan rekod data termasuk data pelajar dan tenaga pengajar, maklumat mengenai sekolah-sekolah, pengurusan kemasukan penuntut, kerajaan akan menyediakan Harga Rancangan sebanyak $21.2 juta secara keseluruhan di bawah RKN-12 untuk melaksanakan 3 buah projek iaitu, Sistem Pengurusan Pendidikan Kebangsaan, *Education Data Management System (EDMS)* dan *School Enterprise Resource Planning System (ERPS).*

Keutamaan juga akan terus diberikan untuk mengukuhkan lagi Sistem Kesihatan Negara bagi meningkatkan lagi keupayaannya untuk bertindak balas secara berkesan dan lebih responsif terhadap apa jua keperluan kesihatan dan sebarang perubahan atau cabaran-cabaran paradigma kesihatan pada masa ini dan masa depan. Ini termasuk memastikan semua peralatan perubatan yang diperlukan, peralatan diagnostik, stok ubat-ubatan dan sumber tenaga manusia yang mencukupi.

Negara juga tidak terkecuali daripada kos penjagaan kesihatan yang kian meningkat dan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ia didorong oleh pelbagai faktor termasuk kenaikan harga rawatan perubatan dan ubat-ubatan dan *ageing population* dengan keperluan penjagaan kesihatan yang semakin kompleks.

Oleh itu, kerajaan sentiasa menekankan kepentingan penjagaan dan pencegahan awal serta dengan mengutamakan gaya hidup sihat dapat membantu mengurangkan penyakit-penyakit kronik dan seterusnya mengurangkan tekanan pada sistem penjagaan kesihatan kita.

Ke arah itu, beberapa peruntukan akan disediakan bagi mendukung Sektor Kesihatan antaranya:

i. Harga Rancangan berjumlah $256.53 juta secara keseluruhannya di bawah RKN-12 bagi Pembangunan Prasarana-Prasarana Perubatan dan Kesihatan antaranya pembinaan blok baharu Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, penaiktarafan Hospital Suri Seri Begawan Kuala Belait, pembinaan blok baharu Makmal Rujukan dan pembinaan Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan dan Jabatan Perkhidmatan Makmal.;

ii. Harga Rancangan berjumlah $62.5 juta bagi pelaksanaan Projek Sistem *Bru-HIMS 2.0* yang juga termasuk *System Intelligence Electronic Medical Record (EMR)*, *Intelligent Care Plan and Clinical Pathway Recommendation* dan sistem data yang berstruktur.;

iii. Sejumlah $25.8 juta secara keseluruhan akan disediakan bagi Pemeliharaan Sistem *Bru-HIMS* dan penambahbaikan ciri-ciri dan keupayaan Sistem *Bruhealth* seperti *Diabetic Management System, Online Appointment* serta *Consultation*.;

iv. Sejumlah $26.87 juta keseluruhan telah diperuntukkan untuk memastikan penyediaan perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi keperluan kesihatan masyarakat. Antaranya, $10 juta untuk menggantikan Perkhidmatan Sokongan Klinikal dan Bukan Klinikal, $7.2 juta untuk Perkhidmatan Kakitangan Jururawat dan Personel Makmal dari *Jerudong Park Medical Centre (JPMC)* dan $3.9 juta untuk perkhidmatan bekalan makanan dan minuman pesakit di hospital-hospital seluruh negara.;

v. Sejumlah $89 juta akan terus disediakan secara keseluruhan bagi Pembelian Ubat-Ubatan, Barangan Guna Habis Perubatan dan Keperluan Ujian-Ujian Makmal untuk hospital-hospital, pusat-pusat kesihatan dan jabatan-jabatan perkhidmatan.;

vi. Peruntukan bagi Pembayaran Perkhidmatan Perubatan Rawatan Sakit Jantung di *Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC)*, Pusat Kanser Brunei dan *Brunei Neuroscience Stroke & Rehabilitation Centre* dipindah dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi kepada Kementerian Kesihatan dan seterusnya ditambah sejumlah $120 juta daripada $30 juta kepada $150 juta. Tujuan pemindahan adalah untuk meningkatkan akauntabiliti terhadap keberkesanan dan kecekapan perbelanjaan bagi rawatan-rawatan perubatan luar di samping memberikan gambaran lengkap terhadap kos sebenar penjagaan kesihatan yang menyeluruh.; dan

vii. Seterusnya, bagi menangani isu kesihatan masyarakat yang kritikal seperti wabak penyakit berjangkit kerajaan akan terus menyediakan peruntukan sejumlah $37 juta untuk menyokong Pengurusan Krisis dan Bantuan kepada individu atau komuniti yang terjejas. Ini juga termasuk melaksanakan Program-Program Penjagaan Rawatan dan Penyelidikan ke atas Wabak Penyakit Berjangkit.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Selaras dengan komitmen negara ke arah Pelepasan Sifar Bersih (*net zero emissions*) menjelang tahun 2050 dan strategi-strategi di bawah Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam *(BNCCP),* kerajaan akan terus memberikan keutamaan dalam menangani perubahan iklim bagi membentuk hala tuju negara ke arah sebuah ekonomi yang rendah karbon dan berdaya tahan iklim. Fenomena perubahan iklim ini adalah jelas dan tindakan perlulah diambil segera agar

dapat memelihara negara untuk generasi yang akan datang.

Ke arah itu, sebuah direktif Laporan Mandatori bagi Gas Rumah Hijau ataupun *Green House Gas* telah dilancarkan untuk menubuhkan pengesahan, laporan dan keperluan bagi semua fasiliti yang mengeluarkan dan atau menyingkirkan yang pelepaskan *Green House Gas* termasuk dalam rangkaian yang aktiviti yang merangkumi jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat sektor swasta.

Sepertimana yang kaola kongsikan sebentar tadi, satu projek yang dikendalikan oleh Syarikat *TotalEnergies Sdn. Bhd.* bagi membangunkan tapak tenaga "solar" di Tapak Perindustrian Sungai Liang, Daerah Belait yang bertujuan untuk mencapai kapasiti 12 *megawatt* dari sumber tenaga yang boleh diperbaharui *(renewable energy)* menjelang tahun 2025. Dengan adanya projek ini akan meningkatkan keupayaan negara untuk mendukung industri eksport dengan pengeluaran produk seperti *green chemicals* dan *ammonia*.

Bagi mendukung hasrat dengan komitmen tersebut, beberapa peruntukan telah disediakan antaranya:

i. Harga Rancangan yang berjumlah $50 Juta di bawah RKN-12 bagi meneroka inisiatif-inisiatif *Green Building* ke arah perlindungan alam sekitar melalui bahan binaan, bahan-bahan kitar semula dan penggunaan sumber yang efisien.;

ii. Harga Rancangan sebanyak $17.6 Juta secara keseluruhan di bawah RKN-12 bagi mendukung Kelestarian Alam sekitar antaranya melalui Program-Program Penghijauan Semula dan Pemuliharaan Hutan.;

iii. Harga Rancangan yang berjumlah $1 juta di bawah RKN-12 untuk menyediakan Pelan Adaptasi Kebangsaan bagi Perubahan Iklim ke arah peningkatan kedayatahan terhadap risiko perubahan iklim serta kapasiti beradaptasi dengan kesan perubahan iklim.;

iv. Harga Rancangan yang berjumlah $ 62.5 juta secara keseluruh dalam RKN-12 untuk melaksanakan 16 buah Projek Pencegahan Banjir di beberapa buah daerah termasuk menambah kapasiti dan melancarkan aliran air sungai.; dan

v. Sejumlah $25 juta disediakan untuk urusan bencana alam bagi membolehkan agensi-agensi kerajaan bekerjasama dalam menangani bencana alam seperti kejadian banjir, tanah susur dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kerajaan akan juga terus mengutamakan usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif ke arah meningkatkan produktiviti khususnya pengeluaran domestik dalam Sektor Pertanian, Perikanan dan Penternakan untuk memastikan negara dapat

mencapai tahap sara diri atau *self-sufficiency* dalam pengeluaran makanan dan barangan keperluan asasi dan ini adalah sebagai langkah proaktif untuk menangani sebarang kesan negatif terhadap faktor luaran seperti perubahan iklim, bencana alam, kesan geopolitik, termasuk inflasi dan peningkatan kos sara hidup.

Dalam hal ini, beberapa peruntukan akan disediakan untuk merangsang penubuhan dalam industri Sektor Pertanian dan Perikanan antaranya:

i. Harga Rancangan yang berjumlah $17.5 juta di bawah RKN-12 bagi Program Peningkatan Keluaran Sayur menggunakan teknologi tinggi bagi meningkatkan lagi produktiviti pengeluaran hasil keluaran sayur negara.;

ii. Harga Rancangan sebanyak $68.3 juta di bawah RKN-12 bagi Program Peningkatan Kapasiti Sistem Perairan di Kawasan Kemajuan Pertanian di seluruh negara Fasa 2 untuk mengukuhkan Sistem Pengairan dan Simpanan Air bagi seluruh tapak-tapak pertanian.;

iii. Harga Rancangan sebanyak $5.8 juta secara keseluruhan di bawah RKN-12 bagi menjalankan 7 buah Projek untuk Menambah Baik Infrustruktur Kemudahan-Kemudahan dan Fasiliti-Fasiliti bagi mendukung peningkatan hasil pengeluaran industri padi, ternakan dan akuakultur.; dan

iv. Bagi meningkatkan lagi pengeluaran beras negara, peruntukan yang berjumlah $9 juta juga akan disediakan di bawah Skim Pembelian Semula Padi serta Pembelian Benih-Benih Padi *hybrid* untuk penjualan kepada peladang-peladang padi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

2. Memupuk Kepelbagaian Ekonomi yang Mampan.

Kerajaan akan terus memberikan penekanan kepada usaha-usaha untuk mendukung kemajuan dan perkembangan dan mengkukuhkan penglibatan sektor swasta untuk membentuk asas ekonomi negara yang lebih berdaya tahan dan berdaya maju. Ke arah itu, usaha-usaha perlu menjurus kepada meningkatkan produktiviti negara dalam sektor ekonomi yang dikenal pasti dengan kerjasama peniaga-peniaga tempatan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau *GLC's*. Ini meliputi penyediaan skim dan inisiatif Program Latihan dan Pembangunan Kapasiti, Ekosistem yang properniagaan, kemudahan prasarana serta penyediaan tapak-tapak bagi membantu perkembangan peniagaan-peniagaan tempatan khususnya PMKS.

Ke arah menambah baik dan meningkatkan sistem infrastruktur yang dapat menjana produktiviti untuk memajukan pertumbuhan dan

mempelbagaikan ekonomi negara. Kerajaan akan menyediakan beberapa peruntukan antaranya:

i. Harga Rancangan sebanyak $80 juta di bawah RKN-12 bagi Penyediaan Infastruktur bagi meningkatkan industri pertanian di seluruh negara Fasa 2 untuk memastikan tapak tersedia untuk ditawarkan kepada pengusaha dan bagi mempercepatkan, memulakan perusahaan, mencapai sasaran hasil keluaran.;

ii. Harga Rancangan sebanyak $39 juta di bawah RKN-12 bagi Program Pembinaan Infrustruktur Sistem Pembetungan dan Saluran Sisa Buangan untuk meningkatkan lagi kawalan pencemaran dan aktiviti penternakan dan penyembelihan industri ternakan. Harga rancangan sebanyak $18.1 juta di bawah RKN-12 bagi rancangan pembangunan industri ternakan disediakan untuk menjana pengeluaran termasuk pembekalan elektrik di Kawasan Kemajuan Pertanian Merangking Fasa 1, Daerah Belait.;

iii. Harga Rancangan sebanyak $18.5 juta secara keseluruhan di bawah RKN-12 bagi menjalankan 5 buah projek bagi memajukan dan membuka tapak-tapak bagi Industri Akuakultur termasuk menyediakan infrastruktur asas.; dan

iv. Harga rancangan sebanyak $10 juta bagi Kerja-Kerja Penyediaan, Menaik Taraf Infrastruktur dan Kemudahan Asas bagi Kawasan Kemajuan Pertanian sedia ada dan baharu.

Kerajaan juga memberikan keutamaan kepada usaha-usaha untuk menggembangkan sektor-sektor seperti pelancongan dan perdagangan antarabangsa yang boleh merangsang perniagaan tempatan, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan secara langsung kesejahteraan ekonomi keseluruhan masyarakat dan penduduk demi mendukung hasrat mempelbagaikan ekonomi dan seterusnya memperkukuhkan lagi sektor bukan minyak dan gas.

Ke arah itu, beberapa peruntukan juga telah disediakan untuk mendukung hasrat tersebut termasuk:

1. Dalam usaha untuk mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pilihan pelancong, kerajaan akan memperkukuhkan Harga Rancangan sebanyak $36.4 juta secara keseluruhan bagi melaksanakan 10 projek di bawah RKN-12 untuk menambah lagi produk-produk pelancongan termasuk mengukuhkan infrastruktur asas dan kemudahan awam di tempat-tempat tarikan pelancong.

2. Bagi memastikan infrastruktur lapangan terbang yang moden dan efisien, kerajaan akan menyediakan Harga Rancangan sebanyak $60 juta di bawah RKN-12 untuk melaksanakan 2 projek iaitu Membaik Pulih Landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan Mempertingkatkan Infrastruktur Aerodrome Dan Kemudahan Di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Sebagai penambahan kepada insiatif-insiatif dibawah Pelan Transformasi Digital yang kaola telah kongsikan awal tadi, kerajaan juga menyediakan peruntukan bagi memperkembangkan infrastruktur rangkaian dan penyelesaian inovatif untuk membolehkan penduduk dapat berkomunikasi, mengakses perkhidmatan dalam talian dan mengambil bahagian dalam aktiviti perekonomian digital sama ada di peringkat global atau serantau. Ini termasuk menyediakan program-program peningkatan kapasiti bagi menggalakkan masyarakat yang celik digital dan memperkasa pengetahuan dalam bidang teknologi maklumat untuk menyesuaikan diri dengan perubahan landskap digital.

Beberapa usaha telah pun dilaksanakan oleh pelbagai agensi termasuk badan-badan berkanun dan *GLC's* bagi mendukung hasrat tersebut termasuk:

1. Program Latihan *Upskilling* yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa bagi Teknologi Infokomunikasi *(AITI)* khusus untuk pencari kerja belia dan juga tenaga kerja tempatan ke arah memastikan mereka memperolehi *industry-ready competency* berdasarkan permintaan dan keperluan industri.;

2. Skim Pembiayaan Bersama Produktiviti dan Kecekapan (PENJANA) yang ditawarkan oleh *AITI* kepada peniaga untuk mengambil penyelasaian digital bagi meningkatkan perniagaan dan produktiviti serta mengurangkan kos operasi.; dan

3. Di samping itu, Perintah Keselamatan Siber Brunei Darussalam, (*Cyber Security Order* 2023) telah pun diubah dalam mengukuhkan peranan asas *Cyber Security Brunei* sebagai Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan. Ia juga mengetengahkan komitmen negara dalam melindungi infrastruktur maklumat kritikal Negara Brunei Darusaalam untuk perkhidmatan-perkhidmatan penting sama ada dalam sektor kerajaan atau bukan kerajaan yang berkaitan dengan antara lainya keselamatan negara, ekonomi, kesihatan awam, keselamatan dan ketenteraman awam.

Di samping itu, sebagai salah satu asas ekonomi digital, satu *flagship* projek di bawah *Digital Economy Masterplan* 2025 telah diperkenalkan iaitu *national digital payment network.* Oleh itu, sebuah konsortium yang terdiri daripada

Baiduri Bank Berhad, Bank Islam Brunei Darussalam Berhad, Syarikat Darussalam Assets dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, telah pun ditubuhkan bagi melaksanakan sebuah sistem iaitu *Digital Payment Hub* yang akan mengendalikan pembayaran dari akaun-akaun apa jua institusi-institusi kewangan ataupun *Non-Bank Financial Institution* di Negara Brunei Darussalam secara serta-merta dan selamat pada kadar yang berpatutan.

Projek ini diharapkan akan dapat merealisasikan faedah-faedah seperti merangsang inovasi sektor kewangan (*FinTech)*, mengurangkan kos transaksi secara digital, pengurusan perniagaan yang lebih cekap dan mengurangkan penipuan kewangan.

Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang telah dilancarkan 15 Julai 2020, adalah merupakan hasil usaha bersama dengan beberapa kementerian yang berkenaan dengan penglibatan sebuah syarikat *GLC's* dalam pembangunan perisian atau *software.*

أَلْحَمْدُ لِلّٰه , SKN telah menerima Anugerah Kecemerlangan Teknologi Asia 2023 untuk perisian perusahaan bagi kerajaan Negara Brunei Darussalam. Anugerah tersebut adalah merupakan pengiktirafan bagi projek dan inovasi teknologi yang luar biasa daripada syarikat teknologi yang mempelopori produk penyelasaian *IT ground-breaking* kepada teknologi inovatif yang memberikan kesan kepada perniagaan.

Ke arah mewujudkan perkhidmatan awam yang lebih cekap, mudah diakses dan responsif untuk rakyat dan penduduk, beberapa peruntukan telah disediakan di bawah RKN-12 dengan Harga Rancangan sejumlah $36.47 juta untuk Mendukung Transformasi Digital dalam kerajaan antaranya:

i. Menyediakan Rangka Kerja Rangkaian yang Dinamik dan Fleksibel ataupun *sofware defined network* bagi membolehkan sistem dan perkhidmatan kerajaan menjadi lebih *agile* dan boleh diperluaskan mengikut keperluan dan permintaan orang ramai.;

ii. Pembangunan *GOV BN 2.0* iaitu satu platform untuk menyatukan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan melalui *one stop service portal* yang bukan sahaja memudahkan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada orang ramai tetapi akan juga menjimatkan perbelanjaan pemeliharaan dalam jangka masa panjang berbanding jika setiap kementerian mengendalikan sistem masing-masing.;

iii. *Once MOHA System* antaranya untuk mendigitalkan dokumen-dokumen aplikasi termasuk sistem pembangunan baharu untuk *National Emergency Response System* bagi memudahkan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.;

iv. Pembangunan Sistem Pengurusan Rekod untuk mendukung usaha kerajaan, untuk merealisasikan *Government Digitalization* melalui penyediaan *standard platform* dalam pengurusan kerja seperti dokumen, rekod dan persuratan secara elektronik dan termasuk pengurusan arkib.;

v. Pembangunan *Integrated Statistical Data System* yang akan mengintegrasikan data-data statistik ekonomi, sosial dan nasional untuk memudahkan pengutipan proses analisis dan penyampaian data-data utama yang diperlukan untuk menyediakan dasar-dasar dalam penyatuan data statistik ini, ia dijangka akan dapat mengurangkan duplikasi proses dalam penyediaan data-data.; dan

vi. Pembangunan Platform Perkhidmatan Perniagaan Nasional sebagai satu platform bagi perkhidmatan *e*-Kerajaan yang berkaitan dengan proses-proses perniagaan di negara ini dihasrat untuk memudahkan *workflow* serta kesinambungan proses yang melibatkan *inter-agency interaction*.;

vii. Manakala bagi memastikan pengumpulan dan pengguna sama maklumat yang lebih *centralised* serta menambah baik sistem pengurusan kewangan dan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat, kerajaan telah menyediakan peruntukan sejumlah $10.8 juta di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi pelaksanaan pemindahan Sistem *Treasury Accounting Financial Information System (TAFIS 1.0)* ke *(TAFIS 2.0)* yang akan mula dilancarkan إِنْ شَاءَ اللهُ pada 1 April 2024.; dan

viii. Selain itu sejumlah $144.7 juta secara keseluruhan juga disediakan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang kementerian-kementerian bagi membiayai Projek *IT Central Procurement* dan lesen-lesen perisian ataupun *software* bagi semua kementerian dan jabatan kerajaan. Ke arah mendukung transformasi digital dalam sektor pengangkutan dan logistik beberapa peruntukan telah disediakan di bawah RKN-12 dengan harga rancangan sejumlah $15.7 juta antaranya:

i. Bagi *Smart Transport System* untuk penyediaan maklumat secara *real-time,* opsyen pembayaran secara *cashless* dan perkhidmatan *on- demand transport* bagi melengkapkan ekosistem pengangkutan awam di negara ini. Projek ini juga diharap akan dapat menangani isu pengangkutan awam yang dihadapi oleh orang awam khususnya daripada golongan yang berpendapatan rendah.; dan

ii. Proses pendigitalan dan meningkatkan lagi perkhidmatan atas talian yang mudah dan cepat termasuk memperkenalkan *digital licenses, automated verifications* dan kebenaran serta keupayaan *life cycle* dan *history tracking* kenderaan.

Dalam usaha untuk mendukung perubahan positif terhadap landskap pendidikan ke arah meningkatkan persekitaran pendidikan yang lebih interaktif, kondusif dan mudah diakses terutamanya sekolah-sekolah di kawasan luar bandar serta meningkatkan efisiensi dalam proses pentadbiran, beberapa peruntukan telah disediakan di bawah RKN-12 dengan Harga Rancangan sejumlah $24.1 juta. Antaranya:

i. Bagi melaksanakan dua projek khusus untuk menaik taraf infrastruktur rangkaian sekolah-sekolah kerajaan ke arah memastikan *connectivity* yang berkelajuan tinggi dan *reliable* bagi keperluan alat dan sumber pembelajaran digital.;

ii. Bagi pelaksanaan UNISSA *Smart University* dan UNISSA *Smart Library System* untuk menyediakan sistem maklumat yang meningkatkan lagi pengalaman pembelajaran atas talian dan kecekapan operasi, dan untuk meningkatkan sistem pengurusan perpustakaan pintar.;

Kerajaan juga akan meneruskan usaha untuk memupuk hubungan yang lebih kukuh dengan rakan kongsi antarabangsa bagi meningkatkan akses kepada pasaran baharu peluang pelaburan dan teknologi terkini bagi membantu sektor-sektor industri tempatan. Syarikat-syarikat tempatan adalah diseru untuk merebut peluang-peluang daripada hasil kerjasama ekonomi tersebut dengan mengambil bahagian dalam rangkaian nilai serantau global sekali gus meningkatkan daya saingnya dalam pasaran global.;

Oleh itu, kerajaan telah meratifikasi *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP)* dengan New Zealand selaku negara *depository* bagi *CPTPP* pada 13 Mei 2023. Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku agensi yang menerajui perundingan tersebut akan 'membarigakan' faedah-faedah yang boleh dimanfaatkan oleh pengusaha tempatan memandangkan perjanjian tersebut akan membuka akses pasaran kepada 600 juta orang penduduk dan jumlah keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang mencapai lebih kurang USD13.5 trilion. Sebagai usaha untuk meningkatkan lagi penggunaan perjanjian-perjanjian ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan lebih giat mengadakan sesi pembarigaan dan perjumpaan bersama dengan pihak-pihak yang

berkepentingan terutamanya pihak swasta dengan tujuan meningkatkan lagi pengetahuan dan pemahaman mengenai perjanjian-perjanjian perdagangan yang sedia ada.

Kerajaan juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (*MoU)* bersama Kerajaan Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang Republic Rakyat Republik China mengenai penaiktarafan ekonomi koridor Brunei-Guangxi ataupun *Brunei-Guangxi Economic Corridor* pada 2 Februari 2023. *MoU* tersebut menandakan komitmen berterusan daripada kedua-dua pihak Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Wilayah Autonomi Guangxi Zhuang untuk mengukuhkan lagi Kerjasama dan perkembangan *Brunei-Guangxi Economic Corridor* melalui kerjasama ekonomi dan perdagangan yang berterusan.

Ke arah memudahkan eksport lebih banyak produk akuatik Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat China telah memeterai dua protokol iaitu 'Protokol Pemeriksaan Kuarantin dan Keperluan *Sanitary Veterinary* untuk Produk Aquatik Liar yang akan dieksport dari Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China' dan 'Protokol mengenai pemeriksaan kuarantin keperluan sanitari veterinar untuk produk akuatik kultur untuk dieksport dari Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China'.

Sebagai usaha untuk meningkatkan kapasiti keupayaan kredibiliti PMKS tempatan agar dapat beroperasi secara *sustainable* dan berdaya saing serta mengalahkan aktiviti pengeluaran produk tempatan untuk menembusi pasaran luar negara, kerajaan melalui pihak *Darussalam Enterprise (DARe)* sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkepentingan seperti *Ghanim International Cooperation Sdn. Bhd.* dalam memastikan sasaran industri adalah selaras dengan matlamat kerajaan khususnya dalam membangun sektor industri utama dalam bidang pengeluaran, perkhidmatan dan halal. Ini termasuk mengenal pasti potensi kerjasama dengan pihak pengedar atau pengimport dari negara-negara yang berpotensi untuk ditembusi bagi membincangkan peluang-peluang eksport produk tempatan.

Dengan kerjasama antara pihak *DARe* dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, أَلْحَمْدُ لِلّٰه pihak *DARe* telah memulakan eksport pertama produk makanan tempatan seperti keropok, minyak sayuran, sos cili, minuman berperisa, serbuk teh tarik dan biskut ke *Mustafa Centre*, Republik Singapura pada bulan September 2023. Produk-produk yang terpilih adalah dari 5 syarikat tempatan iaitu

Ghanim International Corporation Sdn Bhd, Marimin Sdn Bhd - *Sabli Food Industries* (B) Sdn Bhd, *Sahamada Corporation* Sdn. Bhd dan *Taurean Bake Shop & Cafe*.

Selain itu hasil daripada usaha sama tersebut juga telah menyaksikan penandatanganan memorandum persefahaman dan perjanjian melibatkan 3 buah syarikat tempatan dengan syarikat dari Sabah semasa ekspo antarabangsa Sabah pada bulan September 2023. Hasil daripada perjanjian tersebut, produk *Syarikat PDS Abattoir Sdn Bhd, Royal Brunei Culinary* dan *BMC Food Industries Sdn Bhd* telah mula dipasarkan dan didapati di rangkaian *Supermarket Jetsin Sdn. Bhd, Servay Premier*, *Bataras Marketplace* dan *Everrise Supermarket* di Kota Kinabalu dan إِنْ شَاءَ اللهُ akan dikembangkan ke bahagian lain di negari Sabah dalam tempoh terdekat.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

3. Pembangunan Modal Insan yang Dinamik dan Berwawasan.

Kerajaan akan meneruskan pelaburan dalam pelbagai Program Pendidikan Dan Pembangunan Kemahiran dengan mempertingkat-kan kualiti pendidikan di semua peringkat dari peringkat kanak-kanak *(early childhood)* hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat. Ini adalah bertujuan untuk melahirkan generasi dan tenaga kerja yang *adaptable* , berpendidikan dan berkemahiran tinggi yang diperlukan untuk mencapai kecemerlangan dalam pasaran pekerjaan pada masa ini dan akan datang.

Ke arah mendukung sistem pendidikan yang berkualiti tinggi beberapa inisiatif telah dilaksanakan seperti berikut:

i. Pindaan telah dibuat ke atas Akta Pendidikan Wajib Penggal 211 yang berkaitan dengan umur wajib kanak-kanak bersekolah di negara ini iaitu dari umur 6 tahun ke 5 tahun. Pindaan tersebut bertujuan untuk mengukuhkan lagi pendidikan awal kanak-kanak yang merupakan aspek utama dalam membina asas keupayaan *kognitif,* aspek sosial dan emosi kanak-kanak.;

ii. Mata pelajaran Teknologi, Kejuruteraan dan Seni akan dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran pilihan teras dalam komponen Pengajian Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kesenian dan *Matematik – (STEM).* Ini adalah bertujuan untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran dan ilmu pengetahuan mengikut perubahan dan perkembangan semasa.; dan

iii. Pelaksanaan pengintegrasian mata pelajaran agama ke dalam sistem pendidikan umum yang bermula pada 1 November 2023, tujuan pengintegrasian tersebut adalah untuk menjaga kesejahteraan pelajar dengan mengurangkan beban kerja pelajar dan mengurangkan masa berada di sekolah yang akan meningkatkan lagi kesinambungan hidup dan kesihatan mental para pelajar. Selain itu, perubahan itu juga diharap akan meningkatkan lagi efisiensi pembelajaran dan waktu persekolahan yang berkurang akan memberi peluang kepada guru dan para pelajar untuk memberikan tumpuan kepada pembelajaran yang lebih berkualiti.

Kerajaan juga akan terus bekerjasama dengan sektor-sektor industri di negara ini untuk membangunkan inisiatif atau latihan-latihan vokasional bagi memastikan tenaga kerja dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan selaras atau sepadan dengan keperluan pasaran pekerjaan. Tumpuan kepada pendidikan dan pembangunan kemahiran ini dihasrat untuk mewujudkan ekonomi berasaskan pengetahuan yang dapat menarik lebih banyak pelaburan asing.

Ke arah itu, sehingga kini Syarikat *Hengyi Industries Sdn. Bhd.* telah menawarkan program-program biasiswa dalam bidang kejuruteraan kepada 891 orang pelajar. Program biasiswa tersebut adalah kerjasama bersama *Zhejiang Hengyi. Petrochemicals Co. Ltd.* dan *Lanzhou Petrochemical Politechnic* di Republik Rakyat China.

Oleh itu, kaola menyeru belia di negara ini untuk merebut peluang ini untuk meningkatkan kemahiran melalui pelbagai *platform* yang telah disediakan oleh kerajaan mahupun sektor swasta dan pelbagai agensi-berkepentingan.

Ke arah mengukuhkan kemudahan akses Pendidikan Harga Rancangan sebanyak $472.3 juta secara keseluruhan di bawah RKN-12 akan terus disediakan untuk melaksanakan 32 buah Projek Membangunkan Infrastruktur, Sekolah-Sekolah Rendah, Menengah Dan Ugama serta institusi pengajian tinggi antaranya Kampus Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di daerah Temburong dan kampus kekal Politeknik Brunei di Madaras.

Untuk meningkatkan taraf dan pencapaian pendidikan di negara, kerajaan akan terus

memperuntukkan $37.3 juta dalam bentuk biasiswa melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran dan pembangunan kapasiti serta latihan kemahiran pelajar-pelajar dengan menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian tinggi di institusi terkemuka dunia.

Selain itu, peruntukan sejumlah $1.5 juta akan terus disediakan bagi mengendalikan Skim Miftaahun Najaah untuk meringankan beban para ibu bapa dan penjaga yang kurang berkemampuan untuk memberi keperluan persekolahan pelajar-pelajar.

Ke arah usaha dalam menyediakan tenaga kerja tempatan yang berdaya maju agar sejajar dengan keperluan bidang pekerjaan dan industri semasa dan juga masa hadapan peruntukan sejumlah $24 juta akan disediakan di bawah *MPEG* Jabatan Perdana Menteri bagi mengendalikan program-program *i-Ready*, *TVET Scheme*, *Skillsplus, SPIN in Accountancy* dan *Tradeskills.*

Dalam usaha untuk mempromosi dan menggalakkan penyelidikan dan inovasi dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan, sains sosial serta kesenian dan kebudayaan beberapa peruntukan akan disediakan dengan Harga Rancangan sejumlah $61.8 juta termasuk:

i. Bagi membina *Creative, Cultural Industries Hub (CCI Hub) dan Community Library*. Ini adalah merupakan salah satu inovasi ekonomi baharu untuk memperkasakan pekerja yang kreatif dan mengukuhkan infrastruktur kebudayaan dan kesenian negara. Melalui pengukuhan industri ini juga akan dapat mendukung usaha-usaha kerajaan dalam menyediakan generasi yang cemerlang dan akan menaikkan kedudukan negara dalam Penubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi *(OECD)* dan *World Culture Reading Score;* dan

ii. *Council for Research and Advancement in Technology and Science (CREATES) Research Fund*, untuk membantu menggalakkan pertumbuhan aktiviti sains, teknologi dan inovasi serta memacu pembangunan ekonomi dan sosial.; dan

iii. Selain itu, sebanyak $2.3 juta akan terus disediakan di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang Kementerian Pendidikan untuk membiayai kos penyelidikan yang akan dilaksanakan oleh institusi pengajian tinggi awam.

Di samping peruntukan-peruntukan yang kaola kongsikan sebentar tadi, kerajaan juga menyediakan peruntukan sejumlah

$27.5 juta di bawah Projek Fokus Khusus untuk membiayai program atau projek yang menjurus kepada mendukung fokus Belanjawaan Negara Tahun Kewangan 2024/2025.

Demikian kaola kongsikan mengenai perkembangan dan pencapaian-pencapaian negara serta keutamaan-keutamaan dan fokus belanjawan yang telah disediakan peruntukannya ke arah mendukung Tema Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 iaitu: "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" atau "*Building a Prosperous Future Together*".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Belanjawan yang dibentangkan ini dihasratkan akan dapat merangsang lagi pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja di negara ini. Di samping itu juga, kita semua perlu bertindak dengan lebih bijaksana dan bertanggungjawab agar setiap perbelanjaan dan pelaburan menghasilkan manfaat secara inkslusif kepada semua golongan masyarakat dan mendukung kepada pertumbuhan sosioekonomi.

Seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 pada hari Selasa, 27 Februari 2024, baginda antara lain telah mengingatkan setiap agensi kerajaan untuk menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk dan rakyat negara ini. Baginda juga menyentuh bahawa kita tidak dapat lagi terlalu bergantung pada sektor minyak dan gas semata-mata serta usaha untuk mempelbagaikan ekonomi masih belum mencukupi untuk mengimbangi kedudukan defisit fiskal kerajaan.

Ke arah itu, ia akan memerlukan lebih daripada sekadar perancangan tetapi memerlukan strategi pelaksanaan yang holistik berasaskan kepada keadaan sebenar dan komitmen ke arah pembaikan yang berterusan. Ia juga memerlukan kepimpinan yang kukuh, ketelusan dan akauntabiliti di semua peringkat kerajaan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, usaha-usaha dalam mempelbagaikan ekonomi telah menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan. Akan tetapi, ia belum bererti usaha kita telah selesai. *We are not done yet and we need to work together and harder.* Ia akan memerlukan usaha yang lebih keras dan untuk kita lebih kukuh bersatu demi meningkatkan taraf hidup rakyat dan penduduk di negara ini. Dalam hal ini, kaola ingin mengongsikan bahawa sehingga kini, indikator ekonomi negara telah menunjukkan tanda positif yang pencapaian Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi sektor bukan minyak dan gas telah membuahkan hasil yang positif sejak tahun 2017, secara puratanya bagi tempoh 6 tahun kebelakangan iaitu dari 2017 hingga 2023, penubuhan sektor

tersebut telah meningkat sebanyak 4.3%. Ini adalah disumbangkan oleh aktiviti hiliran minyak dan gas, perdagangan dan kewangan.

Perkembangan pencapaian ekonomi juga dapat dilihat melalui sumbangan bukan minyak dan gas kepada perdagangan negara. Jika dibandingkan dengan tahun 2017, eksport bukan minyak dan gas, hanya menyumbang sebanyak 3% dan pada tahun 2023, ia telah meningkat kepada 61%. Ini adalah didorong oleh aktiviti eksport hiliran minyak dan gas dan barangan buatan kilang yang pada tahun 2021, أَلْحَمْدُ لِلّٰه buat pertama kalinya nilai eksport dari sektor bukan minyak dan gas telah melebihi nilai eksport sektor minyak dan gas. Aktiviti ini juga telah menyumbang kepada kepelbagaian pasaran dan peningkatan *export volume* ke negara-negara seperti Amerika Selatan, Eropah dan Australia. Selain itu, eksport pembuatan makanan negara juga telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa seperti Republik Rakyat China, Singapura dan Malaysia.

Dalam tempoh yang sama, hasil daripada inisiatif-inisiatif kerajaan dalam meningkatkan modal insan melalui penyediaan pelajaran sepanjang hayat, meningkatkan kemahiran semula, kadar pengangguran negara juga telah menunjukkan penurunan daripada kadar 9.0% pada tahun 2017 kepada 5.2% pada tahun 2022. Dalam pada itu juga, sumbangan pekerja di sektor swasta telah menunjukkan peningkatan yang ketara daripada 53% pada tahun 2014 kepada 69% pada tahun 2022.

Oleh yang demikian, dalam mengharungi cabaran-cabaran yang mendatang dan bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035, marilah kita semua di sektor awam dan di sektor swasta bekerjasama secara bersepadu demi meningkatkan produktiviti untuk membangun negara kitani dan membina masa depan yang lebih makmur agar ia dapat dinikmati secara berterusan oleh generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebelum kaola mengakhiri pembentangan ini, marilah kita sama-sama berdoa agar negara 'kitani' akan sentiasa maju, aman dan makmur di bawah kepimpinan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan izin ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua akan sentiasa menjadi sebuah Negara Zikir yang penuh keberkatan di bawah perlindungan ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ jua.
حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ آمِيْنُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن

Kaola mencadangkan supaya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di hadapan kita ini disokong untuk dijadikan satu Undang-Undang Perbekalan Negara yang dikeluarkan dari peruntukan "Kumpulan Wang yang Disatukan bagi maksud-maksud yang tertentu" sepanjang Tahun Kewangan 2024/2025.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, kita bersyukur dan mengucapkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas kenyataan yang begitu panjang lebar dan komprehensif dalam membentangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025" serta perancangan-perancangan dan hala tuju peruntukan kewangan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum perkara ini kita bukakan untuk dibincangkan, saya suka untuk meminta salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat yang boleh menyokong Rang Undang-Undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ini.

Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم
السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyokong sepenuhnya akan cadangan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli yang Berhormat. Rang Undang-Undang yang bergelar "Suatu Akta untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulan Wang yang Disatukan Bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu" yang selesai dibentangkan secara komprehensif oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan juga telah mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Saya kira, cukuplah dulu kita bersidang pada pagi ini, saya tangguhkan mesyuarat persidangan kita ini dan kita akan bersidang semula seperti biasa pada tengah hari nanti mulai pada pukul 2:30 petang.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang sedia dimaklumi pada pagi tadi, Rang Undang-Undang yang Bergelar **"Suatu Akta untuk membekalkan sejumlah wang dari Kumpulan Wang yang disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu",** telah pun selesai dibentangkan dengan komprehensif dan terperinci oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

Oleh yang demikian, saya ingin memberikan peluang sekarang kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya Ahli-Ahli Berhormat Yang Dilantik yang suka sama ada untuk bertanya ataupun membahaskan Rang Undang-Undang ini.

Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan supaya perbahasan ditumpukan kepada asas dan peraturan kelayakannya menurut Peraturan 28 (2) daripada Peraturan-Peraturan bagi Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin membuat peringatan bahawa soalan-soalan dan perbahasan perlulah berhubung kait dengan dasar dan isu kandungan mukadimah yang dibentangkan tadi.

Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim untuk memulakan perbahasan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

سْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ لْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan peluang bagi kaola untuk ikut serta dalam perbahasan mengenai Rang Undang-Undang Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 ini. Lebih dahulu diucapkan tahniah yang setinggi-tingginya kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan

Ekonomi II atas pembentangan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 yang begitu infomatif dan terperinci dengan memuatkan hala tuju, tumpuan-tumpuan dan sasaran-sasaran yang begitu jelas.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه secara peribadi kaola berpendapat kertas belanjawan ini dan mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II adalah cukup padat, luas dan komprehensif.

Ia meliputi hampir kesemua aspek utama dalam menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan, dinamik dan berdaya saing. Kaola juga bersyukur dan turut gembira atas inisiatif-inisiatif yang telah diusahakan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terutamanya dalam menarik *FDI* baharu yang akan men*transform* struktur dan landskap ekonomi ini dalam sektor bukan minyak dan gas.

Kita juga mengalu-alukan usaha meningkatkan sumbangan syarikat usaha sama *GLC's* dan pelabur luar asing dalam sektor agribisnes dan pemakanan. Begitu juga usaha-usaha bersepadu dalam meningkatkan *capacity building* dalam kedua-dua sektor awam dan swasta di negara ini melalui latihan teknikal komersial dan berbilang kepakaran. Kita juga mengalu-alukan inisiatif yang berhubung kait dengan memperkesankan *connectivity* dalam bentuk perkhidmatan yang *affordable* dan usaha-usaha transformasi *digital* dalam sektor kerajaan dan swasta.

Kita berharap inisiatif-inisiatif ini akan memberikan impak yang meluas dan *across the board, on the ground* dan akan dapat meningkatkan lagi taraf hidup dan kesejahteraan rakyat serta penduduk negara ini khususnya dalam aspek sosioekonomi.

Mudah-mudahan inisiatif-inisiatif ini akan merangsang dan mengaktifkan lagi aktiviti ekonomi dan sekali gus menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan dapat mengurangkan kadar kemiskinan di negara ini. Langkah-langkah ini juga adalah selaras dengan Tema Belanjawan Tahun 2024/2025 ini iaitu: "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" dalam usaha negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 إِنْ شَاءَ اللّٰهُ . Kaola ucapkan syabas dan tahniah datas usaha-usaha dan pencapaian-pencapaian tersebut. Semoga ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ akan memudahkan semua urusan kita untuk menjadikan negara ini berterusan sebagai negara yang aman makmur dan mendapat keredaan ٱللَّهَ Yang Maha Pengampun dan rakyat dan penduduknya sentiasa dalam kesejahteraan di bawah pimpinan bijaksana dan berwawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kaola perhatikan dalam Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 ini أَلْحَمْدُ لِلّٰه

kerajaan telah menambah peruntukan keseluruhannya sebanyak kira-kira $290 juta.

Betulkan jika sekiranya betul atau salah. Berbanding Tahun Kewangan 2023/2024 walaupun negara sekali lagi diunjurkan akan mengalami defisit belanjawan sebanyak $2.99 bilion. Kaola memahami bahawa peningkatan sederhana dalam belanjawan ini adalah sebagai langkah berhati-hati bahawa kerajaan perlu mengukuhkan kewangan negara terutamanya dalam keadaan ekonomi global yang walaupun lebih stabil namun masih kurang menentu dan sukar diramal.

Lebih-lebih lagi dalam suasana geopolitik yang semakin mencabar ketika ini yang boleh saja menjejaskan harga komoditi utama negara. Walau bagaimanapun, kaola rasa dalam mempraktikkan perbelanjaan berhemah ini kita perlu juga membuat perseimbangan dasar supaya ia hendaklah mesra pertumbuhan (*growth friendly*) supaya ia masih dapat merangsang aktiviti-aktiviti ekonomi yang berimpak tinggi di samping meningkatkan pendapatan hasil negara untuk mengurangkan defisit belanjawan dan membuka lebih banyak lagi peluang pekerjaan baharu dan berkualiti.

Ke arah itu, izinkan kaola menyentuh beberapa perkara utama yang mungkin boleh diteliti secara saksama dalam kita melaksanakan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 ini. Pandangan kaola ini adalah sebagai mempraktikkan amalan *the Whole of Nation Approach* dalam usaha kaola untuk menyokong dan mendukung dasar-dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, perkara pertama yang akan kaola sentuh ialah mengenai kewangan yang disediakan di bawah Peruntukan Kemajuan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه pada Tahun Kewangan 2024/2025 ini, kerajaan akan memperuntukkan sebanyak $500 juta bagi maksud tersebut. Walaupun jumlah ini adalah sama dengan peruntukan pada Tahun Kewangan 2023/2024 yang kaola rasa jumlah ini mungkin munasabah pada peringkat ini memandangkan ini adalah tahun pertama pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara ke-12.

Seperti kebiasaannya tahun pertama ini lebih ditumpukan ke arah merancang dan membuat persediaan bagi projek-projek yang akan dilaksanakan. Cuma apa yang menjadi keprihatinan kaola ialah mengenai jumlah keseluruhan yang akan diperuntukkan bagi tempoh 5 tahun pelaksanaan RKN-12 iaitu $4 bilion serta pengagihannya kepada sektor-sektor yang berkeutamaan.

Kaola memang memahami jumlah ini bukanlah jumlah yang statik malahan boleh di*review* bergantung pada keperluan dan hala tuju serta kepentingan semasa negara. Kaola menyedari bahawa dalam tempoh RKN-11 yang lepas, sebahagian projek

RKN tersebut terpaksa ditunda pelaksanaannya. Ini memang difahami kerana negara juga turut dilanda dan terkesan oleh pandemik *COVID-19.*

Kaola juga menyedari bahawa jumlah peruntukan yang disediakan kerajaan bagi Gaji Kakitangan dan Perbelanjaan Operasi memang semakin meningkat dari tahun ke setahun dan pada Tahun Kewangan 2024/2025 ini berjumlah kira-kira $4.33 bilion.

Namun, kaola sendiri masih berpendapat bahawa negara ini masih memerlukan jumlah *capital expenditure* dengan jumlah yang berpatutan dari kerajaan.

Keperluan dan faedah penyediaan *capital expenditure* dan jumlah yang munasabah telah pun kaola sentuh dalam ucapan menjunjung kasih semalam di dalam Dewan yang mulia ini. Kaola hanya ingin menambah bahawa pandangan kaola ini adalah mengambil kira maklum balas *on-the-ground* dari orang ramai terutamanya masyarakat perniagaan di negara ini.

Golongan ini berpendapat bahawa perkembangan sektor swasta pada ketika ini adalah masih belum begitu kukuh. Bilangan dan jumlah Pelaburan Langsung Asing baharu belum begitu banyak dan suntikan dari pelaburan syarikat milik kerajaan masih dikira sedikit walaupun terdapat penglibatan *GLC's* ini dalam dua projek mega seperti projek *Petrochemical* dan *Refinery* di Pulau Muara Besar dan *Brunei Fertiliser Industry.*

Perkara ini adalah penting untuk diteliti secara saksama kerana dari maklum balas yang diperoleh tersebut terdapat beberapa sektor ekonomi telah mulai terjejas. Pada misalannya dalam industri pembinaan dan perumahan firma-firma perunding tempatan telah mula *downsizing*, pinjaman bank bagi industri pengangkutan air dan tenaga juga telah menurun seperti yang dilaporkan dalam suku ketiga 2023 oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik dan Bank Pusat Brunei Darussalam.

Begitu juga dengan laporan yang berkaitan *merchandise trade,* ia mencatatkan pengurangan sebanyak 21.3% berbanding suku ketiga 2022. Dalam waktu yang sama juga keseluruhan perdagangan peratus kepada *GDP* juga menurun kepada 131.6% dari 144.9% pada suku ketiga 2022. Eksport minyak dan gas menurun sebanyak 43.3% manakala nilai eksport industri hiliran dan eksport komoditi domestik berbanding suku kedua 2022 juga menurun.

Kita berharap dengan pelaburan kerajaan ini, ia akan menyuntik semangat dan nafas baharu kepada masyarakat bisnes di negara ini untuk lebih aktif dalam membantu menjana dan merangsang aktiviti ekonomi dalam bidang masing-masing. إِنْ شَاءَ الله

Oleh itu, kaola ingin memohon pencerahan dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi sama ada jumlah *Capital Expenditure* yang diperuntukkan dalam RKN-12 ini pada keseluruhannya

difikirkan sudah mencukupi dan dapat menampung sasaran pertumbuhan (*projected growth)* yang diunjurkan oleh *AMRO* pada tahun ini. Adakah ia akan dapat membantu negara mencapai tahap sebagai sebuah ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan seperti yang dihasratkan dalam Wawasan Brunei 2035, dalam waktu yang sama akan mengurangkan kadar pengganguran serta kadar kemiskinan di negara ini?

Adakah peruntukan yang disediakan dalam RKN-12 ini terutamanya sektor-sektor pendidikan, kesihatan, perumahan dan yang berkaitan dengan taraf kehidupan akan dapat memperbaiki lagi kedudukan *human development index* negara yang disasarkan dalam *Sustainable Development Goals* ? Kaola sendiri berpendapat untuk mencapai sasaran tersebut, semua pihak yang berkepentingan termasuk sektor awam, sektor swasta, syarikat milik kerajaan dan *FDI* perlu sama-sama membuat jumlah pelaburan yang berpatutan setiap tahun untuk merangsang aktiviti ekonomi dan membuka lebih banyak pekerjaan, peluang perdagangan serta perkhidmatan yang baharu.

Yang penting ada hala tuju yang jelas, ekosistem perniagaan yang kondusif dan mesra bisnes dan dasar serta peraturan yang menggalakkan dan memudahkan bisnes untuk berkembang maju.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perkara kedua yang ingin kaola bangkitkan ialah mengenai perlunya ada keselarasan dan keseimbangan antara tumpuan ekonomi dan penyediaan peruntukan dalam sektor-sektor utama. Dalam *Economic Blueprint* dan peta jalan yang digubal, lima kluster utama telah dikenal pasti untuk dimajukan sebagai pemangkin ke arah kepelbagaian ekonomi negara.

Lima kluster tersebut termasuklah indusrti hiliran, makanan, perkhidmatan, teknologi maklumat dan komunikasi dan pelancongan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه mengenai isu *food security* industri makanan, nampak kepada kita pada Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 ini, kerajaan telah memperuntukkan jumlah yang agak lumayan sebanyak kira-kira $237 juta bagi jangka waktu 5 tahun yang akan datang bagi mendukung objektif ini. Diucapkan tahniah atas inisiatif tersebut, kaola berharap dengan peruntukan ini ia akan jadi pemangkin dan akan mendorong lebih banyak lagi penglibatan sektor swasta tempatan dan *FDI* untuk memacu pertumbuhan sektor *agribusiness* dan makanan ini, yang seterusnya akan meningkatkan penghasilan produk-produk pertanian dan agrimakanan bukan sahaja untuk sara diri malahan untuk dieksport.

Kaola juga bersyukur mengenai jumlah Harga Rancangan yang disediakan ke arah mendukung transformasi digital dalam kerajaan, dalam usaha negara menuju ke arah *connected smart nation* seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Cuma yang penting ialah dari segi penyejajaran dan penyelarasan agensi-agensi pelaksana supaya impaknya bukan sahaja dirasa oleh penjawat-penjawat awam malah juga dalam meningkatkan ekosistem perniagaan di negara ini serta kepada seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.

Ke arah itu, kaola ingin memohon pencerahan apakah langkah-langkah strategik kementerian dan agensi-agensi yang lain dalam kerajaan untuk menyejajarkan kemajuan *hardware digitalisation* dengan perkembangan *software*nya iaitu dari segi mengadakan *change management* dan *capacity building* yang berterusan bukan saja bagi pegawai-pegawai yang terlibat dan pihak-pihak yang berkepentingan malahan kepada penuntut-penuntut supaya mereka sentiasa *future-ready* dan *industy-ready* serta *system digitilisation* negara akan memupuk dan membentuk penuntut-penuntut untuk berfikiran secara holistik, strategik dan taktikal? Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Pada masa yang sama apabila kita amati peruntukan yang disediakan dalam kluster terutama yang lain umpamanya sektor pelancongan yang disediakan Harga Rancangan sebanyak $36.4 juta, koala rasa ia adalah sangat sedikit, terhad dan *barely enough* untuk memberikan impak yang besar kepada sektor dan agensi yang mendukung kluster ini. Sebagai salah satu kluster utama sepatutnya pelaburan yang munasabah perlu disediakan untuk *leap frogging* sektor ini supaya negara sekurang-kurangnya dapat menarik lebih banyak pelancong dan seterusnya mengimbangi aliran keluar mata wang negara ke luar negeri.

Di samping itu, pelaburan ini juga diharap akan menjana lebih banyak lagi *spin off* kepada aktiviti ekonomi negara terutamanya dalam sektor hospitaliti dan perkhidmatan yang berkaitan seperti *hotel, retail, transportation*, restoran dan lain-lain yang kesan positifnya akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Akhirnya, kita hanya mampu membuat sasaran kemasukan pelancong kira-kira 370 ribu orang pada tahun 2024 dan kira-kira 550 ribu orang pelancong pada tahun 2029. Sasaran ini adalah sangat sedikit untuk memacu dan merangsang aktiviti ekonomi bagi sektor dan subsektor yang berkaitan.

Kesannya, *Our pie is not growing for everyone to share* dalam erti kata sebenar *we need to spend money to make money*. Walhal, kita masih mempunyai *comparative advantages* dan *niche* sebagai sebuah negara yang stabil, aman, selamat dengan rakyatnya yang peramah *(friendly)* dan menghormati serta memuliakan tetamu. Kaola menyedari untuk membina infrastruktur pelancongan yang baharu untuk kemudahan rakyat dan para pelancong, ianya akan memerlukan pelaburan kapital yang besar.

Ini tidaklah semestinya disediakan oleh kerajaan sahaja malahan ia boleh dilaksanakan melalui pihak swasta, *Public Private Partnership* dan *FDI.* Akan tetapi semua ini memerlukan *coordinated* dan *integrated approach.* Penyejajaran yang mantap, pembaikan ekosistem perniagaan yang kondusif dan *delivery system* yang proaktif serta *pro-business*.

Di samping itu, ia juga memerlukan kita untuk meneroka *options* pelancongan lain seperti pelancongan pendidikan, pelancongan kesihatan, *Islamic Tourism*, pelancongan kebudayaan, *Conferencing Centre*, pelancongan *sport* dan sebagainya di samping *ecotourism* yang sedia ada.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Perkara terakhir yang ingin kaola sentuh ialah mengenai inisiatif agensi-agensi kerajaan dan peranan institusi kewangan tempatan dalam membantu peniaga/pengusaha sama ada yang sudah bertapak (*established)* mahupun Pengusaha Microkecil dan Sederahana (PMKS) untuk mendapatkan akses kepada modal kewangan.

Golongan ini terutamanya pengusaha-pengusaha belia tempatan adalah penting untuk diberikan kemudahan yang diperlukan untuk memajukan perniagaan mereka. Maksud koala bukanlah dalam bentuk *hand out* tapi dari segi penggubalan dasar dan peraturan yang *pro-business* dan latihan-latihan kepakaran seperti pengurusan, pemasaran, kewangan, teknikal, teknologi dan inovasi.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه setakat ini kaola perhatikan banyak usaha telah dilakukan untuk mengaktifkan dan menggalakkan belia berniaga. Kaola ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan dan juga belia yang mempunyai semangat dan jati diri untuk berdikari. Namun begitu kaola perhatikan adakalanya dasar yang digubal tidak selari dengan pelaksanaannya.

Satu contoh yang ketara, ialah apabila dasar untuk membantu PMKS ini tidak selaras dengan kadar faedah keuntungan mahupun *collateral* yang dikenakan oleh sebilangan institusi kewangan tempatan kepada peminjam peniaga-peniaga kecil mahupun yang telah bertapak. Ini bukan saja menyukarkan malahan sangat membebankan *start up* dan PMKS untuk memenuhinya.

Sebilangan pelabur asing yang sudah bertapak juga mengalami kesukaran yang sama untuk mendapatkan pinjaman yang diperlukan walaupun dalam bentuk pelaburan memiliki aset bagi tempat berniaga. Akhirnya, ekonomi negara menjadi *stagnant* dan tidak berkembang seperti yang diharapkan.

Oleh itu, kaola ingin mengetahui apakah langkah-langkah strategik Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Brunei Darussalam *Central Bank* untuk memperbanyakkan lagi penglibatan sektor perbankan tempatan untuk membantu mengembangkan dan meningkatkan ekosistem di negara ini supaya lebih kondusif kerana sektor ini adalah paling penting sebagai

pemangkin untuk merangsang aktiviti ekonomi secara keseluruhannya?

Sekian dulu, pandangan menyeluruh kaola berkenaan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 yang dibentangkan.

Kaola berdoa semoga belanjawan ini akan mencapai objektifnya sebagai pelaburan masa depan yang akan meningkatkan kemakmuran negara dan dapat memperbaiki kehidupan dan kesejahteraan rakyat dan penduduknya pada masa ini dan akan datang, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan dan huraian yang komprehensif mengenai Rang Undang-Undang Perbekalan yang diberi tema: Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur.

Kaola berpandangan bahawa belanjawan kali ini memberi penekanan tentang usaha-usaha berterusan pihak kerajaan bagi mewujudkan gerak kerja perbelanjaan yang inklusif dengan mengambil kira perbelanjaan berhemah sebagai landasan utama ke arah menstabilkan ekonomi negara dan mengimbangi defisit yang dihadapi.

Justeru langkah-langkah drastik perlu dibuat bagi memastikan perbelanjaan dapat dimanfaatkan oleh rakyat menerusi inisiatif-inisiatif baharu yang lebih baik dan menarik serta mampu meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan agensi-agensi kerajaan sejajar dengan apa yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Selain itu kaola juga berharap agar belanjawan kali ini hendaklah menyasarkan perkara-perkara strategik antaranya membangunkan ekosistem yang kondusif untuk perniagaan inklusif di Negara Brunei Darussalam.

Ini termasuklah menggalakkan bentuk baharu *Public Private Partnership* dalam menghadapi perniagaan bentuk baharu yang mampu menyumbang kepada pendapatan negara. Pada masa yang sama sikap terbuka pihak kerajaan untuk bekerja lebih dekat dengan sektor swasta dalam menyelesaikan masalah *public goods* dan isu pekerjaan.

Pendekatan ini penting sebagai usaha bagi menangani isu rakyat yang

berpendapatan rendah dan tidak berkemampuan. Perniagaan inklusif ataupun perniagaan sosial merupakan sistem perniagaan yang seharusnya memberi nilai kepada rakyat dan masyarakat. Di samping mendapatkan keuntungan, program perniagaan inklusif dapat diadaptasikan oleh syarikat besar mahupun kecil. Peranan pihak kerajaan adalah sebagai pemudah cara sektor swasta untuk melaksanakannya. Ini adalah kaedah menang-menang yang memberikan keuntungan kepada semua pihak bagi memacu pertumbuhan ekonomi rakyat dan merupakan inisiatif baharu dalam era masyarakat ekonomi *ASEAN MEA.*

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam memperkatakan soal ekosistem tempat-tempat perniagaan yang sedia ada mahupun pun yang akan dirancang perlulah dilihat kesesuaiannya dari semua aspek termasuklah lokasi yang strategik, kemudahan infrastruktur di samping reka bentuk yang menarik mampu mewujudkan prasarana perniagaan yang kondusif.

Mana-mana bangunan perniagaan yang tidak lagi sesuai perlu dinaik taraf melalui kaedah transformasi konsep perniagaan baharu yang lebih menarik. Memang tidak dapat dinafikan sudah ada usaha bagi mempelbagaikan tapak-tapak perindustrian dengan konsep perniagaan yang lebih menarik dan mendapat permintaan yang tinggi di pasaran. Sebagai contoh, tapak perindustrian ringan di Kampung Lugu, Daerah Brunei dan Muara yang mula dikenali dengan *Lugu Light Industrial Park* .

Kawasan perindustrian ringan ini menyediakan kemudahan seperti dewan untuk majlis-majlis perkahwinan yang menjadikan kawasan ini sering dikunjungi oleh orang ramai. Ini adalah antara contoh transformasi perniagaan yang perlu dilaratkan ke kawasan-kawasan lain yang berpotensi seperti gerai-gerai, bangunan pasar malam dan sebagainya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola sangat berharap agar belanjawan ini juga memberi perhatian kepada isu-isu berbangkit dan sering dibawakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada sesi muzakarah bersama kementerian-kementerian dan di Dewan yang mulia ini seperti isu jalan raya yang sering rosak, lampu-lampu jalan yang tidak berfungsi, papan-papan tanda yang sudah kabur, longkang-longkang yang sering tersumbat dan sebagainya. Usahakanlah secepatnya agar rakyat tidak bising lagi dan kesejahteraan serta keselamatan orang ramai tetap terpelihara dan terjamin, إِنْ شَاءَ اللهُ

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية .وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima Kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kesempatan bagi kaola untuk membahaskan Tajuk Anggaran Belanjawan Negara Tahun Kewangan 2024/2025.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Kaola lebih dahulu ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan Kertas Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025.

Kaola menyambut baik pembentangan yang begitu tersusun padat dan cukup jelas tentang usaha dan pencapaian Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam mengatur strategi menangani kemerosotan pendapatan negara. Tetapi dalam masa yang sama, masih mampu melaksanakan tindakan yang wajar untuk mengurangkan impak di samping berusaha terus menarik pelabur asing.

Kaola menghargai cabaran yang dihadapi oleh pihak kementerian dalam menggubal dasar fiskal, mengurus kewangan negara, memacu ekonomi yang berdepan dengan krisis global, mengimbang bajet *(balancing the budget*) di samping terus berusaha untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang *sustainable.*

Maka sebab itu, kaola amat menghargai peranan yang dimainkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan semua pegawai di Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada masa ini, dan juga oleh mantan-mantan Menteri Kewangan dan Ekonomi sebelum ini dalam mengendalikan kewangan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola tidaklah akan mengupas peruntukan setiap jabatan di bawah Kementerian Kewangan kerana akan berpeluang nanti pada peringkat Jawatankuasa.

Kaola cuma ada beberapa soalan, soalan pertama kaola ialah adakah apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dikongsikan juga atau 'dibarigakan' dengan kementerian-kementerian lain, agensi-agensi, *Government-Linked Companies* (GLC's) dan *Non-Governmental Organization (NGO),* badan-badan swasta bukan saja pada sesi seperti ini tetapi pada setiap masa?

Pada Masa ini banyak yang beranggapan pihak kerajaan tidak mengambil tindakan untuk menggerak ekonomi kita. Sedangkan berita yang didengar banyak hal-hal pembangunan ekonomi luar negara hingga perbandingan dibuat. Ini

dengan sendirinya memberi gambaran yang negatif tentang Negara Brunei Darussalam dan mudah sahaja *discourage* pelabur dan pelancong dari luar untuk datang ke Negara Brunei Darussalam.

Kaola seterusnya ingin juga bertanya sama ada Kementerian Kewangan dan Ekonomi terdapat mekanisme pemantauan *performance* setiap perbelanjaan diadakan *periodically* bukan hanya hujung tahun? Ini supaya apa yang dibuat oleh setiap kementerian dapat dipantau dan disejajarkan dengan tindakan kementerian yang berkaitan. Ini bagi membolehkan satu perancangan itu dilaksanakan mengikut jadualnya dan saling mendukung.

Kaola hanya ingin melihat setiap peruntukan yang digunakan mendatangkan kesan yang positif kepada negara terutama dalam mengatasi permasalahan negara seperti isu pekerjaan, kemiskinan, kelemahan sektor swasta, pengaliran wang ke luar negara, kenaikan harga barang keperluan, usaha ke arah menarik pelabur asing ke negara ini.

Isu bagaimana kita mengembangmajukan sektor pelancongan, bagaimana kita akan meningkatkan hasil dari pertanian, perikanan dan agrimakanan yang semua ini bergantung pada kecekapan Kementerian Kewangan dan Ekonomi memberi *budget allocation* bukan saja mengikut keperluan setiap kementerian berkenaan *(not viewed and isolation)* tetapi sebahagian daripada sistem bajet yang berkait rapat.

Dengan kita memfokus bagaimana peruntukan satu kementerian lain boleh menyebabkan pembangunan di kementerian lain, pihak kerajaan khususnya kementerian kewangan sudah pasti meneliti bagaimana untuk mewujudkan situasi terdapat *multiplier effect* bagi membolehkan kementerian lain mencapai sasarannya.

Pelaburan dalam infrastruktur boleh mendukung pembangunan ekonomi dengan menyumbang kepada *business efficiencies* yang mana akan membawa kepada pekerjaan dan ini setentunya juga mendatangkan *positive spillovers* ke atas pelbagai sektor seperti pengangkutan, perumahan, pertanian, Perusahaan Kecil dan Sederhana dan sebagainya.

Di sini kaola berpendapat pendekatan *whole of government* dan *whole of nation* dapat dilihat sejauh mana berkesan dan bagaimana ia adalah kritikal kepada pembangunan yang mampan. Ia memerlukan kefahaman yang menyeluruh bahawa setiap sektor dalam kerajaan saling bergantung pada satu yang lain dan *strategic budget allocation* boleh mengoptimumkan pencapaian setiap sektor kerajaan. Sebagai contoh, peruntukan dan pelaburan dalam pendidikan boleh memperkasa tenaga kerja untuk menghasilkan produktiviti yang tinggi.

Tetapi untuk itu, perlu juga diadakan pekerjaan dalam bidang-bidang yang sudah dikenal pasti sama ada dalam kerajaan mahupun swasta. Pekerjaan tidak akan wujud tanpa pelaburan atau peruntukan dalam sektor-sektor yang berpotensi menyediakan pekerjaan seperti industri pembinaan, pelancongan, pertanian dan agrimakanan, industri *petro-chemical* dan sebagainya. Beberapa kali kita bertemu situasi yang satu kementerian itu tidak mampu meneruskan agenda strategiknya disebabkan peruntukan yang diberikan tidak mencukupi. Akibatnya projek tidak dapat disiapkan dan ini menjejaskan perkembangan yang lain.

Dalam perkara ini, kaola berpendapat kita sewajarnya terus mencari pelbagai inisiatif dan dengan fikiran terbuka dan pendekatan yang inklusif untuk menangani masalah pendapatan negara yang semakin kurang sementara perbelajaan negara yang terus meningkat. Mercu tanda kejayaan dasar dan strategi dan perancangan yang kita bincangkan di Dewan ini ialah apabila ia membawa perubahan yang ketara yang dapat dinikmati oleh semua lapisan rakyat terutama yang terkesan.

Akhir sekali, kaola ingin merakamkan sokongan ke atas Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 yang telah dibentangkan, kita semua berharap agar Rang Belanjawan ini, walau tidak selesai dan dijangkakan mampu menggerak jentera kerajaan kita berjalan lancar di samping berupaya menjana pertumbuhan ekonomi dalam jangka pendek dan panjang.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan pula Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّه Lebih dahulu kaola sukacita merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya dan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberikan kaola peluang dalam membahaskan Belanjawan Negara bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri

Kewangan dan Ekonomi II yang berjaya membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dengan penuh komprehensif berserta dengan data-data yang relevan dan menjurus kepada perancangan strategik dan pelan-pelan tindakan mengikut keperluan dan keutamaan dalam usaha yang berterusan untuk menggerakkan dan memajukan sosioekonomi negara yang lebih mantap, dinamik dan *sustainable*.

Ini juga mengambil kira melangkaui hal-ehwal kemasyarakatan, keselamatan, kesejahteraan dan kebajikan yang menjurus kepada kehidupan yang lebih berkualiti tinggi untuk dinikmati dalam kalangan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin menghargai dan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II serta semua warga Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan pihak-pihak yang terlibat dalam menyediakan rangka kerja termasuk perancangan inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan dengan begitu rapi dan sistematik bertujuan untuk memudahkan pihak-pihak yang berkepentingan untuk dijadikan sebagai garis panduan dalam melaksanakan sehinggalah ia menjadi realiti إِنْ شَاءَ اللهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat.

Apa yang dapat saya amati, semua Langkah dan usaha yang telah dan turut rancak dirancangkan yang akan dilaksanakan untuk memacu dasar negara bagi mempelbagaikan industri bukan sahaja bersandarkan semata-mata kepada industri minyak dan gas agar berpotensi besar yang tidak hanya mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi tetapi juga mewujudkan pelbagai industri aliran *economic spin-off effect* yang meluas serta lebih banyak peluang pekerjaan dalam kalangan anak-anak tempatan khususnya dalam sektor profesional dan lebih banyak *entrepreneurship* serta mereka yang berkemahiran.

Apa yang diharapkan dengan adanya perkembangan-perkembangan yang pesat nanti dan juga pertumbuhan perekonomian dan aktiviti perniagaan serta peluang-peluang pekerjaan dalam kalangan anak tempatan akan dapat membantu pihak kerajaan dalam mengurangkan kadar pengangguran negara dan lebih signifikan dan juga sekali gus dapat membantu kita bersama-sama membasmi kemiskinan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat.

Sebagaimana pengalaman negara-negara maju peruntukan *research and development* diberikan keutaman sehingga mencecah pada purata 3% hingga 5% daripada *GDP* seperti *South Korea* 4.8%, *Japan* 3.5%, *Germany* 3.13% dan *Belgium* 3.4% daripada jumlah *GDP* negara masing-masing.

Ini menyedari akan kepentingan mustahaknya penyelidikan dan perkembangan atau *research and development* dalam menyumbang dan memperkasakan pertumbuhan ekonomi yang lebih dinamik dan *sustainable*.

Di samping itu juga, antara manfaat dan faedah yang dapat diperolehi antaranya dapat mewujudkan lebih banyak lagi peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dan profesional, mencipta lebih banyak produk dan industri aliran yang baru yang dapat diwujudkan, meningkatkan inovasi, *creativity* dan keusahawanan, meningkatkan produktiviti dan juga yang mustahak juga ialah menarik lebih banyak lagi Pelaburan Langsung Asing dan juga peniaga-peniaga asing di negara-negara berkenaan.

Bagi mencontohi negara-negara maju yang antara lain saya nyatakan tadi, Negara Brunei Darussalam sepatutnya juga lebih mengutamakan dan meningkatkan lagi peruntukan yang khusus yang berhubung kait dengan *research and development* ini bagi membolehkan negara ini menggalakkan pembangunan dan kemajuan yang lebih signifikan dan dinamik dan sekali gus إِنْ شَاءَ اللهُ berdaya ke arah Wawasan Brunei 2035.

Sehubungan dengan itu, sukacita juga memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II sama ada peruntukan bagi *research in development* di negara ini diperuntukkan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dan juga juga dalam perancangan Kemajuan mencukupi untuk merangsang pertumbuhan ekonomi dan mencapai Wawasan Brunei 2035 dan berapa peratuskah daripada *GDP* negara yang diperuntukkan dalam *research and development*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه Banyak perancangan strategik dan inisiatif telah disediakan oleh pihak kerajaan bagi merancakkan lagi aktiviti perekonomian di Negara Brunei Darussalam khususnya dalam membangun ke arah lima sektor utama yang dikenal pasti yang bukan minyak dan gas untuk dipesatkan pertumbuhannnya lebih-lebih lagi dalam industri berorientasikan *export product*. Saya juga teruja mendengar perancangan-perancangan yang telah disusun dan إِنْ شَاءَ اللهُ mudah-mudahan berjaya untuk dilaksanakan sepenuhnya mengikut apa yang dihasratkan.

Walau bagaimanapun, kita perlu juga bersiap siaga menghadapi sebarang kemungkinan menghadapi risiko yang boleh merencatkan perancangan dan pengeluaran produk. Antara perkara-perkara perlu ditangani dan diambil perhatian, iaitu secara proaktif adalah seperti:

1. Kemungkinan untuk mendapatkan bahan-bahan mentah *(raw material)* yang tidak mencukupi dari luar negeri yang boleh menjejaskan pengeluaran terutama sekali untuk dieksport.;

2. Kesukaran untuk mendapatkan bahan-bahan mentah dalam waktu yang ditetapkan bagi mengelakkan tergendalanya pengeluaran-pengeluaran produk.; dan

3. Tenaga kerja yang tidak mencukupi dan juga masalah-masalah yang juga sering dihadapi oleh syarikat-syarikat luar negara, iaitu berhubung kait dengan pekerja-pekerja tempatan yang kadang-kadang berhenti dan tidak berkerja dalam waktu yang ditetapkan. Ini adalah juga satu cabaran dan juga yang satu isu yang perlu diambil perhatian, bagaimanakah *transfer of technology* dapat diambil alih oleh anak-anak tempatan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat.

Pembentangan bajet pada tahun ini أَلْحَمْدُ لِلّٰه banyak memberikan perhatian kepada infrastruktur perniagaan dan pembangunan industri-industri dalam sektor bukan minyak dan gas dengan hasrat untuk mentransformasikan *struktur* ekonomi negara ke arah yang lebih mampan sekali gus menyediakan skim latihan berdasarkan kepada keperluan industri peniaga tempatan. Saya juga meneliti pembentangan bajet yang dibentangkan tadi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Ingin kaola menimbulkan soalan bagaimanakah dengan isu-isu sosial seperti pembasmian kemiskinan dan juga masalah-masalah pengangguran kerana apa yang saya dapati di sini ianya tidak secara khusus dibentangkan dalam Bajet Tahun Kewangan 2024/2025 kemungkinan barangkali akan dibentangkan ataupun ada pelan-pelan tindakan mengikut jabatan-jabatan masing-masing إِنْ شَاءَ اللّٰهُ apa yang diharapkan apa jua perancangan, inisiatif-inisiatif serta pelan-pelan tindakan dilaksanakan dengan penuh bertanggungjawab, berintegriti, penuh komitmen dengan melibatkan kesemua *stakeholders* bukan sahaja dalam kalangan pihak kerajaan tetapi termasuklah juga pihak swasta serta keseluruhan rakyat dan penduduk di negara ini.

Di samping itu, kita bersama-sama apa yang selalu "kitani" ura-urakan dalam mendukung *Whole of Nation Approach* dan *Whole of Government Approach'* dalam memastikan objektif yang ditentukan sekali gus dapat mencapai إِنْ شَاءَ اللّٰهُ ke arah Wawasan Brunei 2035.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama berdoa ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan memohon syafaat ke Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ semoga Negara Brunei Darussalam yang sama-sama kita cintai ini di bawah kepimpinan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muízzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Áli Saifuddien Saádul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dikurniakan

petunjuk hidayat terus berkembang maju dengan penuh kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran lagi diredai dan dalam perlindungan ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan juga kita sama-sama 'menanai' untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.

Akhir sekali, kaola di sini pada kesimpulannya menyokong sepenuhnya cadangan yang telah diutarakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II terhadap bajet bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
dan salam sejahtera. Kaola menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025. Ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas penerangan yang diberikan yang penuh komprehensif dan menyeluruh. Apa yang telah dibentangkan dan dipaparkan sangat-sangatlah jitu dan padu serta menepati apa yang "kitani" hasratkan ke arah menjayakan aspirasi negara khususnya Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, rakyat harus berasa bersyukur kerana perbelanjaan masih lagi mengutamakan keperluan kebajikan dan kesejahteraan awam berkaitan dengan pendidikan, kesihatan, keagamaan, kemudahan-kemudahan awam dan bagi membantu golongan yang kurang mampu dan kurang upaya serta juga membantu pengusaha-pengusaha sektor swasta dan pekerja persendirian. Tema Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025: "Bersatu Membina Masa Depan yang lebih Makmur atau *Building a Prosperous Future Together*" memberikan fokus yang tertentu dan kita melihat satu jangka masa hadapan yang sangat menggembirakan kerana banyak peruntukan yang bakal disediakan itu bukan sahaja akan menangani masalah-masalah ekonomi dan sektor-sektor lain di negara kita, tetapi juga untuk mencipta warganegara yang berkemahiran, *marketable*, *employable* dan *future-ready*.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kaola tertarik dengan projek-projek yang diberi keutamaan termasuk dalam projek pertanian, industri, akuakultur, penanaman padi, projek ternakan dan juga projek-projek lain yang pelaksanaannya akan membawa limpah rahmat dan rezeki kepada rakyat negara ini.

Mudah-mudahan perancangan yang dirancangkan akan berjaya diusahakan

dengan penuh kerjasama semua agensi kerajaan secara *Whole of Nation* dan berjaya membangun *landscape* ekonomi negara yang lebih maju lagi. Inisiatif baharu untuk 'menanai' penjanaan ekonomi negara mudah-mudahan akan dapat diteruskan dengan menyediakan rang perbelanjaan ini dan perkara-perkara yang berkaitan juga akan terus berfaedah untuk rakyat dan negara terutamanya dalam pelaburan asing demi meningkatkan ekonomi negara.

Kaola ingin menyentuh beberapa perkara:

1. Berkenaan dengan kerjasama dan koordinasi antara kementerian dan jabatan kerajaan adalah penting untuk dibuat secara efektif agar tugas dan tanggungjawab dapat dijalankan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab. Saluran komunikasi antara gensi kerajaan amatlah penting agar perkara-perkara seperti penyelengaraan dan pembaikpulihan terutamanya di kawasan perkampungan dapat dibuat dengan segera dan efisien demi menjaga kesejahteraan penduduk-penduduk negara.; dan

2. Kaola juga ingin menyentuh mengenai Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR). Sebagai wakil peringkat akar umbi, kaola turut prihatin dengan kebimbangan yang diluahkan oleh anak-anak buah kampung mengenai kekurangan dan kelambatan maklumat yang disalurkan apabila membuat permohonan-permohonan tertentu melalui agensi-agensi berkaitan. Keutamaan perlu diberikan dalam memastikan pemohon mendapat akses kepada maklumat yang mencukupi, terutamanya berkenaan status permohonan mereka.

Dalam usaha untuk memperbaiki keadaan ini, kaola ingin mencadangkan untuk melibatkan pihak berkuasa tempatan seperti penghulu atau ketua kampung sebagai penyelaras maklumat yang diperlukan kepada pemohon agar dapat mengurangkan isu dan seterusnya mempercepatkan proses-proses yang diperlukan.

Perkara ini juga dapat dikaitkan dengan pengurusan Zakat yang mungkin ada diperlukan untuk memperbaiki proses pengurusan dan memberi penjelasan kepada pemohon dengan lebih baik dan efisien. Terdapat pemohon-pemohon terutama sekali yang kurang berkemampuan menghadapi kesulitan dalam menyemak semula status permohonan melalui sistem yang sedia ada.

Oleh yang demikian, dicadangkan saluran komunikasi dan penyelarasan yang lebih baik antara pihak berkuasa tempatan dan pemohon serta meningkatkan *transparency* dalam proses permohonan. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa bantuan dapat diberikan kepada pemohon dengan cepat tanpa menyebabkan kesulitan yang tidak diperlukan.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin mengucapkan penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada awal tahun ini berkesempatan untuk mengadakan lawatan ke Kem Latihan PKBN dan dapat dilihat program ini telah membuktikan sebagai platform yang baik untuk mempersiapkan belia menuju kesiapan dan menghadapi cabaran masa depan.

Penglibatan belia dalam program ini telah memberi manfaat yang besar tidak hanya kepada belia secara peribadi tetapi kepada masyarakat secara keseluruhannya. Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat lebih dahulu izinkan kaola mengucapkan tahniah dan syabas yang setinggi-tingginya kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, atas pembentangan Kertas Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025, yang disampaikan dengan begitu jelas dan menyeluruh disertai dengan fakta-fakta yang terperinci mengenai tumpuan strategik yang amat memuaskan.

أَلْحَمْدُ لِلّه , kaola dan pastinya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain berasa syukur atas peningkatan Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Peningkatan ini pastinya memberi pelbagai faedah kepada rakyat dan negara kita. Semoga belanjawan yang diperuntukkan akan digunakan dengan bijak untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan memajukan negara ke arah yang lebih baik.

Kaola bersetuju dan menyokong sepenuhnya wang peruntukan tersebut yang dibentangkan. Kaola juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak kementerian dan jabatan kerana telah banyak bertungkus-lumus, bekerja keras untuk mempertingkatkan usaha dan inisiatif dalam menjimatkan perbelanjaan kerajaan dan pada masa yang sama berusaha untuk mengurangkan perbelanjaan tanpa menjejaskan taraf hidup masyarakat dan negara.

Kaola gembira mendengar beberapa program dan inisiatif di bawah Majlis

Perancangan Tenaga Kerja Manusia dan Pekerjaan (*MPEC*) bersama pihak-pihak berkaitan agar dapat mewujudkan tenaga kerja tempatan yang *employable* dan *marketable*.

Kaola juga memahami bahawa kerajaan telah giat berusaha ke arah inisiatif dan pelan transformasi *digitalization* namun, kaola mengharapkan agar pelan ini diberi penilaian yang seimbang terhadap semua pihak dalam jabatan-jabatan serta orang awam. Kaola juga mencadangkan penggunaan *league tables* seperti liga bola sepak untuk membuat sistem ini lebih telus. Kaola yakin penggunaan teknologi digital akan mempermudahkan cara kerja dengan efisien dan mengurangkan masa yang diperlukan untuk menyelesaikan tugas-tugas rutin.

Kaola mengambil maklum terdapat belanjawan yang cukup besar untuk inisiatif yang menyokong sektor kesihatan termasuk peningkatan kualiti perkhidmatan dan penyediaan di *JPMC* dan *PJSC*. Ini pasti akan meningkatkan potensi pelancongan perubatan yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

Pihak kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk membangunkan sektor pelancongan termasuk dalam bidang promosi dan pembangunan infrastruktur lapangan terbang yang moden dan cekap.

Kaola juga menggalakkan pelancongan Islam dengan lebih aktif. Ini boleh dilakukan dengan mempromosikan infrastruktur pelancongan Islam seperti masjid-masjid dan Balai Khazanah yang menggambarkan konsep Melayu Islam Beraja.

Kaola juga gembira mengenai *substitute import* seperti yang dibentangkan pagi tadi. Kaola mencadangkan memperluaskan senarai produk tempatan dengan harga berpatutan untuk rakyat jelata. Ini memerlukan perubahan *mindset* semua peringkat masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Seperti kaola fahami, sebahagian besar pendapatan negara kita datang dari minyak dan gas, adalah lebih baik bagi kita untuk mempercepatkan projek *renewable energy* yang diselenggarakan oleh Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri.

Kaola mengambil maklum bahawa kos Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 ini semakin meningkat dan adanya cabaran dalam pelaksanaan projek-projek di bawah perbelanjaan tersebut. Oleh itu, kaola mencadangkan bagi setiap projek mempunyai *KPI* yang merangkumi peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat di Negara Brunei Darussalam. Kaola berharap agar semua projek di bawah Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 ini dapat berjalan lancar dengan kerjasama penuh dari pihak kerajaan dan agensi-agensi yang berkaitan dengan memastikan kejayaan pelaksanaan projek-projek ini, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Sekian, والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola ucapkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, atas pembentangan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah disampaikan dengan begitu komprehensif dan jelas.

Kaola menyokong penuh Rang Belanjawan tersebut sesuai dengan tema: "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur" yang membuktikan komitmen dan keprihatinan tinggi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kebajikan serta kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini agar terus hidup dalam keadaan aman dan makmur, berkemahiran tinggi serta berdaya saing di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sangat memberangsangkan jika dilihat peruntukan yang besar dibuat bagi memaju transformasi digital di negara kita. Pelaburan yang berfikiran ke hadapan ini sudah pasti memberi petanda untuk meningkatkan dan pemodernan infrastruktur negara kita mencerminkan komitmen dan bersedia untuk menghadapi masa depan. Walau bagaimanapun, apabila kita mengalihkan tumpuan ke arah inovatif ini, adalah penting untuk menilai bukan sahaja dari pendekatan kualiti tetapi juga secara kuantiti. Oleh itu, kaola berminat untuk memahami *return on investment* (*ROI*) yang dihadapkan daripada inisiatif transformasi digital ini.

Persoalannya, dalam cara apakah projek-projek ini dijangka tercapai sebagai pertumbuhan ekonomi yang boleh diukur kepada negara kita? Secara khususnya, apakah unjuran sumbangan inisiatif ini kepada *gross domestic product* (*GDP*) atau *indicator* ekonomi utama yang lain? Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan sekarang, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan salam sejahtera.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه. Tahniah kaola kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan

Ekonomi II, yang telah membentangkan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025.

Mohon maaf kerana kaola belum dapat men'*digest*' isu kandungan bajet sepenuhnya kerana tiada kesempatan melihat slaid, maka pada waktu yang singkat ini, kaola akan membuat pandangan sepintas lalu dan akan memohon pencerahan dan membuat ulasan dan cadangan apabila membincangkan bajet-bajet kementerian nanti, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه lebih dahulu tahniah kepada semua yang terlibat, dengan berkat usaha gigih semua lapisan warga kerajaan termasuk agensi-agensi yang berkenaan dan swasta yang telah menyumbangkan pertumbuhan ekonomi yang membolehkan kita mencapai bajet *surplus* bagi Tahun Kewangan 2022/2023. أَلْحَمْدُ لِلّٰه , rahmat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ masih mengalir melimpahkan rezeki-Nya kepada negara 'kitani' Negara Brunei Darussalam.

'Bejarih', 'bekarih', 'belurih', أَلْحَمْدُ لِلّٰه. Tema: Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur, hamba sokong patut dikekalkan. Marilah 'kitani' bersama mengaminkan doa-doa sambil meningkatkan usaha untuk merealisasikan tema ini. Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola turut teruja mengetahui walaupun negara menghadapi cabaran ekonomi namun kerajaan masih bersedia menyediakan peruntukan Bajet $6.2 bilion untuk Tahun Kewangan 2024/2025.

Walaupun menunjukkan sedikit peningkatan dari tahun lepas tetapi dengan *potential* defisit $2.99 bilion akan menjadi cabaran hebat untuk menghadapinya. Dalam kesempatan yang singkat ini, kaola ingin membuat beberapa soalan dan pandangan untuk dijelaskan:

1. Bajet defisit Tahun Kewangan 2024/2025 iaitu $2.99 bilion mohon nanti mungkin akan diberi pencerahan mana-mana inisiatif dan *action plan* yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan bersama untuk mengurangkan jurang defisit ini tanpa mengurangkan pelaksanaan projek dan *benefit* yang telah disediakan untuk menangani isu-isu rakyat.;

2. RKN-11 dan RKN-12 prestasi 'kitani' menyiapkan projek-projek dalam Rancangan Kemajuan Negara $500 juta untuk tahun 2024 hingga 2029. Kaola teruja kerajaan akan terus menyediakan bajet yang besar untuk kemajuan negara أَلْحَمْدُ لِلّٰه tetapi kaola difahamkan ada beberapa projek dan perbelanjaan dalam RKN-11 tidak dapat dilaksanakan dan ia akan إِنْ شَاءَ اللهُ dijelaskan kemudian. Yang kaola harapkan ialah pelaksanaan RKN-12 akan mengambil kira pengalaman dalam 'kitani' melaksanakan RKN-11 supaya *performance* dalam melaksanakan dalam projek RKN-12

akan dapat dicapai sepenuhnya إِنْ شَاءَ اللهُ.;

3. Pekerjaan Baharu. Kaola mengesyorkan supaya ada *target* pekerjaan baharu juga dimasukkan dalam setiap inisiatif projek kerajaan yang disenaraikan dalam RKN-12 إِنْ شَاءَ اللهُ.

4. Pelaburan Dalam Bersukan. Kaola mohon pencerahan kalau ada peruntukan untuk membuat pelaburan membina prasarana sukan untuk menjadikan penglibatan rakyat dalam sukan bukan sahaja sebagai satu *viable alternative for employment* tetapi juga berpotensi memajukan, mempromosi sukan sebagai menjana ekonomi dalam *sports industry* (*sports tourism*). Prasarana ini juga menjadikan kita hos sukan di peringkat sekolah-sekolah, peringkat *youth* (belia) dan university, peringkat *Borneo, regional* dan peringkat Asia.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola turut mengaminkan doa-doa dan bertawakal kepada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ , berdoa agar rezeki kita bertambah diberkati dan diperluaskan dan kaola sokong usul Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 . إِنْ شَاءَ اللهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Saya persilakan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Tahniah atas pembentangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pagi tadi. Ia begitu komprehensif dan sangat jelas.

Tahniah atas usaha-usaha dan inisiatif yang menunjukkan kemajuan. Ini dapat memberi harapan yang baik untuk rakyat dan penduduk negara ini. Ia memenuhi Tema perbelanjaan iaitu: Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur. Oleh yang demikian, kaola menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Walau bagaimanapun, kaola mohon pencerahan apakah usaha-usaha bagi menguatkan lagi pelaburan *FDI* yang ada masa ini yang ada hubungan dengan

syarikat berkaitan dengan kerajaan iaitu *GLC* ? Itu sahaja Yang Berhormat.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita telah pun tadi mendengar beberapa soalan dan juga reaksi sungguh pun 'barangkali' ada yang menyatakan permulaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Jadi, walau macam manapun apa juga ia merupakan reaksi yang boleh diterima, tetapi saya kira setentunya Ahli-Ahli Yang Berhormat suka untuk mendengar respons barangkali daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, sungguhpun respons *initial*nya terhadap soalan-soalan atau keraguan-keraguan yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik tadi. Jadi kalau Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tidak keberatan saya ingin memberikan ruang kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan untuk memberikan responsnya setakat ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih. Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kaola rasa syukur kerana diberi peluang untuk menjawab sedikit mengenai soalan-soalan ataupun *feedback* yang 'kitani' dengar daripada beberapa Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Mungkin kaola tidak dapat menjawab semua soalan, *feedback* yang dikongsikan tadi, memang ada peluang nanti untuk Yang Berhormat rakan-rakan sejawatan kaola untuk memberi jawapan masing-masing apabila 'kitani' berbincang dari segi perbelanjaan di bawah setiap kementerian nanti. Jadi, kaola hanya menyentuh sedikit mengenai beberapa tajuk yang utama. Tetapi sebelum itu kaola tertarik dengan satu *feedback* daripada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Soalannnya bagaimana 'kitani' dapat mengurangkan defisit setiap tahun ini tetapi tidak terjejas kepada perbelanjaan. Soalan itu *I think* kalau 'kitani' fikirkan senang untuk dijawab. Tingkatkan sahaja hasil kerajaan ataupun mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu *(wasted expenditure)*. Jadi, perkara ini bukan sahaja mudah dilaksanakan, memang kajian pun perlu dibuat supaya bukan sahaja 'kitani' mengurangkan perbelanjaan tetapi mesti 'kitani' fikirkan juga adakah kemungkinan *policy* atau akan menjejaskan kepada golongan yang berpendapatan rendah dan juga meningkatkan hasil kerajaan. Memang pada masa ini usaha-usaha 'kitani' untuk menarik lagi lebih banyak *FDI, Corporatization* kepada beberapa perkhidmatan-perkhidmatan di bawah kerajaan adalah beberapa langkah di bawah *fiscal consolidation* untuk 'kitani' dapat mengurangkan perbelanjaan tapi tidak terjejas kepada kualiti perkhidmatan 'kitani'. Memang itu satu jawapan yang senang dijawab tapi pelaksanaannya memang akan

mengambil masa dan kerjasama daripada semua pihak.

Menyentuh mengenai perbelanjaan 'kitani' sama ada yang perbelanjaan tahunan ataupun RKN-12, mungkin 'kitani' perlu memikirkan kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain, kebanyakan apa yang akan dibelanjakan dalam tahun kewangan yang akan datang tertakluk kepada hasil yang didapati dalam kewangan yang sebelum itu. Kalau ikut cara perbelanjaan seperti di negeri-negeri lain, mungkin 'kitani' tidak mampu untuk memenuhi keperluan semua kementerian.

Jadi, walau bagaimanapun sebagai negara yang masih membangun *(developing country)* 'kitani' mesti memberi keutamaan kepada menjana *building a better future* untuk negara 'kitani'. Jadi, langkah-langkah yang perlu diambil adalah seperti yang kaola terangkan dalam beberapa fokus utama dalam perbincangan 'kitani' tadi pagi iaitu Menjana Modal Insan. 'Kitani' melabur dalam tenaga kerja 'kitani' supaya mereka lebih meningkatkan kemahiran, supaya mereka dapat menolong negara untuk membangun ekonomi yang pada masa ini dan juga pada masa yang akan datang.

Jadi, sementara itu, kerajaan juga mengusahakan untuk mengembangkan lagi ekonomi 'kitani' menarik *FDI* menubuhkan *GLC's* dan menggalakkan *PPP* dan sebagainya untuk mengembangkan lagi ekonomi 'kitani', menjanakan lagi lebih banyak pekerjaan yang berkualiti untuk anak-anak tempatan 'kitani' iaitu 'kitani' dalam satu fokus utama 'kitani' sentiasa meningkatkan kemahiran tenaga kerja 'kitani'. Sementara itu, 'kitani' jua menjaga kesejahteraan orang ramai, membangun hospital, menambah baik infrastruktur dan sebagainya.

Jadi, walaupun hasil yang didapati dalam Tahun Kewangan sebelum ini tidak mencukupi untuk membiayai perbelanjaan pada Tahun Kewangan yang akan datang, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam teruskan juga mengalami defisit supaya diharapkan juga tenaga kerja 'kitani' ini terus meningkatkan kemahiran mereka.

'Kitani' usahakan jua menarik lagi *FDI* supaya 'kitani' dapat satu hari nanti 'kitani' dapat sama-sama membangun negara, membangun ekonomi 'kitani'. Inilah yang diharapkan dari setahun ke setahun. Oleh sebab itu, tema 'kitani' ini berterusan untuk *invest in our future.*

Jadi, dari segi RKN-12 sama ada cukup atau tidak, itu 'kitani' ikut keperluan kerajaan. Perlu 'kitani' membuat projek-projek yang telah dikongsikan tadi memang detailnya akan dikongsikan lagi kepada orang ramai kemudian tapi projek-projek di RKN-12 ini mengikut keperluan kerajaan supaya 'kitani' dapat menyediakan infrastruktur yang mencukupi untuk 'kitani' belanja untuk meningkatkan kemahiran anak-anak tempatan dan sebagainya. Bukan ikut

keperluan *business community*. Kalau ada projek 'kitani' perlu buat, kerajaan memang akan buat.

Tapi, bukannya *because business community* tidak cukup *business,* 'kitani' mesti bangunkan lagi fasiliti-fasiliti supaya mereka dapat bisnes. Kalau 'kitani' inda memerlukan infrastruktur atu kenapa pula kerajaan hendak bangunkan, dijadikan *white elephant*. Itulah yang 'kitani' semasa perundingan projek-projek di bawah RKN-12 ini, 'kitani' memikirkan memang dipandu oleh Wawasan Brunei 2035.

Dalam projek-projek, sebanyak 305 projek itu dibagi-bagikan iaitu projek untuk menyokong matlamat 1, projek menyokong Matlamat 2, Matlamat 3, yang lain-lain *enablers project* yang ia tidak dapat dikenal pasti sama ada untuk Matlamat 1 atau 2, tapi ia *support* semua matlamatnya.

Jadi ada dipandukan projek-projek yang telah disenaraikan dalam RKN-12 itu. Jadi kaola tadi pagi sudah kongsikan juga, ekonomi 'kitani' kalau dilihat sejak beberapa tahun yang sebelum ini sudah nampak ia *heading in the right direction. Non-Oil and Gas Sector* (sektor bukan minyak dan gas) sejak 2017 hingga sekarang purata pada setiap tahun 4.3% pertumbuhan *GDP*. Kalau *imagine* satu negara ia tidak ada *oil and gas,* cuma apa yang *non-oil and gas* itu, maksudnya negara 'kitani' punya *GDP every year* 4.3% dibandingkan dengan ekonomi-ekonomi lain, ini satu pencapaian yang impresif, 4.3% *continuously*.

Pengangguran sejak tahun 2011 (9.3%), 2017 (9%), sekarang 'kitani' (5.2%) 2022, ini termasuk individu yang masih menunggu kerja dalam 6 bulan ini. Tapi kalau diikut cara negeri-negeri lain mengira pengangguran, siapa yang belum dapat kerja yang *unemployed* dalam 6 bulan ke bawah tidak dikira dalam statistik. Tapi dalam negeri 'kitani', 'kitani' masukkan semua jadi 5.2%. Jadi, kalau 'kitani' inda kira siapa yang *unemployed* di bawah 6 bulan pengangguran *is about* 2.6%.

Tapi memang kalau setiap individu di Negara Brunei Darussalam belum mendapat pekerjaan, memang menjadi isu. Memang kerajaan akan memikirkan cara untuk 'kitani' menjana pekerjaan bagi mereka yang belum bekerja. Perkara ini memang sudah dibawa ke *high level discussion*, إِنْ شَاءَ اللهُ akan dibincangkan dengan lebih mendalam pada masa yang terdekat. Memang satu perkara yang penting dan kerajaan mengambil berat atas isu pengangguran ini.

Macroeconomic statistics menunjukkan dari segi *trade* 'kitani' dengan negara-negara lain sudah nampak kemajuan sehingga *export* 'kitani'bagi *non-oil and gas* sudah melebihi sektor minyak dan gas. Jadi, kenapa masih juga orang ramai sepertimana yang dikongsikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi masih jua ada *business community* ini yang *complaint* ataupun merasa ekonomi tidak cukup maju. Memang ada sebabnya, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Kalau 'kitani' lihat perkembangan atau pertumbuhan *GDP* 'kitani' ini kebanyakannya lebih kepada *manufacturing industry* seperti *Hengyi, BFI, BMC* dan sebagainya. Jadi kalau 'kitani' pecahkan yang lain-lain, 'kitani' lihat dari segi *food and beverage* memang ada satu subsektor yang meningkat. Kalau mana-mana perniagaan yang terlibat dalam *food,* memang terasa ada kemajuan. Tapi kebanyakan *SME* 'kitani', terutamanya dalam *wholesale and retail sector, wholesale and retail sector* ini nampak menurun.

Mungkin disebabkan penurunan inilah banyak *SME* 'kitani' dalam subsektor ini ada kerisauan. Kenapa ekonomi ini tidak maju? Ini ada beberapa sebab Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Melihat inflasi semakin meningkat dalam beberapa tahun sebelum ini. Kadar deposit di bank pun lebih tinggi daripada sebelum ini. Jadi memang di mana-mana ekonomi teori ini, kalau kadar simpanan lebih tinggi, ia *encourage saving, discourage spending*. Ini adalah satu cara untuk mengatasi *inflation*. Isu kedua, mungkin kebanyakan orang 'kitani' ke luar negeri pada hujung tahun jadi memang banyak berbelanja di luar negeri daripada berbelanja di *retail sector* dalam negeri. Ini satu masalah.

Kaola bukannya ingin memberi *excuse* tetapi macam mana 'kitani' dapat *control* orang ke luar negeri. Isu ketiga, 'kitani' melihat pada zaman sekarang ini, ramai orang menggunakan *online shopping* walaupun tidak ke luar negeri.

Kalau dibandingkan dengan zaman sebelum ini, kebanyakan orang 'kitani' membeli keperluan dari dalam negeri. Tetapi sekarang boleh menggunakan *online shopping*. Perkara ini bukan saja terjadi di Negara Brunei Darussalam. 'Kitani' boleh lihat *United Kingdom*, *retail space department store* banyak tutup. Ini suatu fenomena yang menjejaskan *economic structure* di seluruh dunia pada masa ini.

Jadi, itu mungkin menjejaskan *business sentiment* di negara ini *which is* tidak juga berbeza dengan negeri-negeri lain. Satu juga yang perlu 'kitani' fikirkan, ekonomi ini bukan suatu perkaya yang dapat dijamin. Adakah pertubuhan *GDP* saja yang terus maju? Bertahun-tahun meningkat dan ada jua datang masanya *downturn*. Jadi *business community* ini terpaksa di mana-mana saja penyebabnya, *it's not government's doing.* 'Kitani' memang satu ekonomi terbuka. Memang apa saja faktor-faktor yang menjejaskan ekonomi dunia ini akan menjejaskan ekonomi 'kitani' jua. Jadi 'kitani' perlulah respons kepadanya juga, *that's why* bisnes 'kitani' ini juga mesti agile dan *versatile*.

Memang ada masanya bisnes kurang baik daripada yang sebelum ini. Ertinya mesti satu *fact that we must admit*. *Business cannot be continuously growing*. Pada masa ini 'kitani'lihat ekonomi dunia, *many countries not doing well. Economy not doing well.* إِنْ شَاءَ اللهُ, dengan usaha-usaha 'kitani' untuk meneruskan beberapa strategi dan inisiatif ini, kaola yakin dengan indikator-indikator yang kaola terangkan seperti

macroeconomic indicator akan dapat mengatasi isu dari segi *economic diversification.*

Dari segi *tourism*, mungkin satu hari nanti Yang Berhormat rakan sejawatan kaola semasa Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini akan menjawabnya tetapi kaola tambah sedikit. Kalau dibandingkan *tourism number* tahun 2019 dengan tahun 2018, 2019 'kitani' punya *tourism number* jauh meningkat *because* 'kitani' banyak pelancong dari Negeri China. Tapi kalau 'kitani' lihat masa ini, ekonomi Negeri China sudah terjejas. Jadi, jumlah *tourist* dari Negeri China ini semakin kurang. Ini memang sudah terasa di negara-negara *Europe*, Amerika dan jua *ASEAN.* Jadi, macam mana 'kitani' akan terus meningkatkan lagi *tourism*? Ini bukan satu perkara yang *straight forward* tetapi 'kitani' mesti terus usahakan.

Kaola akan mengongsikan pandangan kaola atas sebab-sebab yang boleh menjejaskan segi pelancongan ini. Ada sebahagian soalan mungkin kaola belum dapat berikan penjelasan. إِنْ شَاءَ اللهُ jika ada maklumat-maklumatnya kaola akan kongsikan lagi. Itu sahaja yang dapat kaola kongsikan.

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Saya kira cukup sekian kita mengadakan perbahasan bagi Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 ini maka sebagaimana lazimnya dan menurut peraturan, kita ada baiknya sekarang Rang ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang setuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju.

Yang Mulia Jurutulis: "Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulan Wang yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه Rang Undang-Undang Yang Bergelar: **"Suatu Akta Untuk Membekalkan Sejumlah Wang dari Kumpulan Wang yang Disatukan bagi Perkhidmatan Tahun Kewangan 2024/2025 dan untuk memperuntukkan wang yang tersebut itu bagi maksud-maksud tertentu"** telah pun kita undi.

Saya kira cukuplah dulu kita bersidang pada hari ini, persidangan ini sekarang saya tangguhkan dan إِنْ شَاءَ اللهُ kita bersidang semula pada hari Sabtu, 2 Mac 2024 sebagaimana lazimnya mulai dari pukul 9:30 pagi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Sabtu, 21 Syaaban 1445 / 2 Mac 2024

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari keempat, hari Sabtu, 21 Syaaban 1445 bersamaan 2 Mac 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita bersyukur ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat lagi bersama-sama hadir pada pagi ini dan bersidang bagi hari yang keempat dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Sebelum kita beralih kepada perkara-perkara seterusnya, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II ingin membuat kenyataan dan respons bagi beberapa soalan yang diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Rang Undang-

Undang yang telah dibahaskan pada hari Khamis yang lepas.

Dengan itu, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ(1) الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ(2) مٰلِكِ يَوْمِ
الدِّيْنِ(3) اِيَّاكَ نَعْبُدُ وَ اِيَّاكَ نَسْتَعِيْنُ(4) اِهْدِنَا
الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيْمَ(5) صِرَاطَ الَّذِيْنَ اَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ ۙ غَيْرِ
الْمَغْضُوْبِ عَلَيْهِمْ وَ لَا الضَّآلِّيْنَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه lebih dahulu peramba/kaola/saya ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan atas keprihatinan beliau dalam membangkitkan isu-isu seperti lampu-lampu jalan yang tidak berfungsi. Dalam kesempatan ini, izinkanlah peramba/kaola/saya memberikan sedikit ulasan.

Projek-projek pemasangan lampu sememangnya merupakan keutamaan Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam memastikan persekitaran yang selamat bagi penduduk-penduduk daerah dan mukim demi menjamin kesejahteraan semua lapisan masyarakat kampung.

Dengan itu, pihak jabatan telah pun memperuntukkan projek-projek peningkatan liputan lampu jalan di bawah RKN-12 yang memberi keutamaan bagi penaiktarafan sistem lampu awam di kawasan Lebuh Raya Muara-Tutong dan sebahagian jalan utama di Daerah Temburong serta pemasangan lampu awam baharu bagi kawasan-kawasan Mukim Lumapas, Daerah Brunei dan Muara dan Mukim Labi, Daerah Belait.

Di bawah belanjawan tahunan pula, peruntukan termasuk untuk Program Penyelenggaraan yang berterusan bagi memperbaiki lampu-lampu jalan raya yang tidak lagi berfungsi. Ini akan ditangani menerusi Kontrak Pemeliharaan lampu awam bagi menangani aduan-aduan yang diterima dan dengan membuat pemantauan berterusan.

Di samping itu, antara inisiatif untuk mengurangkan penggunaan bekalan tenaga elektrik adalah dengan menggantikan lampu jalan yang lebih cekap dan kaedah penyalaan lampu yang berselang seli dan tidak menjejaskan keselamatan di jalan raya.

إِنْ شَاءَ اللهُ kerja-kerja penyelenggaraan dan pengendalian projek-projek akan terus dipantau rapi dengan kerjasama rapat dengan pihak-pihak yang berkenaan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dari segi keselamatan dan keberkesanan bekalan sistem tenaga elektrik negara. Ke arah ini pelaksanaan projek-projek lampu jalan yang berkesan akan terus diberi keutamaan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Seterusnya peramba / kaola / saya menyambut baik cadangan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin atas cadangan mempercepatkan projek-projek tenaga boleh diperbaharui *(renewable energy)* yang diselenggarakan oleh Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana Menteri.

Ke arah mengukuhkan lagi keterjaminan bekalan tenaga elektrik khususnya bagi memenuhi keperluan rakyat Negara Brunei Darussalam yang meningkat, pihak Jabatan Tenaga telah menyasarkan untuk membangun tenaga "suria" berskala besar iaitu pemasangan sebanyak 200 *megawatt* menjelang tahun 2025. Projek "tenaga suria" 30 *megawatt* di Kampung Belimbing, Subok pada masa ini sedang dimajukan dan إِنْ شَاءَ اللهُ akan mula beroperasi pada tahun 2025.

Manakala, projek-projek yang selainnya termasuk projek-projek "tenaga suria" yang dimajukan oleh pelbagai agensi termasuk syarikat-syarikat pengendali dan syarikat-syarikat perindustrian yang lain seperti *Syarikat Brunei Shell Petroleum*, *Syarikat Total Energies* dan sebagainya. Bagi memaksimumkan penggunaan tanah di Negara Brunei Darussalam melalui kegiatan ekonomi yang lain, beberapa tapak perairan *(floating solar)* juga dipertimbangkan untuk penempatan loji "Tenaga Suria".

Pada masa yang sama pembangunan "tenaga suria" yang berskala kecil dan sederhana sedang diusahakan melalui langkah-langkah untuk menggalakkan orang ramai memasang sistem tenaga 'solar" di atas bumbung secara sukarela. Bagi mempercepatkan projek-projek tenaga yang boleh diperbaharui yang sudah dirancangkan ini, pendekatan bersepadu *Whole of Nation* adalah diperlukan dan ke arah ini satu Jawatankuasa Pandu Keselamatan dan Kecekapan Tenaga telah pun ditubuhkan dengan melibatkan pihak-pihak yang berkepentingan.

Di samping itu, untuk mengukuhkan lagi perancangan ini juga boleh mendapatkan input daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat. إِنْ شَاءَ اللهُ pengintegrasian sumber tenaga elektrik yang alternatif ini akan mendukung lagi perkembangan ekonomi dan akan membolehkan gas asli untuk disalurkan kepada aktiviti-aktiviti yang lebih bernilai seperti pengeluaran gas asli cecair *(LNG)* atau aktiviti-aktiviti industri hiliran minyak dan gas yang akan mengukuhkan lagi nilai pengeksportan negara.

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II atas penerangan dan kenyataan yang diberikan sebentar tadi.

Saya kira tibalah masanya untuk kita meneliti Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 satu per satu.

Maka, bagi membolehkan perkara ini kita laksanakan, saya tangguhkan dulu persidangan Majlis Mesyuarat Negara

dan kita akan bersidang semul di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat Ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحْيم, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis sekarang bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Sekarang kita akan meneliti rang ini satu per satu.

Yang Mulia Jurutulis: Bab 2 Ceraian (1) dan (2).

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita membincangkan Bab 2 Ceraian (1) dan (2). Saya persilakan jika ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin membahaskannya.

Jika tidak ada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membahaskan maka Bab 2 Ceraian (1) dan (2) ini saya undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Bab 2 Ceraian (1) dan (2), sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju maka Bab 2 Ceraian (1) dan (2) ini dijadikan sebahagian daripada Jadual kepada Rang Undang-Undang ini.

Yang Mulia Jurutulis: Bab 2 Ceraian (1) dan (2) dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya difahamkan atas urusan-urusan rasmi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tidak akan dapat hadir buat beberapa hari di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada minggu hadapan. Maka setelah saya mempertimbangkannya, saya membenarkan bagi perbincangan dan perbahasan Jabatan Perdana Menteri untuk ditangguhkan dahulu dan akan dibahaskan setelah kembalinya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II kembali nanti. Sekarang kita beralih kepada tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A - Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang Mesyuarat Jawatankuasa beralih kepada Tajuk Kementerian Pertahanan di bawah Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A – Kementerian Pertahanan.

Saya difahamkan bahawa Kementerian Pertahanan merupakan kementerian yang tertutup dan oleh itu belanjawannya tidaklah perlu kita bincangkan secara terbuka.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dengan ihsannya jua akan memberikan pembentangan mukadimah terutamanya mengenai penyediaan Belanjawan Kementerian Pertahanan Tahun Kewangan 2024/2025. Dengan itu, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II untuk memberikan keterangannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati ٱللَّهَ yang peramba/kaola/saya hormati sekalian. أَلْحَمْدُ لِلهِ peramba/kaola/saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan izin, limpah rahmat-Nya dan hidayah-Nya, kita diberikan nikmat afiah dan rezeki berpeluang untuk sama-sama hadir dan berkumpul di Dewan yang mulia ini, di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara dalam suasana negara terus menikmati keamanan, kemakmuran, keharmonian dan kedamaian.

Dalam kesempatan ini, peramba/ kaola/ saya mewakili seluruh lapisan kepimpinan dan warga Kementerian Pertahanan menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia baginda memperkenankan peruntukan berjumlah $796,304,785.00 kepada Kementerian Pertahanan dan jabatan-jabatan arah di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Peruntukan yang telah diamanahkan ini sesungguhnya sangat dihargai dan إِنْ شَاءَ اللهُ dalam usaha gigih menyahut seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mendukung perbelanjaan berhemah dan amalan berjimat cermat dan menepati Tema Belanjawan: 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' ke dalam perancangan Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan ini akan terus bertumpu kepada usaha-usaha merealisasikan pengurusan pertahanan yang cekap, bermutu dan berdasarkan keutamaan Kementerian Pertahanan dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara.

Peramba/kaola/saya berbesar hati atas peluang untuk menyampaikan mukadimah Kementerian Pertahanan tahun ini merupakan tahun bersejarah buat Negara Brunei Darussalam memperingati detik 40 tahun

kemerdekaannya. أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita telah meraikan beberapa hari yang lalu Sambutan Hari Kebangsaan Ke-40 dengan Tema "Bersatu Mencapai Cita Negara" dengan jayanya yang penuh makna dengan pelbagai citra warna.

Dalam keriangan tersebut, ia mengingatkan kita betapa pentingnya kedaulatan negara dan nilai keamanan sentiasa terjaga ke atas seluruh pelosok rakyat dan penduduk negara kerana tanpanya kita tidak akan dapat meneruskan usaha pembangunan dan perkembangan negara di samping mengecapi kesejahteraan, kemakmuran, kedamaian dan kemajuan yang kita nikmati hari ini.

Tahun 2024 juga amat bermakna kerana ia menandakan genap 4 dekad penubuhan rasmi Kementerian Pertahanan yang menjadi salah satu mercu tanda kemajuan dalam tadbir urus kerajaan khususnya dalam hal-ehwal keamanan dan keselamatan. Kewujudan kementerian ini merupakan satu langkah pemodenan Negara Brunei Darussalam dalam memaparkan imej serta kedudukan negara yang merdeka lagi berdaulat yang mampu menggalas tanggungjawab memelihara keamanan dan keselamatan serta menegakkan pertahanan tanpa sebarang campur tangan mana-mana pihak luar.

Detik 4 dekad Kementerian Pertahanan ini juga mengingatkan bahawa organisasi pertahanan negara kini telah mencapai hayat yang cukup dewasa. Melangkaui kematangan usia ini, Kementerian Pertahanan berazam untuk mengekalkan amalan terbaik *(best practices),* memiliki sifat keterbukaan kepada perubahan yang positif *(openness to positive change)* dan menyasarkan kegiatan yang menjurus ke arah pembaikan, peningkatan dan pembaharuan dalam aspek-aspek yang dinilai penting dan menjadi keutamaan *(important and priority).*

Dengan itu, Kementerian Pertahanan akan sentiasa membuat penilaian berterusan dalam bidang ketenteraan dan pertahanan, mengambil kira pelbagai faktor termasuklah pemilihan teknologi, penggunaan sumber tenaga manusia yang berkemahiran, kos pembiayaan serta impaknya dari segi pulangan pelaburan *(return of investment)* yang ketara akan dititkberatkan dan diberi keutamaan sewajarnya. Ini lazimnya akan dikongsikan melalui penerbitan "Kertas Putih" Pertahanan atau "*Defence White Paper".*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara yang lalu, peramba/kaola/saya telah mengutarakan keutamaan-keutamaan kementerian yang menjadi asas bagi peruntukan yang telah disediakan dengan mengambil kira kedudukan Kementerian Pertahanan dan keadaan persekitarannya termasuk perkembangan ekonomi negara, pergolakan geostrategik semasa,

suasana dan perkembangan keselamatan serantau dan global.

Cabaran dan ancaman keselamatan masa kini yang semakin rumit dan di luar dugaan seperti kemelut geopolitik yang tidak menentu, ancaman terhadap kesihatan awam *(threats to public health)*, perkembangan ekonomi pascawabak *COVID-19,* perubahan iklim dan perkembangan teknologi yang pesat menghendaki strategi pertahanan yang telus dan kukuh yang bertujuan untuk memastikan kepentingan negara terus terjaga dan kesejahteraan rakyat sentiasa dikecapi.

Mengambil kira suasana sekeliling dan dengan kesedaran tentang sejarah negara kita yang tercinta ini, Kementerian Pertahanan akan kekal mendukung Misi utamanya iaitu: Mempertahankan Kedaulatan Negara dan Integriti Wilayah dan Menegakkan Falsafah Melayu Islam Beraja. Dengan ini juga ia akan merealisasikan Visi Kementerian ke arah menubuhkan sebuah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang berwibawa dan rakan yang dipercayai ataupun *A Formidable Armed Forces and A Reliable Partner.*

"Kertas Putih Pertahanan" kemas kini yang dilancarkan pada tahun 2021 dengan Tema: *Defending The Nation's Sovereignty: A Secure And Resilient Future* akan juga terus menjadi *blueprint* dan panduan Kementerian Pertahanan dalam usaha menggandakan kapasiti dan ketumbukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sama ada dalam bentuk aset mahupun kualiti anggota dalam semua lapisan peringkat awam dan tentera.

Ke arah ini seperti yang telah peramba/kaola/saya jelaskan pada sesi sebelumnya, strategi pertahanan Negara Brunei Darussalam kekal bertunjangkan 3 teras utama yang tetap relevan dan saling melengkapi, iaitu:

1. Cegah Rintang dan Tindak Balas.; *(Deterrence and Response).;*
2. Diplomasi Pertahanan (*Defence Diplomacy).*; dan
3. Pertahanan holistik *(Holistic Defence).*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

1. Pada dasarnya, Cegah Rintang *(deterrence)* yang utuh merupakan asas pertahanan bagi menangkis anasir-anasir yang cuba mengkompromi keselamatan negara. Justeru, usaha-usaha untuk mengukuhkan keupayaan secara berterusan melalui perolehan, pemeliharaan dan penaiktarafan aset adalah antara kunci kejayaannya.

   Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei giat menjalankan usaha meningkatkan keupayaan perisikan, pengawasan, perolehan, sasaran dan peninjauan *(ISTAR - Intelligence, Surveillance, Target Acquisition and Reconnaissance)* iaitu satu sistem baharu akan diguna pakai dalam

masa terdekat. Manakala sistem pesawat tanpa pemandu *(UAS Unmanned Aerial System)* telah pun beroperasi sejak dilancarkan pada Mei 2022.

Selain itu, peningkatan keupayaan pertahanan maritim juga turut diutamakan dengan perolehan baru-baru ini, 2 buah kapal peronda Tentera Laut Diraja Brunei iaitu *KDB As-Siddiq* dan *KDB Al-Faruq.* Perhatian juga ditumpukan kepada keupayaan pengawasan dan pengesanan ancaman di bawah permukaan air *(underwater)* bagi memastikan tindak balas berkesan dalam menjaga keutuhan wilayah Negara Brunei Darussalam.

Pada bulan Januari 2024 yang lalu, Kementerian Pertahanan telah melakar sejarah dengan ketibaan 2 buah pesawat angkut *C295MW* Tentera Udara Diraja Brunei dan إِنْ شَاءَ الله 2 buah lagi akan diterima dalam jangka waktu terdekat bagi menggantikan pesawat angkut *CN235* yang telah pun beroperasi hampir 3 dekad bersama Tentera Udara Diraja Brunei yang telah mencecah tempoh untuk ditamatkan perkhidmatan. Pesawat-pesawat pengangkut terbaharu ini berkeupayaan melakukan pelbagai peranan dan misi *(multi-role* dan *multi-mission)* menurut keperluan pada satu masa. Setentunya penggunaan aset-aset baharu ini nanti adalah antara kaedah mempamerkan postur pertahanan negara dan dalam memperkasa usaha diplomasi pertahanan dengan rakan serantau dan antarabangsa.

Kementerian Pertahanan dari masa ke masa akan menyemak dan membuat penelitian yang mendalam untuk meneguhkan daya tahan dan keampuhan berpandukan Perancangan Gagasan *Force 2035* serta *Force Structure Review* dan bagi mengesahkan disahkan dengan hala tuju yang selaras dengan konteks Persekitaran Operasi Kontemporari *(Contemporary Operations Environment)* serta sejajar dengan Postur Pertahanan *(Defence Posture)* Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Usaha ini mustahak, bagi memastikan tahap ketumbukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan sentiasa menepati keperluan dalam menangani cabaran dan kehendak-kehendak semasa. Ke arah ini, satu Jawatankuasa Bertindak, iaitu *Defence Capability Committee* dipertanggungjawabkan untuk meneliti, merancang dan mengelola secara teliti akan kebolehsuaian prasarana demi menjamin apa jua aset yang dipertimbangkan berdasarkan keperluan yang berunsur jangka panjang *(long-term*) melalui perolehan yang komprehensif, telus, teliti dan sistematik.

Dalam pada itu, isu menangani peralatan tentera yang telah lapuk

dan memasuki jangka penghapusan berbanding kepentingan memastikan tahap kedayatahanan yang optimum pada era kontemporari ini, tidak dinafikan akan sentiasa menjadi pertimbangan kritikal buat Kementerian Pertahanan.

Justeru, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah mengambil langkah penggantian *(replacement*), pengiktirafan *(upgrading*) dan program memanjangkan jangka hayat *(life expansion programme*) bagi sistem keupayaan dan juga infrastruktur mengikut keutamaan secara berperingkat sebelum beralih kepada perolehan yang baharu pada masa akan datang.

Kementerian Pertahanan berbesar hati dengan kepimpinan berdaulat lagi bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan perhatian penuh yang ditumpukan oleh Kerajaan Baginda terhadap pertahanan melalui beberapa projek pembangunan keupayaan dan infrastruktur pertahanan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN-12).

Projek-projek ini akan 'diungkayahkan' secara berfasa selaras dengan perkembangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi memastikan platfom berkenaan terus dapat digunakan dalam jangka masa panjang. Pemeliharaan berterusan adalah keperluan yang mesti diambil kira dalam peruntukan kewangan kementerian pada masa akan datang.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati.

2. Dalam bidang Diplomasi Pertahanan, Kementerian Pertahanan akan secara berterusan mendukung dasar Negara Brunei Darussalam untuk menjalin hubungan baik dengan semua negara sahabat melalui kerjasama dua hala dan pelbagai hala dan atas dasar saling menghormati *(mutual respect)* dan hidup bersama secara aman *(peaceful co-existence).* Dalam konteks ini diplomasi Kementerian Pertahanan akan tetap menjadi tunjang utama dan sandaran buat Kementerian Pertahanan dalam mengimbangi arus perubahan serantau dan global yang pesat.

   Peranan Diplomasi Pertahanan juga akan diberi nilai tinggi selaku landasan yang memupuk persefahaman dalam kalangan negara dan yang mengimbangi ke arah menggalakkan kemakmuran dan kestabilan rantau dan global. Ke arah merealisasikan sasaran tersebut dan sempena mengambil sukut baik detik bersejarah Negara Brunei Darussalam menyambut empat dekad menjalin hubungan diplomatik dengan negara-negara sahabat, langkah mempelbagaikan dan memperkembangkan bidang kerjasama pertahanan baik dari segi

kuantiti mahupun kualiti adalah salah satu pendekatan utama.

Kementerian Pertahanan akan mempertimbangkan penglibatan dan interaksi di luar rantau yang tidak terhad kepada memberikan pendedahan dan kesedaran *(exposure and awareness)* bahkan juga memperhitung kepentingan Negara Brunei Darussalam secara menyeluruh.

Justeru, selaras dengan Visi Kementerian, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei: Sentiasa siap sedia melaksanakan apa jua misi yang diarahkan yang menyumbang kepada keselamatan dan kepentingan bersama, sama ada di peringkat serantau mahupun antarabangsa.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, kita berbangga dengan penglibatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang setakat ini telah mengharumkan dan membawa nama negara ke mata dunia melalui penyertaan dalam misi-misi pengamanan dan bantuan kemanusiaan dan bencana khasnya Misi Pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lebanon, (*United Nation Interim Force in Lebanon (UNIFEL))* di bawah kelolaan *Malaysian Battalion (MALBATT)* sejak tahun 2008 dan terus giat juga menyertai *Independent Decommissioning Body Verification, Monitoring and Assistance Team (IDB VMAT)* di Republik Filipina sebagai kesinambungan kepada keterlibatan dalam Pasukan Pemantau Antarabangsa *(International Monitoring Team)* dari tahun 2004 hingga 2022 yang telah berjaya mewujudkan keamanan di kepulauan Mindanao, Republik Filipina.

Selain itu, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga menempatkan para pegawai di pusat-pusat gerakan yang berpangkalan di Republik Singapura seperti *Information Fusion Centre (IFC), Counter-Terrorism Information Facility (CTIF),* dan *Changi Regional HADR Coordination Centre (RHCC)* dalam usaha untuk sama-sama menyumbang kepada keselamatan serantau dan antarabangsa. Kesemua ini melambangkan komitmen jitu negara terhadap aspirasi keamanan dan kemakmuran sejagat yang secara tidak langsung mempamerkan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sebagai sebuah angkatan tentera yang profesional, cekap dan menegaskan imej pertahanan yang berwibawa dan *credible*. Penempatan-penempatan ini tidak syak memerlukan pembiayaan agak tinggi dengan pulangan *intangible* secara *collective* jauh lebih bernilai terutamanya buat Negara Brunei Darussalam yang kita cintai.

Salah satu penanda aras ketara akan keberkesanan Diplomasi Pertahanan ialah adanya *reciprocal gesture* yang positif dari negara-negara sahabat khususnya melalui penyertaan dalam kursus-kursus dan latihan yang

ditawarkan di pelbagai peringkat beberapa tahun kebelakangan, baik yang 'diungkayahkan' oleh Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan sekolah Latihan Angkatan Tentera serta Institut Pengajian Pertahanan dan Strategik Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kementerian Pertahanan.

Langkah ini إِنْ شَاءَ اللهُ, akan diteruskan dan dipertingkatkan dari masa ke masa dan dihasrat akan menjadi pemangkin kepada langkah-langkah Diplomasi Pertahanan yang lebih ampuh dan berkesan. Dalam masa yang sama, usaha ini juga diharap akan menjadi pendorong bagi kementerian untuk terus memastikan tahap infrastruktur latihan berkualiti yang akan memacu suasana serta persekitaran pembelajaran, latihan dan kursus yang lebih kondusif.

Perlu juga diketengahkan, sokongan negara sahabat di rantau *ASEAN* khususnya dan juga antarabangsa pada hari Sambutan Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sangat memberangsangkan dan mencerminkan hubungan erat antara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dengan negara-negara yang menjalin hubungan kerjasama pertahanan melalui permeteraian Memorandum Persefahaman *(MoU)* dalam bidang pertahanan dan ketenteraan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya hormati.

Kepentingan institusi pertahanan sebagai salah satu tonggak keselamatan negara sememangnya tidak dapat dinafikan dan diragukan lagi. Usaha memperkukuh dan memantapkan organisasi adalah penting dan *crucial* yang beberapa inisiatif dalaman telah dijalankan termasuk 'membarigakan' kesedaran *security* selaku asas atau akar umbi institusi pertahanan dan memupuk budaya *security awareness culture* dalam semua lapisan warga Kementerian Pertahanan, awam dan tentera.

Beberapa projek penaiktarafan *security* di seluruh kementerian dan Perkhemahan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei giat dijalankan pada tahun ini termasuk implementasi Kad Pintar *Radio frequency identification (RFID smart card)* bagi menggantikan kad kakitangan/ anggota awam yang sedia ada serta pemasangan sistem kamera litar tutup terbaharu *(Closed Circuit Television Camera - CCTV)* dan pengawalan akses *(access control)* ke arah mengukuhkan keselamatan perimeter prasarana di bawah bidang kuasa kementerian, sekuriti maklumat dan aset.

Sukacita diingatkan meskipun teknologi moden, penggerak jentera mana-mana organisasi tetap

memerlukan tenaga manusia yang cekap dan bermutu tinggi dalam sama-sama merealisasikan Wawasan Brunei 2035, Kementerian Pertahanan mengambil berat dan menekankan kepentingan kesejahteraan warga yang berkhidmat di dalamnya sama ada dalam bentuk memenuhi keperluan yang dinilai biasa *(basic)* seperti perumahan, mahupun kepuasan dalam pekerjaan *(work satisfaction)* dan perkembangan kerjaya melalui kursus, latihan dan pendedahan kerjaya yang progresif dan juga rancangan penggantian *(succession planning)* yang lebih terarah dan berkesan berdasarkan kepada *merit*.

Langkah-langkah ini bertujuan memastikan keperluan tenaga kerja dan kelicinan tadbir urus bagi perkhidmatan awam mahupun tentera tidak terjejas dalam semua peringkat kepimpinan dan peringkat bawahan yang dipimpin. Secara tidak langsung, ini menjamin tersedianya generasi pelapis Kementerian Pertahanan yang akan memperkasakan lagi Kementerian ini bukan sahaja setakat berpengetahuan *(knowledgable)*, berkelayakan *(qualified),* bersesuaian (*compatible)* malah berkompetensi *(competent)* bagi jawatan yang diamanahkan nanti.

Selain itu, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga terus memastikan keupayaan dan kapasiti yang sedia ada mampu menampung keperluan untuk melatih jumlah anggota memasuki perkhidmatan tentera ke arah menjamin mutu anggota yang mantap dan selaras dengan perkembangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta bagi menghasilkan tenaga kerja yang berkemahiran.

Di samping itu juga, perancangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei melalui Akademi Pertahanan telah menubuhkan *Faculty of Military Studies* dengan kolaborasi bersama Universiti Brunei Darussalam yang akan menerapkan konsep pembelajaran sepanjang hayat *(life-long learning)* dalam pendidikan profesional ketenteraan *(professional military education).*

Langkah in secara tidak langsung mendukung aspirasi kebangsaan untuk menjana rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya selain memperkasa usaha Diplomasi Pertahanan melalui penyertaan pegawai-pegawai tentera dari negara-negara sahabat.;

3. Selaras dengan konsep dan Pertahanan Holistik, kementerian ini terus mempraktikkan pendekatan satu kementerian *(whole of ministry)* melalui sinergi tentera dan awam dengan sentiasa mengemas kini dasar dan proses ke arah melicinkan pelaksanaan tugas dan inisiatif di dalam dan luar kementerian.

   Langkah ini memupuk semangat perpaduan dalam kalangan warga

awam dan tentera, menanam amalan sifat 'tidak camah mata' dalam memantapkan pengurusan pertahanan secara amnya. Sinergi ini juga membolehkan kementerian untuk sentiasa siap siaga berganding bahu dan agensi-agensi kerajaan mahupun bukan kerajaan ke arah mendukung pendekatan senegara *whole of nation* bagi mencapai gagasan negara iaitu Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang peramba/kaola/ saya hormati.

Sekian saja mukadimah daripada Kementerian Pertahanan bagi Tahun Kewangan 2024/2025. إِنْ شَاءَ اللهُ berpegang teguh kepada nilai-nilai teras dan penghayatan kukuh kepada falsafah Melayu Islam Beraja, berbekalkan dengan iman serta penuh tawakal, kementerian ini akan 'menanai' amanah pada menjaga kedaulatan raja, agama dan negara dengan penuh iltizam dan dedikasi serta niat murni untuk menerajui pertahanan berkesan bersama menuju kejayaan Wawasan Brunei 2035. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Peramba / kaola / saya sudahi dengan, وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II yang telah memberikan penerangan dan hala tuju dalam penyediaan Bajet Kementerian Pertahanan Tahun Kewangan 2024/2025.

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya kira mukadimah yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II cukup jelas dan tidak perlu lagi untuk kita bahaskan.

Maka Tajuk ini sekarang saya undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, semua Ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A, Kementerian Pertahanan ini diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A dijadikan sebahagian daripada Jadual bagi Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sepertimana yang berkaitan dengan perbincangan dan perbahasan bagi Jabatan Perdana Menteri, saya telah pun difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II tidak akan dapat hadir dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara bagi beberapa hari atas urusan rasmi.

Oleh yang demikian, bagi memastikan perjalanan mesyuarat kita ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar,

maka saya akan menangguhkan dahulu perbahasan bagi tajuk-tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Sekarang kita beralih kepada tajuk-tajuk di bawah kementerian yang seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang membincangkan jadual Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebelum saya membukakan tajuk ini untuk dibahaskan dan dibincangkan, saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membuat kenyataanya tentang penyediaan Belanjawan serta hala tuju Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati الله, yang peramba/kaola/saya hormati.

Lebih dahulu kaola sukacita merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan peluang kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah tentang fokus Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2024/2025 termasuk pencapaian-pencapaian yang telah dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2023/2024.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Penyediaan Anggaran Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dirangka dengan memberikan penekanan dan fokus bagi mendukung Tema Belanjawan Negara iaitu: "Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur".

Selaras dengan Visi dalam Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu: "Besama Mengekalkan Negara Brunei Darussalam yang Aman, Makmur dan Dinamik", abiskaola memfokuskan langkah-langkah dan inisiatif-inisiatif yang menjurus kepada 3 aspirasi utama iaitu:

1. Keselamatan dan Kesejahteraan.;
2. Transformasi Pembangunan Bandar dan Daerah dan Memperkasakan Pembangunan Komuniti.; dan
3. Tadbir Urus yang Baik dan Penyampaian Perkhidmatan yang Berkualiti.

Ke arah itu, untuk mencapai aspirasi-aspirasi yang kaola nyatakan tadi, kerjasama dan penglibatan dari semua peringkat termasuk pemimpin akar umbi, agensi-agensi kerajaan yang lain, sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan *(NGO's),* syarikat berkaitan dengan kerajaan *(GLC)* serta semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini melalui pendekatan senegara *(whole of nation approach).*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

1. Untuk mencapai Aspirasi Keselamatan dan Kesejahteraan rakyat di negara ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat sebagai salah sebuah agensi barisan hadapan yang bertanggungjawab dalam menangani insiden kecemasan, kebakaran dan ke arah sentiasa siap saga tanpa mengira waktu demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

   Ke arah memperkesankan lagi perkhidmatan pembelian *Light Fire Attack Vehicle*, di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 adalah mengurangkan masa tindak balas dalam menangani sebarang kejadian kecemasan terutama sekali di kawasan-kawasan yang sukar untuk diakses oleh kenderaan bomba yang sedia ada.

   Isu kebakaran hutan dan belukar yang menjadi perhatian lebih-lebih lagi dengan keadaan cuaca panas dan kering mulai bulan Februari lepas dan dijangka berterusan hingga Mac ini. Ke arah itu, sebagai langkah pencegahan, beberapa perancangan dan kajian telah dan sedang dibuat bagi kesesuaian mewujudkan *buffer zone* di lokasi-lokasi tertentu yang dikenal pasti sebagai tempat yang sering terjejas dengan kebakaran hutan dan belukar dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, institusi-institusi pengajian tinggi dan pihak *Brunei Shell Petroleum*, *Buffer zone* atau yang dikenali sebagai *fire breaker* ini berfungsi sebagai penghalang untuk memperlahankan atau menghentikan kebakaran hutan dan belukar dari terus merebak yang boleh mengancam kawasan awam seperti perumahan, persekolahan dan bangunan-bangunan.

Dalam pada itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya telah dan sedang giat melaksanakan pembaikan dan penggantian sebanyak 700 unit pili bomba bagi tempoh 2 tahun. Setakat ini sebanyak 120 pili bomba telah selesai dilaksanakan penggantian dan pembaikan. Projek ini juga termasuk *GPS Tagging* bagi memudahkan pengesanan melalui projek yang akan dilaksanakan nanti di bawah Rancangan Kemajuan Negara iaitu *One MOHA System*.

Untuk memastikan pematuhan Akta dan Peraturan Imigresen dan Perburuhan di negara ini, beberapa

operasi penguatkuasaan sama ada secara persendirian dan bersepadu telah dilaksanakan, iaitu pada tahun 2023, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah melaksanakan sebanyak 1,166 pemerhatian, 338 operasi dan pemeriksaan. Seramai 41 orang telah dihadapkan ke mahkamah dan seramai 2,285 orang telah didenda kompaun kerana melakukan pelbagai kesalahan imigresen seperti kesalahan di bawah Bab 15(1) Tinggal lebih masa, menyimpan pasport sehingga menyebabkan Pas Imigresen mansuh.

Manakala Jabatan Buruh telah melaksanakan sebanyak 748 pemerhatian dan sebanyak 308 operasi telah dijalankan dan kesalahan tertinggi dilakukan oleh majikan adalah di bawah Bab 10 iaitu majikan tidak menyediakan Kontrak Perkhidmatan Kerja dan Bab 112 (2) Melanggar Syarat-Syarat Lesen Pekerja Asing iaitu kesalahan penempatan kerja dan bekerja tidak mengikut jawatan yang diluluskan.

Dalam Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Buruh *ASEAN (SLOM*), Jabatan Buruh sedang meyediakan Garis Panduan *ASEAN* bagi melaksanakan dua deklarasi *ASEAN* yang telah diluluskan oleh Ketua-Ketua *ASEAN,* iaitu *ASEAN Declaration on Portability of Social Security Benefits for Migrant Workers in ASEAN* bertujuan membentuk dasar migrasi yang sesuai, termasuk perlindungan sosial bagi pekerja asing, dan *ASEAN Declaration on the Placement and Protection of Migrant Fishers* bertujuan meningkatkan kondisi kerja dan melindungi hak-hak nelayan *migrant*, termasuk upaya pencegahan terhadap keganasan dan eksploitasi. Inisiatif ini akan memberikan manfaat kepada Negara Brunei Darussalam dengan pendekatan yang berstruktur untuk mengatasi cabaran serantau berkaitan dengan pekerja *migrant* and nelayan *migrant*, serta meningkatkan kesejahteraan serta perlindungan mereka.

Kaola sukacita menerangkan berkaitan dengan *cadangan Long Term Pass* dan pelaksanaan dasar had umur yang pernah disuarakan di Dewan yang mulia ini, iaitu khususnya bagi dua kategori iaitu Jawatan Yang Memerlukan Kelulusan Yang Bertauliah Tinggi atau khusus termasuk jawatan-jawatan dalam kategori Pemilik Syarikat dan jawatan teknikal *(Specialist* atau *Professional)*, Jabatan Buruh masih sahaja boleh memberikan kebenaran bagi penyambungan Lesen Pekerja Asing walaupun mereka yang bekenaan sudah mencapai had umur yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun, kebenaran ini diberikan dengan berasaskan kepada penilaian yang dibuat oleh agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan dengan memenuhi kriteria-kriteria

antaranya seperti memfail Cukai Korporat *(corporate tax),* peluang-peluang pekerjaan yang diberikan kepada anak-anak tempatan, perniagaan yang memberikan *value-add* kepada perkembangan ekonomi dan menjana ekosistem yang properniagaan dalam memajukan lagi ekonomi negara.

Ini selaras jua dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara Tahun 1445/2024, baginda menyarankan untuk membuat inisiatif masing-masing ke arah membantu kerajaan dalam menjana peluang-peluang pekerjaan, mempertingkatkan sektor-sektor perekonomian dan pembangunan kapasiti sumber tenaga manusia, termasuk dalam kalangan pengusaha tempatan dan golongan yang tertentu yang lain.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Berdasarkan pada *Guide Passport Ranking Index*, pasport Negara Brunei Darussalam berada di tangga ke-20 iaitu sebanyak 168 buah negara telah mengecualikan untuk mendapatkan visa masuk ke negara masing-masing. Dalam mendukung inisiatif kerajaan menggalakkan pelancong untuk datang ke negara ini, setakat bulan Disember 2023 Negara Brunei Darussalam telah mengecualikan visa mengikut tempoh yang tertentu antara 14 hingga 90 hari ke atas 65 buah negara, manakala sebanyak 7 buah negara telah diberikan kebenaran bagi *visa on arrival.*

أَلْحَمْدُ لِلّٰه pada tahun 2023, seramai 2,089 orang telah diperkenankan untuk menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepertimana juga yang diperuntukkan di bawah Akta Taraf Kerakyatan Brunei (Penggal 15). Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan kali ke-37 hingga ke-39 yang masing-masing telah diadakan pada bulan Mei, Julai dan November 2023.

Salah satu peranan Jabatan Buruh adalah untuk menjaga dan menjamin kesejahteran pekerja-pekerja sama ada dalam kalangan warga tempatan dan warga asing yang berkhidmat dengan syarikat-syarikat swasta di negara ini. Ke arah ini, penguatkuasaan Perintah Perkerjaan (Upah Minimum), 2023 di bawah Perintah Perkerjaan 2009 telah mula dilaksanakan pada 12 Julai 2023 yang bertujuan menetapkan kadar upah minimum yang berpatutan bagi memenuhi keperluan sara hidup pekerja, melindungi pekerja daripada gaji yang terlalu rendah, mendorong motivasi dan produktiviti tempatan

dan untuk merangsang pertumbuhan sosioekonomi.

Pelaksanaan dan dasar upah minimum ini akan dilaksanakan secara berfasa. Fasa pertama melibat dua sektor iaitu Sektor Perbankan dan Kewangan dan Sektor Teknologi dan Infokomunikasi dengan kadar upah minimum $500 sebulan sebelum sebarang pemotongan seperti caruman dalam Skim Persaraan Kebangsaan.

Berkenaan dengan Undang-Undang di bawah Perintah Pekerjaan 2009, mengenai tanggungjawab menyediakan perumahan pekerja sebagaimana yang termaktub di bawah Bab 80 iaitu kewajiban majikan untuk menyediakan tempat tinggal dan penyusunan kebersihan yang memuaskan dari segi keselamatan, kebersihan dan keselesaan. Ini termasuk di bawah Bab 81 iaitu bangunan hendaklah mematuhi kehendak undang-undang bermaksud semua tempat tinggal yang disediakan hendaklah dibina dan diselenggarakan serta sentiasa dalam keadaan bersih menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain yang dikawal oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan di bawah Bab 86, iaitu: Kebenaran tempat pekerjaan dan larangan menggaji pekerja buruh jika penyusunan tidak mencukupi. Dalam hal ini, Jabatan Buruh melalui Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang akan dari masa ke masa membuat pemeriksaan ke atas tempat tinggal pekerja seperti yang disahkan dalam borang pengesahan alamat perumahan pekerja yang dihadapkan kepada Jabatan Buruh. Pada tahun 2023, sebanyak 716 tempat tinggal pekerja telah diperiksa dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 681 tempat tinggal pekerja didapati mematuhi peraturan dan 35 tidak mematuhi peraturan di bawah Bab 80, Perintah Pekerjaan, 2009.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bermula 1 Februari 2024 semua permohonan untuk mendatangkan warganegara Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam bagi tujuan pekerjaan hendaklah berurusan melalui *Bangladesh Overseas Employment Services and Limited (BOESL)*.

Pembaharuan proses ini dibuat berikutan dengan penandatanganan Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Rakyat Bangladesh yang telah ditandatangani pada 16 Oktober 2022. Pelaksanaan proses baharu ini untuk memastikan proses pengambilan pekerja Republik Rakyat Bangladesh adalah telus dan teratur terutama bagi mencegah kes penipuan dan isu pemerdagangan manusia. Di samping itu, proses ini

akan dapat menambah baik lagi kualiti pemberian perkhidmatan kepada orang ramai.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه satu lagi Memorandum Persefahaman telah dimeterai antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik Demokratik Timor-Leste pada 6 November 2023 iaitu bagi proses pengambilan pekerja dari negara berkenaan ke Negara Brunei Darussalam.

Dalam usaha menjaga kemaslahatan rakyat dan penduduk yang tinggal di pedalaman dan sering terjejas dengan banjir, kementerian melalui Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya telah dan sedang giat melaksanakan projek menaik taraf paras jalan raya di 21 lokasi ketiga-tiga buah daerah iaitu Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong setakat ini, أَلْحَمْدُ لِلّٰه kerja-kerja menaik taraf paras jalan raya bagi Daerah Temburong telah selesai dilaksanakan, manakala kesiapan bagi Daerah Belait mencapai lebih 70% dan Daerah Tutong melebihi 60%.

Untuk mengukuhkan dan memantapkan lagi koordinasi dalam menangani insiden-insiden kecemasan dan pengurusan bencana termasuk di kawasan sempadan Negara Brunei Darussalam dan negara jiran, Malaysia, di sini kaola sukacita mengongsikan perkembangan Memorandum Persefahaman (*MoU*) yang telah ditandatangani antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia pada tahun 2021. Pada bulan Januari 2024, Latihan Sepadu Table*Top Exercise* yang pertama telah berjaya dikendalikan yang melibatkan seramai 166 orang pegawai dan anggota dari kedua-dua buah negara. Negara Brunei Darussalam diwakili oleh pegawai dari Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan *(NDMC)*, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Pengangkutan Darat, Jabatan Penerbangan Awam dan Kementerian Kesihatan. Manakala dari Negara Malaysia diwakili oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara *(NADMA)* dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Dalam pada itu juga, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat, selain memastikan kesiapsiagaan dari segi aset dan infrastruktur, juga giat melaksanakan Program-Program Kesedaran Awam dalam usaha untuk meningkatkan pemahaman, penglibatan, dan kesiapsiagaan masyarakat dalam menghadapi bencana.

Sebanyak 11 Program Kesedaran Awam dengan 417 kekerapan dilaksanakan sepanjang tahun 2023 dengan jumlah penyertaan keseluruhan seramai 27,055 orang yang telah dilaksanakan dan dikoordinasi seperti Program *Community Based Disaster Risk Management (CBDRM), School Based Disaster Risk Management (SBDRM), Disaster Preparedness Coordinator (DPC), Public Safety Health and Security (PSHS), Community First Aider*, Kursus *Lifesaver 995*, Kursus *Fire Marshall*, Taklimat Keselamatan Kebakaran, Program Lawatan ke Balai-Balai Bomba, *Fire Drills*, dan *Communities Outreach*. Program ini dibuat secara berterusan sama ada di peringkat kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, malah juga di peringkat sekolah-sekolah, syarikat dan orang awam.

Community First Aiders iaitu kerjasama antara Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dengan Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam dan jabatan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah untuk memperkasa dan mempersiapkan lagi rakyat dan penduduk di negara ini untuk membantu keluarga, dan masyarakat dalam kecemasan sama ada semasa berada di rumah, tempat kerja, sekolah dan di tempat awam atau di mana mana sahaja, menerusi latihan komprehensif pertolongan cemas yang diberikan. Setakat ini seramai 51 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan, penduduk mukim dan kampung serta belia, telah selesai mengikuti Kursus 14 Asas Pertolongan Cemas dalam Komuniti pada Disember 2023. Kursus lanjutan seterusnya iaitu Kursus Pensijilan Jurulatih *(Training of Trainers (TOT))* إِنْ شَاءَ اللهُ akan diadakan pada tahun ini.

Sementara itu, Jabatan Penjara dalam usaha berterusan untuk memperkasa Program *Incare* Jabatan Penjara seperti aktiviti-aktiviti sukan, berkawad, berkebun dan latihan vokasional kepada banduan-banduan, projek pembinaan blok baharu Penjara Maraburong Fasa 4 telah mula dilaksanakan di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara. Dengan terbinanya blok baharu ini, nanti sudah setentunya akan memberikan ruang dalam melaksanakan Program Vokasional yang akan diperkenalkan seperti bakeri dan sebagainya.

Dalam masa yang sama Projek Pembinaan Blok Penjara Maraburong Fasa 5 yang akan menempatkan banduan wanita bagi membolehkan pemusatan pengawalan, pentadbiran dan pengoperasian Jabatan Penjara di bawah satu kawasan, berbanding pada masa ini yang penempatan banduan wanita masih ditempatkan di Penjara Jerudong.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Jabatan Penjara juga akan menyediakan Klinik Gigi melalui peruntukan Tahun Kewangan 2024/2025 untuk banduan-banduan di Penjara Maraburong melalui khidmat bantu dari Kementerian Kesihatan. Ia bertujuan mengurangkan pergerakan keluar masuk banduan dari institusi penjara.

Jabatan Penjara juga secara berterusan memperkasakan Program *Incare* dan *Aftercare* dengan menerokai beberapa program usaha sama dengan agensi kerajaan antaranya seperti Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Pengajian Islam, Institut Pendidikan Teknikal Brunei, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Pusat Belia, Jabatan Pembangunan Masyarakat serta Jabatan Hal Ehwal Masjid, Agensi Bukan Kerajaan *(NGO's)* seperti *Livewire*, Bank Islam Brunei Darussalam, *Nadi Quranic* dan Persatuan Kaunseling Brunei dan syarikat yang berkenaan dengan kerajaan *(GLC's)* yang telah dikenal pasti bagi memberikan peluang peningkatan kemahiran teknikal dan perniagaan kepada banduan-banduan sebagai persediaan apabila mereka bebas atau selesai menjalani hukuman penjara nanti, di samping meneroka dan menarik minat syarikat-syarikat swasta untuk memberikan peluang kepada bekas banduan supaya diberikan pekerjaan. Pada tahun 2023, seramai 64 orang bekas banduan telah mendaftarkan diri untuk menjadi Rakan Seliaan.

Jabatan Penjara juga telah dan sedang giat menjalankan Program *Grassroot Leaders and Community Engagement* agar pemimpin akar umbi dan masyarakat turut sama berganding bahu dalam menangani isu kemasukan berulang para banduan. Di samping itu, Program Satu Kampung Satu Keluarga (1K1K) di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial yang diterajui bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga diharapkan untuk mengurangkan stigma sosial seperti bimbingan dan kaunseling. Melalui program seperti ini juga diharap akan membolehkan keluarga banduan dan bekas banduan itu sendiri mengubah gaya hidup mereka ke arah yang lebih baik.

Dalam arena antarabangsa, Jabatan Buruh telah mendepositkan instrumen pengesahan Konvensyen Buruh Paksa *C029 (Forced Labor Convention C029)* pada 12 Jun 2023, semasa *Convocation of the 111th Session of the International Labor Conference* dan Persidangan Sesi Plenari Peringkat Tertinggi iaitu Persidangan *World of Work Summit: Social Justice for All* yang telah diadakan di Ibu Pejabat *International Labor Organization* di Geneva, Switzerland.

Melalui pengesahan ini, kerajaan telah membuat komitmen rasmi dalam melindungi hak pekerja

di Negara Brunei Darussalam dan mendukung piawaian tertinggi buruh dalam membanteras buruh paksa dan pemerdagangan manusia *(human trafficking)* melalui penggubalan undang-undang yang berkenaan serta meneruskan kerjasama dengan negara lain.

Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan *(NDMC)* dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan tindak balas bencana, telah terlibat dalam kursus *ASEAN Standards and Certification for Experts in Disaster Management (ASCEND)* dan *ASEAN-Emergency Response and Assessment Team (ASEAN-ERAT).* إِنْ شَاءَ اللهُ pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam akan mempengerusikan ASEAN *Ministerial Meeting on Disaster Management (AMMDM)* dan *ASEAN Committee on Disaster Management (ACDM)* dengan Tema: *"Building a Resilient ASEAN through Inclusive and Sustainable Disaster Recovery"*.

Jabatan Bomba dan Penyelamat melalui Memorandum Persefahaman dengan *Singapore Civil Defence Force (SCDF)* yang telah dimeterai pada bulan September 2022 juga telah menghantar beberapa orang pegawai dan anggota bomba, dalam usaha untuk memberikan kepakaran, pengetahuan termasuk mempelajari amalan terbaik dalam membangunkan keupayaan mencari dan menyelamat di kawasan bandar dan pengurusan bencana.

اَلْحَمْدُ لِلهِ sehingga bulan Februari 2024, seramai 120 orang anggota telah mendapat kemahiran dan pengalaman dalam pelbagai bidang operasi dalam mengawal, mencegah dan memadam kebakaran di samping mengukuhkan keupayaan dan kebolehan anggota bomba dan penyelamat menggunakan teknologi semasa menjalankan tugas.

Jabatan Penjara sementara itu juga telah mengorak langkah mengukuhkan hubungan dua hala antara Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia melalui perjanjian mengenai Pemindahan Banduan Antarabangsa, iaitu *International Transfer of Prisoners (ITOP)* antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Malaysia yang telah ditandatangani pada 3 Ogos 2023 yang mempunyai beberapa tujuan antaranya untuk memudahkan pemindahan banduan antara kedua-dua buah negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola seterusnya mengongsikan tindakan yang telah diambil oleh kementerian melalui jabatan-jabatan daerah dan jabatan-jabatan bandaran berkenaan dengan isu anjing liar dan terbiar. Dalam usaha untuk menangani perkara ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menubuhkan Pasukan

Bertindak untuk menangkap dan memindah anjing-anjing terbiar yang membahayakan dan mengganggu tempat ramai pengunjung ke tempat Perlindungan Anjing Terbiar iaitu *National Animal Shelter for Strays (NASS)* yang dikendalikan sendiri oleh kementerian. Dikongsikan juga bahawa dari aspek kesihatan dan penjagaan ke atas anjing-anjing ini terjaga dan terjamin. Setakat ini, 54 buah sangkar penangkapan anjing telah disediakan dan sebanyak 31 ekor anjing telah dipindahkan ke tempat perlindungan berkenaan.

2. Transformasi Pembangunan Bandar dan Daerah dan Memperkasakan Pembangunan Komuniti. Dari aspek transformasi pembangunan bandar dan daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di dalamnya giat melaksanakan inisiatif-inisiatif antaranya seperti penyelenggaraan, pembinaan semula infrastruktur asas termasuk jambatan-jambatan dan titian konkrit di kawasan Kampung Air yang dilaksanakan secara berterusan bagi memberikan kemudahan kepada penduduk di kawasan berkenaan serta penaiktarafan dan penyelenggaraan dewan-dewan kemasyarakatan dan balai-balai di daerah-daerah bagi memberikan keselesaan kepada pengguna, peniaga-peniaga dan pengunjung.

Pada Tahun Kewangan 2023/2024, Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah melaksanakan pembaikan ke atas 6 buah dewan di Daerah Brunei dan Muara, 6 buah dewan di Dearah Tutong, manakala Jabatan Daerah Belait dan Jabatan Daerah Temburong juga telah melaksanakan pembaikan balai-balai raya dan dewan-dewan kemasyarakatan.

Berkenaan dengan jambatan-jambatan di Kampung Air, sebanyak 210 kawasan dengan keseluruhan kira-kira 1.38 kilometer juga telah dibaiki secara *in-house* oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara sepanjang tahun 2023. Manakala pembaikan jambatan secara berkontrak juga telah dilaksanakan sepanjang 159 meter di Kampung Serdang dan sepanjang 198 meter berdekatan Sekolah Rendah Haji Tarif, Kampung Tamoi Tengah hingga daratan dengan perbelanjaan sebanyak $90,725.00. Sementara itu, kerja-kerja membina jambatan baharu sepanjang 105 meter sedang dalam pelaksanaan dari Jeti Sekolah Rendah Pengiran Bendahara Lama menuju Jeti No.10, Mukim Tamoi dengan perbelanjaan sebanyak $65,572.00.

Di samping itu, kerja-kerja membaiki tiang-tiang jambatan yang retak di beberapa buah kawasan di Kampung Air dan membaiki kerosakan jeti telah juga telah dilaksanakan dengan menelan perbelanjaan sebanyak $47,455.50.

إِنْ شَاءَ اللهُ kerja-kerja menaik taraf dan membaiki kerosakan kemudahan awam di Kampung Air akan

diteruskan dalam Tahun Kewangan 2024/2025 iaitu dengan menaik taraf jambatan kayu kepada konkrit di beberapa buah kawasan Kampung Ayer. Begitu juga dengan kerja-kerja membaik pulih 5 buah dewan kemasyarakatan yang lain.

Dalam menangani isu-isu 'gerai' yang bertapak di tepi-tepi jalan, sebanyak 13 buah tapak tanah di seluruh negara telah pun disediakan melalui Majlis Perancangan Guna Tanah iaitu dengan kerjasama Kementerian Pembangunan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه , satu tapak di Kampung Tagap, Mukim Sengkurong telah diwartakan di bawah Jabatan Daerah Brunei dan Muara, manakala 12 tapak lagi sedang dalam proses pewartaan iaitu 7 tapak telah diberikan kebenaran *early development* oleh pihak Kementerian Pembangunan. Pengurusan 'gerai-gerai' ini akan diserahkan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang berkenaan.

Sesi Muzakarah secara berterusan bersama penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung selaku mata, telinga dan lidah kerajaan iaitu dengan melibatkan beberapa buah kementerian yang berkepentingan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, sebanyak 8 sesi Muzakarah telah diadakan di peringkat Kementerian pada tahun 2023 sehingga Februari 2024. Manakala, di peringkat Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dengan anak buah kampung adalah sebanyak 401 sesi pada keseluruhan 4 buah daerah. Pada 5 Februari 2024, sesi Muzakarah dengan Yang Berhormat Menteri Pembangunan bersama Penghulu Mukim dan Ketua Kampung telah diadakan untuk mengupas isu-isu atau permasalahan yang sering diadukan oleh anak-anak buah kampung.

Lawatan-lawatan ke kampung-kampung dan tapak projek juga dilaksanakan di keempat-empat buah daerah untuk meninjau secara lebih dekat lagi perkembangan kemajuan di daerah berkenaan, termasuk penyediaan infrastruktur seperti jalan raya, 'tamu-tamu' dan gerai-gerai', kemajuan perekonomian, pengusaha-pengusaha produk tempatan khususnya peniaga Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) dan kemaslahatan serta keselamatan penduduk mukim dan kampung berkenaan.

Berdasarkan kepada Buku Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam, peranan penghulu mukim dan ketua kampung adalah sebagai ketua dan pemimpin masyarakat akar umbi di peringkat kampung sebagai perantara dua hala antara pihak kerajaan, masyarakat, kampung, contoh teladan *(role model)* kepada masyarakat kampung, peneraju pembaharuan dan pembangunan dan peneraju perpaduan, keharmonian,

kemakmuran, keselamatan dan kesejahteraan serta penggerak kepada perkembangan sosioekonomi masyarakat di kampung.

Ini termasuklah lantikan mereka selaku Ahli-Ahli Yang Berhormat mewakili zon masing-masing adalah untuk membuat perundingan secara terbuka dengan pegawai-pegawai daerah serta menyampaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh anak-anak buah termasuklah perkara perekonomian di sesebuah mukim atau kampung.

Perkara ini sebagaimana yang terkandung dalam Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Syarat-Syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung, iaitu: Tugas dan Tangunggjawab Bilangan 3 (5): "Penghulu mukim dan ketua kampung hendaklah mengadakan permuafakatan dengan Penasihat Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, penghulu mukim dan penduduk kampung bagi mengusul dan melaksanakan perkara-perkara yang berkebajikan termasuk menyelesaikan sesuatu perkara sama ada secara persendirian atau untuk dihadapkan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Ke arah ini, أَلْحَمْدُ لِلّٰه Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk melaksanakan Petunjuk Prestasi Utama penghulu mukim dan ketua kampung, agar penghulu mukim dan ketua kampung dapat menerapkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang lebih terarah, teratur *(structured)* dan berunsurkan pencapaian *(element of achievement)* berdasarkan kepada *KPI's driven* yang merangkumi 5 Matlamat utama, iaitu: Kepimpinan Pengurusan, Kemaslahatan Anak Buah Mukim atau Kampung, Keselamatan, Ketersediaan Prasarana dan Perekonomian di Mukim atau Kampung.

"Pembarigaan" telah diadakan kepada semua Penghulu Mukim dan Ketua Kampung pada 13 Februari 2024 di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu dalam usaha untuk memastikan setiap Penghulu Mukim dan Ketua Kampung mempunyai kefahaman yang sama terhadap ekspektasi pihak kerajaan mengenai tahap pencapaian perkhidmatan mereka dalam menjalankan tanggungjawab mereka dan dalam menjaga kesejahteraan mukim atau kampung masing-masing.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sehingga bulan Februari 2024, sejumlah 13 dari 31 jawatan Penghulu Mukim di seluruh negara telah diisikan, manakala sejumlah 74 daripada 190 jawatan Ketua

Kampung telah diiisikan. Manakala, jawatan-jawatan selebihnya iaitu sebanyak 134 jawatan telah diiklankan iaitu 25 jawatan masih dalam proses lantikan, sebanyak 20 jawatan akan dibawa ke Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Sejumlah 89 jawatan masih dalam proses pengiklanan iaitu Majlis Pengundian Penghulu Mukim Ketua Kampung telah dijadualkan setiap minggu.

Dalam kesempatan ini, peramba/ kaola/saya sukacita merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penghulu mukim dan ketua kampung sama ada yang masih bertugas, memangku dan telah bersara atas khidmat bakti dan usaha tanpa mengira penat lelah, berkorban masa dan tenaga serta wang ringgit dan keselamatan diri sendiri bagi memastikan kemaslahatan, keselamatan, kesejahteraan penduduk mukim dan kampung yang bernaung di negara ini terpelihara. Pengorbanan dan komitmen abiskita semua adalah sangat-sangat dihargai.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam memastikan pembangunan bandar dan daerah, aspek kebersihan juga ditekankan, yang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui jabatan-jabatan daerah dan jabatan-jabatan bandaran secara aktif melaksanakan penguatkuasaaan dan program 'pembarigaan' ke atas Akta Kesalahan Rampaian yang berkaitan dengan isu-isu pembuangan sampah oleh orang awam dan syarikat.

Pada tahun 2023, Agensi-Agensi Penguatkuasaan telah melaksanakan sebanyak 1,140 rondaan dan hasil daripada rondaan tersebut 313 kesalahan adalah pembuangan sampah telah dilakukan oleh warga awam.

Tahniah diucapkan kepada Daerah Belait kerana telah dianugerahkan sebagai *ASEAN Clean Tourist City* semasa Majlis Anugerah *ASEAN Tourism Standards* di Republik Demokratik Rakyat Lao pada 26 Januari 2024.

Untuk mendukung pembangunan dan menggiatkan aktiviti komuniti bandar dan daerah termasuk hala tuju projek 1K1P beberapa inisiatif telah 'diungkayahkan' seperti berikut:

i. Memperkasa Program Keusahawanan di bawah Satu Kampung Satu Produk. Ke arah itu Memorandum Persefahaman dengan *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd*. telah ditandatangani pada 27 September 2023 bertujuan untuk memperkukuhkan Program Keusahawanan ini agar lebih mampan dan seterusnya menghasilkan produk yang berkualiti dan berimpak tinggi bagi menembusi pasaran yang

lebih luas di peringkat serantau dan antarabangsa.

Seramai 11 Pengusaha MPK dari keempat-empat daerah telah menghadiri sesi pengenalan dan pemilihan produk iaitu *Product Pitching* dan *Production Trial* bertempat di *Brunei Food Industry Development Ghanim International Cooperation Sdn. Bhd.* di *Processing Facility* Salambigar *Industrial Park*, Jalan Utama Tanah Jambu, Bandar Seri Begawan dan setakat ini hanya satu pengusaha sahaja yang tampil untuk mengembangluaskan produk dan perniagaan dan pada masa ini masih dalam proses uji cuba bagi penghasilan dan pembungkusan, (*packaging*).;

ii. Projek Kedai Kampung, Jabatan Daerah Temburong sebagai sebuah Pusat Penjualan Produk-Produk 1K1P, produk-produk usahawan dan kampung lain di Pekan Bangar serta Program ke Temburong 'Bisai' dengan penglibatan majlis-majlis perundingan mukim dan kampung telah memberikan peluang kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana untuk mempromosikan produk masing-masing di samping menarik lebih ramai pengunjung dari luar daerah dan luar negara untuk berkunjung dan berbelanja di Daerah Temburong.;

iii. Projek Tunas *Marketplace* dangan kerjasama Bank Islam Brunei Berhad yang telah dikembangluaskan dengan pembukaan ruang niaga Projek Tunas di bangunan jabatan-jabatan kerajaan, Daerah Temburong mulai pada 30 Januari 2024 sebagai lanjutan kepada pelaksanaan ruang niaga yang telah diperkenalkan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sejak tahun 2022. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, pada bulan Disember 2023 sebanyak 28 orang pengusaha 1K1P telah ikut serta dalam memeriahkan *Local Product Expo* semasa *December Festival* di bawah kendalian Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan baru-baru ini peniaga-peniaga di bawah Projek Tunas termasuk produk Satu Kampung Satu Produk dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung telah menyertai *MSME Festival* yang diadakan di *Bridex Hall* selama 3 hari bermula pada 29 Februari hingga 3 Mac 2024 yang bertujuan untuk mengetengahkan dan mempromosikan produk masing-masing yang secara tidak langsung akan memberi hala tuju yang lebih jelas kepada perkembangan produk-produk tersebut.;

iv. Di samping itu, Gerai Malam "Permata Hijau" juga telah diadakan sejak 28 September 2023 setiap minggu dari hari Khamis hingga Ahad yang memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha di Daerah Temburong termasuk peniaga-peniaga majlis perundingan mukim dan kampung yang bertujuan bagi mempelbagaikan aktiviti perekonomian penduduk Daerah Temburong dan memeriahkan suasana Daerah Temburong waktu malam serta menarik pelancong dari luar negara.;

v. Mengadakan *Night StrEAT Food* di Jalan Bendahara pada setiap malam hari Khamis sehingga Ahad sebagai inisiatif berterusan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dan sebagai kesinambungan kepada Program "Bandarku Ceria" bagi memeriahkan bandar di sebelah malam. Dalam pada itu juga inisiatif lain adalah mengadakan *Uptown* Gadong di Kawasan Pasar Gadong dan *Foodtruck* di kawasan Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang diadakan pada setiap malam. Inisiatif ini adalah bagi memberikan peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga Mikrokecil dan Sederhana khususnya bagi peniaga tempatan.; dan

vi. أَلْحَمْدُ لِلّٰه dengan adanya inisiatif-inisiatif seumpama ini sedikit sebanyak telah dapat membantu dan menyumbang ke arah mempertingkatkan jumlah jualan produk 1K1P dari keempat-empat daerah dengan jualan pada Tahun 2023 adalah berjumlah $917,956.24 dengan 160 orang pengusaha berbanding Tahun 2022 berjumlah $821,405.00 bagi 152 orang pengusaha.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kerjasama jabatan-jabatan di bawahnya bersama-sama dengan agensi-agensi yang berkenaan dan majlis perundingan mukim dan kampung juga telah melaksanakan 'Program Memucang-Mucang Kitani' bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai pemedulian dalam kalangan warga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya terhadap kemaslahatan penduduk kampung terutama golongan berkeperluan dan kurang berkemampuan. Program ini juga dianjurkan bagi sama-sama menjaga kebersihan kawasan bandar dan daerah.

3. Menghasilkan Penyampaian Perkhidmatan yang Berkualiti. Selaras dengan aspirasi kementerian untuk menghasilkan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan mendukung hasrat kerajaan

sebagaimana yang termaktub dalam *Digital Economy Masterplan 2025* yang diterajui oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, kementerian secara berperingkat-peringkat telah melaksanakan projek-projek *IT* dan digitalisasi sebagai satu mekanisme dalam memperbaiki dan meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kementerian dan jabatan-jabatan kepada orang ramai. Ini termasuklah:

i. Pelaksanaan modul-modul di bawah *Immigration and National Registration System (INRS)* yang pada ketika ini 2 modul, iaitu *Border Management System* dan *Smart Identity Card* daripada 8 modul telah diguna pakai, manakala 4 lagi modul, iaitu *Visa & Passes, Foreign Marriage, Citizenship* dan *Entry Permit* adalah dalam peringkat uji cuba yang disasarkan akan dilancarkan dalam masa terdekat dan 2 modul masih dalam peringkat pembangunan.;

ii. Pelaksanaan *National Labour Management System (NLMS)* bermula 1 April 2023 bagi memudah cara penerimaan dan proses permohonan secara atas talian yang bertujuan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan Jabatan Buruh terhadap orang ramai.;

iii. Selain itu beberapa program digitalisasi juga dalam perancangan seperti *e-Compound,* e-Lawatan, Sistem Satu MOHA (*One MOHA System*), pemasangan *e-Gate* dan pembayaran melalui atas talian adalah diharap akan dapat memberikan manfaat kepada pelbagai pihak dari segi memudahkan penyampaian perkhidmatan-perkhidmatan termasuklah kepada orang ramai, sektor-sektor kerajaan, masyarakat penduduk kampung serta akan mewujudkan sistem-sistem bagi kesiapsiagaan semua pihak berkenaan sebelum berlakunya kejadian kecemasan dan dari segi pengurusan dan penggunaan *data analytics* dalam menjalankan operasi harian yang lebih efisien melalui automasi sistem termasuk pemantauan dan penggubalan dasar.;

iv. Sementara itu, projek *e-Gate* bagi pemasangan 8 buah *e-Gate* di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei sebagai kesinambungan kepada projek *Border Control System* yang digunakan sejak bulan April 2022 dan Sistem *e-Arrival Card* yang mula digunakan pada 9 Februari 2023 dijangka akan meningkatkan efisiensi perkhidmatan dengan proses *clearance* yang *automated* dan cepat melalui penggunaan teknologi dengan penyediaan sistem perlepasan imigresen tambahan secara automasi yang

akan dilaksanakan di bawah projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-12.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam usaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan kepada orang ramai terutama dalam memberikan khidmatan yang lebih efektif, efisien dan selamat kepada orang ramai, kementerian ini melalui Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan juga telah memulakan perbincangan dengan Kementerian Pembangunan bagi Projek Penaiktarafan Pos-Pos Kawalan Imigresen Darat, iaitu Pos Kawalan Imigresen sementara Kuala Lurah, Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujuh, Pos Kawalan Imigresen sementara Labu dan Kompleks Kawalan dan Pemeriksaan Ujung Jalan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12. Perbincangan awal ini adalah bertujuan untuk menyediakan spesifikasi dan untuk memastikan projek yang akan dilaksanakan nanti dapat disiapkan dalam garis masa yang ditentukan. Projek ini nanti akan merangkumi kerja-kerja memperbaharui bangunan yang sedia ada dan memperbaiki struktur bangunan yang rosak bagi tujuan untuk menyediakan persekitaran pos-pos kawalan yang lebih kondusif dan selesa kepada orang ramai dan pekerja-pekerja yang bertugas memberikan perkhidmatan di pos-pos kawalan berkenaan.

Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan juga telah mengemas kini data ke atas penyata tunggakan cukai pintu sehingga 30 September 2023. Pengemaskinian data ini adalah disebabkan oleh penyelarasan menurut Akta Lembaga Bandaran Penggal 57 seperti Bab 13 iaitu Permohonan bagi Pengecualian Cukai, Bab 15 iaitu Permohonan bagi Pengecualian Cukai kerana pengosongan, Bab 22 iaitu Permohonan Bantahan Cukai daripada Pemilik Bangunan, Bab 24 iaitu Penyelarasan Semula Tafsiran Cukai dan Bab 32 (7) iaitu Bangunan yang Dirobohkan.

Dari tahun 2020 sehingga Januari 2024, sekurang-kurangannya 36,039 surat peringatan telah dikeluarkan dan 278 pemilik bangunan dibawa ke mahkamah. Dalam hubungan ini, sebanyak $46,147,655.37 jumlah Cukai Bangunan telah berjaya dikutip dari Tahun Kewangan 2020/2021 sehingga 31 Januari 2024, termasuk kutipan Cukai Semasa yang berjumlah lebih kurang $11 juta setahun. Kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan berkepentingan seperti Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (*ABCi*), Jabatan Tanah, Mahkamah Syariah dan Pejabat Pewaris telah dapat membantu meningkatkan kutipan Cukai Bangunan yang tertunggak. Di samping itu, dalam masa sama menerusi insiatif ini juga adalah menjadi syarat utama sama kepada penghutang diwajibkan untuk menjelaskan keseluruhan tuntutan semasa.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sukacita dikongsikan status pencapaian Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan sejak ia diluluskan dalam tahun 2011 sehingga bulan Februari 2024, bahawa hasil penelitian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan secara keseluruhan di dalam 5 kawasan tindakan yang telah dikenal pasti, sebanyak 14 projek telah dilaksanakan seperti dalam perancangan, 16 projek telah dilaksanakan tidak selaras dengan perancangan, 43 projek yang dikenal pasti berpotensi untuk dimajukan dan 2 projek dalam pelaksanaan pada masa ini.

Oleh itu, untuk menyejajarkan Pelan Induk Kemajuan Bandar Seri Begawan, Kementerian Hal Dalam Negeri dengan mengambil pendekatan senegara melalui *stakeholders engagement* telah menubuhkan jawatankuasa kerja di peringkat jabatan yang melibatkan jabatan-jabatan bandaran, jabatan-jabatan daerah di kesemua daerah dengan sumber (*resource person)* daripada jabatan-jabatan berkaitan seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, yang setakat ini bertujuan untuk penyelarasan hala tuju mengambil kira pelan-pelan daerah *(district plan)* di kawasan bandar dan daerah-daerah adalah di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan perancangan Jabatan Pengangkutan Darat bertujuan untuk memastikan pembangunan di kawasan bandar dan daerah-daerah adalah diambil kira dan lebih menarik jika diwarnai dengan keindahan bangunan, taman-taman yang dijaga baik, persekitaran yang bersih serta kemudahan asas yang cukup, yang mampu menjadikan Bandar Seri Begawan dan bandar lain secantik lukisan *moony*.

Dalam mendukung *Fiscal Consolidation Programme (FCP),* Kementerian Kewangan dan Ekonomi, beberapa penyatuan perkhidmatan seperti penyediaan pegawai-pegawai keselamatan, pemotongan rumput dan pemotongan pokok di bawah kendalian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Penjara, kerja-kerja pembersihan di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Buruh dan kerja-kerja pembersihan dan kerja-kerja pembaikan atau penaiktarafan bangunan-bangunan kementerian, jabatan-jabatan daerah dan 'gerai-gerai' di keempat-empat daerah serta sistem Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang bertujuan bagi penggunaan sumber yang lebih efisien dan efektif.

Sebagai contoh, penyatuan Kontrak Pembersihan Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Pos Kawalan Labu, Pos Kawalan Sungai Tujuh termasuk kawasan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Ibu Pejabat Jabatan Buruh telah menjimatkan perbelanjaan

kerajaan sejumlah $178,840.00 bagi tempoh 3 tahun Kontrak Perjanjian. Begitu jua dengan kontrak Pembaikan Bangunan Jabatan-Jabatan Daerah iaitu Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Daerah Temburong dengan penjimatan sejumlah $60 ribu dan Jabatan Daerah Belait dan Jabatan Daerah Tutong dengan penjimatan sejumlah $33,008.00 berbanding jika kerja-kerja ini dibukakan secara berasingan oleh jabatan masing-masing.

Sementara itu, Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia *(HRCF)* pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya temasuk penghulu mukim dan ketua kampung adalah pada peringkat akhir penyediaannya. Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia ini nanti bukan saja dapat membantu mengurangkan jurang kompetensi dalam kalangan pegawai dan anggota kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya, ia juga diharapkan akan memudahkan kementerian dalam pelaksanaan rancangan penggantian *(succesion planning).* Dalam Tahun Kewangan 2023/2024, seramai 106 orang pegawai telah mengikuti kursus-kursus luar negara bagi kompetensi-kompetensi teknikal khusus bagi jabatan-jabatan di bawah kementerian seperti kompetensi berkaitan dengan penjara, perburuhan, kebombaan dan pengurusan bencana. Ini termasuk Program-Program Kompetensi bagi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang telah dimulakan secara *inhouse* seperti Kursus Kepimpinan, Perkhidmatan Pelanggan, Adat-Istiadat dan sebagainya.

إِنْ شَاءَ اللهُ program-program lain mengikut kompetensi yang telah ditetapkan umpamanya Program Membina Kedayatahanan Diri dari kompetensi Teras, Pemikiran Strategik dari Kompetensi Kepimpinan dan Ilmu Masyarakat dari kompetensi Fungsi atau Teknikal.

Selain meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai, kesejahteraan pegawai dan kakitangan juga telah diberi keutamaan, antaranya dengan memberikan perhatian kepada keadaan persekitaran pekerjaan seperti pembaikpulihan bangunan dan pejabat, penggantian alat hawa dingin dan pembersihan dalam dan luar bangunan pejabat. Kementerian juga akan memulakan penyewaan sebanyak 12 buah kenderaan bagi kegunaan kementerian dan jabatan.

Sebagai kesimpulan, dengan izin ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ berkat kepimpinan yang bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya akan sentiasa memastikan segala inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan agar sejajar dan menjurus kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035, di samping memastikan perbelanjaan peruntukan yang lebih berhemah dan *value for money* yang

memberikan impak yang signifikan dan serta dari segi keselamatan dan kesejahteraan semua golongan masyarakat di negara ini serta pembangunan yang maju di bandar dan daerah dengan penglibatan di semua pihak yang berkepentingan melalui pendekatan *Whole of Government* dan *Whole of Nation.*

Berasaskan kepada penjelasan ini, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya telah disokong untuk disediakan peruntukan keseluruhan berjumlah $133,954,439.00 iaitu Perbelanjaan *Emolumen* dan Perbelanjaan Berulang-ulang adalah berjumlah $130,185,520.00 dan Perbelanjaan Kemajuan adalah berjumlah $3,768,919.00 untuk membiayai 9 Projek Kemajuan.

Yang Berhormat Pengerusi, Kementerian ini telah menyusun belanjawan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dan kaola berdoa semoga segala perancangan dan usaha ini diterima dan dipermudahkan oleh ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ sebagai kebajikan dan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Bagi Projek-Projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-12, sebilangan daripada projek-projek ini telah mula pelaksanaannya sebagaimana yang kaola bentangkan sebentar tadi.

إِنْ شَاءَ اللهُ projek-projek ini akan dipantau di peringkat kementerian dari semasa ke semasa dan diusahakan pelaksanaannya mengikut garis masa yang telah dirancangkan sehingga selesai.

Sekian saja, ucapan penerangan dari kaola dan kaola berharap akan mendengar pandangan-pandangan yang bernas, pemikiran yang strategik dari rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain untuk membantu abiskaola dalam melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di atas penerangan berkenaan iaitu dengan hal tuju dan keutamaan dalam penyediaan Bajet Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Yang Berhormat Pengurusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A kita bukakan untuk dibahaskan, saya ingin mencadangkan supaya kita berhenti berehat sebentar selama 15 minit dan kita akan kembali untuk merundingkan perkara yang berkenaan ini إِنْ شَاءَ اللهُ

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم sekarang Mesyuarat Jawatankuasa kita sambung semula dan saya suka untuk membuka tajuk yang berkenaan ini iaitu Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk dibahaskan.

Tapi sebelum itu, saya ingin meminta kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya dapat teguran-teguran ataupun saranan-saranan serta soalan-soalan sekiranya dapat dibuat secara spesifik dan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan dapat menjawab dengan lebih tepat dan secara seberapa yang boleh, ucapan-ucapan tidaklah perlu lagi mengenai perkara yang berkenaan kerana kita sudah mendengar banyak ucapan dalam tiga ke empat hari ini.

Jadi, ada baiknya kita tumpukan perhatian kita secara spesifik mengenai bajet yang dikemukakan oleh menteri-Menteri-Menteri yang berkenaan dalam hari-hari yang mendatang ini.

Jadi, nampaknya senarai yang terdapat pada saya agak panjang. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri harus bersedia untuk memberikan respons kepada perkara-perkara yang akan ditimbulkan.

Untuk memulakan perbincangan, saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, أَلْحَمْدُ لِلّه kaola lebih dahulu ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi yang telah memberikan peluang kepada kaola untuk membahaskan Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin merakamkan terima kasih dan syabas atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah membentangkan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2024/2025 secara komprehensif yang menjurus kepada hala tuju pelan-pelan tindakan dan inisiatif-inisiatif di samping memfokuskan pencapaian-pancapaian yang telah diusahakan.

Apa yang diharapkan inisiatif yang dirancangkan mampu dilaksanakan dengan penuh komitmen mengikut jangka masa yang ditentukan dengan penuh kesempurnaan semata-mata bagi kesejahteraan, keselamatan, kebajikan, kemudahan dan keselesaan rakyat dan penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam. Pertama sekali kaola ingin

membangkitkan yang berhubung kait dengan jabatan-jabatan daerah.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Isu mengenai Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Sudah wujud sekian lama sejak turun-temurun sebagai pemimpin masyarakat peringkat akar umbi, bukan saja perlu dipertahankan malahan dimartabatkan tentang keberkesanannya supaya institusi ini masih kekal relevan, bukan sahaja pada masa ini dan إِنْ شَاءَ اللهُ untuk generasi akan datang. Ia juga berfungsi sebagai perantaraan dua hala, sebagai mata, telinga dan lidah antara pihak kerajaan dan juga masyarakat setempat.

Yang penting juga seperti yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi, ialah untuk memupuk perpaduan, keharmonian, kemakmuran, keselamatan dan kesejahteraan serta menggerakkan kemajuan dan perkembangan sosioekonomi masyarakat.

Di samping itu, ia juga berperanan untuk mengukuhkan, memantapkan, mempertahankan, mengekalkan sistem pemerintahan bernegara berlandaskan kepada konsep Melayu Islam Beraja di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Manakala penubuhan majlis-majlis perundingan mukim dan kampung, diharapkan dapat mengukuhkan keberkesanan fungsi institusi-institusi Penghulu dan Ketua Kampung di samping bersama-sama merancang dalam menggerakkan pelbagai aktiviti yang berbentuk kemasyarakatan, keagamaan, sosial, berkebajikan, kesukanan dan kesejahteraan bagi merapatkan masyarakat.

Ini termasuklah juga menggalakkan kegiatan perekonomian khususnya melalui 1 Kampung 1 Produk yang bermatlamat khusus menjana pendapatan meningkatkan sosioekonomi dan taraf hidup masyarakat dan penduduk di kampung berkenaan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه seperti mukadimah tadi, perkembangan daripada 1 Kampung 1 Produk ini adalah sangat menggalakkan, berjaya mengeluarkan pelbagai bentuk produk makanan, minuman, kraftangan, pertanian dan seumpamanya.

Walau bagaimanapun, kaola sendiri melihat cabaran-cabaran yang masih dihadapi oleh peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha anak tempatan iaitu khusus di kampung-kampung ialah dalam aspek pemasaran, *packaging,* meningkatkan kualiti produk, inovasi dan kreativiti, meningkatkan produktiviti dan pengeluaran produk secara berskala besar.

Pada kesimpulannya, kaola berpendapat dengan mengeratkan dan mengukuhkan

lagi perpaduan, bergotong-royong, permuafakatan, persefahaman, kerjasama dan permuzakarahan masyarakat setempat dalam kalangan rakyat dan penduduk mukim dan kampung yang berlandaskan platform melalui institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan 1 Kampung 1 Produk (1K1P) adalah diyakini mampu memacu kemajuan pembangunan sosioekonomi yang mampan dan dinamik dalam sama-sama kita menyumbangkan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 إِنْ شَاءَ اللهُ .

Ini adalah juga selari dengan pepatah orang Melayu yang kita warisi sebagai panduan dan pengajaran yang diserapkan dan seterusnya jadikan sebagai suntikan semangat dalam kalangan masyarakat kita iaitu: "muafakat membawa berkat", "Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh" dan "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing".

Sehubungan dengan perkara-perkara tersebut, sukacita mendapat pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, iaitu selain pembaharuan dan pengemaskinian Skim Penghulu Mukim dan Ketua Kampung pada tahun 2015 dan seterusnya 2018, apakah perancangan atau strategi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk meningkatkan lagi pembangunan kapasiti termasuk *skill* kepimpinan dan kredibiliti untuk memartabatkan lagi kepimpinan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dan memperkesankan lagi peranan mereka dan seterusnya mengukuhkan lagi keyakinan masyarakat dan kerajaan?

أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ, tadi juga kita mendengar bahawa satu *KPI* telah pun diperkenalkan bagi menilai prestasi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sejauh manakah tahap perkembangan dan pergerakan Keseluruhan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di negara ini telah mencapai sasaran dan tujuan seperti yang dimaksudkan?

Apakah inisiatif-inisiatif dan Pelan Tindakan Jangka Masa Sederhana dan panjang bagi merealisasikan tujuan yang sebenarnya bagi penubuhan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung?

Kaola juga ingin pencerahan, apakah perancangan dan strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam mengembangmajukan dan memartabatkan 1K1P seperti yang saya nyatakan tadi, cabaran-cabaran dari aspek meningkatkan kualiti, *packaging*, inovasi, kreativiti, produktiviti dan pengeluaran produk berskala besar sehingga mampu bersaing serta menembusi pasaran luar negeri?

Berhubung dengan daerah-daerah, kaola ingin juga mengemukakan di sini pertanyaan, adakah inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk penubuhan dan menggerakkan iaitu *cooperative society* di kampung-kampung dan mukim-mukim dalam

usaha menggalakkan dan meramaikan lagi anak-anak buah kampung melibatkan diri dalam kegiatan perekonomian khususnya 1K1P yang juga mampu meningkatkan pendapatan serta menambah baik sosioekonomi masyarakat ke arah yang lebih mampan?

Kaola seterusnya, ingin menyentuh berhubung dengan Jabatan Bandaran. Seperti kita semua maklum kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan telah pun diluaskan daripada 12.587 kilometer persegi kepada 100.38 kilometer persegi dikuatkuasakan mulai 1 Ogos 2007.

Dengan peluasan itu diharapkan pengutipan Cukai Bangunan akan makin bertambah dan meningkat dari semasa ke semasa tetapi setelah kaola sendiri meneliti dalam Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2024/2025 bagi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, direkodkan pengutipan cukai diterima tahun 2022/2023 berjumlah $10,344,049.14 dan juga anggaran cukai yang diterima bagi Tahun Kewangan 2024/2025 adalah dijangkakan menurun kepada $10 juta.

Apakah sebabnya kutipan cukai Lembaga Bandaran tidak menunjukkan peningkatan malahan menurun seperti yang dinyatakan dalam anggaran hasil?

Kaola juga ingin mengetahui berapakah jumlah tunggakan Cukai Bangunan pada masa kini di kawasan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan?

Adakah penurunan drastik dapat dikutip terhadap cukai-cukai dan kaola juga sendiri maklum langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khususnya Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkepentingan?

Sehubungan dengan itu juga, seperti yang pernah kaola bangkitkan pada musim permesyuaratan Dewan ini yang lalu berhubung dengan Cukai Bangunan. Kemungkinan pemilik-pemilik bangunan tidak membayar cukai disebabkan tidak berpuas hati dengan kadar cukai yang dikenakan.

Perkara ini telah pun disedari lebih 12 tahun yang lalu bahawa orang pakar telah dicadangkan dari Malaysia untuk membuat penyelidikan dan penelitian terhadap sistem cukai di kawasan Bandar Seri Begawan untuk dikemas kini agar lebih bersistematik, relevan mengikut trend perkembangan semasa. Sistem cukai seperti ini boleh dijadikan perbandingan dengan melihat *best practices* yang diamalkan oleh negara-negara jiran seperti Malaysia, Thailand, Singapura dan negara lain.

Dalam hal ini juga, kaola ingin mendapatkan pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tentang perkembangan atau usaha untuk mereviu dan mengemaskinikan sistem cukai yang dikenakan di kawasan bandaran.

Seterusnya, berhubung dengan undang-undang perbandaran yang dikawal. Apa yang kaola dapat lihat mungkin kaola salah iaitu Akta Lembaga Bandaran 1921 yang menyeluruh dan ada yang telah pun dipinda. Saya merasakan sudah tiba masanya undang-undang dan peraturan itu direviu dan dikemas kini bagi mengikuti perkembangan trend dan perubahan semasa dan akan datang. Ini juga إِنْ شَاءَ اللهُ boleh memperkasakan dan memperkesankan lagi tadbir urus dan pengurusan yang lebih terarah sejajar dengan Objektif dan Rangka Kerja Inisiatif Strategi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu antaranya:

1. Mereviu atau menggubal dasar dan garis panduan yang komprehensif serta efektif.; dan

2. Mendukung pembangunan bandar dan daerah yang lebih bersih, maju dan berdaya tahan agar kekal dan relevan, mengambil kira perubahan persekitaran yang dinamik.

Seterusnya, ialah berhubung dengan Pelan Perancangan Strategik Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan yang kaola dapat lihat di sini antara 2005 hingga 202: Memantapkan imej Bandar Seri Begawan sehingga sebagai tempat selamat, mesra dan selesa. Menjadikan Bandar Seri Begawan sebagai destinasi pelancongan yang menarik dan indah dengan ciri-ciri keunikan istimewa serta mempunyai kebudayaan, khazanah dan warisan sejarah yang tersendiri. Seterusnya, menjadikan Bandar Seri Begawan sebuah bandar yang dinamik, *vibrant* dan unggul.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه jika dilihat pada masa ini di pusat Bandar Seri Begawan mempunyai mercu seni bina landskap yang telah dapat menaikkan dan memantapkan lagi keindahan landskap dan imej Bandar Seri Begawan yang berjaya menarik kedatangan bukan sahaja daripada kalangan warga tempatan malahan juga destinasi bagi pelancong-pelancong luar negeri misalannya seperti yang dapat kita lihat seperti Taman Mahkota Jubli Emas, Ekokoridor dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Begitu juga program ”Bandarku Ceria” yang dapat menjana dan memberikan peluang kepada anak-anak tempatan untuk menjalankan ekonomi perniagaan dan إِنْ شَاءَ اللهُ ia akan menjadi satu *exposer* untuk memupuk lebih ramai keusahawanan bagi anak-anak tempatan.

Walau bagaimanapun, apakah strategi atau rancangan pihak kementerian untuk lebih memartabatkan Bandar Seri Begawan ke arah yang lebih *vibrant?*

Mengikut yang saya nyatakan tadi, garis panduan serta *business friendly* dalam pelbagai projek pembangunan dan aktiviti perniagaan dan perekonomian supaya Bandar Seri Begawan setanding kemajuannya dengan bandar-bandar jiran, seperti bandar Miri, Sarawak dan Kota Kinabalu, Sabah sehinggakan warga Negara Brunei Darussalam sendiri

melancong dan bercuti di tempat-tempat berkenaan.

Persoalan yang saya timbulkan di sini, bagaimanakah Bandar Seri Begawan melangkah ke hadapan untuk mencapai ketiga-tiga matlamat yang saya nyatakan tadi? Saya mengamati tidak ada sebarang peruntukan disediakan bagi perbelanjaan Kemajuan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025, mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kaola ingin menyentuh yang berhubung kait dengan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Buruh. Kaola pernah menimbulkan perkara yang berhubung kait dengan sungutan dalam kalangan peniaga dan juga para profesional *executive* yang memohon untuk membaharui Pas Kerja dan juga di Jabatan Buruh, mereka terpaksa ditolak ataupun dipindahkan. Kaola juga sendiri mengambil maklum akan penjelasan Yang Berhornat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam perkara ini iaitu pemohon hendaklah menghadapkan permohonan dan akan diteliti mengikut syarat-syarat yang ditentukan dan juga sokongan daripada agensi-agensi berkenaan.

Walau bagaimanapun, kaola sukacita ingin mendapatkan pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tentang peranan atau usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khususnya di Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dalam menyejajarkan dan menyelaraskan dasar bagi menarik dan menggalakkan *Foreign Direct Investment* dan tatacara polisi *Ease of Doing Business* di Negara Brunei Darussalam.

Apa yang kaola maksudkan di sini apakah tatacara atau pemudah cara yang berkesan dan efektif serta dalam *environment* yang lebih kondusif dan *friendly* di samping menyejajarkan dan menyelaraskan untuk menarik para pelabur dan sebagai insentif supaya lebih banyak lagi pelabur dan peniaga sama ada untuk menjalankan perniagaan dan perusahaan di Negara Brunei Darussalam melalui kaedah *Foreign Direct Investment* atau polisi *Ease of Doing Business* di negara ini?

Adalah dimaklumi bahawa peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha di negeri ini juga akan membesarkan perniagaan mereka dan juga kadang-kadang mereka ini akan mewariskan atau memberikan perniagaan mereka kepada anak-anak mereka. Tetapi apa yang saya fahami, perkara ini adalah masih lagi samar-samar, ada yang masih ditolak permohonan mereka.

Seperti yang 'kitani' maklum, kebanyakan negar luar khususnya dalam kalangan negara-negara *ASEAN*, seperti Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand dan Vietnam sedang berlumba-lumba untuk memudah cara dan menyediakan berbagai-bagai kaedah yang menjurus untuk menarik lebih banyak lagi *Foreign Direct Investment* berskala besar dalam kalangan pelabur

dan peniaga untuk melabur di negara mereka masing-masing.

Adalah dimaklumi bahawa ini adalah salah satu daripada cara untuk 'kitani' menaikkan lagi aktiviti-aktiviti perekonomian malahan ia dapat memacu lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Perkara yang ingin juga kaola sentuh di sini ialah mungkin perkara ini sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri tentang sistem-sistem permohonan yang dihadapkan ke Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Apa yang kaola fahamkan, pada masa ini masih lagi dalam tahap yang kurang memuaskan dalam kalangan peniaga dan pemohon khususnya sistem *National Labour Management System (NLMS).* Kaola ingin mendapatkan penjelasan, adakah inisiatif-inisiatif atau rancangan bagi menambah baik dalam tata cara proses yang telah disediakan supaya ia menjadi efisien dan efektif di bawah pengurusan Jabatan Buruh?

Kaola juga mengambil maklum bahawa ada sudah rancangan untuk menggabungkan atau *consolidate* menjadi satu sistem yang ada pada masa ini, ada 2 modul antara cara pemprosesan di Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Mudah-mudahan إِنْ شَاءَ اللهُ perkara sedemikian ini akan terus dipantau sehingga ia menjadi satu kenyataan kerana ia bukan sahaja untuk memperkesankan dan *cost effective* dalam menjimatkan penggunaan tenaga kerja malahan juga akan menyegerakan *hopefully* proses-proses yang dihadapkan oleh pemohon-pemohon dan peniaga-peniaga berkenaan.

Seterusnya, kaola ingin penjelasan di sini yang berhubung kait dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan. *NDMC* adalah *lead agency* dalam hal-ehwal berkaitan pengurusan bencana seperti yang dimandatkan dalam Perintah Pengurusan Bencana 2006, antara lainnya berfungsi sebagai Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan yang melihat kepada pengurusan risiko bencana, peningkatan keupayaan operasi bencana serta meningkatkan rangkaian koordinasi bersama agensi-agensi berkenaan.

Dalam hal ini, khususnya yang ada berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adakah penganalisisan atau kajian strategik mengenai penyelerasan dalam menyusun, memperkemas, dan memperkesankan peranan dan bidang tugas antara Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dengan agensi-agensi berkaitan khususnya Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam aspek *cost effectiveness optimization* sumber tenaga manusia, penggunaan aset atau *equipment* dan memperkesankan perkhidmatan?

Akhir sekali, kaola ingin menyentuh kalau diizinkan Yang Berhormat Pengerusi yang berhubung kait dengan Jabatan Penjara. Jabatan Penjara memainkan peranan utama memastikan mana-mana banduan diberikan hukuman dan juga program-program pemulihan yang bersifat kemanusiaan dan mengikut undang-undang sedia ada dan mengurangkan jumlah orang yang keluar masuk semula.

Adalah dimaklumi pelbagai program telah dijalankan dalam institusi penjara termasuk program kemahiran, vokasional, pertukangan tangan, pertanian dan seumpamanya. Produk-produk dihasilkan dari *brand* "Insaf" juga أَلْحَمْدُ لِلّٰه telah berjaya dipasarkan memberikan peluang kepada banduan dan menjinakkan diri dalam perniagaan.

Kaola juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana menyusun begitu rapi tentang program-program pemulihan dan juga memberi latihan-latihan khusus bagi memastikan mereka banduan-banduan jika keluar dari penjara إِنْ شَاءَ اللهُ akan mendapat pekerjaan yang tertentu dari hasil kerjasama oleh agensi-agensi berkenaan untuk memberikan peluang kepada mereka ini.

Walau bagaimanapun, kaola di sini berpandangan salah satu aspek yang perlu kita titik beratkan secara serius ialah program atau intervensi penerapan nilai-nilai keagamaan dan keharmonian dalam usaha memulihkan banduan bertujuan untuk memperbaiki akhlak dan keselamatan mereka serta إِنْ شَاءَ اللهُ membentuk insan yang beriman, bertakwa, berdisiplin, taat kepada undang-undang dan mengukuhkan lagi jati diri mereka agar menghindarkan daripada mengulangi aktiviti-aktiviti menyalahi dari segi undang-undang dan agama.

Perancangan program-program pemulihan efektif lagi komprehensif إِنْ شَاءَ اللهُ boleh mengubah banduan-banduan tidak lagi menjadi *liberty* malahan akan menjadi aset kepada negara. Dalam hal ini sukacita juga kaola memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Apakah trend jumlah kemasukan semula banduan ke dalam penjara dan apakah majoritinya, berbentuk kesalahan yang dimaksudkan? Bagaimanakah dengan golongan belia khususnya yang berumur 30 tahun ke bawah? Adakah ia makin meningkat dari masa ke masa ataupun menurun?

Di samping itu, dari dapatan ini haruslah juga dibuatkan analisis dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain supaya akan dapat 'kitani' bersatu padu untuk mengenal pasti bagaimanakah cara-cara mengurangkan penjenayah-penjenayah khususnya dalam kalangan belia supaya ia akan 'kitani' bendung dan menjadikan belia ini lebih berguna untuk menjadi aset 'kitani'.

Kedua, adakah Jabatan Penjara ataupun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat kajian secara terperinci dan mempunyai perancangan atau *framework* pemulihan yang lebih berkesan sebagai langkah pemulihan kepada banduan-banduan termasuk juga selepas bebas mengikut piawaian dan amalan yang terbaik antarabangsa?

Akhir sekali, adalah sebagai pemikiran. Adakah inisiatif untuk memulangkan ke negara asal bagi warga negara asing yang dijatuhi hukuman penjara bagi kategori-kategori *minor offenses?* ertinya misalannya, kesalahan-kesalahan imigresen tinggal lebih tempoh yang ditetapkan atau penyalahgunaan pas imigrisen dengan mengambil kira ia tidak bertentangan dengan undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini?

Ini adalah salah satu daripada tata cara kita untuk bukan sahaja mengurangkan dan menjimatkan perbelanjaan kerajaan tetapi juga kita mengelakkan *over crowded* di institusi-institusi penjara.

Kalau sekiranya ia semakin bertambah seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, terpaksa 'kitani' membuat dari masa ke masa institusi-institusi penjara, sampai bila kita membina lebih banyak penjara sedangkan 'kitani' juga perlu fokus kepada projek-pojek yang boleh menjana ekonomi dan memberikan keutamaan supaya ia akan dapat mendatangkan faedah dan manfaat kepada masyarakat di negara ini.

Pada kesimpulannya, kaola menyokong sepenuhnya Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof datas saranan-saranan dan soalan-soalan.

Yang Berhormat Pengerusi, sebahagian daripada persoalan ini telah kaola bentangkan tadi dalam mukadimah, sebagai contoh berkenaan dengan aspek *packaging.* Aspek *packaging* ini memang 'kitani' maklum 1K1P memang masalah dari segi….

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri sudah dijawab, tidak perlu lagi dijawab. Barangkali, diteruskan dengan soalan-soalan yang belum dijawab.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Kaola. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Jadi kaola akan menerangkan secara ringkas Yang Berhormat Pengerusi untuk memastikan apa yang diajukan dapat pencerahan-pencerahan Yang Berhormat Pengerusi. Sebagai contoh, *packaging* ini yang

'kitani' maklum 1K1P, masalah dari segi *mass production.*

Penandatanganan dengan *Ghanim International Sdn. Bhd.* ini telah dibuat. Ini adalah hasrat untuk mereka mengembangmajukan, kalau mereka *produce* pada masa ini 10, *they can produce* kalau dengan *Ghanim International Sdn. Bhd.* 100. *Packaging* dan *marketing* akan dibuat oleh syarikat berkenaan. Sebagaimana yang kaola maklumkan tadi, hanya satu syarikat sahaja yang mahu berganding iaitu *Ghanim International Sdn. Bhd.* untuk mengembangmajukan produk mereka.

Jadi kaola sarankan juga di peringkat Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dalam Majlis Perundingan Mukim dan Kampung untuk tampil menerangkan kepada anak buah kampung atau pengusaha-pengusaha ini untuk mengembangluaskan produk masing-masing.

Di peringkat kementerian, usaha-usaha untuk membantu mereka ini berjual memang sudah ada Yang Berhormat Pengerusi sebagai contoh di bangunan kementerian memang sudah disediakan tempat untuk mereka mempromosikan barang-barang mereka dan juga di Bangunan Seketeriat melalui kerjasama bersama Jabatan Perdana Menteri untuk men*showcase* produk mereka dan juga *expo* yang dikendalikan oleh *MPRT* dan juga masa ini *MSME*.

Jadi, dari segi *sales,* kaola sudah menerangkan dari segi naiknya *and then* dari segi orang yang berkecimpung dalam 1K1P pun sudah meningkat. Jadi, itu sahaja yang dapat kaola sampaikan.

Percerahan mengenai pengemaskinian Skim Majlis Perundingan Mukim dan Kampung adalah dari segi kapasiti pun kaola sudah maklumkan tadi dari segi *Human Resource Competency Framework (HRCF),* ini bukan sahaja untuk pegawai dan kakitangan kementerian malah melibatkan pemimpin akar umbi termasuk dari segi kepimpinan mereka.

KPI yang dilaksanakan yang di*introduce* ini ada 5 teras untuk Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Ini telah pun 'dibarigakan' kepada mereka. Jadi, ia adalah untuk memastikan hala tuju Penghulu Mukim dan Ketua Kampung ini terarah, itulah inisiatif-inisiatif dari kementerian.

إِنْ شَاءَ اللهُ saranan-saranan daripada Yang Berhormat Pengerusi, penghulu mukim dan ketua kampung akan diambil dari masa ke masa. *KPI* ini bukannya *fixed,* ia *living document* untuk dimajukan dari masa ke masa.

Merealisasikan pertumbuhan MPK, perancangan memajukan 1K1P itu sudah kaola terangkan. Perkara ini pernah kaola terangkan semasa Muzakarah bersama penghulu mukim dan ketua kampung, dari segi cara untuk memastikan anak buah kampung ini berkecimpung dalam bidang perniagaan di kampung-kampung, kementerian memang mengambil baik usaha untuk

incorporate anak-anak buah kampung ini bagi memastikan mereka boleh membuat perniagaannya di kampung-kampung itu. Jadi ini pun sudah dibincangkan dalam Muzakarah-Muzakarah yang diadakan dengan penghulu mukim dan ketua kampung.

Dari segi pengutipan cukai bertambah. Sebagaimana Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof maklum juga dari segi pembesaran Bandar Seri Begawan ini memang besar.

Kalau 'kitani' lihat, Akta Bandaran ini sebagaimana yang kaola maklumkan juga tadi, pengemaskinian cukai bandaran ini. Sebagai contoh, pengemaskinian ini berdasarkan kepada akta. Kalau bangunan itu dirobohkan, masih juga dikutip tetapi penurunan itu disebabkan oleh pengemaskinian yang dilaksanakan ini. Mungkin mengambil kira perbincangan bersama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof berkenaan dengan Lembaga Bandaran Yang Berhormat Pengerusi untuk menerangkan satu per satu juga dari segi berapa jumlah akaun yang ada aktif masa ini, berapa yang tidak aktif dan kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain seperti *ABCi*, sebelum juga *clearance letter* itu dikeluarkan oleh Lembaga Bandaran.

Jadi, kalau 'kitani' lihat juga, memang benar Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof maklumkan bisnes macam di kawasan Kiulap itu memang maju tetapi ada juga pintu-pintunya masih ada yang kosong.

Ada juga dinyatakan tadi, perkiraan. Perkiraan cukai pintu ini memang *very subjective, yes 7%* daripada 7 atau 8 perkhidmatan yang diberikan. Ini pun masih dalam penelitian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dari segi kosnya kepada kerajaan.

Sebagaimana Yang Berhormat maklum juga, kos kepada kerajaan dengan cukai yang dikutip itu rendah daripada kos yang diberikan oleh kerajaan sebagai contoh, perkhidmatan sampah yang diberikan kepada penyewa-penyewa pintu itu Yang Behormat Pengerusi. 'Pasal' bandar ini juga nanti kaola terangkan berapa cukai yang akan dikutip.

Perkembangan untuk me*review* sistem cukai yang dikenakan di kawasan bandaran. Itu memang sudah Yang Berhormat Yang Di-Pertua, pada masa ini dalam pelaksanaan kementerian dan Lembaga Bandaran untuk mereviu sistem cukai pada masa ini. Mungkin ada kerjasama dengan kementerian lain untuk memastikan *whole of government approach* ini dilaksanakan.

Akta Bandaran, memang pada masa ini Yang Berhormat dalam *review* atau *study*

sudah di peringkat kementerian. Ada sebahagian akta itu *absolute* dan ada masih yang tidak *relevant* untuk dilaksanakan. Untuk menjadikan Bandar Seri Begawan *to vibrant*.

Yang Berhormat Pengerusi pun maklum bahawa projek pembesaran *BSB Master Plan* sebagai contoh yang kawasan 'tambing' Sungai Brunei sudah siap dilaksanakan. Tetapi di kawasan Bandari Seri Begawan itu kalau 'kitani' lihat, kebanyakan tanah-tanah dimiliki oleh *private sector* Yang Berhormat Pengerusi. Jadi, *development is pretty much development* daripada *private sector.* Kalau 'kitani' lihat juga *BSB Master Plan* merangkumi kawasan Kampung Kiulap dan Kampung Kiarong. Kawasan ini dipelopori oleh tanah-tanah persendirian yang pada masa ini kalau 'kitani' lihat perkembangannya dari segi *business development*nya memang dilaksanakan oleh *business sector* itu Yang Behormat Pengerusi.

Berkenaan dengan Jabatan Buruh, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan untuk menarik *FDI* ini. Yang Berhormat Pengerusi, kalau *FDI* memang ada *FDI* dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Tapi untuk menyejajarkan polisi untuk memastikan *FDI*, memang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bekerjasama dengan *FDI, they called FDI working group*. Di sana untuk memastikan *whoever they invest* tinggal di Negara Brunei Darussalam, memang ada pas-pas imigresen yang boleh dikeluarkan mengikut jangka masa yang ditentukan.

Sebagai contoh tadi, ada juga soalan melibatkan kewahaman orang atau *investor* di Negara Brunei Darussalam, belum lagi berapa *clear* berkenaan dengan sama ada mereka boleh tinggal di Negara Brunei Darussalam lama sepertimana yang kaola maklumkan tadi dalam mukadimah, Jabatan Buruh memang boleh menyambung Pas Lesen Pekerja Asing mereka ini *provided* mereka ini memenuhi syarat. Sebagai contoh (*Filing of Tax)* beberapa orang anak tempatan digaji dan ia memberi *value add* kepada negara.

Ada sebilangannya kenapa ia tidak dibenarkan, setelah disiasat, tidak berapa memuaskan jawapan-jawapan mereka untuk mereka ini disambung. Kaola mengambil maklum bahawa sebahagian daripada peniaga pemilik syarikat ini akan menyerahkan kepada anaknya, dan ini adalah dibolehkan, selagi namanya itu dimasukkan ke dalam *ROCBN*, dalam pendaftaran syarikat-syarikat.

Pihak kementerian melalui Jabatan Buruh memang sahaja mengguna pakai *evidence* itu sebagai untuk menyambung pas-pas mereka. Jika umur 65-68, mereka masih berada di Negara Brunei Darussalam dan memenuhi kriteria yang ditetapkan tadi itu**,** memang ia boleh disambung untuk mereka tinggal lebih lama di Negara Brunei Darussalam ini. Kaola maklum juga, mereka memang sudah lama tinggal di Negara Brunei

Darussalam, mereka menjadikan Negara Brunei Darussalam *ini as part of their second home*, Yang Berhormat.

Dari segi sistem, *NLMS* ini memang di bawah bidang kuasa *INRS (Immigration National Registration System)*. Pada masa ini, sebahagian daripada *National Labor Management System (NLMS)* ini sebelumnya *multiple submission* tidak ada dalam aplikasi berkenaan, tetapi pada masa ini, setiap agensi pekerjaan memang boleh sahaja *upload multiple application* mereka.

Dari segi tempoh masa, memang 'kitani' sedia maklum bahawa untuk memastikan orang yang bekerja di Negara Brunei Darussalam ini adalah bersih dari segi jenayah untuk menjaga keselamatan negara dan itu yang akan dilaksanakan bagi orang yang dibenarkan dalam Lesen Pekerja Asing memang ia adalah bersih daripada kegiatan-kegiatan yang tidak diingini untuk mereka masuk ke Negara Brunei Darussalam.

Dari segi *NDMC*, aset, dari segi Akta *National Disaster Management Centre,* ia ada aktanya sendiri untuk memastikan kesiapsiagaan dari segi untuk mengawal bencana. Dari segi penyelarasan penyusunan bidang tugas, memang 'kitani' maklum juga bangunan *NDMC* ini bersebelahan dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat. Dari segi *manpower*, berbelas orang pegawai bomba telah diserapkan ke *NDMC* ini dan juga aset-asetnya memang diguna pakai dan diguna sama.

Sebagai contoh sebelum ini, *for almost* 10 *over years* isu banjir ini, kekerapan *NDMC* ke *site* banjir itu memang kerap, kalau bulan 12 musim tengkujuh memang ke sana "berkampung" Yang Berhormat Pengerusi. Ia melibatkan jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan yang lain sebagai contoh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei dan lain-lain dan dari segi paramedik juga terlibat dalam kita menangani satu-satu situasi ini.

Jadi, sebagaimana yang kaola bentangkan tadi, salah satu eksesais yang dikendalikan oleh *NDMC* adalah *Cross-Border Exercise* dengan *NADMA* Malaysia. Itu adalah untuk 'kitani' menilai kemampuan 'kitani' dari segi integrasi dengan jabatan-jabatan di Negara Brunei Darussalam dengan Malaysia. أَلْحَمْدُ لِلّٰه eksesais itu *very successful*.

Juga Yang Berhormat Pengerusi, pegawai-pegawai 'kitani' memang *everytime* ada bencana di luar negara *especially* di *ASEAN* memang dipanggil di bawah *AHA Centre (ASEAN Humanitarian Assistance Centre)* bertindak sebagai *Logistical Officer.*

Sebagai contoh, *typhoon* Myanmar, memang dihantar ke sana untuk mereka menggalas ilmu, 'ganya' yang kaola maksudkan tadi itu untuk 'kitani' kan *into international* 'punya' *standard,* memang ada sukat-sukatnya. إِنْ شَاءَ اللّٰهُ dalam perancangan kementerian sudah melalui *NDMC* untuk memastikan pegawai-pegawai daripada *NDMC* ini memang

diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk boleh dikerahkan apa-apa saja bantuan bencana di luar negara. Itu memerlukan masa dan juga ada audit aset-aset yang perlu diaudit di peringkat antrabangsa, Yang Berhormat Pengerusi.

Dari segi penjara, memang aspek agama dititikberatkan Yang Berhormat. Kaola memaklumkan dalam mukadimah tadi sebagai contoh daripada Pusat Da'wah Islamiah memang mereka ini dalam menjalani pemenjaraan, memang ada kegiatan-kegiatan agama sebagai contoh sembahyang berjemaah, mengaji Al-Quran dan juga sebagai rekod di sini, ada banduan-banduan ini yang boleh menghafal sampai 30 juzuk Al-Quran, ada yang 10 juzuk Al-Quran dan ada 5 juzuk Al-Quran. Jadi penerapan agama itu memang diterapkan.

Jadi, berkenaan dengan pemindahan banduan ini, memang boleh dipindahkan dengan syarat ia ada perjanjian dengan negara berkenaan. Sebagai contoh, 'kitani' telah menandatangani dengan kerajaan Malaysia di bawah *International Transfer of Prisoner* yang membolehkan rakyat di negara berkenaan yang menjalani hukuman penjara di sini mengikut syarat-syarat yang dibenarkan untuk dipindahkan, memang boleh dipindahkan.

Jadi, memang pada masa ini, dalam perancangan kementerian dan Jabatan Penjara untuk mengembangluaskan lagi mengikut kewarganegaraan yang ada di Jabatan Penjara berkenaan. Jadi ا إِنْ شَاءَ اللهُ ia akan dilaratkan juga.

Berkenaan dengan *overcrowding,* pemindahan Fasa 4 dan Fasa 5 bukan isunya *overcrowding*. Ini adalah untuk memastikan satu institusi penjara itu d*icentralized*. Pada masa ini ada 2 buah penjara iaitu di Jerudong dan juga di Maraburong dan إِنْ شَاءَ اللهُ jika sudah siap Fasa 4 dan 5 itu, yang institusi penjara ini akan disatukan dan juga projek pembinaan Fasa 4 juga melibatkan pembesaran dapur di Penjara Maraburong bagi membolehkan mereka ini menjalani program vokasional atau teknikal untuk *bakery* yang nanti boleh dijadikan sebagai *business* di penjara itu dan Yang Berhormat juga maklum tadi mengenai Projek Insaf.

Projek Insaf pada masa ini memang dikembangluaskan, dalam Fasa 4 itu, *workshop* memang akan dibesarkan untuk memastikan mereka boleh membuat projek-projek ini ataupun barang-barang yang boleh diguna pakai oleh orang 'kitani' dan أَلْحَمْدُ لِلّٰه *expo* yang mereka ikuti kebanyakkannya, kalau 'kitani' datang lambat di sana', *almost fully booked* 'inda' lagi dapat dibeli hanya menempah sahaja dengan Jabatan Penjara.

Kajian *framework* pemulihan yang berkesan, memang ini adalah sebagai salah satu yang kaola *mention* tadi *Human Resource Competency Framework* ini, dari segi kaunseling mereka, dari segi pegawai penjara itu, warder yang bekerja di sana itu memang dibuat *competency framework*.

Yang kedua, pemulihan mereka dan ada juga kaola maklumkan tadi mengenai Rakan Selia. Rakan Seliaan ini melibatkan agensi-agensi yang berkepentingan dan juga agensi swasta.

Jadi, yang kaola maklumkan tadi dalam mukadimah kaola adalah *community outreach* ini sudah dilaksanakan dengan pemimpin akar umbi dan juga melibatkan keluarga banduan yang akan dibebaskan daripada tahanan untuk memastikan mereka ini diterima oleh keluarga. Institusi kekeluargaan adalah sangat penting dalam memastikan penerimaan kepada bekas-bekas banduan ini dapat diterima secara *open-hearted*.

Jadi, yang kaola yang masih belum menerangkan ialah dari segi jumlah cukai. 'Karang' kaola menyambung Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya rasa ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini ditangguhkan dan kita akan bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya kira cukuplah dahulu kita bersidang pada pagi ini.

Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ الله pada petang ini nanti mulai dari pukul 3.15 petang.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 3.20 petang)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, (2024/2025) yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Sebelum kita meneliti tajuk-tajuk selanjutnya, saya ingin lebih dahulu mengalu-alukan ketibaan rakan-rakan kita dari Republik Persekutuan Jerman yang melawat kita ketika ini dan mereka ada bersama-sama dengan kita. *I would like to welcome you for coming to visit us at the Legislative Council and we are now in the midst of discussing our budget proposals. We know we had a chat a few minutes ago, but let me welcome you formally to Brunei and also to our assembly.*

Maka, bagi membolehkan kita meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang tersebut saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, (2024/2025) untuk diteliti satu per satu.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan pada sebelah pagi tadi kita telah mula membahaskan dan meneliti Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatannya.

Bersama saya di sini masih lagi ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk ikut serta dalam membahaskan tajuk kementerian yang berkenaan ini. Untuk memulakannya saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامعَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi laluan kepada kaola untuk ikut serta membincangkan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatannya.

Terima kasih juga kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah yang disampaikan yang begitu komprehensif yang juga mengandungi hala tuju, aspirasi tumpuan pencapaian dan inisiatif-inisiatif yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sebenarnya, kaola tidak lagi banyak isu yang akan dibangkitkan kerana Yang Berhormat rakan sejawatan yang telah berucap terdahulu pagi ini telah pun menyentuh sebahagian besar isu yang ingin kaola sentuh. Lagipun, dua isu utama iaitu mengenai *long stay pass (visa)* dan Pas Kerja penduduk asing yang berumur 60 tahun ke atas telah pun diberikan pencerahan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan diucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Cuma kita mahu melihat 'pembarigaan' yang berterusan dan telus terhadap tatacara kriteria dan syarat-syarat yang diperlukan dalam pelaksanaan dasar ini supaya ia mudah difahami oleh pihak-pihak pemohon yang terlibat dan berkepentingan serta dapat dilaksanakan oleh pegawai-pegawai pelaksana dengan teratur dan sempurna supaya proses permohonan dapat dipendekkan dan menepati peraturan tersebut.

Oleh itu, kaola hanya akan menumpukan *intervention* kaola pada beberapa perkara iaitu:

1. Mengenai pertambahan bilangan jawatan bagi jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kalau kaola tidak silap, semuanya berjumlah 83 jawatan dalam bahagian perkeranian dan lain-lain. Pertambahan terbesar ialah bagi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, kemudian diikuti oleh Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria.

   أَلْحَمْدُ لِلّٰه diucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sekurang-kurangnya ia akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan bagi pencari-pencari kerja. Cuma yang pentingnya ialah supaya pengisian jawatan ini akan dapat disegerakan prosesnya nanti. إِنْ شَاءَ اللّٰهُ

   Walau bagaimanapun, kaola juga ingin pencerahan mengenai keperluan sebenar penambahan ini. Kaola sendiri meneliti kiranya ia dimaksudkan untuk menambah pengutipan hasil agensi-agensi ini, nampaknya dalam Petunjuk Prestasi Utama, sasaran yang dimuatkan mengenai pengutipan hasil adalah konsisten tidak bertambah. Misalannya bagi Jabatan Daerah Brunei dan Muara ada yang disasarkan hanya meningkat sedikit sahaja seperti Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan.

Kaola memaklumi penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa terdapat kenaikan pengutipan cukai tertunggak sebanyak $46 juta dalam 3 tahun semenjak tahun 2021, syabas dan tahniah.

Walau bagaimanapun, kaola juga ingin memohon perkongsian maklumat mengenai langkah-langkah tambahan yang strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam meningkatkan lagi hasil baharu atau pengutipan hasil yang tertunggak.;

2. Mengenai projek di bawah Kod/Akaun 1205-001 Pembangunan Semula Kampung Air. Kalau kaola tidak silap, ia telah banyak kali kita bincangkan secara panjang lebar pada tahun lepas. Pada Tahun Kewangan 2024/2025 ini, kerajaan hanya menyediakan sebanyak 1% saja dari jumlah Harga Rancangan sebanyak $32.8 juta.

   Ini bermakna projek ini masih di peringkat *drawing board* atau *preliminary* sahaja. Kaola memohon penjelasan, apakah masalah sebenar projek ini kerana ia belum berjalan begitu lancar sedangkan peruntukan telah pun disediakan beberapa tahun kebelakangan ini?;

3. Mengenai Pelan Induk Penggunaan Tanah terutama di Daerah Temburong**.** Kalau kaola tidak silap pada tahun 2017, Jabatan Perancang Bandar dan Desa awal-awal lagi telah diminta untuk menyediakan pelan ini semasa perancangan dan pembinaan Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien.

   Ia bertujuan untuk menyejajarkan aktiviti-aktiviti ekonomi Daerah Temburong. Dengan penggunaan jambatan ini akan membantu perkembangan daerah tersebut secara keseluruhannya. Oleh itu, kaola ingin memohon penjelasan sama ada Pelan Penggunaan Tanah Daerah Temburong ini telah pun siap dan dapat dibuat asas bagi perkembangan guna tanah dan ekosistem bisnes daerah tersebut secara keseluruhannya.

   Dalam Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025, kaola tidak melihat tajuk spesifik yang berkaitan dengan kemajuan Daerah Temburong. Pada belanjawan yang lepas tajuk ini memang telah disediakan peruntukan di bawah Tajuk Rampaian. Mohon penjelasan adakah projek ini telah pun ditangguhkan pelaksanaannya atau ditiadakan sama sekali?; dan

4. Mengenai peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di bawah Tajuk SE01A, Kod/Akaun 1213-020 ada satu projek iaitu *One MOHA System* yang diperuntukkan sebanyak $12 juta. Manakala di bawah Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran, Kod/Akaun 1209/019 terdapat satu

projek yang bertajuk *System E-gate.* Yang Berhormat telah menerangkan mengenai tujuan dan sasaran kedua-dua projek ini iaitu untuk memperkesankan pemberian perkhidmatan jabatan-jabatan pelaksana di bawah kementerian Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, kaola ingin memohon pencerahan adakah sistem ini juga akan meng*upgrade* sistem ketibaan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei?

Sebagaimana yang mungkin kita semua alami, sistem ketibaan penumpang pada masa ini masih menggunakan empat jari yang kadang kalanya sukar *detect* cap jari ini.

Ini menyebabkan kelambatan *long queues* terutamanya apabila jadual ketibaan kapal terbang dalam jangka waktu yang hampir sama.

Oleh itu, kaola ingin mencadangkan supaya *upgrading system* ketibaan penumpang di lapangan terbang ini akan dimasukkan dalam apa jua sistem yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekiranya belum ada cadangan sedemikian, sebagai langkah untuk memudahkan urusan kemasukan penumpang supaya ia lebih mesra pelanggan. Seperti yang kita sedia maklum, lapangan terbang adalah tempat penting yang akan membentuk *first impression* pelawat/pelancong mengenai negara yang dilawati mereka.

Yang Berhormat Pengerusi, sebenarnya sebelum mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri itu tadi, kaola sendiri bercadang untuk meminta pencerahan mengenai dibawah Kod/ Akaun 1209-017, Jabatan Penjara – Tajuk SE11A iaitu Projek Penjara Maraburong Fasa 5 yang peruntukan Harga Rancangan sebanyak $50 juta.

Kaola mengalu-alukan inisiatif kementerian Yang Berhormat untuk meletakkan tempat yang terkawal ini dalam satu kawasan yang sama bagi memudahkan logistik dan pengawalan. Namun, kaola masih ingin mengetahui adakah keperluan untuk membina projek ini sudah begitu mendesak sehinggakan tidak dapat ditangguhkan pelaksanaannya bagi memberi laluan kepada projek-projek yang mempunyai keutamaan tersendiri yang mempunyai *spin off* dan impak yang lebih besar kepada kesejahteraan rakyat atau ekonomi tempatan?

Kaola tidak mengatakan bahawa projek ini tidak penting. Dengan keadaan kewangan yang terhad kita perlu meneroka sebeberapa banyak *opportunity cost* ataupun *option* dalam penggunaan peruntukan yang disediakan supaya ia lebih memberikan impak yang menyeluruh kepada kesejahteraan rakyat. Misalannya, jika peruntukan ini

digunakan untuk membina perumahan negara bagi pemohon-pemohon yang menunggu giliran sudah setentunya ia akan menampung pembinaan kira-kira 500 buah rumah.

Ini kaola rasa sudah setentunya akan memberikan rumah yang selesa kepada kira-kira 2,500 orang penduduk. Atau untuk menambah kemudahan bagi melaksanakan kluster-kluster utama yang telah dikenal pasti misalannya untuk menambah kemudahan-kemudahan rakyat di daerah-daerah yang kaola perhatikan jabatan-jabatan daerah tidak ada satu pun *project* yang dicadangkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-12.

Alternatively, mungkin perbelanjaan ini boleh juga digunakan untuk menyediakan infrastruktur pelancongan di keempat-empat daerah atau untuk membina kemudahan-kemudahan perniagaan ataupun tapak-tapak industri bagi menjana ekonomi rakyat dan penduduk termasuk banduan-banduan yang telah dibebaskan dari tahanan. Mohon pencerahan, Yang Berhormat Menteri.

Yang terakhir, Yang Berhormat Pengerusi, mengenai kemudahan yang disediakan di tempat-tempat riadah. أَلْحَمْدُ لِلّٰه kebelakangan ini kita telah banyak menyaksikan orang ramai terutamanya belia mengamalkan hidup sihat dengan cara riadah berjalan kaki, *jogging*, mendaki bukit dan lain -lain.

Kita juga menyaksikan beberapa kawasan *trekking* dan taman-taman riadah baharu telah dibuka untuk maksud itu. Persoalan yang kaola ingin ajukan ialah mengenai kemudahan-kemudahan dan pemeliharaan fasiliti tersebut.

Ada sebahagian tempat riadah ini telah pun disediakan tandas-tandas dan kemudahan-kemudahan yang lain, cuma yang menyedihkan tandas-tandas yang terdapat di sebahagian tempat ini dalam keadaan sangat mendukacitakan, tidak terpelihara dan mangkuk tandas pecah dan kotor.

Kaola cadangkan sekiranya peruntukan yang diberikan kepada kementerian dan agensi untuk memelihara kemudahan-kemudahan ini tidak mencukupi, kementerian boleh membukakan satu Program *Sponsorship* dari syarikat-syarikat yang ingin memperbaiki dan memelihara kemudahan-kemudahan tersebut ataupun *thinking outside the box,* satu lagi *option* adalah dengan mengadakan kutipan derma melalui *online* seperti yang dilakukan bagi kutipan derma pertolongan bencana bagi negara-negara luar kerana budaya orang Negara Brunei Darussalam paling suka membuat kebajikan dan menghulurkan derma dan bersedekah.

Sekianlah yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat atas soalan dan saranan yang diberikan.

Mengenai tambahan jawatan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebenarnya bukan penambahan jawatan tetapi adalah penyerapan daripada jawatan bergaji hari yang dulunya *open vote* diserapkan untuk bergaji bulan dan memang nampak bertambah.

Berkenaan dengan langkah tambahan strategik dalam meningkatkan kutipan hasil, sebagaimana yang kaola nyatakan tindakan-tindakan yang diambil dari Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dan lembaga-lembaga bandaran lain, *especially when come* daripada tunggakan hasil ini bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan. Ertinya kebenaran ataupun tindakan diperolehi melalui Lembaga Bandaran, jika sekiranya tempat perniagaan tersebut memerlukan *OP* iaitu hendaklah dibayar dulu tunggakan berkenaan.

Berkenaan hasil-hasil lain memang sudah dalam perancangan kementerian sebagai contoh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Buruh dan sebagainya.

Mengenai Kampung Air, sebenarnya skop bagi projek ini akan dibincangkan dalam Rancangan Kemajuan Negara dari segi perubahan skop dan *revitalisation of* Kampung Air sebagai contoh untuk menyediakan jambatan yang diperlukan oleh penduduk di Kampung Air.

Berkenaan dengan Pelan Induk Guna Tanah di bawah Kementerian Pembangunan di Daerah Temburong. Mungkin kaola tidak dapat menjawab Yang Berhormat Pengerusi, mungkin rakan sejawatan kaola yang berkenaan Pelan Induk Daerah Temburong ini dari segi guna tanah akan dijawab oleh Kementerian Pembangunan. Tapi satu sahaja yang kaola dapat kongsikan di sini iaitu berkenaan penyerahan Autoriti Kemajuan Daerah Temburong ke Jabatan Daerah memang sudah diterima melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

إِنْ شَاءَ اللهُ sebagaimana dalam mukadimah kaola, dari segi perancangan bandar termasuk juga daerah-daerah sudah pun dibincangkan untuk kemajuan daerah masing-masing. Berkenaan dengan *One MOHA System* dan *e-Gate* ini, kaola ucapkan ribuan terima kasih atas saranan Yang Berhormat berkenaan sama ada penggunaan 4 jari ataupun untuk menaik taraf.

Memang dalam penggunaan *border control system* pada masa ini, Yang Berhormat sudah dinaik taraf, penggunaan 4 jari itu adalah untuk toleransinya, ertinya kalau 1 jari tidak berfungsi, 3 jari akan digunakan. Ia untuk memastikan *readibility* dari segi *fingerprints.* إِنْ شَاءَ اللهُ abiskaola akan membuat penelitian dari segi *e-Gate.*

Sebenarnya *e-Gate* kalau kita lihat dari negara lain memang menggunakan

fingerprint as identifier ataupun *facial recognition*. Jadi, itu masih dalam perbincangan sama ada menggunakan *facial recognition* atau *four fingerprint* yang lebih bersesuaian dari segi keselamatannya. Jadi, *e-Gate* yang ada di Pos Kawalan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei masa ini memang sudah di*upgrade* sistemnya dan boleh diguna pakai. *One MOHA System* ini memang sebagaimana yang kaola nyatakan tadi dalam mukadimah, ia melibatkan dari segi *National Emergency Response System* untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dan lain-lain lagi yang semua dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan dapat di*digitalise* dari segi perkhidmatannya dan perkhidmatan-perkhidmatan lain di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang kedua, berkenaan Penjara Maraburong Fasa 4 dan Fasa 5, sebenarnya ini adalah insiatif strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Penjara. Yang pertama, untuk *consolidate*. Yang kedua, untuk memastikan *optimisation of manpower* dari segi *warder* yang bekerja di dua institusi penjara masa ini iaitu Penjara Jerudong dan Penjara Maraburong. Kalau 'kitani' lihat dari segi ekonominya, dengan Harga Rancangan yang disediakan itu, kita boleh membina 500 buah rumah, cuma kita mesti mengimbangi dari segi sekuriti dan juga kemaslahatan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Ertinya, intitusi penjara ini memerlukan satu tempat bersesuaian. Pada masa ini kita maklum Penjara Jerudong, dari segi infrastrukturnya tidak begitu *secure,* jadi perlu dibuat yang baharu. Dari segi jumlah kapasiti di penjara, memang sudah dikawal sebenarnya.

Pada masa ini, sedang dibaiki sel penjara di Penjara Maraburong untuk memastikan keselesaan. Jadi, 'kitani' sebenarnya banyak faktor yang menyebabkan projek-projek ini perlu diteruskan untuk memastikan sekuriti dan juga *optimisation of manpower* Jabatan Penjara.

Ada soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof berkenaan dengan jumlah penghuni penjara. Berdasarkan rekod tahun 2022, mereka yang dibebaskan dari penjara adalah seramai 395 orang. Daripada 395 orang itu, 74 orang didapati melakukan kesalahan semula, iaitu 71 orang lelaki dan 3 orang perempuan. Kalau dilihat dari segi *demographic* yang berumur 30 tahun ke bawah, 28 orang lelaki dalam kalangan belia telah melakukan kesalahan yang berulang.

Sama juga pada tahun 2023, yang dibebaskan seramai 585 orang, seramai 102 orang, iaitu seramai 98 orang lelaki dan 40 orang perempuan didapati melakukan kesalahan semula. Daripada itu, dalam kalangan belia 24 orang lelaki dan seorang perempuan. Kebanyakan

kes-kes yang masuk penjara semula adalah kes curi, kes dadah dan kes menceroboh.

Berdasarkan penyelidikan yang dilaksanakan oleh *CSPS*, antara sebab mereka masuk penjara semula adalah kurang ketahanan jati diri dalam menempuhi cabaran luar. Inilah yang kaola maksudkan tadi dari segi C*ommunity Outreach Programme* dan institusi keluarga, kurang sokongan daripada ahli keluarga, terpengaruh semula dengan kawan-kawan lama, kelakuan atau tabiat (*habitual offending*), kesukaran mendapat pekerjaan, masalah sumber kewangan dan masyarakat sendiri tidak sedia menerima mereka. Itu saja yang dapat kaola kongsikan Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera

Kaola ada 2 soalan:

1. Mengenai Aspirasi Ke-2 kementerian. Dalam tempoh 5 tahun kebelakangan ini, kaola telah melihat sedikit perubahan besar (*big transformation*) dalam pembangunan bandar dan daerah terutamanya di Daerah Belait dan Daerah Temburong. Kaola juga mengambil perhatian dalam maklum balas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof pada sesi pagi tadi mengenai hal-ehwal bandaran dan penambahbaikan Bandar Seri Begawan. Dalam sesi pagi tadi, ada inisiatif dari kementerian untuk merujuk semula Pelan Induk BSB (*BSB Masterplan)*. Kaola hanya mengetahui tentang *BSB Masterplan* yang diberi maklum pada tahun 2010 yang juga telah mewujudkan banyak projek infraktrustur besar seperti Jambatan RIPAS dan Ekokoridor BSB. Ini juga menimbulkan beberapa perhatian tentang kedudukan semasa *BSB Masterplan* ini dalam menjadikan ibu negara kita lebih *vibrant*. Juga merujuk kepada Aspirasi 2 dalam Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri 2023-2027 iaitu Transformasi Pembangunun Bandar dan Daerah dan Memperkasakan Pembangunan Komuniti.:

i. Soalan kaola, bagaimana penilaian kementerian terhadap pencapaian Aspirasi 2 ini? Dengan hanya 4 tahun yang tinggal untuk mencapainya, apakah rancangan terperinci kementerian untuk memastikan pencapaian aspirasi tersebut?

ii. Bagaimanakah kesan keseluruhan dari aspirasi ini terhadap kualiti kehidupan masyarakat tempatan di bandar dan daerah? Apakah kemajuan yang telah dicapai termasuk dalam akses kepada perkhidmatan asas, peluang ekonomi atau persekitaran fizikal? Berapa banyak pekerjaan yang dijangka akan dicipta melalui aspirasi ini?; dan

iii. Yang terakhir, adakah kementerian merancang untuk mengadakan semakan semula terhadap *BSB Masterplan 2010* untuk transformasi pembangunan bandar dan daerah? Adakah juga terdapat rancangan serupa untuk merancang pembangunan pekan-pekan dan daerah-daerah lain di Negara Brunei Darussalam? Jika ada, adakah *Masterplan* ini akan 'dibarigakan' kepada orang ramai terutama bagi pihak berkepentingan swasta dan juga awam?.

Kaola mencadangkan agar Aspirasi 2 ini dimasukkan ke dalam *KPI* kementerian yang akan datang dengan peruntukan khas untuk inisiatif-inisiatif yang dirancang dan ada baiknya rancangan bandar dan desa di kawasan bandar dan desa yang lain diadakan *Masterplan* yang lebih teliti dan sejajar dengan inisiatif kerajaan yang lain bagi pembangunan masa pendek, sederhana dan panjang.; dan

2. Penglibatan warga asing dalam perniagaan. Kaola mendapati dalam akhbar dan berita negara jiran mengenai perniagaan yang 98% dikuasai oleh warga asing di kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Mengambil iktibar dari perkara ini, walaupun situasi di negara ini tidak kritikal namun lebih baik bagi pihak berwajib untuk menangani isu ini secepatnya. Kemasukan warga asing ke negara ini terutama ke Daerah Temburong semakin ketara sejak pembukaan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, kemasukan ini hendaklah dipantau oleh pihak kementerian.

Kaola juga mengusulkan supaya semua lima belas pintu kedai yang ada di sekitar Pekan Bangar yang terkenal dengan gelaran "Permata Hijau" atau *Green Jewel of Brunei Darussalam* 'diungkayahkan' sepenuhnya oleh warga tempatan. 'Pembisaian' Pekan Bangar telah menelan kos tinggi yang ditanggung sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Pelaburan kerajaan ini

sepatutnya dinikmati oleh rakyat yang bermastautin di Daerah Temburong.

Kaola cadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menerajui bersama agensi kerajaan yang lain untuk mengatasi isu-isu ini dengan segera sebelum ia menjadi masalah yang besar di Negara Brunei Darussalam.

Sekian saja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat berkenaan soalan dan saranan mengenai Aspirasi Kedua.

Sebenarnya, dalam Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, terdapat *KPI* yang ditentukan bagi setiap aspirasi. Memandangkan soalannya menjurus kepada Aspirasi Kedua, iaitu Transformasi Pembangunan Bandar dan Daerah, dan Memperkasakan Pembangunan Komuniti. Sebagai contoh, bagi bandar dan daerah yang bersih terdapat 5 *KPI* yang disediakan sebagai contoh.

Soalan ini juga menyentuh soalan yang belum kaola jawab, iaitu soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim berkenaan dengan tandas awam, jadi sebagai contoh, *KPI* yang di*set* di bawah Matlamat Bandar an Daerah Yang Bersih, penguatkuasaan dilaksanakan bagi Akta Kesalahan Rampaian.

Dari segi kesalahan dan *compliance,* peratus tandas awam di bawah kawalan kementerian yang penggredannya cemerlang, pematuhan kepada Akta Kesalahan Rampaian, iaitu kompaun dikenakan, termasuk juga pembandaran yang maju dan mampan dari segi peratus ataupun jumlah tanah lokasi pembandaran yang dimajukan. Sebagaimana mukadimah kaola juga tadi, transformasi pembangunan bandar dan daerah dan memperkasakan pembangunan komuniti sebagaimana kaola sebut bekenaan dengan *BSB Masterplan* yang telah kaola kongsikan berkenaan dengan pencapaiannya.

Ia sudah dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Kerja untuk dilaratkan ke daerah-daerah, iaitu pembangunan daerah-daerah dan juga jika kaola dapat kongsikan, dari segi Matlamat Ketiga, Ketersediaan Prasarana Kawasan-Kawasan Bandar dan Daerah, iaitu jumlah prasarana yang diambil tindakan untuk meningkatkan hasil dari lawatan dan pemantauan, peratus prasarana di mukim dan kampung yang digunakan.

Semua aspirasi ini dan matlamat ini bukan dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sendiri. Ia melibatkan kementerian-kementerian lain yang boleh melakukan prasarana. Peranan kementerian dari segi pembangunan daerah-daerah juga pernah dipersoalkan.

Sebenarnya, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan kementerian-kementerian yang lain memainkan

peranan penting dalam pembangunan daerah. Sebagai contoh, pembangunan hospital dari segi *business centre*nya. Sebagai contoh Yang Berhormat Pengerusi, dari soalan kedua, kemasukan warga asing ke Daerah Temburong. Kalau 'kitani' lihat dahulu, sebelum ada jambatan untuk mereka ke Daerah Temburong mesti 'beliun' *so* untuk 'menyubalah' mesti memerlukan *immigration procedure*nya, *that's why* sebelum jambatan memang tidak ketara kemasukan warga asing ke Daerah Temburong tetapi dengan jambatan ini memang *accessibility* menjadi senang.

Tapi dari segi pengawalan sebenarnya, kaola tidak melihat ia sebagai satu isu. Satu daripadanya *in terms of labour policy,* memang semua permohonan Lesen Pekerja Asing dinilai dari segi keperluannya.

Kedua, peranan orang 'kitani' yang memegang Lesen-Lesen Perniagaan ini juga perlu ditekankan, sebenarnya, perkara ini mesti ada *balance* dari segi *give and take* . Lagipun, kalau terlihat warga asing ini boleh juga menyumbang kepada kemajuan ekonomi 'kitani,' jadi kaola 'inda' dapat menjawab secara *specific* kemasukan warga asing ke Daerah Temburong ini menjadi suatu isu. Kalau pintu-pintu di kedai Bangar 'diungkayahkan' oleh orang-orang tempatan memang itu aspirasi sebenarnya untuk orang 'kitani' 'bekarih' juga. Itu digalakkan untuk menentukan sama ada pintu-pintu untuk orang tempatan dan ia dilihat juga empunya lesen untuk melakukan perniagaan berkenaan.

Sebagaimana juga yang kaola terangkan tadi, kemasukan warga asing ini memang ada proses-proses tertentunya. Itu saja, Yang Berhormat Pengerusi, yang dapat kaola jawab berkenaan dengan soalan dan saranan daripada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhomat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

Dalam kesempatan ini, kaola terus saja ingin merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada pagi tadi dalam maklum balas terhadap perbahasan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof mengenai perusahaan produk 1K1P.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, usaha-usaha untuk mengembang majukan produk ini sedang

dilaksanakan melalui kerjasama pihak-pihak yang berkepentingan seperti *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.,* namun yang menarik perhatian kaola tadi, apa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri nyatakan dan juga dinyatakan oleh pemimpin-pemimpin dalam kerajaan ialah halangan mengenai produk ini iaitu berkaitan dengan *mass production* 1K1P ini dan pada pagi tadi Yang Berhormat Menteri juga mengatakan bahawa sambutan daripada pengusaha-pengusaha hanya satu syarikat sahaja yang bersetuju untuk bekerjasama dengan *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.* sedangkan apa yang kaola fahamkan tadi kerjasama ini berpotensi untuk menaik taraf program ini sebagai satu sumber ekonomi mampan yang berdaya maju bagi masyarakat kampung.

Di sini, kaola ingin bertanya, memohon pencerahan daripada Yang Berhormat mengenai kenyataan tadi, apakah alasan-alasan yang diberikan oleh pengusaha-pengusaha tersebut untuk menolak kerjasama berkenaan dan apakah sokongan yang dapat diberikan oleh pihak kerajaan atau pihak kementerian dan pihak-pihak lain yang berkaitan kepada pengusaha-pengusaha tersebut untuk mereka bersetuju menyertai kerjasama yang pada pandangan kaola yang menguntungkan ini?.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bagi menggalakkan pengeluaran produk 1K1P ini dan menjadikannya lebih berdaya maju dari segi ekonomi, maka pada pandangan kaola objektif program hendaklah difokuskan kepada memenuhi pasaran tempatan dan meneroka pasaran serantau dan antarabangsa. Oleh itu, kaola juga sukacita mencadangkan supaya produk-produk 1K1P ini diusahakan secara *franchise* iaitu dengan mengenal pasti produk-produk unik yang mempunyai *demand* yang tinggi dan berpotensi untuk diusahakan dan dihasilkan secara bersama oleh pengusaha-pengusaha dalam skala yang besar.

Produk-produk tersebut bolehlah melalui proses pemilihan dan penilaian serta percubaan-percubaan berterusan dengan penambahbaikan dan dikongsikan produk-produk yang terpilih tersebut kepada pengusaha-pengusaha lain yang berminat untuk diusahakan bersama dan contohnya jika ia merupakan makanan, jadi ia akan diusahakan bersama dengan resipi yang sama dan cara pembuatan yang sama bagi memastikan keselarasannya dan jumlah hasil yang dihasilkan akan bertambah dan bagi memastikan kualiti yang lebih tinggi dan ia diterima ramai, setiap produk disahkan kehalalannya dengan Pensijilan Halal Brunei.

Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai *packaging product* yang telah dinaik taraf. Jadi, *packaging product* ini juga amat penting untuk menarik minat pengguna agar menepati piawaian serantau dan antarabangsa. Kejayaan

projek 1K1P ini adalah tertakluk kepada komitmen masyarakat selaku pengusaha. Oleh itu, bagi menarik minat pengusaha-pengusaha untuk mengikuti projek ini dalam skala yang besar, adalah amat penting untuk memberitahu atau memberikan pengetahuan jelas dan kesedaran kepada pengusaha-pengusaha mengenai kepentingan projek pada masa depan ekonomi mereka dan negara. Penjelasan yang telus dan terbuka mungkin akan menarik minat pengusaha-pengusaha tersebut mengikuti projek tersebut.

Memberikan bimbingan dari pelbagai aspek perekonomian, kewangan, pengedaran dan pemasaran produk dengan penglibatan agensi-agensi yang lain dan melibatkan juga kementerian-kementerian seperti Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk menyokong dan membantu pasaran dan promosi di luar negara.

Perkara kedua yang ingin kaola kemukakan di sini ialah mengenai Petunjuk Prestasi Utama *(KPI)* yang berkaitan dengan produk 1K1P yang terkandung dalam buku belanjawan iaitu peratus daripada jumlah keseluruhan usahawan 1K1P yang menyertai aktiviti dalam meningkatkan perekonomian masyarakat kampung dan sasaran bagi tahun 2024/2025 ialah 60%. Jadi pada pandangan kaola, jumlah penyertaan yang terdapat dalam *KPI* tersebut tidak mencerminkan peningkatan ekonomi. Peningkatan taraf hidup dinilai dari pendapatan yang diperolehi pengusaha hasil dari pengeluaran produk berkenaan. Oleh itu, kaola mencadangkan untuk masa akan datang supaya *KPI* ini diteliti semula dan dikemaskinikan lagi.

Seterusnya, kaola menyentuh mengenai ketersediaan prasarana bagi komuniti sebagaimana merujuk kepada pembentangan Yang Berhormat pagi tadi mengenai kerjasama dengan Kementerian Pembangunan berkaitan 13 tapak yang telah diwartakan untuk menggantikan tempat-tempat berjaja yang terletak di tepi-tepi jalan. Mengambil kira aspek keselamatan dan kesejahteraan penjaja-penjaja yang berkenaan, di samping memastikan persekitaran, kaola berharap agar projek penyelenggaraan dan penggantian tempat berjaja yang kurang kondusif ini diberikan keutamaan dan disegerakan.

Kaola mengambil contoh kawasan penjualan sayur-sayuran atau buah-buahan dan juga makanan yang terletak di tepi jalan di kawasan Pasar Ikan Jerudong dan juga Tamu Selera di Bandar Seri Begawan. Penaiktarafan segera tempat-tempat seperti ini dengan bangunan kekal yang besesuaian dan lebih kondusif akan memberikan keselesaan kepada masyarakat setempat dan mewujudkan persekitaran yang selamat dan bersih.

Para pengusaha juga mestilah ditekankan dengan tanggungjawab untuk menjaga kebersihan dan memelihara serta mengekalkan keadaan bangunan yang asal. Keadaan ini juga

akan memberikan gambaran yang baik kepada penduduk setempat dan para pelancong yang berkunjung ke negara ini mengenai pemedulian pihak kerajaan terhadap kebajikan dan kesejahteraan semua peringkat rakyat dan penduduk di negara ini.

Sekian, yang kaola kemukakan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat.

Ada beberapa soalan berkenaan dengan perusahaan *1K1P*. Kaola ada menyatakan sebenarnya bukan tidak bersetuju. Seramai 11 pengusaha diundang dan 1 pengusaha sahaja berkesanggupan ataupun menerima cadangan daripada *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.* Jadi, Kalau 'kitani' bercakap 'pasal' bisnes ini, kalau dulu *1K1P*, berkenaan *whatever one-dollar* dijual, *one-dollar* masuk ke poket. Tetapi dengan *collaboration* dengan *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.* ini, dengan *mass production*nya, ia memang *deduct* dari *segi operational cost*. Pemahaman dari segi *business dealing* ini sudah dibincangkan dengan pengusaha-pengusaha ini.

Kalau 'kitani' lihat kenapa alasan-alasan yang selalu diterima oleh pengusaha 1K1P, selalunya:

i. Mereka selalu merasa cukup dengan *profit* yang diterima yang buat di rumah ini.;

ii. 1K1P adalah hobi bukannya ia sebagai bisnes.;

iii. Tidak bersetuju dengan rundingan harga yang ditawarkan.; dan

iv. Tidak mahu *share* resepi ertinya seseorang punya resepi.

Peranan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memastikan *mass production* bagi mendapatkan punya *sales* yang besar adalah salah satu daripada aspirasi Kementerian. Sebagaimana yang kaola kongsikan, hampir 900 ribu daripada jualan-jualan yang dibuat oleh pengusaha 1K1P ini, seramai 160 pengusaha yang aktif seperti yang kaola kongsikan tadi *compared to* 2022. Jadi, inilah cabaran-cabaran dari segi *packaging,* memang tidak ada kos kepada pengusaha jika ia dilaksanakan oleh syarikat-syarikat berkenaan. Dari segi kehalalannya, memang akan dijamin kehalalannya lagipun dapur yang akan digunakan ini adalah *certified kitchen.*

Kaola juga menyarankan peranan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Penghulu Mukim dan Ketua Kampung untuk memastikan pengusaha 1K1P ini juga memahami aspirasi kementerian untuk menaikkan ekonomi atau taraf sara diri masing-masing.

Kalau 'kitani' membuat matematik, 900 ribu dibahagi dengan jumlah pengusaha. Jumlah pengusaha lain lagi, dalam 1 pengusaha mungkin dalam 5 orang ke 6 orang, dari segi *income* memang rendah. Ini inisiatif kementerian untuk melaksanakan kerjasama dengan *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.*

Ada produk yang telah dicadangkan bagi kerjasama, sebagai contoh di Daerah dan Brunei dan Muara 'Kuih kipang', buah nanas, keropok udang. Bagi MPK Tungku Katok kementerian akan membantu untuk mengembangluaskan perusahaan pertanian sepertimana di Daerah Tutong dengan kerepek ubi manis, produk sambal dan sebagainya.

Memang sudah ada beberapa produk yang dikenal pasti oleh *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.,* hanya penerimaan daripada pengusaha adalah sangat penting.

Berkenaan dengan 13 tapak ini, satu telah diwartakan kepada Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan 12 tapak lagi dalam proses. Sebanyak 7 tapak telah dibenarkan untuk *early development.*

Memang hasrat kementerian untuk memindahkan ke tapak-tapak ini. Tapak-tapak yang dipilih ini juga sudah dirundingkan dengan MPM/MPK dan bukannya pemilihan yang dibuat oleh kementerian. Ia sudah dirundingkan dan dikenal pasti tapak yang bersesuaian untuk pengusaha-pengusaha yang di tepi jalanan ini dan ehwal keselamatan diambil kira.

Ada juga Yang Berhormat menyentuh berkenaan Pasar Jerudong dan yang lain-lain dari segi kebersihan, yang sudah dalam penelitian kementerian mengenainya.

Berkenaan dengan *KPI* yang tidak mencerminkan peningkatan ekonomi, sebenarnya *based number* daripada jumlah *sales* tetapi kalau 'kitani' lihat *KPI* ini sebagai tanda aras. Kementerian meneliti sedalam-dalamnya, memikirkan adakah dengan mendapatkan jumlah *sales* itu boleh menaikkan ekonomi pengusaha tetapi jika dilihat dari segi matematik pun kalau dibahagikan kepada *total* pengusaha 1K1P ini, ia tidak besar.

Jadi, untuk mengembangkan produk 1K1P ini adalah salah satu cara untuk 'kitani' menaikkan taraf sara diri cuma alasan-alasan yang diberikan ini cukup dengan apa yang dijual, tidak mahu berkongsi *recipes.*

إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini akan kaola rundingkan dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mewakili zon-zon akan bagaimana 'kitani' memastikan penerimaan daripada pengusaha 1K1P ini dari segi ekonomi, mempelbagaikan produk dan sebagainya.

Berkenaan dengan Tamu Selera, memang masa ini dalam perancangan reka bentuk untuk 'mengusai', sudah dirundingkan bersama dengan peniaga-peniaga di sana untuk melaksanakan dari segi struktur kekalnya. Perkara ini tergendala dari segi *structure* disebabkan oleh beberapa perkara.

إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini ditangani oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan. Dari segi tapak tanah pun sudah dirundingkan dengan pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan yang tapak tanah di Tamu Selera pada masa ini di bawah kawalan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi, yang dapat kaola terangkan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi atas kesempatan yang diberikan kepada kaola untuk membincang Tajuk ini. Kaola juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah yang disampaikan dengan komprehensif berkaitan hala tuju serta usaha dalam mencapai pembangunan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Soalan pertama kaola adalah di bawah Tajuk SE01A dan Tajuk SE08A mengenai Petunjuk Prestasi Utama bagi Jabatan Daerah Tutong. Jumlah kutipan hasil projek perekonomian Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bagi tahun 2022/2023 telah memperlihatkan peningkatan ketara sebanyak 107.13% daripada sebanyak $191,983.84 kepada $397,653.55. Walau bagaimanapun, sasaran untuk tahun berikutnya kekal rendah iaitu dalam anggaran sejumlah $120 ribu ke $150 ribu. Adakah sasaran ini belum disemak untuk me*reflect* pertumbuhan ekonomi tersebut dan apakah faktor menyumbang kepada peningkatan ketara dalam hasil ini?

Seterusnya, kaola ingin menyentuh berkaitan dengan Majlis Perundingan Kampung (MPK), kampung-kampung yang berkembang maju sememangnya menyumbang ke arah dimensi ekonomi, sosial, alam sekitar dan budaya sekali gus memberi impak positif dan manfaat secara holistik di kawasan bandar mahu pun luar bandar. MPK memainkan peranan penting dalam memberi khidmat nasihat dan sokongan kepada Ketua Kampung melaksanakan program-program kemasyarakatan, meningkatkan kebajikan dan keselamatan kampung serta membantu negara dengan tugas-tugas kerajaan.

Kaola merasa gembira dan teruja melihat semakin ramai anak muda melangkah ke hadapan memegang jawatan sebagai Ketua Kampung dalam memberi impak signifikan terhadap kemajuan kampung dan negara. *Trend* ini bukan sahaja menghidupkan semula kepimpinan masyarakat tetapi juga menjanjikan pendekatan inovatif dalam menangani cabaran unik kampung kita.

Walau bagaimanapun, keberkesanan MPK perlu dipertingkatkan lagi melalui

bimbangan dan latihan yang lebih baik untuk ahli-ahli yang baharu dipilih, terutama atas dasar status dan tindakan mereka menjadi sukarelawan serta pembiayaan atau *funding* yang terhad.

Kaola mengambil baik mengenai maklumat yang dikongsi pagi tadi bahawa Rangka Kerja Kompetensi dan Kecekapan telah dirujuk untuk penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung. Oleh yang demikian, kaola juga ingin mencadangkan inisiatif yang sama untuk MPK iaitu dengan Buku Panduan *Standard* dan Program Induksi berstruktur bagi memastikan mereka dapat memenuhi peranan dan tanggungjawab dengan sebaik mungkin sekali gus mengukuhkan komitmen terhadap kesejahteraan dan pembangunan masyarakat.

Terakhir, mengenai warisan kulinari negara kita. 'Ambuyat' merupakan hidangan yang merangkumi jiwa bangsa kita namun kekal sebagai *hidden gem* di luar sempadan. Hidangan ini sangat tertanam dalam warisan kita yang dibuat daripada sagu dan mempunyai sejarah yang kaya sejak 800 tahun lalu yang didokumentasikan oleh Zhao RuKuo dari Dinasti Daerah Tutong dari Dinasti Song Selatan. Oleh kerana 'ambuyat' melambangkan tradisi makanan tempatan dan kemajuan dalam teknologi makanan, soalan-soalan kaola ialah:

1. Apakah usaha-usaha yang sedang dilakukan untuk meningkatkan profil 'ambuyat' di peringkat global serta menjadikan sebagai simbol Negara Brunei Darussalam yang diiktiraf di seluruh dunia?; dan

2. Dicadangkan pihak kementerian (MOHA) bekerjasama dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjadikan Kampung Ukong sebagai kawasan utama dan tumpuan bagi pengeluaran atau *production* 'ambuyat' sebagai hab pelancongan yang dinamik. Pembangunan dan perubahan ini akan mengetengahkan inovasi sagu dan menawarkan penerokaan yang autentik mengenai kepentingan budaya dan tradisi makanan Brunei. Dengan mempromosikan 'ambuyat' dan Kampung Ukong bukan sahaja dapat memperkaya dan meningkatkan lagi sektor pelancongan di Negara Brunei Darussalam tetapi jua meraikan dan memelihara warisan budaya kita yang unik untuk generasi akan datang.

Sekian, terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat berkenaan soalan-soalan dan saranan.

1. Berkenaan peningkatan hasil. Faktor yang menyumbang kepada peningkatan hasil perekonomian 1K1P adalah dari segi bertambahnya *platform*, perekonomian yang telah

memberi peluang kepada penyertaan pengusaha-pengusaha.

Sebagai contoh, hasil pendapatan ini didapatkan secara bulanan melalui jualan *expo* pameran dan jualan yang disertai oleh para pengusaha, lawatan ke produk yang menyumbang kepada aktiviti perekonomian, Program Kebeliaan 3K, Tamu Mingguan 1K1P, Tamu Bulanan MPK dan sebagainya Yang Berhormat Pengerusi, maka Majlis Perundingan Mukim dan Kampung jua aktif mengadakan aktiviti perekonomian seperti Tamu Bulanan, Pesta Buah-Buahan dan sebagainya serta jualan produk yang diadakan di tempat masing-masing. Itulah faktor yang meningkatkan hasil-hasil daripada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.;

2. Berkenaan saranan daripada Yang Berhormat dari segi menyediakan Panduan MPK Industri diterima baik. Sebagai contoh jua, *Human Resources Committee Framework* bagi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung ini boleh dilaratkan kepada Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Sebagaimana jua *core business* Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini bukan sahaja untuk 'meliati' Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, malah seluruh masyarakat di kampung-kampung berkenaan. Kementerian mengalu-alukan mana-mana Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang berhasrat dari segi *Human Resources Committees Framework* dan memandangkan jua Petunjuk Prestasi Utama (*KPI*) Penghulu Mukim dan Ketua Kampung telah diperkenalkan, maka peranan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung jua untuk melihat perkembangan MPM/MPK. إِنْ شَاءَ اللهُ , kementerian sentiasa secara terbuka sama ada dari segi Muzakarah yang kaola kongsikan tadi dan jua sesi Muzakarah antara Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dengan pegawai-pegawai daerah di tempat masing-masing.;

3. Berkenaan kulinari. Macam 'manakan' membuat 'ambuyat' *well known* kepada antarabangsa. Satu saranan yang baik Yang Berhormat Pengerusi untuk 'kitani' mempromosikan kulinari tempatan 'kitani'. Sebagai contoh, 'ambuyat' sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Memang perkara ini sudah semasa lawatan kementerian dengan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, untuk mengetahui peluang-peluang bagi meningkatkan perekonomian kampung sebagai rakan strategik sebagai contoh yang dibangkitkan ialah 'ambuyat' tadi. Kaola mengongsikan, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Ukong Daerah Tutong, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Batu Apoi Daerah Temburong, memang dua majlis perundingan pengusaha 'ambulung', Yang Berhormat Pengerusi.

Lawatan kaola kedua-dua tempat Kampung Batu Apoi, sebagai contoh jua, Kampung Batu Apoi pada masa ini dalam fasa untuk mendapatkan mesin yang lebih bersesuaian dan pada masa ini di Kampung Ukong, pembinaan kilang pembersihan 'ambulung' yang baharu mempunyai tapak yang luas dan mendapatkan hasil sagu. Ini jua pernah disuarakan sama ada boleh berkolaborasi, sebagaimana jua saranan daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, berkenaan berkongsi sama dari segi resipinya. Ini boleh jua, mungkin Kampung Batu Apoi boleh membekalkan rumbianya dan di Kampung Ukong ada kilang yang besar yang akan dibina, mungkin boleh jadi satu produk Negara Brunei Darussalam yang boleh dipasarkan secara domestik dan global. Itu boleh bekerjasama, *between* Majlis Perundingan Kampung berkenaan. Pihak kementerian menyokong apa saja kolaborasi yang boleh meningkatkan perekonomian sesebuah kampung itu.

Itu saja, Yang Berhormat Pengerusi daripada kaola, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه, dan salam sejahtera.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, atas mukadimah yang panjang lebar pagi tadi dan tahniah atas inisiatif dan usaha-usaha yang telah dijalankan.

Pada masa ini terdapat peningkatan jumlah anjing, monyet dan buaya yang terbiar di sana sini. Ini telah menimbulkan kebimbangan ketara terhadap keselamatan dan kesejahteraan awam terutama di kawasan-kawasan perumahan.

Haiwan liar yang berkeliaran di tempat awam boleh membawa kepada pelbagai isu di samping keselamatan dan juga menimbulkan risiko kesihatan. Buaya ini dapat dilihat di pantai, sungai dan juga longkang besar berdekatan kediaman yang pada dahulunya tidak kedengaran.

Pertubuhan Bukan Kerajaan seperti *Sejahtera Community Brunei* dan *Post-Up* menggunakan strategi program *Trap-Neuter-Return* (*TNR*) untuk menangani bilangannya iaitu mengembirikan anjing liar tersebut dan melepaskannya balik.

Sepertimana yang kaola difahamkan, program ini juga bergantung pada dana daripada orang awam untuk berfungsi. Tetapi, sebalik usaha mereka terdapat cabaran yang menghalang pengurangan

bilangan haiwan khususnya anjing di merata-rata tempat.

Kaola mengambil maklum Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah memulakan operasi pemindahan anjing liar dan terbiar secara berperingkat dan telah menubuhkan Pusat Perlindungan Haiwan untuk menempatkan anjing liar yang dipindahkan dari tempat awam termasuklah masjid, sekolah, pasar malam dan pusat membeli belah. Telah dijelaskan pagi tadi, sebanyak 13 ekor anjing telah ditangkap, walau bagaimanapun, kaola mohon pencerahan dan penjelasan lebih lanjut mengenai kapasiti tempat perlindungan.

Kebimbangan telah dibangkitkan oleh orang ramai berhubung muatan pusat perlindungan itu iaitu hanya menampung sebanyak 150 ekor anjing liar untuk menyimpan anjing liar di pusat perlindungan tersebut. Daripada apa yang kaola sebutkan di atas, tempat perlindungan anjing ini jelas tidak mencukupi. Apakah usaha-usaha kementerian seterusnya untuk menempatkan anjing yang masih berkeliaran bukan sahaja di tempat awam sepertimana kaola sebutkan tadi tetapi juga di kawasan perumahan? Adakah anjing jantan dan betina diasingkan untuk mencegah pembiakan anjing tersebut dan di samping itu untuk mencegah penularan *rabies*? Adakah anjing yang di tempat perlindungan tersebut dikembirikan agar mengurangkan bilangan anjing berkenaan? Seterusnya, anjing liar ini besar kemungkinan akan membawa penyakit *rabies*, jadi apakah langkah-langkah pencegahan agar penyakit ini tidak berlaku dan merebak dengan luas? Akhirnya, apakah rancangan jangka panjang kementerian dalam menguruskan bilangan haiwan liar seperti anjing, buaya dan monyet?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat berkenaan dengan soalan yang diajukan.

Jumlah anjing yang dalam *national shelter* bukan sebanyak 13 ekor tetapi 31 ekor. Pada masa ini kementerian ada membuat 54 buah sangkar penangkapan anjing. Dari segi kapasiti, 1 *shelter* itu boleh memuatkan sebanyak 150 ke 200 ekor anjing. Ini bukan sahaja ditempatkan di sana Yang Berhormat Pengerusi, pihak kementerian juga menawarkan kepada yang mahu memelihara anjing-anjing ini sama ada untuk menjaga kebunnya ataupun untuk menjadi binatang peliharaan kepada yang berkenaan. Jadi, soalan lain berkenaan dengan adakah anjing betina dan jantan ini disatukan di tempat yang sama? Jawapannya tidak. Ia diasingkan juga untuk memastikan tiada pembiakan anjing ini dan juga إِنْ شَاءَ اللهُ memang bekerjasama dengan *NGO's*, Sejahtera dan *Post Up* untuk menangani isu anjing ini.

Kalau kita lihat memang dikembirikan dan dilepaskan. Isu yang timbul bukan disebabkan ia tidak membiak, tetapi disebabkan oleh anjing itu sendiri yang menyerang *public*. Jadi, inilah usaha kementerian untuk memberikan satu *knowledge* kepada *public* ini bagaimana menangani ataupun berhadapan dengan anjing ini untuk memastikan supaya tidak ada serangan oleh anjing ini.

Kebanyakan yang abiskaola terima adalah disebabkan oleh binatang ini "disergah", ia ada cara pertahanannya sendiri. Jadi, itulah yang membuatkan anjing menyerang. Kementerian melalui lembaga-lembaga bandaran dan jabatan-jabatan daerah membuat keputusan untuk menangkap anjing ini dan tidak akan dilepaskan. Ia akan disimpan di *national shelter* untuk memastikan keberadaan anjing di kawasan *hotspot* ini terutama sekali di tempat orang beriadah akan berkurangan.

Tetapi, dari segi penjagaannya, memang mengikut standard piawaian yang tertentu yang diguna pakai oleh *NGO's* yang sudah lama mengendalikan isu anjing liar ini.

Berkenaan dengan *rabies*, ia di bawah kawalan *MPRT Zoonatic Task Force* bekerjasama dengan tiga kementerian iaitu Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Perkara ini *Zoonatic Task Force, joint taskforce* telah mengeluarkan siaran akhbar pada 19 Ogos 2023 mengenai kes jangkitan *rabies* di Miri, Sarawak dan memaklumkan bahawa tiada kes jangkitan *rabies* dalam kalangan manusia ataupun haiwan telah direkodkan di Negara Brunei Darussalam.

Jadi, Negara Brunei Darussalam adalah *rabies free* tetapi dikelilingi oleh negara-negara yang *rabies* berstatus endemik. Jadi, dari segi pengetahuan dari masa ke masa memang dilaksanakan.

Dari segi *shelter,* kalau sekiranya ada memerlukan *shelter* untuk dibuat lagi kementerian akan melaksanakannya. Kaola mengambil kesempatan ini juga untuk memaklumkan bahawa pemilik anjing di Negara Brunei Darussalam mestilah mendaftarkan anjing mereka seperti yang diperuntukkan di bawah Bab 2 Akta Anjing Penggal 60 dan anjing yang didaftarkan akan diberikan label logam bernombor.

Jika pemilik anjing gagal mendaftarkan anjing mereka, jika sabit kesalahan akan dikenakan denda sejumlah $250 atau jika gagal membayar akan dipenjara selama 14 hari. Jadi, pada masa ini Program Melesen Anjing-Anjing sudah berjalan dan إِنْ شَاءَ اللهُ mana-mana anjing yang telah didaftarkan dulu akan dipersoalkan keberadaan anjing berkenaan. Pihak kementerian dan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan akan membuat penelitian terhadap permohonan lesen baharu ini dan lesen lama yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Bandaran. Adalah menjadi peranan setiap pemilik untuk

juga membantu pihak kerajaan untuk memastikan kemaslahatan masyarakat terjaga.

Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin berkenaan soalan terhadap buaya dan juga monyet liar.

Sebenarnya, kedua-dua perkara itu adalah di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Berkenaan dengan masalah buaya pada masa ini diakui bahawa masalah buaya ini semakin serius, bukan sahaja di negara ini malah di negara jiran 'kitani'.

Jadi, setakat ini أَلْحَمْدُ لِلّٰه *we have effort* di bawah Unit Divisyen Hidupan Liar telah giat untuk mengawal keadaan ini. Setakat ini, sebanyak 57 ekor buaya telah pun ditangkap hasil daripada aduan dan juga penglihatan orang ramai. Dari tahun 2023 hingga hujung Februari 2024, sejumlah 57 ekor buaya telah pun ditangkap. Berkenaan dengan inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan ada beberapa inisiatif telah diambil, selain mengadakan *roadshow* dan juga pemasangan papan-papan tanda di kawasan keberadaan buaya. Pihak Jabatan Perhutanan, Bahagian Hidupan Liar mengadakan Program Tangkap Buaya Bersama, program ini melibatkan anak-anak kampung dan juga pihak Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan dengan kerjasama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Pasukan Polis Diraja Brunei untuk membuat tangkapan di bawah 'Program Tangkap Buaya Bersama'. Setakat ini yang melibatkan Kampung Air sebanyak 51 'jail' telah dipasang yang menghasilkan 6 ekor buaya telah ditangkap.

Selain itu, Kementerian Sumber-Sumber Utama, iaitu di bawah Bahagian Hidupan Luar, Jabatan Perhutanan juga sedang berusaha untuk mengambil *experts* untuk menangkap buaya ini, dan hasil daripada tangkapan itu akan disimpan di bahagian santuarinya di Kampung Sinaut, Daerah Tutong untuk dikumpulkan agar ia tidak lagi berkeliaran.

Hopefully dengan adanya *experts* akan dapat lebih efektif lagi *in terms of* penangkapan buaya terutama sekali di kawasan yang berhampiran dengan penduduk-penduduk, orang ramai ataupun orang kampung. Di samping itu, terdapat juga satu Program Kajian Populasi Buaya sedang diadakan. Buat masa ini sudah dibuat di Sungai Brunei dan akan dilaratkan ke Sungai Tutong, Sungai Belait dan Sungai Temburong. *Once* sudah kajian populasi buaya ini selesai, *we will be able to establish whether* ia *endangered* ataupun sudah

menular *population*nya. Jika sekiranya terbukti bukan lagi pada tahap *endangered,* kita oleh membuat *culling*. Dari sana, kita akan dapat membuat *exemption* dari *regulation* dan kemudian menjual hasil-hasil daripada kulit buaya itu secara komersial. إِنْ شَاءَ اللهُ projek ini akan siap dalam masa setahun lebih lagi.

Berkenaan monyet liar, terdapat masalah kekurangan makanan dan juga habitat yang telah musnah di kawasan bandar dan jua tempat kediaman. Inilah satu *reason why* banyak monyet tersebut mencari makan di tong-tong sampah, kadang-kadang mencuri makanan.

Jika sekiranya ada masalah ini, ia akan ditangani melalui penangkapan monyet liar tersebut dan kemudian dipindah ke kawasan yang sesuai. Itulah inisiatif yang dibuat pada masa ini oleh pihak Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ada lagi *input* lain untuk mengurangkan bahaya buaya ataupun monyet yang berkeliaran di kampung-kampung ini? Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya kira cukup sekian kita berunding di Peringkat Jawatankuasa, maka saya cadangkan kita beralih pula ke Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin mencadangkan supaya persidangan kita ini ditangguhkan dan kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 4 Mac 2024, mulai pukul 2:00 petang.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Isnin, 23 Syaaban 1445 / 4 Mac 2024

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross

(Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak Hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak Hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak Hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak Hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak Hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak Hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau - Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 2.00 petang)

Yang Mulia Jurutulis:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari kelima, pada hari ini Isnin, 23 Syaaban 1445 bersamaan 4 Mac 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه أَلْحَمْدُ لِلّه kita bersyukur ke hadrat أَللّه سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga kita dapat bersama-sama hadir pada petang ini dan bersidang bagi hari yang kelima di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang tersebut, saya tangguhkan persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan persidangan ini akan diadakan di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya

bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan pada hari Sabtu yang lepas, kita telah mula membahaskan dan meneliti Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatannya.

Bersama saya di sini masih terdapat senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membahaskan tajuk kementerian yang berkenaan ini. Senarai ini agak panjang jadi saya minta kalau dapat Ahli-Ahli Yang Berhormat mengehadkan pertanyaan-pertanyaan kepada perkara-perkara yang terdapat dalam tajuk-tajuk yang berkenaan agar kita tidak terkeluar daripada perbincangan yang sebenarnya.

Yang keduanya, saya minta soalan-soalan yang sudah pun ditanyakan terdahulu dan dijawab dengan jelas dan terang oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pada hari yang lalu tidaklah perlu dibawa lagi semula. Ini akan membolehkan kita menjimatkan masa dan kita akan dapat *progress* dengan lebih rancak lagi untuk meneliti tajuk-tajuk berikutnya iaitu kementerian-kementerian yang berkenaan.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

dan salam sejahtera. Terima kasih Pengerusi, lebih dahulu kaola ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas pembentangan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 dan menyambut baik dalam segala perancangan dan kemajuan yang semakin meningkat dalam sosioekonomi serta kepimpinan di peringkat akar umbi mukim dan kampung.

Kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas inisiatif Yang Berhormat dalam menganjurkan dan ikut terlibat secara aktif bermuzakarah bersama penghulu mukim dan ketua kampung, agensi-agensi yang tertentu dan bagi kempen-kempen serta acara-acara yang melibatkan akar umbi seperti kelmarin dalam Kempen Membersihkan Kubur yang diadakan di kawasan Sengkurong, Daerah Brunei dan Muara.

Acara seperti ini menjadikan pemimpin-pemimpin lebih bersemangat untuk menjalankan tugas tanggungjawab dan menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap tanggungjawab sosial serta memberikan contoh yang baik.

Semoga usaha ini memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat dan menjadi inspirasi untuk amalan-amalan

positif yang lain. Kaola ingin menyuarakan beberapa cadangan berkaitan dengan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Menurut skim tersebut, perkhidmatan penghulu mukim dan ketua kampung boleh berjalan sehingga 10 tahun tertakluk kepada Penilaian Prestasi Kerja bagi perkhidmatan 5 tahun pertama.

Walau bagaimanapun, selepas tempoh perkhidmatan 10 tahun, penghulu mukim dan ketua kampung tersebut akan dikehendaki untuk melalui proses pencalonan dan pengundian jika sekiranya mereka mahu meneruskannya. Tidak dinafikan perkara ini baik ke arah mempelbagaikan pemimpin di dalam mukim/kampung dan memberi peluang kepada yang lain untuk memimpin.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian terhadap *career progression* penghulu mukim dan ketua kampung kerana mereka perlu merancang kerjaya mereka jika sekiranya mereka tidak dipilih. Terutamanya dalam hal kewangan untuk komitmen peribadi dan sebagainya. Manfaat yang dinyatakan dalam skim tersebut juga kurang jelas kerana terdapat manfaat atau *benefit* yang berbeza untuk perkhidmatan yang berlainan yang menjadikan agak sukar untuk merancang kewangan dan komiten peribadi mereka sendiri.

Dalam hal ini, kaola ingin mengemukakan beberapa cadangan, sebagai contoh bagi pemohon di bawah umur 40 tahun perkhidmatan selama 20 tahun atau lebih boleh dipertimbangkan agar mereka dapat merancang persaraan mereka dengan lebih baik dan dengan pengalaman yang luas dan lebih lama ini sekurang-kurangnya mereka boleh mencari peluang kerjaya lain di bawah kementerian atau jabatan lain. Pemimpin dalam kalangan belia merupakan masa depan kita dan walaupun mereka kurang pengalaman melalui *mentorship* perkara ini masih lagi boleh dipertimbangkan.

Kita dapat melihat banyak peningkatan daripada penghulu mukim dan ketua kampung dalam kalangan belia pada masa ini dengan penyertaan aktif mereka dan tindakan yang diambil untuk menjadikan kampung mereka lebih baik dan selesa bagi penduduk kampung. Kita juga mengetahui bahawa memang susah untuk mendapatkan penyertaan dari golongan belia yang sebenarnya merupakan pemimpin masa depan bagi negara ini.

Mereka berfikir mengenai masa depan kerjaya mereka selepas menjadi penghulu mukim atau ketua kampung. Malahan sehingga tiada calon yang dapat dipilih kerana ketiadaan pemohon untuk menjadi ketua kampung menyebabkan banyak kekosongan ketua kampung pada masa ini sehingga ketua kampung lain terpaksa memangku jawatan tersebut.

Oleh itu, diharapkan dengan skim yang dirancang dengan lebih baik dan latihan yang sewajarnya pemimpin masa depan

ini dapat dilengkapi untuk menjaga kampung dengan lebih baik. Di samping itu juga, boleh berpindah ke jabatan lain selepas pengalaman yang lebih lama memegang jawatan itu dengan kelayakan dan latar belakang yang sesuai. Sekian dan terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan-cadangan yang baik untuk diterima pakai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berkenaan dengan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini akan diteliti di peringkat kementerian sebagaimana juga hasrat untuk menarik para belia untuk menjawat jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Buat masa ini, itu sahaja, yang dapat kaola jawab Yang Berhormat Pengerusi. Perkara ini akan diteliti di peringkat kementerian. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّ لْحَمْدُ لِلّٰه
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah yang setinggi-tingginya atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang sangat jelas tentang tindakan, perancangan dan hala tuju Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada hari Sabtu yang lepas.

Yang Berhormat Pengerusi, أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola menyambut baik penjelasan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai adanya peruntukan bagi pembaikan jambatan-jambatan di Kampung Air dan juga akan dinaik taraf menjadi jambatan konkrit.

Kaola jua merasa sudah tiba masanya perkara tersebut dilaksanakan kerana dengan pembinaan jambatan-jambatan konkrit itu nanti akan lebih memberi keselesaan kepada penduduk Kampung Air dan juga kepada para pelancong yang datang. Kaola jua mencadangkan agar jeti-jeti juga perlu diperbaiki kerana sebahagian besarnya sudah rosak dan sebahagiannya tidak dapat digunakan lagi.

Selain itu, dengan membina jambatan konkrit itu nanti akan dapat menampung beban yang berat iaitu paip-paip air yang besar, kabel-kabel elektrik dan sebagainya berbanding dengan kekuatan jambatan kayu yang ada sekarang.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola juga ingin menyentuh mengenai dewan kemasyarakatan di mukim-mukim yang pada dulunya dengan tujuan memberi kemudahan kepada penduduk mukim dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kampung dan mukim seperti aktiviti perekonomian, kesukanan dan kemasyarakatan. Dewan-dewan tersebut sering disewa bagi majlis-majlis perkahwinan sehinggakan ada yang terpaksa menempah lebih awal, ada yang memakan masa selama lebih daripada setahun untuk mendapatkan dewan tersebut.

Sehubungan itu, apakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk terus membina dewan-dewan kemasyarakatan di mukim-mukim yang belum memilikinya. Melihat kepada permintaan penduduk mukim yang begitu memerlukan, kaola ingin mencadangkan supaya pembinaan-pembinaan dewan kemasyarakatan dilaksanakan mengikut keutamaan kepada mukim-mukim yang mempunyai penduduk yang lebih ramai dan yang telah mempunyai *gazette* tanah bagi pembinaan dewan tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi, sebagaimana juga yang kita maklum, salah satu tugas ketua-ketua kampung ialah melaksanakan Pembayaran Pencen Umur Tua dan Bantuan Kebajikan. Setentunya, mereka membawa dan menyimpan wang yang berjumlah besar mengikut jumlah keramaian penerima di kampung masing-masing dan pembayaran biasanya dilaksanakan sehingga berhari-hari. Jadi, keadaan ini sering menimbulkan perasaan tidak tenteram kerana bimbang akan keselamatan wang yang diterima termasuk keselamatan diri. Oleh itu, apa yang ingin kaola tanyakan, apakah inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menjaga kesejahteraan dan keselamatan mereka ini? Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga Yang Berhormat.

Berkenaan jambatan konkrit, itu adalah salah satu daripada perancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui jabatan-jabatan daerah untuk memastikan keselesaan penduduk Kampung Air dan juga untuk memastikan perancangan *long term*. Kalau 'kitani' lihat, untuk membina jambatan kayu, setelah sekian tahun memang akan 'mumut' dan terpaksa diganti. Itu perancangan jangka masa panjang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan daerah.

Berkenaan dewan kemasyarakatan, perkara ini pernah dibangkitkan semasa Majlis Mesyuarat Negara Ke-19, adakah keperluan untuk membina dewan-dewan kemasyarakatan ini, memang diambil maklum bahawa keperluan dewan kemasyarakatan ini diperlukan oleh penduduk mukim dan kampung.

Jadi, perkara ini akan diteliti sehalus-halusnya. Kalau 'kitani' lihat juga, ada *business community* menyediakan dewan-dewan untuk majlis-majlis perkahwinan. Perkara ini perlu juga disesuaikan keadaannya, bukan 100% di*supply* oleh kerajaan, ertinya *this community* ada *income* 'bisdiorang' juga. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat.

Berkenaan pembayaran Pencen Umur Tua dan apa perancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri,yang pertama, perkara ini telah dibincangkan dengan salah sebuah jabatan keselamatan untuk membekalkan beg-beg kepada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung. Pada masa ini, sebanyak 10 buah beg untuk penghulu mukim dan ketua kampung telah dibekalkan dan selebihnya akan dibekalkan nanti.

Yang kedua, berkenaan pembelian Insurans Berkelompok untuk memastikan penghulu mukim dan ketua kampung yang membawa duit selamat dan juga insurans 'bisdiorang' akan di*insured* dengan Insurans Berkelompok bagi setiap penghulu mukim dan ketua kampung إِنْ شَاءَ اللهُ pada Tahun Kewangan yang akan datang.

Itu sahaja, yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Seterusnya, saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم,
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas pembentangan Peruntukan Tahun Kewangan 2024/2025 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan dengan panjang lebar mengongsikan tindakan dan pencapaian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara keseluruhannya dengan penekanan kepada tiga fokus utama iaitu Keselamatan dan Kesejahteraan, Transformasi Pembangunan Bandar dan Daerah dan Tadbir Urus yang Baik.

Yang Berhormat Pengerusi, sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab dalam menjaga kesejahteraan rakyat dan penduduk sama ada di bandar atau di kampung-kampung, setentunya memerlukan satu *network* hubungan yang efisien melalui institusi mukim dan kampung yang apa juga perkara mengenai penduduk dan rakyat di mukim dan kampung dapat disalurkan.

Selain melantik penghulu mukim dan ketua kampung yang berwibawa dan mempunyai kualiti kepimpinan, perlu juga mereka diperkasa dengan keupayaan untuk menangani masalah keperluan mukim dan kampung dan permasalahan anak buah tanpa menunggu respons yang lama daripada mana-mana pihak yang berkenaan. Banyak masalah orang ramai yang dimaklumkan kepada 'abiskaola' dan dinasihatkan untuk merujuk kepada ketua kampung dan ketua kampung telah pun mengambil tindakan yang bersesuaian menghadapkan ke pihak-pihak tertentu, tetapi setakat itu sahaja.

Apa yang dihadapkan, seperti permohonan bantuan kewangan bagi keluarga yang miskin, kadang-kadang ada yang melaporkan tidak ada duit dapur untuk keperluan seharian, keperluan tempat tinggal dan membaiki rumah, tempat tinggal yang tidak selamat, hampir runtuh, ada yang senget dan sebagainya. Tidak ada tindakan segera diambil dari pihak yang berwajib. Kadang-kadang, begitu lama menunggu giliran untuk rumah dibangunkan sedangkan membangun rumah dalam beberapa buah sahaja dalam setahun, jadi menunggu memang lama.

Mungkin perlu diwujudkan mekanisme yang bantuan dapat disalurkan segera. Jika belanja dapur bolehlah *same day* tetapi kalau bantuan-bantuan lain mungkin dipertimbangkan dalam waktu yang sederhana panjangnya tanpa menunggu lama agar masalah yang mereka hadapi tidak berlarutan.

Kaola rasa kesegeraan *(expediency)* kita menangani masalah ini adalah sebagai *litmus test* kejayaan kita menjaga kesejahteraan rakyat. Setentunya mesti ada *accountability* agar tidak disalah guna oleh mana-mana pihak.

Yang Berhormat Pengerusi, dalam pembentangan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, kaola kurang pasti di bawah peruntukan mana, tranformasi bandar dan masalah bangunan-bangunan kerajaan yang kosong, yang tidak selamat dan terbiar, boleh ditangani. Sebagai usaha untuk mencantikkan kawasan bandar, kaola rasa bangunan kerajaan seperti ini perlu dihapuskan untuk memberi ruang kepada pembangunan baharu.

Kaola juga mendapati, tidak jelas di bawah mana peruntukkannya, perkara-perkara ini boleh ditangani. Adakah bangunan-bangunan yang terbiar dan tidak selamat ini akan menjadi pemandangan yang kekal *(permanent sights)* di keempat-empat daerah? Setentunya ini tidak membawa imej yang baik kepada negara dan satu kerugian dari segi nilai penggunaan tanah *(land use)* di kawasan yang boleh di*consider* sebagai *prime area.*

Kaola berpendapat *whole of nation* dan *whole of government approach* boleh menyelesaikan masalah ini dan juga secara langsung tanah-tanah yang terbiar. Banyak potensi untuk tanah-

tanah yang terdapat bangunan-bangunan seperti ini boleh dimajukan oleh pelabur asing *(Public Private Partnership).* Mungkin perlu jika belum ada, satu *task force* terdiri daripada pihak kerajaan dan swasta untuk meneliti penggunaan tanah-tanah seperti ini untuk memberi nilai ekonomi yang lebih tinggi.

Kaola juga ingin bertanya jika undang-undang dan peraturan yang mengawal penggunaan tanah di kawasan bandar dapat dikaji dan dipermudahkan untuk tujuan-tujuan komersial. Jika kita tinjau pembangunan ataupun *transformation* yang kita bicarakan dan bincangkan ini, di kawasan-kawasan bandar tidak banyak yang berkembang.

Juga kaola rasa, dasar *ease of doing business* belum nampak dilaksanakan secara nyata untuk membantu perkembangan bandar sebagai kawasan komersial. Apa yang kita maklum, disebaliknya semakin sukar untuk berurusan dengan pihak kerajaan. Jika syarikat tempatan mendapati sedemikian, apa lagi syarikat-syarikat atau pelabur-pelabur dari luar negara yang kurang memahami undang-undang dan peraturan tatakerja negara ini.

Seterusnya, kaola ingin menyentuh mengenai Anggaran Perbelanjaan Kemajuan di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Kaola mengambil maklum bahawa peruntukan sebanyak $12 juta telah pun disediakan di bawah RKN-12 untuk menaik taraf Pos-Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujuh, Labu, Kuala Lurah dan Ujung Jalan. Kaola kurang pasti sama ada peruntukan ini mencukupi untuk mendirikan bangunan kekal, tetapi أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola berpendapat sekurang-kurangnya dapat menaik taraf bangunan yang sedia ada.

Sementara itu, kerja-kerja kecil tentu dapat dibuat bagi membaiki dan mencantikkan bangunan yang ada sekarang daripada nampak terbiar dan seolah-olah tidak dipeduli akan keadaannya dan ini termasuklah jendela tempat menyerah pasport untuk dicop. Bagi yang selalu melalui melintasi sempadan mungkin tahu keadaan pos-pos kawalan tersebut.

Jadi, kaola merasakan ini bukanlah satu perkara yang sukar untuk 'membisaikan', hanya memerlukan peruntukan yang kecil bagi 'mengusainya'. Perkara ini mungkin remeh dilihat, hari-hari 'kitani' melintas dibiarkan sahaja tetapi jika dibiarkan, ia akan memberikan *black eye* kepada negara. Ini termasuklah kemudahan tandas awam yang tidak bersih dan sering rosak. Kaola juga berharap masalah *queue* yang panjang di sempadan-sempadan negara dapat diatasi bagi kelicinan Pos-Pos Kawalan Imigresen Negara Brunei Darussalam.

Mungkin ini dapat diatasi dengan menambah pegawai imigresen semasa *peak season* yang tidak dapat dielakkan jika orang ramai membuat perbandingan akan perkhidmatan dan kemudahan yang diberikan oleh Pos-Pos Kawalan

Imigresen, Negeri Sarawak dan Negeri Sabah, Malaysia.

Yang Berhormat Pengerusi. Kita tidak harus membiarkan orang awam mengatakan isu-isu negatif dan mempersendakan perkhidmatan yang kita berikan. Kredibiliti dan kewibawaan kerajaan mesti dipertahankan daripada cemuhan orang ramai.

Sebab-sebab orang 'kitani' banyak berkunjung ke negara jiran apabila musim ataupun hujung minggu sudah 'kitani' ketahui tapi apakah usaha pihak kerajaan untuk menarik orang berbelanja di negara sendiri. Apa pula usaha pihak kerajaan untuk menarik orang asing ke Negara Brunei Darussalam? *It should be a two-way traffic*.

Yang Berhormat Pengerusi. Mungkin kita perlu menelitinya secara strategik di peringkat *national* dengan pendekatan *Whole Of Nation* atau *Whole Of Government* untuk mengawalnya sebelum keadaan semakin merugikan kita.

Dulu, kita pernah mengatakan mengenai *push and pull factor*. Dengan perkembangan yang semakin rancak di negara jiran, *the pull factor* menyebabkan rakyat Negara Brunei Darussalam ke luar negara semakin kuat. Kita sudah sepatutnya bertindak kerana ini adalah *issue of nation's concern* yang perlu penyelesaian segera. Kalau tidak, negara kita akan berterusan *contributing* kepada kemajuan dan pertumbuhan negara lain tanpa timbal balik dan *we keep on contributing,* minta maaf, Yang Berhormat Pengerusi, berbahasa Inggeris sedikit, *we keep on contributing to the growth of neighbouring areas* sedangkan *our own places become* sepi semasa musim cuti.

Yang Berhormat Pengerusi. Sekian sahaja yang ingin kaola sentuh mengenai perbincangan tajuk ini. Kaola harap apa sahaja yang kaola nyatakan diambil positif untuk kita sama-sama memikirkan dan bertindak bagi menyelesaikan masalah-masalah yang masih ada dan juga mendukung Tema "Bersatu Membina Masa Depan yang lebih Makmur". آمِيْنُ

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan dan saranan-saranan yang kaola fikir memang memerlukan *Whole Of Government, Whole Of Nation Approach* Yang Berhormat Pengerusi.

Salah satu soalan yang dikemukakan iaitu hubungan yang efisien. Memang tugas penghulu mukim dan ketua kampung ini adalah orang yang awal sekali 'diaga' oleh orang kampung jika ada masalah termasuk golongan yang susah. Jadi, perkara ini juga turut memerlukan bantuan daripada Yamg Berhormat rakan kaola yang lain sebagai contoh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dari segi

pembangunan hal- ehwal masyarakat untuk menerangkan dari segi bantuan-bantuan ini. Sebagai contoh, terdapat penghulu mukim dan ketua kampung yang menghulurkan duit sendiri untuk 'membelanjai' orang kampung masing-masing.

Itu adalah sebagai ihsan daripada penghulu mukim dan ketua kampung sendiri juga. Jadi, itulah yang dapat dilaksanakan oleh penghulu mukim dan ketua kampung dan إِنْ شَاءَ اللهُ jawapan tambahan akan ditambah oleh Yang Berhormat rakan kaola.

Berkenaan dengan peruntukan tranformasi bangunan, sebenarnya bangunan-bangunan kerajaan yang kosong ini ada satu jawatankuasa yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Jadi, mana-mana bangunan yang kosong akan diserahkan kepada kerajaan bagi kegunaan lain. Yang Berhormat Menteri Pembangunan boleh jua membantu untuk menjawabnya.

Dari segi peruntukannya sebagaimana yang pernah ditanyakan pada hari Sabtu, berkenaan dengan *BSB Masterplan* sudah kaola terangkan seperti di Bandar Seri Begawan, kebanyakannya adalah tanah-tanah milik orang persendirian, sama seperti di tempat-tempat yang lain.

Jadi, itu sahaja yang Berhormat Pengerusi dari segi transformasi bandar sama ada 'kitani' mahu bandar 'kitani' *vibrant* ia melibatkan juga *business community* untuk memajukan bandar-bandar ini seperti contoh Bandar Seri Begawan, 'pembisaian' di tebing Sungai Brunei sudah dilaksanakan sama ada *business community* untuk mengembangmajukannya dan mengadakannya sebagai *business center* ataupun tapak restoran-restoran yang boleh 'diaga' oleh pelancong-pelancong.

Persoalannya tadi, macam mana 'kitani' boleh *attract* pelancong asing ke Negara Brunei Darussalam. 'Kitani' harus lihat macam mana mereka *attract* rakyat 'kitani' ke negara 'bisdiorang' sama ada dari segi restorannya atau apa yang boleh 'diaga' oleh orang-orang yang berkenaan.

Soalan ketiga, berkenaan dengan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan diperuntukkan sebanyak $12 juta إِنْ شَاءَ اللهُ. Perkara ini sepertimana yang kaola terangkan semasa mukadimah, telah dibincangkan awal dengan Kementerian Pembangunan untuk membuat spesifikasinya.

Yang Berhormat mengatakan berkenaan dengan 'tabuk-tabuk' ataupun jendela-jendela untuk menyerahkan pasport sebenarnya *internal,* iaitu kebersihan secara dalaman dari pos-pos kawalan sudah ada *contract* pembersihan diadakan di pos-pos kawalan tersebut.

إِنْ شَاءَ اللهُ bermula pada 1 April 2024 akan diadakan *Facility Management* di 2 buah pos kawalan yang diharap akan meningkatkan dari segi kebersihan yang ada di pos-pos kawalan berkenaan. Yang Berhormat Pengerusi, secara *adhoc*, mana-mana kerosakan yang terdapat di pos-pos kawalan dibaiki mengikut peruntukan yang telah disediakan. إِنْ شَاءَ اللهُ peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara untuk *revamp* kawalan itu untuk lebih kondusif. Yang Berhormat tadi menimbulkan masalah *queue* panjang. *Queue* panjang ini kalau 'kitani' lihat pada bulan Disember semasa cuti sekolah, kaunter-kaunter pekhidmatan ditambah kuantitinya tetapi *proximity* antara pos kawalan kitani dengan negara jiran memang hampir, jadi *queue* itu memakan masa 6 ke 7 jam.

Perkara ini dipantau dari masa ke masa pada hari itu juga Yang Berhormat Pengerusi, ertinya kalau sudah bertemu kereta sebelah menyebelah, tidak dapat lagi dilaksanakan, tapi kaunter yang ditambah di pos-pos kawalan itu sebanyak 6 ke 7 *counter exit* (keluar), ertinya ikut keperluan semasa, kalau sekiranya orang masuk ramai, *then counter* untuk ketibaan itu akan ditambah.

Mungkin soalan yang lain, berkenaan dengan usaha pihak kerajaan untuk menarik orang berbelanja di negara sendiri, apakah pihak kerajaan untuk menarik orang luar? Kalau ia pendekatan *whole of government*, pihak Imigresen memudahkan orang masuk ke Negara Brunei Darusssalam sudah ada fasilitinya dari segi *visa waiver*, di pos-pos kawalan sebagai contoh, di lapangan terbang antarabangsa dan إِنْ شَاءَ اللهُ lapangan terbang tersebut akan di*equip* dengan *e-Gate.*

Jadi, apa yang menarik mereka ke negara ini adalah salah satunya tempat yang boleh mereka lawati sebagai contoh taman-taman peranginan, kedai-kedai komersial dan sebagainya, Yang Berhormat Pengerusi.

Ini memerlukan juga pendekatan dengan kerjasama daripada pihak swasta, *business community* dan juga kerajaan. Dari segi dasar, Imigresen yang dapat kaola sebutkan ialah untuk kemasukan mereka ini dipermudahkan. إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini akan diteliti dari segi programnya Yang Berhormat Pengerusi. Mungkin itu sahaja, daripada kaola, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi laluan dan terutama sekali kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman atas soalan-soalan yang diutarakan tadi.

Pertama, kaola ingin menekankan, pihak abiskaola Kementerian Kebudayaan,

Belia dan Sukan bersama-sama dengan agensi-agensi yang berkenaan sudah setentunya akan terus memberikan bantuan-bantuan yang diperlukan.

Salah satu tatacara yang disediakan adalah dengan menyediakan panggilan *hotline* iaitu Panggilan Kebajikan '141' yang disediakan oleh JAPEM bertujuan memberikan ruang perkhidmatan yang lebih baik dan efisien serta bantuan kepada klien-klien atau pelanggan-pelanggan yang bermasalah khususnya dalam kes-kes penderaan, pengabaian, perlindungan, ekploitasi, khidmat nasihat, masalah-masalah keluarga termasuklah isu-isu yang melibatkan hal-hal keperluan makanan dan juga permohonan bantuan segera kewangan bagi keluarga yang miskin.

Keperluan tempat tinggal dan membaiki rumah adalah beberapa perkara yang sering diterima oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui JAPEM dan ia ditangani oleh jawatankuasa-jawatankuasa yang telah pun sudah ada untuk meneliti permohonan-permohonan seperti ini. Namun demikian, ada keperluan-keperluan yang mendadak dari segi keperluan perumahan, bantuan kewangan, makanan, ia tetap disediakan.

Sebagai contoh, apabila mangsa-mangsa terlibat dalam kebakaran atau rumah roboh, alternatif tempat tinggal disediakan dengan seberapa segera di tempat-tempat yang dipanggil rumah tumpangan ataupun rumah sementara dan bantuan-bantuan kewangan akan segera dihulurkan kepada mangsa-mangsa yang memerlukan bantuan seperti ini.

Dalam pada itu, bantuan makanan secara *ration* juga disediakan bagi mangsa-mangsa yang memerlukan bantuan seperti ini. Kaola bercadang untuk memberi penerangan yang lebih jelas lagi sewaktu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan peluang kaola menerangkan dengan lebih jelas.

Tapi ini adalah sebagai satu makluman awal mengenai perkara-perkara yang diharap dapat menjawab serba sedikit persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi. Untuk itu, terima kasih, itu sahaja dulu.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi memberi laluan kepada kaola untuk menambah penjelasan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dari soalan yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman mengenai bangunan-bangunan kerajaan yang kosong.

Secara umumnya, dalam memberikan maklumat penjelasan dari persoalan tadi itu, seperti yang dijelaskan tadi, ada satu Jawatankuasa untuk menangani bangunan-bangunan kerajaan yang kosong. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan kaola sendiri, dan Urus Setia Jawatankuasa ini terdiri daripada Jabatan Kerja Raya.

Salah satu antara *term of reference*, terma rujukan jawatankuasa ini adalah untuk menangani bangunan kerajaan yang kosong. Dari perkiraan terdapat dalam 5,639 buah bangunan kerajaan yang ada dan tidak kurang daripada 1,000 buah daripada bangunan ini yang sudah kosong termasuklah berek, rumah pangsa dan juga rumah banglo kerajaan ada yang sudah lama terbiar dan tidak dihuni lagi.

Daripada penilaian dan pertimbangan jawatankuasa sejauh ini, sebanyak 639 buah bangunan kerajaan yang kosong ini telah dirobohkan dan pada masa ini, sebanyak 213 buah bangunan sedang diperiksa dalam penelitian untuk dibuat keputusan sama ada ia masih lagi utuh untuk dibaik pulih ataupun sebaliknya untuk diroboh.

Daripada persoalan tadi, tidak juga jelas *any specific* bangunan tertentu yang dimaksudkan dalam persoalan Yang Berhormat tadi mengenai bangunan-bangunan yang ada di kawasan bandar ataupun khususnya kalau merujuk kepada Bandar Seri Begawan.

Tapi kalau dapat, kaola menambah sedikit dari persoalan tadi sebagai satu contoh, ada juga beberapa bangunan seperti bangunan kedai yang sudah lama terbiar antaranya ialah satu bangunan di Jalan Pemancha, di belakang *Grand Stand* Taman Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien yang telah diroboh pada tahun lepas 2023 kerana bangunan itu sudah didapati lama dan usang dan tidak ada pertimbangan untuk membolehkan bangunan itu untuk diperbaiki. Bangunan itu, tanahnya ialah daripada tanah *leased* yang sudah mansuh dan tidak ada pembaharuan yang dibuat. Jadi, keputusan telah dibuat untuk meroboh bangunan tersebut.

Selain itu, satu lokasi yang lain di kawasan Bandar Seri Begawan, ada satu bangunan yang sudah disasarkan untuk diroboh kerana dilihat bukan sahaja ia '*an eyesore*', tempat itu dilihat membahayakan kerana telah berlaku kebakaran sebelum ini. Bahagian Urus Setia jawatankuasa ini telah merujuk perkara ini dan mencari siapa tuan empunya bangunan itu dan pemilik bangunan itu telah dihantar Surat Notis dan Amaran supaya pemiliknya mengambil tindakan untuk meroboh bangunan itu.

Namun, atas beberapa sebab yang difikirkan menjadi satu kesulitan ialah tidak ada respons yang positif daripada pemilik bangunan itu untuk merobohnya. Perkara ini telah dirujuk kepada Pejabat

Peguam Negara bagi melihat dari segi undang-undang, kalau dapat dibolehkan pihak JKR sendiri akan mengambil tindakan untuk meroboh bangunan itu dan kos untuk merobohkan itu akan ditanggung pemilik bangunan tersebut. Itu adalah antara usaha yang dibuat melalui Jawatankuasa untuk menangani bangunan-bangunan yang usang, roboh dan mencemarkan pandangan 'kitani' di kawasan bandar.

Penjelasan ini, bukanlah satu penyelasaian keseluruhannya, cuma untuk mengongsikan secara umum usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan melalui jawatankuasa tersebut. Itu sahaja, yang kaola dapat sampaikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkenaan dengan soalan mengenai usaha kerajaan untuk menarik orang tempatan dan juga orang asing untuk berbelanja di dalam negara dan juga untuk melancong di dalam negara.

Bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, terdapat beberapa inisiatif telah pun 'diungkayahkan' bagi menarik lebih ramai orang tempatan untuk berbelanja di samping menarik pelancong asing ke negara ini. Antaranya ialah dengan adanya penganjuran "Kenali Negara Kitani". Sebenarnya ini kaola akan *present* semasa mukadimah kaola nanti, tapi secara ringkasnya, Program "Kenali Negara Kitani" ialah bagi mempromosikan dan meningkatkan kesedaran akan produk-produk pakej tempatan di negara ini.

Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri 'mengungkayahkan' *Brunei December Festival* termasuk *Brunei Local Products Expo* yang selalunya diadakan pada bulan Disember semasa cuti sekolah. Mengadakan *Mid-Year Conference and Exhibition* yang dianjurkan pada pertengahan bulan Jun.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga mengadakan kerjasama dengan restoran-restoran dan hotel-hotel yang sekarang mengadakan *Brunei Gastronomy Festival 2024*.

Di samping itu, pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga mengadakan *Salesbration* pada hujung tahun dan juga *SME Festival* yang pada masa ini dianjurkan semata-mata untuk menarik orang ramai berbelanja di dalam negara. Di samping untuk

mempromosikan produk-produk tempatan yang ada, itu antara sebahagian daripada usaha baik kerajaan bagi menarik lebih ramai lagi orang 'kitani' ini berbelanja di dalam negara, di samping, mengenali negara 'kitani' dengan *domestic tourism* dan seterusnya akan lebih menarik pelancong-pelancong asing ke negara ini.

Ini akan di*elaborate further* semasa mukadimah. إِنْ شَاءَ اللهُ esok atau lusa. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkenaan dengan mukadimah yang cukup padat dengan informasi tentang hala tuju dan perancangan ke arah kemajuan yang diharap-harapkan.

Namun dalam perkara ini, kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan Permohonan Hiburan Awam menurut Akta Hiburan Awam, Penggal 181, yang antara lain bertujuan mengawal aktiviti-aktiviti hiburan di tempat-tempat hiburan orang ramai mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan dan peraturan-peraturan pentadbiran yang digunakan dari masa ke masa.

Terdapat beberapa kekeliuran orang ramai berkenaan dengan perkara ini terutama sekali apabila menyentuh dengan acara-acara atau aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh pihak kerajaan mahupun pihak swasta dan orang ramai dalam satu masa. Ini termasuklah persembahan kebudayaan untuk tujuan pelancongan, persembahan akustik dan bunyi-bunyian di tempat terbuka seperti "Bandarku Ceria" dan lain-lain.

Dalam hal ini, kaola sukacita mengharapkan agar pihak-pihak berkenaan dapat mengemaskinikan peraturan-peraturan dalam Permohonan Hiburan Awam dengan mengambil kira kesesuaian serta perubahan semasa tanpa mengetepikan perkara-perkara penting menurut agama Islam seperti hiburan terbuka di tempat awam yang bertujuan membantu meningkatkan sosioekonomi dan aktiviti perniagaan dan seumpamanya.

Kaola sangat menyambut baik dengan usaha pihak kementerian dalam meningkatkan kualiti, produk-produk 1K1P dan kapasiti para pengusaha dengan menyediakan beberapa inisiatif dan usaha ini bukanlah baharu malah ia sudah dilaksanakan dengan pelbagai cara termasuklah bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan. Terbaharu bersama dengan pihak *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.*

Kaola berterima kasih atas usaha murni pihak kementerian ini. Namun pada itu, kita perlu berpijak di bumi yang nyata dan memahami situasi sebenar para pengusaha 1 Kampung 1 Produk serta kapasiti yang mereka ada. Perkara ini telah juga dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tentang cabaran dan rintangan ke arah merealisasikan hasrat yang diharapkan.

Dalam hal ini, kaola suka memberi sedikit pandangan jika ia sesuai dan baik di mata pihak yang berkenaan. Dalam kita mengharungi era Revolusi Industri 4.0 serta cabaran pendekatan ekonomi baharu kita memerlukan pemikiran dan idea baharu dalam mengangkat jenama 1 Kampung 1 Produk. Ini termasuklah melahirkan para pengusaha baharu yang lebih berkaliber, berani pergi jauh hingga ke peringkat global.

Kaedah inovasi antara pendekatan yang digunakan oleh negara-negara maju dalam mengkomersialkan produk-produk yang sedia ada agar lebih kompetitif. Sehubungan itu, kaola mencadangkan inisiatif dan usaha bagi mewujudkan program-program atau projek-projek inovasi berimpak sederhana dan tinggi di bawah Program 1K1P bagi mengetengahkan pengusaha dan usahawan baharu bagi menghasilkan produk 1K1P bukan hanya disasarkan kepada makanan sahaja tetapi produk perkhidmatan, pembuatan dan kraftangan. Perusahaan 1K1P adalah langkah yang wajar agar jenama 1 Kampung 1 Produk terus berkembang mengikut perubahan prasarana semasa إِنْ شَاءَ اللهُ mohon pencerahan daripada Yang Berhormat mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan dan cadangan yang diberikan.

Sebelum itu, kaola ingin menambah persoalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkenaan dengan bangunan. Kaola menambah jawapan daripada Yang Berhormat rakan sejawatan kaola iaitu ada 3 buah bangunan di bandar, satu daripadanya bangunan *parking* bertingkat, *rest house* dan Bangunan Pusat Komersial yang masih dalam perundingan dengan *Brunei Economic Development Board*, Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk dikomersialkan.

Berbalik kepada soalan daripada Yang Berhormat berkenaan dengan hiburan awam, kaola pun kurang pasti apakah kekeliruan dari segi sama ada membuat persembahan kebudayaan tidak dibenarkan. Jadi, kaola menerangkan saja Garis Panduan Hiburan Awam ini ada dimuatkan dalam laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan dalam garis panduan itu ada juga dimasukkan artikel No.7: "Mana-mana tarikh yang tidak bersesuaian untuk mengadakan hiburan- hiburan awam

yang dipanggil *black out date*. Dalam *black out date* ini mana-mana bulan yang difikirkan tidak bersesuaian sebagai contoh bulan Syaaban, Ramadan dan juga aktiviti pada malam-malam Jumaat, sepanjang hari Jumaat dan sebagainya". Jadi dalam aktiviti-aktiviti itu, melalui garis panduan itu, juga ada dimasukkan mana yang tidak dibenarkan, mana yang tidak digalakkan, mana yang boleh dipertimbangkan.

Itu yang dapat kaola sampaikan memandangkan garis panduan ini diguna pakai sama ada dipohonkan oleh pihak kerajaan atau pun pihak swasta.

Yang kedua, berkenaan dengan pandangan daripada Yang Berhormat mengenai *new product, new economy*, kaola benar-benar menghargai cadangan berkenaan. Salah satu daripada hasrat kementerian, menandatangani dengan salah satu syarikat iaitu *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd* adalah untuk mengeluarkan produk-produk yang berimpak tinggi ertinya sama ada 'kitani' akan membuat produk baharu atau pun yang ada pada masa ini memang sahaja boleh dipakai.

Dari segi yang berimpak tinggi ini, komersialnya dan jumlahnya *(volume)* yang akan diusahakan. Satu daripada perkara yang kaola suarakan semasa Permuzakarahan Bersama Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, yang bukan sahaja ada saranan daripada Yang Berhormat berkenaan dengan selain produk makanan, perkhidmatan sebagai contoh *retail*, kedai runcit mungkin dipelopori oleh anak-anak tempatan yang boleh dinamakan 1K1P dan sebagainya. Ada juga dipersoalkan semasa di Dewan ini berkenaan dengan pengkorporatan bagi penduduk kampung juga boleh dilaksanakan. Kementerian sangat menghargai apa sahaja yang 'kitani' usahakan untuk penduduk mukim dan kampung untuk memastikan dan menaik taraf ekonomi mereka. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: Terima kasih Yang Behormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم, السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه , kaola merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah berkenaan dengan perancangan strategik kementerian ke arah kemajuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, kaola sukacita ingin menyentuh berkenaan dengan keselamatan dan kesejahteraan aset-aset kerajaan seperti balai raya, dewan kemasyarakatan dan seumpamanya. Kerajaan telah pun menanggung perbelanjaan dan menghadapi kerugian disebabkan perkara-perkara berkaitan

dengan isu-isu keselamatan seperti kecurian, 'pemugut' dan seumpamanya. Perkara ini terjadi disebabkan beberapa perkara, tentang faktor kelemahan dan keselamatan seperti bangunan tidak dipagar dan tidak dilengkapi dengan ciri-ciri kawalan keselamatan dan seumpamanya.

Dalam pada itu, kaola mencadangkan agar usaha dan perancangan menaik taraf bangunan-bangunan perlulah mengutamakan ke arah meningkatkan kualiti keselamatan dan kesejahteraan bangunan berada dalam keadaan yang baik dan selamat. Selain itu, kaola juga mengharapkan penggunaan teknologi terkini yang berkonsepkan *maintenance free* dan *cost effective* sebagai cara untuk meminimumkan perbelanjaan pihak kerajaan.

Selanjutnya, kaola bercakap mengenai kebersihan persekitaran dan penguatkuasaan terutama sekali di kawasan perbandaran. Dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri ada juga menyentuh berkenaan dengan topik ini. Namun, kaola juga mengambil perhatian berkenaan dengan perkara-perkara supaya pihak kementerian merangka pelan strategik jangka pendek, sederhana dan panjang dalam mewujudkan persekitaran bandar yang lebih kondusif dengan mengambil kira aspek-aspek antaranya:

1. Sistem pengurusan dan kemudahan kebersihan yang lebih efektif yang juga mengambil kira hala tuju kemajuan bandar dan inisiatif-inisiatif perubahan iklim; dan

2. Menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan isu sampah sarap dan kawalan binatang berkeliaran termasuklah akta-akta penguatkuasaan bagi melindungi kakitangan awam untuk melaksanakan tugas mereka dengan sempurna tanpa diganggu gugat oleh pihak-pihak tertentu.

Memohon pencerahan daripada Yang Berhormat mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat. Ada dua cadangan, kaola tidak akan mengulas panjang lebar mengenai cadangan itu, memang cadangan yang baik bagi menjaga keselamatan sebagai contoh balai raya dan sebagainya. Perkara ini perlu dibincangkan dengan jabatan-jabatan daerah. Kaola mengambil baik cadangan itu Yang Berhormat Pengerusi.

Yang kedua, berkenaan perbandaran, ada sistem pengurusan kebersihan, itu cadangan yang baik. Hanya pada masa ini, bandaran dengan bidang kuasanya melaksanakan proses kebersihan di kawasan bandaran masing-masing. Pada masa ini juga, untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat berkenaan dengan jabatan bandaran dari segi teknologi akan

menggunakan mesin-mesin yang berteknologi, contohnya membersihkan di kawasan-kawasan, sama ada menggunakan *vacuum pump* atau sebagainya. Itu salah satu daripada inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Bandaran.

Berkenaan dengan penguatkuasaan undang-undang, kalau kita lihat juga penguatkuasaan undang-undang dari segi sampah, kita mendengar dari berita mengenai mereka yang dikenakan denda yang membuang sampah, kaola juga sukacita memaklumkan di bawah *Section 186 Penal Code Chapter 22*: mana-mana orang yang menghalang kakitangan kerajaan menjalankan tugas-tugasnya adalah salah dan boleh dihukum penjara sehingga 3 bulan dan didenda sehingga $2000 atau kedua-duanya.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه pada masa ini ada sebahagian sahaja yang diterima berkenaan dengan menghalang tugas-tugas pegawai kerajaan melaksanakan tugas mereka.

Itu sahaja yang dapat disampaikan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلهِ kaola mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah yang cukup padat, penuh dengan informasi tentang hala tuju Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025. Kaola ingin menyentuh mengenai di bawah Tajuk SE05A - Jabatan Buruh.

Dalam memperkatakan berkenaan pekerja asing yang semakin bertambah di Negara Brunei Darussalam ketika ini, keberadaan mereka ini tidak dapat dinafikan dan sedikit sebanyak merangsang kemajuan dalam beberapa sektor. Penduduk tempatan juga mendapat manfaat dari segi penyediaan perkhidmatan yang cepat dan murah. Selain itu, ia dapat meningkatkan produktiviti disebabkan kemampuan mereka untuk bekerja dalam bidang perladangan dan perkilangan. Namun, kaola berpandangan situasi ini perlu diberi perhatian dengan sedalam-dalamnya untuk memberi keutamaan kepada anak-anak tempatan.

Pertanyaan kaola, apakah perancangan pihak kementerian bagi mengawal kemasukan warga asing dan apakah pelan-pelan strategik yang akan dilaksanakan bagi mengimbangi situasi dan dalam masa yang sama memberi keutamaan kepada anak-anak tempatan untuk menceburi bidang-bidang tertentu?

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat.

Berkenaan soalan perancangan kementerian, sebagaimana yang kaola terangkan dalam mukadimah kaola berkenaan *National Labour Management System*. *National Labour Management System* ini, sebelum Lesen Pekerja Asing dibenarkan, ia akan mengikuti proses-proses tertentu. Sebagai contoh, *Job Centre Brunei* untuk memastikan anak-anak tempatan boleh mengisikan satu-satu jawatan berkenaan sebelum ia diberikan kepada warga asing. Jadi, inilah yang memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola sampaikan, memandangkan sistem ini sudah dilaksanakan awal dan kolaborasi dengan agensi-agensi yang berkenaan. Banyak lagi perkara yang boleh abiskaola terangkan. Sebagai contoh, nisbah tempatan dan asing boleh juga diterangkan. Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah yang disampaikan tentang hala tuju kementerian ke arah memastikan semua agenda pembangunan dapat direalisasikan dengan jayanya إِنْ شَاءَ اللهُ

Yang Berhormat Pengerusi. Apa yang akan kaola bahaskan ini sebenarnya sudah pun disentuh oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, izinkan kaola untuk meneruskan apa yang akan kaola sampaikan ini iaitu mengenai pintu masuk sempadan yang merupakan *first impression* atau pandangan pertama kepada orang luar atau pelancong untuk mengenali keunikan dan keindahan Negara Brunei Darussalam, tidak kira sama ada melalui lapangan terbang antarabangsa atau pos-pos kawalan.

Ini termasuklah kemudahan-kemudahan awam yang disediakan seperti tandas, surau dan sebagainya. Kaola menyuarakan berkenaan beberapa pos kawalan sempadan yang kelihatan tidak begitu terurus dan memerlukan perhatian yang sewajarnya.

اَلْحَمْدُ لِلهِ, kaola menyambut baik tentang perancangan menaik taraf pos-pos kawalan seperti yang dinyatakan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kelmarin. Namun, perkara-perkara penting juga perlu diambil perhatian segera.

Penggunaan teknologi terkini seperti paparan *LCD* bagi menggantikan poster-poster kertas, papan-papan tanda dan seumpamanya mampu menambah nilai

bangunan pos-pos kawalan yang sedia ada. Selain itu, ia mampu menyebarkan maklumat dan informasi secara berterusan dan efektif berkenaan pelancongan, peraturan dan maklumat lain yang diperlukan oleh orang ramai.

Sehubungan itu, kaola ingin mencadangkan adalah baik jika perancangan-perancangan jangka pendek dapat disediakan dan dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk menaik taraf bangunan pos-pos kawalan dengan memberi tumpuan kepada perkara-perkara penting yang menjadi keperluan orang ramai. Apakah ada usaha-usaha strategik hubungan dua hala dengan negara jiran ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan di pos-pos kawalan dalam usaha mengurangkan kesesakan dan kenderaan berbaris panjang, terutama sekali apabila menghadapi keramaian pengguna pada waktu cuti awam dan persekolahan?

Selanjutnya, kaola sukacita menyentuh berkenaan Pekan Bangar, Daerah Temburong. Memandangkan Pekan Bangar telah pun membangun dengan pesatnya, adalah menjadi harapan agar suatu hari nanti Pekan Bangar akan menjadi sebuah bandar yang serba maju dan mampu menarik para pelabur tempatan dan luar negara. Justeru, apakah ada perancangan atau menaik taraf Pekan Bangar sebagai sebuah perbandaran dan ditadbir di bawah jabatan bandaran? Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Teirma kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat dengan soalan dan cadangan.

Kaola tidak akan menerangkan panjang lebar berkenaan pos kawalan, sudah kaola terangkan tadi. Perancangan kementerian untuk menaik taraf jangka masa pendek, jangka masa panjang dan kebersihannya, dibuat dari semasa ke semasa. Yang kedua, penggunaan paparan *LCD* itu, إِنْ شَاءَ اللهُ akan dilihat keperluannya.

Berkenaan soalan kedua iaitu mengenai Pekan Bangar, Autoriti Kemajuan Daerah Temburong yang dahulu dikendalikan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan Kementerian Pembangunan jika kaola tidak silap, telah diserahkan ke kementerian di bawah Jabatan Daerah Temburong. Jadi, sebagaimana dalam mukadimah kaola berkenaan *BSB Masterplan* yang akan dilaratkan ke semua daerah yang akan menjurus kepada pembangunan daerah-daerah dengan kerjasama Kementerian Pembangunan dengan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Kementerian Pembangunan.

Sama ada boleh untuk dijadikan Perbandaran Pekan Bangar, itu belum dapat dinyatakan sama ada keperluannya menjadi bandar atau sebagainya. إِنْ شَاءَ اللهُ nanti jika ada perkembangan-perkembangannya akan

dikongsikan dari masa ke masa Yang Berhormat Pengerusi. Buat masa ini, apa yang dilaksanakan oleh kementerian adalah untuk pembangunan daerah-daerah dengan melibatkan penerapan dan pendekatan *whole of government* dan *whole of nation*. Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah yang memberangsang dalam usaha dan perancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam mengurus Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025.

Walau bagaimanapun, diharapkan bantuan belanjawan ini dapat digunakan dengan lebih telus *(transparent)* agar perancangan yang dirancang dan akan dilaksanakan dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. إِنْ شَاءَ اللهُ

Dalam kesempatan ini, kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan hala tuju dan fungsi rumah-rumah persinggahan *(rest house)* di bawah pengurusan jabatan bandaran dan jabatan daerah.

Nama *rest house* bukanlah asing pada satu ketika dulu kerana ia merupakan tempat penginapan pegawai-pegawai kerajaan apabila bertugas di luar daerah. Selain itu, *rest house* juga menjadikan pilihan kepada orang ramai untuk menginap sementara. Namun sekarang *rest house* kurang mendapat sambutan, malah ada yang tidak berfungsi lagi. Mungkin disebabkan oleh beberapa faktor, antaranya tidak mampu bersaing dengan keberadaan tempat-tempat penginapan lain seperti *hotel* ataupun *homestay*.

Kaola menyuarakan perkara ini kerana sudah tiba masanya *rest house* ini dapat dipromosikan sebagai tempat penginapan alternatif kepada orang ramai dengan menawarkan harga yang kompetitif, kaedah *rebranding* melalui usaha sama dengan pihak berkepentingan seperti Majlis Perundingan Kampung (MPK), boleh saja dijadikan asas kepada program-program keusahawanan dan seumpamanya.

Persoalannya, adakah usaha dan perancangan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berkenaan bangunan *rest house* agar ia dapat berfungsi mengikut perubahan masa, dan berapakah jumlah bangunan *rest house* yang ada sekarang?

Dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada menyatakan tentang peruntukan untuk kerja-kerja membaik pulih bagi dewan-dewan dan seumpamanya. Namun, kaola mohon agar pihak kementerian melalui jabatan-jabatan berkenaan memberikan perhatian kepada dewan-

dewan dan infrastruktur yang memerlukan perhatian segera seperti Dewan Serbaguna Kampung Merangking, Dewan Serbaguna Kampung Rampayoh, Daerah Belait yang difahamkan telah disumbangkan oleh pihak swasta dan telah diserahkan kepada pihak kerajaan. Seterusnya, pentas persembahan di Taman Jubli Perak dan pemasangan jeti di Mukim Sukang, Daerah Belait.

Akhirnya, kaola sukacita menyentuh dengan Jabatan Penjara, perkara-perkara berkenaan dengan banduan-banduan. Persoalannya, apakah *SOP (Standard Operating Procedure*) yang digunakan oleh pihak Jabatan Penjara bagi membawa banduan-banduan ke pusat kesihatan atau hospital-hospital kerajaan termasuk laluan, tempat menunggu bagi mendapatkan rawatan ke arah memastikan kesejahteraan dan keselamatan banduan dan orang ramai diberi keutamaan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih pada Yang Berhormat berkenaan soalan-soalan yang diajukan.

Hala tuju *rest house* disediakan oleh jabatan daerah, tapi ia berbentuk subsidi untuk orang ramai ataupun pegawai-pegawai kerajaan tinggal. Jadi, *competitive competition*nya adalah hotel dan sebagainya. Yang Berhormat Pengerusi, *rest house* ini masih di bawah kawalan jabatan daerah. Mengenai jumlah *rest house,* kalau di Bandar Seri Begawan tidak ada *rest house*, di Daerah Tutong ada 2 buah untuk menempatkan pegawai kerajaan tapi itu untuk pegawai pentadbir dan penolong pegawai daerah. Di Daerah Temburong, terdapat sebuah yang diserahkan semula oleh *KDT.* Jadi, *rest house* ini digunakan untuk pegawai-pegawai kerajaan yang akan menginap dari Bandar Seri Begawan ke Kuala Belait (tempat persinggahannya).

Yang kedua, berkenaan membaik pulih dewan-dewan, kaola nyatakan ada 12 buah dewan yang sudah dibaiki dan jua pembaikan ini mengikut *priority*nya, ikut keutamaannya seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi sebagai contoh, Dewan Serbaguna Kampung Merangking, Daerah Belait, perkara ini sudah pun dilawat bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat di tempat berkenaan. Kesesuaian untuk 'mengusai' atau pun sebaliknya perlu dilihat dari segi kosnya sendiri sama ada ia akan digunakan sebaik-baiknya. Perkara ini akan dibincangkan bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berkenaan mengenai keperluan untuk memperbaiki dewan ini. Memang dalam perancangan jabatan daerah, terdapat senarai dewan untuk diperbaiki dan akan 'diusai', Yang Berhormat Pengerusi. Juga ada dimasukkan tadi jeti di Mukim Sukang, pentas persembahan di Taman Jubli Perak juga sudah dalam perancangan jabatan daerah termasuk Jabatan Daerah Belait.

Berkenaan dengan *SOP* membawa banduan untuk ke klinik atau pun pusat-pusat kesihatan memang ada. *SOP* ini sebagai contoh pegawai pengiring kepada banduan berkenaan dan keluar dari penjara, masuk ke klinik-klinik kesihatan dikawal secara ketat, keselamatan *public* juga diambil kira.

Itu sahaja yang dapat kaola terangkan, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, selamat petang dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, menyentuh mengenai *One MOHA System*, yang dibentangkan di bawah RKN-12 untuk menjadikan transformasi digital dalam kerajaan telah menunjukkan kepentingan sistem itu kerana perkara sedemikian mempunyai peranan penting ke arah mewujudkan perkhidmatan awam yang lebih cekap, *responsive* dan memudahkan pengesanan dan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

Pada pendapat kaola, sistem ini merupakan sebuah inisiatif yang baik untuk memperkemaskan proses dan meningkatkan perkhidmatan awam serta menjadi sebuah mercu tanda untuk mendukung transformasi digital dalam kerajaan. Selain itu, keupayaan *One MOHA System* ini juga dapat dilihat dapat memperkemaskan proses pentadbiran dan menjadikannya lebih mudah serta lebih mesra pengguna *(user friendly)* untuk orang awam.

Pengendalian dokumentasi melalui transformasi pendigitalan ini juga memberi sebuah gambaran *transformative* dan *progressive* dari pihak kerajaan selaras dengan perkhidmatan e-Kerajaan untuk memudahkan *workflow* malahan inisiatif *One MOHA System* ini turut memperlihatkan keutamaannya sebagai sebuah pendekatan yang proaktif dan menangani perubahan demi kesenangan dan kesejahteraan orang awam.

Namun demikian, kaola ingin menyentuh perkara di bawah Tajuk SE10A, Kod 002/000 – Pengurusan Perkhidmatan Korporat dan Pendaftaran Kebangsaan. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam hal ini sepertimana yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dalam mukadimahnya mengenai Program *IT* dan Digitalisme. Pelancaran Aplikasi Digital akan dilakukan secara berperingkat untuk *immigration* dan *national registration system* seperti *border management system* dan sistem pendaftaran kad pengenalan serta visa dan *passes*, kelahiran dan kematian warganegara dan lain-lain.

Dalam hal ini, kaola ingin mencadangkan agar pihak-pihak berkaitan supaya dapat meningkatkan *user friendliness* untuk memudahkan transformasi digital ini yang mesti diselaraskan dengan

menyediakan panduan *step by step* yang bersesuaian dengan *friendly interface* terutama Warga Emas atau *senior citizen* sebagai pemudah cara untuk penggunaan dan perkhidmatan yang lebih lancar.

Sehubungan itu, kaola mengambil maklum bahawa terdapat inisiatif dalam membantu membangunkan kecekapan digital untuk individu termasuk Warga Emas seperti Program Latihan Kemahiran Digital untuk *senior citizen* yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi *(AITI)* Negara Brunei Darussalam sejak bulan Januari 2020 yang disokong oleh Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan serta sektor swasta.

Program tersebut telah membantu lebih 100 orang Warga Emas untuk menjadi sebahagian daripada *digital ready* untuk menawarkan latihan kemahiran asas teknologi maklumat dan komunikasi *(ICT)* termasuk e-Dagang, kawalan keselamatan serta perbankan dalam talian.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dengan mengambil kira faktor *friendly interface* dalam aplikasi itu nanti, sistem tersebut tentunya akan dapat meningkatkan lagi nilai *inclusiveness* dan mesra pengguna untuk semua peringkat umur terutama bagi *senior citizens* yang selaras dengan pihak kerajaan untuk menjadikan kemajuan teknologi dalam kalangan masyarakat sebagai *smart nation*.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat berkenaan dengan satu saranan yang amat baik berkenaan dengan *user friendly* bagi Warga Emas. Untuk makluman, walaupun kementerian akan melaksanakan *digital transformation* dengan memperkenalkan sistem-sistem sebagai contoh *Immigration National Registration System, National Labour Management System, Visa and Passes,* Kelahiran, Kematian warganegara dan sebagainya dan juga di bawah *One MOHA system* akan dimasukkan *National Emergency Response System, Safe BN*, *data consolidation, smart analysis* ini Warga Emas tidak akan diketepikan dan Warga Emas ini akan diberikan layanan-layanan tertentu.

Sebagai contoh pada masa ini *counter service* di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan berkenaan dengan Warga Emas disediakan berasingan supaya mereka tidak lama menunggu dan perkhidmatan yang diberikan itu khusus untuk Warga Emas dan Orang Berkeperluan Khas. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Awang Lau How Teck dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga jabatan-jabatannya akan memastikan keperluan Warga Emas ini akan diambil kira.

Sebagai contoh, jika tidak pandai menggunakan aplikasi atau pun sistem baharu yang diperkenalkan, boleh menggunakan *counter services* yang ada di jabatan-jabatan yang ada di kementerian ini. Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas pencerahan dan penerangan Yang Berhormat berkaitan dengan perkembangan dan hala tuju tumpuan dan keutamaan kementerian Tahun Kewangan 2024/2025.

Kaola ada beberapa soalan, pandangan dan sebahagiannya susulan daripada isu-isu yang pernah kaola bangkitkan dan isu-isu yang berbangkit sekarang dan beberapa isu semasa yang disampaikan oleh rakyat kepada kaola untuk disampaikan:

1. Isu pengangguran dalam kalangan belia dan graduan dan ketidaksamaan *(mismatch)* kelulusan dengan pekerjaan adalah agenda kebangsaan yang membinggungkan yang perlu ditangani secara fokus dan berterusan. Inisiatif kerajaan memberikan latihan kemahiran *post education upskilling* yang diperlukan untuk menggantikan pekerjaan yang sedang dilakukan oleh pendatang-pendatang asing dalam sektor swasta kerana terdapat lebih 60 ribu orang pemegang Permit Kerja berbanding dengan 11 ribu orang pencari pekerjaan warga tempatan.

Pada sesi Dewan pada tahun lepas, kaola memohon untuk analisis terperinci mengenai kategori *work permit* dilakukan dengan segera untuk menentukan kemahiran dan disiplin pekerjaan yang dilakukan oleh pemegang Permit Kerja warga asing yang boleh diberikan kepada belia atau graduan warga tempatan dan latihan yang sewajarnya.

Dengan terdapat analisis terperinci ini, agensi kerajaan seperti Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan *(MPEC)* dan *Manpower Industry Steering Committee* akan dapat membuat ramalan permintaan tenaga kerja jangka panjang *(manpower demand forecast)* dan dapat membuat persediaan awal untuk menyediakan tenaga pekerja tempatan dengan latihan-latihan *upskilling* yang diperlukan untuk mengambil alih kerja yang akan habis tempoh Permit apabila ia mansuh.

Dari *data analysis* ini, إِنْ شَاءَ اللهُ kaola pasti akan dapat membantu *MPEC* dan *MISC* dan mana-mana agensi

kepentingan membuat rancangan penggantian iaitu *succession planning* yang lebih teratur lagi jelas mengambil kira tarikh tamat tempoh Permit Kerja untuk menyediakan tenaga tempatan yang berkemahiran untuk diambil dan diganti. Kalau anak 'kitani' cerdik pandai dengan hanya berkelulusan akademik 2 atau 3 subjek *'A' Level* dapat memperoleh *degree* sarjana dan *master degree,* sarjana muda dalam pelbagai bidang teknikal, kewangan, sains dan pentadbiran dalam 3 atau 4 tahun di universiti, menjadi kemuskilan kenapa mereka dikatakan tidak boleh membuat kerja setelah mengikut latihan dalam kerja.

إِنْ شَاءَ اللهُ dengan adanya *demand forecast* dan *structured succession planning, MPEC* dan *MISC* akan dapat membuat perubahan lonjakan ketara *(step changes)* dari *mode* sekarang iaitu *reactive* menunggu permintaan kepada proaktif dalam menyediakan anak tempatan supaya *work-ready* dan إِنْ شَاءَ اللهُ akan menyumbangkan kadar pengangguran menurun yang lebih agresif lagi.

Kalau ada agensi yang mengatakan anak 'kitani' tidak tahan bekerja, terlalu mudah dan lumrah membuat andaian menyalahkan anak 'kitani' memilih kerja atau malas untuk bekerja tanpa penyelidikan menyeluruh tapi tanyalah kepada majikannya, kenapa anak 'kitani' tidak tahan bekerja di tempatnya dan apa yang telah pihak majikan atau agensi berkenaan usahakan untuk anak tempatan untuk bertahan di tempat kerjanya. Kadang-kadang disebabkan kenaikan gaji atau tambahan elaun sebanyak $50.00 sebulan, anak 'kitani' sanggup pindah kerja sebab tambahan sebanyak $50.00 tersebut memang besar *(it is such a big deal)* bagi pekerja yang bergaji sebanyak $500 - $800 sebulan. Janganlah mudah membuat andaian anak 'kitani' memilih kerja tapi tanya kepada mereka kenapa mereka berhenti kerja atau tukar kerja. Apa yang lebih penting, tanyakan kepada majikan apa yang telah mereka lakukan untuk membuat anak-anak muda 'kitani' tidak berhenti atau pindah kerja dan terus bekerja dengan mereka.;

2. Dalam sesi tahun lepas kaola membuat cadangan untuk kementerian menilai mekanisme membantu menurunkan perbelanjaan kerajaan dalam menyediakan latihan dalam kerja dan *upskilling* dan mengadakan dana *Human Development Fund* yang dibantu dibiayai oleh majikan yang menggunakan tenaga-tenaga asing di dalam negara. Kaola membuat cadangan untuk mengadakan *levy* untuk pengambilan warga asing, *levy* yang berpatutan bagi setiap *work permit* bagi kategori tertentu tanpa membebankan rakyat dan industri. *Levy* itu bolehlah direviu untuk dinaikkan atau diturunkan setiap kali dipohonkan pembaharuan sebagai insentif mengambil anak tempatan

daripada memohon untuk menyambung Permit Kerja asing.

Tahap cukai atau *levy* akan bergantung pada kategori kerja Pekerja kelas atas akan dikenakan cukai yang lebih tinggi dan cukai boleh dinaikkan apabila tempoh pemegang Permit Kerja yang sama atau kategori dalam organisasi yang sama dipohonkan untuk diperpanjangkan. Ini akan memberikan insentif kepada majikan untuk menggantikan pemegang Permit Kerja dengan kakitangan tempatan yang terlatih. Dana yang dikutip dari *levy* ini hendaklah keseluruhannya disalurkan ke dalam Dana Pembangunan Kemahiran yang dikendalikan oleh satu agensi berkanun yang boleh dianggotai oleh wakil-wakil industri. Dana ini semata-mata digunakan untuk melatih anak-anak tempatan memenuhi *work demand forecast* dan analisis terperinci yang telah dibuat tentang *work permit order* masa itu. Dengan penubuhan dana ini, إِنْ شَاءَ اللهُ bukan saja dengan meningkatkan malah mempercepatkan *upskilling* anak-anak tempatan 'kitani' tetapi juga إِنْ شَاءَ اللهُ akan menurunkan perbelanjaan negara.;

3. Mohon penerangan status *action plan* untuk memastikan petak perniagaan dalam bangunan khusus bagi peniagaan-peniagaan bumiputera yang rata-rata kini diuruskan oleh bukan orang tempatan agar ia digunakan oleh bumiputera dan orang tempatan seperti asal tujuan kompleks itu dibina. Adakah Pelan Tindakan untuk memantau dengan tujuan membendung sebahagian kecil pemegang-pemegang Lesen Peniagaan yang menyewakan Lesen Peniagaan mereka kepada warga asing dan juga menyewakan Kuota Pekerja Asing supaya menjadi *free-agent* membuat pekerjaan tanpa lesen. Memantau supaya *rental* atau "ali baba" *syndrome* di sebahagian kecil pemegang lesen dan *work permit* sebelum ia membiak tanpa kawalan.;

4. Mohon status *action plan* tentang tempat-tempat dan tapak perniagaan di bawah kawalan bandaran yang kosong atau disewa tapi tidak beroperasi berpanjangan dengan sewa tertunggak sampai bertahun. lembaga bandaran hendaklah berlagak sebagai *landlord,* bertanggungjawab memastikan tapak-tapak dan petak-petak perniagaan sentiasa mendatangkan hasil yang diharapkan dan Lembaga bandaran terasa tergugat apabila bangunan kosong, lengang, tidak dikunjungi dan takut akan dikosongkan. Kaola cadangkan ada *KPI* bagi lembaga bandaran setiap daerah membuat inventori tapak-tapak perniagaan di bawah kawalan yang kosong yang tidak mendatangkan hasil dan menunjukkan kejayaan mereka mengutip *revenue* sewa dari petak-petak perniagaan yang kosong.;

5. Mohon pencerahan *action plan* yang telah digubal untuk menceriakan kawasan-kawasan perniagaan di bawah Lembaga Bandaran sebagai *landlord* supaya ia lebih *vibrant* dan aktiviti-akitiviti sampingan serta promosi *pop-up stall* yang boleh menarik pengunjung-pengunjung ke tempat itu. Bukan saja membantu ekonomi tempatan tapi juga memberi peluang anak-anak tempatan menceburi bidang perniagaan.;

6. Terima kasih atas penerangan sepintas lalu dari Kementerian Pembangunan status Pelan Tindakan yang menginventori, memantau dan membaiki rumah-rumah dan flat kerajaan dalam kawasan bandaran yang masih kosong dan ada sebahagian dalam keadaan amat menyedihkan dan memalukan. Kaola maklum ada jawatankuasa atau agensi yang telah ditugaskan untuk menangani isu ini. Kaola berpendapat aset kerajaan yang tidak bertuan di daerah-daerah atas bidang kuasa pemantauan *District Officer (DO)* sebagai wakil kerajaan yang tertinggi di daerah. Jadi, kaola berpendapat adalah penting jika *DO* mengetahui status projek pembaikan. Kaola syorkan satu *KPI* diperkenalkan di setiap daerah untuk memantau kecepatan dan keberkesanan kerja-kerja ubah suai dan pulih semula, rumah-rumah dan flat kerajaan yang terbiar untuk dipakai semula.

   Kaola menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berpengalaman dalam *taskforce* atau *working committee.* Justeru, kaola menawarkan pengalaman kaola dalam *project management* sebagai ahli dalam mana-mana jawatankuasa yang ditugaskan untuk memantau pelaksanaan kerja ubah suai aset kerajaan yang terbiar di Daerah Beliat. *Its an offer, its up to you to take it.;*

7. Mohon penerangan atas status pemegang jawatan Pegawai Daerah, Penghulu dan Ketua Kampung yang masih dalam kategori memangku jawatan. Adakah ada *time frame* yang ditentukan dalam Akta Perkhidmatan Awam, seorang pegawai berterusan memangku jawatan. Kaola berpendapat, kalau ada, dipohonkan supaya tempoh memangku jawatan dipendekkan agar mereka akan cepat bermastautin di tempat mereka bekerja untuk menangani masalah pihak-pihak setempat? Mohon juga pencerahan *action plan* untuk memastikan jumlah pengundi yang turun untuk membuat pemilihan penghulu dan ketua kampung itu mewakili jumlah penduduk. Kadangkala terdengar yang hadir turun mengundi hanya berpuluhan orang walhal penduduk kampung itu beribu-ribu.;

8. Kekosongan jawatan Ketua Rumah Panjang di pedalaman disebabkan

faktor usia dan kematian. Kaola difahamkan kekosongan ini tidak dapat diisi jika penghuni rumah panjang kurang daripada lima orang, rumah panjang tiada berketua dan terputuslah tali penghubung antara rumah panjang dan pejabat daerah dan agensi kerajaan. Kaola menyampaikan cadangan dari penghuni rumah-rumah panjang yang tidak berketua kampung untuk pihak kementerian menilai keperluan mengisikan kekosongan ini secepatnya. Jika perlu juga mengisi kuota seramai 50 orang, untuk mengadakan ketua kampung mungkin boleh dalam 2 atau 3 rumah panjang dicantumkan dan bolehlah dilantik ketua bagi mewakili rumah-rumah panjang yang tidak berketua itu lagi.; dan

9. Dalam RKN-12, ada peruntukan dana sebanyak $50 juta untuk pemulihan semula Kampung Air dan *IT System.* Menaik taraf pos kawalan, mungkin sudah diperkatakan, kaola berharap bahawa ada projek untuk menaik taraf sempadan termasuk prasarana untuk keselesaan orang awam seperti ruang rehat, kedai bebas cukai dan *amenities* yang bersesuaian. Kaola juga tidak nampak projek membuat prasarana di daerah-daerah dan di luar bandar untuk membantu menjana ekonomi *micro cottage industry* seperti membantu meningkatkan dan mempercepatkan industri dari dapur, dari rumah ke tahap *mass production community project*, walhal inisiatif 1K1P adalah merupakan *brainchild MOHA.*

Kita tidak boleh mengharapkan individu, orang kampung atau penduduk luar bandar untuk membuka hutan, memajukan pertanian untuk sumber bahan 1P1K tapi mereka akan menunggu inisiatif pihak kementerian membuka prasarana untuk membantu *mass production* di luar bandar, bukan saja akan menaikkan ekonomi orang di luar bandar tapi juga boleh mengurangkan penghijrahan anak muda mencari pekerjaan ke bandar.

Sekian, kaola sampaikan keluhan rakyat yang disampaikan kepada kaola untuk perhatian dan pencerahan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Ada beberapa soalan:

1. Berkenaan dengan analisis dalam *Labour Force Survey* diadakan setiap tahun yang hasilnya memang dikongsikan dengan pihak-pihak kerajaan misalnya pada tahun 2022, seramai 65,000 orang pekerja asing dan juga di*breakdown* dari segi sektor pembahagiannya berapa orang iaitu seramai 17,000 orang, dalam sektor perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan dan motosikal, seramai 13,391 orang, sektor aktiviti penyediaan tempat tinggal dan perkhidmatan.

Jadi, analisis ini dikongsikan dengan *JobCentre Brunei* dan *Manpower Planning and Employment Council*. Sebagaimana yang kaola nyatakan tadi setiap permohonan Lesen Pekerja Asing melalui proses-proses untuk memberikan anak tempatan bekerja di sektor-sektor swasta.
Berkenaan dengan *Human Development Fund* sama ada di bawah *MPEC,* mungkin, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II sebagai Pengerusi *Manpower Planning and Employment Council* menghuraikan berkenaan dengan dana-dana yang disediakan tetapi itu untuk *upskilling* anak-anak tempatan dengan memastikan mereka ini *job ready,* sebagai contoh *SPIN Programme* untuk memastikan program akauntan untuk orang tempatan dapat mengendalikan perkara-perkara berbentuk akauntan.;

2. Berkenaan dengan *levy,* perkara ini sudah dirundingkan dengan pihak-pihak yang berkenaan dan إِنْ شَاءَ اللهُ apa saja hasil dan keputusannya nanti akan dikongsikan dalam platform yang bersesuaian. Kaola juga ingin menarik perhatian berkenaan dengan kenapa orang 'kitani' tidak tahan, tapi salah satu daripada inisiatif kerajaan adalah mengenakan *minimum wage.* Bagi *Minimum wage* ini sudah diperkenalkan di dua sektor dan إِنْ شَاءَ اللهُ akan dilaratkan di sektor lain, ini adalah untuk membantu pekerja-pekerja untuk mendapatkan gaji yang berpatutan.;

   Berkenaan dengan *contract agreement,* setiap majikan dimestikan untuk menandatangani perjanjian sama ada pekerja asing atau pekerja tempatan supaya mereka ini berdasarkan kepada undang-undang *employment* mereka.

3. Petak-petak perniagaan bumiputera kalau dilihat di kedai bumiputera di Kuala Belait pada masa kini kontrak penyewaan di tingkat '2' dengan *Syarikat Brunei Shell Company Sdn. Bhd.* baru saja tamat dan إِنْ شَاءَ اللهُ Lembaga Bandaran, Kuala Belait akan membukakan tawaran. Isunya berkenaan dengan peniaga-peniaga asing, kita perlu lihat juga pemilik lesen itu sama ada orang 'kitani' dikendalikan oleh orang asing tetapi pemilik syarikat, pemilik lesen itu adalah orang tempatan sendiri.Perkara ini perlu ditangani secara holistik, bukannya keberadaan orang asing, mengambil alih kedai-kedai bumiputera.

4. Bderkenaan cadangan *Status Action Plan* petak bangunan dalam bangunan khusus bumiputera sudah kaola bincangkan tadi, ada beberapa petak sebagai contoh di kawasan Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan ada dua bangunan kosong sudah dirundingkan dengan pihak-pihak yang tertentu seperti kementerian-kementerian lain. Ini usahanya untuk

memastikan anak tempatan melaksanakan atau pun "menjelamai" bangunan itu untuk bisnes mereka. Memang diutamakan anak-anak tempatan dan sudah berunding dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk penjualan tiket penumpang perahu, masih dalam perundingan.

5. Salah satu inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan kolaborasi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memudahkan pelancong-pelancong atau pun orang-orang kita sendiri untuk *domestic tourism*. Menceriakan kawasan lembaga bandaran memang dihasratkan, sebagai contoh 'Bandarku Ceria', 'KBku Ceria', 'Temburong Bisai', adalah usaha-usaha di peringkat jabatan daerah untuk menceriakan bandar di daerah masing-masing. Di Daeah Tutong baru-baru ini, diadakan *Tutong Satay Festival*, ada aktiviti bekerjasama dengan penghulu mukim, ketua kampung dan Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk memastikan daerah masing-masing *vibrant* sama ada pada hujung minggu atau pun hari-hari yang tertentu.;

6. Membaik pulih bangunan kosong yang kaola nyatakan, bangunan-bangunan kosong ini, ada satu jawatankuasanya, kalau sekiranya bangunan itu tidak lagi diperlukan, akan diserahkan kepada jawatankuasa tersebut untuk keperluan-keperluan sama ada dikomersialkan ataupun dirobohkan seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan tadi, jadi keperluan-keperluan ini sudah dinilai sama ada ia diperlukan ataupun tidak.;

7. Terima kasih juga, kepada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal untuk menawarkan kepakarannya dalam *project management.* Berkenaan dengan memangku, mengenai *timeline,* memang tidak ada, yang penting mereka memenuhi syarat-syarat untuk ditetapkan jawatan dan itu di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, dan أَلْحَمْدُ لِلّٰه, tindakan-tindakan yang tertentu sudah diambil untuk pengisian jawatan yang mereka pangku tetapi tidak semestinya mereka yang memangku ini tidak tinggal di daerah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Ini memang dari tahun lepas sudah disuarakan kenapa pegawai daerah ini tidak tinggal di daerah-daerah. Pegawai daerah ini tugas mereka seperti kaola terangkan dalam mesyuarat lalu adalah dalam *job description* mereka, mungkin jarang berjumpa dengan Yang Berhormat. Dari segi memilih dan mengundi, ada juga Yang Berhormat maklumkan kekosongan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung.

   Ini ada hubung kaitnya dengan memastikan jumlah pengundi.

Undian penghulu mukim dan ketua kampung ini akan diadakan dalam masa seminggu. Ia ditutup pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad, kemudian hari Ahad barulah mengundi. Ia dibukakan kepada orang kampung untuk datang mengundi dan jumlah orang yang datang mendaftar itulah yang dikira. Kalau 'kitani' ikut *ratio* penduduk sesebuah kampung itu, tidak berisi jawatan Ketua Kampung Yang Berhormat Pengerusi. Kalau 'kitani' lihat jumlah penduduknya dengan berapa peratus pengundiannya, makanya dibukakan dalam masa seminggu untuk mereka mendaftar sebagai pengundi dan hari Ahad itu dibuat cabutan undi.;

8. Berkenaan kekosongan jawatan Ketua Rumah Panjang, ada 3 kekosongan. Kaola jawab dulu soalan berkenaan RKN-12 sebanyak $50 juta untuk Kampung Air. Ini merupakan projek membuat prasarana mikro *cottage industry*. Walaupun tidak ada satu-satu permohonan projek, sebagai contoh kalau kita lihat di sepanjang Sungai Brunei dan dermaga, memang *cottage industry* boleh dibangunkan. Ini bekerjasama dengan *the business community.* Yang kedua seperti di Kuala Belait, sudah ada usaha untuk menghidupkan Pasar Seria. Jadi, sudah dirundingkan dengan peniaga-peniaga yang bertamu di Pekan Tutong, lepas itu boleh bertolak ke Seria, lepas itu ke Daerah Belait pada hujung minggu. Itu sudah dirundingkan dan usaha-usaha telah dilaksanakan. Terpulang kepada pengusaha-pengusaha ini untuk mengambil peluang-peluang yang diberikan oleh kerajaan.

   Berkenaan rumah panjang, pada masa ini terdapat 3 orang dalam kalangan ketua rumah panjang di Daerah Belait yang perkhidmatan mereka diteruskan dalam mana tempoh perkhidmatan mereka boleh dilanjutkan tertakluk keadaan kesihatan mereka. Walau bagaimanapun, kementerian memantau Ketua Rumah Panjang ini sama ada jawatan ini dikekalkan. Ada juga jawatan Ketua-Ketua Rumah Panjang di Daerah Tutong dan Daerah Temburong telah ditiadakan yang pentadbiran hal-ehwal penduduk yang tinggal di rumah panjang telah pun diberikan tanggungjawab kepada ketua-ketua kampung yang kedudukan rumah-rumah panjang tersebut di kampung yang berkenaan.

Itu sahaja, yang dapat kaola terangkan Yang Berhormat Pengerusi. Jadi, kalau Yang Berhormat ingin mengetahui dengan lebih dekat berkenaan data analisis dari segi perburuhan berapa jumlahnya, boleh abiskaola mengalu-alukan untuk berjumpa dengan abiskaola dan akan membuat sebarang perbincangan mengenainya.

Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
الْحَمْدُ للهِ وَكَفَى، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلىَ رَسُولِهِ
الْمُصْطَفَى، وَعَلىَ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنِ اهْتَدَى، أَمَّا بَعْدُ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. أَلْحَمْدُ لِله tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah yang telah diberikan mengenai hala tuju yang difokuskan kementerian kepada Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025. Semoga ia akan menjadi kenyataan dan diredai oleh ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. Taman Rekreasi Tasik Lama, Bandar Seri Begawan yang tidak asing lagi bagi penduduk Negara Brunei Darussalam adalah satu destinasi pelancongan di negara ini bagi pencinta flora dan fauna. Juga, salah satu destinasi bagi penduduk negara untuk beriadah. Malah, tetamu-tetamu negara juga pernah ke taman ini. Di dalam taman ini, banyak disediakan kemudahan atau prasarana seperti pondok dan jambatan yang bahan-bahan binaannya terdiri daripada kayu. Ada sebilangan pengunjung yang membuat aduan mengenai kemudahan-kemudahan ini banyak yang sudah rosak dan kurang selamat untuk digunakan. Kaola ingin pencerahan sahaja, adakah tindakan-tindakan ataupun perancangan untuk membaik pulih kemudahan-kemudahan ini? Itu sahaja.

Sekian, semoga bermanfaat.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat berkenaan soalan Taman Rekreasi Tasik Lama, Bandar Seri Begawan. أَلْحَمْدُ لِله sebagaimana Yang Berhormat maklum bahawa Jabatan Bandaran ada peruntukan yang tertentu. Jadi, tahun lepas sudah dibaiki beberapa 'pantaran' dan jambatan-jambatan yang ada di Taman Rekreasi Tasik Lama, Bandar Seri Begawan itu, termasuk membersihkannya. Jadi, bajet yang akan digunakan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 ini إِنْ شَاءَ اللهُ akan diusahakan untuk membaiki dua 'pantaran' yang rosak dan satu jambatan, kalau kaola tidak silap Yang Berhormat Pengerusi. Perkara ini akan dibuat pembaikan dari semasa ke semasa mengikut tahun-tahun kewangan. Jadi, apa yang kaola harapkan juga ialah *feedback* selain pemantauan dari jabatan bandaran. *Feedback* daripada orang ramai, penghulu mukim dan ketua kampung juga berguna untuk memastikan keselesaan pada tempat-tempat peranginan ini. Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin. Sudah lama kita tidak

mendengar daripada Yang Berhormat, silakan.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, izinkan kaola untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana telah berjaya mengeluarkan isteri dan anakanda istimewa kaola daripada kenderaan yang remuk semasa mendapat kemalangan jalan raya di Daerah Belait pada Khamis lepas, semasa pembentangan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025. Juga, terima kasih kepada perkhidmatan ambulans, Kementerian Kesihatan, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri dan juga orang ramai 'kitani' yang bersifat prihatin. جَزَاكُمُ اللهُ خَيْرًا كَثِيْرًا Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan penyampaian mukadimah yang terperinci dalam menyediakan Belanjawan serta hala tuju Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Tahun Kewangan 2024/2025.

Merujuk kepada keratan akhbar "Pelita Brunei" bertarikh 21 Rabiulawal 1444 bersamaan 17 Oktober 2022, muka surat 1 hingga 3, mengenai *Memorandum of Understanding (MoU)* antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Rakyat Bangladesh. *MoU* ini bertujuan mewujudkan satu mekanisme yang berkesan bagi memantau peluang pekerjaan serta pengambilan pekerja dari Republik Rakyat Bangladesh. Ia juga memastikan hak dan kewajipan kedua-dua pekerja dan majikan dikuatkuasakan mengikut undang-undang Negara Brunei Darussalam, itu isu pertama.

Kaola juga merujuk kepada siaran akhbar Jabatan Buruh baru-baru ini walaupun baru sebulan tempoh pemeteraian tersebut. Pada 2 Rejab 1445 bersamaan 24 Januari 2024, Jabatan Buruh telah mengeluarkan siaran akhbar mengenai pelaksanaan proses yang baharu ini untuk memastikan proses pengambilan pekerja dari negara tersebut adalah telus dan teratur terutama sekali bagi mencegah kes penipuan dan isu pemerdagangan manusia *(human trafficking):*

1. Kaola akan membangkitkan isu mengenai tangga gaji minimum yang telah ditetapkan oleh negara tersebut melalui kedutaannya. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi, pihak kedutaan tersebut menggariskan dan menetapkan syarat-syarat yang penting bahawa gaji minimum ialah sebanyak $20.00 sehari atau sebanyak $600.00 sebulan dan ada jua kedengaran sebanyak $22.00 sehari. Pekerjaan tersebut ialah *skilled labour,* iaitu buruh kasar, bangunan dan banyak lagi. Syarat gaji minimum ini mestilah direkodkan dalam borang Lesen Pekerja Asing (LPA) yang

dikeluarkan oleh Jabatan Buruh, Negara Brunei Darussalam.

Selepas itu, baharulah disahkan oleh pihak kedutaan mereka di negara ini. Satu kemusykilan dan tanda tanya, mengapa 'kitani' orang-orang tempatan 'pulang' gajinya sebanyak $450.00? Ini belum lagi ditolak bagi TAP dan SCP. 'Kitani' pulang belum ada sehingga sekarang tangga gaji minimum. Walhal berkenaan dengan tangga gaji ini, sepatutnya ditetapkan atas persetujuan antara majikan dan pekerja melalui perjanjian pekerjaan dan bukan kedutaan atau negara tersebut. Ini *basic* di seluruh dunia. Tambahan pula, *MoU* ini dikuatkuasakan mengikut undang-undang Negara Brunei Darussalam. *MoU* ini seperti yang disebut tadi antara lain tujuannya, izinkan kaola sekali lagi menyebutnya, adalah bagi mencegah kes penipuan dan isu pemerdagangan manusia. Apa kena mengena isu ini dengan tangga gaji minimum?

Persoalannya, mengapa perkara tangga gaji minimum ini ditentukan oleh mereka, 'jangantah disebut ah'. Adakah Jabatan Buruh membiarkannya atau adakah jabatan tersebut lemah untuk menangani perkara ini? Di manakah kedaulatan kita dalam menangani isu ini? Jika diperhatikan negara-negara lain mana-mana institusi perburuhan mereka tegas mengikut kehendak yang dimahukan, itu soalan seterusnya.;

2. Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin merujuk kepada mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada hari Sabtu lalu, 22 Syaaban 1445 bersamaan 2 Mac 2024 yang antara lain menyentuh kesalahan tertinggi yang dilakukan oleh majikan di bawah Bab 10 iaitu: Majikan tidak menyediakan Kontrak Perkhidmatan Kerja dan Bab 112 (2), iaitu: Melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing (kesalahan penempatan kerja dan bekerja tidak mengikut jawatan yang diluluskan). Kaola ingin tahu berapa jumlah kes kesalahan yang tertinggi ini, adakah ia melibatkan kesalahan-kesalahan yang dikenakan denda kompaun atau yang didakwa di mahkamah?

   Sekiranya denda kompaun, berapakah jumlah keseluruhan kutipannya? Fiskalnya 'kitani'. Kalau di mahkamah pun berapakah jumlah yang didakwa kerana 'jarang-jarang' atau 'kadang-kadang' mendengar dari Jabatan Buruh ini membuat pendakwaan di mahkamah.;

3. Kaola ingin sentuh adalah keluhan orang ramai mengenai ejen 'amah' (Pembantu Rumah). Didapati terdapat ejen yang mengenakan caj bayaran sebanyak $2,000.00 setiap satu transaksi, setiap seorang. Ada yang mengenakan sampai sebanyak $4,000.00. Kebanyakan ejen

tersebut menetapkan deposit atau bayaran pendahuluan kepada majikan. Jika sebanyak $2,000.00 depositnya sebanyak $1,000.00 Kalau sekiranya deposit 10% sahaja tetapi separuh bayaran.

Namun segelintir ejen 'amah' tersebut tersebut tidak mendatangkan Pembantu Rumah dengan memberi bermacam-macam alasan kepada majikan. Majikan-majikan yang menjadi mangsa ini telah membuat laporan kepada agensi-agensi yang relevan namun tidak ada tindakan atau lambat diambil ke atas ejen yang terbabit. Kaola ingin memberi cadangan, ejen yang berdaftar hendaklah mempunyai modal atau *capital* sebelum diberikan perlesenan ejen yang sah. Cadangan ini disebabkan supaya mengelak ejen ini tidak mengenakan deposit kepada majikan, 'biar memakai usinnya pasal ia *company*. Sebabnya sudah sah majikan membayar deposit, lepas itu 'amah' pun belum lagi sampai';

4. Berkenaan Permohonan baharu pekerja asing melalui Lesen Pekerja Asing. Penyambungan dan sebagainya ke Jabatan Buruh mendapat "sungutan" juga. "Sungutan" orang ramai ini, sungutan daripada syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha. Mereka mengatakan bahawa termasuk kaola sendiri Yang Berhormat Pengerusi, ia memakan masa yang agak lama. Memang *anticipated* bagi jawatan *standard,* iaitu *screening* keselamatan. Contoh, barangkali penjenayah atau sebagainya hingga akhirnya proses itu 'batah'.

   Ada masanya, permohonan Lesen Pekerja Asing tersebut memakan masa lebih dari 4 bulan. Impak dari memakan masa terlalu lama ini untuk diluluskan membuatkan pekerja asing yang dipohon tersebut akan bertukar fikiran dan memilih ke negara-negara lain seperti Timur Tengah. Akibatnya, sekiranya sektor tersebut dalam pengeluaran seperti pertanian, maka secara *automatic* produktiviti akan menurun. Semakin canggih permohonan secara *online* semakin lama 'pulang' kebenaran diperolehi. Inilah rungutan dari syarikat-syarikat dan pengusaha.;

5. Yang Berhormat Pengerusi. Sekarang kaola akan berpindah ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan:

   i. Tahniah kepada kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan terutama Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang kerana telah melaksanakan sebanyak 1,166 pemerhatian dan membuat operasi dan pemeriksaan sebanyak 338 pada tahun 2023. Ini bermakna kalau ditolak hari Ahad, 338 dibahagi dengan 365 jawapannya 312, iaitu operasi dibuat seolah-olah setiap hari.

Kadang-kadang kalau mereka menangkap semasa waktu malam sampai ke siang, selepas itu waktu siang membawa ke mahkamah lagi. Tahniah kepada Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang.

Sekali lagi, minta maaf kaola ingin merujuk kepada mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pada Sabtu lalu, yang seramai 285 orang telah dikenakan denda kompaun.

Soalan kaola, adakah semuanya orang yang di kompaun ini membayar denda tersebut? Seterusnya berapa jumlah hasil kutipan dari denda kompaun? Kaola percaya ada pesalah imigresen ini yang gagal untuk membayar denda kompaun. Apakah tindakan tegas jabatan ini? Adakah mereka terus dipulangkan ke negara mereka?

Seramai 41 orang telah dihadapkan ke mahkamah pada tahun lepas. Adakah mereka semua disabitkan kesalahan? Kaola berpendapat supaya pesalah-pesalah imigresen di bawah kesalahan kompaun supaya akan dapat disenaraihitamkan untuk masuk ke Negara Brunei Darussalam, apa lagi kalau kesalahan yang sabit itu di mahkamah. Kesalahan-kesalahan mereka ini seperti tinggal lebih masa, lari dari majikan kerana ada lagi gaji lumayan, menyalahgunakan Pas Kerja. Bagi kaola Yang Berhomat Pengerusi, kesalahan ini adalah kesalahan yang sengaja dilakukan. Ini bermakna tidak menghormati dan seolah-olah mencabar kedaulatan 'kitani'.;

ii. Kaola ingin merujuk Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Perkara 1, Peraturan-Peratuan Mesyuarat, Majlis Mesyuarat Negara mengenai tajuk kecil iaitu: Isi Kandungan Ucapan, Bab 12(2) - Memperuntukkan kaola nukil: "Ahli tidak boleh menyebut dalam ucapannya walaupun soalan, apa-apa perkara yang telah dibawa ke mahkamah dan yang belum lagi diputuskan oleh mahkamah jika (itulah yang paling penting), kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atau Yang Berhormat Pengerusi, penyebutannya akan menjejaskan kepentingan pihak-pihak dalam perkara ini. "Kaola ingin memohon atas kebijaksanaan dan kebenaran Yang Berhormat Pengerusi untuk menyebut ucapan yang berbentuk soalan kes rasuah yang telah berlaku 3 tahun kebelakangan ini yang melibatkan pegawai-pegawai di Jabatan Imigresen dan

Pendaftaran Kebangsaan yang telah dibawa ke mahkamah…

Yang Berhormat Pengerusi: Oleh sebab perkara ini barangkali ada terkandung dalam *standing order* kita dan perkara ini telah pun ditangani oleh institusi kerajaan, maka saya kira ada baiknya kita menghormati undang-undang yang berjalan ketika ini. Jadi, biarkanlah sahaja dahulu dengan tidak membabitkan kita. Saya tidak mahu perkara ini menjadi satu perkara yang dihebohkan dalam Mesyuarat kita sehingga menjadikan ia sebagai perkara yang dinaiktarafkan sebagai perkara nasional seperti yang terdapat dalam keadaan yang dihadapi di negara-negara jiran kita. Ada baiknya perkara seperti ini 'kitani' tinggalkan kepada mahkamah atas kebijaksanaan mereka untuk melaksanakan tugas mereka masing-masing.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kerana menunjuk ajar kaola dalam perkara ini. Terima kasih banyak-banyak.

iii. Mengenai *special pass* (Pas Khas). Secara amnya, *special pass immigration* ini adalah permit sementara yang membolehkan individu memasuki dan tinggal di negara ini atas sebab-sebab tertentu yang mungkin termasuk disebabkan perkara undang-undang seperti akan didakwa atau menjadi saksi di mahkamah atau menunggu pemprosesan visa atau dipulangkan ke negara asal.

Tempoh Pas Khas ini selalunya antara 1 bulan hingga ke 3 bulan. Tetapi apa yang kaola dapati, *special pass* ini telah digunakan sewenang-wenangnya yang tempoh ini disambung bertahun-tahun lamanya. Setiap Kontrak Pekerja Asing adalah 2 tahun tetapi *special pass* ini yang hanya sekeping kertas yang selalu ditandatangani oleh pegawai imigresen yang bertugas, maka ia kadang-kadang lebih daripada 2 tahun.

Kaola maklum dengan mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai *Immigration and National Registration System (INRS)* yang semua status ini akan dikemaskinikan. Persoalannya, mengapa hal ini terjadi, dikeluarkan oleh pegawai-pegawai biasa? Untuk mengelakkan penyalahgunaan pas tersebut, ada baiknya ia dikeluarkan atau disambung oleh pegawai-pegawai tertentu contohnya semakin tinggi, lebih bagus misalannya pengarah. Perkara ini adalah penting untuk mengawal selia penyalahgunaan pas dan juga adalah lebih baik ia diteliti secara perlahan tetapi orang asing tidak berkeliaran.

Amatlah mendukacitakan apabila ada pegawai atasan *delegate* kepada pegawai bawahan untuk menandatangani *special pass* ini. Kaola mencadangkan supaya dikenakan yuran dalam keadaan tertentu sebagai contoh kalau pekerja tersebut hilang pasport, tinggal lebih masa dan kesalahan kompaun. Ini tidak termasuk oleh permohonan-permohonan agensi kerajaan seperti menjadi saksi di mahkamah, kerana dengan Yuran ini, pekerja-pekerja asing akan berhati-hati dan mempercepatkan mereka untuk pulang ke negara asal mereka.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Sekali lagi terima kasih atas tunjuk ajar mengenai Perlembagaan yang telah diajukan. والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Mengenai perkara yang ditimbulkan tadi, saya ingin menambah bahawa adalah menjadi dasar kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa kita mempunyai *zero tolerance towards corruption* dalam apa juga bentuknya terutamanya bagi pegawai-pegawai kerajaan yang diamanahkan untuk menjalankan tugas masing-masing menurut *KPI* yang terdapat dalam tugas yang berkenaan itu.

Jadi, dengan sebab itu kita mempunyai beberapa mekanisme yang tertentu seperti Biro Mencegah Rasuah, mahkamah-mahkamah dan mempunyai undang-undang tertentu bagi perkara-perkara berkenaan.

Perkara seperti itu ada baiknya barangkali dijalankan menurut undang-undang dan hukuman-hukuman dijalankan menurut lunas undang-undang. 'Kitani' tidak payah turut campur dalam perkara seperti itu.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat dan semoga 'kitani' dilindungi daripada sebarang bencana dan junjung kasih juga kepada Yang Berhormat atas ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat. Itu memang tugas mereka. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, isteri dan anak Yang Berhormat tidak ada apa-apa.

Jadi, berkenaan dengan soalan-soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat iaitu *MOU* Negara Brunei Darussalam - Bangladesh mengenai penetapan gaji minimum. Dalam siaran akhbar dinyatakan tetapi bermula pada 1 Februari sudah dilaksanakan *memorandum of understanding,* setelah perbincangan secara terperinci. Jadi, untuk makluman sahaja *Bangladesh Overseas and Employment Services Limited (BOESL)* memerlukan agensi pekerjaan di Negara Brunei Darussalam untuk menandatangani *memorandum of coorperation* dengan mereka yang pada masa ini sebanyak 19 agensi pekerjaan telah menandatanganinya.

Mengenai *demand letter* bagi pengambilan pekerja asing, pihak Kedutaan Republik Bangladesh telah menerima permohonan *demand letter* pertama yang berkuat kuasa pengambilan pekerja Bangladesh. Jadi, jumlah gaji minimum yang dinyatakan tadi sebanyak $600.00 sebulan adalah pada asalnya seperti itu. Ini tertakluk kepada majikan, jika majikan menentukan sekian gaji yang ditentukan, itu akan dimasukkan dalam *contract agreement* bagi warganegara berkenaan itu.

Yang Kedua, jumlah kes yang tertinggi. Kemudian kaola akan menjawab berkenaan dengan jumlah kes yang tertinggi.

Yang Ketiga, keluhan orang ramai perihal ejen bagi mendatangkan Pembantu Rumah. Inilah peranan kita sebagai orang tempatan yang memerlukan pekerja-pekerja asing termasuk Pembantu Rumah. Jabatan Buruh telah mengeluarkan satu siaran akhbar berkenaan dengan had bayaran maksimum untuk mendatangkan tenaga pekerja asing tidak melebihi $2,000. Jika didapati, ada ejen yang mengenakan lebih daripada $2,000, ia boleh dihadapkan kepada Jabatan Buruh untuk diambil tindakan terhadp ejen berkenaan.

Itu adalah dasar kerajaan untuk menentukan had maksimum berkenaan. Cadangan untuk mengenakan *deposit*. Sememangnya mereka ini sebelum menjadi ejen pekerjaan diperlukan untuk membayar *deposit*, ada yang sejumlah $10 ribu atau $15 ribu mengikut kategori masing-masing. Jadi, jika ada ejen-ejen pekerjaan yang tidak mengikut peraturan yang dikenakan oleh kerajaan 'kitani', boleh dihadapkan ke Jabatan Buruh dan Jabatan Buruh akan membatalkan Lesen Agensi Pekerjaan.

Permohonan baharu pekerja asing dan penyambungannya, "sungutan" syarikat kerana memakan masa. Sebagaimana yang kaola nyatakan dan Yang Berhormat maklumkan berkenaan dengan tapisan-tapisan yang tertentu memerlukan masa-masa yang tertentu untuk membuat sebarang *screening*. Jika kita lihat proses sebelumnya permohonan diluluskan dan dibenarkan, semasa memohon visa, ada 'menyangkut', jadi perlu dihadapkan lagi semula. Inilah proses abiskoala mahu *seamless process*, maksudnya orang yang akan diambil itu adalah orang yang tidak ada isu dan juga setelah mendapatkan visa dan kebenaran bagi Lesen Pekerja Asing dibenarkan dan visa pekerja-pekerja berkenaan akan dikeluarkan.

Jika ia memakan masa sehingga 4 bulan, setakat ini kaola akan menyiasat lagi nanti. Awal sebelum *National Labour Management System* diperkenalkan, ada satu *features* semasa *submission* yang tidak membolehkan ejen-ejen berkenaan untuk *submit* semula. Jadi, proses sebelum ini, setiap satu permohonan diselesaikan barulah permohonan yang baru dapat *submit*.

Jadi, dengan adanya *features* baharu yang diperkenalkan dalam *National Labour Management System* ia boleh dipanggil *multiple submission*. Ini yang membuatkan ejen-ejen terdahulu 'merungut' untuk memproses *another application*, ia mesti diselesaikan dahulu.

Sebagaimana yang kaola nyatakan tadi, semua permohonan ini memerlukan agensi-agensi yang tertentu sebagai contoh, *JobCentre Brunei*, agensi-agensi keselamatan. Tetapi maklumat yang abiskaola terima perihal proses permohonan sampai 4 bulan kecuali yang dibekukan yang tidak diproses, itu mungkin mengambil masa 4 bulan.

Soalan yang kelima, bukan seramai 285 orang yang dikenakan Kompaun tetapi seramai 2,285 orang yang dikenakan kompaun pelbagai kesalahan iaitu tinggal lebih masa, menyimpan pasport hingga menyebabkan pas imigresen mansuh, seperti dalam mukadimah kaola.

Saranan daripada Yang Berhormat untuk disenarai-hitamkan *(blacklist).* Bagi proses menyenaraikan ini, terdapat proses-proses berkenaan. Tidak semestinya orang yang dikompaun ini boleh akan *blacklist*, ada juga yang diindeks ada disenaraikan mengikut senarai yang tertentu yang ada di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Jadi, kadang-kadang mereka ini dikenakan kompaun, jika sekiranya mereka ini tidak mahu membayar kompaun, dibawa ke mahkamah. Proses meng*offer* kompaun ini ertinya, di*offer* Kompaun kepada mereka jika mereka menerima untuk membayar Kompaun, mereka akan membayar. Jika mereka tidak menerima untuk membayar kompaun, mereka akan dibawa ke mahkamah untuk tindakan undang-undang.

Mengenai jumlah yang tertinggi iaitu mengkaji pekerja asing tanpa lesen yang jumlahnya adalah seramai 496 orang.

Cadangan untuk *blacklist* sudah kaola sediakan *Special Pass. Special Pass* ini kaola tidak akan menafikan sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, kenapa kadang-kadang sampai selama 2 ke 3 tahun. Ini adalah sebahagian daripada *Special Pass* yang diperlukan oleh agensi-agensi berkenaan. Contohnya selaku *witness* dan sebagainya dan inilah yang akan disambung.

Berkenaan Pegawai-pegawai yang menyambung, sama ada dari peringkat pengarah memang sudah dikemas kini, Yang Berhormat Pengerusi. Di peringkat ketua bahagian dan timbalan ketua bahagian sahaja yang akan membenarkan. Tidak lagi orang-orang di bawah yang membenarkannya. Sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi, sistem yang ada di *Immigration National Registration System* adalah salah satu daripada modulnya, Yang Berhormat Pengerusi. Pada masa ini, bukannya kekurangan tetapi perhatian abiskaola adalah pemberian *Special Pass* yang dibuat secara manual dan dengan sistem ini, jumlah *Special Pass* yang dikeluarkan pada masa ini dikemas kini oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-

Undang dan bila mula dibagi dan tarikh mansuhnya untuk dipantau.

Special Pass ini juga untuk memberi masa kepada majikan menyediakan tiket mereka atau memulangkan mereka. Sebagaimana yang kaola maklumkan tadi, ketua bahagian dan timbalan ketua bahagian untuk menandatanganinya dan pengemaskinian sedang dilaksanakan. Abiskaola memang sudah memantau, Yang Berhormat Pengerusi. Cadangan yuran itu adalah satu cadangan yang baik untuk difikirkan oleh abiskaola untuk mengeluarkan *Special Pass* ini. Kaola rasa semua sudah kaola jawab atau pun mungkin belum, Yang Berhormat. Kalau tidak ada apa, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin nampaknya 'terkidum'. Sudah cukup jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Kita beralih kepada Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong.

Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم

Terima kasih kaola ucapkan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri atas mukadimah yang disampaikan pada hari Sabtu lepas, yang begitu komprehensif kaola memetik satu daripada Aspirasi kementerian iaitu: Tadbir Urus yang Baik dan Penyampaian Perkhidmatan yang Berkualiti. Kaola menyambut baik aspirasi ini terutama kepada pemimpin akar umbi bagi memastikan kesejahteraan penduduk dan . perusahaannya

Apa yang kaola maksudkan adalah bagi memudahkan untuk mendapatkan data dan statistik penduduk kampung. Kaola cadangkan pihak kementerian menyediakan satu aplikasi atau sistem *online* banci penduduk yang boleh diakses oleh ketua-ketua kampung dan pihak yang berkenaan pada bila-bila masa dan di mana jua mengikut keperluan serta mengurangkan penggunaan kertas seperti yang dibuat pada masa ini. Selain itu, ini juga dapat mengenal pasti keberadaan warga asing yang tinggal di sesebuah kampung itu.

Seterusnya, kaola memaklumi penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai pelaksanaan pembaikan dan mengganti sebanyak 700 unit pili bomba. Setakat ini, sebanyak 120 unit pili bomba telah selesai dilaksanakan penggantian dan pembaikannya.

Soalan kaola, apakah ini termasuk pembaikan jana kuasa yang membekalkan tekanan udara sepanjang saluran air ke pili bomba tersebut terutama di kawasan Kampung Air? Perkara ini kaola bangkitkan kerana kaola difahamkan semasa kejadian kebakaran di Kampung Air yang jana kuasa tersebut didapati rosak.

Selanjutnya, seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Dalam Negeri mengenai keberadaan bangunan pusat komersial dan letak kereta bertingkat di Bandar Seri Begawan. Semenjak penutupan letak kereta bertingkat tersebut pada bulan mei 2022, adakah bangunan tersebut akan dibaik pulih untuk digunakan semula? Jika ya, bilakah ia akan dilaksanakan untuk digunakan? Ini kerana tempat perhentian bas yang terletak di Jalan Kianggeh dan Jalan McArthur sekarang sepatutnya digunakan untuk perkhidmatan mengambil *(pick-up)* dan menurunkan *(drop-off)* sahaja. Akan tetapi, pemandu-pemandu bas awam tersebut menggunakannya sebagai tempat menunggu yang menyebabkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut. Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih, kepada Yang Berhormat berkenaan dengan soalan yang diajukan.:

1. Berkenaan dengan *online* banci penduduk, semasa sesi Muzakarah melalui *Immigration National Registration System* ada nombor kad pengenalan, tempat-tempat tinggal orang 'kitani' ikut kampung atau mukimnya. Itu boleh dikongsikan, akan tetapi adalah menjadi peranan penghulu mukim dan ketua kampung untuk memastikan keberadaan orang yang tinggal dimatai-matai juga. Berkenaan perkongsian maklumat, tidak ada masalah Yang Berhormat Pengerusi, boleh sahaja dikongsikan kepada penghulu mukim dan ketua kampung mengikut keperluannya.;

2. Berkenaan dengan pili bomba, adakah termasuk dalam jana kuasa? Jawapannya tidak termasuk, memandangkan projek pembekalan air adalah di bawah Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya.; dan

3. Keberadaan pusat komersial dan letak kereta bertingkat, sebagaimana yang kaola nyatakan sudah di peringkat akhir atau pun sudah diserahkan kepada *potential proponent* atau pun yang akan mengendalikan bangunan-bangunan komersial tersebut dan telah diserahkan kepada *Darussalam Asset.* Untuk mengetahui bila ia akan 'diusai', mungkin nanti Yang Berhormat rakan kaola di Kementerian Kewangan dan Ekonomi II boleh menerangkan Yang Berhormat Pengerusi. Itu sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira kita sudah pun sampai ke penghujung Mesyuarat Jawatankuasa pada petang ini dan nampaknya Ahli-Ahli Yang Berhormat juga sudah pun menyuarakan banyak soalan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Maka, ada baiknya Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A ini sekarang kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya rasa ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dulu dan kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya kira cukup kita bersidang pada petang ini. Saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula pada hari Selasa, 24 Syaaban 1445 bersamaan 5 Mac 2024 mulai pukul 9.30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Selasa, 24 Syaaban 1445 / 5 Mac 2024

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L.,. Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari keenam, pada hari ini Selasa, 24 Syaaban 1445 bersamaan 5 Mac 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه أَلْحَمْدُ لِلّه kita bersyukur ke hadrat أَللّه سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat lagi bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari yang keenam dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang tersebut, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan persidangan ini kita sambung di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, pada Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan pada hari Isnin semalam, kita telah meluluskan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum kita beralih kepada tajuk-tajuk seterusnya, saya telah pun difahamkan bahawa atas sebab-sebab urusan rasmi, Yang Berhormat Menteri Pendidikan tidak dapat hadir dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada hari ini dan dalam beberapa hari yang akan datang.

Oleh yang demikian, untuk meneruskan perbahasan kita supaya tidak tergendala di Dewan yang mulia ini, saya membuat keputusan untuk menangguhkan dahulu perbahasan dan perbicangan bagi tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pendidikan sehingga kembalinya Yang Berhormat Menteri Pendidikan nanti. Sekarang kita akan beralih kepada tajuk-tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita sekarang akan membincangkan jadual bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Sebelum saya membuka tajuk ini untuk dibahaskan dan dibincangkan sepertimana lazimnya, saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk membuat kenyataan tentang penyediaan Belanjawan serta hala tuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم.

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي
أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

Lebih dahulu kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang diberikan kepada kaola untuk menyampaikan mukadimah sebelum membahaskan cadangan Belanjawan Kementerian

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Seterusnya, kaola dengan penuh hormat dan takzim bagi mewakli seluruh warga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya ingin merafakkan sembah menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia perkenan bagi menyediakan peruntukan yang disokong untuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebanyak $112.34 juta bagi Perbelanjaan Tahun Kewangan 2024/2025 iaitu sebanyak $67.39 juta di bawah peruntukan Perbelanjaan Biasa bagi membiayai Emolumen $41.77 juta dan Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak $25.6 juta.

Bagi projek Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 Harga Rancangan $ 275.09 juta telah diperuntukkan, yang sejumlah $44.95 juta telah disokong untuk disediakan di bawah peruntukan Perbelanjaan Kemajuan bagi Tahun 2024/2025. Dalam kesempatan ini juga kaola ingin merakamkan penghargaan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan Kertas Cadangan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, jaminan bekalan makanan (*food security)* adalah salah satu agenda yang penting yang menjadi perbincangan utama dan perlu ditangani segera bukan sahaja di peringkat serantau tapi juga di peringkat global termasuk negeri kita sendiri.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, walaupun kita sudah berada pada fasa *endemic* dari wabak *COVID-19*, usaha-usaha dalam meningkatkan sektor perekonomian keluaran makanan dalam negara akan terus giat diusahakan. Khususnya dari segi pengeluaran pertanian, perikanan dan produk pemprosesan lain berasaskan pertanian dan perikanan. Sehingga kini kita akui bahawa kita terus menghadapi pelbagai cabaran semasa berkaitan isu-isu global seperti konflik geopolitik, gangguan rangkaian perbekalan, perubahan iklim dan situasi ekonomi tidak menentu antaranya telah membawa kepada isu kenaikan kos pengeluaran dan pengimportan makanan berikutan peningkatan kos logistik dan pengangkutan dan juga termasuk peningkatan kos bagi bahan input ladang seperti bekalan biji benih, benih ikan, baja, makanan ternakan dan lain-lain yang kebanyakannya masih bergantung tinggi pada import.

Walau bagaimanapun, إِنْ شَاءَ اللهُ melalui perancangan dan pelaksanaan beberapa program dan inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan secara berterusan oleh pihak kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan di bawahnya dan dengan komitmen serta kegigihan para pengusaha, peladang, petani,

penternak dan nelayan yang berkenaan juga melalui kerjasama dan kolaborasi bersama agensi-agensi dan pihak lain yang berkenaan melalaui pendekatan *whole of nation* dan *whole of government*, isu dan cabaran yang dihadapi akan dapat kita tangani bersama. Kita akui cabaran-cabaran yang dihadapi ini sedikit sebanyak menjejaskan prestasi keluaran dari sektor makanan berbanding dengan tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, kita masih dapat menyumbang dalam menjana bekalan makanan-makanan seperti ayam, telur ayam, ikan, beras dan sayur bagi penduduk negara.

Secara keseluruhannya, prestasi keluaran dari sektor makanan yang merangkumi keluaran dari industri pertanian dan agrimakanan dan juga industri perikanan telah mencatatkan penurunan sekitar 9% iaitu daripada $786.92 juta pada tahun 2022 kepada $716.3 juta pada tahun 2023 yang secara amnya disumbangkan oleh penurunan nilai keluaran dari industri pertanian dan agrimakanan sekitar 4.5% iaitu daripada $575.71 juta pada tahun 2022 kepada $549.75 juta pada tahun 2023 dan industri perikanan sekitar 21.1% iaitu dari $211.21 juta pada tahun 2022 kepada $166.57 juta pada tahun 2023.

Keluaran bagi komoditi kerbau dan lembu menurun kerana permintaan bekalan daging lembu dan kerbau segar (penyembelihan ternakan hidup import) telah kembali pulih seperti biasa iaitu daripada sebelumnya penularan wabak *COVID-19* pada tahun 2020/2021. Peningkatan keluaran daging kerbau dan lembu pada tahun 2020/2021 adalah disebabkan peningkatan penyembelihan ternakan import kerbau dan lembu hidup untuk membekalkan sumber daging merah bagi penduduk Negara Brunei Darussalam memandangkan bekalan daging kerbau dan lembu beku import telah tidak dapat diperolehi kerana sekatan pergerakan dan masalah logistik ekoran wabak *COVID-19*. Walau bagaimanapun, pengimportan kerbau dan juga lembu beku sudah mula dilaksanakan pada tahun lepas. Ini adalah bagi memastikan bekalan daging serta harga stabil bagi kegunaan rakyat dan penduduk negara ini.

Keluaran industri akuakultur khususnya ternakan udang telah menurun sebahagian besarnya disebabkan oleh jangkitan penyakit udang kepada ternakan syarikat udang terbesar di negara ini. Ini juga melibatkan keluaran produk perikanan berproses terjejas memandangkan udang adalah bahan mentah yang diperlukan.

Selain itu, dari segi pencapaian sara diri bagi komoditi-komoditi utama yang diberikan tumpuan, kita telah mencapai 100% sara diri bekalan ayam pedaging dan telur ayam, dan 71% sara diri bagi bekalan ikan dan udang. Manakala bagi sayur tropika dan buah tropika masing-masing mencapai sekitar kiraan 72% dan 42% sara diri dan beras sekitar 8% sekitar sara diri. Pihak kementerian berazam akan terus berusaha untuk meningkatkan keluaran komoditi-komoditi utama di bawah sektor pertanian dan perikanan

ini, bukan saja untuk memastikan bekalan-bekalan di negara ini adalah terjamin tetapi juga untuk menyumbang kepada peningkatan jumlah dan nilai eksport.

Dalam usaha ke arah meningkatkan pengeluaran padi dan beras pula, pihak kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan meneruskan usaha-usaha penyelidikan padi bagi mengenal pasti *variety* padi unggul, berhasil tinggi dan menepati cita rasa pengguna dengan terus menjalin serta mengukuhkan kerjasama bersama dengan agensi-agensi dan institusi-institusi penyelidikan termasuklah dengan *Hunan Hybrid Rice Research Centre* dan *Yuan Longping High Tech Agriculture Co. Ltd.* dari Republik Rakyat China dan dari *International Rice Research Institute (IRRI)* yang berpangkalan di Republik Filipina, dengan sasaran untuk meningkatkan keluaran padi bagi Kawasan Berpengairan dari *5-6MT/ha* semusim melalui penanaman *variety* padi "Sembada188" dalam masa ini kepada *7 -8MT/ha* semusim dalam masa terdekat ini. Ke arah ini, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang giat melaksanakan projek rintis penanaman beberapa *variety* padi *hybrid* yang berpotensi mengeluarkan sebanyak *7.5MT/ha* semusim.

Di samping itu, jabatan juga menumpukan usaha kajian untuk meningkatkan produktiviti ladang di kawasan yang tidak berperairan (*non-irrigated)* iaitu dari *1MT/ha* kepada *3MT//ha* semusim. Pada masa ini, terdapat 4 jenis *variety* padi bagi kawasan *non-irrigated* telah pun dikenal pasti dan dibuat *trial* (percubaan) di Daerah Temburong.

Selain itu, juga melalui usaha dan kerjasama berterusan antara pihak jabatan yang berkenaan di bawah kementerian ini dan juga dengan komitmen serta kesungguhan para pengusaha dan lain pihak berkenaan, kita telah berjaya:

1. Mengeksport telur ayam ke Singapura buat pertama kalinya pada 1 Februari 2023 sekitar 300 ribu biji telur ayam telah berjaya dieksport ke Singapura dan setakat bulan Februari 2024 yang lalu sekitar 6 juta biji telur ayam yang bernilai hampir $1.1 juta telah dieksport dan ini akan terus dipertingkatkan padamasa akan datang.;

2. Bagi industri tanaman, kita juga berjaya mengeksport buah pisang *cavendish* ke Sarawak, Malaysia bermula Mei 2023 dan setakat bulan Februari 2024, kita telah berjaya mengeksport lebih daripada 2.5 tan metrik buah pisang *cavendish*.;

3. Dari segi eksport perikanan, selain eksport udang yang dihasilkan dari *Syarikat Golden Corporation Sdn. Bhd.* tuna dari *Syarikat Yamako Pacific (B) Sdn. Bhd.* dan *Syarikat Gemilang Seri Shunfan Venture Sdn. Bhd*. kita juga buat pertama kali telah berjaya mengeksport *fillet* ikan

selungsung (*seabass)* iaitu produk berproses dan tambah nilai yang dihasilkan oleh Syarikat *FDI Barramundi Group Brunei Sdn. Bhd*. yang telah dieksport ke Singapura mulai November 2022 dan setakat bulan Mac 2024 syarikat ini telah mengeksport ikan beku sejumlah 3.6 tan metrik bernilai $0.06 juta.

4. Selain daripada itu, kita menggalakkan nilai kepada keluaran makanan kita yang mana pengusaha telah menghasilkan produk pemprosesan berasaskan daging dan produk makanan berproses lain yang juga telah berjaya menembusi pasaran Sabah, Sarawak dan Singapura dengan nilai eksport sekitar $0.36 juta.;

5. Kementerian ini melalui jabatan-jabatan berkenaan akan terus bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha dan pihak lain yang berkenaan dalam membuat penyelarasan, perancangan dan persiapan bagi mengeksport produk-produk hasil pertanian dan pengusaha yang lainnya seperti daging ayam, produk berproses berasaskan daging dan lain-lain terutama sekali dalam menekankan kepentingan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh negara pengimport seperti memastikan aspek keselamatan makanan dipenuhi dan rantaian nilai (*value-chain)* bagi industri-industri di bawah sektor pertanian ini akan terus diperkukuhkan.;

6. Sebagai usaha berterusan untuk membantu para pengusaha dan peladang dalam memasarkan hasil ladang masing-masing secara langsung kepada orang ramai, pihak kementerian telah merancakkan semula program 'Pasar Kitani' di Pusat Agribisnis Rimba Gadong dan diharap akan dapat memberikan semangat para-para Pengusaha Microkecil dan Sederhana (MKS) untuk berusaha lebih gigih bagi meningkatkan keluaran hasil ladang pada masa akan datang bagi menjana sumber pendapatan mereka.;

7. Dalam usaha ke arah mengukuhkan nilai eksport keluaran negara terus meningkat dari Negara Brunei Darussalam khususnya pasaran China, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah pun menandatangani dua perjanjian dengan *General Administration Of Customs (GACC),* Republik Rakyat China iaitu: *"Protocol On Inspection, Quarantine And Veterinary Sanitary Requirements For Wild Aquatic Products*" dan " *Protocol On Inspection Qurantine And Veterinary Sanitary Requirements For Cultured Aquatic Products*". Ini akan dijangka membuka peluang yang lebih luas untuk meningkatkan eksport dari 176 jenis produk-produk perikanan ke Negeri China.

Dalam perkembangan sektor pelancongan pula, kementerian ini telah berjaya mengadakan beberapa

siri aktiviti bagi mendukung perkembangan, merangsang aktiviti-aktiviti perekonomian berkaitan dengan industri pelancongan di negara ini.

Pelancongan domestik dan antarabangsa antaranya seperti melalui penganjuran program seperti "Kenali Negara Kitani (KNK)" telah 'diungkayahkan' bagi mempromosikan dan meningkatkan kesedaran dqalam kalangan bukan saja pelancong luar negeri malah penduduk tempatan mengenai produk-produk pelancongan domestik dan pakej-pakej pelancongan yang ditawarkan di setiap daerah.

Dalam usaha untuk menarik pelancong asing di negara ini dan berbelanja di dalam negeri, Jabatan Kemajuan Pelancongan juga giat menganjurkan acara-acara dalam negeri seperti:

1. *Brunei December Festival* setiap tahun sejak 2013 yang pada 2023 sebanyak 53 acara diadakan yang meliputi acara-acara islamik, makanan dan kulinari, sukan, pengembaraan dan rekreasi, kesenian dan kebudayaan, teknologi digital dan *ICT* serta membeli belah. Tambahan lagi dalam *Brunei December Festival* ini juga sebanyak 31 promosi hotel dan tempat penginapan telah 'diungkayahkan', 51 pakej-pakej "Kenali Brunei Kitani" dari ejen-ejen pelancongan dan sebanyak 28 promosi makanan dari restoran telah dikongsikan dalam *Brunei December Festival*. Di samping itu, *Brunei December Festival* juga mengetengahkan *Local Product Expo* bertujuan bukan saja untuk menyediakan platform kepada para pengusaha tempatan untuk memasarkan produk-produk mereka secara langsung kepada pembeli. Tetapi juga secara tidak langsung menyediakan tarikan tambahan bagi mendukung pelancong domestik dengan menggalakkan berbelanja pada musim percutian hujung tahun.;

2. Penganjuran *Brunei Mid-year Conference and Exhibitions 2023 (Brunei MYCE 2023)* bagi mempelbagaikan lagi produk pelancongan di negara ini yang memfokuskan kepada acara-acara berbentuk perkongsian ilmu, percambahan fikiran, 'pembarigaan' penemuan-penemuan baharu dalam pelbagai bidang dan meningkatkan aktiviti-aktiviti *networking* dan perniagaan dalam kalangan para ilmuan dan para pengusaha di dalam dan luar negara.; dan

3. Penganjuran *Brunei Gastronomy Week* yang mula dikenalkan tahun 2016 dan pada tahun 2024 telah diberikan penjenamaan baharu (*rebranding)* sebagai *Brunei Gastronomy Festival* yang berjalan selama sebulan sejak 23 Februari yang lalu sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 tahun. Strategi utama *Brunei Gastronomy Festival* 2024 ini adalah untuk memberi peluang dan menarik lebih banyak penyertaan dari restoran, hotel dan para pengusaha

penyedia makanan di samping menarik orang ramai, pengunjung dari luar negara dan juga dalam negeri untuk menikmati makanan di negara ini. Setakat ini lebih daripada 30 buah restoran telah pun ikut serta dalam *Brunei Gastronomy Festival* 2024 ini.

Ke arah mengukuhkan lagi promosi pelancongan yang disasarkan secara khusus di pasaran luar negara antara aktiviti promosi dan pemasaran antarabangsa yang telah dilaksanakan oleh kementerian melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan adalah:

1. Mengadakan pemasaran *digital* melalui kolaborasi dengan *Online Travel Agencies (OTAs)* antarabangsa seperti *Expedia, Tripadvisor* dan *Agoda* dengan menawarkan kempen-kempen khususnya bagi mempromosikan pakej-pakej ekopelancongan pengembaraan (*adventure*) dan kebudayaan *(culture).* Di samping itu juga jabatan telah mengenal pasti dan bekerjasama dengan pihak-pihak pempengaruh media sosial antarabangsa, (*international social influencer)* bagi memanfaatkan jangkauan untuk mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan. Antara *social influencers* yang telah diundang untuk mempromosikan Negara Brunei Darussalam antaranya ialah *influencers* yang mempunyai banyak *followers* termasuklah 1 orang *influencer* masing-masing daripada pelbagai negara seperti Singapura, United Arab Emirates, Canada, Australia dan 3 orang *influencers* dari Republik Korea.;

   Pada tahun ini beberapa orang lagi *influencers* akan diundang ke negara ini seperti dari Republik Singapura, Jepun dan Republik Rakyat China dan juga *special niche influencers* dalam bidang *diving, birdwatching* dan sebagainya.;

2. Mengukuhkan usaha pemasaran dan menyertai pameran dan eksposisi pelancongan ke Republik Korea, Jepun, Australia dan Republik Rakyat China.;

3. Kementerian ini, juga akan mengungkayahkan jerayawara seperti yang telah diadakan baru-baru ini di Singapura dengan kerjasama ejen-ejen pelancongan tempatan dan ejen-ejen pelancongan asing untuk menyediakan pakej-pakej tawaran yang khusus kepada pasaran masing-masing dan juga mengadakan *one to one networking sessions* bagi agensi-agensi pelancongan tempatan dan juga luar negeri bagi memupuk kerjasama pertukaran pengetahuan dan perkembangan perniagaan.; dan

4. Di samping itu, mengadakan lawatan suai kenal *(familiarisation tour*) bagi ejen-ejen pelancongan asing dan membina rangkaian

pengetahuan dan mendapatkan '*first hand experience*' dengan melawat sendiri ke sebuah destinasi pelancongan di negara ini. Lawatan suai kenal ini turut dikendalikan oleh media juga ejen pelancongan serta dengan kerjasama pelbagai pihak seperti *Royal Brunei Airlines, Association of Travel Agents Brunei, Brunei Association of Hotels*. Pada tahun 2023 lebih 50 ejen pelancongan dan media dari 5 buah negara telah diundang dan berjaya menarik pelancong ke negara ini seperti dari Vietnam, United Kingdom, Jepun, Hong Kong dan juga Taipei.

Pada masa ini terdapat 48 ejen pelancongan yang berdaftar dan berlesen di bawah Jabatan Kemajuan Pelancongan. Dari jumlah ejen tersebut lebih kurang 10 ejen pelancongan yang giat melaksanakan aktiviti pelancongan *inbound* iaitu membawa pelancong masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui udara dan kapal persiaran. Kementerian ini menyeru ejen-ejen pelancongan yang lain untuk lebih proaktif dalam melaksanakan aktiviti pelancongan *inbound* untuk menarik lebih ramai pelancong untuk datang dan berbelanja di negara ini bagi menyumbang secara signifikan kepada KDNK dan mengimbangi aliran keluar mata wang negara ke luar negeri.

Dari aspek pembangunan dan penyediaan pakej-pakej pelancongan, Jabatan Kemajuan Pelancongan memfokuskan dalam tiga tahun ini kepada alam semula jadi, kebudayaan dan pengembaraan. Di samping itu, menyediakan pakej-pakej yang menjadi tarikan pasaran tertentu seperti *Educational Tourism Package, Golf Tourism* dan sebagainya. Dalam hubungan ini, Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama ejen-ejen pelancongan di negara ini akan terus mengusahakan pembuatan pakej-pakej lawatan yang khusus dengan tema dan jalan cerita yang menarik seperti:

1. Menerokai dan membangun pakej-pakej alam semula jadi antaranya *River Trail Packages* iaitu dengan menyelusuri Sungai Brunei, Sungai Kedayan, Sungai Temburong, yang kawasan tersebut mempunyai pelbagai jenis burung dan hidupan liar yang mudah dilihat. Dengan adanya projek ini, jabatan berhasrat untuk menjadikan sungai sebagai laluan alternatif untuk orang ramai dan pelancong dengan tujuan menawarkan pengalaman perjalanan yang lebih menarik sambil menikmati hidupan liar dan biodiversiti dengan menggunakan bot. Oleh yang demikian, jabatan ini telah meneliti infrastruktur yang sedia ada di kawasan tersebut termasuk jeti-jeti. Keutamaan diberikan kepada keselamatan jeti dan bot bukan sahaja bagi orang ramai malahan juga kepada para pelancong. Jabatan ini bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Bandaran, Jabatan Daerah, Jabatan Kerja Raya untuk

sama-sama meneliti infrastruktur jeti di kawasan tersebut.;

2. Dari segi kebudayaan pula, jabatan dengan kerjasama Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan ejen-ejen pelancongan telah menyediakan beberapa pakej seperti "Brunei Bah Makan" yang merangkumi segala juadah makanan tempatan yang lazat seperti 'ambuyat' dan 'ayam buluh' sambil melawat tempat-tempat ikonik di Bandar Seri Begawan, beramah mesra dengan rumah-rumah yang terletak di Kampung Air, Pasar Malam Gadong, lawatan ke Muzium, menyaksikan dan menyertai sendiri aktiviti menenun kain tenunan di Pusat Kesenian dan Kraftangan, lawatan ke masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah, Masjid Omar Áli Saifuddien dan Daerah Temburong.;

3. Selain dari pelancongan alam sekitar dan budaya, Negara Brunei Darussalam juga sekian lama mempromosikan pakej pelancongan Islam yang bukan sahaja terhad kepada lawatan ke masjid-masjid tetapi juga memaparkan kebudayaan Islam dan kehidupan seharian kita. Antara Pakej Pelancongan Islam yang ditawarkan ialah:

    1. Lawatan ke masjid-masjid *(Masjid Tour)*.;

    2. Lawatan Galeri Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.; dan

    3. Lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Dalam usaha untuk membantu ejen pelancongan menghasilkan pakej yang menarik, Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama *EGNC* sedang menyediakan sebuah direktori atas talian yang menyenaraikan tempat-tempat tarikan pelancong, penyediaan perkhidmatan pelancong serta tempat penginapan dan *food and beverages*. Melihat dengan adanya direktori tersebut akan memudahkan pihak-pihak ejen pelancongan akan dapat menyediakan pakej-pakej yang berkualiti dan menarik. Dari aspek infrastruktur dan prasarana pelancongan di negara ini, kementerian akan secara berterusan giat melaksanakan kerja-kerja menaik taraf supaya tempat-tempat pelancongan adalah lebih kondusif contohnya pembinaan laluan konkrit bagi Kampung Lurong Sikuna menuju ke Kampung Pekan Lama dengan kerjasama pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga Kementerian Pembangunan, yang memudahkan pelancong untuk melawat dan menikmati suasana Kampung Air dengan mudah dan selamat.

Di samping itu, papan-papan tanda jalan tempat tarikan pelancongan di Daerah Temburong dan Daerah Tutong khususnya di bahagian Lebuh Raya Tutong-Telisai ke Kampung Tanjong Maya dan Kampung Lamunin juga telah

dipasang untuk memudahkan dan mendedahkan pengunjung dan pelancong mengenai beberapa aktiviti pelancongan yang terdapat di kawasan berkenaan.

Dalam menangani isu kebersihan tandas awam, tidak dinafikan bahawa keadaan tandas awam di negara ini sangat mendukacitakan dan tidak dipelihara dengan baik. Oleh yang demikian, Jawatankuasa Kebersihan Tandas Awam dan Swasta yang dipengerusikan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan sedang giat menjalankan pengauditan tandas-tandas awam menurut Piawaian Brunei Darussalam (PBD) 32:2017 di bawah *ASEAN Public Toilet Standard*. Tujuan ini adalah untuk menghasilkan peningkatan kualiti tandas awam dalam beberapa bidang utama termasuk kepuasan pelanggan, pelancong dan memupuk etika tandas yang baik.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه Negara Brunei Darussalam telah memperolehi beberapa anugerah melalui *ASEAN Public Toilet Awards* sejak tahun 2019, antaranya terdiri daripada tandas-tandas awam di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Muzium Teknologi Brunei, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan beberapa restoran tempatan dan tempat tarikan di negara ini.

Mengenai meningkatkan kapasiti ilmu pengetahuan dan kemahiran pemandu-pemandu pelancong untuk memperkayakan pengalaman kepada pelancong, Jabatan Kemajuan Pelancongan telah menyediakan Buku Panduan (*Tour Guide Trails)* yang akan diserapkan dalam *Basic Tour Guide Course* bagi tempat-tempat pelancongan seperti Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak (Daerah Belait), Tasek Lama (Daerah Brunei dan Muara), Taman Negara Ulu Temburong dan akan dilaratkan lagi ke beberapa kawasan pelancongan yang lain.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه dengan adanya kelonggaran terhadap langkah-langkah pengawalan bagi membendung penularan *COVID-19* pada tahun lepas, jumlah ketibaan pelancong ke Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan peningkatan daripada seramai 35,701 orang pelancong pada tahun 2022 kepada seramai 133,630 orang pelancong pada tahun lepas.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam melaksanakan program-program dan inisiatif-inisiatif bagi meningkatkan keluaran dari industri-industri di bawah sektor sumber-sumber utama, pihak kementerian tidak lupa akan kepentingan untuk melibatkan para belia. Penglibatan belia dalam bidang pertanian dan perikanan adalah sangat penting kerana golongan ini adalah merupakan tonggak yang bakal menyambung dan menerajui kepimpinan kemajuan negara pada masa depan.

Dalam hubungan ini, pihak kementerian melalui jabatan-jabatan di bawahnya telah dan akan terus melaksanakan program dan inisiatif bagi menarik lebih banyak lagi penglibatan para belia dalam bidang ini.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه sejak beberapa tahun kebelakangan ini, melalui pelaksanaan program-program seperti Program Projek Rintis Pertanian, Program Pembesaran Perusahaan *(contract farming)*, Program Pendedahan Belia Pertaniaan dan sebagainya, secara tidak langsung telah berjaya menarik penglibatan beberapa pengusaha belia dalam bidang pertanian termasuk perikanan.

Secara keseluruhannya, jumlah pengusaha belia yang terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti pertanian dan perikanan adalah seramai 155 orang pada tahun 2023. Daripada pengusaha belia ini, seramai 148 orang bergiat aktif dalam bidang pertanian dan 7 orang dalam bidang perikanan.

Dalam kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada para belia yang pada masa ini sedang mencari pekerjaan untuk tampil ke hadapan dan menjadikan aktiviti perusahaan dalam bidang pertanian dan perikanan sebagai salah satu bidang pilihan pekerjaan atau kerjaya tetap bagi menjana sumber pendapatan dan pada masa yang sama turut menyumbang ke arah peningkatan pertumbuhan ekonomi negara, menjamin sekuriti makanan dan eksport.

Selain inisiatif-inisiatif dan program-program yang menumpukan kepada golongan belia, pihak kementerian juga memberikan perhatian serta dukungan kepada pelaksanaan program dan inisiatif melibatkan penyertaan masyarakat serta penduduk kampung. Misalannya dalam aktiviti-aktiviti dalam ladang komunal (*community farming)* di kawasan Pertanian Luar Bandar (KPLB), termasuk dalam mendukung inisiatif Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Ke arah ini, kementerian bekerjasama rapat dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan juga *Darussalam Enterprise (DARe)* dalam membantu serta mengukuhkan lagi kapasiti pengeluaran *(production capacity)* dan saluran pasaran *(market outlets)* bagi produk-produk yang dihasilkan oleh masyarakat dan komuniti kampung yang terlibat.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta jabatan-jabatan di bawahnya akan terus berusaha bagi memastikan keluaran dan sumbangan dari sektor sumber-sumber utama dan pelancongan kepada pertumbuhan ekonomi akan terus meningkat setiap tahun dan seterusnya menjana peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Ke arah ini, penekanan utama dalam cadangan peruntukan yang disediakan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada Tahun Kewangan 2024/2025 ini memfokuskan kepada perancangan dan pelaksanaan program dan inisiatif yang menjurus kepada usaha-usaha untuk:

1. Mendukung Pertumbuhan serta Peningkatan Pengeluaran Industri di bawah Sektor Makanan.;

2. Mendukung Pembangunan dan Pemuliharaan Sumber Hutan, bukan sahaja ke arah pemuliharaan alam sekitar, malah juga bagi menyumbang ke arah perkembangan ekonomi negara.; dan

3. Mendukung Pertumbuhan dan Pembangunan Industri Pelancongan. Dalam mendukung pertumbuhan dan meningkatkan dari sektor makanan, ia bukan sahaja memfokuskan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan keluaran dari aktiviti keluaran primer *(primary production)* tetapi juga memfokuskan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan keluaran dari aktiviti-aktiviti industri pemprosesan dan nilai tambah berasaskan pertanian, perikanan termasuk mengukuhkan keselurahan ekosistem dan rantaian nilai yang berkaitan dengan industri ini.

Penekanan utama penggunaan peruntukan pada tahun ini akan ditumpukan kepada usaha-usaha untuk menaik taraf dan menyediakan infrustruktur asas industri yang diharap semua Kawasan Kemajuan Pertanian mempunyai bekalan tenaga elektrik, air dan saliran yang mencukupi dan kondusif. Ini adalah bagi memudahkan para pengusaha untuk memulakan dan mengembangkan perusahaan dan penyumbangan kepada *Food Security* negara.

Keutamaan juga akan diberikan kepada pelaksanaan program-program meningkatkan kapasiti dan keupayaan jabatan-jabatan sebagai *Competent Authority*. Ini termasuklah dalam meningkatkan keselamatan makanan *(food safety)* dan kualiti makanan serta memudah cara akses pasaran melalui fasiliti seperti makmal rujukan yang diiktiraf dan kepakaran melalui *Qualified Personnel* bagi memenuhi piawaian dan amalan terbaik antarabangsa seperti *Good Agricultural Practice (GAP)*, *Good Animal Husbandry Practice (GAHP)*, *Good Aquaculture Practice (GSqP)* dan *HACCP*.

Selain itu, peruntukan ini juga akan disalurkan kepada usaha menggalakkan para pengusaha mengguna pakai teknologi dan teknik moden seperti penanaman sayur menggunakan sistem *aquaponics*, penggunaan tenaga "suria", sistem titis dan *vertical farming* dalam rumah terlindung, sistem bermeja yang bersesuaian untuk diguna pakai bagi kawasan yang mudah banjir, *Recirculating Aquaculture System* bagi ternakan ikan dan udang, sistem *Internet of Things* bagi pemantauan kualiti air, seterusnya menggunakan teknologi dron bagi penyemburan racun dan pemantauan penggunaan *data analytics* di ladang-ladang padi, mempraktikkan amalan pengurusan ladang dan tadbir urus yang baik *(good farm management and governance)* serta memastikan dan menggalakkan lebih banyak lagi pengusaha-pengusaha baharu untuk berkecimpung dalam bidang pertanian dan perikanan dan sebagainya.

Fokus dan penekanan ini adalah selaras dengan Peta Jalan Industri Makanan *(Food Industry Roadmap)* yang menjadi asas panduan ke arah memacu pertumbuhan dan meningkatkan keluaran sektor makanan khususnya keluaran makanan yang halal, selamat dan berkualiti. Dengan adanya perkembangan dan pertumbuhan keluaran yang positif serta mengukuhkan keseluruhan ekosistem dan rangkaian nilai yang berkaitan dengan industri di bawah sektor makanan ini, ia diharap akan dapat menyumbang secara signifikan kepada peningkatan KDNK, *food security* dan juga kepada pertumbuhan jumlah dan nilai eksport negara.

Isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar dan perubahan iklim juga terus diberikan perhatian oleh pihak kementerian sepertimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Dengan mendukung pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan negara, pihak kementerian melalui Jabatan Perhutanan akan terus memastikan agar usaha-usaha dalam melindungi serta memulihara sumber hutan negara termasuk mempelbagaikan biologi akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan agar aktiviti-aktiviti pembangunan negara adalah selaras dengan pembangunan lestari dan pada masa yang sama bagi mendukung pelaksanaan Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, pihak kementerian juga akan terus mengenal pasti langkah-langkah dan pendekatan yang inovatif bagi meningkatkan keluaran dari segi perhutanan. Dalam usaha menjana dan meningkatkan kutipan hasil kerajaan melalui sektor perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sedang bekerjasama dengan pihak Sekretariat Perubahan Iklim Brunei *(Brunei Climate Change Secretariat)* bagi melaksanakan Projek Karbon. Projek ini juga mendukung strategi Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam khususnya dalam Strategi 6, iaitu *Carbon Pricing*.

Dalam merealisasikan inisiatif ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan sedang melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

1. Projek Inventori Sumber Hutan bagi mendapatkan data terkini mengenai kapasiti penyerapan karbon *(carbon sink)* sumber hutan di negara ini untuk menjadikan *baseline data.;*

2. Bagi mengesahkan dapatan daripada data projek tersebut adalah lengkap, tepat dan sahih, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sedang bekerjasama dengan *Economic Research Institute for ASEAN and East Asia (ERIA).*; dan

3. Salah satu kriteria Projek Karbon adalah dengan pelaksanaan penanaman pokok-pokok baharu. Ke arah ini, Jabatan Perhutanan telah mengenal pasti kawasan-kawasan *degraded* yang berpotensi untuk dijadikan kawasan bagi Projek Karbon dan seterusnya akan dilaksanakan menggunakan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12.

Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan terus membuat perundingan dan bekerjasama dengan pihak-pihak berkaitan bagi menerokai potensi negara untuk meraih manfaat dari perdagangan karbon pada masa hadapan.

Seterusnya, bagi menangani masalah konflik manusia dan buaya, beberapa inisiatif telah dilaksanakan melalui Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan seperti berikut:

1. Sebagai tindakan serta-merta dan berterusan, pemasangan "tanda amaran buaya" telah dilaksanakan yang bertujuan untuk memberikan peringatan dan amaran kepada orang ramai mengenai keberadaan buaya. Setakat ini, sebanyak 100 papan tanda telah dipasang di seluruh negara yang meliputi keempat-empat daerah. Program Kesedaran Awam juga telah diadakan yang bertujuan untuk 'membarigakan' maklumat dalam menangani konflik manusia dan buaya serta usaha dan tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Program kesedaran awam ini dimaksudkan untuk meliputi dialog atau jerayawara dan pembarigaan melalui media sosial dan media masa. Sejak tahun 2023 sehingga kini, sejumlah 28 Program Kesedaran Awam telah dilaksanakan.

2. Program Tangkap Buaya Bersama (PTBB) diperkenalkan dalam menangani konflik buaya dan manusia di Kampung Air sejak Februari 2023. Sejumlah 51 set jail telah dipasang di Mukim Tamoi, Burong Pingai, Saba, Peramu dan Sungai Kebun.;

3. Jabatan Perhutanan dengan kolaborasi bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Pasukan Polis Diraja Brunei dalam menangani konflik manusia dan buaya serta mengadakan aktiviti bersepadu termasuk rondaan dan Program Kesedaran Awam.;

4. Jabatan Perhutanan telah mendapatkan sumber khidmat pakar menangkap buaya dari luar negeri untuk membuat tangkapan yang lebih efektif.;

5. Pada masa ini, pihak Jabatan Perhutanan sedang menjalankan kajian populasi buaya berdekatan dengan kawasan Kampung Air. Kajian ini merupakan langkah mandatori untuk mendapatkan pertimbangan dari Sekretariat

Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES), sebelum buaya-buaya dapat dimanfaatkan dari segi ekonomi. Selain ini, kajian telah mencapai 90% kesiapan bagi Kawasan Daerah Brunei dan Muara. Kajian ini akan dilaratkan kepada Sungai Temburong, Sungai Belait dan juga Sungai Tutong.; dan

6. Jabatan Perhutanan juga sedang dalam perancangan untuk menjayakan *Crocodile Rescue Estate* bagi menempatkan buaya-buaya yang telah ditangkap untuk dimanfaatkan bagi aspek ekonomi secara mampan. Diharapkan pada masa akan dating akan dilaksanakan dengan kerjasama pihak swasta.

Manakala bagi mendukung pertumbuhan dan pembangunan industri pelancongan, pihak kementerian melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan sedang dalam proses penyediaan dan pengemaskinian hala tuju strategi dan inisiatif-inisiatif yang dikenal pasti untuk dilaksanakan seperti yang dirancang dalam Peta Jalan Industri Pelancongan (*Tourism Industry Roadmap*).

Jabatan akan terus memberikan penekanan kepada usaha-usaha ke arah pembangunan, mempelbagaikan, mengukuhkan dan mempromosikan produk-produk pelancongan berteraskan kebudayaan (*culture*) dan juga alam semula jadi selain memastikan kemudahan, infrastruktur serta pemberian perkhidmatan pelancongan akan terus dipertingkatkan bagi menarik serta meningkatkan jumlah kedatangan pelancong ke negara ini.

Di samping itu, selain menggalakkan kedatangan pelancong luar negeri, pihak kementerian juga akan terus mengusahakan untuk mempromosikan pelancongan domestik melalui program-program seperti "Kenali Negara Kitani", *Mid-Year Conference and Exhibition (MYCE)*, *Brunei December Festival*, *Local Product Expo*, dan *Brunei Gastronomy Festival* dan sebagainya bagi menggalakkan penduduk di negara ini untuk bercuti dan berbelanja di negara sendiri, terutama sekali semasa musim percutian sekolah, bagi merangsang serta menggiatkan lagi aktiviti-aktiviti ekonomi di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Ke arah mendukung pertumbuhan serta peningkatan keluaran dari sektor makanan:

1. Di bawah peruntukan Perbelanjaan Berulang-Ulang, sekitar $9 juta disediakan untuk membiayai Skim Pembelian Semula Padi, bagi mendukung Program Pengeluaran Beras Negara yang termasuk membiayai pembelian padi daripada peladang-peladang, pembelian biji benih padi *hybrid* berhasil tinggi dan pembiayaian perkhidmatan pemprosesan padi kepada beras dan lain-lain.;

2. Di bawah peruntukan Perbelanjaan RKN Ke-12, Harga Rancangan sebanyak $237.06 juta juga telah disediakan untuk membiayai projek-projek utama dan mengukuhkan rantaian nilai industri makanan bagi sektor pertanian dan perikanan, antaranya:

   i. Program Peningkatan Keluaran Sayur menggunakan teknologi tinggi bagi menjana Keluaran Dalam Negeri Kasar sejumlah $17.55 juta.;

   ii. Rancangan Pembangunan Industri Ternakan bagi menjana pengeluaran berjumlah $18.1 juta.;

   iii. Penyediaan infrastruktur bagi peningkatan industri pertanian di seluruh negara bagi Fasa 1 dan 2 sejumlah $90 juta.;

   iv. Program Peningkatan Hasil Pengeluaran Industri Padi bagi mendukung sekuriti makanan negara berjumlah $1.82 juta, iaitu bagi menaik taraf dan menambah fasiliti infrastruktur penyelidikan dan pembangunan padi seperti pembinaan sebuah *cage house* serta menaik taraf *cage house* sedia ada dengan sistem pengairan dan membina makmal fasiliti pembiakbakaan padi serta fasiliti penyimpanan biji benih (*cold storage*) dan alat-alat penyelidikan padi bagi meningkatkan kapasiti dan kompetensi dalam penyelidikan padi.;

   v. Program Peningkatan Kapasiti Sistem Pengairan di Kawasan Kemajuan Pertanian seluruh negara Fasa 2 berjumlah $68.26 juta,;

   vi. Program Pembinaan Infrastruktur Sistem Pembetungan dan Saliran Sisa Buangan berjumlah $38.95 juta.;

   vii. Ke arah meningkatkan pengeluaran perikanan, kementerian memperuntukkan $4 juta untuk menyediakan dan menaik taraf infrastruktur bagi kemudahan nelayan kecil-kecilan bagi meningkatkan kapasiti kemudahan penempatan treler bagi penurunan dan penaikan perahu, dan penyediaan infrastruktur asas bagi meningkatkan keselamatan untuk nelayan kecil-kecilan beroperasi.;

   viii. Memajukan dan membuka tapak-tapak bagi industri akuakultur diberikan peruntukan sejumlah $10.53 juta.;

   ix. Meningkatkan infrastruktur di kawasan tapak-tapak akuakultur yang sedia disediakan berjumlah $1.9 juta.; dan

   x. Membuka dan memajukan kawasan tapak akuakultur yang baharu sebanyak $1.59 juta.

Ke arah mendukung pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan negara, sekitar $18.45 juta disediakan di bawah perbelanjaan RKN-12 bagi membiayai Program Ke Arah Mengukuhkan Kelestarian Alam Sekitar, antaranya pelaksanaan projek-projek penghijauan semula ke atas kawasan hutan yang *degraded*; peningkatan aktiviti pemuliharaan hutan dan persijilan hutan.

1. Selain itu, sebanyak $1.5 juta disediakan bagi Pensijilan Pengurusan Hutan yang mampan.;

2. Program Meningkatkan Pemuliharaan Hutan bagi mendukung alam sekitar bagi mengurangkan impak terhadap alam sekitar dan perubahan iklim dan membolehkan penjualan karbon melalui perdagangan karbon berjumlah $5.21 juta.;

3. Meningkatkan bekalan stok kayu-kayan melalui kaedah perladangan hutan berteraskan Amalan Pengurusan Hutan Mampan berjumlah $8 juta.; dan

4. Meningkatkan bekalan stok kayu kayan melalui Kaedah Penanaman Mengaya (*Silvicultural Enrichment Planting*) berteraskan Amalan Pengurusan Hutan Mampan berjumlah $2.1 juta.;

5. Meningkatkan pengeluaran hasil hutan melalui pembinaan Stesen Pemeriksaan dan Kawalan Pengeluaran Hutan sebanyak $0.85 Juta.

Manakala, bagi mendukung pertumbuhan dan pembangunan industri pelancongan, sekitar $7.32 juta disediakan di bawah perbelanjaan RKN Ke-12 bagi mengukuhkan produk-produk pelancongan.

Walau bagaimanapun, dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan pelancongan ini, pihak kementerian tidak hanya bergantung sepenuhnya pada pembiayaan kerajaan semata-mata, tetapi juga menerokai kaedah serta pendekatan yang lebih efisien yang dapat mengurangkan pergantungan pada peruntukan kerajaan semata-mata, misalannya melalui *PPP*, sepertimana yang pada masa ini yang telah dilaksanakan bagi Projek Pembinaan Restoran di Bukit Patoi, Daerah Temburong yang boleh dikunjungi oleh pelancong-pelancong tempatan dan asing.

Di bawah peruntukan RKN-12 projek-projek yang dirancang bagi sektor pelancongan adalah menaik taraf Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong, Daerah Brunei dan Muara sebanyak $1.58 juta termasuk menaik taraf infrastruktur dan menyediakan kemudahan-kemudahan di Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong. Selain itu, Jabatan Kemajuan Pelancongan juga berhasrat untuk menaik taraf bangunan Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampung Air berjumlah $1.36 juta bagi mengubah suai dalaman bangunan dan menyediakan peralatan interaktif menggunakan kaedah terknologi digital.

Mengukuhkan infrastruktur asas dan kemudahan awam di tempat-tempat tarikan pelancong di Negara Brunei Darussalam sejumlah $3 juta iaitu menaik taraf dan menyediakan beberapa kemudahan bagi keselamatan dan keselesaan para pengunjung dan pelancong seperti jeti-jeti di sepanjang Sungai Brunei, Sungai Kedayan, Sungai Menglait untuk mendukung pembangunan aktiviti pelayaran sungai dan pelancongan menyelam (*dive tourism*) di Negara Brunei Darussalam dan meningkatkan kualiti industri pelancongan di Negara Brunei Brunei Darussalam sejumlah $1 juta bagi Piawaian Pelancongan Hijau, Penilaian Premis Bintang Pelancongan dan Pembangunan Kapasiti Tenaga Kerja dalam industri pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya akan terus komited untuk melaksanakan program serta inisiatif-inisiatif yang sedia ada dan mengenal pasti serta memikirkan strategi-strategi dan inisiatif baharu bagi memastikan keluaran dari industri pertanian, perikanan dan juga perhutanan serta pelancongan akan terus-menerus meningkat dengan mengiatkan lagi usaha bagi menarik penglibatan pengusaha-pengusaha baharu dalam pertanian dan perikanan termasuk penglibatan-penglibatan pengusaha tempatan, *GLC's* dan Pelaburan Langsung Asing. Kementerian ini juga menggalakkan para pengusaha yang berkenaan agar sentiasa komited, progresif dan bersemangat untuk mengembangmajukan perusahaan serta aktiviti perdagangan mereka masing-masing, mengguna pakai teknologi serta teknik moden dan mengamalkan urus tadbir yang baik bagi memastikan keluaran akan terus meningkat dari tahun ke tahun menyumbang secara signifikan ke arah pertumbuhan KDNK seperti makanan dan eksport dan menjana peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan.

Dalam hubungan itu, pendapat, saranan dan buah fikiran dari Ahli-Ahli Yang Berhormat amat dialu-alukan bagi membantu pihak kementerian menjalankan amanah dan tanggungjawab ini bagi kesejahteraan rakyat dan negara.

Sekian sahaja, yang dapat kaola sampaikan sebagai mukadimah dan sebagai maklumat asas berkenaan pencapaian dan perkembangan terkini aktiviti-aktiviti yang dikendalikan oleh kementerian ini iaitu sebagai panduan sebelum kita membahaskan peruntukan yang disediakan kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Terima kasih yang setinggi-tingginya kaola ucapkan kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang diberikan.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas penerangan yang cukup komprehensif berkenaan hala tuju dan keutamaan dalam penyediaan Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Ahli-Ahli Yang Berhormat Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sekarang saya bukakan untuk dibahaskan. Saya mempunyai senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membincangkan tajuk-tajuk yang berkenaan ini.

Maka, saya akan memberikan laluan untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan dan seterusnya kemudian bagi Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan ataupun respons.

Saya memulakan dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّه kaola sukacita merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkenaan dengan mukadimah yang cukup bererti tentang hala tuju dan perancangan ke arah kemajuan yang diharapkan.

Kaola menyokong penuh atas saranan rakan kaola Yang Berhormat Chong Chin Yee dalam mengetengahkan 'ambuya't sebagai makanan eksotik yang digemari oleh penduduk tempatan dan pelancong. Ambuyat juga menjadi pilihan di restoran mahupun makan bersama keluarga di rumah.

Daerah Tutong pernah menganjurkan Karnival Makanan Tutong pada tahun 2018 dan 2019, yang karnival ini telah mengetengahkan 'ambuyat' sebagai aktiviti utama di acara berkenaan yang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai.

Selain itu, produk-produk hiliran daripada sagu juga dapat dihasilkan oleh pengusaha tempatan seperti 'biskut sagu' produk 1K1P dan lain-lain. Perkembangan ini sedikit sebanyak mampu memberikan kesan positif ke arah menggiatkan ekonomi negara dan memberikan peluang kepada anak tempatan untuk menerokai sektor ini khusus dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Namun, pada itu dalam menghairahkan kita mempromosikan 'ambuyat', kaola melihat melalui kilang yang lebih luas tentang kapasiti serta kemampuan dalam menyediakan bahan mentah untuk industri berkenaan dalam tempoh masa yang akan datang. Kalau kita perhatikan hanya beberapa kilang sahaja yang berkecimpung dalam industri ini dan terdapat juga rungutan para pengusaha kilang berkenaan tentang kesukaran mendapatkan batang-batang pokok

rumbia yang jumlahnya cukup terbatas. Sehubungan dengan itu, kaola mengharapkan pihak yang berkenaan terutama sekali Jabatan Pertanian untuk menyediakan Pelan Strategik Penanaman Pokok Rumbia secara besar-besaran. Ini termasuklah menyediakan program-program kesedaran dan hala tuju tentang potensi pokok rumbia ke arah menggalakkan penanaman pokok rumbia dalam kalangan peladang dan dalam masa yang sama industri ini mampu menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara.

Seterusnya kaola menyentuh berkenaan industri pelancongan Negara Brunei Darussalam. أَلْحَمْدُ لِلّٰه sepertimana yang dimaklumkan projek-projek penaiktarafan tempat-tempat pelancongan telah disenaraikan dalam RKN-12 dan kaola mengharapkan agar usaha ini dapat membuka jalan kepada kemajuan industri pelancongan tempatan sekali gus merancakkan lagi aktiviti-aktiviti pelancongan yang dihasratkan.

Dalam pada itu, kaola melihat terdapat ketidakselarasan di dalam merancang beberapa aktiviti dan acara sama ada yang dianjurkan di peringkat nasional mahupun di peringkat daerah yang ada antara acara berkenaan mempunyai nilai dalam sektor pelancongan domestik. Sehubungan dengan itu, kaola mencadangkan agar Jabatan Kemajuan Pelancongan dapat duduk semeja dengan piihak-pihak berkenaan seperti jabatan-jabatan daerah, jabatan-jabatan bandaran, Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta mana-mana pihak yang berkepentingan untuk menyediakan Kalendar Acara Tahunan Negara Brunei Darussalam dan selain penganjuran acara *Brunei December Festival (BDF)* yang diadakan setiap tahun. Kaola mengharapkan agar program Tahun Melawat Brunei dapat dianjurkan, yang ia merupakan sebuah program yang disediakan khas untuk menarik industri pelancongan ke Negara Brunei Darussalam. Ia penting sebagai sukat-sukat kedudukan dan kemampuan inovasi pelancongan tempatan. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri mengenainya.

Sekian, Terima kasih.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan berkenaan dengan 3 soalan telah diajukan. Pertama ialah berkenaan tanaman pokok rumbia bagi mendukung pengeluaran ambuyat di negara ini.

Barangkali pihak kementerian akan menduduki perkara ini selanjutnya dengan Jabatan Pertanian, yang penting pada masa ini kriteria yang 'kitani' 'banar-banari' ialah melihat nilai kerana disebabkan oleh tanah-tanah 'kitani' ini *limited* jadi nilai komoditi atau tanaman itu adalah satu kriteria yang penting untuk di*consider*.

Jadi pihak Kementerian melalui Jabatan Pertanian akan melihat sama ada adakah penanaman pokok rumbia secara besar-

besaran untuk memenuhi keperluan 'ambuyat' akan dapat diusahakan. Itu *we will do that* إِنْ شَاءَ اللهُ.

Berkenaan dengan ketidakselarasan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti antara aktiviti yang 'diungkayahkan' oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan dan juga aktiviti-aktiviti daerah dan juga bandar.

Sebenarnya, aktiviti ini satu jawatankuasa dinamakan *Brunei Tourism Development Board* yang wakil-wakil kementerian ada ikut serta untuk bercambah fikiran bukan sahaja dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ejen Pelancongan dan juga *Association of Hotel* dan juga *airlines* termasuk di sana. Barangkali, *probably we will look into this. More representation* daripada pihak daerah juga untuk sama-sama memberi *input* kepada *Brunei Tourism Development Board.*

Berkenaan dengan cadangan Tahun Melawat Brunei, ada beberapa projek berskala *international* sedang diteliti pada masa ini barangkali *include this as part of the suggestion*. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan berkenaan dengan sama ada untuk mengadakan *Visit Brunei Year. We will look into this* dan akan dimasukkan dalam cadangan *proposed* atur cara yang akan diteliti untuk diungkayahkan dalam setahun dua tahun ini. إِنْ شَاءَ اللهُ. Terima kasi,h Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

Lebih dahulu kaola ingin merakamkan ucapan penghargaan atas pembentangan kertas kerja yang terperinci daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Kaola ingin bercakap di bawah Tajuk SH06A – Jabatan Kemajuan Pelancongan berkaitan dengan kemajuan dalam sektor pelancongan mengenai isu pengangkutan awam di negara ini.

Isu ini merupakan satu cabaran yang besar dalam usaha mempromosikan pelancongan di negara kita walaupun jadual perkhidmatan bas dapat dilihat peningkatannya namun beberapa pembaikan diperlukan dari segi konsistensi jadual bas, kualiti perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Beberapa kekurangan bas yang dapat dilihat adalah seperti bas yang tidak dilengkapi dengan penghawa dingin dan tempat duduk yang selesa. Perkara ini menjadi satu keperluan asas bagi keselesaan pengguna awam dan pelancong.

Selain itu, mewujudkan aplikasi bagi orang ramai untuk dapat *download* bagi mengetahui penjadualan bas juga diperlukan. Kaola ada mencari-cari aplikasi bas dan yang ada dalam *search engine* adalah aplikasi bernama *Move It*. namun ia bukan di bawah pengurusan kerajaan. Oleh itu, adalah penting untuk mempunyai aplikasi yang diuruskan oleh kerajaan bagi memastikan kualiti dan kredibilitinya.

Selain itu, jarak antara setiap perhentian juga perlu dipertimbangkan semula. Jarak yang terlalu jauh antara perhentian menyukarkan pelancong untuk bergerak di sekitar bandar. Kelewatan yang berlaku menyebabkan pelancong lebih cenderung untuk berjalan kaki yang bukan sahaja membuang masa tetapi juga memberi kesan negatif terhadap pengalaman pelancongan mereka di negara ini.

Mengenai perkhidmatan *e-hailing Dart* pula, dalam pengalaman kaola sendiri menggunakan *Dart* jika boleh dijadikan contoh meskipun ia merupakan inisiatif yang baik pelaksanaannya tapi masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Kelewatan yang berlaku dalam menerima permintaan dan pengambilan penumpang adalah antara isu yang perlu diatasi.

Kaola sendiri membuat beberapa *trial* menggunakan perkhidmatan ini dan telah mengalami masa menunggu yang lama, kadang-kadang sehingga 30 minit kerana pemandu Dart terpaksa membuat pusingan untuk menghantar penumpang terdahulu ke destinasi mereka. Masalah ini mungkin disebabkan oleh kekurangan pemandu *Dart* di Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, kita perlu mencari strategi untuk menarik lebih ramai orang terutamanya golongan yang menganggur untuk mahu menceburi bidang ini.

Selain itu, kita juga perlu mempertimbangkan kaedah pembayaran yang lebih mudah dan cekap bagi penggunaan pengangkutan awam sama ada bas atau *Dart,* pengenalan sistem pembayaran melalui pengimbasan atau *tap and go* seperti yang ada dipraktikkan di beberapa negara boleh membantu mengurangkan kesulitan dan mempercepatkan proses bayaran.

Dengan melakukan pelbagai penambahbaikan ini, kita dapat mengurangkan risiko dan meningkatkan keselamatan pengguna awam termasuk pelancong. Peningkatan kualiti perkhidmatan awam juga dapat mengurangkan perkhidmatan pemandu "teksi haram" yang semakin meningkat.

Mengambil contoh terdekat sahaja, pekerja-pekerja di negara ini yang bukan *local* termasuk Pembantu Rumah kaola sendiri kebanyakannya masih cenderung menggunakan "teksi haram" walaupun ia *illegal* kerana ia adalah pilihan yang lebih murah dan cepat. Ini menunjukkan bahawa terdapat kekurangan dalam perkhidmatan pengangkutan awam yang disediakan di negara kita. Oleh yang demikian, diharap dengan menambah baik pengangkutan awam kita dapat memastikan bahawa pelancong dan

pengguna tempatan dapat menikmati pengalaman yang lebih selamat dan selesa semasa melancong di negara kita.

Di samping itu juga, seperti harapan kita dalam belanjawan pada tahun yang akan datang ini seperti yang telah diterangkan dalam pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan sebelum ini dan juga peruntukan yang telah disediakan bagi melaksanakan 10 projek di bawah RKN - 12 untuk dapat menambah baik lagi produk-produk pelancongan termasuk mengukuhkan infrastruktur asas dan kemudahan awam di tempat-tempat tarikan pelancong.

Sekian dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed berkenaan dengan isu pengangkutan awam terutama sekali bas. Memang diakui itu adalah satu perkara yang menjadi *weakest point* masa ini bagi 'kitani' dengan pelancong ialah *public transport* sama ada *transport* dari hotel, dari *airport* ke hotel ataupun dari perjalanan dari hotel ke tempat-tempat tarikan.

I think sebenarnya perundingan telah dibuat dengan pihak Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi mencari cara-cara untuk mengukuhkan lagi kemudahan pengangkutan awam terutama sekali bas masa ini. Apa yang Jabatan Kemajuan Pelancongan membuat pada masa ini ialah kalau pelancong-pelancong pada masa ini secara *immediate* kalau ia datang di*recommend* untuk *install Dart Application so that* barangkali kalau sekiranya mereka mendapati susah untuk mendapatkan bas, mereka ada aplikasi *Dart* untuk mereka gunakan untuk melawat. Itulah pada masa ini Jabatan Kemajuan Pelancongan punya *advice* kepada para pelancong *and then we are also working with phone provider* kalau mereka membeli sim kad untuk tourist dimasukkan jua *application Dart so that* mereka dapat menggunakan *Dart as a major and prime mover*.

Tetapi memang jelas isu pelancongan ini *we are also working with* Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi *trying* macam mana cara-cara untuk meningkatkan lagi kemudahan dan keselesaan orang awam untuk menggunakan *public transport* terutama sekali bas. Barangkali, itulah saja yang baru dapat kaola berikan untuk menjawab soalan tersebut Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya difahamkan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi suka untuk memberikan keterangan lanjut mengenai soal bas ataupun *public transport*. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah mengenai soalan pengangkutan awam. Untuk makluman, perkara ini akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam mukadimah apabila membincangkan

Belanjawan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

Tapi pada masa ini, saya ingin mengongsikan bahawa perkara ini memang sudah ditunduki dan beberapa perancangan akan dilaksanakan yang modul pengangkutan awam 3 *tiers* ini juga pernah dikongsikan semasa Sesi Muzakarah bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara ini, bahawa *sistem mobility* tiga peringkat yang terdiri daripada *e-hailing* persendirian atau *taxi services, e-hailing* berkongsi tumpangan dan juga rangkaian *network* bas awam. Inilah di antara perkara yang akan dilaksanakan yang telah mendapat peruntukan di bawah Perancangan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 ini.

Dalam hubungan ini, pihak kementerian juga telah mengemaskinikan strategi dan objektif yang sistem atau strategi sebelum ini juga telah ditunduki dan dikemaskinikan dengan keadaan semasa dengan lebih berdaya tahan dan lebih *viable*.

So, perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi itu mengenai *services* aplikasi mudah alih dan seumpamanya itulah antara perkara-yang telah dimasukkan dalam perancangan untuk dilaksanakan dalam belanjawan tahun ini dan RKN. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
لْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas mukadimah yang disampaikan. Mudah-mudahan semua agenda pembangunan yang dirancang dapat dihasilkan dan direalisasikan dengan jayanya إِنْ شَاءَ اللهُ.

Industri "ikan hiasan" menjadi satu kegiatan dan mampu memberikan pendapatan lumayan kepada pengusaha-pengusaha. Industri ini semakin berkembang seiring dengan perkembangan ekonomi negara. Ikan hiasan merupakan antara satu industri yang sangat berpotensi tinggi untuk dimajukan. Malahan masyarakat Brunei tidak terkecuali merupakan antara penggemar "ikan hiasan".

Negara kita mempunyai lebih kurang 200 spesis ikan air tawar dan ada antaranya sangat berpotensi sebagai "ikan hiasan". Spesis yang popular sudah setentunya spesis eksotik. Malaysia antara pengeluar terbesar ikan hiasan dunia apabila berjaya mencapai jumlah pengeluaran tahunan hampir 700 juta ikan berbanding 458 juta ikan pada tahun 2005.

Berdasarkan artikel akuakultur Malaysia, Jabatan Perikanan Malaysia menyasarkan RM600 juta hasil pendapatan negara kasar KDNK melalui perniagaan "ikan hiasan" yang mampu mewujudkan 100 ribu peluang pekerjaan. Ini menunjukkan bahawa industri "ikan hiasan" sememangnya berpotensi tinggi untuk diterokai oleh anak-anak tempatan 'kitani'.

Sehubungan dengan itu, kaola mencadangkan agar industri ikan hiasan dapat dimajukan sebagai usaha ke arah mempelbagaikan ekonomi bukan minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam melalui beberapa inisiatif.:

1. Memberikan bimbingan dan latihan di dalam memelihara "kan hiasan".;

2. Menyediakan inisiatif atau suntikan modal perniagaan sebagai menggalakkan permulaan.; dan

3. Memudah cara bagi memasarkan produk-produk "ikan hiasan" untuk tujuan eksport dan pasaran tempatan dan kaola ingin tahu setakat ini apakah ada pengusaha-pengusaha yang menceburi industri "ikan hiasan" di Negara Brunei Darussalam?

Selanjutnya kaola inginkan penjelasan berkenaan dengan perkembangan aktiviti pelancongan di Daerah Temburong sejak Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien siap dibina dan digunakan sepenuhnya berdasarkan statistik Jabatan Kemajuan Pelancongan, berapa keramaian pelancong yang berkunjung ke Daerah Temburong dan apakah ia menampakkan peningkatan atau sebaliknya? Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir berkenaan dua soalan tersebut dan juga cadangan.

Berkenaan dengan industri "ikan hiasan", memang industri ini adalah satu yang berpotensi untuk dimajukan. Setakat ini, ada tiga pengusaha telah pun berusaha dan berkecimpung dalam pengeluaran "ikan hiasan". *Supposed to be* ada dulu *FDI* di luar itu tapi 'inda' *materialize because* ada masalah hari itu.

Jadi, memang digalakkan kalau ada yang berkecimpung adalah dialu-alukan untuk berjumpa dengan pihak Jabatan Perikanan bagi orang yang berminat untuk mengusahakan "ikan hiasan", pihak Jabatan Perikanan akan dapat memberikan tunjuk ajar dan bimbingan untuk membolehkan 'bisdiorang' ada *knowledge* untuk memulakan ternakan "ikan hiasan".

Di samping itu juga, pihak Jabatan Perikanan akan juga menyediakan *special site* untuk 'bisdiorang' mengusahakan. Dari segi modal, *I think* memang modal itu *we can* usahakan. Barangkali ada *certain facilities* yang *we have at the moment* terutama sekali dengan kerjasama pihak *DARe, probably we can have a joint co-matching grant*

yang boleh kita gunakan untuk dipohonkan bagi membantu mereka dalam memulakan perniagaan mereka.

I think memang dialu-alukan siapa yang *interested* dalam usaha untuk berkecimpung dalam pembiakan *ornamental fish* ini. Kebanyakan mereka ini *hobbies* yang *really interested, passionate so* pada masa ini tiga syarikat sudah berkecimpung.

Berkenaan dengan usaha adakah *tourism* kitani di DaerahTemburong sudah mula berkembang, meningkat *in terms of activity*. Barangkali seperti yang kaola nyatakan tadi pada masa ini we have أَلْحَمْدُ لِلّٰه peningkatan ramai sudah mulai datang ke Negara Brunei Darussalamdaripada 35 ribu lebih pada tahun 2022 hingga 2023 seramai 133,630 orang. Memang satu kenaikan yang baik أَلْحَمْدُ لِلّٰه. *We hope* sebenarnya dalam masa setahun dua ini, *we're back to the pre-Covid time* 2019 yang lebih 300 ribu, ini sasaran yang hendak dicapai.

Memang salah satu tempat yang menjadi tarikan untuk pelancong ialah di Daerah Temburong disebabkan pada masa ini kita sedang *promoting culture, adventure, ecotourism and environment*. *Strength* 'kitani' terutama sekali di Daerah Temburong memang diusahakan untuk ditingkatkan lagi *quality content* yang ada masa ini dalam pakej-pakej yang ada bagi Daerah Temburong untuk menarik lebih lagi ramai pengunjung. إِنْ شَاءَ اللهُ memang sudah ketara ramai pelancong datang ke Negara Brunei Darussalam, kita sasarkan dalam masa 1 ke 2 tahun ini, *we will be able to achieve* إِنْ شَاءَ اللهُ *to record level* yang sebelum *COVID-19* iaitu seramai lebih 300 ribu datang ke Negara Brunei Darussalam dalam masa 1 ke 2 tahun ini. Memang ada *trend* yang menggalakkan bukan sahaja di Daerah Temburong malah seluruh daerah إِنْ شَاءَ اللهُ

Berkenaan soalan daripada Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan berkenaan dengan rumbia. Untuk makluman, ada sebanyak 50 ekar kawasan telah pun di*gazzete* untuk perusahaan rumbia di Kampung Ukong, Daerah Tutong.

Sebuah syarikat telah berusaha memproses yang moden telah mula beroperasi di Kampung Ukong untuk pengeluaran 'ambuyat' di sana. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya bercadang untuk berhenti berehat selama 15 minit dan kita akan menyambung semula perbahasaan ini kemudian nanti.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar)

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini bersidang semula bagi meneliti dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2024),

Perbekalan 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Mesyuarat Jawatankuasa ini masih membincangkan Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Saya masih mempunyai senarai yang terdiri daripada Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk turut serta membincangkan dan membahaskan tajuk-tajuk yang berkenaan.

Saya mulakan perbincangan ini dengan mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, setelah mendengar mukadimah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, kaola rasa cukup padat dan jelas tentang hala tuju perbelanjaan kementerian. Kaola menyentuh mengenai dengan gaharu. Penanaman gaharu suatu masa dahulu sering diperkatakan memandangkan gaharu mempunyai nilai yang tinggi di pasaran.

Ia telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan orang ramai yang berminat untuk menanamnya secara besar-besaran. Industri gaharu antara sektor perkayuan berpontesi untuk dikembangkan pada peringkat hiliran. Tambahan pula, masih ramai usahawan belum menerokai peluang terutama pembuatan minyak wangi dan perubatan. Gaharu mempunyai nilai dan pasaran tinggi pada peringkat domestik mahupun antarabangsa. Bahkan dikenali sebagai kayu paling mahal dengan nilai budaya yang tinggi. Berdasarkan kenyataan akhbar *Berita Harian Online,* pada masa ini, produk gaharu terutama minyak, hanya boleh diperolehi daripada tiga sumber iaitu penyusutan bekalan hutan semula jadi, perladangan lestari dan secara sintetik.

Manakala, 10 destinasi eksport teratas ialah Emiriah Arab Bersatu *(UAE),* Singapura, Malaysia, India, Laos, Jepun, China, Taiwan, Oman dan Hong Kong. Permintaan global diramalkan akan terus meningkat pada Purata Kadar Pertumbuhan Tahunan *(CAGR)* sebanyak 6% hingga 2033.

Pada masa ini, pasaran minyak gaharu global bernilai USD250 juta bersamaan $333 juta dan dijangka mencecah USD450 juta bersamaan $605 juta dalam sedekad akan datang. Tetapi di Malaysia, kadar bekalan hanya 40% daripada permintaan, sedangkan 1 liter boleh dijual sekitar USD10 ribu bersamaan dengan $13,460 hingga USD14 ribu bersamaan $18,850 di pasaran.

Di Daerah Tutong, kalau kaola tidak silap, ada 3 pengusaha yang menghasilkan

produk berasaskan gaharu seperti minyak wangi. Ini adalah satu perkembangan yang baik dan diusahakan ke arah menggalakkan industri gaharu terus berkembang di negara kita sebagai langkah ke arah memantapkan ekonomi negara.

Sehubungan itu, kaola ingin pencerahan secara spesifik, apakah perkembangan penanaman pokok gaharu di Negara Brunei Darussalam ketika ini? Dari segi pengawalan dan pemantauan, apakah ada berlaku aktiviti-aktiviti penanaman haram dan kecurian pokok gaharu direkodkan di hutan-hutan simpan di Negara Brunei Darussalam?

Kalau di Daerah Temburong terkenal dengan sumber batu kelikirnya. Daerah Tutong pula terkenal dengan pasir putih dan merupakan sumber alam semula jadi dan masih belum diterokai sehingga kini. Oleh yang demikian, apakah ada perancangan ke arah memperkayakan sumber alam (pasir putih) ini pada masa akan datang?

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jika saya tidak silap perkara ini telah kita timbulkan pada tahun lepas dan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan juga telah membuat keterangan mengenai perkara yang sama, melainkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mempunyai maklumat-maklumat tambahan mengenai perkara ini.

Saya persilakan kalau sekiranya terdapat maklumat-maklumat *(information)* baharu mengenai pokok gaharu ini. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Berkenaan pohon gaharu ini, yang kaola ingin ketengahkan *(highlight)* ialah *high value* atau tinggi nilai bagi pohon gaharu ini. Jadi, masalah pada masa ini yang dihadapi oleh kementerian, iaitu Jabatan Perhutanan, terdapat banyak kes-kes kecurian pohon gaharu tersebut.

Jadi, pihak Jabatan Perhutanan bersama pihak Pihak Polis Diraja Brunei dan juga Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sedang bekerjasama untuk mengawal kes kecurian ini. Baru-baru ini 'kedapatan' ada orang mencuri, kemudian dirampas gaharu yang bernilai tinggi yang telah dicuri tersebut.

Itulah keadaan pada masa ini, pencurian gaharu memang banyak berlaku, أَلْحَمْدُ لِلّٰه dengan adanya kerjasama daripada pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, masalah ini dapat dikawal. Modus operandinya bukan berasal dari Negara Brunei Darussalam tetapi dari negeri jiran.

Itu saja yang dapat kaola maklumkan. Berkenaan tanaman gaharu, pada masa ini kebanyakannya tanaman gaharu di sini jenis kecil-kecilan tetapi *one of the major problems they're facing* ialah mencari *inoculant* yang digunakan untuk menghasilkan gaharu ini *is very*

expensive. Belum lagi ada yang berhasil untuk meng*commercialise* di Negara Brunei Darussalam. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya juga difahamkan bahawa proses penanaman ini *a bit destructive,* terpaksa kayu-kayu itu ditebang. Walau bagaimanapun, getah yang dicari kadang-kadang 'inda kedapatan' jadi terpaksa menebang kayu-kayu untuk mendapatkan yang diperlukan itu, *plus minus it might not be productive.* Bagi orang 'kitani' yang menerokainya 'indalah kitani' mahu turut campur mengenai *production* ini.

Saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّه Kaola mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas mukadimah yang cukup berinformasi tentang hala tuju Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Semoga ia dapat direalisasikan dengan jayanya إِنْ شَاءَ اللهُ. Sektor pertanian adalah antara penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara selain minyak dan gas. Peranan pihak kerajaan serta pihak-pihak yang berkepentingan penting bagi menggalakkan sektor ini agar ia akan terus berkembang.

Ini termasuklah penyediaan inisiatif-inisiatif yang sesuai dan bantuan kepada para peladang termasuklah subsidi baja dan sebagainya. Namun pada itu, terdapat beberapa "rungutan" dari pihak peladang berkenaan ketidakseimbangan harga-harga baja di pasaran. Perkara ini memberi kebimbangan kepada peladang kerana peningkatan dari segi kos operasi yang ditanggung pada setiap bulan.

Sehubungan itu, kaola memohon pencerahan berkenaan bantuan subsidi baja yang disediakan oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Bagaimanakah kaedah dan cara ia diurus agar bantuan-bantuan ini dapat dimanfaatkan oleh pihak peladang dengan sebaik-baiknya? Selain subsidi baja, apakah jenis bantuan-bantuan lain yang disediakan oleh pihak kerajaan?

Seterusnya kaola ingin menyentuh dengan Kelompok Pertanian Luar Bandar (KPLB) berkaitan isu tanah yang dibajakan. Kaola memohon penjelasan daripada pihak-pihak berkenaan dengan syarat-syarat yang disediakan bagi memperbaharui kebenaran tanah-tanah KPLB dan apakah syarat-syarat khusus bagi membolehkan tanah-tanah ini diberikan status tanah Lesen Tumpang Sementara *(TOL)* kepada peladang-peladang.

Seterusnya, kaola ingin memohon pencerahan mengenai perkara di bawah Tajuk SH06A0- Jabatan Kemajuan

Pelancongan. Kaola sukacita ingin menyentuh mengenai beberapa tempat yang menarik dan berpotensi dijadikan daya tarikan pelancong tidak dapat dibuka pada orang ramai dan pelancong seperti Sungai Ingei, Ulu Belait yang mempunyai beberapa telaga air panas dan gua. Di Daerah Tutong, Tasek Merimbun masih lagi tidak dibukakan kepada kunjungan pelancong dan orang ramai.

Sekiranya tempat-tempat ini dibukakan, ia dapat menjana pendapatan kepada negara dan warga tempatan. Mohon ulasan mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat.

Terdapat tiga soalan pertama berkenaan kos bantuan bagi *input* ladang dan subsidi kos baja. Seperti yang telah biskaola nyatakan tadi, sebanyak $9 juta telah disediakan untuk menyediakan pembelian padi, hasil *input* baja dan juga benih-benih memang *every year* kerajaan memberi bantuan kepada para peladang terutamanya padi untuk mengusahakan ladang mereka dengan bantuan subsidi tetapi masalah pada masa ini seperti yang kaola nyatakan tadi kos *input* semakin tinggi, jadi *we cannot cope* kalau sudah naik kos dan benih dan baja juga naik harga.

Itulah masalah pada masa ini dengan peruntukan yang ada akan memberi seluruh bantuan kepada subsidi itu memakan belanja yang banyak, jadi itu terhad *in terms of* subsidi baja dan subsidi *input nevertheless,* Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sekarang sedang membuat *formulation of new strategy* bagi membolehkan 'kitani 'lebih efektif dari segi meningkatkan produktiviti tanpa bergantung banyak pada baja seperti baja *artificial*. Jadi, ini *still* dalam penyediaan إِنْ شَاءَ اللهُ akan 'dibarigakan' kepada masyarakat peladang dan juga penternak-penternak dalam masa sedikit masa lagi.

Berkenaan PKLB Kawasan Kemajuan Luar Bandar, masa ini kalau sudah diambilalih oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Ia diharap akan ditukar menjadi Kawasan Kemajuan Pertanian.

Jadi Kawasan Kemajuan Pertanian itu mesti ada *KPI.* Ini usaha 'kitani' untuk meningkatkan lagi *production*. Apa yang dihadapi oleh *KPLB* masa ini ada yang *part time,* ada yang tidak diusahakan dan ada diusahakan. Jadi, *in terms of productivity* pengeluaran tidak menentu.

Dengan adanya *convert* kepada KKP (Kawasan Kemajuan Pertanian), pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan berharap peladang-peladang itu menjadi serius, akan ada *KPI* disediakan, dapat digunakan tanah itu seoptimumnya, dapat *contribute* kepada peningkatan pengeluaran sayur-sayuran, buah-buahan dan terus menyumbang ke arah *food security* negara kerana *KPI* ini banyak kawasannya tapi sayangnya

produktiviti *low*, ada yang serius dan ada yang tidak serius jadi ia tidak rata, ada juga yang 'samak' kawasannya, yang sebelah ada yang *clear.*

Dengan adanya usaha untuk Kawasan Kemajuan Pertanian akan lebih serius lagi pengeluaran *produce* pertanian dan agrimakanan di sana, إِنْ شَاءَ اللهُ akan diusahakan.

Kalau Jabatan Kemajuan Pelancongan memang ada kawasan-kawasan yang memang untuk Kemajuan Pelancongan seperti Luagan Lalak, Teraja, Daerah Belait. Tetapi *there are certain* kawasan *conservation* seperti di Ingai. Ia adalah satu kawasan *conservation* yang sensitif ekosistemnya jadi kalau ramai lagi orang ikut ke sana, ia akan 'mengacau' kawasan itu, jadi *wildlife biodiversity* akan terancam. Ada *certain balance* antara kawasan *conservation* dan juga kawasan rekreasi *park* di sana.

Pihak kementerian memang peka dengan perkara ini yang mana dapat dimajukan akan dilibatkan pihak penduduk di sana untuk memajukan kawasan tersebut dan pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan akan juga menyediakan peruntukan projek di bawah RKN untuk menyediakan prasarana asas.

Tapi kalau yang *conservation I think* di bawah *Forestry, I think we have to respect that wildlife biodiversity* kerana 'kitani' juga *famous for this conservation*. Itulah *balancing* antara untuk *tourism* dan juga untuk *conservation*.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه Kaola mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas mukadimah yang penuh bermakna dan akan menjadi inspirasi kepada rakyat jika ia dapat dilaksanakan dengan jayanya إِنْ شَاءَ اللهُ . Kaola menyambut baik dengan saranan Yang Berhormat Pengerusi agar mengutarakan isu-isu strategik, pendek dan padat.

Menyentuh berkenaan dengan Projek Kemajuan Penanam Padi secara komersial berkeluasan 500 hektar KKP Kandol. Sepertimana yang dimaklumkan, jika dilaksanakan sepenuhnya, dengan adanya padi 'Sembada' yang mempunyai produktiviti sebanyak 4 hingga 5 tan metrik per hektar sekali tuai. Jika dijangka akan dapat menjana kepada sara diri atau *self-sufficiency* mencecah kepada 8.4% beras negara.

Pertanyaannya, kaola ingin tahu sejauh ini, apakah perkembangan yang dicapai untuk Projek KKP Kandol Fasa 1 dan 2? Apakah peratus sara diri beras negara

pada masa ini? Bagaimana status perkembangan kemajuan Fasa 3?

Pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga telah membuat kajian dan ujian kepada beberapa jenis padi yang didatangkan dari Republik Rakyat China dan Indonesia yang mempunyai potensi untuk mengeluarkan 7 hingga 8 tan metrik padi sehektar. Pertanyaannya, apakah perkembangan yang telah dicapai atas kajian yang telah atau yang sedang dilaksanakan?

Kaola ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan padi bukit yang dulunya menjadi pilihan kepada petani tempatan untuk ditanam. Ini disebabkan ia lebih mudah diusahakan berbanding dengan padi sawah.

Pertanyaannya, sehubungan dengan itu, kaola mencadangkan agar pihak kerajaan dapat memberikan perhatian tentang potensi padi bukit jika ditanam secara besar-besaran kerana ia lebih mudah diselenggarakan berbanding tanah sawah yang memerlukan peruntukan besar seperti persediaan tanah, perparitan, saliran air dan sebagainya.

Untuk Jabatan Perikanan, di sini kaola memohon agar dibina penurunan perahu di Pekan Belait bagi nelayan-nelayan yang berada di sana. Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri dengan perkara-perkara yang dinyatakan kaola tadi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat. Ada 4 soalan di sana.

1. Berkenaan dengan KKP Kandol.;
2. Padi Bukit.;
3. *Researc.;* dan
4. Penurunan perahu di Kuala Belait.

Berkenaan dengan KKP Kandol ini أَلْحَمْدُ لِلّٰه masa ini Fasa 1 dan Fasa 2 telah dilaksanakan seluas 174 hektar telah dibuka. Jadi, masa ini rancak dilaksanakan terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh *Paddy co* di sana.

Antara cabarannya adalah kerana ladang ini baru dibuka jadi dari segi *stabilization* tanah itu belum lagi stabil, jadi terdapat tanah 'teturun' di ladang-ladang itu, jadi masa ini pihak *Paddy co* sedang *trying* untuk mengatasi menaikkan lagi tanah itu supaya ia balik semula tempat yang diperlukan, di samping itu kekurangan pekerja masa ini.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه , masa ini 'kitani' mempunyai orang *local* ada 11 atau 12 orang kalau tidak silap, tetapi tidak mencukupi *and then* terdapat cabaran untuk mengambil *more local*. Jadi, sudah berapa usaha telah dibuat tetapi tidak berjaya jadi, mendatangkan juga pekerja luar untuk membantu 'kitani' menghasilkan padi di kawasan 174 hektar ini.

Jadi, itulah 2 perkara cabaran yang dihadapi. Pada masa ini, *we are* bertanam *MRQ* di sana dengan cadangan supaya untuk *slowly*lah, kalau sudah stabil barulah mem*produce high yield variety* di sana.

Dari segi produktiviti pun masa ini di Kandol *still* rendah, kerana ia kawasan baru. Tanahnya pun belum stabil lagi, belum lagi serasi, jadi pengeluaran masih lagi rendah *between* 1-2 tan metrik/semusim. Itulah masa ini kisah KKP Kandol.

Dari segi *in term of our* sara diri masa ini أَلْحَمْدُ لِلّٰه *we are* mencapai 8% sara diri, إِنْ شَاءَ اللّٰهُ dengan adanya *a new hybrid* baharu, *we are hoping* untuk meningkatkan lagi sara diri kepada 12% kalau berjaya *trial* yang dibuat masa ini. Jadi, masa ini dalam Fasa 3, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan *hold* dahulu sebabnya di fokus kepada pembangunan 174 hektar ini, biar stabil, dan kalau ia berjaya أَلْحَمْدُ لِلّٰه akan dilaratkan.

Dari segi padi bukit, memang *non-irrigated area*, ganya masalahnya padi bukit ini rendah *yield*, jadi ada pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan juga telah memperkenalkan padi yang boleh meningkatkan lagi hasil di kawasan-kawasan bukit dan juga kawasan *non-irrigated* ini.

Jadi, *I think hopefully* dengan adanya peningkatan daripada 1 ke 3 tan padi ini, sebabnya *under trial* di Jabatan Daerah Temburong, kalau cita rasa mencapai selera orang Brunei akan dilaratkan arah lain lagi.

Di samping itu juga, padi-padi tradisional seperti Beras 'Kabun', Beras 'Pusu', *research will be done* dengan kerjasama agensi-agensi *research* di luar negeri untuk meningkatkan lagi hasil padi macam 'Pusu' ini untuk daripada 1 tan metrik kepada 2-3 tan metrik setahun. Ini akan lebih berbaloi lagi *in term of* pulangan kepada peladang-peladang. Dari segi *research* dari Republik Rakyat China dan juga dari Filipina أَلْحَمْدُ لِلّٰه , perkara ini berterusan, masa ini terdapat satu jenis *variety 'Yuan 158'* kalau tidak silap, mempunyai potensi untuk dikembangkan lagi yang boleh mengeluarkan hasil pengeluaran 7 ke 8 tan metrik. Ini mempunyai potensi yang baik, *in term of* penerimaan cita rasa orang Brunei, *'Yuan 158'* ini 'usulnya' lebih orang suka *compare to* 'Sambada'.

Jadi, sekiranya berjaya ia di*introduce* seluruh negara yang *gated*, إِنْ شَاءَ اللّٰهُ kalau berjaya *we will be able to get* 78 tan metrik / hektar semusim. Itulah *in term of research* yang telah dibuat, *we have identified 'Yuan 158'* dari Republik Rakyat China yang mempunyai hasil tinggi dan mempunyai cita rasa boleh diterima oleh rakyat negara ini.

Dari segi tempat penurunan perahu, masa ini sebanyak 7 buah penurunan perahu di Daerah Brunei dan Muara, 4 buah di Daerah Tutong, 2 buah di Daerah Belait dan 6 buah di Daerah Temburong. Jadi, untuk masa ini, *we will allocate* di bawah RKN untuk memajukan 'membisaikan' lagi meng*upgrade* penurunan-penurunan perahu yang ada masa ini untuk di*upgrade.* إِنْ شَاءَ اللّٰهُ *we will*

berunding dengan pihak releven autoriti di Daerah Belait untuk macam mana meng*upgrade* tempat-tempat penurunan perahu di bawah RKN-12 ini. إِنْ شَاءَ اللهُ

Itulah sahaja, Yang Berhormat Pengerusi jawapan yang dapat kaola berikan kepada soalan-soalan tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم.
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas pembentangan mengenai strategi dan inisiatif pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atau singkatnya *MPRT.*

Kaola merujuk Visi kementerian ini, iaitu: Keluaran industri sumber-sumber utama dan pelancongan yang menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi, eksport dan menjamin sekuriti makanan bagi mendukung Wawasan Brunei 2035.

أَلْحَمْدُ لِلهِ , tahniah juga kaola ucapkan kepada pihak kementerian dan juga kepada pengusaha-pengusaha dalam komoditi ayam pedaging dan telur ayam kerana berjaya mencapai kadar 100% status sara diri pada tahun 2022 dan 2023 serta mencukupi untuk dieksport ke luar negeri.

Pencapaian beberapa komoditi perusahaan lain juga menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Namun di sini, kaola menyentuh mengenai kadar sara diri komoditi ternakan daging kerbau dan lembu, dan yang disebutkan sebelum ini komoditi beras yang terus mendatar bagi tempoh lebih 5 tahun kebelakangan.

Di bawah kadar 10% bagi padi (beras) dan di bawah kadar 5% bagi daging kerbau dan lembu. Dikongsikan pencapaian sara diri bagi tahun 2023 sahaja ialah 3% bagi daging kerbau dan lembu serta 8% bagi padi ataupun beras. Usaha-usaha kerjasama dan penyelidikan berkaitan kualiti benih-benih padi sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi telah dilaksanakan secara berterusan dengan agensi-agensi yang berkepentingan di luar negara.

Namun dari data yang ada ketika ini, kadar sara diri komoditi-komoditi-tersebut masih terus mendatar dan إِنْ شَاءَ اللهُ 'kitani' akan menunggu hasil, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi untuk projek-projek baharu yang dilaksanakan.

Di sini, kaola ingin pencerahan berdasarkan penyelidikan-penyelidikan

yang dijalankan sebelum ini, apakah punca yang telah dikenal pasti menyebabkan tiada peningkatan pada kadar sara diri kedua-dua komoditi ini dalam tempoh yang begitu lama iaitu 5 ke 10 tahun kebelakangan?

Apakah strategi dan inisiatif pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memperluaskan penyertaan pengusaha tempatan khususnya golongan belia di negara ini termasuk lepasan graduan UNISSA dan *IBTE* dalam jurusan pertanian dan agrimakanan?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Usaha untuk meningkatkan produktiviti dan taraf sara diri kedua-dua komoditi ini pada pandangan kaola hendaklah diberi keutamaan segera dengan meneroka strategi-strategi baharu di samping mengekalkan strategi sedia ada yang dikenal pasti masih efektif.

Ini bertujuan untuk mengurangkan kebergantungan pada import luar negara dan untuk memenuhi permintaan tempatan serta memastikan sekuriti makanan yang terjamin di negara ini.

Di samping itu, kaola mencadangkan juga supaya pihak *MPRT* mempergiatkan lagi kerja-kerja penyelidikan yang sedia ada bukan sahaja untuk memastikan kualiti hasil benih-benih tanaman tetapi mungkin juga meliputi kajian kualiti tanah dan persekitaran di tapak-tapak pertanian yang dipilih khususnya untuk penanaman padi yang bersesuaian dan di samping itu untuk pihak *MPRT* memudahkan proses permohonan dan peraturan bagi mendapatkan tapak-tapak pertanian dan penternakan yang dikenal pasti bersesuaian untuk produktiviti tinggi kedua-dua sektor ini.

Tapak-tapak yang diberikan tersebut hendaklah diberikan dalam keadaan yang bersih dan tersedia untuk diusahakan bagi pengusaha-pengusaha baharu. Bukannya kawasan hutan yang semak ataupun kawasan-kawasan banjir yang memerlukan kos yang tinggi untuk kerja-kerja pembersihan dan terpaksa ditanggung oleh pengusaha. Seterusnya untuk mempersiapkan para pengusaha baharu dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang-bidang yang diceburi, bimbingan dari aspek pengurusan kewangan dan pemasaran serta memastikan pemantauan berterusan diberikan oleh pakar dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kerjasama agensi-agensi yang berkenaan contohnya seperti pihak *DARe* dan *BEDB.*

Menekankan penggunaan meluas teknologi terkini dan kaedah-kaedah baharu dengan memberikan kemudahan peralatan yang bersesuaian bagi memastikan produk yang tinggi dihasilkan dan membuka lebih banyak kawasan baharu bagi penanaman padi dan penternakan kerbau dan lembu secara meluas yang dilengkapi dengan keperluan-keperluan asas dan diusahakan secara komersial sepenuhnya oleh anak-anak tempatan sama ada secara persendirian ataupun berkumpulan. Memperluaskan perusahaan industri penanaman padi dan penternakan luar negara secara *joint*

venture antara pengusaha-pengusaha dalam dan luar negara.

Akhirnya, kaola menyeru kita hendaklah terus berusaha melaksanakan inisiatif-inisiatif ke arah meningkatkan produktiviti dan taraf sara diri kedua-dua komoditi ini bagi memenuhi permintaan dan memastikan keterjaminan sekuriti makan di negara ini. إِنْ شَاءَ اللهُ .

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam. Berkenaan dengan *self-sufficiency* beras dan juga kerbau dan lembu sebenarnya kalau dilihat daripada usaha-usaha pihak kementerian ini, أَلْحَمْدُ لِلّه pihak kementerian telah berjaya meningkatkan *self-sufficiency* daripada 4% kepada 8% mulai tahun 2020. Dengan usaha memperkenalkan *variety* yang *high yield.*

Di samping itu, usaha-usaha untuk meningkatkan lagi bekalan air di kawasan-kawasan pertanian padi. Usaha-usaha juga dibuat dengan membuka kawasan baharu seperti Kawasan KKP Kandol, ini usaha yang telah dibuat untuk meningkatkan lagi hasil *self-sufficiency* padi di negara ini. Jadi padi ini إِنْ شَاءَ اللهُ seperti yang telah kaola nyatakan tadi ada 2 inisiatif telah dibuat:

1. Memperkenalkan 1,158 masa ini mempunyai hasil dalam *trial,* yang *small scale* boleh menghasilkan 8 tan metrik. Peningkatan daripada 5-6 tan metrik kepada 8 tan metrik.; dan

2. Di samping itu juga, pada masa ini bagi padi bukit yang *irrigated*, pihak kementerian juga telah mengenal pasti dan membuat *trial* padi yang *irrigated* ini dari Republik Rakyat China yang boleh menghasilkan 6 tan metrik. Di sini diharapkan ia dapat menghasilkan 3 tan metrik sahaja dahulu, yang daripada 1 tan metrtik kepada 3 tan metrik kerana tanahnya berlainan di sana.

Dengan adanya 2 inisiatif ini akan dapat ditingkatkan lagi dalam masa terdekat ini. Kalau berjaya dalam *trial* itu akan dapat meningkatkan lagi sara hidup sekurang-kurangnya kepada 12% إِنْ شَاءَ اللهُ.

Tapi ini bergantung pada beberapa faktor, yang besar sekali faktornya ialah cara-cara mereka menyediakan tanaman ini dan cara-cara mereka menyediakan ladang itu yang penting, kalau dilihat, diamati daripada *previous* pengajaran daripada 'Sambada (188)' ini adalah ladang-ladang yang berjaya menghasilkan sampai 8 tan metrik kerana usaha mereka mengendalikan ladang ini.

Jadi, perlu kerjasama rapat antara pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan juga para peladang untuk sama-sama mengerjakan usaha-usahanya ini seperti

yang telah ditunjuk ajar, seperti yang telah di*recommend* atau di*advise* oleh pakar-pakar padi ini untuk mendapatkan *yield* yang maksimum. Itulah *one of the major factor* yang menyebabkan kenapa hasil padi kadang-kadang rendah walaupun ia ada potensi untuk tinggi.

Kedua, ialah jenis tanah yang ada di Negara Brunei Darussalam. Kadang-kadang ia adalah tanah masam dan ia *require a lot of intervention* oleh pihak peladang untuk membaiki tanah itu. Itulah antara *challenge* yang dihadapi oleh pihak peladang-peladang padi di negara ini. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan terus berusaha dengan pihak peladang untuk meningkatkan hasil keluaran padi di negara ini.

Dari segi kerbau dan lembu, 2% ke 3% *I think* sudah dimaklumkan bahawa kawasan 'kitani' *very limited.* Jadi kawasan ini kalau dikira membuka ladang seperti yang telah kaola nyatakan *during last* MMN, beberapa puluh ribu hektar untuk bertanam rumput.

Jadi kalau puluhan ribu hektar untuk bertanam rumput *alone* ertinya akan menjejaskan hutan 'kitani'. Kadang-kadang 'inda' praktikal untuk mendapatkan sara diri secara berternak di negara ini tapi *nevertheless* pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan sedang berusaha membuat strategi baharu selain mengimport binatang dari Australia ada lagi usaha-usaha yang lebih dekat 'kitani' akan menerokai untuk membolehkan 'kitani' mencapai sara diri yang baik, *food security* yang *improved* dari segi lembu dan kerbau.

Pada masa ini, ia masih dalam perundingan dan akan dimaklumkan pada masa yang akan datang untuk mencari strategi bagi membolehkan 'kitani' meningkatkan lagi sara diri dari segi kerbau dan lembu dengan adanya bantuan dari negara jiran.

Dari segi penglibatan belia, memang diakui seperti dalam mukadimah kaola, *I dedicated one section on* belia yang sudah diakui bahawa belia ini ialah pendukung yang akan menjadi pemimpin dan juga akan menerajui industri pada masa ini.

Seperti yang telah kaola nyatakan tadi, sebanyak 155 orang أَلْحَمْدُ لِلّٰه sejak pengenalan program belia ini dari beberapa tahun lepas seramai 155 orang belia telah aktif berkecimpung dalam perusahaan pertanian dan perikanan dengan adanya skim belia, skim rintis dan projek-projek usaha sama antara pihak kementerian dan juga firma-firma kewangan seperti BIBD dan TAIB. *We are looking for sponsors to promote* penglibatan belia yang aktif dalam pertanian ini إِنْ شَاءَ اللّٰهُ.

Dari segi teknologi pada masa ini, kebanyakan belia yang ikut serta, pihak kementerian menggalakkan penggunaan teknologi tinggi seperti *protective vertical farming* dan *bench farming* yang dibuat pada masa ini. Kebanyakan tempat di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 ialah untuk menyediakan

prasarana yang mencukupi seperti *land clear*, bekalan tenaga elektrik dan air. Dengan adanya prasarana tersebut akan memudah cara penggunaan teknologi seperti yang ada di Kampung Tungku, Daerah Brunei dan Muara pada masa ini.

إِنْ شَاءَ اللهُ akan diteruskan sebagai tonggak untuk menjana kepada produktiviti yang tinggi kepada pengusaha-pengusaha pertanian. *Agripreneur* akan mengeluarkan hasil yang tinggi, berkualiti dan memberi impak yang signifikan kepada ekonomi negara.

Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi jawapan kaola berkenaan soalan-soalan yang telah diajukan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita berhentikan dahulu perbincangan kita dalam Mesyuarat Jawatankuasa dan kita akan bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Cukuplah dahulu kita bersidang pada pagi ini dan saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula petang nanti seperti biasa mulai pukul 2.30 petang.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita untuk meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam rang tersebut satu per satu, saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 untuk diteliti satu per satu.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa pada sebelah pagi tadi, kita telah mula membahaskan dan meneliti Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Bersama saya di sini masih lagi ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membahaskan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ini.

Maka, saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera. Kaola mempunyai dua soalan, Yang Berhormat Pengerusi:

1. Penglibatan belia dalam sektor pertanian dan agrimakanan. Mengikut data, 79% pengusaha industri pertanian dan agrimakanan adalah mereka yang berumur 51 tahun ke atas. Ini menunjukkan kurangnya penglibatan para belia dalam sektor ini demi mencapai salah satu agenda kebangsaan dalam keterjaminan makanan *(food security).*

2. Sukacita berterima kasih kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang telah menyusun beberapa siri lawatan bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat ke tapak-

tapak pertanian di negara ini dan أَلْحَمْدُ لِلّٰه banyak yang dapat dipelajari dari lawatan tersebut.

Turut diambil maklum bahawa pelaburan adalah amat penting bagi melibatkan diri dalam bisnes pertanian dan agrimakanan dengan jumlah yang tinggi, melibatkan beratus ribu ringgit.

Persoalannya ialah mengenai perancangan bagi graduan-graduan yang mengikuti kursus pertanian Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei *(IBTE):*

i. Apakah perancangan bagi pelajar graduan ini selepas menamatkan kursus mereka?; dan

ii. Apakah usaha atau inisiatif kerajaan bagi memastikan pengetahuan dan kemahiran para graduan tersebut dimanfaatkan sepenuhnya? Perkara ini mengambil kira Negara Brunei Darussalam masih jauh dalam mencapai kadar sara diri dalam bidang pertanian dan agrimakanan.

Mengambil kira status kewangan sebahagian graduan adalah pada tahap minimum dan tidak mampu untuk memulakan perusahaan digital ini. Kaola mencadangkan supaya:

i. Pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan membuat satu projek *pilot*. Menubuhkan syarikat kerjasama dalam sektor pertanian yang menggunakan teknologi baharu bagi pelajar atau mahasiswa yang menamatkan pengajian. Pembiayaan awal bagi menubuhkan syarikat-syarikat tersebut akan dibantu oleh pihak-pihak berkenaan seperti *BEDB,* Bank Usahawan dan BIBD dengan menyediakan pinjaman wang dengan kadar sifar faedah pada tahun pertama dan faedah yang rendah pada tahun-tahun seterusnya.

Untuk memastikan kejayaan projek ini, perkembangan kerjasama ini hendaklah dipantau secara berterusan dan para graduan yang terlibat diberikan bimbingan-bimbingan seperti berikut:

i. Kemahiran teknikal dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, kemahiran ekonomi dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi, *BEDB* dan *DARe*, daya tahan dan jati diri dengan menyertai *PKBN*.; dan

ii. Tentang *food security*. Kaola difahamkan bahawa Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mempunyai sebuah makmal *tissue culture* yang berpotensi untuk dikembangmajukan. Makmal tersebut pernah ditawarkan dalam tahun 2022 kepada pengusaha-pengusaha

tempatan yang berminat atau berpotensi dengan tujuan membekalkan anak-anak benih dari dalam negeri kerana ketika ini sebahagian besar benih-benih tanaman adalah diimport dari luar negeri. Secara kasarnya, menghasilkan benih tanaman melalui *tissue culture* berpotensi mengeluarkan hasil dalam jumlah yang banyak*, mass propagation. Identical* dengan tanaman induk, berkualiti tinggi, seragam dan terjamin bebas dari serangan penyakit.; dan

iii. Antara komoditi yang dicadangkan untuk dihasilkan oleh *chili, tomatoes*, terung, pisang, nanas, *mushroom* dan orkid yang komoditi-komoditi ini mempunyai permintaan yang tinggi setiap tahun dan boleh menjana pendapatan yang lumayan dan keuntungan yang tinggi. Namun sehingga ini belum ada pengusaha yang tampil untuk mengambil alih makmal tersebut.

Dalam perkara ini, kaola mencadangkan agar makmal ini ditawarkan untuk dijalankan oleh lepasan graduan-graduan UNISSA dan *IBTE* dalam jurusan pertanian.

Startup costs diperolehi dari dana *grant CSR DARe*, *BEDB,* Bank Usahawan, Syarikat atau institusi kewangan yang lain.

Ini adalah antara usaha untuk memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada lepasan graduan dalam jurusan pertanian dan membantu pihak kerajaan mencapai keterjaminan makanan *(food security).*

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin berkenaan dengan 2 soalan yang diajukan:

1. Penglibatan belia dan cadangan penubuhan syarikat kerjasama bagi lepasan graduan yang berkecimpung dalam pertanian dan yang kedua ialah berkenaan dengan makmal *tissue culture* mana dicadangkan untuk diusahakan oleh lepasan graduan. Sebenarnya berkenaan dengan penglibatan belia ini sudah abiskaola katakan tadi yang fokus Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ialah untuk melibatkan belia.

   Dalam mukadimah kaola *stressed just now* bahawa belia ini penting, jadi, macam-macam sudah program disediakan untuk melibatkan belia, seperti projek Skim Belia Bertani. Kedua ialah, ini adalah untuk belia yang sudah berkecimpung dan diajar bertani, di samping itu, ditolong dari segi *business plan*nya dan juga sumber kewangan dicarikan.; dan

2. Skim BIBD dan TAIB, masa ini *we'll work together* dengan sektor kewangan termasuk Bank Usahawan, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan bekerjasama dengan bank-bank ini untuk menyediakan sumber kewangan. Jadi, ada proses penilaian, dipilih belia yang berminat yang *qualified* benar-benar barulah mengikuti Skim Belia Bertani bersama dengan BIBD dan TAIB dan agensi lain. Semua kewangannya ditanggung sendiri oleh pihak bank dengan tunjuk ajar pengurusan kewangan oleh bank dan di samping itu juga *in terms of technical*, pihak Jabatan Pertanian akan membuat *assessment*nya. *So far*, أَلْحَمْدُ لِلّٰه masa ini, Fasa 1, 10 orang belia telah dipilih untuk mengikuti program ini.

Di samping itu juga, dari segi *adoption* teknologi, ini pun ada bantuan dari pihak kerajaan untuk menggalakkan para pengusaha terutama sekali kepada belia untuk menggunakan teknologi. Ini *collaboration between* Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan juga pihak *DARe*, *co-matching grant. So* apa saja aktiviti seperti penggunaan teknologi, pemakaian solar di ladang-ladang pakai *IoT*. Ini akan dibiayai dengan Kerjasama *co-matching grant* pihak *DARe.*

Seperti yang telah kaola nyatakan tadi, أَلْحَمْدُ لِلّٰه, *for the last few years* ini sebanyak 155 orang belia sudah berkecimpung dalam projek ini. Memang belia ini menjadi tumpuan kerana belia ini penting. 'Kitani' pun faham kalau belia ini jika *style* bercangkul tidak 'bisdia' minat, itulah teknologi sebagai bahan penarik untuk "bisdiorang" ikut serta dalam industri pertanian. Jadi, we *rebrand it* kepada *agro-entrepreneurs rather than* petani, penternak.

Hakikatnya, *seed production* benih-benih ini adalah penting. Ini adalah soalan kedua, dalam mengukuhkan lagi *the whole value chain of* pertanian ini. Jadi seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, *we have already advertised* 'balik-balik', tapi tidak ada *takers*.

Pada masa ini, pihak kementerian bekerjasama dengan pihak UNISSA untuk menggiatkan lagi projek *tissue culture* ini. Adalah diharapkan dengan kerjasama ini akan dapat mendorong lepasan-lepasan graduan (UNISSA) akan dapat berkecimpung dalam pengeluaran biji benih melalui *tissue culture* ini.

Tapi jika kiranya 'bisdiorang' ini mengeluarkan *tissue culture* sendiri, itu tidak akan menguntungkan sepenuhnya. Jadi kiranya mereka berusaha, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan gigih membantu 'bisdiorang' untuk membuka ladang sendiri jua. *So, cash*nya itu dari ladang juga untuk menjana pendapatan 'bisdurang' dan supaya mereka mendapat mata pencarian yang *sustainable*.

Inilah inisiatif yang 'diungkayahkan' oleh pihak kementerian bekerjasama dengan pihak UNISSA untuk *promote* penggunaan *tissue culture* sebagai

sumber untuk pengeluaran biji-biji benih terutamanya kepada peniaga lepasan-lepasan graduan daripada UNISSA ataupun *IBTE.*

Seperti yang dinyatakan tadi, mereka ini boleh *involved* dengan program belia yang sedia ada pada masa ini, sama ada dengan BIBD, TAIB atau *DARe* untuk memajukan *business* 'bisdiorang'.

Itulah jawapan abiskaola, Yang Berhormat Pengerusi berkenaan dengan soalan tersebut, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Ikut mencadangkan Ahli Yang Berhormat supaya perkara ini dapat dibawa semula kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan apabila ia ada di sini, akan ditanya kepada 'kedia'. Apakah perancangannya mengenai graduan-graduan yang akan keluar dari UNISSA dan juga IBTE yang ada mempunyai kepakaran dalam hal-ehwal pertanian?

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه . dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas mukadimah dan tahniah atas usaha-usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta penjelasan arah tuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang panjang lebar pada pagi tadi.

Kaola ingin mengucapkan tahniah juga kepada kementerian ini kerana jumlah ketibaan pelancong ke Negara Brunei Darussalam melalui udara pada tahun 2023 meningkat sebanyak 309% berbanding pencapaian pada tahun 2022 iaitu dari 29,386 orang pelancong kepada 120,059 orang pelancong.

Tahniah atas inisiatif yang diambil oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam mendukung industri pelancongan Negara Brunei Darussalam dari segi promosi dan pemasaran seperti membawa seorang *influencer...*

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat, tadi baharu sahaja Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memberitahu bahawa kedatangan pelancong-pelancong dari luar negara ke Negara Brunei Darussalam belum mencapai tahap sebelumnya *COVID-19,* jadi sasarannya ialah supaya ia berbalik semula iaitu mencapai kepada peringkat sebelum *COVID-19*.

Jadi 'kitani' lihat bagaimana keadaannya. Apabila kita sudah mencapai sasaran tersebut baharu kitani memberikan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola meneruskan sahaja. Seperti membawa seorang *influencer* terkenal dari negara lain, mengadakan pameran produk tempatan dan berusaha untuk meningkatkan infrastruktur di bawah Belanjawan Tahun Kewangan 2024-2025 iaitu penambahbaikan Galeri Pelancongan Kebudayaan Kampung Air, peningkatan kemudahan di Pulau Salirung dan projek penambahbaikan kemudahan di Taman Rekreasi Hutan Luagan Lalak.

Walaupun difahami bahawa kita baru pulih daripada kesan fasa *COVID-19*, prestasi dan produktiviti sektor pelancongan adalah masih jauh lebih rendah apabila dibandingkan dengan data pada tahun 2019 yang jumlah ketibaan pelancong adalah sebanyak 333,224.

Pada tahun 2023 hanya merangkumi sebanyak 36.02% dari paras 2019. Luruslah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pengerusi tadi.

Dari kementerian ada juga menunjukkan kadar penurunan bagi industri penginapan hotel di negara ini juga masih rendah iaitu hanya 40% dan sasaran yang sama bagi tahun yang akan datang. Perbezaan ini sangat besar dan kita perlu mengukuhkan dan meningkatkan lagi jumlah pelancong ke Negara Brunei Darussalam.

Penambahbaikan prasarana pelancongan juga masih banyak lagi perlu diperbaiki dan ditingkatkan untuk menarik lebih banyak pelancong, tidak hanya dari luar negera tetapi juga dari dalam negara. Ini kerana masih terdapat ramai penduduk tempatan yang belum mengetahui tentang tempat-tempat yang telah dinaik taraf dan apatah lagi pelancong dari luar negara.

Di negara 'kitani' terdapat banyak mercu tanda ikonik termasuk masjid-masjid, muzium-muzium yang indah, padang *golf* terbaik sesuai digunakan hampir sepanjang tahun untuk pelawat. Kawasan ikonik seperti terumbu laut dan pesisiran pantai serta alam semula jadi serta hidupan liar termasuk flora dan fauna yang cantik.

Ini juga boleh menjadi fokus strategik atau kawasan pelancongan khusus bagi pelancong mewah yang boleh memberikan manfaat ekonomi yang signifikan sambil mempromosikan pemeliharaan budaya, pembangunan lestari dan pengiktirafan global dan sebagai destinasi pelancongan utama di Asia Tenggara.

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, soalan kaola adalah:

1. Adakah perbelanjaan tahun ini mencukupi bagi tujuan-tujuan kemajuan pelancongan? Pada Belanjawan tahun ini sebanyak $1,004,550.00 untuk Promosi dan Pemasaran Pelancongan di bawah Kod 004/000 telah dicadangkan bagi diluluskan untuk tujuan Kemajuan Pelancongan.

   Namun, perbandingan dengan negeri jiran menunjukkan jurang yang besar dalam perbelanjaan bagi tujuan pelancongan. Rata-rata negara itu memperuntukkan 5 kali ganda lebih banyak peratusan belanjawan tahunan mereka untuk tujuan pelancongan.;

2. Apakah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah menilai strategi-strategi untuk meningkatkan jumlah pelancong datang ke Brunei Darussalam seperti yang dikatakan lebih awal tadi?

   Ini adalah kerana sasaran-sasaran Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk Kemajuan Pelancongan adalah sangat rendah. Salah satu sasaran bagi Jabatan Kemajuan Pelancongan merupakan kadar penghunian hotel yang hanya 40%. Bagi kaola ini adalah *under utilization of existing hospitality industry.* Kaola berpendapat diperlukan sasaran yang lebih tinggi.

   Oleh yang demikian, kaola menyarankan supaya promosi yang lebih agresif diusahakan untuk meningkatkan produktiviti dan hasil daya industri pelancongan kerana walaupun perbelanjaan negara bagi industri pelancongan kira-kira $1 juta dan hasil dijangkakan juga jauh lebih rendah dianggarkan dari Anggaran Perbelanjaan bagi Tahun Kewangan ini iaitu hanya 8.65% iaitu $86,900.00 daripada perbelanjaan $1,004,550.00. Ini menjadikan inisiatif ini seperti tidak berbaloi.;

3. Adakah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mempertimbangkan pembangunan tempat-tempat seperti pusat konservasi flora dan fauna, pusat budaya menarik pelancong. Kekayaan flora dan fauna Negara Brunei Darussalam seperti lebih daripada 700 spesies burung dan juga *proboscis monkey*.

   Ini boleh menjadi tarikan pelancong jika ditumpukan di satu tempat seperti *sanctuary* burung (*bird park)* atau taman hiburan liar. Budaya Negara Brunei Darussalam juga unik dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan harus menarik penggemar budaya dari luar negara dan membuat pelancongan domestik lebih menarik bagi rakyat tempatan. *KPI* Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sepatutnya merangkumi peratusan rakyat Negara Brunei Darussalam yang melancong di dalam negara bagi memupuk pemahaman budaya dan keindahan tempatan.

Pada pendapat kaola untuk menarik pelancong ke negara ini, rakyat Negara Brunei Darussalam sendiri juga memainkan peranan yang penting iaitu pengetahuan yang luas sebagai pelancong dalam negeri sendiri seperti mengenal tempat-tempat penarikan di dalam negara dan sebagai *indicator* kejayaan mengenai inisiatif kerajaan di sektor pelancongan dan seterusnya sebagai diplomat budaya bagi Negara Brunei Darussalam untuk menarik minat penggemar budaya dari jauh.;

4. Bagaimanakah kementerian boleh menyelaraskan inisiatif pelancongan "hijau" kepada setiap lapisan dan masyarakat Negara Brunei Darussalam meliputi warga kerajaan dan *ethos* budaya yang mencerminkan kesedaran alam sekitar. Ini pendapat kaola, strategi ini juga patut dikembangkan yang menunjukkan mereka mengambil berat tentang alam sekitar.; dan

5. Adakah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mempunyai inisiatif untuk mengembangkan pelancongan *high-end* dan menarik digital *nomad* ke Negara Brunei Darussalam. Inisiatif untuk menarik pelancong *high-end* dan digital *nomad* ke Negara Brunei Darussalam harus dipertimbangkan.

   Data digital menunjukkan bahawa digital *nomad* dapat meningkatkan tempoh pelancong di negara ini yang akan meningkatkan hasil sektor pelancongan. Secara purata, data menunjukkan pelancongan *high-end* dan digital *nomad* akan singgah di suatu tempat dalam jangka masa satu minggu ke tiga bulan. Ini akan dapat menaikkan lagi purata tempoh penginapan pelancong sama ada sasaran atau sebenar di negara ini dari 4 ke 5 hari hingga 1 minggu atau lebih.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.
والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin. Ada 5 soalan yang dikemukakan.

Yang pertama, adakah perbelanjaan ini mencukupi? Sebenarnya perbelanjaan yang ada masa ini dalam RKN adalah $7.32 juta untuk dibelanjakan dalam tempoh 5 tahun. Walaupun perbelanjaan ini tidak sebanyak yang difikirkan tapi dari segi projek-projek ini pihak kementerian mengambil *approach* yang inovatif, bukan *relying on expenditure alone.*

Seperti projek yang kaola nyatakan tadi, projek *PPP* juga adalah satu mekanisme untuk mendapatkan peruntukan bagi memajukan kawasan-kawasan yang menarik bagi pelancong-pelancong.

Masa ini usaha telah dibuat bersama pihak *BEDB*, untuk mempakej kawasan-

kawasan yang difikirkan menarik, di*bundle* 4, 5 projek untuk dipromosikan sama ada *through FDI* ataupun *PPP* tempatan bagi membolehkan tempat-tempat yang berpotensi untuk dimajukan, dapat dimajukan secara komersial, *more efficient.* Itu adalah antara tatacara untuk mendapatkan lebih peruntukan alternatif.

Dari segi promosi, seperti tahun-tahun lepas kebanyakan perbelanjaan itu*cost sharing* antara pihak swasta untuk membuat *promotion, expose* ke luar negeri. Itu adalah antara inisiatif yang digunakan untuk membolehkan 'kitani' membangun dan memajukan tempat-tempat menarik di Negara Brunei Darussalam.

Dari segi menilai strategi untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke Negara Brunei Darussalam, ini telah abiskaola nyatakan dalam mukadimah kaola sendiri dan kaola tidak akan mengulangnya lagi Yang Berhormat Pengerusi.

Berkenaan penubuhan Pusat Konservasi, Pusat Kebudayaan ada beberapa pusat sudah ditubuhkan seperti Pusat Biodiversiti, *Tropical Biodiversity* di Sungai Liang, Daerah Belait, Pusat Biodiversiti di UBD dan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di Bandar Seri Begawan.

Semua ini sudah ada di Negara Brunei Darussalam, masa ini usaha-usaha untuk membuat pakej yang menarik, yang pentingnya *according to expert* yang telah datang ke Negara Brunei Darussalam, berkenaan *tourism* ini 'kitani' mesti ada "cerita", *content* itu *must be rich,* walaupun tempat fizikal itu banyak atau sedikit, tetapi *as long as* ada "cerita", ada *content,* itu yang penting.

Pada masa ini, usaha-usaha dengan ejen-ejen pelancongan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta kementerian-kementerian lain, pihak abiskaola berusaha untuk menjadikan satu pakej "cerita" yang menarik seperti Kampung Air.

Apa sejarahnya? Apa *content* penduduknya? Asal-usulnya, أَلْحَمْدُ لِلّٰه terdapat sudah 4 pakej *tour guide manual* yang telah disediakan untuk memastikan kalau 'kitani' membawa *tourist* itu ke sana ia lebih berisi *in term of content*. Itulah usaha-usaha untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara ini.

Di samping itu juga, pusat-pusat ini akan lebih aktif lagi dilibatkan dengan pihak ejen-ejen pelancongan supaya mereka ini lebih peka kepada keperluan dan kehendak pelancong.

Berkenaan dengan menarik lebih ramai pelancong domestik, abiskaola sudah menyatakan dalam mukadimah kaola, sudah di*revive* kembali "Kenali Negara Kitani" seperti tahun lepas *December Festival,* sebanyak 51 pakej ditawarkan *special price* untuk melawat negara ini. 51 *pakej* itu ditawarkan pihak ejen untuk bercuti di Negara Brunei Darussalam. أَلْحَمْدُ لِلّٰه , ini satu perkembangan yang

baik. Dulu tidak dapat dibayangkan kita dapat 50 lebih pakej untuk di Negara Brunei Darusssalam sahaja, pakej ke Daerah Belait, Tutong, Temburong dan Daerah Brunei dan Muara.

Di samping itu juga seperti yang kaola nyatakan dalam inventori terdapat 200 lebih aktiviti pelancongan di*compile* dalam inventori di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk dijadikan sebagai pakej untuk mereka yang berminat boleh membuat atau melawat, ikut serta dalam aktiviti-aktiviti yang aktif di negara ini dan *related* dengan pelancongan.

Pelancongan "hijau" ini *in line with* strategi pihak kementerian dan Jabatan Kemajuan Pelancongan yang 'kitani' ada 3 *task*, *Enviroment Nature, Culture and Adventure*.

Ini memang sudah dijadikan tema dalam mana-mana eksposisi yang kita sertai sebagai contoh di Singapura. Pada masa ini, أَلْحَمْدُ لِلّٰه ada sambutan yang baik dari pihak *travel agent* di sana terutama sekali *diving dan bird watching.*

Mereka kagum dengan *diving* di negara kita kerana negara kita banyak *shipwreck dan in term of species* biodiversiti dalam laut sangat kaya. Pada masa ini, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan mengadakan *familiarization tour* dengan ejen-ejen dari Singapura dan seterusnya dilaratkan ke ejen-ejen dari China, Jepun dan Korea termasuk Australia. Ini akan dijadikan *familiarization tour* untuk *Nature, Culture and Adventure.*

In terms of high-end seperti *bird watching,* pelancongnya adalah *high-end. In terms of digital nomads* 'mangkali' *we are looking* untuk bekerjasama dengan pihak agensi yang lain, contohnya imigresen untuk *facilitate digital nomad* ini, supaya 'bisdiorang' boleh bekerja sambil menikmati suasana aman.

Perkara ini akan ditunduki dan kementerian akan *take into consideration suggestion* daripada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
لْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang kepada kaola untuk ikut serta membincangkan Peruntukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas mukadimah yang begitu komprehensif dan jelas. Yang Berhormat Pengerusi,

1. Perkara pertama yang akan kaola bangkitkan hari ini berkaitan pelancongan tapi dari segi perspektif yang berlainan. Mungkin banyak cadangan daripada soalan.

   Sebagaimana yang kita sedia maklum isu pelancongan ini sudah banyak kali kita sentuh dalam perbincangan beberapa hari ini terutama kesan positifnya untuk merangsang aktiviti ekonomi negara.

   Di negara-negara lain, sektor ini adalah dianggap sebagai *money spinner*, ia bukan saja dari segi kesan langsungnya malahan *multiplier effect* yang berlipat ganda.

Jadi, kaola terus saja memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, dari segi *effectiveness* ataupun keberkesanan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana *target* yang dibuat oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada pendapat kaola, minta maaf Yang Berhormat,adalah kurang *ambitious.*

Pada hemat kaola, sasaran pelancong bagi tahun 2024 sebanyak 362,565 dan 552,733 pada tahun 2029 seperti dalam *KPI* Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan adalah sangat sedikit, perlu di*review* dan dipertingkatkan. Ia sangat jauh daripada sasaran negara-negara jiran bersempadan dengan kita apatah lagi target negara-negara *ASEAN* keseluruhannya.

Walhal, sektor ini telah pun dipilih sebagai salah satu daripada 5 kluster yang menjadi keutamaan negara dalam mempelbagaikan ekonomi. Kaola juga ingin memohon pencerahan apakah strategi-strategi yang berimpak tinggi dan produk-produk yang lain daripada yang lain *(extraordinary)* yang boleh melonjakkan sumbangan sektor ini dalam meningkatkan pengaliran wang masuk ke negara ini serta menambah peluang-peluang pekerjaan dalam sektor ini.

Mungkin salah satu cara yang dapat difikirkan ialah kemungkinan kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk membuat strategik *alliance* ataupun kolaborasi dengan hotel-hotel kepunyaan kerajaan di seluruh dunia untuk mengadakan program khas membawa masuk *loyal clients* ataupun *customer* mereka untuk menerokai keindahaan negara ini.

Satu lagi projek yang mungkin akan mempromosi negara ke arena antarabangsa ialah dengan mengadakan *international event* seperti *marathon* di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, jambatan yang terpanjang di Asia Tenggara.

Mungkin juga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan meneroka kemungkinan kolaborasi dengan jiran-jiran kita di kepulauan Borneo, untuk mengadakan pakej menjelajah kepulauan Borneo. Kaola serahkan perkara ini atas budi bicara pihak Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Pengerusi, sebagaimana dimaklumi isu pelancongan ini sebenarnya ialah *cross-cutting issue*. Ke arah itu, kaola juga ingin memohon penjelasan mengenai *coordinated approach* dan penyejajaran Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama kementerian-kementerian yang berkepentingan, ke arah mempromosikan pelancongan lain selain dari *ecotourism* seperti Pelancongan Pendidikan (*flagship JIS*); Pelancongan Kesihatan *(medical tourism, flagship Pantai Jerudong Specialist Centre);* Pelancongan Islam (*flagship* Masjid Omar 'Ali Saifuddien*,* Jame' Asr Hassanil Bolkiah dan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah); Pelancongan Kebudayaan *(flagship Royal Regalia), Conferencing Center, Sport Tourism* dan lain-lain lagi.

Sebenarnya, perkara ini pernah kaola sentuh semasa persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas, cuma dalam sesi ini kaola ingin mendapatkan perkembangan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenai langkah-langkah strategik yang telah dilaksanakan setakat ini dalam merealisasikan perkara ini.

Lembaga Pelancongan *(Tourism Board)* yang ada pada masa ini kaola rasa perlu di*review* keberkesanannya untuk menyuntik semangat dan nafas baru jika kita ingin memacu dan mengaktifkan aktiviti dalam sektor ini.;

2. Perkara mengenai bidang pertanian dan perikanan telah pun disentuh oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin dan telah pun diberikan penjelasan secara *detail*.

   i. Jadi, kaola hanya ingin memohon pencerahan mengenai dua perkara. Apakah bentuk aktiviti *research* kementerian dan agensi-agensi Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang dapat diketengahkan dalam memajukan lagi bidang-bidang pertanian dan *aquaculture* ini supaya ia *sustainable* dan berdaya saing.

      Penyelidikan ini penting dilaksanakan secara berterusan dan perlunya bersifat komersial yang boleh digunakan oleh para peladang, petani dan dalam perikanan.

Sebagaimana Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sedia maklum, di negara-negara lain seperti negara-negara jiran Malaysia dan Thailand, aktiviti ini sentiasa dilakukan secara berterusan yang dapat menghasilkan produk-produk baharu yang boleh dipasarkan secara komersial.; dan

ii. Kaola ingin mencadangkan supaya liputan dan 'pembarigaan' meluas dan berterusan akan dibuat bagi para belia dalam sektor pertanian, perikanan dan pelancongan dalam media massa dan media sosial.

Adakah usaha Kementerian Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama dengan RTB untuk mengadakan segmen khas bagi menyebarkan usaha-usaha anak tempatan terutama para belia dalam bidang pertanian, perikanan, pelancongan malah bagi apa jua bidang perniagaan secara keseluruhannya.

Kaola rasa di sinilah media kerajaan akan dapat memainkan peranan penting membantu mempromosikan perniagaan anak-anak tempatan seperti ini supaya ia lebih maju dan berkembang.

Di samping itu, 'pembarigaan' seperti ini akan dapat menarik minat dan semangat belia-belia tempatan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.; dan

iii. Dalam laporan tahun 2023, kaola perhatikan nilai keluaran kasar bagi sektor makanan telah menurun sebanyak 25%. Begitu juga nilai keluaran kasar bagi industri pertanian dan agrimakanan menurun 5% berbanding pada tahun 2022.

Manakala, nilai keluaran kasar bagi sektor perikanan juga terjejas sebanyak 5% dan jumlah pekerjaan di bawah industri pertanian dan perikanan bagi tahun tersebut juga menurun sebanyak 30%, iaitu satu jumlah yang besar.

Kaola ingin memohon penjelasan pada perkara-perkara berikut. Pertama, apakah puncanya penurunan ini? Ke manakah perginya pekerja-pekerja yang terkesan ini *(retrench)*? Dari jumlah tersebut, berapakah bilangan yang terdiri daripada pekerja-pekerja tempatan?

Yang terakhir, apakah strategi kementerian untuk meningkatan semula penghasilan industri pertanian dan agrimakanan serta perikanan ini? Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sebelum Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan memberikan jawapan atau respons kepada soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, saya ingin memberikan laluan kepada Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk memberikan reaksinya terhadap beberapa perkara yang timbulkan oleh Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, silakan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, kaola sebenarnya terpanggil untuk menambah sedikit maklumat untuk mengongsikan sedikit bersama Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Usaha kerajaan untuk menarik pelancongan ini sebenarnya tidak bertumpu kepada satu kementerian sahaja. Ia seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat rakan kaola tadi, merupakan satu pendekatan yang diambil sebagai Pendekatan Senegara.

Ertinya bukan bersama-sama agensi kerajaan yang lain, malah juga melibatkan agensi-agensi bukan kerajaan, iaitu sektor swasta.

Dari sudut Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, ia berkait rapat dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, terutama sekali bidang budaya dan pelancongan. Bidang budaya bermakna cara hidup 'kitani' di Negara Brunei Darussalam ini merupakan salah satu tarikan dengan sendirinya.

Tarikan kepada pengunjung-pengunjung untuk datang ke negara 'kitani' untuk melihat bagaimana cara kehidupan di sini. Ini sudah setentunya akan menjadi nilai tambah kepada destinasi-destinasi pelancongan dan pakej-pakej pelancongan yang ada.

Cara hidup 'kitani' di Negara Brunei Darussalam sudah setentunya diambil maklum oleh semua, ia amat berbeza dan unik dari negara-negara jiran, termasuk destinasi pelancongan lain yang ada di rantau ini dan sudah setentunya jika seseorang pengunjung itu berkunjung ke rantau ini, ia merupakan satu kerugian kalau tidak menjenguk dan melihat cara hidup 'Orang Brunei'.

Kedua, di samping mempromosikan cara hidup dan budaya 'kitani', kita juga menandatangani beberapa memorandum dan perjanjian dua hala yang ada memperuntukkan pertukaran-pertukaran budaya dan promosi. Ertinya dengan mempromosikan budaya dan cara hidup 'kitani', dengan sendirinya ia akan mengundang pengunjung-pengunjung untuk datang ke Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun ini, hubungan diplomatik Negara Brunei Darussalam bersama negara-negara jiran telah mencapai 40 tahun, sama ada hubungan dua hala dan sebagainya. Pada tahun ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan bersama-sama dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Kewangan dan Ekonomi masing-masing akan bekerjasama rapat untuk mempromosikan budaya 'kitani' melalui pertukaran budaya dengan negara-negara jiran yang ada mempunyai hubungan diplomatik dengan Negara Brunei Darussalam. Ini sudah setentunya menjadi nilai tambah.

Melalui penuntut-penuntut 'kitani' yang berada di luar negara sudah setentunya membuka ruang untuk mereka menjadi duta dan *representative* dalam mempromosikan Negara Brunei Darussalam dan juga cara hidup 'kitani'. Jadi, kaola cuma ingin menambah sahaja dari satu sudut yang lain.

Mungkin ia dapat menambah pencerahan tentang usaha pihak kerajaan melalui kerjasama dan mengambil Pendekatan Senegara bagi menarik lebih ramai pengunjung untuk melihat cara hidup, budaya dan warisan-warisan di Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memberikan responsnya terhadap beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim berkenaan soalan-soalan dan juga cadangan-cadangan yang telah diajukan. Berkenaan dengan objektif dan *targets*. Memang *target* itu tidak seagresif yang diharapkan oleh Yang Berhormat tadi. *We look at target* tahun ini. إِنْ شَاءَ اللهُ *our target to reach* balik kepada *pre-COVID*-19.

Sekiranya 'kitani' dapat *achieve* jumlah pelancong seperti *pre-COVID-19 level, I think* itu adalah satu perkara yang positif dan *because target* ini adalah dinamik, *we will review* sama ada dengan adanya inisiatif-inisiatif yang ada lagi nanti yang menyebabkan impak yang besar mungkin *we will be able to review the target* seterusnya.

Berkenaan dengan strategi yang lain, *now we take note*, disambut baik cadangan untuk melibatkan hotel-hotel kepunyaan kerajaan negara 'kitani' untuk melibatkan mereka dalam mempromosikan dan menarik pelancong-pelancong dari *loyal customer* 'bisdiorang' ke Negara Brunei Darussalam.

Berkenaan *national event*. 'Barangkali' *one of the proposals that we are doing at the moment is* larian *marathon*. *This is* cadangan baharu yang dicadangkan akan di*organise next year* di *Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Bridge but we still*

have to work, banyak usaha dan juga kolaborasi bersama kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan bagi 'mengungkayahkannya'. Sebenarnya *event international* yang besar ini memang banyak 'keraja' cuma *problem*nya seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi *cross-cutting,* bukan saja kementerian abiskaola malah kementerian-kementerian lain juga terlibat.

Ini akan diusahakan dengan kementerian-kementerian lain untuk *organise event* seperti *marathon* tersebut pada tahun depan. Ini termasuk kolaborasi dengan Borneo, sebenarnya sudah ada *last year, 21st Borneo Island International Big Bike Festival (BIIBBF)* memang di*organise* oleh *Big Bikers* di negara ini dengan kerjasama *Big Bikers* di Kalimantan Borneo, Sabah, Sarawak, Labuan, Thailand, Semenanjung Malaysia, Singapura dan Indonesia. Penjelajahan Borneo ini memang sudah ada dibuat tetapi boleh di*elevate* dari segi publisitinya.

Memang jumlah kedatangan adalah antara 400-500 orang dalam acara ini. Usaha akan digiatkan lagi dari segi *different aspects* untuk membuat aktiviti seperti penjelajahan di kepulauan Borneo, selain *Big Bike activities*. Sebenarnya *coordination* dari agensi-agensi memang sudah dibuat.

Masa ini fokus kementerian adalah untuk *attract medical tourism*, *education tourism* dan juga *islamic tourism*. Perundingan telah dibuat antara kementerian untuk dipakej dan juga meng*involve* kementerian-kementerian lain. Sebagai contoh masa ini *Singapore is interested in education tourism*.

Jadi, *we are working* dengan Kementerian Pendidikan dan juga ejen pelancongan yang *related* kepada *education tourism*. إِنْ شَاءَ اللهُ *in the pipeline hopefully by* hujung tahun ini barangkali boleh sudah mulai ada *tourist* dari *student*, *education tourism* dan dapat 'diungkayahkan' semula terutama dari negara-negara jiran seperti Malaysia, Singapura dan juga Indonesia.

Berkenaan Belia Bertani, apakah bentuk *research* pertanian? Sebenarnya *research* ini mula sudah dilaksanakan bukan sahaja di antara UBD, UNISSA dan UTB. Kebanyakannya *research* 'bisdiorang' ini *is more applied research,* cara-cara untuk meningkatkan produktiviti, macam mana untuk mengurangkan kos. Ini memang sudah mula diusahakan dengan pihak UNISSA dan UTB untuk membolehkan 'kitani' *apply this outcome of the project research* ini kepada peladang-peladang 'kitani'.

Di samping *research* 'kitani' dengan pihak *institution* tempatan, kita juga membuat *collaboration* dengan *Temasek Life Sciences Laboratory* di Singapura, yang ada *collaboration* dengan pihak Jabatan Perikanan bagi membolehkan kitani mem*produce* benih-benih anak ikan yang tahan *(resistant)* daripada penyakit dan juga 'tahan lasak' dari segi *environment*.

Ini memang sudah dibuat dengan *Temasek Life Sciences Laboratory* di Singapura jua. Ini ada *collaboration* dengan pihak dari Jabatan Perikanan dan juga masa ini perundingan juga dibuat supaya *collaboration* itu dilaratkan juga kepada pihak UNISSA dengan *Temasek Life Sciences Laboratory.*

Di samping itu juga dari segi pertanian, memang *collaboration* dengan *China's Hunan Hybrid Rice Research Centre (HHRRC)* pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan memohonkan *expert* profesor dari *Hunan Research Institute* untuk ditempatkan di negara ini untuk membuat kajian bersama di makmal di sini bersama dengan UNISSA dan juga Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk membolehkan 'kitani' mem*produce* beras-beras tradisi 'kitani' ini yang lebih tinggi *productivity*nya seperti beras 'bario', beras 'pak pusu' dan juga beras 'adan'.

Inikan dibuat di sini di samping itu jua akan menunjuk ajar kepada *plant breeder* 'kitani' di sini untuk *produce hybrid rice* yang lebih berkeluaran tinggi di sini. Itulah antara *research* yang telah dilaksanakan dengan pihak bukan sahaja institusi pendidikan dalam negeri malah juga luar negeri. Dari segi sektor pertanian itu telah pun abiskaola menyatakan tadi bahawa penurunan ini adalah disebabkan 2 perkara.

Pertama ialah bagi pertanian kerana kerbau dahulu masa *COVID-19*, kerbau dan lembu yang beku tidak dapat dimasukkan ke dalam negeri ini. Jadi, terpaksa mengambil kerbau hidup dibawa ke sini dan disembelih di sini. Jadi, itulah banyak aktiviti-aktiviti penyembelihan di sini.

Sekarang dengan adanya selesai endemik *COVID-19* masa ini, dengan kurang sudah isu logistik antara Negara Brunei Darussalam dengan Australia dan juga dengan India. *I think now what happen is* banyak bukan sahaja disembelih kerbau di sini atau lembu di sini malah *imported* dari Australia dan juga India datang ke Negara Brunei Darussalam, jadi penurunan penyembelihan di sini menyebabkan pengeluaran *production* pengeluaran pertanian, itu sebabnya *major contributor* jatuhnya *production of* pertanian di negara ini.

Dari segi perikanan seperti koala nyatakan tadi ialah sebab masalah penyakit. Masalah penyakit masa ini telah pun menyerang satu syarikat yang besar di Daerah Tutong menyebabkan *production* menurun jauh. Lebih daripada 2 per 3 *production* turun daripada sebelum penyakit itu ada.

Jadi, ini menyebabkannya ia turun itu. Jadi antara inisiatif yang telah dibuat pada masa ini untuk mengelakkan perkara tersebut untuk mengukuhkan lagi *biosecurity* ladang. Jadi, pengurusan ladang perlu dikukuhkan lagi, jadi untuk mengelakkan sebarang penyakit dapat menyerang ke ladang tersebut. Ini satu inisiatif yang dibuat oleh pihak Jabatan Perikanan untuk mengukuhkan lagi *biosecurity* ladang-ladang di negara ini.

Di samping itu juga, untuk meningkatkan lagi *production* masa ini, kerana kalau dilihat kalau *production* 'kitani' *self-sufficiency* ini, *it will not grow.* Jadi, usaha pihak jabatan dan kementerian sama ada Jabatan Perikanan dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan ialah untuk memastikan bahawa bukan sahaja 'kitani' *self-sufficient* malah berlebihan untuk dieksport.

Dengan adanya eksport itu, *our production will grow continuously.* Kerana bukan *limit* dengan *demand* dalam negeri. Ini dengan adanya eksport *market* seperti telur إِنْ شَاءَ اللهُ akan dikembangkan. Sekarang ayam pun إِنْ شَاءَ اللهُ dan juga barang-barang berasaskan daging *after negotiation* إِنْ شَاءَ اللهُ akan dapat dieksport ke Singapura, eksport ke China.

Dengan eksport ini akan dengan sendirinya menghilangkan *limit* untuk 'kitani' *produce.* Jadi, *we will be able to produce more than what we can consume.* Jadi, apa lebihan dieksport ke Singapura, ke China ataupun ke Sarawak, Sabah, Malaysia.

Ini antara inisiatif yang telah diambil oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam memastikan bahawa 'kitani' punya syarikat-syarikat terus berkembang, tidak *stagnant.* Itulah pendekatan yang diambil untuk memastikan *we grow our food industry* secara berterusan.

Dari segi tenaga kerja ada 30% kurang. Ada antara 'bisdiorang' ini kebanyakannya orang luar. Tapi abiskaola belum ada statistiknya. إِنْ شَاءَ اللهُ akan diberi kalau ada sudah statistiknya Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md Yusof.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dengan hormatnya lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih dan penghargaan setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang diberikan kepada kaola untuk bersama-sama membahaskan Peruntukan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Dalam pada itu juga, kaola mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ke atas pembentangan Peruntukan Kementerian

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 yang begitu komprehensif dengan menjelaskan pelan, strategi serta inisiatif-inisiatif yang telah dan akan 'diungkayahkan' oleh kementerian ini untuk mencapai objektif dan sasaran kementerian tersebut.

Adalah juga kaola menganggap kementerian ini sangat penting peranannya dalam usaha yang berterusan menuju ke arah sara diri negara dalam sektor pertanian, perikanan dan pemakanan khususnya makanan asasi iaitu beras.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه sebagaimana yang digariskan dan juga sama-sama 'kitani' maklumi, dalam *Economic Blueprint for Brunei Darussalam*, 2 daripada 5 sektor utama iaitu pemakanan dan pelancongan telah pun dikenal pasti untuk diberikan keutamaan dan digerakkan bagi menyumbangkan ke arah pembangunan sosioekonomi yang mampan selain bergantung pada industri minyak dan gas dan juga dihasratkan untuk mempelbagaikan ekonomi negara.

Ini termasuklah juga industri pertanian, perikanan dan perhutanan di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Adalah sangat penting untuk terus menerokai strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif yang lebih efektif, berkesan, progresif dan berdaya maju khususnya dari aspek meningkatkan produktiviti dan pengeluaran produk berskala besar sehingga menembusi pengeluaran eksport, kreatif, inovatif dengan juga menggunakan teknologi tinggi dan moden.

Kaola berpandangan, dengan pendekatan sedemikian ini, إِنْ شَاءَ اللّٰهُ sudah setentunya mampu menyumbang ke arah pembangunan mempelbagaikan ekonomi negera, menambahkan dan meningkatkan lagi *food security* negara, menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan, *economic spin off effect* yang lebih aktif dalam berbagai-bagai aktiviti perekonomian, perniagaan, perkhidmatan dan seterusnya mampu menghasilkan industri hiliran.

Kaola mengambil maklum dan mengucapkan syabas kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan seperti mukadimah Yang Berhormat Menteri tadi yang telah menampakkan peningkatan di Sektor Pertanian, Perikanan dan Perhutanan termasuk memproses hasil perikanan dan ayam pedaging.

Bukan sahaja dari segi pengeluaran hasil memproses pertanian dan perikanan dan keluasan ladang atau perusahaan tetapi juga mampu meningkatkan pendapatan mereka yang berkenaan.

Begitu juga penglibatan anak-anak tempatan khususnya belia yang menampakkan pertambahan bilangan yang berjinak-jinak dalam industri berkenaan. Adalah diharapkan sektor-sektor berkenaan ini akan dapat

dikembangmajukan lagi dan diusahakan untuk meneruskan meningkatkan lagi sara diri negara pada masa akan datang, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Sehubungan dengan itu, kaola sukacita ingin mendapatkan pencerahan daripada Yang Behormat Menteri. Apakah strategi dan inisiatif Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk meningkatkan lagi dari segi produktiviti dan pengeluaran yang lebih tinggi yang bermotifkan *commercialization* sehingga mampu menghasilkan industri hiliran?

Juga bagaimanakah tatacara untuk meyakinkan pengusaha-pengusaha dalam industri pertanian, perikanan dan perhutanan dalam usaha membesarkan dan mengembangluaskan lagi perusahaan mereka ke arah yang lebih *sustainable*?

Kaola turut mengambil maklum penglibatan anak-anak tempatan dalam berbagai-bagai industri ini dan juga yang telah pun berusaha untuk meningkatkan produktiviti. Ke arah ini, kaola juga ingin mengetahui berapa buahkah syarikat atau individu tempatan yang berjaya mengeksport produk-produk tempatan menembusi pasaran luar negeri?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Mengikut maklumat dan masalah yang sering dihadapi oleh pengusaha-pengusaha tempatan adalah dari aspek untuk mendapatkan *capital* atau bantuan pinjaman dari institusi-institusi kewangan atau institusi-institusi yang berkenaan dalam usaha mereka untuk membesarkan seperti pembelian alat *equipment* ataupun untuk membesarkan perusahaan mereka. Sehinggakan ada setengah daripada peladang-peladang penternak ini terpaksa meminjam-minjam wang daripada saudara mereka dan lain-lain sama ada untuk memulakan atau mengembangmajukan perusahaan mereka. Dapat disimpulkan di sini, kebanyakannya masih lagi menggunakan cara *conventional* atau *labour intensive*.

Sehubungan dengan itu, sukacita juga kaola ingin mendapatkan pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Apakah kemudahan-kemudahan atau insentif-insentif untuk mendapatkan modal bagi memulakan perusahaan dan juga mengembangluaskan perniagaan mereka dengan mengambil kira tidak membebankan sebenar-benarnya atau memudaratkan kepada pinjaman? Misalannya faedah atau *interest* yang munasabah yang sepatutnya lebih daripada *conventional bank.*

Kaola juga ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Apakah bentuk insentif atau pemudah cara sebagai dorongan daripada pihak kerajaan dalam mentransformasikan industi pertanian, perikanan dan perhutanan dengan menggunakan aplikasi teknologi ataupun secara *mechanization* lebih canggih dan moden pada masa kini yang menjurus kepada *capital intensive industries.*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam usaha untuk memperluaskan, mempelbagaikan lagi industri pemakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah merancang dan mengenal pasti pelbagai jenis tanaman dan produk akuakultur yang boleh dikembangmajukan.

Tujuan utama adalah untuk menggalakkan perkembangan industri hiliran dalam negara khusunya dalam produk agrimakanan dan pemprosesan produk perikanan dengan menggalakkan *value added product* khususnya dalam industri pertanian dan perikanan.

Dengan wujudnya industri hiliran ini sudah setentunya akan menjamin pengusaha-pengusaha dengan mengeluarkan perusahaan mereka yang berskala besar di samping boleh dieksport ke luar negeri.

Kaola juga ingin mengambil maklum dan mengucapkan tahniah kepada Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, kerana apa yang telah dibentangkan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri tadi, sebahagian daripada produk telah pun berjaya dieksport ke luar negeri iaitu daripada industri hiliran.

Walau bagaimanapun, sehubungan perkara tersebut, apakah lagi strategi dan perancangan jangka panjang atau sederhana untuk menerokai potensi-potensi produk yang boleh mengeluarkan industri hiliran iaitu dalam sektor pertanian, perikanan dan perhutanan?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Izinkan kaola di sini untuk menyentuh sedikit tentang industri pelancongan kerana kaola memikirkan menurut pendapat bahawa sektor pelancongan ini adalah sangat mustahak bahawa sebahagian daripada negara, industri pelancongan adalah salah satu utama yang boleh menyumbang kepada ekonomi dan juga boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Seperti yang kaola nyatakan tadi, bahawa industri pelancongan adalah industri yang dikenal pasti melalui *Brunei Darussalam Economic Blueprint* sebagai salah satu penyumbang utama bukan sahaja dalam mempelbagaikan ekonomi negara malahan mampu menyumbangkan pertumbuhan dan meningkatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Adalah juga diambil maklum Jabatan Kemajuan Pelancongan mempunyai inisiatif-inisiatif yang akan diusahakan dalam kita sama-sama memajukan pelancongan.

Seperti juga industri pelancongan ini diiktiraf dan diperakui di peringkat antarabangsa sebagai salah satu industri yang diutamakan, diyakini berpotensi mendatangkan keberkesanan dan memacu sosioekonomi negara dan *standard* ekonomi dalam pelbagai

rantaian sektor berkaitan seperti pengangkutan, penginapan, makanan, minuman, produk-produk tempatan, pekerjaan dan lain-lain.

Malangnya dalam penelitian kaola sendiri secara peribadi, industri pelancongan di negara ini kurang menyerlah. Ini boleh kita lihat daripada jumlah kedatangan pelancong-pelancong ke negara ini menunjukkan peningkatan yang sangat perlahan, jika dibandingkan dengan negara-negara serantau seperti Malaysia, Indonesia, Vietnam, Singapura termasuk negara jiran kita sendiri Sabah dan Sarawak, Malaysia.

Menjadi hakikat ini akan kepentingan dan sumbangan yang sangat tinggi kepada ekonomi negara, banyak negara luar berlumba-berluma, bersaing hebat untuk menarik pelancong-pelancong di merata dunia untuk datang ke negara mereka dengan mempergiatkan pelbagai promosi atau strategi yang aktif lagi berkesan.

Kaola berpendapat di negara kita jua terdapat keunikan dan keistimewaan terutama sekali keadaan keamanan negara dan juga keadaan *stable* yang terjamin. Keunikan budaya dan warisan, adat-istiadat makanan tradisi, keindahan alam sekitar, *eco-tourism* misalannya Kampung Air, Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan lain-lain lagi.

Di samping itu, kita perlu juga meningkatkan kualiti prasarana sistem pengangkutan fasiliti-fasiliti awam yang efisien, *reliable* lagi *accessible*. Destinasi-destinasi pelancongan dinaikkan penjagaanya di samping kebersihan dan juga fasiliti-fasilitinya hendaklah diperbaiki dan juga dipermuda hcara di pos-pos kawalan keluar dan masuk khususnya pemeriksaan imigresen dan kastam di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Kaola penuh percaya dan berkeyakinan, Negara Brunei Darussalam juga mampu meningkatkan keramaian pelancong asing di negara ini dengan mengambil kira teladan ataupun ajaran-ajaran yang diguna pakai yang telah dilaksanakan oleh negara-negara yang sudah terbukti keberkesanannnya dan berjaya menarik lebih ramai pelancong.

Oleh yang demikian, kaola berpendapat Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan perlulah me*review* dan membaharui strategi-strategi atau inisiatif-inisiatif yang lebih kreatif, berinovatif menumpukan khususnya keistimewaan dan keunikan serta kekuatan negara ini. إِنْ شَاءَ اللهُ. berdaya maju lebih banyak lagi kedatangan pelancong ke negara ini.

Dalam pada itu, kaola memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sama ada telah diwujudkan satu jawatankuasa peringkat negara bagi mengenal pasti dasar atau strategi yang berkaitan dengan pelancongan

khususnya untuk mengembangmajukan lagi industri pelancongan ke tahap yang lebih agresif supaya kita mampu menyaingi negara-negara lain dalam bersama-sama menyokong penuh *Brunei Darussalam Economic Blueprint* menjadi industri pelancongan sebagai salah satu yang perlu diambil perhatian berat.

Sehubungan dengan itu juga, kaola berpandangan Negara Brunei Darussalam adalah salah sebuah negara anggota pertubuhan *ASEAN* dan juga *Sub-regional BIMP-EAGA (Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia* dan *Filipina).*

Dalam keadaan ini, kita harus berpandangan lebih jauh untuk menyerlahkan, mempromosikan sektor pelancongan bukan sahaja solo atau persendirian tetapi tidakkah kemungkinan kita boleh bergabung bersama dengan negara-negara berkenaan khususnya negara yang terdiri dalam *BIMP-EAGA* untuk memperkenalkan semua negara ASEAN atau sekurang-kurangnya yang saya nyatakan tadi, *BIMP-EAGA*. Ini boleh diperkenalkan dan mengetengahkan keunikan dan keistimewaan budaya di negara *BIMP-EAGA.*

Mekanisme seperti ini mungkin lebih menarik dan menjimatkan perbelanjaan pelancong sama ada tawaran secara pakej atau kaedah-kaedah yang menarik untuk dipromosikan.

Peluang ini hendaklah kita sama-sama terokai terutama sekali kedudukan geografi Negara Brunei Darussalam yang strategik berada di tengah-tengah bukan sahaja *ASEAN* malahan *BIMP-EAGA.*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin menyentuh mengenai *Brunei Darussalam Food Authority*. Adalah difahami *Brunei Darussalam Food Authority* telah ditubuhkan sejak 1 Januari 2021 di bawah perintah Autoriti Makanan Brunei Darussalam. Antara lain fungsinya dalam memastikan produk makanan di negara ini adalah bersih dan berkualiti bagi menjamin keselamatan pengguna di samping memastikan makanan yang dihasilkan di negara ini dipercayai dan dikenali seluruh dunia.

Sehubungan dengan itu, sukacita memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri setakat mana keberkesanan *Brunei Darussalam Food Authority* untuk memastikan kualiti produk makanan benar-benar terjamin keselamatannya dan kesihatan kepada pengguna?

Ini termasuklah jaminan boleh dimakan dengan selamat. Adakah pihak *Brunei Darussalam Food Authority* juga memeriksa dan memberi pengesahan kepada pengeluar-pengeluar makanan yang memberikan perkhidmatan kepada orang ramai supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini?

Keduanya, apakah peranan *Brunei Darussalam Food Authority* dalam

membantu produk-produk tempatan dalam urusan pengeksportan keluar negeri dan seterusnya apakah bentuk piawaian yang digunakan dan diamalkan oleh *Brunei Darussalam Food Authority* boleh diterima dan diakui oleh badan autoriti luar negara khususnya untuk mengeksport produk-produk tempatan ke luar negeri?

Demikianlah yang pandangan dan persoalan yang ingin kaola kemukakan. Adalah diharapkan peruntukan yang disediakan ini akan diguna pakai dengan sebaiknya selaras dengan kaedah *value of money* khususnya dalam industri pertanian, pemakanan, perikanan, perhutanan dan pelancongan dan seterusnya berkembang maju dengan lebih pesat dan dinamik yang mampu menyumbangkan pertubuhan sosioekonomi negara yang lebih mampan dan *sustainable* di samping menambahkan lagi pertumbuhan ke luar Negara Brunei Darussalam. Sekian, kaola sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof berkenaan dengan soalan dan juga cadangan yang telah diajukan. Ada banyak soalan yang diajukan dan kaola akan cuba menjawab satu per satu, إِنْ شَاءَ اللهُ .

Dari segi pemakanan, apakah strategi untuk meningkatkan produktiviti, 'barangkali' sudah abiskoala nyatakan tadi bahawa produktiviti ini banyak ditumpukan dalam kita mengusahakan untuk memajukan industri makanan di sini.

Dari segi *value chain* seperti yang kaola nyatakan tadi, *the whole value chain* ini daripada semaian kepada *production,* semua diambil kira untuk meningkatkan produktiviti. Daripada semaian produktivitinya ialah untuk mencari jenis-jenis benih yang mempunyai potensi produktiviti yang tinggi dan kualiti yang bagus.

Dari segi *production*, seperti yang kaola nyatakan tadi, memang *technology based. No other choice*. *Technology based* adalah satu usaha untuk Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Perikanan membolehkan mem*propel production* masa ini daripada *manual* kepada *automated* dan *technology* intensif untuk meningkatkan produktiviti negara. Kaola tidak akan menerangkan secara panjang lebar lagi mengenai peningkatan produktiviti.

Dari segi bagaimana hendak mendorong pengusaha-pengusaha untuk berkembang lagi. Sebenarnya kementerian dan jabatan-jabatan di bawah kementerian kaola, dari segi mengembangkan industri ladang yang ada memang ada skim, iaitu: Skim

Rintis untuk memulakan. Ia adalah mudah dengan mengisi borang dan selepas itu dipertimbangkan dan إِنْ شَاءَ اللهُ kurang daripada 2 minggu akan dapat diberikan kawasan untuk diusahakan sebagai rintis.

Di samping itu juga sekiranya berjaya, *existing farm* ini ada skim yang dikenali sebagai skim *expansion* iaitu ladang-ladang yang sudah berjaya boleh memohon menambah ladang lagi dengan skim ini. Ini adalah proses *straightforward* untuk menggalakkan orang-orang yang mempunyai ladang yang sudah maju, yang sudah *fully utilised* untuk ladang itu di*expand*. Itu memang sudah ada proses dan skimnya.

Berkenaan dengan beberapa buah syarikat yang sudah berjaya menembusi pasaran eksport, أَلْحَمْدُ لِلّٰه, sejak dari November 2022 hingga sekarang, terdapat sebuah syarikat ternakan baharu telah mula mengeksport telur ayam ke Singapura.Tapi, أَلْحَمْدُ لِلّٰه diharapkan dalam masa setahun ini akan ada sebuah tambahan syarikat untuk dapat mengeksport telur ayam ke luar negeri.

Dari segi *meat-based*, terdapat 3 syarikat tempatan *meat-based process* yang telah berjaya mengeksport ke luar negeri. Di samping itu, ada 2 syarikat berjaya dalam *agrifood* seperti membuat biskut dan *components of coffee and tea*. أَلْحَمْدُ لِلّٰه semuanya mungkin ada 6 atau 7 syarikat telah berjaya mengeksport dalam masa setahun ini.

Dari segi mendapatkan kapital, bagaimanakah usaha kementerian mendapatkan kapital? Kebanyakan masalah yang dialami oleh pengusaha ialah mendapatkan kapital. Seperti kaola nyatakan tadi, memang *start-up capital* ini satu cabaran yang tidak dapat dinafikan.

Usaha pihak kementerian seperti yang kaola nyatakan tadi, abiskaola bergabung dengan pihak institusi kewangan seperti *we called it undercultivate* yang bekerjasama dengan BIBD dan إِنْ شَاءَ اللهُ perundingan sedang dibuat dengan pihak TAIB dan juga *SME Bank* untuk menyediakan kewangan untuk *start-up* bagi pengusaha-pengusaha baharu.

Inilah usaha-usaha yang *once we successful*, *they will be able transfer* kepada bank BIBD atau TAIB untuk diasuh dan juga dikembangkan. Itu antara usaha untuk mendapatkan kapital bagi pengusaha-pengusaha terutama sekali para belia.

Di samping itu juga, ada juga geran yang disediakan oleh pihak *DARe* untuk menggalakkan *adoption of technology, we called it co-matching grant* yang أَلْحَمْدُ لِلّٰه beberapa buah syarikat ladang telah berjaya mendapatkan *co-matching grant* daripada pihak *DARe.*

Ini antara inisiatif yang pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama pihak *BEDB, DARe* dan institusi kewangan di negara ini.

Dari segi strategi untuk meningkatkan lagi aktiviti hiliran, memang digalakkan kerana walaupun sumber-sumber utama *(primary sector)* tapi kebanyakan nilai yang tinggi pada masa ini ialah hiliran *secondary processing* kerana *value added* yang banyak di sana.

Jadi, usaha-usaha pihak kementerian dengan kerjasama pihak *DARe* untuk mengenal pasti syarikat-syarikat *micro businesses* dan *SME* yang berkecimpung dalam hiliran ini untuk diusahakan.

Pihak *DARe* akan menyediakan kawasan *home-based* untuk membuat dan mengusahakan perusahaan mereka yang *dedicated* kepada fasiliti yang bersih dan menepati piawaian keselamatan makanan.

Di samping itu juga, untuk menggalakkan usaha hiliran *agrifood,* pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan juga bekerjasama dengan pihak *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd. (GIC Sdn. Bhd.)* mempunyai *production factory* sendiri.

Jadi, dengan adanya kolaborasi dengan pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan *GIC Sdn. Bhd.*, syarikat-syarikat kecil yang *home-based* di*matchmake* dengan *GIC Sdn. Bhd.* Ertinya, perusahaan *home-based* boleh ditingkatkan dan penghasilan dapat dihasilkan di kilang *GIC Sdn. Bhd*.

Jadi, mudah bagi mereka untuk mendapatkan *certification,* standard dan mudah untuk masuk ke dalam pasaran eksport ke luar negeri.

Dari segi pelancongan, memang tidak dinafikan bahawa ia banyak manfaatnya. Adakah *reviews* strategi pelancongan sama dasar atau jawatankuasanya telah ditubuhkan atau tidak? Sebenarnya, kita menyediakan satu peta jalan *(roadmap)* bagi perkembangan industri pelancongan dan ini sudah dalam *final stage*.

Setelah ada *roadmap,* sebuah Jawatankuasa Pandu akan ditubuhkan yang mengandungi beberapa kementerian-kementerian yang diharap akan membantu untuk *coordinate the strategies* dan juga pelaksaanaan-pelaksanaan program yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Dengan adanya Jawatankuasa Pandu dan *coordination* dengan pihak *Tourism Development Board* akan dapat membuat kerja-kerja yang lebih efektif, *coordinated* dan juga *synchronize.* إِنْ شَاءَ اللهُ, *roadmap* akan dilancarkan pada tahun ini.

In terms of inisiatif *BIMP-EAGA*, *joint promotion* memang sudah dirunding dengan negara-negara *BIMP-EAGA*, إِنْ شَاءَ اللهُ dan sudah ada dari minggu lepas, abiskaola sedang membuat perundingan dengan negara jiran untuk *strategy on how we can collaborate joint promotion and joint destination* dengan negara-negara di Borneo.

Jadi, itu sudah *in the pipeline* untuk dipromosi bersama. *In terms of Brunei Darussalam Food Authority (BDFA), mungkin BDFA* bukan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan tapi *BDFA* memainkan peranan penting dalam memajukan dan memudah cara perkembangan industri makanan di negara ini.

Walaupun *BDFA* bukan di bawah kementerian abiskaola, tetapi *we are working closely with them* dari segi *inspection, ensuring food safety, ensuring food hygiene and training of operators.* Semua dilaksanakan oleh pihak *BDFA* dan mereka juga memberikan *certification.*

Kalau kita hendak *operate business* di sini atau hendak mengeksport, pihak *BDFA* memainkan peranan penting. *They have their standards, which is in compliance with international standard. They have certification that is recognised by other importing authority.*

Jadi, mereka ini memang penting dalam usaha untuk memajukan industri pemakanan. Di samping itu, mereka *working closely* dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi menjayakan objektif kementerian.

Itu sahaja abiskaola dapat jawab, soalan daripada Yang Berhormat tadi. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan ingin memberikan beberapa kenyataan.

Yang Berhormat Menteri Kesihtan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Terima kasih Berhormat Pengerusi .Kaola ingin menambah mengenai *BDFA.*

BDFA seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri, adalah *Brunei Darussalam Food Authority* yang dahulu di bawah 2 kementerian iaitu Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kemudian ia disatukan sebagai *BDFA* untuk memudahkan orang ramai berurusan. Sebelum *BDFA* ini disatukan sebagai satu badan berkanun mereka ada *board of directors* ,ada *CEO* sendiri.

Walau bagaimanapun, kementerian yang bertanggungjawab terhadapnya ialah Kementerian Kesihatan, tapi dalam masa yang sama bekerja rapat dengan *MPRT*. Tujuannya di sini, seperti kaola nyatakan tadi adalah untuk memudahkan cara berurusan. *There is only one enforcement to control the food safety.*

Jadi, piawaiannya mengikut piawaian antarabangsa dan ia tertakluk kepada negara yang dieksport. Ada *certain* negara seperti *European or* China dan sebagainya memerlukan *specific test for the food* sebab ia berbeza di sana.

Kementerian Kesihatan melalui *Department Scientific Services* akan

memudahkan proses dari segi penganalisisan bahan-bahan kimia atau *trace metals* dan sebagainya.

Selain itu, masa ini ada akta yang sedang digubal mengenai *food safety.* إِنْ شَاءَ اللهُ mungkin ia akan selesai dalam masa terdekat. Dengan adanya *food safety* yang baharu ini, ia akan memastikan semua pengusaha makanan akan mengikut undang-undang yang akan disediakan di bawah *food safety*. Itu saja kali, Yang Berhormat Pengerusi. Terima Kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan atas kenyataan lanjut mengenai *food authority*. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah berkenaan usaha kerajaan bagi membantu Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam menarik pelancong.

Ini dari aspek Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sebagai contoh tadi ada disuarakan berkenaan mempercepatkan pemeriksaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei memang terdapat 19 buah kaunter disediakan untuk bahagian masuk dan sistem juga disediakan, iaitu sebanyak 15 sistem termasuk bahagian keluar yang memiliki 12 buah kaunter dan 4 sistem.

Ini akan ditambah dari masa ke masa dari segi tempoh pemeriksaan yang dijalankan bagi setiap penumpang adalah kurang daripada 1 minit. Dari sana, dengan terlaksananya sistem baharu *border control* sistem ini memang mempercepatkan proses-.proses pemeriksaan keluar dan masuk Kaola ingin menambah jua dalam membantu bidang pertanian, sebanyak ekar disediakan untuk pengusaha 284 di keempat-empat buah daerah yang diusahakan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Sebanyak 7 ,pengusaha di Daerah Brunei dan Muara di Daerah Tutong dan 5 di Daerah 4 Temburong yang bertujuan untuk membantu dalam bidang-bidang pertanian. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi

Yang Berhormat Pengerusi: Terima Kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya Persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi. Selamat petang dan salam sejahtera.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah atas mukadimah dan pembentangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Semoga apa yang dibuat akan dapat dicapai. Hala tuju dan inisiatif-inisiatif yang dirancang dapat merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam hal ini, kaola ingin mengetengahkan cadangan untuk penambahbaikan terutama untuk kepentingan sektor pertanian di negara ini. Selaras dengan usaha untuk bersama-sama 'kitani' bertanggungjawab untuk menghayati dan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Merujuk Tajuk SH04A, di bawah Kod 004/000 Pengurusan Industri Tanaman, Ternakan dan Agrimakanan. Kaola ingin mencadangkan 2 perkara kepada pihak kementerian. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat:

1. Meningkatkan penggunaan infrastruktur misalannya inisiatif rumah "hijau" dapat dilihat untuk menggalakkan penghasilan yang maksimum dengan cadangan untuk melakukan kaedah *mixed crop farming*. Kaedah ini merupakan sistem peladang bagi penanaman pelbagai jenis tanaman buah, sayur dan berbagai-bagai tanaman dalam satu ladang. *Method* ini bukan saja akan menjimatkan kawasan dan usaha penanaman, tindakan ini juga akan mencepatkan lagi produktiviti bagi tanaman yang diusahakan. Walaupun kaola difahamkan terdapat usaha telah dilakukan, namun kaola berharap agar pihak kementerian dapat mempelbagaikan lagi penanaman buah-buahan dan sayur-sayuran dengan memanfaatkan kajian dan dapatan daripada *R&D* yang dilakukan. dilakukan.;

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

2. Adalah melibatkan *FDI* seperti yang dikongsikan oleh pihak kementerian mengenai penglibatan pihak *FDI* untuk meningkatkan produktiviti. Kaola difahamkan bahawa hanya terdapat senarai *FDI* untuk sektor perikanan yang dikongsikan. Dalam hal ini, kaola ingin mengetahui dengan lebih lanjut adakah terdapat perancangan komprehensif, menggalakkan dan menarik perhatian *FDI* dalam sektor pertanian dan perikanan?

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Menyentuh mengenai isu subsidi baja yang diusulkan oleh Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann pagi tadi. Kaola ingin mencadangkan agar pihak yang berkaitan dapat menggunakan kaedah baja *composting* sebagai satu alternatif yang lebih murah berbanding menggunakan baja *NPK*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Perkara yang kaola telah usulkan itu mempunyai kaitan dengan Tajuk SH04A di bawah Kod 004/000, iaitu berkaitan dengan *Research & Development.* Dengan usaha dan kesungguhannya dari pihak kementerian dalam melaksanakan penyelidikan dan perkembangan dalam sektor pertanian itu setentunya akan memberi kesan yang besar terhadap perkembangan dan kemajuan serta memberi impak positif terhadap penghasilannya nanti.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin menggalakkan pihak yang berkepentingan untuk sentiasa "turun padang" ke ladang-ladang sebagai salah satu langkah mandatori. Selain itu, kaola sukacita ingin menyarankan pihak berkaitan untuk mengadakan kolabarasi bersama agensi-agensi berkepentingan seperti *Brunei Innovation Lab* untuk mempelbagaikan teknik dan pendekatan dalam mengembangkan pelaksanaan *R&D* dalam sektor pertanian dan agrimakanan. Oleh yang demikian, kaola berharap agar *R&D* ini dapat terus dilanjutkan dan dipanjangkan secara teratur, berkesan dan dilakukan secara kolaboratif.

Akhir sekali, kaola berharap dengan cadangan-cadangan yang diusulkan ini akan dapat memberi manfaat dan dilaksanakan dengan menitikberatkan kerjasama sepadu daripada pelbagai pihak yang berkepentingan melalui kaedah-kaedah dan usaha-usaha demi merealisasikan matlamat-matlamat ke arah pembangunan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Awang Lau How Teck berkenaan dengan pertanyaan dan juga cadangan-cadangan.

Berkenaan dengan infrastruktur ladang, memang penumpuan kita masa ini terutama sekali dalam RKN Ke-12 ini, akan menyediakan infrastruktur asas. Jadi dengan adanya infrastruktur asas seperti yang telah kaola katakan tadi, membolehkan kita menyediakan, *adopt* teknologi-teknologi seperti rumah "hijau", boleh meningkatkan lagi usaha kita dengan mengambil *mix croping* punya *farming*. Ini akan meningkatkan lagi kualiti dan juga produktiviti terutama sekali meningkatkan lagi *value* kepada ladang-ladang tersebut.

Dari segi *FDI*, semua usaha telah dibuat dengan pihak *BDEB* untuk menarik *FDI* dari segi pertanian, tetapi *it's very challenging* pertanian ini *compared to* perikanan. أَلْحَمْدُ لِلّٰهِ telah sudah banyak *FDI* dari luar negeri seperti *Barramundi, Hiseaton, Pure Fresh*. Pada masa ini *FDI* di bawah pertanian ialah *Superfish* dari Malaysia. Usaha telah dibuat, kaola sendiri telah pun pergi ke Thailand untuk mencari syarikat-syarkiat juga. Tetapi *one of the challenges is* mereka mengatakan ladang-ladang kita kecil dan kos tinggi *compared to* negara-negara jiran. Tetapi walau bagaimanapun, usaha telah dibuat untuk menarik pelabur asing melalui pakej-pakej yang disediakan

untuk tawarkan kepada syarikat-syarikat yang dikenal pasti *FDI*.

Berkenaan cadangan dengan baja kompos أَلْحَمْدُ لِلّٰه, kaola bersetuju dengan cadangan tersebut bahawa masa ini konsep *regenerative agriculture* akan di*introduce* kepada negara ini yang akan mengurangkan lagi, dengan mengambil kira:

1. *Long term benefit* kepada *agriculture*, *in terms of productivity*, *in terms of sustainability*, *in terms of environment*. Itulah hala tuju pihak Kementerian ini dari segi *agriculture*.

   Dengan adanya *regenerative agriculture* akan menggunakan bahan-bahan *organic natural* seperti yang dinyatakan tadi baja kompos, dikurangkan baja *chemical,* ditambah baja kompos. Kerana baja kompos ini lebih mesra alam *compared to* baja-baja *chemical*. Yang Berhormat Awang Lau How Teck juga akan diundang dengan *leading farmers and see how receptive* ladang-ladang ini berkenaan dengan *proposal* daripada pihak Kementerian akan *adopt regenerative agriculture*.

   Berkenaan dengan "turun padang" seperti tahun lepas kaola nyatakan, kaola *reserve every Saturday* untuk melawat ladang-ladang, sekurang-kurangnya 3 ke 4 ladang untuk dilawat untuk mengetahui apa masalah yang dihadapi, bagaimana kita mengatasi yang didapati isu-isu ini, *for example* ada satu ladang pada masa itu untuk mengadakan beraspirasi untuk mengadakan *high technology farm* tapi masalahnya utiliti kurang dan tidak mencukupi.

   Dengan cara ini dapatlah pihak-pihak Kementerian dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan mengetahui dan *address* isu-isu tersebut. Itu memang sudah dilaksanakan *every Saturday* sekurang-kurang 3, 4 ke 5 ladang telah dilawati. Tapi ladang ini 1000 lebih, jadi kalau setahun tidak habis untuk dilawati. Jadi dicari di mana lokasi-lokasi yang strategik yang difikirkan penting yang perlu dilawati yang mempunyai isu-isu yang mungkin dapat ditolong dan ditangani. Itu sudah memang menjadi tradisi pihak kementerian kita turun padang terutama sekali *on Saturday*.; dan

2. *In terms* of kolaborasi dengan pusat-pusat *reasearch*, itu memang sudah dibuat. *For example,* UBD, UTB, UNISSA dan *even international research centre* dan *education centre* untuk mengetahui lebih lanjut lagi berkenaan dengan dapatan-dapatan terkini dari segi pertanian. Itulah sebabnya kita dapat baja, benih-benih yang bagus sekiranya perikanan, padi dan juga *some* jenis-jenis buah-buahan dibawa ke sini disebabkan oleh kolaborasi dengan institusi-institusi *innovation* dan *research* bukan saja dalam negeri dan juga luar negeri.

Itulah jawapan kaola, berkenaan persoaalan yang ditujukan oleh Yang Berhormat Awang Lau How Teck. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ
عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas pembentangan belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025. Kaola gembira mendengar pencapaian Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan terutama dalam bidang pertanian dan agrimakanan, perikanan dan perhutanan yang meningkat, hasil dari Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kaola berharap pencapaian atau *success stories* dalam satu sektor itu bukanlah *isolated* maksud kaola bukan kejayaan *individual* pengusaha tetapi ia adalah merupakan kejayaan industri itu secara keseluruhan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, di bawah Rancangan Kemajuan Negara, RKN Ke-12, sejumlah $230,060,458.00 telah pun diperuntukkan bagi mengukuhkan *security* makanan dengan menyediakan infrsatruktur yang sangat diperlukan untuk meningkatkan hasil pertanian dan penternakan secara keseluruhannya.

Kaola berpendapat dengan peruntukan ini, kementerian boleh mendukung hasrat peladang dan pengusaha untuk membesarkan perusahan-perusahan mereka. Kerana tanpa sokongan pihak kerajaan dari segi pemberian tanah, penyediaan infrastuktur, bekalan tenaga, air, kewangan dan sebagainya, mungkin sebahagian peladang tidak berupaya meneruskan perusahaan mereka. Kaola ingin bertanya sama ada dapat diadakan dana bagi membolehkan skim pinjaman bagi peladang-peladang dan mereka yang ingin berkecimpung dalam industri ini.

Seruan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sebentar tadi agar anak-anak muda mencebur diri dalam industri pertanian dan penternakan. Ia hanya akan dapat disahuti jika isu kewangan dapat dibantu. Ini bukan saja untuk *seek money* bagi mereka yang baharu dalam bidang ini tetapi bagi menampung kemungkinan ladang dan pengusaha yang sudah ada yang mungkin memerlukan bantuan untuk membesarkan perusahaan mereka.

Kaola mengambil maklum apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

bahawa kementeriannnya komited untuk memajukan industri pemakanan. Kejayaan industri ini bergantung kepada beberapa strategi selain daripada *research and development*, pendidikan dan latihan menggunakan mesin-mesin yang baharu misalannya penyediaan infrastruktur, *storage facilities* iaitu gedung-gedung dan stor, juga *digital technologies* yang boleh di*apply* untuk memajukan lagi industri pertanian, skim bantuan subsidi dan *grants* adalah juga penting dan kita hendaklah juga terus komited dan fokus dan tidak *half-hearted* untuk terus menyokong industri ini. Mungkin kurangnya atau terputusnya dukungan yang kita berikan menjadi punca kurangnya kejayaan kita mempelbagaikan ekonomi sejak kita mengenal perkataan kepelbagaian atau *diversification* di bangku sekolah lagi.

Kaola beralih kepada perindustrian pelancongan. Bukanlah kita bermaksud untuk menandingi mana-mana negeri tetapi industri pelancongan adalah industri yang boleh menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar.

Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan merangsang ekonomi setempat *(stimulate the local economy*) untuk lebih dinamik. Semua ini diketahui oleh pihak kita dan setentunya pihak kementerian. Tetapi untuk itu kita perlu melabur ke industri pelancongan ini jika kita betul-betul mahu untuk menghidupkan perindustrian ini.

Peruntukan sebanyak $7,317,350 juta di bawah RKN-12 untuk 5 tahun adalah satu peruntukan yang kecil sedangkan industri ini boleh menjana pertumbuhan ekonomi yang besar yang memberikan impak kepada seluruh negara, mencetuskan permintaan ke atas *food & beverages*, *hotel accommodation, transport services, tour guide services* yang kesemuanya boleh mewujudkan pekerjaan. *Repackaging* tanpa pembaharuan tidak akan menarik banyak pelancong.

Kaola ingin bertanya adakah kementerian memikirkan untuk meneliti semula aset-aset yang boleh menarik pelancong seperti *Empire Hotel, Jerudong Park Playground, the Royal Regalia*, Muzium Negara, Balai Pameran Khazanah dan juga Masjid Omar Ali' Saifuddien dan Jame' Asr Hassanil Bolkiah antaranya untuk di *upgrade (rebranding).*

Kaola merasa adalah sayang jika *Empire Hotel* yang tersergam indah dan disenaraikan dalam *one of the leading hotel* tidak dapat menarik dan tidak diisi dengan banyak pelancong. Kalau dilihat pada masa ini, *its like a shadow of its former self* pulang *Empire Hotel* 'ani'.

Padang golf yang pelbagai *tournament* pernah diadakan kini adalah dalam keadaan yang uzur dan perlu *massive repair* untuk kembali ke zaman kegemilanganya. Adakah pernah difikirkan bersama oleh pihak kementerian dengan agensi-agensi yang berkaitan *DARe* akan bagaimana mendatangkan atau menarik lebih banyak pelancong ke negara ini, untuk

mengisi *Empire Hotel* ini. Kalau 'biskaola' bermain golf, dari jauh nampak sepi, ada bangunan yang kosong. Setiap kali melihat, rasa sayang.

Dalam perkara lain, kaola juga ingin mencadangkan kita perlu juga mencari *a new angle* untuk mempromosikan pelancongan di negara ini. Beberapa kali sebelum ini, kita ada menerima kunjungan pelajar-pelajar dari Malaysia, Singapura dan satu atau dua negara *ASEAN* ke negara ini dan mengikut *feedback* dari rombongan pelajar tersebut, mereka seronok datang ke Negara Brunei Darussalam disambut dengan *our typical Brunei hospitality* yang sudah terkenal. Melawat tempat-tempat yang menarik dan membuat aktiviti yang di luar daripada biasa yang mereka alami. Mereka juga merasa tenang dan selamat di negara ini.

Bagi kaola, mungkin ini adalah satu *niche* pelancongan yang boleh kita majukan iaitu menarik pelajar-pelajar dari negara *ASEAN* untuk datang bercuti ke Negara Brunei Darussalam. Untuk tujuan ini, pihak Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di negara-negara *ASEAN* melalui Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dapat dibawa sama untuk mempromosi Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan bagi pelajar-pelajar *ASEAN*. Pelajar-pelajar ini tidak memerlukan *night club* dan tidak memerlukan hiburan dan tidak memerlukan apa, asal dijaga dengan baik, mereka akan suka datang. *Feedback* daripada pelajar-pelajar yang sudah pernah ke sini, mereka gembira dengan lawatan-lawatan mereka.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kedua-dua industri yang kaola sebutkan, pertanian dan pelancongan melibatkan kementerian-kementerian yang lain sebagai *stackholders.* Adalah penting bagi kesemua kementerian dan agensi yang berkaitan sama-sama bertindak dan bergerak sehaluan dalam mempromosi pertanian dan pelancongan.

Tanpa kerjasama seperti ini, dalam 20-30 tahun akan datang mungkin kita masih lagi akan bercakap mengenai kepelbagaian sedangkan negara lain sudah menikmati hasil kepelbagaian mereka.

Akhir sekali yang ingin kaola sampaikan ialah kita telah mengalami banyak *missed opportunity* sebelum ini. Janganlah kita berterusan melakukan apa yang sepatutnya kita lakukan dan berterusan melepaskan peluang untuk memajukan negara.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima Kasih. Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkenaan

dengan komen dan juga soalan yang diajukan tadi.

Berkenaan dengan dana untuk peladang-peladang terutama sekali yang sudah ada, *I think* ani boleh abiskaola rundingkan dengan pihak-pihak berkenaan. Memang diakui bahawa kebanyakannya dana dan skim masa ini ialah *very much* fokus kepada belia dan *follow through* dananya itu ke sana. Tetapi bagi ladang-ladang yang sedia ada, akses yang 'bisdiorang' ada melalui bank konvensional, ataupun semua Bank Usahawan, barangkali boleh abiskaola akan meneliti lagi dengan lebih lanjut berkenaan keperluan *expansion programme* for ladang-ladang yang sedia ada juga dengan agensi-agensi yang terlibat إِنْ شَاءَ اللهُ .

Memang skim, *grants* dan *subsidies* ini memang ada dan masih lagi *important. I think* memang masih lagi, *there's no plan for the time being* untuk di*stop* jadi *we still carry on until certain* keluaran sudah mencukupi untuk sara diri syarikat tersebut, mungkin baru kita memulakan me*review* sebarang bantuan yang ada.

Dari segi pelancongan, sebenarnya seperti yang kaola nyatakan tadi, 'abiskaola' sedang mengumpulkan *inventori* dari segi *asset* dan juga aktiviti pelancongan di negara ini. Sebanyak 200 lebih sudah *asset* dan aktiviti-aktiviti yang telah dikumpulkan dan 'abiskaola' *actively engaging this particular area and asset* dan juga aktiviti ini, macam mana membuat perundingan dengan mereka *in term of* meningkatkan tahap kualiti dan juga aktiviti kekerapan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh mereka, termasuk juga dengan aset-aset seperti hotel dan juga bangunan-bangunan menarik dan bersejarah.

Dari segi *Empire Hotel, I think* masa ini kalau tidak silap, memang *Empire Hotel* sedang *undergoing rejuvenation in phases* terutama sekali *golf course*nya إِنْ شَاءَ اللهُ dalam masa setahun dua projek ini akan siap dan *Empire Hotel* akan berkolobrasi dengan Jabatan Kemajuan Pelancongan bagi mempromosikan *Empire Hotel* sebagai tarikan kerana seperti diakui semasa di *Singapore,* Korea, *Japan everybody wants Empire Hotel to be involve,* jadi memang diakui bahawa ini satu daya tarikan yang penting إِنْ شَاءَ اللهُ *upgrading* dan juga *refurbishment* itu *will be done in phases.*

Dari segi mengambil sudut pelancongan seperti Yang Berhormat nyatakan berkenaan dengan pelajar-pelajar memang sudah abiskaola rundingkan kerana *one of the biggest tourism* aktiviti ialah *education tourism*. Pihak kementerian telah membuat perundingan dengan ejen-ejen di Singapura, ada dua atau tiga orang ejen yang dikhaskan untuk membawa pelajar-pelajar ke luar negeri dan mereka telah menghentikan aktiviti selepas *COVID-19* dan sekarang mereka memulakannya semula bulan lepas pihak kaola telah pun membuat perundingan dengan ejen-ejen yang bertanggungjawab untuk *student tourism* ini untuk datang ke Negara

Brunei Darussalam, untuk berunding dengan agensi-agensi yang berkenaan untuk *facilitate* lebih ramai pelajar Singapura ke Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu juga, dilaratkan kepada negara-negara jiran 'kitani' yang lain untuk membolehkan mereka membawa pelajar ke Negara Brunei Darussalam. Memang diakui seperti Yang Berhormat nyatakan Negara Brunei Darussalam *is a safe and clean place* dan sesuai untuk pelajar. Program ini akan diaktifkan semula bukan sahaja dari Singapura malah juga dari negara-negara jiran malah ke Jepun. Malah semasa eksposisi Jepun *we have met* syarikat-syarikat yang bertanggungjawab dengan *student tourism* untuk bekerjasama dengan *tourism* Brunei dan Kementerian Pendidikan untuk memastikan bahawa lebih ramai pelajar dari Jepun, Korea, Singapura dan negara jiran lain untuk datang ke Negara Brunei Darussalam sebagai *safe, interesting and clean destination*.

Terima kasih, Yang Berhormat atas saranan itu. Memang sudah abiskaola usahakan. Yang terakhir, adalah *missed opportunity,* usaha-usaha memang dilakukan. Memang diakui bahawa *tourism* ini aktiviti yang penting yang memberi *spin-off* kepada ekonomi lain, memberikan *employment* kepada anak tempatan.

Jadi, *we still strive to work hard, collaborating* dengan *ministry* dan agensi lain dan juga untuk dikukuhkan lagi dari segi infrastruktur, *service* untuk promosi *tourism.* إِنْ شَاءَ اللهُ Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira cukup sekian kita berunding dalam Jawatankuasa maka saya cadangkan kita beralih balik kepada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin mencadangkan persidangan kita ini kita tangguhkan dahulu dan kita akan bersidang semula pada hari Rabu, 6 Mac 2024 iaitu esok hari mulai pada pukul 9.30 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Rabu, 25 Syaaban 1445 / 6 Mac 2024

YANG DI-PERTUA

DAN AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L.,. Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat - Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai - Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau - Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari ketujuh, hari ini Rabu, 25 Syaaban 1445 bersamaan 6 Mac 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ kita bersyukur ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir lagi pada pagi ini dan bersidang hari yang ketujuh dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang kita adakan semalam dan seterusnya pada hari ini, kita masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Bagi membolehkan kita untuk meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang tersebut. Saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa ini masih lagi membahaskan dan membincangkan Tajuk Belanjawan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatannya. Saya masih lagi mempunyai permohonan daripada 3 orang Ahli Yang Berhormat setakat ini yang ingin untuk turut serta membincangkan dan membahaskan tajuk yang berkenaan ini.

Untuk memulakannya, saya mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan atas pencerahan dan keterangan Yang Berhormat berkaitan dengan perkembangan dan hala tuju, tumpuan dan keutamaan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada Tahun Kewangan 2024/2025.

Kaola ada beberapa soalan, pandangan yang sebahagiannya berupa susulan dari isu yang kaola pernah bangkitkan di mesyuarat yang lalu. Kaola juga ada beberapa isu, sebahagiannya yang disampaikan oleh rakyat melalui kaola.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan kaola:

1. *ASEAN Clean Tourist City Standard Award* ke Kuala Belait. أَلْحَمْدُ لِلّٰه. Tahniah atas usaha gigih Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan pencapaian yang luar biasa mempromosi Pekan Kuala Belait yang dikenali dengan julukan *Sleeping Oil Town* (Pekan Minyak Tidur) untuk menjawat gelaran berprestasi *ASEAN Clean Tourist City Standard Award.* Ini menandakan tonggak penting bermulanya transformasi Kuala Belait dari status sebuah pekan menjadi bandar raya pelancongan.

   Sebagai anak tempatan yang lahir dan bermastautin di Kuala Belait,

kaola turut teruja dengan perkembangan yang dilaporkan oleh pihak kementerian yang telah mengkategorikan Kuala Belait untuk memenuhi kriteria yang ketat sebagai sebuah bandar pelancongan *ASEAN*. Ekspektasi *(expectation*) warga Kuala Belait mengikut definisi bandar kota ialah sebuah bandar yang berkembang pesat dan mempunyai prasarana sebuah bandar raya. Status *Tourist City* menandakan Kuala Belait mempunyai pelbagai destinasi pelancongan. اَلْحَمْدُ لِلّٰه. syabas kepada warga kementerian.

Walau bagaimanapun, adalah penting bagi warga kementerian dan agensi-agensi berkepentingan di Kuala Belait untuk mengekalkan martabat dan kegemilangan anugerah ini agar memastikan gelaran Kuala Belait sebagai *ASEAN Clean Tourist City* memberi impak pelancongan yang bersih berterusan, menambah baik dan mengadakan banyak lagi daya tarikan serta meningkatkan kemudahan yang ada di bandar baharu ini.

Kaola ingin pencerahan, bolehkah Yang Berhormat menerangkan apa rancangan, strategi dan dana yang khusus yang telah dirancangkan dan disimpan dalam Perbelanjaan Tahun Kewangan 2024/2025 untuk memastikan Pekan Belait terus memenuhi harapan yang dikaitkan dengan anugerah yang berprestij ini? Warga Kuala Belait berharapan penuh dengan penganugerahan berprestij ini. Kementerian akan terus mengadakan usaha untuk menterjemahkan anugerah ini ke dalam tindakan yang nyata untuk meningkatkan kualiti hidup dan pengalaman pelancongan di Pekan Kuala Belait. Harapan warga Kuala Belait, anugerah ini bukan setakat tinggal kenangan sebagai anugerah impian yang dirayakan pada malam *ASEAN Tourism Award Ceremony,* tetapi ia benar-benar melambangkan realiti agar reputasi negara dan kredibiliti kementerian tidak tergugat kalau anugerah ini hanya ditinggalkan sebagai julukan dan menjadi *national joke*.

Kaola *must admit* anugerah *ASEAN Clean Tourist City Standard Award* ini *less embarrassing* daripada negara mencalonkan dan mendapat anugerah *Best Public Toilet Award*, mengetahui kondisi sebenar kebanyakan *public toilet* di negara 'kitani' tidak sebenarnya.

Harap maklum, *by the way*, orang luar negara yang ramai kelihatan di Kuala Belait membeli-belah dengan keluarga mereka di salah sebuah *supermarket* di kawasan Panaga, Seria itu, bukan *tourist*, tetapi pekerja-pekerja pendatang dalam industri minyak dan juga keluarga *British Armed Forces* (Gurkha) yang tinggal di Seria.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam mukadimah Yang Berhormat tidak menyebut tentang anugerah yang dicapai di Pekan Kuala Belait. Mungkin terlepas perhatian. Yang ingin kaola sampaikan ialah segelintir suara rakyat yang berharap kementerian akan mencari produk pelancongan yang bersesuaian untuk dicalonkan untuk menerima anugerah prestasi *ASEAN Tourism Award* yang benar-benar mencerminkan kenyataan dan kalau 'inda ada yang bisai', yang layak dicalonkan, tampilkan dan *showcase* produk yang mencerminkan identiti keunikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang mengekalkan tradisi Melayu bersultan, negara kaya dengan *fauna*, *flora*, kehijauan dan udara yang bersih dan aman walaupun produk pelancongan itu tidak akan menerima anugerah pada malam *ASEAN Tourism Award.;*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Soalan:

2. Sasaran pendapatan pengeluaran dari Pelan Strategik Kementerian. Dalam Tahun Kewangan sebelumnya, kementerian telah mengantisipasi pulangan yang besar dari sektor pertanian dan agrimakanan. Pada Tahun Kewangan 2022/2023, hasil yang dijangkakan adalah sebanyak $924 juta, namun hasil sebenar hanya mencapai 2/3 sasaran dengan jumlah $627 juta. Begitu juga dalam Tahun Kewangan 2023/2024, hasil dijangkakan ialah sebanyak $775 juta yang hanya dicapai ialah $716 juta.

Memandang ke hadapan sasaran hasil yang bercita-cita tinggi telah ditetapkan untuk Tahun Kewangan 2024/2025 dan seterusnya dengan hasil yang dijangkakan sebanyak $979 juta bagi Tahun 2024, $1.2 bilion bagi Tahun 2025 dan $1.3 bilion dalam Tahun 2026. Pertumbuhan 15% ke 20% secara berturut-turut iaitu peningkatan berganda 100% sasaran Kewangan Tahun 2026/2027, $1.4 bilion dari anggaran Tahun Kewangan 2022/2023 iaitu $780 juta. *Target* yang memberangsangkan dengan kita memohon dan berdoa semoga ia akan tercapai آمِيْنُ.

Mohon pencerahan, apakah pendekatan baharu yang akan diperkenalkan serta bantuan yang akan dihulurkan kepada ahli perniagaan, pertanian agrimakanan yang akan memberi jaminan sasaran kementerian yang dijangkakan sebagai realistik akan tercapai walhal anggaran tahun lepas dan tahun ini pun tidak tercapai?

Ini satu cabaran kerana semasa lawatan kaola dan sahabat-sahabat ke lokasi pertanian, kebanyakan petani dan usahawan 'kitani' masih menggunakan *basic traditional farming*, bergantung pada tenaga pekerja dan tidak banyak menggunakan *mechanisation* dan *automation* untuk meningkatkan produktiviti dan meringankan kerja

manual. Walaupun sasaran ini menjanjikan pulangan yang memberangsangkan, namun menimbulkan satu soalan tentang *revenue* (hasil).;

Adakah aliran pendapatan ini dilakukan dengan *financial audit* yang menunjukkan *revenue* yang sebenar yang dilaporkan oleh peladang atau adakah ia andaian semata-mata berlandaskan pada anggaran hasil *production* dari pengusaha dan ditaksir oleh kementerian tanpa mengira harga dan jumlah jualan pasaran yang sebenarnya?.

Trend ini kritikal kalau ketiadaan laporan hasil pendapatan sebenar dan *public reporting* yang menggunakan anggaran hasil produksi tahunan tidak mencerminkan situasi sebenar tentang cabaran ekonomi dan beban kesuntukan kewangan *(cash flow)* yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kecil dan persendirian. Petani muda 'kitani' kesuntukan *cash flow* bukan sahaja menyekat usaha untuk meningkatkan produksi tetapi juga mencabar *survival* mereka meneruskan perusahaan pertanian mereka.;

Oleh itu, sasaran kaola adalah penting untuk menentukan kebolehpercayaan dan ketepatan jangkaan pendapatan itu terutamanya dalam konteks perancangan kemajuan kewangan pengamal ekonomi dengan melaporkan *revenue* yang sebenar jadi *KPI* dan satu lagi *KPI* perlu dipandang ialah berapa banyak pengusaha ladang yang berkembang.;

3. RKN-12 Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di bawah Kod/Akaun 1210 - Mengukuhkan Sekuriti Makanan sejumlah $237 juta kini dipohonkan dalam RKN-12 dan sebanyak $33 juta dipohonkan untuk perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Mohon pencerahan di bawah Kod/Akaun 1210/003 menunjukkan sejumlah $18 juta untuk tahun ini dan dalam relatifnya dikira menjana hasil $300 juta pada tahun 2018 dan $108 juta dari tahun 2020. Adakah ini *typo or error* atau *target* lama? Kalau *target* lama, adakah *target* ini sudah dicapai dan jika perbelanjaan baharu mohon pencerahan berapa anggaran pengeluaran akan dicapai bagi Tahun Kewangan 2025/2026?;

4. Di bawah Kod 001/000 hingga Kod 004/000 - Jabatan Perhutanan. Mohon penjelasan tentang hasil jualan industri keluaran *primer* sebanyak ($34 juta) dan hasil jualan industi hiliran berasaskan kayu sebanyak $9.5 juta. Adakah ini *revenue* kerajaan atau termasuk tafsiran daripada pengusaha-pengusaha pembalakan.;

   Mohon kalau 'kitani' konsisten dalam melaporkan hasil-hasil pengeluaran dalam agrimakanan, pertanian, perikanan dan perhutanan agar kalau ia anggaran biarlah ada proses

independent untuk memastikan kesahihan hasil yang dilapor.

Di bawah Kod 002-000 - Pengurusan & Pembangunan Sumber dan Industri Hutan sejumlah $2.5 juta perbelanjaan dan RKN-12, di bawah Kod Akaun 1207 - Mengukuhkan Kelestarian Alam sekitar $17 juta dipohonkan.

Yang kaola ingin mohon pencerahan, adakah pendapatan negara dari hasil penjualan balak, satu-satunya khazanah negara yang semula jadi yang memakan masa untuk tumbuh semula setimpal dengan keuntungan yang diraih oleh pengusaha balak dan yang diberikannya kepada negara dan apakah ia berbaloi dengan kos penanaman semula, penjagaan pokok gantian dan kos membaiki jalan raya yang rosak dari kenderaan berat lori mengangkut balak yang sepenuhnya dibiayai oleh kerajaan? Adakah ada kriteria / *guideline* yang nyata yang perlu dipantau untuk memastikan *the economic value* dari sebatang pokok itu pada tahap maksimum yang tiada *wastage* hingga habuk pokok itu menjadi sumber hasil? Berapa peratus sebatang pokok mendatangkan hasil negara?;

5. Untuk mengukuhkan jaminan sekuriti makanan. Dalam usaha untuk menangani inisiatif sekuriti makanan, 'kitani' fokus usaha pertanian dan agrimakanan dalam negara. Kaola berpendapat untuk mempelbagaikan sekuriti makanan, konsep *self-sufficiency* menanam sendiri itu perlu diganding dengan alternatif strategi dengan mempelbagaikan dan memperbanyakkan sumber bekalan yang selamat *(multiple secure sources of supply of essential food).*

   Adakah ada strategi dalam perbelanjaan RKN-12 untuk meneroka, melabur di luar negara dalam pertanian dan agrimakanan untuk meningkatkan dan mempelbagaikan sumber makanan dengan negara yang ada bertanah subur mempunyai agriindustri yang sudah mantap, pekerja industri pertanian yang sedia ada dan *logistically secure*? Dengan tujuan kesemua hasil dari *investment* dalam agriindustri itu khusus untuk negara. Strategi ini bukan sahaja alternatif sumber yang selamat *(secure supplier food). Investment* ini juga boleh 'kitani' gunakan untuk menempatkan pegawai-pegawai pertanian dan petani-petani terpilih untuk menimba ilmu dalam industri pertanian yang sudah mantap itu. Inilah satu pandangan alternatif untuk sekuriti *source of supply.;*

6. Konsep *Rural Community Farming, Family Self Sufficiency*. Orang 'kitani' di kampung dulu-dulu memang berdikari dengan bertanam dan berternak di kawasan rumah, 'memutik' sayur, ulam-ulaman yang cepat berhasil seperti lada, terung, buah-buahan, 'kepayas', pisang dan menternak ayam, itik untuk daging dan telur di keliling kawasan rumah.

Apabila 'kitani' berhijrah dari kampung mengikuti skim perpindahan dan masuk kawasan bandar tempat berkebun dan berternak terhad dan tidak bersesuaian menjadikan kesemua keperluan dapur harian seperti sayur, telur, daging, ayam, buah-buahan terpaksa dibeli.

Ada cadangan daripada rakyat kalau kementerian dan agensi kerajaan untuk mengambil kira membukakan tanah kerajaan yang kosong *the green belt* yang berdekatan dengan skim perumahan kampung dalam kawasan perumahan negara dibuka untuk dijadikan *community farming area* bersusun, bukan sebanyak 10 hektar sekeluarga tetapi setakat cukup saiz berkebun kecil-kecilan dan hasilnya untuk kegunaan sendiri bagi mengurangkan perbelanjaan harian keluarga.

Kerajaan membuka kawasan dan memberi tunjuk ajar dan membantu memulakan minat bertanam kecil, dan mudah-mudahan dari minat bertanam kecil-kecilan timbul minat untuk membesarkan tapak dan bila ada minat ini bolehlah digalakkan pemohon-pemohon untuk mengikuiti tapak-tapak pertanian dalam skim kementerian. Inisiatif ini akan membantu keluarga menurunkan perbelanjaan harian sambil memberi alternatif *form of recreation*.; dan

7. Rakyat juga ingin mengetahui 'tekaduhung kitani' sudah cukup sara hidup *self-sufficiency* dalam pengeluaran daging, ayam dan telur tetapi keluhan rakyat adalah kenapa harga daging, ayam dan telur naik walhal tidak melibatkan kos *import*?

Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengingatkan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, ada beberapa soalan daripada rakyat yang dikemukakan tahun lepas yang belum dijawab. Sebahagiannya telah pun dijawab kelmarin berikutan dengan beberapa soalan daripada Ahli Yang Berhormat yang lain. Kaola tidak akan mengulang semula soalan di sini, cukup kaola senaraikan beberapa untuk rekod dan izinkan kaola untuk memberikan alternatif perspektif. Antaranya:

i. Tema Menjana Ekonomi dari Industri Pelancongan. Mohon dimasukkan tema-tema pelancongan apabila kementerian menggunakan *regional* dan *global social influencer* dalam mereka mempromosi *potential package* pelancongan 'kitani'.;

ii. Berkolaborasi dengan Kementerian Kesihatan untuk memperkenalkan *medical tourist industry,* mengisi kekosongan atau menaikkan *utilization* pusat *specialist center* tanpa menjejaskan *service* untuk orang tempatan.;

iii. Berkolaborasi dengan Kementerian Pendidikan, institusi swasta mempromosi Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pembelajaran yang mempamerkan kekuatan institusi kekeluargaan

(family values) dan *Islamic values* pada *target Middle East, Islamic Nation* dan *family oriented clientele.* Bukan sahaja membuat lawatan sambil belajar tetapi memilih Negara Brunei Darussalam untuk mereka menghantar anak-anak mereka mengikuti persekolahan. 'Kitani' 'inda' perlu 'ingau' kalau 'kitani' kelihatan seperti negara yang konservatif dalam pembangunan tempat hiburan malah 'kitani' sepatutnya bangga dan *embrace it is what it is* dan menjadikan *konservatif* kita sebagai satu keunikan. *Our strength* untuk menarik *family based living style.*;

iv. Berkolaborasi dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama *Brunei Olympic Council* dan agensi-agensi sukan dalam negeri untuk mempromosikan negara sebagai destinasi sukan di peringkat antarabangsa dan di peringkat *regional.* Lebih-lebih lagi di peringkat anak-anak sekolah *Youth Sports Development* sebagai satu batu loncatan untuk kita إِنْ شَاءَ اللهُ pada musim hadapan menghoskan *sukan* yang lebih besar. Memperbanyakkan peluang untuk menjadi Tuan Rumah sukan terbesar seperti sukan antara universiti, *youths sports including football* dan seumpamanya.;

v. Berkolaborasi dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti yang sudah dinyatakan. Mempromosikan jambatan paling panjang di *Southeast Asia* untuk mengadakan *international marathon* yang sudah dikatakan akan diadakan pada tahun hadapan إِنْ شَاءَ اللهُ dan juga mempromosikan *half triathlon* dengan melibatkan jambatan untuk berenang, berbasikal dan berlari.;

vi. Mengambil kesempatan mempromosi, membawa keluar *transit passengers* yang menggunakan *Royal Brunei Airlines* dan *Brunei International Airport* untuk destinasi umrah dan *Islamic based tourism* di Negara Brunei Darussalam.;

vii. Menilai peluang kerjasama dengan *BIMP-EAGA* dan pemindahan ibu kota Indonesia ke Nusantara, Kepulauan Borneo, apakah strategi dan inisiatif yang telah dan akan 'kitani' manfaatkan dengan mengambil peluang daripada perkembangan ini? Mungkin satu tema produk pelancongan yang belum diteroka ialah *niche tourism* berkolaborasi dengan *Tourism Board* dengan *private individual* yang ada menyimpan koleksi barang-barang unik atau *koleksi* kereta-kereta unik yang dimiliki oleh sebahagian orang kenamaan kita untuk mengadakan *special expo* yang akan menarik *special type of niche tourism*.

Sekian dulu, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sampaikan pandangan dan saranan daripada rakyat untuk kementerian memberikan pencerahan. والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga Yang Berhormat atas soalan dan juga cadangan yang telah diajukan. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم

Bagi menjawab...

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa kita cuba seberapa yang boleh untuk menimbulkan perkara-perkara yang mempunyai hubungan rapat dengan bajet yang sedang kita hadapi ketika ini dan sekiranya kita ingin mengajukan pertanyaan-pertanyaan yang 'beranak', yang timbul jadi cucu- cicitnya, ke mana tuju 'kitani' dengan soalan-soalan ini?

Kalau dapat kita tumpukan perhatian 'kitani' kepada *major* isu, isu yang 'kitani' minati ataupun yang dihadapi oleh orang ramai misalannya, sungutan orang ramai macam mana 'kitani' memikirkan *hendak improve the situation*. Tapi kalau 'kitani' hanya menimbulkan soalan-soalan, dan dari sana soalan 'beranak', bercucu, bercicit ke mana tuju 'kitani' nanti dengan soalan-soalan yang banyak ini?

Akhirnya, barangkali satu ketika nanti kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri ini tidak dapat menjawab soalan-soalan ini, ia akan men*delegate* pegawai-pegawainya untuk menjawab soalan-soalan itu secara bertulis. Kalau itu terjadi, maka persidangan yang kita adakan ini untuk membincangkan hal yang lebih penting ini akan pudar keunggulannya. Jadi, saya ingin menarik perhatian kita semua supaya 'kitani' berhati-hati.

Memanglah setiap tahun 'kitani' *expect* untuk menimbulkan banyak soalan, tapi walau bagaimanapun peluang-peluang dibuka kepada Ahli Yang Berhormat untuk mengadakan temu ramah ataupun ramah mesra dengan kementerian-kementerian yang berkenaan. Jadi, tidak semestinya berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri tetapi juga barangkali perlu berjumpa dengan Yang Mulia Setiausaha Tetap ataupun pegawai-pegawainya. Sama ada secara perseorangan atau rombongan dengan ikhlas mendapat jawapan dan jawapan-jawapan itu bolehlah disalurkan kepada *constituency* masing-masing yang meminati soalan-soalan seperti itu. Saya minta kalau sekiranya dapat biskita *revise* strategi ini supaya 'kitani' akan menumpukan perhatian kepada *main issues* dan bukan isu-isu yang 'beranak' seperti ini.

Saya akan bertanya lagi ke mana tuju 'kitani' dengan soalan-soalan ini. 'Kitani' sudah mengetahui bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda berkali-kali dalam Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mesyuarat Negara selama 'kitani' sudah bermesyuarat 20 tahun, sesudah Pindaan Perlembagaan, 'kitani' menubuhkan semula Majlis Mesyuarat Negara ini, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah bahawa 'abiskita' adalah menjadi wadah, menjadi *bridge* antara rakyat dengan kerajaan.

Saya harap ia akan digunakan sebagai *bridge* yang sebenarnya, bukan *bridge* yang mungkin akan meruntuhkan *bridge* yang 'kitani' bina ini. Saya harap kitani mengambil iktibar yang sangat serius mengenai perkara seperti ini. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Berkenaan soalan-soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

1. Berkenaan *ASEAN Clean Tourist City Award* yang dianugerahkan ke atas Pekan Kuala Belait. Sebenarnya, *I think less embarrassing* itu kurang sesuai digunakan kerana *less embarrassing* ini *we have to acknowledged* bahawa *Municipal Department* Daerah Belait *was working hard*. 'Bisdiorang' memohon untuk dicalonkan.

   أَلْحَمْدُ لِلّٰه setelah di*assess*, berjaya. *I think they have merits* untuk dijadikan *award.* Itu bukannya di*award* begitu sahaja, tetapi *based on assessment* dan Jawatankuasa Audit untuk menjadikan Kuala Belait sebagai *Clean Tourist City Award. I think* sepatutnya dipuji atas kejayaan *Municipal Department* Daerah Belait kerana dengan usaha padu mereka berjaya mencapai *award* tersebut.

   Award ini sebenarnya adalah *based on* permohonan yang dicalonkan. Jadi, setiap agensi bolehlah mencalonkan dan dihadapkan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk dihakimi dan *it's up to* jawatankuasa. Apakah rancangan untuk mengekalkan *award* ini? Sebenarnya, banyak usaha telah pun dibuat seperti yang telah kaola nyatakan kelmarin untuk memastikan bahawa pakej-pakej yang ada dalam pelancongan ini lebih menarik. Ini bukan sahaja untuk Daerah Brunei dan Muara atau Daerah Temburong, malah juga kesemua daerah.

   Jadi, pakej ini seperti yang telah kaola nyatakan, sebanyak lebih 200 pakej sudah ada dalam aktiviti-aktiviti dalam *inventory* kementerian, boleh diakses secara *online.* Jadi, *these activities* ataupun tempat-tempat yang menarik itu, pihak kementerian dan agensi-agensi yang bertanggungjawab akan bekerjasama untuk mengukuhkan lagi atau meningkatkan daya tarikan di kawasan tersebut.

   Itulah usaha-usaha yang dibuat oleh pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk memastikan bahawa tempat-tempat itu lebih menarik dan kandungannya lebih *solid* untuk dijual kepada *tourists.;*

2. Sasaran *ambitious.* Apakah strategi yang akan digunakan untuk mencapai sasaran yang telah dinyatakan dalam Peruntukan Tahun Kewangan 2024/2025? Seperti

kelmarin, *ambitious target* kementerian ini memang ada inisiatifnya. Kelmarin dinyatakan juga *technology driven*.

Untuk meningkatkan produktiviti-produktiviti pertanian dan perikanan, *we cannot rely on traditional farming. We cannot rely on traditional fishing.* Jadi, aktiviti ini akan dibuat seperti *vertical farming*. Di bawah RKN-12 pada masa ini ditumpukan penyediaan *basic infrastructure* air dan elektrik.

Dengan adanya *basic intrastructure* ini akan membolehkan peladang-peladang untuk membina *greenhouse* dan *vertical farming*. *Also, allocate* kawasan-kawasan untuk *technology-based* ini.

Di samping itu, menggalakkan orang muda yang mempunyai pemikiran yang dinamik dan inovatif yang boleh menerajui lagi ladang ini. Itulah antara usaha untuk meningkatkan lagi produktiviti dan pengeluaran.

Selain *primary production*, sekarang ini, *secondary production* ada jenis hiliran *(downstream)* yang menjadi satu tonggak untuk meningkatkan keluaran negara. *We realised* bahawa *primary production value is not as* tinggi dengan hiliran ini.

Pada masa ini, seperti yang kaola nyatakan kelmarin, ada 6 ke 7 buah syarikat telah berjaya menembusi pasaran ke luar negara melalui *downstream*.

Tambahan lagi, kementerian dengan kerjasama bahagian *trade* dan *MFA* telah pun mencari *market access. We managed to get access to* Singapura, Sarawak, Sabah, China dan Australia. Dengan adanya peluang-peluang pasaran akan meningkatkan lagi *production* 'kitani' tanpa ada had. 'Kitani' boleh bergantung pada domestik hanya sahaja domestik itu *limited*.

Dengan adanya peluang-peluang *overseas* ini akan membolehkan lagi pengusaha-pengusaha 'kitani' terus berusaha dan berkembang maju. *And we promote export driven*. Itulah usaha-usaha 'kitani' untuk meningkatkan pengeluaran dan juga hasil daripada pertanian dan perikanan ini.

3. Di bawah di bawah Kod/Akaun 1210-003, adakah ia salah *typo*? Setelah kaola merujuk pada buku ini tidak ada *typo*. Sebenarnya, di bawah Kod/Akaun 1210-003 ialah Rancangan Pembangunan Industri Ternakan bagi Menjana Pengeluaran sebanyak $106.8 juta pada (2015) ke $300 juta (2020).

   Ini sebenarnya RKN-11 yang di*carryforward*. Jadi, أَلْحَمْدُ لِلّٰه pada masa ini, kita telah mencapai sasaran itu pada tahun 2020, yang 'kitani' pada tahun 2021 telah berjaya menghasilkan sejumlah $362.52 juta lebih iaitu lebih tinggi daripada sasarannya. Sebenarnya, ada sudah sasaran baharu yang telah

dinyatakan oleh Yang Berhomat. Jadi, *target* lama sudah dicapai أَلْحَمْدُ لِلّٰه.

Berkenaan laporan statistik harga, sebenarnya harga yang diperolehi ini bukannya anggaran, bukan *assumption* dan bukan *estimation*, ini ialah hasil daripada *feedback* peladang-peladang. Harganya ialah harga *farm gate*. Ertinya *slightly lower than retail price*. *How reliable it is?* Kalau sekiranya dilihat dari segi peraturan syarikat *(company act)*, kalau syarikat itu sudah "Sendirian Berhad", ertinya *they are obliged to have audited financial statement every year*.

Jadi, itulah *information* kalau yang "Sendirian Berhad" itu, *that is the information that we get*. Sudah diaudit. Tidak lagi perlu pihak kaola audit. Lain halnya bagi *sole proprietorship*, itu tidak dapat dielakkan, tidak ada *requirement* untuk mendapatkan laporan kewangan. Itu 'kitani' nilai daripada rekod-rekod 'bisdiorang' untuk jualan 'bisdiorang', *at farm gate* dan bukannya *retail price*.

4. Mengenai balak. Sebenarnya, kalau dilihat dari segi nilai keluaran *primer* dan hiliran, ia adalah data sebenar daripada isi padu keluaran dari syarikat-syarikat. Kebanyakannya, syarikat-syarikat pembalakan yang berstatus sendirian berhad sudah *audited*. Setiap balak yang dikeluarkan telah dikenakan bayaran cukai dan setiap hasil hiliran juga diberikan data hasil sebenarnya dan dilaporkan ke Bahagian Hasil di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

   Sebenarnya 'kitani', *we are not selling log, we are selling downstream* sekarang ini. أَلْحَمْدُ لِلّٰه sekarang ini yang 'kitani' buat tidak mengeluarkan yang *raw* tetapi *we are encouraging downstream* untuk diusahakan bagi *maximize value of our* balak ini.;

5. Mengenai *food security,* berkenaan dengan *multiple sources of food* 'kitani', أَلْحَمْدُ لِلّٰه pada masa ini pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan kerjasama pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, ada membuat perundingan dengan beberapa negara pada masa ini untuk menerokai alternatif-alternatif untuk mempelbagaikan sumber-sumber makanan asasi 'kitani'. Jika ada perkembangan akan dilaporkan kepada pihak Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin berkenaan perkara itu.;

6. *Family self-sufficiency*, kementerian ini tidak menghalang sekiranya *activity farming* dijalankan di kawasan-kawasan perumahan. Ia disambut baik dan pihak kementerian juga boleh memberi khidmat nasihat. Sebenarnya ada pernah juga dibuat dalam 2 ke 3 tahun lepas, model *vertical farming* yang dibuat murah

dan boleh diusahakan di*backyard*, tidak memerlukan tanah yang besar untuk bertanam sayur, sawi dan sebagainya.

Memang digalakkan tetapi hendaklah dipastikan dari segi keselamatan, penyakit dan kebersihan mesti diambil kira dalam usaha-usaha pertanian. Di samping itu, hendaklah mematuhi syarat tanah, tetapi memang digalakkan *backyard farming* kepada orang ramai untuk menambah lagi bekalan makanan 'bisdiorang.';

7. Berkenaan dengan harga daging, ayam dan telur. Sebenarnya, walaupun kita tidak mengimport ayam dan telur, kita mengharapkan mengeksport telur tetapi 'kitani' punya *reliance* adalah sebanyak 40% terhadap *import*. Masalahnya pada masa ini harganya naik menjadi 60%, 80%, 70% daripada haga ayam yang menyebabkan kenaikan harga. *We encourage more* kepada pengusaha-pengusaha.

   Pada masa ini, ada satu pengusaha yang *supplying feed* kepada peladang-peladang tetapi jika ada ramai orang adalah digalakkan. Tetapi *feed* ini kebanyakannya adalah komuniti seperti *soyabean* dan *maize* yang *dependent on the world price* dan sukar untuk di*control* dari segi harganya.;

8. Soalan yang belum dijawab daripada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai beberapa kolaborasi.

   Pada masa ini sememangnya kolabarasi sudah berjalan bersama Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Kesihatan. Perundingan telah dibuat bagi memajukan seperti yang telah dicadangkan pada tahun lepas, antaranya *health tourism* dan *education tourism*. Malah pada masa ini, *JIS* mengadakan *Summer Camp* untuk penuntut-penuntut yang datang ke Negara Brunei Darussalam.

   Dalam masa yang sama, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama Kementerian Pendidikan sedang giat membuat perundingan untuk *revitalizing* semula *students* yang datang ke negara ini, perundingan bersama *tour agents* untuk membawa penuntut-penuntut datang ke Negara Brunei Darussalam. Pihak kementerian akan membawa mereka ke negara ini untuk berunding dan melihatkan kawasan dan tempat yang menarik bagi membolehkan lebih banyak penuntut-penuntut datang ke Negara Brunei Darussalam untuk *holiday* .

   Di samping itu, pihak universiti sedang rancak mengadakan *exchange programme* seperti

di Universiti Brunei Darussalam. Pada masa ini, seramai 300 orang *exchange* penuntut ke Negara Brunei Darussalam. Kementerian Kesihatan dan pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan juga telah mengadakan perundingan bersama *private service providers* seperti *Gleneagles JPMC* dan *PJSC* untuk membantu dalam menyediakan pakej-pakej percutian bagi *health tourism* tapi masih di peringkat perlahan dan diharapkan akan berjalan dengan lancar. إِنْ شَاءَ اللهُ

Berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, memang pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan dan kementerian memang sudah lama berkolaborasi dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengenai tempat-tempat menarik yang kebanyakannya berkaitan dengan muzium dan persembahan-persembahan kebudayaan untuk mencerahkan lagi kebudayaan, *culture tourism*.

إِنْ شَاءَ اللهُ seperti yang kaola nyatakan, jika tidak ada halangan dan melibatkan pelbagai pihak agensi, ia akan dijalankan pada tahun hadapan. Pihak kementerian bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan agensi-agensi yang lain.

Itu sahaja, Yang Berhomat Pengerusi jawapan kaola berkenaan dengan soalan dan pandangan yang dihadapkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, nampaknya banyak *interest* mengenai pelancongan dan usaha-usaha pelancongan yang perlu dilaksanakan untuk menarik pelancong dari luar negara. Saya bukan cuba untuk ikut serta dalam mencadangkan pelancong-pelancong yang akan datang, hanya dalam perbincangan 'kitani' sejak hari semalam tidak ada orang memikirkan pelancong-pelancong *senior citizen whereas senior citizen* adalah orang-orang yang mempunyai wang, orang-orang muda ditarik untuk datang ke negara kita tetapi nampaknya kita tidak berapa *keen* bagi *senior citizen*. Mereka mempunyai wang dan *they can afford to go on first class* dan *they can stay in suites of our hotel,* barangkali baik juga dilihat cara untuk menarik *senior citizen*.

Sebagai seorang *senior citizen* saya juga mempunyai minat jika ke luar negara, kita tidak lagi berupaya ikut serta dalam aktiviti-aktiviti yang memerlukan banyak tenaga. Tetapi *have you ever heard of the art of doing nothing? I think* Yang Berhormat Menteri Kesihatan ada dalam beberapa waktu dulu, usaha-usaha untuk mengurangkan *stress*, untuk *the wellness* tubuh badan 'kitani' yang selama ini sudah bekerja begitu banyak. *About time* 'kitani' *sort of take things easy* and ada timbul *the art of doing nothing.* Silakan Yang Berhormat Menteri

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi 'tekaduhung' Yang Berhormat Pengerusi *raise* berkenaan dengan orang yang *retirees* dan *senior citizens*, sebenarnya ada satu *proposal* pada masa ini, pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan, bahawa ada satu *interest group, very powerful group,* kebanyakannya *retirees* ini dari *ex-chairman, ex-CEO of multi-national companies* yang 'usulnya' cenderung kan ke Negara Brunei Darussalam.

Pada masa ini abiskaola ada *negotiation with them. They are very highnet worth people and* banyak *requirement* termasuk tidak boleh masuk melalui *proper normal way lane,* perlu *VIP lane, and* untuk pengangkutan bas pula jangan ada *traffic jam, all those kinds of thing.*

So supaya *everything* ini *hassle-free*. *Art of doing nothing but at the same time, hassle-free visit.* Kaola masa ini membuat perundingan dengan *organisation* itu untuk membolehkan mereka membawa *high net worth of senior citizens* datang ke Negara Brunei Darussalam. إِنْ شَاءَ الله

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola merakamkan penghargaan dan tahniah yang setinggi-tingginya atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan yang sangat jelas tentang tindakan, perancangan dan hala tuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pagi kelmarin.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kita semua maklum Negara Brunei Darussalam mempunyai hutan yang luas yang sentiasa dijaga kelestariannya dan juga mengeluarkan hasil-hasil kayu yang berkualiti.

Kaola berpendapat bahawa kayu-kayan yang mempunyai keistimewaan dan kualiti yang tinggi ini, kaola rasa sangat menarik jika diperkenalkan khususnya kepada pelancong melalui pembuatan *souvenir* yang mungkin boleh menjadi sumber pendapatan pengusaha-pengusaha buah tangan *(souvenir).*

Berhubung dengan perkara ini, kaola ingin mengetahui apakah langkah-langkah atau tindakan yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam memberi kemudahan kepada para pengusaha buah tangan *(souvenir)* berasaskan kayu khususnya dalam memberikan kebenaran pengambilan kayu-kayan.

Yang Berhormat Pengerusi, di luar kita juga telah banyak membuka tempat-tempat rekreasi dan *hiking* yang juga menjadi kegemaran penduduk Negara Brunei Darussalam. Menurut penilaian kaola, tempat-tempat rekreasi dan *hiking* seperti Taman Rekreasi Tasik Lama, Bukit Saih, Bukit Sipatir, Bukit Menangis, Bukit Dadap, di Daerah Brunei dan Muara, Bukit Patoi Daerah Temburong dan lain-lain.

Ia mempunyai daya tarikan yang tersendiri maka kaola mencadangkan supaya tempat-tempat tersebut diperelokkan lagi trek-trek yang sedia ada untuk menjaga keselamatan pengguna.

Dengan demikian, tempat tersebut boleh diperkenalkan sebagai sebahagian daripada destinasi pelancongan atau tempat mengadakan acara-acara sukan di peringkat antarabangsa seperti *cross-country,* aktiviti tahan lasak dan sebagainya.

Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat berkenaan dengan dua soalan tadi. Satu adalah berkenaan pengusaha-pengusaha *(souvenirs)* kayu dan kedua adalah membaik pulih trek-trek dan juga pusat-pusat rekreasi.

Soalan pertama itu, sebenarnya pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan memang menyedari bahawa membuat *souvenir* adalah penting untuk menambah nilai lagi hasil kayu. Sebenarnya ada lebih 20 pengusaha plak dijumpai untuk *organised workshop dan* sebanyak dua kumpulan sudah 'abiskaola' *organise workshop* dengan mereka. Ini cara-cara untuk memajukan lagi. Tetapi sayangnya lebih 20 orang ini majoritinya pengusaha *part-time*, ada yang guru, bekerja dengan kerajaan, jadi mereka melaksanakannya pada setiap malam. Kalau dilihat daripada hasil mereka memang kualitinya bagus dan *equipment*nya *very advanced because they are passionate,* ada yang menggunakan *3D printer* dan *laser cutter*.

Usaha Jabatan Perhutanan ialah untuk memastikan mereka dinaikkan taraf, bukan bekerja di *workshop* dan kita mengharapkan mereka ini berpindah ke satu kawasan yang *dedicated* untuk menjadi *full-time* dan menjana kewangan yang mencukupi dan *sustainable*. أَلْحَمْدُ لِلّٰه *we are working with* Bank Usahawan dan pihak *DARe* kalau kaola tidak silap, ada tiga buah syarikat yang sudah bersetuju untuk dipindah dan dikembangmajukan disediakan tempat untuk berniaga.

Dari segi bekalan kayu, pihak Jabatan Perhutanan akan membantu mereka untuk mencarikan sumber kayu mereka. Tapi *it's not a big issue* untuk mereka, kadang-kadang kebanyakan kayu yang mereka gunakan ini adalah kayu-kayu terpakai untuk di*modified.*

Itu memang sudah di bawah *radar* Jabatan Perhutanan untuk memastikan orang-orang yang membuat *souvenir* ini *especially* untuk *tourist*, orang dalam negeri juga suka. *Everytime* kalau ada *expo* diadakan, 'bisdia' tidak dihargai. Itu sangat mendukacitakan dan itulah usaha 'kitani' untuk *update* 'bisdiorang' dengan kerjasama pihak *DARe* dan pihak Bank Usahawan.

Berkenaan dengan kawasan-kawasan rekreasi seperti Bukit Saih, Taman Rekreasi Tasik Lama, saya rasa sebenarnya bergantung pada siapa *owner* taman rekreasi. Kalau Jabatan Perhutanan seperti di Bukit Patoi, Daerah Temburong dan di Luagan Lalak, Daerah Belait memang akan di*upgrade*. Manakala kawasan-kawasan yang lain إِنْ شَاءَ اللهُ pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan akan bekerjasama dengan pihak Kementerian Pembangunan dan juga pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk sama-sama memajukan dan *upgrade* kawasan-kawasan rekreasi yang menarik ini إِنْ شَاءَ اللهُ.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ .رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِي
أَمْرِي وَاحْلُلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dengan mukadimah yang begitu jelas dalam menyediakan belanjawan serta hala tuju Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.:

1. Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi berkenaan dengan Jabatan Perikanan.

   أَلْحَمْدُ لِلهِ Negara Brunei Darussalam dianugerahkan dengan lautan yang mengandungi khazanah yang tidak ternilai. Bayangkan saja kalau negara 'kitani' sekiranya negara terkurung daratan *(land locked country).*

   Di dalam Tambahan 2A edisi semakan Tahun 2018, memperuntukkan pengisytiharan Zon Eksklusif Ekonomi (EEZ), kawasan negara adalah melangkau sepanjang 200 batu nautika dari pesisir pantai negara iaitu berkeluasan 38,600 km persegi iaitu lebih kurang 7 kali ganda besar dari saiz bumi tanah negara yang bertuah ini. Saiz 'kitani' hanya 5,765 km persegi. 200 batu nautika ialah mengikut keadaan tanah, bukan ia secara datar kerana di lautan ada yang tinggi, ada yang bukit, ada yang curam dan sebagainya seperti bumi yang di daratan.

Kawasan luar pantai ini yang mempunyai khazanah lautan yang terdapat peluang-peluang bagi ternakan ikan luar pantai yang lebih besar skalanya dari ternakan di kawasan sungai-sungai atau sempadan maritim termasuk Teluk Brunei iaitu hanya 3 batu nautika.

Soalan kaola, sudahkah Jabatan Perikanan mempunyai kawasan-kawasan ternakan ikan yang sudah digazet di kawasan zon tersebut? Adakah sudah syarikat-syarikat yang beroperasi di kawasan berkenaan? Apakah langkah-langkah kalau ada? Minta maaf Yang Berhormat Pengerusi, soalan ini ada 'beranak' sedikit. Keselamatan yang sudah difikirkan bagi memastikan operasi syarikat-syarikat di luar kawasan-kawasan itu terjamin keselamatannya seperti diceroboh oleh anasir luar. Sekiranya sangkar-sangkar tersebut berada 100 batu nautika dari pesisiran pantai dan ada kecurian atau rompakan di laut, di manakah pekerja-pekerja akan meminta bantuan?;

2. Izinkan kaola Yang Berhormat Pengerusi menyentuh mengenai Jabatan Kemajuan Pelancongan. Kaola bersetuju dan sebenarnya kaola akan menjangkau mengenai pelancong-pelancong Warga Emas. Kaola ingin mencadangkan mengenai pelancongan ini, ada sudah tahun lepas dibangkitkan di Majlis Mesyuarat Negara kerana ia adalah subsektor yang mampu menjana perekonomian negara.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه setelah *COVID-19,* jumlah pelancong negara ini telah pun meningkat walaupun pada pendapat kaola ini adalah lumayan juga bagi kaola tapi أَلْحَمْدُ لِلّٰه. Usaha yang berterusan yang telah 'diungkayahkan' mestilah dirancang dan dilaksanakan bagaimanakah 'kitani' boleh memantapkan lagi tarikan-tarikan yang ada. Dengan peruntukan yang lebih kurang $3 juta bagi Sektor Pelancongan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 ini, akan menjadi perancangan dan pelaksanaan yang akan sangat mencabar.

'Kitani' mestilah memikirkan untuk menarik pelabur asing, mestilah dipelawa mereka ke negara ini dengan beberapa buah negara dengan berbilang bangsa. Contohnya, untuk memajukan dan membangun dan pulau-pulau dan tempat-tempat lain yang ada di negara ini dengan kemajuan atau pembangunan yang unik.

Apa yang kaola maksudkan dengan unik itu ialah sebagai contoh dan idea yang mungkin dapat diterima pakai ialah adanya pembangunan *resort* yang bercampur, *resort and mixed development* dan yang unik bertemakan satu-satu negara yang khusus. Sebagai contoh, 'kitani' ambil Republik Kesatuan Jerman kerana dari *Legislative Council* Republik

Kesatuan Jerman baru-baru ini datang.

Pulau Berambang, Daerah Brunei dan Muara dimajukan oleh pelabur dari negara Republik Kesatuan Jerman. Apabila pelancong berkunjung dan menginap di tempat itu, ia mempunyai ciri-ciri dan kehidupan seperti di Republik Kesatuan Jerman, bayangkan kalau adanya *experience German, tranquility and hospitality in* Pulau Berambang, Negara Brunei Darussalam. Atau pun *experience French tranquility and hospitality* di Pulau Salawat, Negara Brunei Darussalam ataupun *Dutch* di Pantai Muara dan banyak lagi yang dapat difikirkan unik sebagai tarikan bukan sahaja pelancong dari Eropah dan luar negara secara automatik kepada penduduk tempatan kitani terutama Warga Emas.

Kenapa kaola kategorikan idea ini unik ialah ia tidak terdapat di negara jiran 'kitani'. Satu lagi aspek mengenai pelabur tersebut contohnya daripada Republik Kesatuan Jerman, telah melaburkan jumlah yang agak besar seperti sebanyak $50 ke $100 juta untuk membangun *resort* atau *mixed development* ataupun *resort* sahaja. Maka secara automatiknya, pelabur tersebut tidak akan berdiam diri, mereka akan bekerja keras untuk mengembalikan *ROI (Return of Investment)* dan secara automatik akan menarik pelancong dari negara mereka sendiri.

Ini adalah pengalaman kaola semasa di luar negara seperti di Thailand, Hua Hin, Pattaya. Di sana ada berbilang negara, tetapi kita perlu mengawalnya. Jangan sampai budaya mereka masuk, jangan sampai *October Fest* mereka buat di negara ini, itu mestilah 'kitani' kawal.

Yang Berhormat Pengerusi, tidak banyak lagi yang perlu kita lakukan mengenai pelancongan. Tidak payah kitani memperlihatkan bangunan-bangunan tinggi yang megah, cukup dengan hutan, pantai, dan sungai yang tidak tercemar.

Sebagai contoh, kaola pernah membawa teman-teman dari luar Eropah dan berjalan أَلْحَمْدُ لِلّٰه 'barutah' *first time* sebenarnya, turun di Jeti Kampung Air dan sampai ke Sungai Damuan. Mereka sangat kagum dengan Istana Nurul Iman, mereka berkata: 'Sultan Negara Brunei Darussalam sangat bijak'. Kaola bertanya kenapa? Cuba tengok, istana yang megah tetapi tidak ada pencemaran. Ketika di dalam perahu dijangkaunya air itu, kaola takut ia kena 'tunggap' buaya. Dijangkaunya *fresh.* Inilah yang membanggakan mereka. Kalau hendak menarik mereka datang ke Negara Brunei Darussalam untuk *shopping*, mereka ada banyak *shopping* kompleks. Mereka datang ke negara 'kitani' untuk berehat, berjemur, biasa bagi 'orang putih'.

Kalau kita analisis, kita ambil 1% daripada penduduk dunia, 1% sahaja, jangantah 10%, daripada 7.88 bilion yang telah dicatatkan pada 2021, dibahagi dalam jangka masa 5 tahun, 1% ini kita akan dapat seramai 15,000,600 orang pelancong, *target* mesti tinggi. Setiap bulan, dalam 5 tahun itu, seramai 1,000,300 orang pelancong. Kalau setiap sebulan, seramai 6,000,500 orang, kalau sehari seramai 42,739 orang. Minta maaf, kalau 5 tahun, seramai 15,000,600 orang pelancong 1%, kalau setiap bulan kita akan dapat seramai 6,000,500 orang dan kalau sehari seramai 42,739 orang pelancong.

3. Jabatan Perhutanan. Izinkan kaola sekali lagi Yang Berhormat Pengerusi untuk membangkitkan mengenai gaharu. Kaola ada soalan, isu yang ingin kaola bangkitkan adalah gaharu ini semakin pupus. Kaola ingin membetulkan sedikit bahawa isu pokok gaharu yang dicuri adalah perkara yang sudah lama berlaku. Pokok gaharu satu khazanah negara yang perlu dijaga dan dipelihara sebab nilainya sangat tinggi dan mampu menjana pendapatan hasil dan ekonomi negara. Soalan kaola:

   i. Apakah jenis *inoculant* yang diguna pakai oleh pengusaha yang dibenarkan? *Inoculant* ini adalah satu alat injeksi untuk mencederakan pokok tersebut. Pokok ini sangat ganjil kerana semakin ia cedera, semakin ia bagus dan semakin ia mengeluarkan bau harum tetapi kalau secara alami, ia akan menunggu 'temparik', kalau 'temparik' menuju pokok itu, barulah ia cedera. Sekarang dengan cara moden *inoculant*. Tapi *inoculant* ini ada yang kimia dan ada yang dibenarkan. Masalah *inoculant* kimia ini, ia akan mengakibatkan tanah dan persekitarannya rosak. Itulah soalan saya, apakah jenis *inoculant* yang digunakan?; dan

   ii. Apakah tindakan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan kerana gaharu ini semakin pupus, kalau tidak 'dikelinga' sekarang, ia pasti akan pupus kerana orang yang mengambil gaharu ini, dari negara jiran yang memang pakar dan tidak kisah tinggal di hutan.

   Pengalaman semasa membuat tinjauan, lebih 10 tahun yang lalu, semasa kaola masih bekerja membuat pendakwaan kerana mencuri gaharu, kaola terbang menggunakan helikopter ke tempat yang berkenaan. Memang cerita daripada Pasukan Polis Hutan atau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, mereka tinggal di hutan, memang *expert* dan susah untuk dikawal.

4. Seterusnya, Yang Berhormat Pengerusi mengenai Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Sukacita kaola merujuk di bawah Kod Akaun 1210-003 Rancangan Pembangunan Industri Ternakan bagi Menjana Pengeluaran berjumlah $106.8 Juta (2015) kepada sejumlah $300 juta (2020). Harga Rancangan RKN-12 berjumlah $18,095,783.00 dan secara menyeluruh merangkum Infrastruktur Pertanian dan Padi ialah sejumlah $237 juta. أَلْحَمْدُ لِلّٰه , jumlah ini akan dapat memberi ruang yang lebih luas bagi memperkembangkan sektor ini demi menyumbang kepelbagaian ekonomi negara.

Yang Berhormat Pengerusi, perkara yang seterusnya ini ialah berkenaan *food security*. Tetapi kaola akan memandang dari sudut yang lain.

Isu pertama dalam *food security* ini ialah apa yang kaola panggil *paddy security*. Pada masa ini, tahap pengeluaran padi negara ialah sebanyak 8% dan ini jauh tidak mencukupi untuk sara diri negara. Sudah 40 tahun 'kitani' merdeka, sudah bermacam-macam jenis padi ditanam di negara ini dengan banyak percubaan demi percubaan, penyelidikan demi penyelidikan dibuat seperti beras 'Laila', yang sudah lama tidak kedengaran khabar beritanya sehingga kini. Padi 'Sambada 188', 'BDR5', 'MR076', 'Pusu', 'Bario' dan 'Adan' yang pada masa ini sudah ditanam. Yang masih dalam penyelidikan ialah 'AWD101-103' dan 'Yuan1601' yang ditanam di kawasan *non-irrigated field*. Soalan kaola:

i. Setelah lebih satu dekad membuat percubaan demi percubaan, apakah jenis padi yang akan 'kitani' tetapkan iaitu menepati cita rasa rakyat, yang akan 'kitani' fokuskan sebagai jenis padi negara untuk pengeluaran berskala besar dengan baka padi sendiri yang berskala besar yang tidak perlu diimport bakanya dari luar negara? Inilah pengertian *food security* bagi kaola. Kaola percaya dengan adanya hasil baka sendiri dihasilkan di negara ini dan penanamannya di bumi tanah 'kitani' sendiri. Dengan penetapan padi negara dikeluarkan dengan berskala besar, 'kitani' akan mampu mencapai *self-sufficiency* negara. Inilah yang kaola maksudkan dengan *paddy security*.

   Kita melihat juga bumi Negara Brunei Darussalam sangat subur walaupun di atas bangunan-bangunan sampai ada rumput yang tumbuh di atasnya. Ini mencabar kita sebenarnya.;

ii. Mengenai *meat security* khusus daging binatang berkaki 4 iaitu kerbau, lembu atau kambing. Perkara ini sudah abiskaola bangkitkan pada sesi Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2023 dengan panjang lebar mengenai

baka dengan cadangan bagaimana 'kitani' boleh *self-sufficiency* melalui penghasilan baka lembu dan kerbau 'kitani' sendiri yang pada awalnya sahaja mendatangkan baka yang berkualiti dari luar negara.

Memang tidak dapat dinafikan, isu ini adalah tunggu atas tunggu. Sebenarnya, kaola menunggu *MPRT*, *MPRT* sepatutnya pun menunggu kaola juga, jadi ada salah faham dalam setahun ini. Maka, hala tuju 'kitani' yang menuju ke arah *dependant on* daging mentah import dari negara sahaja pada masa ini untuk memastikan rakyat dan penduduk negara ini cukup dengan *supply* daging import untuk sumber makanan.

Sebenarnya kaola amat risau sebab ia bukanlah salah hala tuju yang mendukung kepada *food security* negara, malah ia bagi kaola ke arah *feeding security* sahaja. Strategi ini tidak akan bertahan lama atau mampan *(sustainable),* apatah lagi 'kitani' sudah merasakan cabaran-cabaran dan kesusahannya semasa 'kitani' dilanda pandemik *COVID-19* bagaimana kita pada masa itu merasa panik.

Jadi, apa yang kaola tekankan lagi "Sediakan payung sebelum hujan", sebelum pandemik atau isu besar lain bakal melanda 'kitani' lagi umpama kereta yang sudah 'marak', ada sudah syaratnya, dijalankan juga kereta itu, tidak bersedia, bermakna akan mendapat kecelakaan. Jadi, bersedialah 'kitani' secepat-cepatnya bukan lagi berjalan tapi 'belusir' dan kurangkan atau hentikan kebergantungan 'kitani' pada daging import luar negara.

Kaola juga sangat terkilan kerana rumput yang akan ditanam memerlukan berpuluh-puluh ribu ekar. Kaola baru pulang dari negara yang besar penduduknya di Asia, yang berjaya memelihara lembu. Kaola ada membuat lawatan dan perbincangan bersama mereka kerana apa yang kaola telah lihat di sini ialah setiap 1,000 ekor lembu hanya memerlukan antara 45 ke 90 ekar.

Tidak mengapa, 'kitani' buat sebanyak 100 ekar sahaja kalau 1,000 ekor lembu. Ini yang *feedlot* yang diberi makan. Jadi, kalau sebanyak 5,000 ekor lembu, baru 500 ekar. Kaola telah bertanyakan kepada pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga bahawa 'kitani' masih ada lebih 9,000 ekar tanah untuk diusahakan dan sejumlah 3,727 ekar sudah ditawarkan, bakinya ialah sejumlah 3,206.49 ekar termasuk stesen-stesen pertanian, kawasan paya, mudah banjir dan tanah gambut. Jadi,

kawasan ini sebenarnya daripada tidak digunakan, kaola percaya sebenarnya boleh untuk memelihara lembu dan kerbau di Negara Brunei Darussalam.; dan

iii. Perkara seterusnya ialah *egg security*. Kaola sentuh mengenai kenaikan kadar eksport telur iaitu dari sejumlah 300 ribu biji pada Februari 2023 kepada sebanyak 6 juta biji pada Februari 2024. Ini adalah satu perkara yang baik bagi ekonomi negara dan nampak baik bagi sesetengah pihak sahaja.

Tahniah kerana telah berjaya untuk mengeksport. Tetapi, ada juga yang menjadi kemusykilan dan pertanyaan kepada kaola dan juga rakyat terutama yang menggunakan telur untuk kegunaan seharian serta untuk sumber makanan.

Dalam keghairahan 'kitani' ini, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan perlu melihat dulu isu-isu harga telur dalam negara yang naik harganya dan masih mahal harganya setakat ini, sebagai contoh yang sahih, telur bersaiz 'B' yang dulunya berharga dalam lingkungan $4.00 melonjak kepada purata $6.00 harga *retail* bagi 1 *tray* pada masa ini.
Kenapakah semasa 'kitani' mengeksport telur tersebut 'kitani' kekurangan telur yang melonjakkan harga *retail* telur dalam negara dan kadang-kadang telur tidak mencukupi untuk kegunaan domestik. Istilahnya, kenapa anak orang lain 'kitani' bagi makan dan kenapa tidak 'kitani' utamakan anak sendiri lebih dahulu.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diajukan tadi:

1. Berkenaan perikanan yang berkaitan dengan *offshore*. Pada masa ini sebenarnya sudah ada kawasan sebanyak 17,722 ekar disediakan di *offshore* iaitu *Victoria* sebanyak 4,700 ekar, *Nankivell* sebanyak 6,613 ekar, *Littledale* sebanyak 4,264 ekar, Pelong 'A' sebanyak 2,000 ekar dan Pelong 'B' sebanyak 120 ekar.

   Kawasan-kawasan untuk diusahakan bagi *offshore aquaculture*. Setakat ini ada 2 buah syarikat terlibat dalam *offshore* ini iaitu *Hiseaton Fisheries (B) Sdn Bhd.* dan *Syarikat Barramundi Asia (B) Sdn Bhd*. Kedua-duanya syarikat *FDI* yang mereka telah mengusahakan di kawasan *Pelong Rock* pada masa ini.

   أَلْحَمْدُ لِلّٰه kawasan-kawasan ini akan di*promote* lebih aktif lagi bagi membolehkan lebih banyak *FDI*

datang ke Negara Brunei Darussalam untuk mengusahakan kawasan-kawasan tersebut.

Berkenaan sekuriti, memang satu *important factor* untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan ini bebas daripada ancaman-ancaman yang melibatkan *security* bagi membolehkan jaminan *security*, rondaan bersepadu telah dibuat bersama agensi-agensi lain seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan Jabatan Buruh. Di samping itu juga, di kawasan-kawasan ini telah didirikan papan tanda dan dipasang lampu-lampu isyarat bertujuan melarang orang ramai mendekati kawasan ternakan ikan tersebut.;

2. Berkenaan dengan pelancongan, iaitu berkenaan dengan *FDI* bagi pelancongan, memang diakui kawasan-kawasan 'kitani' banyak yang unik. Jadi أَلْحَمْدُ لِلّٰه perundingan telah dibuat seperti yang telah kaola nyatakan kelmarin, kerjasama bersama pihak *BEDB* untuk membuat satu pakej, sememangnya satu-satu pakej sudah dicuba tetapi tidak ada tarikan dan tidak ada yang berminat. Usaha kementerian ialah untuk mempakej dengan beberapa buah kawasan untuk ditawarkan kepada syaraikat-syarikat *FDI* atau *PPP* bagi membolehkan mereka mengusahakan kawasan-kawasan seperti Pulau Selirong, Daerah Brunei dan Muara dan juga pulau-pulau yang lain. Sudah dibuat pada masa ini إِنْ شَاءَ اللّٰهُ akan dipromosikan dengan pihak *BEDB* bagi membolehkan pihak *FDI* untuk membuat pelaburan.

3. Dari segi pokok gaharu ini, sebenarnya belum ada *inoculant* sendiri dipakai, tapi pada masa ini kajian dan penyelidikan telah dibuat bagi kegunaan *inoculant* oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perhutanan dengan kolaborasi bersama pihak Universiti Brunei Darussalam mengenai *inoculant* pokok gaharu dengan mengunakan *fungal inoculant*.

   Pada masa ini ia masih di peringkat awal, إِنْ شَاءَ اللّٰهُ apa yang telah diselidiki dan digunakan akan dikongsikan kepada *stakeholder* yang berminat bekenaan dengan pokok gaharu ini.;

4. Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

   i. Berkenaan dengan *paddy security* ini dan jenis-jenis padi yang akan dibincangkan ini kelmarin sudah kaola dengan panjang lebar menerangkannya berkenaan dengan strategi padi ini. Oleh itu tidak perlu kaola terangkan apa lagi inisiatif padi yang akan digunakan oleh kegunaan peladang-peladang. Kaola kira cukup sahaja kaola

menerangkan mengenai *paddy security*.;

ii. إِنْ شَاءَ اللهُ berkenaan dengan *meat security* sudah dibincangkan dengan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin sendiri selepas Persidangan Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas. Sebenarnya, pihak kaola sudah membuat kajian dengan menggunakan sebanyak 40,000 kawasan untuk rumput sahaja. Sekiranya jika ada alternatif lain, sebenarnya baru-baru ini kaola ada berunding dengan pihak negara jiran. Mereka juga mengalami isu yang sama, kalau ada *alternative, we will come*, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin untuk datang dan menerangkan kepada kami, apa metodologi *yang harus* dipakai oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan tidak terfikir macam mana untuk membolehkan *self-sufficiency* bagi *meat* ini.

Kaola rasa memang sudah dirunding, tapi 'tunggu-menunggu' tidak produktif. *We have done study*, *it is not economical to do it in Brunei*, jika ada alternatif yang bagus, kami harap akan dapat dikongsikan idea tersebut kepada pihak kaola, dan memang akan disambut dengan baik.; dan

iii. Berkenaan dengan keperluan telur, sebenarnya bukannya ibarat "Anak kera di hutan disusui, anak sendiri di rumah kebuluran", sebenarnya kementerian telah meneliti setiap bulan keperluan telur ini, kalau kurang keperluan telur diberhentikan *import* dan *export*nya. Itulah kerja kami di sini bukannya dieksport secara "membabi buta" ke luar negara.

Memang diteliti dan dijangka setiap 3 bulan mesti di*review* dan di*analise* adakah mencukupi atau tidak, kalau tidak mencukupi memang diberhentikan eksport bukan dieksport setiap bulan, setiap minggu dan itu memang dikawal.

Di samping itu juga, pernah sekali pada bulan November negara jiran mengalami kekurangan telur. Jadi, kerana kekurangan telur itu, banyak telur 'kitani' diseludup ke negeri jiran. Usaha pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ialah memberhentikan eksport ke Singapura, untuk men*divert* keperluan yang mendadak ini, itulah bagusnya sekarang ini *our production is exceeding our self-sufficiency*, jika ada kekurangan di*divert*, ertinya tidak payah mengimport.

Seperti dahulu semasa musim raya dimulakan lagi mengimport

telur, 'riuh' lagi pengusaha telur. Sekarang tidak 'payah' lagi, sebab telur lebih dari mencukupi jadi semasa kekurangan telur-telur itu, diberhentikan dieksport dan dimasukkan dalam import. Itu memang perjanjian pihak kaola dengan pengusaha telur ini. Bukannya 'kitani' memikirkan *food security* di Negara Brunei Darussalam, di Malaysia juga jika sekiranya kekurangan telur akan diberhentikan *export. That is how we practice* di sini bukannya "Anak kera di hutan disusui, anak sendiri di rumah kebuluran". Supaya lebih faham dasar dan prioriti 'kitani' untuk mencukupkan dahulu negara 'kitani', jika supply *exceed* 'barutah' dieksport.

Itulah sahaja, Yang Berhormat Pengerusi ulasan kaola supaya jangan ada ketidakfahaman dan salah faham dengan eksport makanan 'kitani'. Prioriti 'kitani' ialah *food security* Negara Brunei Darussalam.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه dengan *assurance* daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kita dapat tahu bahawa kita akan mempunyai telur yang mencukupi bagi menempuhi bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang إِنْ شَاءَ اللهُ.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya kira kita sudah cukup banyak merundingkan mengenai Belanjawan Kementerian Sumber Sumber Utama dan Pelancongan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta juga telah memberikan soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang berkenaan, saya berpandangan ada baiknya Taj

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju bagi Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih, nampaknya semua ahli bersetuju. Maka tajuk-tajuk berkenaan ini diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ada baiknya mesyuarat kita ini kita tangguhkan dulu selama 15 minit bagi membolehkan kita berehat sebentar dan kita akan menyambungnya lagi semula kemudian nanti.

(Mesyuarat Jawatankuasa berehat sebentar

(Mesyuarat Jawatankuasa bersidang semula)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Ahli-Ahli Yang

Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang semula bagi meneliti dan menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Mesyuarat Jawatankuasa sebentar tadi telah pun membahaskan dan membincangkan dan seterusnya meluluskan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sekarang, kita akan beralih kepada tajuk-tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita telah pun beralih kepada tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Maka seperti lazimnya sebelum saya membukakan jadual ini untuk dibahaskan dan dibincangkan, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama untuk membentangkan mukadimahnya mengenai dasar dan hala tuju kementeriannya serta penjelasan dan kenyataan mengenai penyediaan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi untuk kaola membentangkan anggaran Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama pada saat ini.

Kaola bersyukur ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ

kerana diberi kesempatan atas limpah rahmat-Nya, menyertai Yang Berhormat rakan-rakan sejawatan dan juga Yang Berhormat sahabat-sahabat permesyuaratan untuk membentangkan anggaran yang telah disokong bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025.

Sebagai salah sebuah jentera pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana juga kementerian-kementerian lain, Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan menurut bidangnya iaitu bidang agama dan kementerian-kementerian lain menurut bidang masing-masing.

Dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, kementerian menjalankannya dengan Visi "Bersama Ke Arah Kehidupan Cemerlang Duniawi dan Ukhrawi" dan dengan Misi: "Memperkasa Penghayatan

Berugama dan Memantapkan Kerasmiannya Berpandukan Hukum Syarak" semangat perlembagaan dan kedaulatan undang-undang negara serta juga semangat falsafah Melayu Islam Beraja.

Dalam hal ini, dengan tiga fokus strategik utama yang mendukung Wawasan Brunei 2035 iaitu:

1. Pendidikan Agama Berkesan (Peneraju bersama Pendidikan).;
2. Dakwah Mantap Berkesan (Peneraju keagamaan).; dan
3. Jaminan Kesejahteraan dan Keselamatan Sosial (Peneraju Bersama Jaminan Sosial).

Fokus strategik utama ini adalah sejajar dengan tema serta Fokus Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 iaitu 'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur' atau *'Building A Prosperous Future Together'* iaitu tema yang dikekalkan dari tahun-tahun sebelumnya.

Mengambil kira tema dan fokus Belanjawan Negara dikekalkan sedemikian itu, dalam usaha meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan yang diberikan, maka kementerian dengan misi dan visinya serta fokusnya itu adalah mendukung keutamaan-keutamaan bagi Tahun Kewangan 2024/2025, maka strategi Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah memberi penekanan dan keutamaan mengikut sektor-sektor iaitu:

1. Pendidikan - Memperuntukkan sebahagian besar daripada belanjawan yang disokong kerana bidang pendidikan sebagaimana diketahui adalah bidang yang merupakan perkhidmatan yang terbesar bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama. Ia adalah tugas utama dalam perkhidmatan Kementerian Hal Ehwal Ugama.;

2. Dakwah - Meningkatkan penyampaian dakwah mantap dengan lebih efektif dan berkesan secara berterusan, mengguna pakai teknologi serta media sosial untuk menembusi lapisan masyarakat yang cenderung berinteraksi dengan *platform* tersebut iaitu meningkatkan lagi jalinan kerja dengan *strategic partner* dakwah untuk mengembangluaskan lagi kerja-kerja dakwah yang sedia ada.;

3. Zakat - kaola sukacita menyebutkan bahawa dengan tertubuhnya Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal semenjak lebih kurang 8 - 9 bulan yang lalu, kutipan dan agihan Zakat Harta dan Zakat Fitrah akan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan tepat pada masanya iaitu mengurangkan beban bagi golongan yang memerlukan dan secara langsung akan sedikit sebanyak turut menyumbang meringankan tekanan fiskal kerajaan kerana pendapatan daripada Zakat adalah sumbangan dari Majlis Ugama Islam Brunei, bukan dari hasil negara atau kutipan

tertentu yang dimasukkan dalam *treasury.;*

4. Pemeliharaan Prasarana - Meneruskan kerja-kerja pemeliharan prasarana Kementerian Hal Ehwal Ugama secara *term contract* yang menghala pada kaedah *facility management* pada masa terdekat, supaya prasarana-prasarana yang ada akan sentiasa dalam keadaan yang terpelihara dan mengelakkan daripada kerosakan yang lebih besar yang akan mengakibatkan perbelanjaan tinggi.;

5. Penambahbaikan Penstrukturan - Ini merupakan usaha dalaman kementerian yang berterusan bagi kelicinan pentadbiran dari semasa ke semasa iaitu supaya perkhidmatan adalah relevan untuk memberikan perkhidmatan agama kepada penduduk Negara Brunei Darussalam tercapai sepertimana yang dihasratkan selaras dengan pelaksanaan dasar-dasar dan strategi Kementerian Hal Ehwal Ugama.;

6. Pelaksanaan Undang-Undang Syariah - Ia termasuk dalam keutamaan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Ini bermakna usaha untuk meningkatkan tahap kecekapan dan profesionalisme pegawai-pegawainya, di samping menyokong usaha-usaha di peringkat akademik melahirkan pengamal undang-undang, iaitu orang-orang dalam jurusan undang-undang syariah akan menjadi pengamal undang-undang dalam bidang tersebut.; dan

7. Peningkatan Aktiviti Persijilan Halal **-** Barangkali Ahli-Ahli Yang Berhormat masih ingat perkara ini merupakan suatu rancangan yang sudah dicanangkan di dalam Dewan yang mulia ini berkali-kali untuk mengadakan satu *platform* bagi Sijil Halal dan sebagainya secara *online*.

   Untuk Persidangan hari ini, kaola sukacita menyatakan bahawa pelaksanaan *platform* sedemikian itu yang diperuntukkan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan sejumlah $1 juta adalah dipindahkan ke dalam satu *platform* yang bersepadu di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

   Jadi, إِنْ شَاءَ اللهُ mudah-mudahan pelaksanaannya akan lebih berkesan, إِنْ شَاءَ اللهُ. Selain itu, peningkatan aktiviti Pensijilan Halal itu ialah dengan mengambil kira potensinya untuk diiktiraf dan diakreditasi oleh negara-negara lain.

Yang Berhormat Pengerusi, sokongan Belanjawan yang diberikan ke Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah seperti berikut:

Yang dahulu disebut pembayaran Gaji Kakitangan disokong sebanyak $234,925,960.00, Perbelanjaan Berulang-Ulang sebanyak $34,156,000, jadi jumlah Perbelanjaan Biasa adalah sebanyak $269,081,960, ditambah dengan Perbelanjaan Kemajuan yang

disokong sebanyak $16,817,396 menjadikan jumlah besarnya ialah $285,899,356.

Berdasarkan pecahan peruntukan yang diberikan ini, pecahannya adalah meluluskan beberapa program perbelanjaan yang telah diselaraskan dengan Maqasid Syariah yang 5 itu dan menjadikan sektor-sektor dalam perbelanjaan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Katalah dalam Promosi harta iaitu: Pemeliharaan Harta, jumlah yang diperuntukkan sebanyak $25.5 juta dari peruntukan yang disebutkan tadi.;

Promosi atau Pemeliharaan Agama sebanyak $29.4 juta. Seterusnya bagi promosi ataupun pemeliharaan dari segi, kaola lupa Yang Berhormat Pengerusi, ada kekeliruan dalam muka surat. Ini juga jelas bahawa Pemeliharaan Promosi Nyawa dan Keturunan ataupun dinamakan pemeliharaan Zuriat diperuntukkan sebanyak $11 juta.; dan

Pemeliharaan Promosi Akal ataupun *intellectual* dalam terjemahannya disebut sedemikian juga adalah yang terbesar sebanyak $202.9 juta merupakan kalau pecahan peratusnya 75.4% daripada keseluruhan Belanjawan.

Sektornya-sektornya perbelanjaan itu akan ditumpukan kepada sektor-sektor tersebut yang meliputi Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam hal:

1. Promosi Harta ialah bersama dengan Jabatan Urusan Haji, Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal, dan Majlis Ugama Islam.;

2. Promosi Agama, Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah beserta dengan Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pusat Da'wah Islamiah, Bahagian Syiar Ugama Islam.;

3. Promosi nyawa dan Keturunan, Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah bersama dengan Jabatan Hal Ehwal Syariah (Khidmat Nasihat Keluarga, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pemakanan dan Barang Halal) Jabatan Perundangan Islam.;

4. Pemeliharaan (Promosi) Akal, *intellectual* (akal) dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama dengan Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Kemudian dalam RKN-12, kaola sukacita menyatakan Perbelanjaan Kemajuan adalah sejumlah $16.8 juta diperuntukkan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dengan Harga Rancangan $191.3 juta bagi beberapa projek utama. Mengukuhkan Kemudahan Akses Pendidikan seperti menambah blok di beberapa buah sekolah agama di seluruh negara, menaik taraf fasiliti Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Pusat Tingkatan Enam dan pembangunan 2 sekolah baharu bagi Kampung Kiulap dan Kampung Bolkiah.

Selain itu, peruntukan telah disediakan sejumlah $2.3 juta dengan Harga Rancangannya sebanyak $23.9 juta untuk membina fasiliti tambahan di kampus KUPU SB yang sedia ada di Batu Satu, Jalan Tutong dan sejumlah $200 ribu Harga Rancangan dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-12 iaitu sejumlah $20 juta juga disediakan untuk pembinaan Kampus Kekal Perempuan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Manakala, di bawah Pengukuhan Perkembangan Syiar Islam, pembinaan bangunan bagi Pusat Kegiatan Agama Islam, Sekolah Ugama Kampung Senukoh disediakan sejumlah $295 ribu, Harga Rancangannya ialah sebanyak $1.47 juta. Dan sejumlah 12 buah masjid dalam RKN-12 dirancangkan untuk dibina dengan peruntukan tahunan yang diberikan sejumlah $9.86 juta yang Harga Rancangannya adalah sebanyak $64.3 juta seperti berikut:

1. Masjid-masjid di Daerah Brunei dan Muara, Tahun Kewangan 2024/2025 diperuntukkan sebanyak $8.3 juta dalam RKN Ke-12 peruntukkannya ialah sebanyak $40.1 juta iaitu pembinaan:

    i. Masjid baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau sedang dalam persiapan yang terakhir.;

    ii. Pembinaan masjid baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Meragang sebenarnya sudahpun siap.;

    iii. Pembinaan masjid di Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba.;

    iv. Pembinaan masjid baharu di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Mata-Mata Katok 'B'.;

    v. Pembinaan masjid baharu bagi Kampung Sinarubai dan Burung Lepas.;

    vi. Pembinaan masjid baharu di Rancangan Perumahan Negara Kampung Tanah Jambu.; dan

    vii. Pembinaan masjid baharu Kampung Lugu, Daerah Brunei dan Muara.

Sementara di Daerah Belait ialah peruntukan yang diberikan untuk Tahun Kewangan 2024/2025 sebanyak $1.4 juta, Harga Rancangan $14 juta.

i. Pembinaan masjid baharu Rancangan Perumahan Negara Kampung Lumut.;

ii. Pembinaan masjid baharu STKRJ Kampung Telisai.; dan

iii. Pembinaan masjid baharu

Sementara di Daerah Temburong ada dua rancangan pada Tahun Kewangan 2024/2025 diberikan peruntukan sebanyak $22 ribu, RKN-12 sebanyak $8 juta, $22 ribu ini maklumlah 'kitani' ada

kerja-kerja awal iaitu: Rancangan pembinaan masjid baharu di Kampung Batu Apoi dan Kampung Selapon.;

Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin juga menyatakan bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama diperuntukkan penambahan bersih sejumlah 9 jawatan seperti ringkasan berikut: jawatan bersih maksudnya setelah dikira-kira mana yang diserapkan dan mana yang diselaraskan:

1. 36 penyerapan jawatan Gaji Hari dari Perbelanjaan Berulang-Ulang.;

2. 2 tambahan jawatan secara *trade-off* melalui Waran Perjawatan.;

3. 5 penyelarasan jawatan Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik (SPTA).;

4. 394 penyelarasan jawatan Skim Perkhidmatan Perguruan Ugama (SPGU).;

5. Peniadaan 23 jawatan *Open Vote.;* dan

6. Peniadaan 2 jawatan Gaji Hari. Jadi bersihnya adalah sebanyak 9 jawatan tambahan yang disokong.

Seterusnya, kaola ingin menyebut usaha-usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memastikan mutu pembelajaran agama khasnya pencapaian murid-murid di sekolah-sekolah agama, di sekolah Arab iaitu peringkat rendah dan menengah melalui usaha peningkatan Jabatan Pengajian Islam yang telah menunjukkan beberapa peningkatan bagi *Key Performance Indicators* yang telah ditetapkan untuk mencapai hasrat tersebut seperti berikut:

1. Guru yang mencapai tahap 3 dan ke atas dalam penilaian *Brunei Teachers Standard, Teachers Performance Appraisal* meningkat ke 94.2%, (Tahun 2023) tahun sebelumnya adalah 91.7%.;

2. Sekolah berada pada tahap 3 ke atas dalam penilaian *Whole School Evaluation (WSE)* meningkat ke 94.7% (Tahun 2023) tahun sebelumnya 93.3%.;

3. Penilaian Sekolah Rendah (PSR) yang mendapat Gred 'A' - 'C' meningkat ke 94.66% tahun 2023 dan tahun sebelumnya 91.29%.;

4. Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) yang mendapat pangkat 'Mumtaz' meningkat ke 53.33% (Tahun 2023) dari tahun sebelumnya (Tahun 2022) 43.96%.;

5. Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) juga yang mendapat pangkat 'Jayyid Jiddan' ke atas meningkat ke 82.1% (Tahun 2023) kepada 75.53% (Tahun 2022).;

6. Dalam pada itu, terdapat cabaran untuk ke hadapan bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam untuk meningkatkan hasil penurunan dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB)

bagi Agregat ‘6’ hingga ‘8’ yang didapati menurun daripada 16.24% (Tahun 2024) kepada 10.87% (Tahun 2023).;

7. Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) 5 SPUB ke atas menurun dari segi angka agregat itu daripada 76.62% (Tahun 2022) kepada 69.5% (Tahun 2023).;

8. Pelajaran yang terlibat juga ialah peperiksaan yang diambil di sekolah-sekolah menengah Arab iaitu peperiksaan mata pelajaran umum iaitu *Brunei Cambridge General Certificate of Education ‘O’ Level* iaitu *5 ‘O’ level* ke atas menurun dari 37.86% (Tahun 2022) kepada 33.81% (Tahun 2023).

Ini adalah cabaran untuk usaha-usaha ke hadapan bagi mengatasinya إِنْ شَاءَ اللهُ

Kaola ingin menyentuh sedikit mengenai pengintegrasian mata pelajaran agama ke dalam sekolah pendidikan umum yang telah dilaksanakan pada 1 November 2023 yang lalu yang melibatkan peringkat pembelajaran Darjah Pra hingga Darjah ‘3’ sekolah agama diselaraskan ke Tahun ‘2’ hingga tahun 5 sekolah umum. Dalam integrasi tersebut, mata pelajaran agama yang termasuk dalam pengintegrasian itu pada masa ini adalah dikenali dengan Mata Pelajaran Pendidikan Islam.

Dengan pengintegrasian ini, beberapa inisiatif telah dilaksanakan antaranya melibatkan aspek penelitian pengemaskinian kurikulum yang sedia ada disesuaikan dengan peruntukan waktu baharu mata pelajaran tersebut. Dalam pada itu, pengemaskinian kurikulum ini juga akan diselaraskan dengan keperluan pembelajaran agama pada setiap peringkat bermula dari peringkat sekolah rendah (Sistem Integrasi) hingga ke peringkat sekolah agama dan peringkat menengah. Pengemaskinian tersebut turut melibatkan guru-guru dan tenaga-tenaga pakar dari institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini.

Kaola ingin menegaskan mengenai proses pembinaan kurikulum pada masa ini, mata pelajaran Pendidikan Islam menekankan aspek penerapan nilai-nilai murni, unsur-unsur kebaikan dan kebajikan yang bertujuan membekalkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran mengikut keperluan dan peringkat umur murid. Perkara ini turut disesuaikan dengan mengambil kira keperluan penghayatan hidup beragama dalam masyarakat yang bagi ‘kitani’ bukan sahaja ada orang Islam di sekolah-sekolah tetapi ada juga orang-orang yang bukan Islam.

Jadi, pembelajarannya itu mengambil kira aspek-aspek tersebut. Kaola yakin perkara ini akan timbul dalam soalan-soalan nanti, mungkin nanti dapat kaola *elaborate* lebih lanjut.

Tapi, satu perkara yang nampak impaknya di sekolah-sekolah agama ialah dari segi bangunan. Dalam impaknya itu, kelihatannya sekolah agama tinggal

beberapa sahaja lagi bilangan penuntut dan bilangan guru. Bilangan yang berintegrasi lebih besar kalau mengikut perkiraan kasar, kira-kira 23 daripada 37 ribu murid sekolah agama diintegrasikan. Sementara selebihnya kira-kira dalam 24 ribu sahaja bakinya di sekolah agama, tentulah kelihatan bangunannya itu sedikit.

Apa yang terjadi kepada bangunan itu? Maka penyelarasan yang dilaksanakan bagi sekolah-sekolah agama ialah penempatan murid Darjah '4', '5' dan '6' dengan sekolah agama khas. Bangunan sekolah agama khas dimanfaatkan sepenuhnya dan dioptimumkan penggunaannya secara menyeluruh dengan penyelarasan dan mengambil kira kapasiti bangunan dan keramaian murid.

Ini melibatkan tadahan Yang Berhormat Pengerusi. Sekolah itu ada murid darjah '4', '5' dan ''6 yang memerlukan tadahan tempat ia belajar. Jadi sekolah-sekolah itu masih digunakan. Walaupun kelihatan ada banyak sekolah, tetapi ia tidak *abandoned*, tergendala dan terbengkalai. Malah bangunan tersebut digunakan bagi pendekatan secara guna sama dengan beberapa sekolah umum dan kelas-kelas dewasa agama, kelas mengaji, persatuan Warga Emas dan juga kegunaan-kegunaan lain. Tapi, hal-hal seperti ini masih dalam proses untuk pembaikan dan pengemasan.

Seterusnya, secara ringkas mengenai zakat. Dengan tertubuhnya Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal yang sudah 8 bulan umurnya adalah diharap zakat termasuk dalam kutipan dan pengagihannya dilaksanakan secara teratur dan efisien. Pelaksanaan program dan inisiatif bagi memperkasakan keupayaan asnaf Zakat 'diungkayahkan' secara terancang dan berkesan.

Pengurusan inisiatif mengembang majukan harta wakaf dan baitulmal yang menjadi kemaslahatan golongan sasaran bagi Zakat yang diketahui ada isu-isu kelambatan dan sebagainya. Diharapkan dengan penubuhan jabatan ini akan dapat mengatasi dan mencari kaedah-kaedah untuk mempercepatkan atau bagaimana untuk menyantuni keperluan orang yang menghendaki, pemohon-pemohon yang masih tertunggak dan sebagainya.

Di samping itu, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal juga mengambil inisiatif untuk meningkatkan kutipan. Bahagian waqaf akan teratur dengan adanya peraturan dan undang-undangnya yang sekarang ini dalam pembacaan peringkat akhir.

إِنْ شَاءَ اللهُ kalau sudah diluluskan, maka wakaf akan lebih teratur pelaksanaannya, pengaturannya dan juga akan dapat kita rasakan kesannya kepada sosioekonomi umat Islam di negara ini kerana wakaf mendatangkan sumbangan kepada fiskal. Misalannya ada wakaf untuk masjid, jadi ia mengurangkan perbelanjaan kerajaan membina masjid. Seperti sekarang ini, ada Tabung Dana Pembinaan Masjid.

Jadi, pelaksanaannya begitu berkesan untuk mengurangkan tanggungan fiskal kerajaan. Begitu juga dalam hal-hal wakaf yang lain, oleh orang yang berwakaf misalannya wakaf kereta jenazah, wakaf harta, bilik jenazah di masjid-masjid yang belum mempunyai kemudahan-kemudahan sedemikian. Kalau kereta dan bilik itu dianggarkan berjumlah $30 ke $60 ribu, sudah dapat dijimatkan peruntukan kerajaan. Maka itulah yang sangat diharapkan.

Kaola secara seimbas lalu ingin menekankan bahawa pada masa ini sejumlah 13,428 pemohon yang telah diterima melalui Sistem Kebajikan Negara (SKN) sepanjang tahun 2022-2023.

Manakala, pengagihan dari kumpulan wang Zakat bagi Golongan Fakir Miskin, Mualaf, *Al-Gharimin* serta Amil menunjukkan penambahan daripada sebanyak $20.9 juta pada tahun 2021 kepada sebanyak $24.2 juta bagi tahun 2022 serta sebanyak $25.3 juta bagi tahun 2023.

Jadi, hal-hal sedemikian ini sangat menarik untuk kaola *elaborate* dalam jawapan kaola, kalau ada soalan-soalan yang berbangkit terutama sekali kalau ada soalan-soalan yang berhubung dengan bagaimana mengemaskan dalam mengatasi kelambatan dan sebagainya. Bukan sahaja untuk meningkatkan pendapatan tetapi untuk menyelesaikan isu-isu kelambatan dalam kalangan masyarakat secara umumnya.

Kaola berusaha meringkaskan Yang Berhormat Pengerusi. Terpaksa kaola 'lompat-lompatkan' Yang Berhormat Pengerusi. أَلْحَمْدُ لِلّٰه. Satu perkara lagi yang kaola sebutkan yang mungkin akan menjadi perbahasan nanti ialah berhubungan dengan lepasan-lepasan pengajian tinggi dalam bidang agama termasuk tahfiz. Lepasan-lepasan ini pada kenyataannya adalah termasuk sebilangan besar yang belum bekerja.

Jadi, ada data yang dipetik dan diberikan kepada kaola di sini, data daripada Sekretariat *Manpower Planning* and *Employment Council,* setakat bulan Januari 2024 sebanyak 40.7%, iaitu 352 graduan daripada jumlah 864 graduan yang mempunyai kelulusan pembelajaran yang berhubung kait Pendidikan Ugama Islam aktif mencari pekerjaan iaitu seramai 344 orang (39.8%) terdiri daripada graduan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) manakala dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah cuma 8 orang ertinya bilangan setiap keluaran tidak sampai ratusan, cuma berbelasan ataupun berpuluh saja. Maka yang 8 orang itu sudah cukup untuk memenuhi sejumlah daripada 2,588 peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam pelbagai sektor.

Jadi kaola harap mukadimah ini cukup menyatakan kenyataan yang sebenar-benarnya dan dalam masa yang sama juga, kita menghadapi isu kekurangan peluang pekerjaan bagi lepasan-lepasan pengajian tinggi. Ada yang kena *mismatching* dan sebagainya.

Itu merupakan isu lain. Jadi isu ini adalah isu nasional yang boleh kita selesaikan di peringkat nasional dengan beberapa alternatif yang dapat dibincangkan di dalam Dewan ini.

Terdapat *input* yang munasabah akan menjadi bahan bagi kita menangani perkara tersebut. Tetapi satu perkara yang mesti kita ingat bahawa pendidikan ini diutamakan terutama sekali dalam Wawasan Brunei 2035, iaitu: untuk melahirkan "Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya".

Maknanya rakyat kita ini, selama mana kerajaan mampu untuk mendukung pembelajaran mereka, maka kita tidak akan menyekat untuk sejauh mana mereka belajar. Tinggal lagi bagaimana menjuruskan mereka kepada bidang-bidang yang sangat kita perlukan.

Hanya bidang keagamaan itu jangan difikirkan tidak perlu, keperluannya itu kerana kita melihat ia hanya untuk berkhidmat dalam bidang Kementerian Hal Ehwal Ugama, tapi sebenarnya kalau kita melihat kelulusan mereka itu boleh dalam syarat-syarat perjawatan pun boleh mereka dapat masuk ke dalam perkhidmatan awam biasa dan ini sudah terbukti dari lepasan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah masuk ke dalam *mainstream* perkhidmatan sebagai pegawai *BAS* misalannya. Ada yang sudah berjawatan *District Officer* dan sebagainya atau dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Jadi hal-hal yang sebegini adalah menggalakkan, yang penting kita melihat dan huraikan isu ini secara rasional di peringkat yang lebih bertanggungjawab nanti untuk dinaikkan ke atas. Itu saja, yang dapat kaola bentangkan Yang Behormat Pengerusi dengan masa yang terbatas.

Kaola cuma ingin menutup pembentangan ini dengan firman ٱللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ayat 41 surah Al-Haj:

أَعُوْذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطٰانِ الرَّجِيْمِ
ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّـٰهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ أَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ"
وَأَمَرُوا۟ بِٱلْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا۟ عَنِ ٱلْمُنكَرِ ۗ وَلِلَّهِ عَـٰقِبَةُ
ٱلْأُمُورِ

Ertinya: "Mereka orang-orang Islam itu apabila kami berikan mereka kesempatan untuk menduduki sebahagian daripada bumi, ertinya menjadikan mereka bernegeri, bernegara dengan ada sistem aturan-aturannya, maka mereka akan melaksanakan tugas ugama (yang pertama), mendirikan sembahyang, membayar zakat, melaksanakan 'Amar Ma'ruf, mencegah kemungkaran dan semua itu adalah demi mencapai tujuan-tujuan ٱللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, menjadikan manusia di bumi ini."

Kaola ingin menegaskan di sini, perkataan-perkataan yang disebut di sini jangan difahamkan sebagai sempit. Perkataan sembahyang untuk semua, tidak hanya terhad kepada orang di Kementerian Hal Ehwal Ugama, tetapi kita semua أَلْحَمْدُ لِلّٰه telah dilaksanakan sedemikian tetapi mengenai وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ memanglah diperuntukkan dan diwajibkan kepada orang-orang yang mampu saja.

Jadi bagaimana mampu itu, Yang Berhormat Pengerusi. Tentulah bukan ertinya semata-mata disebut Zakat tetapi ertinya mesti ada usaha-usaha untuk meningkatkan ekonomi. Jadi, orang-orang yang mampu itu adalah orang-orang yang berjaya dalam bidang-bidang tersebut. Jadi maknanya di sini, negara itu selain menjalankan ugama seperti sembahyang sebagai tiang agama, mestilah mengusahakan hal-hal dalam bidang ekonomi disebut zakat.

Kalau dalam konteks masa kini ada lagi bermacam-macam cukai. Jadi pembayar cukai sama juga seperti pembayar-pembayar zakat, iaitu orang yang mampu dan hasil daripada perkembangan ekonomi maka negara yang ditakdirkan ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ sedemikian itu, أَلْحَمْدُ لِلّٰه Negara Brunei Darussalam boleh dikatakan adalah sebahagian daripada negara tersebut.

Begitu juga dengan amar maaruf nahi mungkar, iaitu melakukan kebaikan dan bukan saja penguat kuasa agama yang akan bertindak dan dari segi undang-undang bukan saja syariah tetapi kita sudah menetapkan udang-undang umum juga diterima sebagai takzir. Jadi pelaksanaannya itu adalah pelaksanaan kenegaraan, bukan pelaksanaan sektoral, melihat kepada kementerian-kementerian, Yang Berhormat Pengerusi.

Maka itu yang kaola harapkan, mudah-mudahan apa yang diperkenankan oleh ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, kita mempunyai Negara Brunei Darussalam dengan sistem kita yang ada. Tambahan, rezeki dari ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ yang dilimpahkan-Nya kepada kita sepanjang yang kita ketahui dan dipergunakan sebaik-baiknya tidak disalahgunakan dan tidak disia-siakan, maka hasilnya sebagaimana janji ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ, sekiranya menggunakannya dengan sebaik-baiknya, tidak menyalahgunakannya, meng*abandon*nya, menyia-yiakannya maka ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ akan melipatgandakan nilainya.

Kalau kamu sebaliknya menyia-yiakannya, menyalahgunakannya dan sebagainya maka terimalah janji ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ sebagai akibat daripadanya maka kaola dengan itu أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita yang sudah dibangunkan sebagai Negara Brunei Darussalam dengan kemodenannya yang seimbang إِنْ شَاءَ اللهُ dengan niat sedemikian itu akan mendapat keberkatan-Nya di bawah raja yang mempunyai wawasan, adil dan bijaksana.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: أَلْحَمْدُ لِلّٰه terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas penerangan yang begitu komprehesnif dan terperinci berkenaan dengan hala tuju dan juga keutamaan dalam penyediaan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya rasa ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dulu dan kita bersidang

semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, saya kira cukup sekian kita bersidang pada pagi ini.

Saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan menyambung persidangan lagi pada petang nanti mulai 2.30 petang seperti lazimnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang tersebut satu per satu, saya suka untuk menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025, untuk diteliti satu per satu.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan sebelah pagi tadi, kita telah mendengar mukadimah yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai hala tuju dan penjelasan mengenai penyediaan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatannya. Oleh yang demikian, Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama, sekarang saya bukakan untuk dibahaskan. Saya mempunyai senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membincangkan tajuk yang berkenaan ini.

Maka saya akan memberikan laluan untuk Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan dan seterusnya bagi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama nanti kemudiannya untuk menjawab ataupun memberi responsnya sebagaimana biasa.

Sekarang, saya mempersilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Lebih dahulu, kaola mengucapkan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas pembentangan Belanjawan yang dikemukakan pada pagi tadi.

Kaola merujuk *trend* peningkatan kos bagi menunaikan Ibadah Haji di Negara Brunei Darussalam yang semakin ketara sehingga menyebabkan ada rakyat

daripada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana terpaksa menangguhkan dan membatalkan hasrat untuk menunaikan ibadah ini kerana peruntukan wang yang disediakan tidak mencukupi meskipun perancangan awal telah dibuat dan telah memenuhi syarat-syarat Haji yang ada. Ada kalangan rakyat dengan rasa kecewa telah menyuarakan kepada abiskaola bahawa dengan kadar yang sedemikian itu mereka tidak akan mampu selama-lamanya untuk menunaikan kewajipan rukun Islam yang kelima itu walaupun hanya untuk sekali dalam seumur hidup.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Keluhan-keluhan ini dan kadar semasa kos bagi menunaikan ibadah Haji yang pada tahap yang tinggi ini membuatkan kaola terpanggil lagi menyuarakan isu ini dengan merujuk tajuk yang sama yang pernah dibangkitkan oleh rakan Ahli Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin pada Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara Yang Ke-19 pada tahun 2023 yang lalu. Yang Berhormat telah mengemukakan cadangan-cadangan terperinci meliputi pelbagai aspek yang إِنْ شَاءَ اللهُ. dapat membantu penurunan kos ini dan perbincangan-perbincangan tersebut juga abiskaola kemukakan bersama beberapa agensi pengendali haji bersama dengan beberapa rakan Ahli Yang Berhormat mengenai isu ini.

Dalam hal ini, kaola mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama meneliti cadangan-cadangan yang telah dikemukakan itu dan apakah langkah-langkah yang diusahakan oleh pihak kementerian dalam memastikan kos yang tinggi ini dapat dikurangkan?

Dalam usaha untuk membantu mengurangkan kos pengendalian haji ini, kaola juga sukacita menambah cadangan supaya pihak kementerian mempertimbangkan untuk memberikan kebenaran kepada syarikat-syarikat pengendali Haji untuk mempelbagaikan jenis pakej Haji yang ditawarkan.

Mengambil kira pengalaman para pemilik dan pengurus syarikat-syarikat ini, kaola percaya syarikat-syarikat mampu menyediakan pilihan-pilihan harga yang fleksibel bagi memenuhi kemampuan golongan masyarakat yang mempunyai taraf hidup yang berbeza bermula dari pakej murah, sederhana dan premium.

Namun pilihan-pilihan ini hendaklah tidak mengabaikan aspek-aspek keselamatan dan kesejahteraan jemaah. Kaola juga dimaklumkan bahawa bagi warga perkhidmatan awam yang mendapat kurnia tambang menunaikan ibadah Haji, amalan yang berjalan pada masa ini ialah tiket penerbangan mereka akan dibayar lebih dahulu oleh syarikat-syarikat pengendali Haji yang mereka pilih kepada Syarikat Penerbangan Diraja Brunei. Ini adalah kerana tambang yang mereka pohonkan itu pada kebiasaannya akan diterima kemudian.

Kaola berpandangan amalan ini membebankan syarikat yang sebahagian besarnya dikendalikan oleh warga tempatan apa lagi jika mengakibatkan jumlah jemaah yang ramai. Oleh itu, kaola mencadangkan agar pembayaran tersebut dibuat terus oleh pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi kepada Syarikat Penerbangan Diraja Brunei secara langsung *(direct payment)*.

Akhir sekali, kaola juga difahamkan bahawa pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama telah membuat lawatan ke negara-negara jiran untuk meninjau mengenai pengurusan-pengurusan yang berkaitan dengan pengendalian Haji. Apakah amalan-amalan terbaik yang dapat diambil serta diserapkan dalam proses pengurusan Haji di negara ini.

Perkara kedua yang ingin kaola kemukakan di sini ialah mengenai pengintegrasian mata pelajaran agama ke dalam sistem pendidikan umum yang merujuk kepada Pemeliharaan ataupun Promosi Akal. Sekolah agama khas adalah sistem pendidkan dan pembelajaran agama *formal* yang unik bagi Negara Brunei Darussalam. Kewujudan persekolahan agama selama lebih 60 tahun dalam sistem pendidikan kita menjadikannya sebati di hati masyarakat Islam tempatan dan juga warga asing yang bermastautin di negara ini.

Kerana itu, apabila sistem pengintegrasian mata pelajaran agama ke dalam sistem pendidikan umum diisytiharkan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan untuk dilaksanakan bermula Rabu, 17 Rabiulakhir 1445 bersamaan 1 November 2023 yang lalu, banyak maklum balas mengenainya berupa sokongan, keluhan, bantahan dan juga cadangan yang disuarakan oleh masyarakat awam di media sosial.

Kaola pasti maklum balas ini bukanlah bermaksud untuk menolak sebarang pembaharuan ataupun perubahan. Namun, ia menunjukkan tahap kesedaran masyarakat khususnya para ibu bapa dan penjaga termasuk golongan pendidik sendiri mengenai kepentingan sekolah agama dan juga kekhuatiran mereka bahawa perubahan ini akan memberi kesan ke atas hasil pembelajaran agama anak-anak mereka. Kita masih di peringkat awal pelaksanaan sistem ini, baru 3 bulan sejak ia diperkenalkan pada bulan November tahun yang lalu. Masih banyak peluang dan ruang untuk melaksanakan pembaikan-pembaikan bagi memperkasakan pendidikan agama di negara ini dan merealisasikan objektif yang dihasratkan daripada perubahan ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه objektif sistem integrasi ini: Memfokuskan penjagaan kesejahteraan pelajar dan peningkatan *efficiency* pembelajaran mengenai pengurangan beban kerja dan masa keberadaan pelajar di sekolah serta pengurangan waktu persekolahan.

Di samping itu, peningkatan keseimbangan hidup dan kesihatan mental pelajar juga menjadi keutamaan. Kaola dimaklumkan bahawa dalam usaha untuk melaksanakan sistem ini, penyelerasan telah dibuat pada beberapa aspek dalam kurikulum pendidikan agama antaranya pengurangan jumlah waktu pembelajaran, pengemaskinian tajuk-tajuk pelajaran, perubahan nama mata pelajaran dan komponen mata pelajaran diajarkan, peruntukan waktu mengajar bagi setiap mata pelajaran waktu persekolahan dan seterusnya waktu bekerja guru-guru agama.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola jelaskan di sini sedikit perbezaan ketara yang terdapat pada kedua-dua sistem ini dalam sistem integrasi ini, masa keberadaan pelajar di sekolah adalah sekurang-kurangnya 7 jam 45 minit iaitu dikira dari seawal pukul 7.15 pagi, kebiasaannya pelajar sudah sampai di sekolah kerana pembelajaran akan bermula pada 7.30 sehingga ke pukul 3.00 petang setelah selesai waktu pembelajaran dan masa untuk pulang ke rumah. Jumlah ini termasuk waktu rehat makan tengah hari di mana para pelajar akan tetap berada di sekolah. Pergaulan pelajar dalam sistem ini terhad bersama dengan rakan-rakan kelas yang sama sepanjang waktu pembelajaran dan pelajar memakai seragam sekolah yang sama dari pagi sehingga ke petang.

Manakala sebelum sistem integrasi ini dilaksanakan, pelajar mengikuti 2 sistem persekolahan. Iaitu sekolah umum dari pukul 7.15 pagi sehingga 12.00 tengah hari dan sekolah agama dari pukul 1.30 petang hingga 3.30 petang, menjadikan jumlah keberadaan pelajar di kedua-dua sekolah ini ialah 7 jam 15 minit. Ini tidak termasuk waktu rehat tengah hari pelajar selama 1 jam kerana pada waktu rehat itu, pelajar akan balik atau keluar bersama ibu bapa ataupun penjaga untuk rehat makan dan berganti pakaian seragam sekolah agama dan pergaulan pelajar lebih meluas meliputi rakan-rakan dari kedua-dua sistem persekolahan ini. Penelitian kaola mendapati bahawa masa keberadaan pelajar di sekolah tidak jauh berbeza antara kedua-dua sistem ini.

Soalan kaola, bagaimanakah pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama dengan pihak Kementerian Pendidikan menilai inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dapat menjayakan sistem integrasi ini tanpa membebankan mana-mana pihak yang lain sama ada pelajar, guru, ibu bapa dan penjaga. Daripada penilaian yang dibuat itu, apakah strategi pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan untuk menambah baik proses pelaksanaan sistem ini?

Kaola juga dimaklumkan bahawa bahan-bahan kurikulum seperti sukatan pelajaran dan buku-buku teks bagi sistem ini masih dalam proses penyusunan. Oleh itu, mengambil kira kepentingan bahan-bahan tersebut dalam sistem pendidikan maka harapan kaola supaya ia disegerakan tanpa mengurangkan sedikit pun kualiti dan

keberkesanannya terhadap hasil pembelajaran agama para pelajar.

Dengan sistem pelaksanaan sistem ini, kaola juga mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai tempoh pendidikan agama wajib. Adakah tempoh itu akan dikemas kini? Ini mengambil kira tempoh pendidikan agama wajib yang termaktub dalam Bab 5 Perintah Pendidikan Ugama Wajib, 2012 ialah tempoh pendidikan agama yang disediakan di sebuah sekolah agama yang dirancang untuk selama 7 tahun tetapi boleh tamat antara 7 dan 8 tahun.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin mengongsikan sebahagian aduan yang terdapat di media sosial dan yang dikongsikan secara langsung kepada kaola untuk diteliti dan ditangani bersama dengan segera oleh pihak-pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan bagi memastikan sistem baharu ini mendapat sokongan daripada semua pihak yang berkepentingan. Antaranya tidak ada kemudahan-kemudahan tempat mengambil wuduk dan bilik atau dewan solat di sekolah-sekolah terutama sekolah-sekolah swasta.

Untuk perancangan jangka panjang, kemudahan prasarana ini hendaklah dijadikan salah satu syarat dalam pembinaan sekolah-sekolah baharu. Kedua, tidak semua pelajar yang beragama Islam menunaikan solat Zuhur semasa berada di sekolah pada waktu tengah hari.

Perkara solat ini adalah amalan fardu yang mesti diambil serius lebih-lebih lagi di peringkat umur yang muda ini. Oleh itu, perlunya pihak sekolah untuk mewajibkan setiap pelajar Islam yang tidak balik tengah hari untuk menunaikan solat fardu Zuhur di sekolah secara sukarela. Maksud kaola, bukannya dipaksa melalui inisiatif-inisiatif bercorak pendidikan yang memberikan kesedaran kepada pelajar mengenai kewajipan ini.

Isu seterusnya juga berkaitan pengawasan pelajar semasa waktu solat zuhur tertumpu sebahagian besarnya kepada guru-guru agama. Dalam hal ini, penyusunan jadual pengawasan yang ada bolehlah dilaksanakan oleh pihak sekolah dengan melibatkan semua guru untuk diberikan tanggungjawab mengawas pelajar secara bergilir dan tidak mengehadkannya kepada guru agama semata-mata.

Terdapat juga sekolah yang mengehadkannya guru-guru agama daripada menggunakan kemudahan-kemudahan yang terdapat di sekolah. Perkara ini pada pandangan kaola tidak sepatutnya terjadi meskipun guru-guru tersebut di bawah kawalan kementerian yang berbeza. Guru agama juga sebahagian daripada penjawat awam dan warga sekolah yang berkenaan.

Oleh itu, adalah diharapkan agar pihak-pihak yang berkaitan dari kedua-dua

kementerian meneliti isu ini dan memberikan pencerahan kepada pemimpin-pemimpin sekolah bahawa semua kelengkapan prasarana yang disediakan oleh pihak kerajaan adalah hak bersama guru-guru sama ada yang mengajar mata pelajaran umum ataupun mata pelajaran agama.

Akhir sekali, kaola juga sukacita mencadangkan supaya pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan serta pihak-pihak lain yang berkepentingan menubuhkan Jawatankuasa Khas Bebas yang keahliannya terdiri daripada ahli-ahli agama atau pakar-pakar akademik dan wakil-wakil daripada persatuan-persatuan yang sudah terkenal seperti PGGMB dan *PUJA* dan wakil daripada para ibu bapa yang tidak terikat dengan mana-mana daripada dua kementerian ini.

Jawatankuasa ini diberikan tanggungjawab untuk menilai perkembangan pelaksanaan sistem integrasi ini dari aspek-aspek yang berbeza dan mencadangkan pembaikan yang difikirkan perlu untuk menjayakan pelaksanaannya.

Laporan perkembangan dan penambahbaikan ini kaola cadangkan untuk dihadapkan ke Jabatan Perdana Menteri selaku kementerian peneraju terhadap perkembangan dan penambahbaikan sistem ini untuk memastikan kejayaannya.

Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi, kaola sangat menghargai saranan-saranan Yang Berhormat tersebut dan kaola berharap kaola dan pegawai yang berkenaan di Kementerian Hal Ehwal Ugama akan membaca melalui Laporan Penuh *(Hansard)* nanti, إِنْ شَاءَ اللهُ. Setakat apa yang sempat kaola fahami, sangat berharga untuk dipertimbangkan selain untuk difikirkan juga sejauh mana kesesuaiannya. Ada dua perkara besar iaitu tema mengenai Haji dan yang kedua mengenai pengintegrasian.

Mengenai Haji itu, Yang Berhormat sendiri pun sudah mengetahui perkara ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat musim yang lalu pada tahun lepas. Adakah cadangan-cadangan daripada Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir dijadikan kajian tetapi dapat kaola katakan bahawa kaola tidak pasti apakah secara harsi satu per satu cadangan-cadangan itu dikaji tetapi cadangan daripada Majlis ini mendorong Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengambil inisiatif-inisiatif ke arah apa yang dihayatikan.

Yang pasti setakat yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam perkara itu ialah Kementerian Hal Ehwal Ugama menubuhkan sebuah jawatankuasa *adhoc*, yang jawatankuasa itu melibatkan bukan sahaja kementerian

tetapi melibatkan pihak-pihak yang berkenaan.

Dalam mesyuaratnya yang sudah diadakan 2 kali pada 7 Oktober dan 11 November 2023, ia meneliti *terms of reference,* jawatankuasa tersebut meneliti sehalus-halusnya harga pakej Haji dan menilainya secara menyeluruh.

Yang kedua, mencari satu kaedah bagi menangani kenaikan harga pakej Haji yang boleh meringankan beban kewangan bakal jemaah Haji serta masih mengekalkan perkhidmatan pakej haji yang terbaik untuk jemaah Haji.

Dalam ucapan Yang Berhormat tadi ada menyentuh mengenai perkara ini. Satu, mengenai penilaian pada keseluruhannya dan rakan-rakan Yang Berhormat juga dalam lawatan muhibah ke *Royal Brunei (RB)* sebagai pemudah cara bagi penerbangan dan agensi-agensi juga sudah mendapatkan *feedback* daripada mereka. Demikianlah juga *feedback* yang telah diterima oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan diterjemahkan atau dikaji juga dalam jawatankuasa ini untuk kemudahannya.

Bersama-samalah kita memahami, walaupun nanti kaola dapat menerangkan ada juga kejayaannya, kesan daripada perjumpaan dan pendapat ini mengurangkan sedikit tapi tidaklah begitu signifikan.
Apa yang penting diketahui mengenai faktor Haji yang tidak dapat kita kawal ialah faktor tempat tinggal iaitu hotel di Mekah/Madinah dan juga Arafah dan Mina. Kita tidak dapat mengawal harganya tetapi kita boleh *negotiate*. Kita berjaya membuat perundingan dan akhirnya diturunkan sedikit walaupun tidaklah begitu signifikan kerana kita berbeza daripada jemaah negara-negara jiran yang kita lawat ataupun sama-sama berunding bersama pegawai-pegawai Haji yang berkenaan. Kita memilih pakej tempat tinggal *(hotel)* yang sudah dalam sifir-sifirnya dari dahulu tidak lebih dari 500 meter daripada Masjidil Haram, sama juga dengan di Madinah.

Yang kedua, *transport*. Pengangkutan digunakan sepanjang masa dari hotel ke hotel, ke Arafah dan ke Mina, balik semula dan sebagainya. Ini di luar kawalan kita. Hal seperti ini ialah perbezaan yang ketara dan jelas, kita memilih satu cara pendekatan tempat tinggal yang bagi kita menjamin kemudahan jemaah Haji menunaikan haji ertinya dalam lingkungan 500 meter dari Masjidil Haram dan di Madinah untuk memudahkan mereka datang ke masjid.

Di luar daripada itu, tempat yang jauh ada diperkenalkan oleh pakej-pakej luar negeri kepada jemaah-jemaah mereka seperti Malaysia, Singapura dan Indonesia. Misalannya mereka tinggal jauh di luar Tanah Haram dan dengan sendirinya murahlah perbelanjaan hotelnya. Mereka juga mengadakan satu kaedah iaitu mereka datang hampir waktu Wukuf dan mereka tinggal di tempat yang jauh ini, lalu apabila selepas Wukuf dan di Mina, balik semula ke Mekah, mereka berpindah ke hotel-hotel yang dikosongkan oleh jemaah-

jemaah yang berdekatan. Jadi, pengurusan yang bijak dan rapi.

Seterusnya mereka ke Madinah, hotel-hotel ada yang dalam lingkungan 500 meter tetapi sewanya pada masa itu sudah dikurangkan. Tetapi, kita tidak dapat sama sekali bertolak-ansur bagi menjaga kebajikan jemaah, kesejahteraan dan keselamatan bagi penempatan di Arafah dan Mina. Sesiapa yang sempat mengerjakan haji dalam tahun 70-an atau 60-an semasa di Mina dan Arafah, tidurnya di atas tanah yang kebetulan kalau ada masih batu-batu tinggi, dialas dengan bantal jadi itulah bantal yang kedua. Malah di kawasan-kawasan pemeliharaan haiwan kambing dan sebagainya.

Ini masih terjadi lagi bagi jemaah-jemaah di luar negeri yang sanggup dengan bayaran-bayaran tersebut. Tapi, kita pernah juga memperkenalkan ini kira-kira berbelasan tahun yang lalu. Tapi kerana kita sendiri terutama sekali pihak yang berkenaan memerhatikan kesejahteraan dan keselesaaan jemaah-jemaah dan sebagainya dan berpunca juga daripada *complaint* jemaah-jemaah sendiri, maka inilah pakej yang sekarang ini diperkenalkan, jarak 500 meter dari tempat tinggal dengan Masjidil Haram dan Madinah dan tempat tinggal di Masya'ir atau di Arafah dan Mina itu adalah tempat yang bukan sahaja selamat malah selesa seperti sekarang ini. Jadi, itu faktor-faktornya.

Tapi, faktor-faktor yang sedang diusahakan oleh Jawatankuasa *Adhoc* dan Yang Berhormat dengan menemui *RB* dan agensi-agensi operator yang sanggup menawarkan pakej jika dibenarkan iaitu menawarkan pakej di bawah ekonomi dan premium. Jika ditanyakan kepada operator, ia boleh sahaja melaksanakannya kalau ada jemaah-jemaah yang mahu.

Tapi, kerajaan kita yang sentiasa memikirkan kepentingan memelihara kesejahteraan jemaah, belum dapat 'mengakun' untuk bersedia menerima apa juga tawaran-tawaran daripada operator-operator yang memberikan tawaran-tawaran sedemikian. Pertama disebabkan kesejahteraan dan yang kedua akan melibatkan pengurusan. Kita tidak membiarkan jemaah yang sampai ke Tanah Suci itu 'pandai-pandai sendiri' kerana pihak kerajaan dalam pengurusan hal-ehwal haji, semasa jemaah sampai di sana, tetap dipelihara kesihatannya dengan menyediakan klinik.

Jadi, jika klinik itu jauh terpaksa membuat klinik sendiri, bukan lagi klinik biasa kerana terpaksa membuat tambahan seorang lagi pegawai. Berbanding dengan apa yang ada sekarang ini, kos yang akan ditanggung oleh kerajaan adalah tinggi. Kos dari segi kesejahteraan jemaah tidak dapat dijamin walaupun kos dari segi mata wang adalah rendah dan sebagainya. Itulah yang sedang difikirkan Yang Berhormat Pengerusi.

Jadi, mudah-mudahan pemikiran ke arah ini akan terus berlegar dan إِنْ شَاءَ اللهُ

sedapat mana yang mungkin, Jawatankuasa *adhoc* ini akan membuatkan rumusan-rumusan yang dapat kita kekalkan kesejahteraan dan keselamatan serta dalam masa yang sama, apa yang ditawarkan oleh pihak-pihak yang berkenaan itu boleh ditimbangkan atau tidak mengikut kesesuaiannya pada masa hadapan. Itulah yang secara umumnya mengenai Haji, Yang Berhormat Pengerusi.

Masuk kepada pengintegrasian, kaola memang tertarik. Yang Berhormat Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam ialah mantan Pengarah Jabatan Pengajian Islam sehingga pencen dalam jawatan tersebut. Jadi, beliau memang sangat mahir dan mengetahui hal-hal persekolahan dan pendidikan agama. Segala saranan yang dikemukakan itu akan dapat kaola baca melalui Laporan Penuh *(Hansard),* إِنْ شَاءَ اللهُ

Dalam masa yang sama, kaola ingin menyatakan bahawa pengintegrasian ini dimulakan pada 1 November 2023. Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan memaklumkan pelaksanaannya tidak sampai sebulan. Kementerian Hal Ehwal Ugama menerima perintah untuk pelaksanaan ini pada 11 Oktober 2023.

Jadi, sebagai satu inisiatif baharu, kementerian hanya melihat 2 perkara yang difikirkan di sana. Jelasnya, apakah impak integrasi ini kepada mutu pembelajaran dan masa depan sekolah agama bila masih disebut lagi akan ada Darjah '4', '5' dan '6', di bawah daripada itu adalah diintegrasikan.

Jadi, 2 perkara ini walaupun menjadi kebimbangan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama, tapi, kementerian melihat inisiatif ini boleh dicuba dan terus disokong sepenuhnya bersama dengan Kementerian Pendidikan. Dalam pelaksanaannya, memang dikehendaki kedua kementerian untuk bersatu dan bersepadu dalam memikirkan hal-hal pelaksanaannya serta impak-impak persediaan dan pertukarannya bagi mencapai maksud. Ertinya jangan membebankan kanak-kanak dari segi masa dan isi pelajaran. Jadi, semua ini telah difikirkan dan sekarang ini dari segi masa, memang ada kurang sedikit daripada sekolah agama dan itulah yang dikehendaki.

Kedua, dari segi *preparation* pembelajaran, walaupun tadi dikatakan supaya disegerakan, sebenarnya memang kita sudah cuba dengan segera dalam 4 ke 5 bulan إِنْ شَاءَ اللهُ mana yang secepatnya. Tapi, ia sudah dilakukan dari segi kokurikulum, *syllabus* dan perisiannya sudah diambil kira.

Kemudian, dari segi prasarana. Dari awal pelaksanaannya, abiskaola bersama pegawai-pegawai melihat prasarana sambil 'berunding' dengan pihak-pihak sekolah. Peringkat Yang Berhormat Menteri juga ke sekolah-sekolah swasta dan sebagainya. Kedua-dua kementerian bergerak sama-sama.

Memang didapati keperluan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan seperti tempat berwuduk. Memang tidak bersedia sepenuhnya jika bangunan itu bangunan guna sama. Guna sama maknanya bangunan kepunyaan Kementerian Pendidikan tetapi bagi menampung penggunaan sekolah agama memang di sana itu akan ada kemudahan-kemudahan, walaupun kemudahan dari segi bilik sembahyang yang diperlukan bagi amali dan sebagainya. Cuma menggunakan kelas-kelas ataupun kalau secara berjemaah mereka memerlukan dewan-dewan yang ada, tetapi tidak semuanya ada tempat sembahyang yang khusus.

Yang kedua, tempat berwuduk ada yang tidak mencukupi terutama sekali yang nampak tidak bersedia selama ini ialah di sekolah-sekolah *private* dan sebagainya. Jadi, hal-hal seperti ini cuba diatasi dalam masa yang singkat. Misalannya dalam era pelajaran agama bersepadu dengan Kementerian Pendidikan.

Dalam era tersebut terdapat beberapa prasarana yang telah disiapkan tetapi setelah era itu berlalu, seperti bilik berwuduk dan sebagainya memang tidak ada lagi. Jadi bila di*revisit* tempat itu, didapati sudah bertukar penggunaannya, bukan lagi bilik untuk berwudu. Kalau 'kitani' lihat, 'kitani' terpaksa membuat semula hal-hal seperti ini.

Jadi, 'kitani' tidak juga mengabaikan pelaksanaannya. Sekarang ini jawatankuasa yang berkenaan sentiasa membuat pemantauan di peringkat pegawai dan jawatankuasa antara 2 buah kementerian, peringkat jawatankuasa yang bersara, di peringkat bersama Yang Berhormat Menteri, antara jabatan bersama jabatan yang lain akan terus mengawalnya.

Respons daripada orang ramai akan sentiasa dipantau buat masa ini. Itu yang sebaiknya, seperti itu akan berguna untuk dipantau dan kalau yang di media sosial turut dipantau juga.

Jadi, sejauh mana cadangan bagi pembaikan? Terdapat dua perkara tadi disebutkan. Adakah sambutan itu berupa keluhan, bantahan atau sokongan? Jadi, ini yang kita lihat. Kalau dalam kategori-kategori ini, kalau dilihat sejauh mana sokongan bagi mengemukakan saranan-saranan yang *constructive.* Saranan-saranan juga boleh berbentuk bantahan yang dikira sebagai alternatif. Kalau yang sekadar keluhan-keluhan, inilah yang sangat dihargai untuk didengarkan melalui saluran-saluran yang betul. إِنْ شَاءَ اللهُ

Impak yang menjadi *concern* kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa diminta untuk melaksanakan pengintegrasian yang kaola sebutkan tadi adalah mengenai nasib Darjah '4', '5' dan '6' (Sekolah Agama). Jadi, أَلْحَمْدُ لِلّٰه perkara itu sudah dijelaskan tidak lama dari tempoh pelaksanaan, tidak sampai 2 atau 3 bulan dari awal pelaksanaannya. Terdapat penjelasan yang sangat jelas daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussaalam semasa bertitah dalam keberangkatan tidak berjadual ke Kementerian Hal Ehwal Ugama. Titah tersebut selain menjelaskan maksud pengintegrasian, apa yang mahu dikehendaki dan dicapai.

Yang kedua adalah mengenai bentuknya. Apakah ia tertutup? Tidak mahu mendengar apa-apa lagi, jalankan saja. Ia jelas daripada titah, terbuka untuk menerima apa-apa dan terbuka juga melihat kepada masa depannya, apa yang terbaik untuknya.

Kaola dapat memetik dari sini penggunaannya, "…Beta terpanggil untuk menyebut sedikit lagi mengenai pengintegrasian pelajaran ugama ke dalam sistem pendidikan umum bagi penuntut-penuntut di peringkat Pra hingga Darjah '3' (Sekolah Agama). Langkah ini adalah semata-mata bertujuan baik untuk penyesuaian supaya tidak terlalu membebankan atau memberatkan kepada penuntut kerana jika terus-menerus boleh membebankan atau memberatkan, maka perkara itu dikhuatiri boleh membawa kepada gangguan emosi atau mental…" Bukan maksudnya pelajaran ugama merosakkan mental. Dengan langkah ini tidak bererti kita menutup pintu untuk menilai dari masa ke masa akan kesesuaiannya".

Kebijaksanaan raja 'kitani' dalam perkara ini. Sekarang ini bergilir dalam pelaksanaannya mengenai impaknya dan sebagainya. Semua difikirkan Yang Berhormat Pengerusi. Jadi, itulah raja 'kitani' Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan supaya 2 buah kementerian berfikir, menimbang segala-galanya perkara ini.

"… dengan itu juga disebutkan di sini kerajaan beta akan terus menerus memerhatikan perjalanan atau pelaksanaan sistem ini. Maka untuk itu beta mengamanahkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan untuk sama-sama memantau dan membuat penilaian saksama mengenainya..."

Mengenai sekolah agama, "Sehubungan dengan itu pula, perlu beta tegaskan bahawa tidak ada sebarang tujuan untuk menghapuskan sekolah agama. Sekolah agama adalah rangkaian dari MIB dan salah satu jati diri negara yang kita banggakan. Hanya apa yang beta mahukan terhadap sekolah agama ialah dikemaskinikan sistemnya, yang ini mustahak…"

Perkara ini, apabila Kementerian Hal Ehwal Ugama membawa isu pengintegrasian ke dalam Majlis Ugama Islam Brunei untuk sama-sama mendapatkan input daripada Ahli-Ahli Majlis Ugama Islam Brunei sambil menyokong dan menyanjung tinggi usaha ini. Dalam masa yang sama juga berharap sebagaimana yang diharapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilaksanakan dengan sempurna.

Yang kedua, bagi masa depan sekolah agama dan diputuskan oleh Majlis Ugama Islam Brunei. Juga turut diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memikirkan penyusunan semula sekolah agama yang ada. Itu yang kaola dapat nyatakan.

Yang Berhormat Pengerusi. Minta maaf, kaola panjang lebar menjelaskan mengenai perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat mengenai beberapa perkara penting yang telah dipersoalkan dan dibawa oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Berkenaan perkara pertama, saya juga ingin mendengar daripada pihak yang mengelolakan urusan penerbangan, *RBA*. Apakah kedudukan *RBA* mengenai harga yang tinggi berhubung dengan penerbangan ke tanah suci ini sama ada bagi jemaah yang akan menunaikan Fardu Haji mahupun yang setakat ini mengerjakan ibadah umrah.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Dalam catatan yang diberikan oleh *adhoc committee*, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) harga tiket penerbangan haji pada tahun ini diturunkan sebanyak $145.00 Jadi, apakah ia *significant* untuk menurunkan harga? 'Kitani' lihat hal ini sebagai satu yang dinamik إِنْ شَاءَ اللهُ Yang Berhormat Pengerusi. Kemudian Syarikat *RBA* telah menawarkan harga tiket penerbangan yang lebih murah daripada sebelumnya. Harganya $3,345.00 setelah diturunkan. Kemudian syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan pakej haji telah menawarkan pakej seperti tadi itu. Tapi setakat ini penilaian kepada tawaran-tawaran yang itulah sebagaimana yang kaola nyatakan Yang Berhormat Pengerusi.

Belum ada penyediaan pihak kerajaan melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk menerima saranan-saranan menggunakan pakej-pakej yang murah dalam keadaan tidak jelas keterjaminan, kesejahteraan jemaah serta keselamatannya termasuk hal-hal pengurusannya dan sebagainya.

Kemudian dari segi pakej haji di Masyair itu pun juga dapat dirunding, dapatlah ditawarkannya. Itu pun tidak *significant* masih lagi tinggi tapi itulah yang patut 'kitani' bayar kerana tempatnya memanglah untuk menjamin keselamatan إِنْ شَاءَ اللهُ. Tapi masih lagi dalam usaha.

Kemudian ada lagi berbagai-bagai 'pemikiran' bagaimana subsidi atau *top-up* dan sebagainya, itu masih lagi dalam pemikiran-pemikiran sebagaimana jua di lapangan orang ramai pun *expect* hal-hal sedemikian itu akan terjadi. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang kita beralih pula kepada

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Kaola ada 2 soalan.

1. Mengenai asnaf Zakat. Merujuk kenyataan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama pada Muzakarah Tahun 2023 mengenai peningkatan jumlah asnaf dan kadar kutipan Zakat yang mendatar. Kaola mengambil maklum mengenai Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) pihak kementerian bagi memproses permohonan Zakat adalah melebihi 90 hari bekerja iaitu satu jangka waktu yang agak panjang, kira-kira 4 bulan. Kaola juga dimaklumkan ada permohonan yang mengambil masa sehingga lebih 6 bulan sebelum ia diluluskan. Oleh itu kaola mencadangkan:

    i. Pihak kementerian meneliti semula semua proses pengurusan zakat yang diguna pakai ketika ini dari awal permohonan sehingga pengagihan Zakat dilaksanakan. Ini adalah untuk mengurangkan TPOR yang sedia ada.;

    ii. Jenis-jenis bantuan hendaklah diteliti semula mengambil kira keperluan semasa. Oleh itu, satu garis panduan *(guidelines)* yang jelas mengenainya hendaklah disediakan.; dan

    iii. Untuk memastikan kesaksamaan pembahagian jenis bantuan, maka dicadangkan juga supaya bantuan dihadkan kepada 3 jenis sahaja daripada 5 jenis yang ada ketika ini. Mengambil kira peningkatan jumlah asnaf, adalah dicadangkan supaya setiap permohonan disiasat dengan teliti melalui pelbagai pendekatan, antaranya mengadakan lawatan dan temu duga. Ini bertujuan untuk mengesahkan status pemohon serta memastikan kategori bantuan yang dapat diberikan bagi membolehkan mereka mengupayakan diri dan menaikkan taraf hidup serta seterusnya mengeluarkan diri daripada kepompong kemiskinan.

Dalam Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara yang lalu telah dibangkitkan persoalan mengenai usaha kementerian melalui Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ). Sehubungan itu, mohon pencerahan mengenai:

i. Kejayan-kejayaan yang telah dicapai melalui program ini.; dan

ii. Berapakah jumlah asnaf yang telah berjaya keluar daripada kemiskinan menerusi program ini?

2. Mengenai Pelancongan Islam. Kaola berpendapat bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama boleh memainkan peranan yang penting dalam menyumbang kepada ekonomi Negara Brunei Darussalam dengan menerokai Sektor Pelancongan Islam. Mengikut *Global Muslim Travel Index* 2023, Asia kekal sebagai destinasi nombor 1 bagi para pelancong muslim, menyumbang hampir 60% daripada kedatangan orang Islam. Sebagai satu-satunya Negara Melayu Islam Beraja di dunia, Negara Brunei Darussalam mempunyai keistimewaan tersendiri untuk mempromosikan pelancongan Islam yang menarik bagi keluarga dan pelancong solo yang beragama Islam dan yang berminat dengan sejarah Islam. Usaha ini boleh menolong memperluaskan Sektor Pelancongan dan membantu dalam mencapai kepelbagaian ekonomi yang diinginkan. Kaola mencadangkan 3 strategi:

   i. Salah satu strategi ialah dengan meningkatkan anjuran pameran seni dan budaya Islam seperti pameran kaligrafi dan kesenian Islam. Selain itu, negara kita mempunyai tokoh-tokoh agama bertauliah yang mempunyai prestasi cemerlang. Mereka boleh menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti forum dan seminar yang dapat memberikan manfaat besar dalam mempromosikan pelancongan Islam di Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, kita juga menjalani hubungan baik dengan negara-negara jiran Islam seperti Malaysia dan Indonesia yang memiliki tokoh-tokoh agama yang terkenal. Kerjasama dengan mereka dapat membantu memperluas dan meningkatkan kualiti aktiviti-aktiviti yang mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pelancongan Islam.;

   ii. Seterusnya, kekayaan warisan Islam di Negara Brunei Darussalam termasuk bangunan-bangunan dan masjid-masjid bersejarah yang boleh menjadi tumpuan utama dalam usaha mempromosikan pelancongan Islam. Sebagai contoh, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah berpotensi untuk menjadikan tarikan pelancong-pelancong Islam dan bukan Islam di negara ini. Masjid Omar Ali Saifuddien dan Jame ’Asr Hassanil Bolkiah juga dilihat sebagai antara masjid yang cantik di Asia Pasifik yang dapat

menarik minat pelancongan dari seluruh dunia. Lebih lagi Institusi Pengajian Islam seperti universiti, sekolah-sekolah Arab dan Institut Tahfiz juga boleh memainkan peranan penting dalam membangunkan Program Pendidikan. Semua ini boleh dijadikan tarikan dalam mempromosikan pelancongan Islam kepada pelancong-pelancong yang berminat untuk mempelajari budaya, tadisi dan warisan Islam.;

iii. Dengan itu, kaola mencadangkan penubuhan satu *taskforce* yang dianggotai oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menilai dan merealisasikan peluang ini.

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi. وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Ada 2 perkara yang berhubung dengan Zakat asnaf dan pelaksanaan pengurusannya. Kemudian ada beberapa saranan yang kaola rasa relevan, walau bagaimanapun saranan-saranan itu ada tersedia dalam kertas yang diberikan kepada kaola oleh bahagian Zakat sebenarnya, tetapi kaola tidak akan membaca dan meringkaskan sahaja.

Dari segi Zakat, mengenai usaha-usaha untuk mengatasi kelambatan dan sebagainya, ialah dari segi pengurusan dan sebagainya. Hal ini termasuklah TPOR dan sebagainya termasuklah juga panduan-panduan untuk mengenal pasti apa yang boleh dikatakan asnaf, kemudian jenis-jenis bantuan yang dapat dilakukan. Walaupun pada masa ini, sebelum garis panduan itu ada, sudah ada pelaksanaanya.

Misalannya pada masa dulu, semata-mata yang ditumpukan kepada keperluan asasi dan juga pendidikan anak. Kemudian dilihat kepada ada keperluan lagi, walaupun masanya masih bekerja dulu misalnya suami masih bekerja pendapatan tidak mencukupi, maka ia 'ditampung' dengan asasinya. Kemudian pelajaran sekolah anak juga diambil kira. Tetapi sudah dikira setelah ia bersara misalnya, didapati kekurangannya semakin tinggi, maka diadakanlah tambahan $100 atau $200 tambahan di samping yang sedemikian itu. Jadi, perkara ini sentiasa dinamik difikirkan.

Mengenai TPOR, bergantung juga kalau kita katakan kakitangan tidak mencukupi tetapi sebelum tertubuh jabatan ini ada sudah kakitangan yang diambil bukan secara dalam *established* tetapi di ambil menggunakan peruntukan Zakat iaitu Bahagian Amil yang akan jadi pelawat, penemu duga, mendapatkan maklumat-maklumat daripada pemohon-pemohon, melaporkan dan apa sokongan-

sokongannya dibawa ke jawatankuasa dan sebagainya.

Ini sudah dan sedang dijalankan Yang Berhormat Pengerusi tetapi apakah ia cukup atau tidak cukup? Soalnya kaola dan kementerian ini akan menilai sejauh mana ketidakcukupannya, sejauh mana kecekapannya dan sejauh mana dedikasinya. Jadi, hal-hal begini sama-sama kita memikirkan, kalau TPOR 90 hari memang itu kementerian sendiri menilai tidak berpatutan terutama sudah ada sistem SKN dan sebagainya.

Sistem SKN itu boleh kita kembangkan kalau kita sudah mempunyai keazaman untuk penyelesaian kes-kes permohonan lama dan baharu bagaimana dalam sistem itu sendiri boleh kita mempergunakan kecepatan dan kecekapan untuk mempercepatkan permohonan dan keputusan kepada sebarang permohonan dan setelah diputuskan untuk dibayar ataupun diserahkan agihannya bukan kepadanya tetapi kepada bank dan proses ini melibatkan juga orang yang berkenaan itu, jika mereka memberikan maklumat yang sepenuhnya semasa memohon tetapi maklumat itu mesti di *verified* sama ada melalui sistem itu, maklumlah juga apabila hendak menggunakan sistem ada orang tidak mampu dan ada orang berharap kepada anak, cucunya.

Tetapi tidak efisien kerana itu ada penyelesaiannya dengan mereka disuruh ke kaunter dana akan ditunjuk ajar. Nanti apabila sudah ada keputusan untuk menyokong, mereka akan di minta untuk membuka akaun kalau permohonan baharu. Dalam akaun itu, akan dimasukkan agihan kepadanya, dan itu pun menunggu waktu lagi daripada pemohon dan ini mungkin dapat diatasi kalau misalannya kalau tidak dapat membuka akaun kerana alasan tertentu mungkin Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal dalam penilaian sekarang ini akan mempercepatkan segala-galanya, dapat membantu untuk membayar sebahagian agihan itu menggunakan agihan untuk membuka akaun.

Itu boleh saja akan dipertimbangkan Yang Berhormat Pengerusi, jadi hal-hal ini yang pentingnya bagaimana meningkatkan pendapatan zakat dan dalam masa yang sama bagaimana dengan peningkatan yang bertambah-tambah akan dapat mempelbagaikan lagi daripada hanya asasi persekolahan bahkan kepada biasiswa dan sebagainya إِنْ شَاءَ اللهُ. Mudah-mudahan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal sedang berusaha ke arah ini dan mudah-mudahan usahanya akan ditaufikkan oleh ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ke arah penyelesian dan sebagainya.

Kemudian kejayaan *PROPAZ,* angka tidak di sini, kaola 2 ke 3 tahun dulu telah hafal tetapi kaola telah lupa. Tetapi dari pengalaman yang lalu, kejayaannya itu di bawah 50%. Ini bukan juga menyatakan sikap orang, terdapatlah latihan, keluar dari latihan kalau hanya berharap untuk mendapatkan perkerjaan. Memanglah bekerja sekejap, inda lama akan berhenti lagi. Tapi jika ia mempunyai minat untuk membangun dirinya dari segi perniagaan dan sebagainya, membuka 'gerai' dan

sebagainya, membuat kuih untuk jualan secara *online* dan sebagainya. Itulah bantuan akan terus diberikan dengan memberi modal kepada mereka sehingga berjaya, itulah gambarannya.

Jadi sekarang ini, ada pemikiran lagi dengan tidak menumpukan kepada keluarga atau ibu bapanya. Tetapi menumpukan kepada anak-anaknya yang 'terbengkalai' persekolahannya untuk masuk kolej kerana keputusan peperiksaan peringkat 'O' atau peringkat bawah tidak mencukupi, untuk pelajaran yang lebih terarah kepada pekerjaan misalannya dalam *hospitality,* bisnis dan sebagainya yang ditawarkan oleh beberapa kolej swasta di negara ini, أَلْحَمْدُ لِلّٰه hal-hal demikan dapat dilakukan oleh Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal. Mudah-mudahan dengan peningkatan kutipan إِنْ شَاءَ اللّٰهُ akan meluas lagi Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai pelancongan Islam. Kaola sebenarnya ada satu jawatankuasa bersama *joint* komite antara kementerian dan *MPRT*, tidak perlu yang lain lagi Yang Berhormat Pengerusi, sudah berjalan secara kementerian ke kementerian. Sebelum ini, kementerian menyokong apa juga usaha yang dilakukan oleh MPRT mengenai Pelancongan Islam.

Katalah buat sementara apa yang sudah dibuat pada masa ini antaranya menjadikan masjid sebagai tumpuan, iaitu 2 buah masjid: Masjid Omar `Ali Saifuddien dan Jame 'Asr Hassanil Bolkiah. Kalau mengikut angka yang disebutkan di sini, dalam tahun 2023 menunjukkan bahawa seramai 3000 ke 4000 orang pelancong asing yang melawat masjid. Jadi 300 orang ke 400 orang dalam seminggu. Kalau dari segi menyokong, memang telah ada sokongan Yang Berhormat Pengerusi.

Kemudian mempelbagaikan bukan saja apa yang ada dilihatnya di masjid-masjid, meninjau bukan semasa sembahyang, tetapi meninjau kalau ada keindahan dari segi seni bangunan dan seni hiasan dan sebagainya. Juga dipelbagaikan lagi disediakan *corners*, mereka boleh mengetahui tentang Islam itu misalannya *corners* tentang pakaian, mereka mencuba pakaian Islam, kemudian *corners* tentang Nabi dan inilah cara-caranya. Cara lain lagi ialah dalam bulan Puasa iftar mahabah bersama dengan pelancong-pelancong selain orang ramai yang sedia ada. Tetapi pelancong ini kalau akan iftar bersama-sama dengan orang Islam ini, datang ke masjid dan diadakan beberapa kali sepanjang dalam 5 tahun ini nampaknya baik. Termasuk di Daerah Belait, ada sebuah masjid yang terlibat.

Jadi, semua ini disebut pelancongan Islam itu, sekarang memang ada Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang jadi tumpuan jua dan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah sebagai *partner* jua sebagai mendukung pelancongan ini tidak juga menyebut pelancongan Islam tetapi pelancong dan banyak lagi cara untuk mendatangkan orang ke Negara Brunei Darussalam.

Macam tadi pagi disebutkan ada pelancongan *student*, peringkat *student* sedang diusahakan, dirundingkan sudah dengan agensi-agensi Singapura yang biasa membawa ke luar negeri dan pernah beberapa tahun yang lalu membawa ke Negara Brunei Darussalam. Kemudian ada disebutkan di sana tokoh-tokoh ilmuan Islam dengan seminar-seminar yang ada dan sebagainya. Ya, memang mereka datang ke sini tetapi mereka tidak berbelanja dari poket mereka kerana hotelnya ditanggung oleh kita. Ertinya memang hotel 'laku' pada masa seminar itu tetapi daripada kos kerajaan juga. Maknanya kita mendorong *business*nya berjaya tapi untuk mendapatkan pendapatan pertukaran wang luar negeri perkara seperti ini tidak terjamin. Mudah-mudahan kaola sudah dapat menyampaikannya secara lalu, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang suka untuk memberikan penerangan lanjut mengenai dengan penerima bantuan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, menambah saja Yang Berhormat Pengerusi saranan berkenaan bantuan-bantuan ini.

Sebagaimana yang kaola maklumkan semasa pembentangan Bajet Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu berkenaan dengan *KPI* ketua kampung dan penghulu mukim. Salah satu *KPI* Penghulu Mukim dan Ketua Kampung ini adalah peratus penduduk mukim kampung yang dipeduli, 'dikelinga' dan ditangani yang memastikan kemaslahatan anak buah kampung khususnya bagi golongan yang berkeperluan dijaga dan ada hubung kaitnya dengan memastikan ketersediaan prasarana di mukim dan kampung yang boleh digunakan termasuklah 'gerai-gerai'. Inilah kalau 'kitani' hendak memperkasakan penerima-penerima bantuan untuk mereka dapat menaik taraf hidup masing-masing. إِنْ شَاءَ اللهُ Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan sentiasa bekerjasama melalui Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung dalam memastikan anak-anak buah kampung dipeduli dan memastikan mereka boleh berdikari atau menaik taraf hidup masing-masing.

Itu saja, yang dapat kaola tambah, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih dan sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه , kaola merasakan mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sememangnya cukup jelas tentang peranan dan tanggungjawab serta hala tuju pihak kementerian bagi

memastikan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 dapat ditadbir urus dengan jayanya, إِنْ شَاءَ اللهُ Terima kasih dan tahniah kaola ucapkan.

Kaola ingin menyentuh dan menambah serba sedikit soalan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin. Kaola masih terpanggil untuk menyuarakan berkenaan dengan masalah rakyat berhubung kait dengan Bantuan Kebajikan (SKN) di bawah tadbir urus Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Hal ini sering dibincangkan pada sesi Muzakarah bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama secara panjang lebar mengenai isu kelambatan proses permohonan masih saja berlaku.

Berdasarkan penerangan pada sesi perjumpaan <Muzakarah yang lalu, proses penilaian setiap pemohon dilakukan oleh Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWB). Dalam penerangan tersebut dinyatakan beberapa sebab berlakunya kelambatan proses sama ada permohonan baharu ataupun permohonan-permohonan membaharui.

Antara faktor kelambatan yang sempat kaola jelaskan ialah:

1. Kekurangan kakitangan bagi memproses permohonan yang terlalu banyak diterima.; dan
2. Menerima maklumat yang tidak lengkap dan tepat berkenaan keterangan dan status pemohon.

Permasalahan kelambatan proses permohonan ini sering menghantui pihak kaola dan ketua-ketua kampung lain yang berdepan dengan keluhan serta rintihan orang ramai yang meminta tolong agar menyuarakannya kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Yang paling menyedihkan, disebabkan kelambatan kelulusan permohonan menyambung bantuan ada yang sampai diarahkan keluar rumah oleh pemilik rumah disebabkan tunggakan sewa rumah sehingga berbulan-bulan kerana permohonan menyambung belum ada jawapan.

Selaku Ahli Yang Berhormat adalah tanggungjawab kaola untuk membawa isu ini sehingga mendapat jalan penyelesaian yang memberi kebaikan kepada rakyat yang benar-benar memerlukan perhatian. Sehubungan dengan itu, kaola mencadangkan agar pihak-pihak yang bertanggungjawab dapat mempertingkatkan kualiti tadbir urus dan pelaksanaan sistem SKN ini.

Sebarang masalah, terkait dengan kekurangan kakitangan atau sistem pelaksanaan proses permohonan boleh saja dikaji dan diteliti untuk sebarang pembaikan. Sebagai contoh: pemberitahuan penyambungan bantuan secara automatik 4 bulan sebelum mansuh melalui surat ataupun pesanan ringkas kepada penerima-penerima

bantuan boleh saja diguna pakai bagi mengelakkan kelambatan berlaku.

Penggunaan sistem penyimpanan data dan maklumat penerima yang lebih efisien dan *up to date.* Mohon pencerahan Yang Berhormat mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Walaupun soalan-soalan itu mirip kepada soalan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin tapi kaola boleh menambah mengenai usaha-usaha yang dibuat oleh Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal.

Usaha-usaha untuk memperbaik tadbir urus adalah sedang dan telah pun diusahakan melalui latihan-latihan tertentu sama ada dengan mendatangkan rakan strategik dari luar negara. Dalam hal ini negeri Pahang, salah sebuah negeri yang Majlis Ugama Islamnya berjaya mengendalikan urusan Zakat dengan sebaiknya dan mereka telah datang dengan memberikan bantuan-bantuan bukan sahaja cara mengutip bahkan juga pengurusan dan penyelesaian kes.

Usaha ini diteruskan lagi dengan latihan-latihan dalam negeri bersama pihak-pihak tertentu seperti UNISSA dan beberapa buah jabatan seperti Jabatan Mufti Kerajaan dan sebagainya. Usaha ke arah itu memang ada dan untuk celik *ICT,* seperti yang kaola nyatakan tadi, kelemahannya dapat diatasi misalannya di peringkat kaunter. Semua ini mengarah kepada bagaimana kita mengurus.

Pertama, sama ada kita mempunyai kakitangan yang mencukupi. Maknanya dedikasi.

Kedua adalah kecekapan. Kaola berharap dengan penumpuan kepada latihan seperti ini akan membantu Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal yang baharu dengan tenaga kerja baharu. Sebahagiannya, tenaga baharu di peringkat atasan tetapi di peringkat menengah dan ke bawah adalah tenaga-tenaga yang lama dalam Majlis Ugama Islam Brunei pada masa itu.

Mudah-mudahan bantuan ataupun adunan dua tenaga baharu dan lama ini akan dapat mengatasi masalah-masalah ini. Salah satu daripadanya tentang celik *ICT* semasa muzakarah bersama Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Berakas 'A' diadakan dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama pada 22 November yang lalu. Kerjasama institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Berakas 'A' untuk membantu anak buah mereka.

Begitu juga dengan mukim-mukim yang lain. Memang ada pemikiran seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bahawa

mereka perlu dibekalkan dengan senarai asnaf di mukim masing-masing. Perkara ini sudah pernah dibuat dan senarai itu akan sentiasa dikemas kini terutama sekali menjelang hari raya nanti kerana mereka akan mendapatkan agihan tahunan sama ada ia dikongsikan melalui platform *ICT* atau secara *hardcopy,* itu boleh diusahakan.

Ini sangat penting Yang Berhormat Pengerusi kerana bukan sahaja ketua kampung menggunakan *terms* yang apabila dikaji, bukan sahaja menghantui mereka tetapi menghantui abiskaola juga. Tapi, abiskaola terima kerana ini tugas abiskaola dan mungkin kalau kaola balik ke pejabat akan ada surat meminta Yang Berhormat Menteri ikut campur untuk menyelesaikan masalahnya yang belum lagi selesai. Kalau dikatakan 'menghantui', tidak juga, mungkin 'membubut-bubut'. Kalau surat itu tidak sampai ke pejabat, disampaikannya ke Pos Polis di rumah kaola. Ada ketikanya tidak mahu polis, tapi ditunggunya sampai kaola balik dan sebagainya.

Ada yang salah faham, ada yang beritahu datanglah ke rumah Yang Berhormat Menteri kerana ada bantuan di sana. Jadi, polis pun salah faham kenapa mereka ke rumah, menteri di pejabat jadi mereka pun ke pejabat. Baru-baru ini ada aduan, mereka bingung kerana orang itu datang ke rumah untuk meminta duit kerana Yang Berhormat Menteri memberitahu ada duit.

Jadi, bukan 'menghantui' lagi tetapi 'membubut' ke sana sini. Jadi, hal-hal macam ini jadi kalau dikira masalah, 'kitani' tidak dapat menyelesaikan masalah ini. 'Kitani' berharap akan ada pembaikan dalam perkara ini bukan sahaja peningkatan jenis-jenis bantuan.

Tapi pada masa ini, 'kitani' bertimbang rasa kerana ada peningkatan sekitar 600 keluarga untuk mendapatkan sewa rumah. Jumlah ini besar untuk dikendalikan. Sewa rumah ini masalahnya diluluskan sudah tapi pembayarannya belum masuk ke dalam bahagian akaun, bukan belum masuk tiada duit tetapi proses pembayaran di pejabat ada cara pentadbiran daripada keputusan mesyuarat untuk menyiapkan *voucher* dan dihantar ke bank.

Bukan kerana ketiadaan dana, dana sentiasa ada إِنْ شَاءَ اللهُ ,sentiasa selamat dan tidak diganggu. Jadi, mudah-mudahan ada semangat ingin membantu bukan kerana semata-mata dihantui tetapi memang tugas 'kitani'. Yang Berhormat Menteri pun diburu mengenai perkara ini. Jadi, kita terima ia sebagai tugas untuk dapat sama-sama menyelesaikan. Bantuan daripada ketua kampung dan penghulu-penghulu juga sangat diharapkan dalam perkara ini.

Banyak perkara yang boleh 'kitani' lakukan di peringkat kementerian dan di peringkat akar umbi. Ia dapat dilakukan kalau 'kitani' berkolaborasi dalam mengatasi masalah sosial di kampung-kampung. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kalau dahulu projek

Satu Kampung Satu Produk, sekarang ini Satu Kampung Satu Keluarga.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memperkenalkan Satu Kampung Satu Produk dan lepas itu kaola menggantikan beliau menyambung untuk meningkatkan mutunya kepada *packaging* dan sebagainya. Sekarang,dengan adanya kolaborasi dari bank dan sebagainya sudah menghasilkan satu produk yang benar. Kini, Satu Kampung Satu Keluarga ini mudah-mudahan akan berkembang dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui bahagian Zakat akan sentiasa menyokong rancangan-rancangan sedemikian. إِنْ شَاءَ اللهُ Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah, rancangan serta hala tuju kementerian dalam menguruskan perbelanjaan bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Kaola mengharapkan agar ia dapat dilaksanakan dengan jayanya, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Menyentuh mengenai jawatan Imam dan Bilal masjid adalah satu jawatan yang sangat penting dalam pengelolaan masjid dan surau. Namun, tugas mereka bukan sahaja berkisar dalam kawasan masjid dan surau sahaja, malahan juga bertanggungjawab dalam hal ehwal kesejahteraan masyarakat dan penduduk setempat terutama sekali dalam hal-hal yang berkaitan dengan fardu kifayah. Tugas imam dan bilal tidak dapat disamakan dengan penjawat awam yang lain.

Ada terdapat antara imam dan bilal ini ditugaskan jauh daripada tempat tinggal mereka. Keadaan ini sedikit sebanyak menjadi masalah dalam melaksanakan tugas-tugas mereka di masjid terutama sekali urusan-urusan pejabat, jika diperlukan.

Sehubungan itu, kaola mencadangkan agar perkara ini dapat diberikan perhatian sewajarnya termasuk:

1. Penempatan imam dan bilal mengikut tempat bertugas yang sesuai dan menepati kemampuan.;

2. Menempatkan pegawai-pegawai masjid dengan jumlah yang sesuai mengikut kapasiti masjid dan penduduk setempat.; dan

3. Menempatkan jawatan tetap kepada pelapis-pelapis imam dan bilal yang berpotensi secara kontrak bagi memenuhi keperluan masjid atau surau.

Seterusnya, kaola juga ingin mengetahui dan ingin pencerahan mengenai *status* kerja pembinaan masjid baharu

Kampung Lamunin dan Kampung Ukong, Daerah Tutong. Setakat ini, apakah status perkembangannya?

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi, وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat.

Mengenai imam dan bilal masjid, memang selain masalah-masalah disiplin kerja yang dihadapi, biasalah kalau kita bekerja ini masing-masing dengan caranya. Tetapi, sepatutnya dalam jangkaan kita tidak sepatutnya berlaku di masjid kerana di masjid ada waktu-waktunya.

Walaupun mereka bertugas mengikut waktu pejabat, tetapi dalam hal yang sama, waktu-waktu sembahyang itu diambil kira juga, jadi pertukaran waktu bertugas antara seorang imam dengan seorang yang lain mestilah mereka tahu sendiri setelah ada aturan-aturannya. Mereka sendiri mengambil inisiatif bagi memastikan ia lancar untuk masjid tempatnya bertugas.

Jadi, cadangan daripada Yang Berhormat, kalau penempatan imam itu tidak sesuai dengan lantikannya, ertinya tempat itu jauh dari masjid ia bertugas, memanglah diambil kira.

Pertama, lantikan jawatan Imam mengikut aturan-aturan yang diikuti berdasarkan *interview*, iklan dan sebagainya. Jadi, siapa yang dikatakan layak, maka yang lebih layak akan dipilih. Kemudian, ketika ditemu duga, ditanyakan kalau ditempatkan di tempat ini, adakah sanggup? Orang dari Daerah Brunei dan Muara ditempatkan di Daerah Belait, mereka akan menyanggupi untuk mendapatkan jawatan tersebut. Kemudian, diberitahu di Kuala Belait itu jauh sedikit seperti di Kuala Balai, mereka menjawab إِنْ شَاءَ اللهُ. Tetapi akhirnya berlainan setelah mereka mendapat jawatan.

Bagaimanapun, nampaknya penempatan itu sangat penting. Oleh itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid berunding dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk lantikan-lantikan sedemikian, imam yang tidak mempunyai tempat yang dekat akan disewakan rumah kerajaan kalau ada. Tambahan juga disewakan rumah yang dikira sesuai untuknya. Jadi hal seperti ini bergantung macam mana kita mendapat pengisiannya itu.

Yang kedua, memang diakui dan disedari keperluan imam sentiasa ada, mengikut giliran-gilirannya pun mesti sentiasa ada. Sebelum meninggalkan masjid, perlu ada datang yang mengganti bagi memastikan keberadaannya dan itu memerlukan adanya 2 atau 3 orang. Hal-hal seperti ini diatur melalui jadual kerja dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid yang juga sekian lama sudah berjalan.

Contohnya, terdapat sesetengah masjid yang diperlukan untuk penyempurnaan jenazah. Pengurusan jenazah yang

masuk ke waktu Zuhur dan pada masa yang sama 'kelurusan' belum ada lagi yang bertugas untuk menggantikan imam bagi sembahyang Subuh kerana imam yang bertugas bagi sembahyang Zuhur perlu bergegas keluar untuk menghantar anaknya dan sebagainya.

Semua ini adalah faktor-faktor yang boleh dikategorikan sebagai faktor kemanusiaan. Memang faktor kemanusiaan, tetapi faktor kewalahan sebenarnya Yang Berhormat Pengerusi. Kaola rasa menyediakan tenaga kerja yang cukup di masjid ini memang sangat penting dan oleh sebab itu terdapat ketetapan-ketetapan yang perlu dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid yang sudah berjalan pada masa ini, iaitu mengikut kadar-kadar yang telah ditentukan bagi masjid-masjid.

Misalannya, sebuah masjid memerlukan seramai 3 orang jika masjid tersebut besar. Seramai 2 orang imam dan seorang bilal. Ini pun barangkali tidak cukup, jadi difikirkan bagaimana caranya untuk mengisikan jawatan-jawatan yang sedemikian itu. Keperluan sedemikian itu sangat terhad, jadi diadakan pelapis-pelapis yang pada masa ini. أَلْحَمْدُ لِلّٰه kadar bertugas bagi imam ialah sebayak $20.00 sehari, kalau bilal sebanyak $10.00 sehari dan dibayar menggunakan peruntukan-peruntukan kerajaan dan melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid atau dibayar oleh Tabung Masjid Jabatan Hal Ehwal Masjid bagi masjid-masjid yang berkeupayaan.

Jadi, hal semacam ini dapat kita atasi. Misalannya kalau di Daerah Tutong, terdapat keperluan-keperluan yang sekian jumlahnya tetapi yang dapat diisikan dalam jawatan tetap hanya sekian sahaja maka diambil pelapis-pelapis. Pelapis-pelapis dicadangkan untuk ditetapkan dalam tugasnya atau ditetapkan dalam jawatan, tetapi jawatannya memang dalam jawatan pelapis sahaja walaupun tidak terdapat dalam *establishment.* Jadi barangkali terdapat ikhtiar untuk mengadakan satu skim, seperti mengadakan Program Pelapis Secara Kontrak.

Mungkin dapat difikirkan untuk melaksanakannya tanpa menggunakan *establishment* kerajaan atau peruntukan kerajaan tetapi menggunakan peruntukan masjid bagi masjid yang berkemampuan untuk mengadakan sedemikian. Boleh dipertimbangkan tetapi hal-hal yang begitu tidak menolak kemungkinan untuk kita memperbaiki usaha yang sudah 'kitani' lakukan pada masa ini. Usaha yang kurang baik dan kurang berkesan dapat diperbaiki dalam semua bidang sama ada bidang masjid atau dalam bidang Zakat.

Kemudian, isu kedua mengenai jumlah yang sesuai. Memang terdapat jumlah yang diperuntukkan. Terdapat seramai 3, 2 orang dan malah terdapat lebih daripada 3 orang bagi masjid-masjid utama.

Mengenai status pembangunan masjid-masjid di Kampung Lamunin dan Kampung Ukong, Daerah Tutong. Kedua-

duanya sudah ada dalam perancangan dan إِنْ شَاءَ اللهُ akan dilaksanakan, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ingin membuat kenyataan pada ketika ini, silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memohon maaf mungkin tertinggal sedikit dalam perbincangan awal tadi.

Pertama sekali kaola ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan atas saranan-saranan yang beliau timbulkan mengenai Sistem Kebajikan Negara. Kaola tidak ingin menyentuh dengan panjang lebar, cuma kaola ingin mengongsikan sedikit Sistem Kebajikan Negara (SKN) ini.

Sistem ini sebenarnya sentiasa dibuat pembaikan-pembaikan, jadi semua pembaharuan dan penaiktarafan pada SKN ini akan dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan keberkesanannya dari semasa ke semasa.

Jadi sebagai agensi yang mengendalikan sistem ini, sentiasa mengambil pendekatan terbuka terhadap semua saranan bagi tujuan pembaikan. Sebagai contoh, sistem ini merupakan pengintegrasian bantuan-bantuan kebajikan ke dalam sistem ini secara berfasa, ertinya secara berperingkat-peringkat.

Kaola tidak ingin menyentuh banyak mengenai sistem ini, nanti giliran kaola akan kaola sentuh dengan lebih panjang lebar. Cuma kaola ingin mengongsikan sedikit ciri-ciri Sistem Kebajikan Negara (SKN) ini yang mungkin belum banyak diketahui umum.

Ia mempunyai satu ciri, iaitu *power business intelligence*. Maksud *power business intelligence* ini, ia akan membantu agensi-agensi yang terlibat dalam menghulurkan bantuan kepada penerima-penerima bantuan ini dalam mengenal pasti sudut mana penerima-penerima bantuan ini dapat dibantu, bagi tujuan keluar daripada kepompong kemiskinan ataupun golongan sasaran ini.

Contohnya, kemahiran yang kurang, pembangunan kapasiti yang dapat dihulurkan umpamanya Program Latihan dan Kemahiran, Program Pekerjaan, Program Keusahawanan dan inisiatif-inisiatif lain melalui kerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

إِنْ شَاءَ اللهُ kaola akan menyentuh perkara ini nanti apabila giliran kaola, sewaktu giliran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Ini sebagai bayangan sahaja dan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama tadi sewaktu menjawab kepada perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: إِنْ شَاءَ اللهُ 'kitani' dengan sabar menunggu. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه dari mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, kaola merasakan ingin memberikan kesan yang positif ke arah hala tuju kementerian bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan sekali gus memberi impak kepada kemajuan negara.

إِنْ شَاءَ اللهُ kaola sukacita menyokong apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam mengenai Kurnia Tambang Haji. Sepertimana yang kita sedia maklum, perbelanjaan bagi menunaikan Haji semakin meningkat setiap tahun dan sememangnya mengundang isu-isu bantuan Haji yang semakin hangat diperkatakan sedangkan ia merupakan hak individu yang perlu diberikan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Sehubungan itu, kaola memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berkenaan perkara ini, termasuklah dasar-dasar kerajaan yang berkait dengan Skim Bantuan Tambang Haji kepada kakitangan awam dan golongan mualaf yang tidak dapat dipertimbangkan untuk mendapat bantuan berkenaan. Antaranya:

1. Kakitangan awam yang sudah menunaikan Haji atas perbelanjaan sendiri.;

2. Kakitangan awam yang sudah bersara tetapi belum berkesempatan memohon bantuan tambang semasa masih berkhidmat.;

3. Perkhidmatan awam yang meninggal dunia tetapi belum sempat menunaikan Haji.;

4. Mualaf yang telah mencapai 10 tahun memeluk agama Islam.; dan

5. Mualaf yang telah menunaikan Haji atas perbelanjaan sendiri.

Selain itu, kaola mencadangkan agar adanya pilihan-pilihan lain yang difikirkan sesuai dan dapat dipertimbangkan agar hak-hak ini dapat dinikmati dengan sebaiknya seperti digantikan dengan Umrah, menunaikan Badal Haji untuk ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan sebagainya.

Seterusnya, kaola menyentuh berkenaan status Tanah-Tanah Wakaf yang telah diwakafkan oleh individu muslim bagi tujuan membina masjid dan balai ibadat. Ada terdapat tanah Wakaf berkenaan telah dibina sebuah bangunan balai ibadat yang kini telah dikosongkan disebabkan pembinaan bangunan masjid baharu.

Keadaan ini menimbulkan perspektif yang pelbagai jalan tidak terkecuali juga menjadi sasaran pencerobohan dan kecurian. Kaola tidaklah mengatakan tempat kejadian ini berlaku. Mungkin pihak-pihak berkenaan sudah tahu tempatnya dan kaola lebih suka menyuarakan secara umum agar isu tanah wakaf ini dapat diteliti dan diambil perhatian dengan sewajarnya.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin pencerahan berkenaan beberapa perkara:

1. Kenapakah bangunan ini dibiarkan begitu sahaja dan apakah ia boleh dimanfaatkan untuk aktiviti yang bersesuaian?; dan

2. Apakah perancangan pihak kementerian dalam mentadbir urus Tanah-Tanah Wakaf yang terbiar?

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat, atas soalan-soalannya yang berhubung dengan Tambang Haji kemudian melibatkan Tambang Haji Mualaf dan juga berhubung dengan Tanah Wakaf.

Ada kes yang disebutkannya sudah didirikan bangunan, selepas itu ditinggalkan 'macam atu' sahaja tetapi tidak disebutkan di mana? Kalau bagi kaola, teka-teki 'lah tu' Yang Berhormat Pengerusi. Tetapi mungkin dinyatakannya pihak yang berkenaan sudah mengetahui. Itu barangkali pihak yang berkenaan Jabatan Hal Ehwal Masjid ataupun pihak berkenaan hal-ehwal ugama di daerah-daerah sudah mengetahui. Mungkinlah ia jadi hal itu sampai nanti laporannya kepada abis kaola.

Tetapi bagaimana kedudukan masjid yang sedemikian itu, dan ada yang lagi sudah dibangunkan, soalnya ia kalau benar-benar sudah dikatakan sebagai 'inda' lagi dapat digunakan, maka ia akan termasuk tinggal lagi kitani katakan pelupusan aset namanya itu. Tetapi kalau ia masih digunakan, dilihat, kalaulah ada masjid, ada surau. Kalau kedua-duanya ada berhampiran, kalau kampung kecil atau kampung besar, mungkin menimbulkan jemaah yang berpecah-pecah, satu mengikut masjid, satu mengikut surau. Jadi bergantunglah pada keadaan-keadaannya.

Adapun mengenai perancangan tanah-tanah Wakaf itu, 'kitani' akan melihat bagaimana ia bergantung pada tanah Wakaf ini, kalau misalannya apa rancangan yang akan dibuat. Ia banyak Tanah-Tanah Wakaf, ia bergantung kepada apa maksud pewakaf. Kalau ia digunakan untuk masjid atau surau, niatnya itu mesti dipenuhi. Kalau sudah dipenuhi, أَلْحَمْدُ لِلّٰه . Kalau belum terpenuhi, 'kitani' usahakan mencari untuk memenuhinya.

Tetapi bergantung pula pada lokasinya, dan keluasannya. Kalau lokasinya itu di tempat yang sudah ada masjid, maka 'inda' ada keperluannya. Ataupun belum ada masjid tetapi keluasannya 'inda' menepati kehendak bagi pembangunan masjid, misalannya ia setengah ekar, 'inda' dapat dibangunkan masjid, di mana nanti 'menaruh' *parking* dan sebagainya. Semua itu akan disesuaikan jua lagi.

Ada satu kes di Pangkalan Gadong di bandar ini, kes ada tanah setengah ekar. Diniatkan oleh orang yang empunya Tanah Wakaf itu untuk dibangunkan masjid atau surau. Memang di Pengkalan Gadong, yang memerlukan masjid sekelilingnya.

Kedua, kawasan komersial, yang 'inda' mungkin dapat digunakan untuk dibangunkan masjid tanah seluas sedemikan itu. Itu terpulanglah nanti Majlis Ugama Islam Brunei memikirkan apakah tanah-tanah yang seumpama ini yang diwakafkan khas untuk ibadat masjid dan surau tetapi tidak dapat di*develop*, ia ada hukum-hukum tertentu akan diikuti.

Ini akan lebih kemas lagi apabila setelah siap nanti akta berhubung dengan Wakaf yang kaola sebutkan pada pagi tadi, sedang dalam penyiapannya yang dalam peringkat untuk bacaan terakhir oleh pihak-pihak yang berkenaan di Pejabat Undang-Undang dan sebagainya. Kalau itu semuanya akan lebih jelaslah kedudukannya itu. Sama ada tanah-tanah Wakaf ini mengikut kalau dibangunkan untuk ibadat, dan juga secara am sahaja untuk laluan jalan dan ada lagi 'nya' orang ia mewakafkan apa sahaja, terserah dari Majlis Ugama Islam Brunei.

Hal-hal seperti ini tentulah dirancang oleh Majlis Ugama Islam Brunei bagaimana penggunaannya. Soalnya bagi menjamin kekhuatiran apakah bangunan yang dimaksudkannya tadi, yang bagi kaola teka-teki itu, akan dapat ditentukan, akan dapat digunakan atau dibiarkan sahaja.

Mudah-mudahan pihak yang berkenaan yang dikatakan mengetahuinya itu akan dapat melaporkan kepada Pejabat Yang Berhormat Menteri atau Yang Mulia Timbalan Menteri. Kalau pun tidak, bagaimana cara 'kitani' yang sebaik-baiknya. Yang Berhormat berbisik kepada kaola, Yang Berhormat Pengerusi, lagi baik. Satu cara penyelesaiannya yang baik. Itu mengenai Tanah Wakaf.

Mengenai Kurnia Tambang Haji ini, اللهم صل اومتيبا كريم. Kurnia Tambang Haji, ada soalan-soalan tadi itu, kaola menyebut berangkai. Kakitangan awam yang sudah menunaikan Haji atas perbelanjaan sendiri, apa kedudukannya, apa dasar kerajaan dalam perkara ini?

Adalah sudah jelas kaola bacakan Yang Berhormat Pengerusi:

1. Pegawai dan kakitangan awam yang memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan

dalam Surat Kelilling Jabatan Perdana Menteri mengenai pengurniaan tambang bagi menunaikan fardu Haji adalah masih berhak diberikan Kurnia Tambang Haji berjumlah $4,500.00 setiap seorang walaupun sudah pernah menunaikan fardu Haji sebelumnya dengan perbelanjaan sendiri. Itu sudah jelas.;

2. Kakitangan awam yang sudah bersara tetapi belum berkesempatan memohon Kurnia Tambang Haji semasa masih berkhidmat. Kurnia Tambang Haji penjelasannya, menunaikan fardu Haji adalah diberikan kepada pegawai dan kakitangan awam yang telah berkhidmat dengan kerajaan selama 12 tahun dan memenuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri mengenai pengurniaan tambang menunaikan fardu Haji sama ada masih berkhidmat dengan kerajaan atau yang sudah bersara.;
3. Kakitangan awam yang meninggal dunia tetapi belum sempat menunaikan fardu Haji, yang ini *interesting* sedikit. Berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, pegawai dan kakitangan kerajaan yang meninggal dunia dan telah berkhidmat dengan kerajaan selama 12 tahun, sama ada ia telah atau belum bersara dan sama ada ia telah atau belum memohon kurnia tambang ini semasa masih dalam perkhidmatan dengan Kerajaan, maka isterinya kalau suami yang meninggal atau suaminya kalau isteri pegawai kerajaan meninggal boleh memohon kurnia tambang ini bagi dirinya sahaja dengan menyertakan salinan Sijil Mati, Sijil Nikah dan sebagainya. Tetapi yang menarik ialah ada keterangan yang kaola diminta membaca iaitu merujuk Surat Jabatan Mufti Kerajaan bilangan 52/1.2/1E (6) bertarikh 22 Muharam 1436 bersamaan 15 November 2014 menjelaskan perkara-perkara berikut:

   i. Pengurniaan tambang bagi menunaikan farhu Haji itu bukanlah satu yang mutlak, ia perlu dipohon dan perlu juga mendapatkan kebenaran. Jadi, permohonan dan kebenaran mengikut peraturan-peraturan Surat Keliling tadi.

      Maka, tidaklah timbul Kurnia ambang itu boleh dituntut oleh ahli waris si mati kerana ia bukan hak pegawai si mati sehingga boleh dituntut oleh waris sebagaimana sistem pusaka. Jadi, maknanya dari segi hukum Kurnia Tambang itu bukannya hak, ia adalah kurnia yang bersyarat, kalau memenuhi syarat ia diberikan, tetapi kalau dalam pemberian itu ia bukan bersifat namanya harta yang boleh diwariskan.

      Adapun Kurnia Tambang seperti yang dijelaskan di atas adalah ia bukan menjadi hak si mati dan

tidak akan menjadi harta pusaka yang boleh dikaitkan dengan keperluan haji bagi si mati, dengan kata lain jika harta pusaka si mati memang tidak mencukupi, maka tidaklah wajib dikerjakan fardu Haji itu bagi pihak si mati.

Jadi, maknanya kalau ia hak atau pun masih juga dikurniakan tetapi tambang itu tiba-tiba tidak mencukupi maka tidaklah wajib dikerjakan Haji itu. Jadi, maknanya seolah-olah tambang itu tidak dapat ia melaksanakan Hajinya.

Jadi, orang yang akan menuntut selepas mati kalau suami atau isteri dan sebagainya tidak ada wang untuk menambah, tidaklah dapat ia melaksanakan Haji itu. Itu keterangan yang diberikan berhubung dengan isu Tambang Haji Itu.

Mengenai Tambang Mualaf yang mencapai 10 tahun memeluk Islam, memang ia ada hak, masih diperbolehkan untuk menghadapkan permohonan Tambang Haji kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kecuali bagi yang telah pernah menunaikan fardu Haji, ia sudah pernah naik Haji, tidak lagi dapat sama ada dengan perbelanjaan sendiri atau sebagainya.;

ii. Setiap permohonan yang diterima adalah tertakluk kepada garis panduan bagi menimbangkan permohonan Kurnia Tambang Haji iaitu ada jawatankuasa yang menimbangkannya, menemu duga kelayakannya dan sebagainya. Namanya Jawatankuasa Bertindak Bagi Menimbangkan Permohonan Menjunjung Kurnia Tambang Haji daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.;

iii. Kemudian Mualaf yang telah menunaikan fardu Haji atas perbelanjaan sendiri. Mana-mana Mualaf yang telah menunaikan fardu Haji atas perbelanjaan sendiri atau dari mana-mana sumber adalah tidak lagi berhak untuk memohon Skim Bantuan Tambang Haji. Begitu juga mana-mana asnaf Mualaf yang telah dikurniakan tambang Haji daripada asnaf Mualaf juga, mereka tidak lagi berhak untuk mendapatkan Kurnia Tambang Haji 12 tahun berkhidmat, dan inilah yang dikatakan dasar kerajaan atau dasar Majlis Ugama Islam Brunei berhubung dengan tambang Mualaf, jelas sedemikian.;

iv. Mengenai Tanah Wakaf kaola ingin menambah sedikit, ia bolehlah dikatakan kalau tersenarai sebagai masjid. Masjid Wakaf pada masa ini ada 10 buah seluruh daerah. Jadi, pewakaf-pewakaf itu ada yang mencatatkan namanya tetapi majoritinya hamba أَللهِ sahaja dan alamatnya pun diberikan kalau dicari di Jabatan Perkhidmatan Pos tidak ada, mana-mana yang ada, yang jelas dan ada yang tidak jelas.

Kemudian Tanah Wakaf, tanah khas ada sebanyak 39 lot seluas 59.947 hampir 60 ekar bagi tapak masjid, sekolah agama dan jalan-jalan laluan. Jadi, ada yang sudah digunakan dengan sebaik-baiknya dan ada yang masih 'terbengkalai' kerana tidak mencukupi untuk mendirikan masjid atau sekolah agama kerana keluasannya dalam 39 lot ini diambil hitung panjang ada satu ekar setengah dan satu ekar lebih tidak mencukupi, tetapi kalau kelurusan laluan jalan sudah pun dilaksanakan.

Kemudian Wakaf Am Tanah. Wakaf ini terpulang kepada Majlis Ugama Islam Brunei untuk melakukan. Ada sebanyak 5 lot iaitu kurang daripada 5 ekar (4.4246 ekar). Jadi, terpulang kepada Majlis Ugama Islam Brunei memikirkannya, tetapi yang ada sudah diedarkan dan semua untuk diproses apa kegunaannya.

Sekian Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya juga difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pembangunan suka untuk membuat keterangan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحْيم Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menambah sahaja sedikit mengenai jawapan yang telah disampaikan tadi oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai 2 perkara iaitu:

1. Mengenai persoalan yang awal daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai Rumah Wakaf di bawah Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal di bawah Majlis Ugama Islam Brunei. Kaola terpanggil untuk menambah untuk mencerminkan juga tindakan ada dibuat oleh Majlis Ugama Islam Brunei yang telah menghadapkan permohonan bagi pengurusan pembinaan Rumah-Rumah Wakaf di bawah Majlis Ugama Islam Brunei. Datanya ialah sejauh ini ada 106 permohonan yang telah dihadapkan kepada Jabatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya untuk membuat segala persediaan dan pengurusan untuk pembinaan rumah ini. Dari jumlah 106 buah permohonan itu, sebanyak 71 buah sedang dibuat reka bentuk dan penyediaan lukisan oleh Jabatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya, 26 permohonan sudah dipohonkan bagi kebenaran daripada

Autoriti Perancang Bandar dan Desa dan juga *ABCi,* sebanyak 2 permohonan dalam proses mendapatkan kebenaran tawaran dari Lembaga Tawaran, sebanyak 3 buah rumah sedang dalam proses pembinaan waktu ini dan sebanyak 3 permohonan masih lagi dalam siasatan teknikal. Jadi semuanya terdapat 106 buah permohonan yang telah dihadapkan kepada Jabatan Kerja Raya yang sedang dibuat persediaan dan pengurusannya.; dan

2. Persoalan mengenai Masjid Ukong dan Masjid Lamunin, Daerah Tutong. Kedua-dua masjid ini adalah masjid Wakaf yang telah jua dihadapkan kepada Jabatan Kerja Raya dan masa ini tawaran masjid ini telah dibuka untuk menerima tender.

Itu sahaja, yang kaola sampaikan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Kaola ingin menambah mengenai tanah untuk dibangunkan rumah asnaf dalam perkara Zakat. Memang pada tahun 2009 ada ketetapan untuk mengagihkan wang kumpulan zakat yang terkumpul selama lebih 30 tahun berjumlah ratusan juta.
Jadi, itu yang 'kitani' lakukan pada masa itu, sebanyak $35 juta diperuntukkan untuk membangun rumah orang-orang yang memerlukan bukan sahaja Asnaf Fakir Miskin tetapi juga Mualaf.

Inilah yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Proses penyediaannya di bawah Jawatankuasa *Quick Win* namanya di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan dianggotai oleh Kementerian Pembangunan, bagi pelaksanaannya memang Kementerian Pembangunan, kewangannya datang dari Majlis Ugama Islam Brunei.

Pada masa ini masih berbaki sekitar $24 juta ke $25 juta. Jadi perancangan ke hadapan untuk pembangunan 106 buah lagi adalah dengan perbelanjaan ini dan إِنْ شَاءَ اللهُ ada jua perancangan dari wang tersebut untuk digunakan perumahan kerana kalau berdasarkan tanah yang akan diharapkan tanah kerajaan atau tanah orang itu sendiri dibangunkan rumah memakan perbelanjaan tinggi, kebetulan terletak di kawasan-kawasan yang belum dibangun atau kawasan yang sudah membangun tetapi berbukit maknanya perbelanjaan untuk meratakan tanah sahaja sudah memakan perbelanjaan yang tinggi.

Tambahan lagi dahulu peruntukan $35 juta itu adalah perkiraan $50 ribu sebuah rumah tapi sekarang harganya $75 ribu ke atas ke $90 ribu. Jika ditambah lagi dengan kerja-kerja tanah maka ada pemikiran untuk Majlis Ugama Islam Brunei diberikan satu lot di kawasan yang sudah dibangun.

Misalannya di kawasan perpindahan, ada lot-lot yang dapat diperuntukkan untuk beberapa buah rumah, dengan kemampuan Majlis Ugama Islam Brunei menggunakan peruntukan yang tersedia

itu tidak kurang dalam 50 buah rumah boleh dibangunkan di kawasan-kawasan tersebut. Pembangunan itu akan dikaitkan dengan pembangunan daya tahan mereka dalam erti kata kehidupan mereka dalam berkeluarga, kehidupan seharian mereka, perbelanjaan untuk menyokong mereka, mereka akan diberikan tempat untuk berniaga dan sebagainya. Jadi, mudah-mudahan dengan rancangan sedemikian juga akan dapat dilaksanakan. إِنْ شَاءَ اللهُ

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah rancangan dan perancangan serta hala tuju kementerian dalam mengurus perbelanjaan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025. أَلْحَمْدُ لِلّه

Kaola mengharapkan agar ia dapat dilaksanakan dengan jayanya إِنْ شَاءَ اللهُ

Kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan kitab Al-Quran. Sebagai sebuah negara Islam sememangnya hampir kesemua rakyat di Negara Brunei Darussalam ini menyimpan sekurang-kurangnya satu buah kitab Al-Quran di rumah kediaman masing-masing.

Al-Quran adalah merupakan kitab suci yang perlu dijaga dan dihormati serta diletakkan di tempat yang sesuai mengikut kehendak syariat Islam. Sama ada ia masih baharu mahupun telah mengalami kerosakkan disebabkan beberapa faktor antaranya:

1. Disebabkan selalu digunakan dan dibaca setiap hari.;
2. Sudah usang.;
3. Rosak disebabkan faktor cuaca atau terkena air; dan
4. Rosak disebabkan rumah terbakar atau seumpamanya.

Adalah menjadi kebimbangan ada antara kitab Al-Quran yang rosak ini terbuang atau secara senghaja dibuang di dalam tong sampah. Jika dahulu ada kita terdengar sebuah syarikat swasta yang menawarkan perkhidmatan berkenaan dengan mengurus kitab Al-Quran yang rosak.

Namun ketika ini tidak diketahui apakah perkhidmatan ini masih beroperasi atau tidak. Sehubungan dengan itu, kaola sukacita mencadangkan agar pihak kementerian melalui jabatan berkenaan dapat 'memberigakan' lagi secara meluas berkenaan dengan perkara ini dengan menyediakan beberapa inisiatif seperti:

i. Mengadakan taklimat dan informasi berkenaan dengan pengurusan Al-Quran yang sudah rosak.;

ii. Menggalakkan seberapa ramai pihak swasta untuk berminat menawarkan perkhidmatan ini; dan

iii. Menubuhkan satu kumpulan *taskforce* bagi membuat pemantauan berkenaan dengan kualiti dan kuantiti kitab Al-Quran di sekolah-sekolah, balai ibadat, surau dan sebagainya.

Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Sekali lagi terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mengingatkan perkara ini.
Ia sudah pernah berbangkit di Dewan ini tidak sampai 10 tahun lalu oleh seorang Ahli Yang Berhormat yang mengetahui adanya kes pembuangan mushaf lama ataupun jua buku-buku agama yang di dalamnya ayat-ayat Al-Quran.

Maka sebagai respons kepada apa yang timbul di Dewan yang mulia ini, kementerian telah mengambil langkah-langkah antaranya mengadakan tempat, 'kitani' tidak menyebutnya sebagai tempat pembuangan ataupun pembakaran, tapi 'kitani' menyebut "pelupusan". Mushaf ataupun buku-buku agama ini dilupuskan secara membakarnya dalam satu tempat, bukan dalam 'daram' besar tapi dibuat secara simin dan dibakar di dalamnya.

Akan tetapi masih ada bekas-bekas yang belum terbakar habis. Jadi, diadakan pembakaran menggunakan *incineration machine* yang membakar sehingga menjadi abu. أَلْحَمْدُ لِلّٰه Tapi setelah digunakan beberapa lama *maintenance*nya tidak terjaga maka terbengkalai dalam setahun dua ini.

Ini yang ada disebutkan tadi ada usaha dari syarikat swasta menawarkan perkhidmatan ini dan syarikat ini telah pun digunakan dan إِنْ شَاءَ اللهُ akan digunakan untuk kegunaan seterusnya dan penting sebagaimana disarankan oleh Yang Berhormat tadi ada macam ada *team*. *Team* itu tidak semestinya secara formal dengan*meeting*.

Tapi, ia boleh memantau di sekolah, masjid, surau atau di mana-mana pun sudah terjadi atau mendapati ada pembuangan. Perkara ini akan segera disampaikan kepada *focal point* di kementerian. Ini satu perkara yang baik. Sebagai contoh, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir menimbulkan mengenai ada didapati mushaf-mushaf yang salah tanda,tetapi beliau menyebutnya mushaf-mushaf yang salah. Daripada maklumat tersebut, kementerian mengambil langkah menyiasat dengan maklumat daripada Yang Berhormat.

Jadi dengan langkah yang sedemikian itu, sekarang ini telah berjalan dan mendapati ada 12 tempat kekurangan tanda ataupun tanda ke depan menjadi tanda lurus, 'dhammah' ke depan menjadi 'fathah', ataupun 'fathah' jadi 'sukun' dan sebagainya. Jadi, ini semuanya dibetulkan. Ini cuma dalam 12 tempat jadi tidak menjejaskan kehilangan ayat.

Ada maklumat daripada yang lain juga, ada yang mendapati ada *team* yang bergerak di Jabatan Hal Ehwal Masjid bersama dengan Pusat Da'wah Islamiah (PDI). Jadi, maklumat-maklumat sedemikian ini adalah tanda kesedaran 'kitani' orang Islam mengenai penghormatan kepada mushaf. Mudah-mudahan kesedaran ini akan tumbuh selama-lamanya generasi demi generasi dan mendatangkan keberkatan kepada Negara Brunei Darussalam إِنْ شَاءَ اللهُ. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi.
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah hala tuju dan perancangan kementerian dan jabatan-jabatannya dalam mengurus dan merancang Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025.

Mudah-mudahan setiap apa yang dilaksanakan nanti memberikan wadah kepada kebaikan dan keberkatan daripada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ . Menyentuh berkenaan sektor pelancongan Islam di Negara Brunei Darussalam, konsep pelancongan Islam menitikberatkan kepada makanan halal, penginapan mesra Islam dan aktiviti yang tidak melanggar syarak. Sehubungan itu, peranan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui jabatan-jabatannya adalah penting bagi memastikan aktiviti dan destinasi pelancongan Islam sentiasa menepati kehendak Maqasid Syariah.

Ini termasuklah memberi pengiktirafan tempat atau bangunan mencapai standard syariah seperti hotel syariah, dewan syariah dan kompleks membeli belah syariah dan sebagainya. Sehubungan itu, apakah ada usaha-usaha pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mewujudkan piawaian atau standard syariah Negara Brunei Darussalam? Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Jame 'Asr Hassanil Bolkiah merupakan antara tempat lawatan yang sering menjadi destinasi lawatan kepada pelawat dan pelancong luar negara kerana masjid-masjid ini merupakan ikonik ketamadunan Islam Negara Brunei Darussalam. Dalam pada itu, adalah penting bagi memastikan aktiviti lawatan ke masjid-masjid berkenaan diadakan dengan mengambil kira objektif dan kesan kepada perintah dan hukuman syarak.

Dengan ini, kaola sukacita mencadangkan agar masjid-masjid berkenaan disediakan dengan Jurupandu Masjid dalam kalangan pegawai masjid atau belia masjid yang cukup terlatih dan berkemahiran. Ini termasuklah kemahiran penguasaan pelbagai bahasa seperti bahasa Arab, Inggeris dan seumpamanya. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: أَلْحَمْدُ لِلّٰه sekali lagi kaola mengucapkan terima kasih dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang sebentar tadi menyentuh mengenai pelancongan Islam. Sungguh menarik.

Sudah dikatakan tadi bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama menyokong usaha-usaha *MPRT* dalam pengembangan dari segi pelancongan Islam seperti apa yang kaola sebutkan tadi. Di sini Yang Berhormat ingin tahu apakah standard syariah Negara Brunei Darussalam?

Jadi, kaola akan membuat jawapan kaola dengan mengarang sendiri ataupun dalam bahasa klasik 'kitani' 'merangai-rangai'. Tetapi pada dasarnya, 'kitani' mengetahui standard syariah bagi Negara Brunei Darussalam itu jelas tapi apakah ia sudah terkandung ataupun termaktub sebagai suatu formula atau *SOP* yang sudah ada?

Itu satu perkara. Kalau ia memang diperlukan, maka akan difikirkan bagaimana caranya. Tetapi, 'kitani' mesti berfikir tidak boleh mengolahkan yang ia mesti diadakan sehinggakan ia menyusahkan kalau orang akan membuat di rumah, restoran dan sebagainya. Restoran sudah ada *SOP* mengenai kehalalannya.

Semua perkara ini sudah ditentukan oleh pihak *MPRT*. Kaola masih ingat lagi semasa kaola di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dahulu, untuk mendapatkan pengiktirafan kepada beberapa rumah yang dijadikan inap desa. Jadi, pemeriksaan yang dilakukan oleh pihak *MPRT* pada masa itu tidak mencapai standard inap desa yang boleh dikatakan dalam standard *ASEAN*, jadi ia perlu lagi dipertingkatkan.

Pada masa dulu, tumbuh di mana-mana hatta Sungai Pandaruan, Daerah Tutong. Jadi, standard tersebut tidak dapat ditetapkan. Dari segi keselamatan, walaupun ia syariah tetapi boleh dilaksanakan oleh pihak yang berkenaan seperti *MPRT*, jabatan daerah dan sebagainya.

Jadi, kaola rasa mengenai apakah standard syariah Negara Brunei Darussalam itu? Kita ambil sahaja secara umumnya kita mengikut aturan-aturan yang berjalan pada masa ini.

Dari segi restoran, kalau restoran Islam ada *SOP* tertentu. Hotel-hotel sudah pun diketahui bahawa ia menyediakan tikar sembahyang untuk orang Islam

sembahyang. Kalau orang bukan Islam pun, ada keperluan lain yang boleh ia tertarik mengenai Islam itu.

Jadi, lawatan masjid supaya dipastikan mematuhi syariah, kalau memakai pakaian yang tidak serasi dengan keadaan memasuki masjid, sama ada lelaki atau perempuan, ada disediakan untuk menutup pakaiannya yang sedia ada dan mereka boleh berkeliling masuk ke dalam kawasan masjid dan kawasan-kawasan yang dibenarkan.

Kalau diadakan jurupandu adalah satu cadangan yang baik jika dapat dilaksanakan dan juga boleh memberikan peluang pekerjaan. Jurupandu jika di masjid, memberikan pekerjaan dan jika tidak cukup jurupandu pelancong atau jurupandu syarikat-syarikat pelancongan yang memerlukan yang *Islamic background* dapat memberikan peluang pekerjaan kepada lepasan-lepasan graduan agama seperti Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) adalah lebih baik. Tapi biarlah ia diserapkan ke dalam usaha-usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan usaha-usaha yang dilakukan oleh syarikat-syarikat.

Keperluan bahasa itu memang *standard*, keperluan berbahasa asing daripada bahasa Melayu memang sudah *standard*. Itu dilakukan oleh pihaknya dan tidak perlu diminta bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mengaturnya. Pihak tertentu memerlukan lantikan bagi orang yang fasih berbahasa Arab. Ini terlampau *high-handed* benar 'kitani' dalam menguruskan orang ramai. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menambah penerangan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhomat Pengerusi. Abiskaola akan menambahkan sahaja berkenaan dengan pemandu-pemandu pelancong ini. Jabatan Kemajuan Pelancongan ada 'mengungkayahkan' latihan-latihan bagi Jurupandu Pelancongan bukan sahaja dari syarikat-syarikat pelancongan, jika sekiranya terdapat agensi pertubuhan atau pusat-pusat seperti masjid mengadakan jurupandu sendiri, pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan boleh menolong membantu dalam perkara ini. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama tadi, dengan adanya jurupandu nanti dapat men*supplement* jurupandu yang sedia ada. Barangkali boleh dapat *specialise* dalam bahagian agama. أَلْحَمْدُ لِلّٰه pada masa ini, seperti di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengadakan *short training* dengan jurupandu dari syarikat pelancongan yang diadakan bersama untuk memastikan maksud dan penyampaian apa yang terkandung dalam Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dapat disampaikan kepada pelancong-pelancong dengan baik dan

lebih menarik. إِنْ شَاءَ اللهُ pihak Jabatan Kemajuan Pelancongan akan membantu dengan inisiatif ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan juga kepada Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri lain yang telah memberikan keterangan mengenai soalan yang telah ditimbulkan. Saya berpendapat cukuplah sekian kita berunding mengenai perkara ini. Ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini, kita tangguhkan dulu dan kita akan bersidang semula dalam peringkat Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin mencadangkan persidangan kita ini ditangguhkan dulu dan kita akan menyambungnya semula pada esok hari, hari Khamis 7 Mac 2024 mulai pada pukul 2.00 petang.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Khamis, 26 Syaaban 1445 / 7 Mac 2024

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L.,. Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 2.00 petang)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari kelapan, hari ini Khamis, 26 Syaaban 1445 bersamaan 7 Mac 2024, didahului dengan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه أَلْحَمْدُ لِلّه kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat lagi bersama-sama hadir pada petang ini dan bersidang bagi hari yang kelapan dalam Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengalu-alukan Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet balik ke dalam mesyuarat kita dan juga saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, diharapkan kita semua mendapat kesihatan yang baik dan akan dapat meneruskan perbincangan kita supaya dapat melaksanakan tugas-tugas yang kita hadapi ketika ini dengan selamat, teratur dan sempurna.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita meneliti tajuk-tajuk dalam rang tersebut satu per satu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis ini sekarang bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa pada petang semalam telah pun mula membahaskan dan membincangkan Tajuk Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Saya masih lagi mempunyai senarai yang beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membahaskan tajuk yang berkenaan ini. Untuk tidak membuang masa lagi, maka saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin untuk memulakannya. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Lebih dahulu, kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah pada petang kelmarin atas usaha-usaha yang dilaksanakan untuk memajukan dan meningkatkan perkhidmatan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk orang ramai khususnya masyarakat Islam di negara ini.

Kaola akan menyentuh mengenai kutipan dan dana masjid. Adalah dimaklumi bahawa masjid-masjid ada menyediakan tabung untuk memudahkan para jemaah berinfak mengikut kategori-kategori tertentu. Kerajaan juga mengadakan kutipan dana bagi pembinaan masjid baharu dan membaik-pulih masjid-masjid yang ada melalui potongan gaji penjawat awam.

Untuk rujukan orang awam dan meningkatkan kepercayaan terhadap inisiatif-inisiatif yang berkebajikan ini, maka kaola mencadangkan supaya pihak yang berwajib mengadakan Kunci Kira-Kira dan mengisytiharkan jumlah kutipan kepada orang awam sama ada secara bulanan misalannya 3 bulan atau 6 bulan sekali.

Kelmarin Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama ada menyebut mengenai pembayaran bagi imam dan bilal yang dibayar menggunakan peruntukan-peruntukan kerajaan dan melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid atau dibayar oleh Tabung Masjid Jabatan Hal Ehwal Masjid bagi masjid-masjid yang berkeupayaan. Adakah ini termasuk juga membayar

pelapis imam bagi imam yang tidak hadir ke masjid? Sehubungan itu, kaola memohon pencerahan lanjut mengenai perkara ini.

Soalan terakhir kaola, dalam Musim Permesyuaratan Majls Mesyuarat Negara pada tahun 2023 yang lalu, beberapa cadangan bagi memperkasakan institusi masjid telah disarankan. Apakah tindakan yang diambil sejauh ini?

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada rakan sepermesyuaratan Yang Berhormat berhubung dengan Tabung Masjid dan Tabung Dana Pembinaan Masjid.

Kedua-dua ini dicadangkan bagi menyakinkan orang ramai, kalau mengenai kutipan dan perbelanjaannya. Bagi Tabung Dana Pembinaan Masjid kunci kira-kiranya diumumkan kepada orang ramai. Itu satu cadangan yang baik.

Kalau dari segi Tabung Masjid memang ada satu peraturan yang menghendaki sedemikian itu. Ertinya masjid-masjid membuat Penyata Kira-Kira setiap hari Jumaat, iaitu dilekatkan d ipapan penyata atau *notice board* di dalam masjid.

Tapi sejauh mana ia terlaksana pada masa ini, orang ramai sendiri mengetahui dan apabila ditanya mengapa tidak konsisten berterusan dibuat sedemikian ada sahaja jawapan-jawapan mereka yang tertentu, antaranya menggelikan hati, Yang Berhormat Pengerusi.

Jawapannya kalau dilihat takut ada orang melihat sekian-sekian, orang yang ingin membuka tabung itu di luar kawalan 'kitani' ertinya pencuri, ada 'tia' kesempatannya melihat, tetapi hal-hal seperti itu 'menggelikan hatilah. Soalnya, ada aturan-aturan menghendaki sedemikian dan ahli jawatankuasa masjid mestilah meminta supaya perkara tersebut dibuat setiap hari Jumaat.

Mengenai Tabung Dana Pembinaan Masjid, ini sangat penting. memang baru-baru ini ada usaha dari kementerian untuk membawa Kunci Kira-Kira, setakat yang ada, yang *unaudited,* dibawa ke dalam Majlis Ugama Islam Brunei bagi makluman ahli-ahli, sementara ia belum diaudit. Nanti setelah diaudit akan dibawa lagi peraturan sementara ini belum ada aturan-aturan Tabung Dana ini yang sedang disiapkan tetapi secara pentadbiran: Kementerian merasa bertanggungjawab untuk membuat laporan yang teratur kepada Majlis Ugama Islam Brunei kerana Majlis Ugama Islam Brunei adalah *custodian* kepada hal-ehwal masjid dan kutipan-kutipan Tabung Dana tersebut.

Kalau secara kasarnya di sini Yang Berhormat, boleh saya menyebutkan secara kasarnya pendapatan adalah

sangat bagus semenjak ia dilancarkan pada tahun 2015.

Setakat ini, kumpulan yang ada melebihi sejumlah $31 juta, kalau tidak silap dan 'kitani' telah menyediakan peruntukan tertentu untuk membangun beberapa buah masjid. Selain itu, ialah beberapa projek pembaikan masjid dan semuanya ada kira-kiranya dan boleh diketengahkan sebagai *unaudited* Kunci Kira-Kira bagi pengetahuan Majlis Ugama Islam Brunei.

Ingin kaola menyatakan sambutan yang baik terutama sekali dalam kalangan penjawat awam dan pasukan-pasukan beruniform. Kutipan bulanan melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi sangat signifikan. Pendapatan 'kitani' dalam setahun boleh diperkirakan membangun setengah buah masjid pada masa ini. Kalau pada masa dahulu permulaannya dalam tahun 2017/2018 jawatankuasa telah merancang untuk membina sebanyak 5 buah masjid dengan peruntukan setiap sebuah masjid sejumlah $3 juta tetapi disebabkan *COVID-19* ia tergendala.

Sepertimana yang sudah dibangunkan iaitu Masjid Junjungan sudah tidak dapat lagi sedemikan tetapi yang sempat siap dalam masa *COVID-19* ialah Masjid Bukit Panggal, Daerah Tutong dan Masjid Ar-Rahman Tanjong Bunut, Daerah Brunei dan Muara.

Ini adalah hasil daripada Tabung Dana. Seterusnya, pembaikan-pembaikan yang dibuat pada bangunan masjid termasuk pembesaran yang baru-baru ini siap, pembesaran di Masjid Sungai Buloh dan semua pembaikan ada dalam Kunci Kira-Kira. إِنْ شَاءَ اللهُ perkara itu dapat dilakukan Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, apakah sudah terjawab soalan kedua yang diajukan? Yang Berhormat hanya bertanya sepintas lalu, jadi saya kira jawapannya begitu.

Kalau mahu spesifik, mungkin Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin perlu menimbulkan perkara-perkara yang telah ditimbulkan tahun lepas secara spesifik juga, baru dapat diterangkan dengan lebih lanjut oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, sekian jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu, kaola dengan sukacita ingin merakamkan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan ruang kepada kaola untuk membahaskan Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Kaola juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah secara panjang lebar menjelaskan peta jalan dan pelan-pelan tindakan yang telah dan akan dilaksanakan untuk menuju ke arah Visi Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu "Bersama ke arah Kehidupan Cemerlang Duniawi dan Ukhrawi".

Dalam kesempatan ini juga, kaola ingin merakamkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan seluruh warga kementerian ini, kerana أَلْحَمْدُ لِلّه telah terus-menerus berjaya 'mengungkayahkan' pelbagai program dan inisiatif khususnya dalam menerapkan dan menyebarluaskan ajaran dan syiar Islam di negara ini. Apa yang kita harapkan ialah lebih banyak lagi program dan aktiviti-aktiviti berunsurkan keagamaan dan berkebajikan untuk dimantapkan lagi dari semasa ke semasa dalam 'kitani' bersama-sama menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir serta selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola dalam Dewan ini mengambil maklum tentang penjelasan dalam mukadimah yang telah disampaikan kelmarin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama bagi pembentangan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang menyentuh mengenai Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal.

Walau bagaimanapun, dalam membahaskan Kementerian Hal Ehwal Ugama, kaola terpanggil untuk lebih memfokuskan perkara yang berkaitan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal. Pada pendapat kaola, ia berperanan penting untuk diambil perhatian dan tindakan yang segera kerana mampu menyumbangkan impak yang signifikan terhadap sosioekonomi khususnya kepada umat Islam dan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam umumnya. Malahan, berupaya memacu dalam mengembangmajukan dan mengukuhkan lagi perekonomian negara ke arah yang lebih dinamik dan *sustainable* sekali gus إِنْ شَاءَ اللهُ 'kitani' boleh menuju ke arah pencapaian dan inspirasi Wawasan Brunei 2035.

Sebagaimana kita sama-sama maklum, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun memperkenankan penaiktarafan Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat (Unit Zakat) Jabatan Majlis Ugama Islam

Brunei dijadikan sebagai Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal.

Adalah difahami jabatan ini telah pun mula beroperasi dengan rasminya mulai 1 Muharam 1445 bersamaan 19 Julai 2023. Berkaitan dengan itu juga, kaola ingin mengimbas kembali akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Tahun Baharu Hijrah 1445 yang antara lainnya baginda bertitah:

"'...dengan tertubuhnya jabatan ini, hal ehwal pengurusan zakat dari sudut pengagihan dan keberkesanannya, termasuk pelaksanaan program-program lain dijangka akan lebih efektif dan efisien. Begitu juga dalam perkara pengurusan wakaf dan harta-harta baitulmal akan menumpukan usaha ke arah mempelbagaikan pengurusan dan kegunaan wakaf di samping mengurus dan mengembangkan harta benda baitulmal..."

Kaola dengan peribadi sangat menjulang dan menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mencerminkan kebijaksanaan, keprihatinan serta wawasan baginda yang berpandangan jauh dalam mentransformasikan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal ke arah yang lebih berkesan, dinamik dan *sustainable* dalam membantu untuk meningkatkan lagi kemajuan dan perkembangan negara.

Di samping itu, mampu memanfaatkan bagi memperbaiki kesejahteraan, kebajikan dan menaik taraf hidup rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam khususnya golongan asnaf yang berkelayakan mengikut hukum syarak. Ini juga secara langsung meringankan bebanan kepada golongan fakir miskin, mengurangkan masalah sosial dan mengurangkan pengangguran, ini membuktikan keprihatinan dan pemedulian Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dalam mengukuhkan peranan dan fungsi Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal yang lebih mantap, efisien lagi efektif, sudah setentunya mengukuhkan lagi ajaran dan syiar Islam di negara ini yang selari dengan hasrat untuk menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir.

Dengan adanya penaiktarafan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, sudah setentunya skop bidang kuasanya lebih meluas yang dihasratkan untuk mengembangmajukan pengurusan dan tadbir urus hal ehwal zakat, harta wakaf dan baitulmal yang bersistem, akauntabiliti dan berintegrasi.

Kaola melihat adalah mustahak bagi jabatan ini mempunyai pelbagai profesional kepakaran dan kemahiran dalam pelbagai bidang misalannya dalam perakaunan, perundangan, pengurusan pelaburan, tadbir urus *ICT*, hal-ehwal syariah, kejuruteraan, teknikal dan

lain-lain dalam sama-sama memastikan kejayaan operasi dan pengurusan berjalan lancar dan efektif.

Sepertimana yang juga kita maklumi, warga dan penduduk Negara Brunei Darussalam terkenal dengan sifat pemurah dan suka menginfakkan harta benda sama ada berbentuk wang atau barang-barang keperluan kepada golongan yang memerlukan atau institusi organisasi yang diiktiraf dengan bersandarkan kepada hukum syarak atau undang-undang yang dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam. Misalannya yang dapat kita lihat bersama iaitu menderma dan infak ke Tabung Dana Pembinaan Masjid, Tabung Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk anak-anak yatim, Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin dan sebagainya. Selain itu, ada juga kumpulan-kumpulan atau pihak persendirian tertentu, bukan sahaja menginfakkan di dalam negara tetapi juga di luar negara bagi pembinaan masjid, surau, institusi pendidikan, bangunan-bangunan berkebajikan dan sebagainya.

Kaola berpendapat dengan wujudnya Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal ini akan dapat menambahkan lagi keyakinan dan kepercayaan yang penuh dan seterusnya memberikan peluang bagi para individu atau orang ramai yang berhajat untuk menginfakkan melalui saluran rasmi yang diiktiraf yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

إِنْ شَاءَ اللهُ kaola percaya dan penuh berkeyakinan ia akan dapat mendatangkan impak yang signifikan, khususnya lebih ramai lagi dalam kalangan masyarakat di negara ini yang bersifat pemurah menginfakkan harta mereka. Ini juga mengukuhkan dan memantapkan lagi kedudukan kewangan dan aset agensi tersebut yang membolehkan perancangan yang lebih strategik dan berkesan yang mampu menyumbang kepada perkembangan dan pertumbuhan sosioekonomi negara.

Sehubungan itu, sukacita kaola memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai:

1. Status perkembangan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal dalam menjalankan fungsi dan peranannya seperti yang dihasratkan.;

2. Strategi Pelan Tindakan dan Rangka Kerja untuk menggerakkan dan memantapkan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal bersandarkan kepada peranan dan fungsinya.; dan

3. Fungsi dan peranan jabatan ini 'dibarigakan' dan dipromosi serta disebarkan dengan usaha untuk mentarbiah zakat, wakaf dan baitulmal. Memberikan kefahaman dengan lebih jelas dengan meningkatkan kesedaran masyarakat

khususnya mengenai zakat, wakaf dan baitulmal.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola ingin menyentuh sedikit tentang graduan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Penubuhan KUPU SB dihasratkan untuk menjadi sebuah institusi perguruan agama yang unggul dan menjadi kebanggaan dengan memenuhi keperluan negara serta bersedia membuka pintunya kepada pelajar luar negara.

Manakala matlamat KUPU SB melahirkan sumber tenaga manusia sebagai hamba dan khalifah أَللهِ yang berwibawa dalam pendidikan dan pengurusan Islam untuk membentuk masyarakat dan bangsa yang berilmu, beramal dan bertakwa menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah, menurut Mazhab Shafi'i serta mendukung kedudukan agama Islam sebagai Agama Rasmi Negara dan berkonsepkan Melayu Islam Beraja.

Manakala misinya juga adalah untuk memartabatkan pengajian perguruan agama bagi melahirkan pendidik yang berjati diri melalui pengintegrasian ilmu, latihan, kajian, perkhidmatan, keterampilan dan teknologi berasaskan prinsip-prinsip Islam, konsep Melayu Islam Beraja dan falsafah pendidikan negara.

Sehubungan itu, kaola merasakan adanya keperluan untuk difikirkan bersama cara untuk mengembang majukan lagi sumber tenaga manusia supaya ia kekal relevan selaras dengan keperluan negara dan mengikut perkembangan semasa dan akan datang. Khususnya dalam prospek pembangunan kerja bagi graduan-graduan KUPU SB dengan pelbagai kompetensi dan *skill* ke arah yang lebih *marketable.* Berdasarkan kepada statistik, seramai 240 orang penerima ijazah dan diploma pada tahun 2022 dan seramai 234 orang penerima pelbagai ijazah dan sijil serta diploma pada tahun 2023.

Dalam perkara ini, sukacita kaola ingin mendapatkan pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama:

1. Berapa peratus secara purata setiap tahun bagi graduan-graduan keluaran dari KUPU SB ini mendapat pekerjaan termasuk dalam *profession* perguruan.;

2. Strategi dan inisiatif-inisiatif Kementerian Hal Ehwal Ugama khususnya KUPU SB selaras dengan perkembangan semasa dan yang akan datang mengikut keperluan negara bagi membolehkan graduan-graduan KUPU SB ini lebih *marketable* atau menggalakkan mereka untuk menceburi diri dalam bidang keusahawanan dan perniagaan. Secara langsung kita memikirkan cara-cara untuk menarik lebih ramai lagi para pelajar mengikuti program di KUPU SB dan seterusnya إِنْ شَاءَ اللهُ dapat menjamin pekerjaan dan juga kesejahteraan

hidup pada masa depan, bagi diri mereka sendiri serta keluarga.

Pada kesimpulannya, kaola menyokong penuh Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Kaola sudahi dengan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: أَلْحَمْدُ لِلّه Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat.

Sebagaimana juga orang ramai menyebutkan dalam Dewan ini kelmarin sangat mempunyai harapan terhadap Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal yang ditubuhkan itu. Bukan saja setakat mengharapkan apa yang patut dilakukannya dalam menangani isu-isu yang sudah sedia ada, tetapi juga isu kelambatan dalam menyelasaikan permohonan-permohonan dan sebagainya. Sempat kaola sebutkan inisiatif-inisiatif walaupun tidak secara terperinci tetapi ada inisiatif-inisiatif ke arah itu.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat tadi menyebutkan jabatan itu dengan fungsinya yang sedemikian memerlukan tenaga pegawai-pegawai yang profesional mengikut bidang-bidangnya. Ia sangat relevan dan itu sebenarnya yang diharapkan.

Pada masa ini jawatan Pengarah masih 'abiskaola' tunggu iaitu mereka yang mempunyai pengalaman dalam *Islamic Banking, Islamic Finance* dan sebagainya yang bekerja dan masih dalam perkhidmatan dalam bidang tersebut serta dalam bidang akauntan. Pada masa ini kita memerlukan bukan saja jurukira bahkan juga pegawai-pegawai dalam bidang kewangan.

Pegawai-pegawai dalam bidang kewangan yang ada pada masa dahulu tidak semuanya dapat diserapkan ke jabatan ini kerana Majlis Ugama Islam Brunei masih memerlukan tenaga mereka. Jadi antara yang sedemikianlah keperluan-keperluan itu untuk mendukung fungsi, peranan, pencapaian tujuan yang diharapkan daripada penubuhannya. Sudah 8 bulan 'barangkali' penubuhannya, yang diketahui ia 'diberigakan' melalui rancangan televisyen misalannya terutama sekali Bahagian Kutipan dan Agihan. 'Pemberigaannya' secara tidak langsung ialah melalui berita berhubung pengagihan Zakat ataupun penerimaan kutipan-kutipan Zakat dari kumpulan-kumpulan tertentu.

Memang penting untuk 'pembarigaan' yang berterusan bagi menyakinkan orang ramai di samping mereka dapat memahami konsep amalan serta memahami prosedur-prosedur untuk mereka menyertai penyumbangan kepada Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal.

Dalam usaha-usaha awal yang dilakukan jabatan ini selama ia dtubuhkan banyak tertumpu kepada pengemaskinian hal ehwal di bawahnya.

Kaola menyebutkan banyak tertumpu sehingga bertindih lagi isu-isu yang disebut sebagai kelambatan untuk menyelasaikan masalah-masalah. Inilah satu cabaran yang bukan saja dirasakan oleh Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal tapi oleh abiskaola sendiri di kementerian dan cabaran-cabaran ini mudah-mudahan dengan izin ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dapat abiskaola atasi dengan sebijak-bijaknya.

Pertama ialah mendapatkan tenaga-tenaga yang boleh mendukung fungsi atau peranan untuk mencapai tujuan-tujuan penubuhannya. Memang akan mendukacitakan, bukan sahaja kementerian bahkan juga kerajaan keseluruhannya.

Jikalau penubuhan zakat, penubuhan jabatan yang sangat diharapkan ini gagal menampakkan sebarang perubahan yang dinamik ke arah urusan Zakat yang memang sedia ada diurus, memperbaiki urusan tersebut dan juga bila ia tidak dapat menyahut jangkaan-jangkaan bahkan harapan-harapan daripada orang ramai, bahkan pihak-pihak yang berkuasa yang melihat kepentingan jabatan ini ditubuhkan bahkan bukan sahaja Zakat tetapi juga wakaf dan untuk pemeliharaan harta baitulmal dan sebagainya. Jadi memanglah sangat berat cabarannya, iaitu cabaran berupa amanah, maka setiap orang yang akan berada di dalamnya إِنْ شَاءَ اللهُ cubalah berusaha dengan sebaik-baiknya.

Kaola semalam ada menyebutkan dalam keadaan kesuntukan pegawai-pegawai ini. Jangan dijadikan alasan selama-lamanya dan tidak berbuat apa-apa. Contohnya, kalau kekurangan tenaga, misalannya memerlukan tiga orang pegawai tetapi hanya ada dua orang pegawai sahaja. Maka dua pegawai ini berbahagi tugas untuk melakukan tugas pegawai yang ketiga. Ini namanya dedikasi dan ditambah lagi dengan kecekapan dan pengetahuan maka إِنْ شَاءَ اللهُ tenaga yang kurang akan tidak dapat menggagalkan usaha-usaha yang memang menjadi hasrat semua pihak.

Mengenai wakaf memang panjang ceritanya: 'Kitani' melihat wakaf ini berbeza dengan zakat. Zakat ada orang-orangnya yang memang khusus mempunyai hak ke atasnya yang dinamakan Asnaf. Tetapi wakaf ialah umum bagi kepentingan orang-orang Islam dan kepentingan institusi-institusi Islam. Di negara-negara yang sudah melaksanakannya, dalam konteks praktikal bagi merespons keperluan masyarakat Islam dalam hal-ehwal menjaga kepentingannya, masjid, sekolah dan perubatannya. Jadi negara-negara sedemikian itu sangat berjaya, tidak sahaja tertumpu kepada institusi keagamaan, tetapi membawa kepada institusi perniagaan dan ekonomi. Bahkan juga seperti di Semenanjung Malaysia, di Perbadanan Negeri Johor

yang di*support* oleh wakaf mempunyai hospital.

Jadi, inilah yang 'kitani' mahu capai dan di Singapura sebuah negara *circular*, tetapi masyarakat Islamnya sangat progresif dan responsif terhadap keperluan mereka sebagai minoriti dan untuk berdaya tahan dengan berdiri di atas kaki sendiri dengan menggunakan institusi-institusi atau lembaga-lembaga seperti wakaf ini untuk *survival* dan berjaya. Berjaya bukan sahaja nampak hasilnya dari segi pendidikan, bahkan berjaya menyelamatkan tanah-tanah wakaf orang Islam yang sepatutnya mengikut peraturan kembali kepada negara. Semua ini menjadi contoh kepada 'kitani', bagaimana syariah yang responsif mengikut keperluan-keperluan bagi mengikut keperluan negara.

Dalam hal ini, itulah wakaf yang 'kitani' harapkan yang akan menyumbang, bahkan mungkin akan lebih daripada zakat. Begitu juga harta baitulmal yang sudah ada Pejabat Badan Tanmiahnya, Harta Majlis Ugama Islam dan perkembangannya yang sudah lebih 20 tahun. Dari masa ke masa ia diberikan tenaga bagi pelaksanaanya dan memerlukan orang-orang profesional. Sekarang ini mempunyai sebuah Lembaga Penasihat dan di dalam lembaga itu ialah orang-orang yang dapat membantu dan memikirkan perkembangan harta baitulmal itu إِنْ شَاءَ اللهُ.

Kaola menghargai pemerhatian Yang Berhormat terhadap sifat 'kitani' kepada orang ramai. Orang ramai yang sangat pemedulian dan sangat murah hati dan sebagainya.

Kaola faham penghargaan Yang Berhormat itu adalah harapan. Harapan Yang Behormat dan harapan orang ramai yang mempunyai sifat sedemikian apabila mereka telah menyumbang dan menyertai langkah-langkah yang dibuat oleh Majlis Ugama Islam Brunei dan sekarang ini Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal sebagainya. Mereka ingin melihat ketelusan dalam pelaksanaan kerja-kerjanya yang juga melibatkan kewangan.

Kalau pada masa ini, kaola dapat menyebutkan secara umum tetapi tidak dapat mengemukakan angka-angka secara khusus, tetapi boleh kaola mencuba untuk sekiranya meyakinkan bahawa hasil daripada zakat digunakan dengan sebaik-baiknya kepada asnaf-asnafnya. Sebagaimana disebutkan semalam, bagi memenuhi keperluan harian, persekolahan, perubatan dan lainnya, dan ada lagi bagi perkembangan ke hadapan dan sebagainya.

Tetapi yang penting sekali sekarang ini Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal boleh dikatakan memelihara pada tahun lepas dan lebih ramai lagi pada tahun-tahun sebelumnya.

Pada tahun 2023 sahaja yang sempat dicatatkan, ada seramai 909 keluarga dengan tanggungan seramai 1,411 orang iaitu dalam pengurusan Zakat yang bermasalah, lambat memutuskan dan

sebagainya. Tetapi pada tahun-tahun sebelumnya, ada seramai 3,059 orang ke 6,560 orang.

Kesemuanya itu 'kitani' lihat bahawa Zakat telah juga memberikan sumbangan bagi mengatasi keperluan golongan orang yang memerlukannya. Jadi tidak disia-siakan apa yang dikutip. Semalam juga ada kaola menyebutkan perumahan, membangun rumah, memperbaiki rumah, menyewakan rumah. Rumah sewa sahaja sekitar 600 buah dengan sewa minimum $500 sekarang ini.

Kalau 10-15 tahun dahulu, dalam anggaran rumah yang diperuntukkan setakat $350 sebuah, tetapi sekarang ini tidak lagi ada, bahkan melimpasi sebanyak $500-$750. Jadi sebanyak 600 buah rumah sewa, kalau mengikut perkiraan kaola dalam beberapa tahun, dapat orang yang disewakan itu mempunyai rumah sendiri.

Inilah perancangan ke hadapan untuk mempergiatkan pembangunan kerana keperluan perumahan ini sangat dirasakan di negara ini. Secara umumnya, minta maaf kaola macam 'senapang patah dengan pelurunya, 'bercurai-curai' badannya'. Tetapi yang kaola yakin semoga apa yang kaola jelaskan itu dapat difahami di Dewan yang mulia ini dan dapat juga difahami di luar sana bahawa 'kitani' sama-sama menaruh harapan terhadap penubuhan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal untuk masa hadapan 'kitani' yang sempurna, bahawa masyarakat 'kitani' yang memerlukan-nya. إِنْ شَاءَ اللهُ

Terima kasih kepada Yang Berhormat dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai graduan lepasan KUPU SB. Semalam sudah pun kaola menyebutkan, ada perangkaan dari *JobCentre*, *Manpower Planning and Employment Council.* Memanglah sama-sama 'kitani' merasa prihatin kepada lepasan graduan dalam bidang agama kalau melihat penyata itu. Tetapi bukanlah penyata itu untuk *point* ataupun menggarisbawahi bahawa inilah *boogeyman* dalam mencari pekerjaan yang tidak dapat diberikan kepada mereka kerana mereka lepasan graduan agama. Bukan 'cematu'. Kerana lepasan dalam bidang lain pun masih juga menunggu pekerjaan iaitu UBD, UNISSA dan UTB bahkan dari luar negeri. Kaola menyebutkan perkara-perkara nasional, أَلْحَمْدُ لِلّٰه *JobCentre*, *Manpower Planning and Employment Council* akan sama-sama 'kitani' dukung untuk mengambil inisiatif-inisiatif yang tepat.

Kementerian Hal Ehwal Ugama tidak membiarkan perkara ini berjalan begitu sahaja kerana ada keperluannya bagi pengajian agama. Pendidikan agama sendiri yang sudah memang pada asalnya untuk bukan sahaja belajar di sekolah ugama. Pada tahun 1966, Titah Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien semasa penubuhan Sekolah Menengah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Sekolah Ugama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Damit, iaitu

bagi melahirkan anak-anak Brunei yang mempunyai kemahiran-kemahiran sebagai rakyat yang diharapkan mempunyai pendidikan agama. Sekolah tersebut mempunyai kelengkapan yang tidak ada di sekolah lain, hatta sekolah menengah di bawah Jabatan Pelajaran pada masa itu, iaitu ada bilik Makmal Bahasa, Makmal Sains dan Pelajaran Bahasa yang melahirkan pelajar-pelajar yang aktif pada era tersebut. Kini mereka sudah bersara, tetapi mereka sempat berkhidmat dalam banyak bidang selain agama. Mereka berpeluang untuk melanjutkan pengajian di luar negara.

Kementerian Hal Ehwal Ugama pada masa ini mempunyai Skim Biasiswa Khas bagi murid-murid atau pelajar-pelajar yang mempunyai *potential* berdasarkan keputusan yang baik akan diberikan *scholarship.* Pada masa dahulu peringkat *'A' Level* dihantar ke luar negeri tetapi sekarang ini peringkat *'A' Level* ataupun *International Barraculate* dalam negeri saja di *Jerudong International School (JIS).* Ramai sudah yang berjaya tetapi mereka *bonded* untuk kembali ke Kementerian Hal Ehwal Ugama menjadi tenaga pengajar dalam bidang-bidang ilmu yang mereka berkelayakan. Dalam konteks KUPU SB, ada usaha-usaha melengkapkan sebagai guru dengan keperluan kemahiran dalam bidang *ICT*.

Dalam masa yang sama ada usaha-usaha juga dalam KUPU SB pada masa ini, latihan-latihan usaha niaga. Usaha ini agar dapat diperlakukan secara sistematik sehingga ia sebahagian daripada pengajian yang dicapai yang dihajatkan oleh anak-anak 'kitani' dan berharapkan mudah mereka *marketable* dan sebagainya. Jadi, ini sama-sama difikirkan. إِنْ شَاءَ اللهُ bukan sahaja oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama akan jua melibatkan *Manpower Planning and Employment Council*. إِنْ شَاءَ اللهُ. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola suka untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam bidang yang diamanahkan.

Kaola ingin menyuarakan mengenai sistem integrasi yang baharu khususnya berkaitan dengan para guru yang terkesan dengan perubahan baharu ini. Dalam usaha kita membawakan perancangan dan pelaksanaan yang baik ini, kita juga perlu memastikan kebajikan dan kesejahteraan para pendidik termasuk dari segi mental mereka. Adalah tidak dinafikan bahawa sistem integrasi baharu ini membawa cabaran tersendiri kepada guru. Banyak antara mereka yang berusaha untuk menyesuaikan diri dengan sistem baharu ini. Namun, mereka menghadapi pelbagai masalah dan cabaran yang mungkin tidak mudah untuk diatasi dan

untuk terus mengikuti perkembangan dalam pendidikan. Oleh itu adalah penting bagi kita untuk memberikan perhatian yang serius terhadap kesihatan mental mereka. Kita perlu memastikan bahawa mereka tidak terpinggir atau dilupakan dalam sistem yang baharu ini. Bukan sahaja memikirkan ibu bapa dan pelajar-pelajar yang terkesan dengan pembaharuan ini.

Kaola juga ingin menyentuh mengenai pendidikan agama di negara kita, khususnya penambahbaikan dalam sukatan atau *syllabus* mata pelajaran pendidikan agama. Dalam menyedari bahawa dunia dan generasi baharu pelajar kita tidak lagi sama seperti yang sebelumnya, perlulah ada pendekatan yang berbeza dalam pendidikan mereka. Sebagai negara Islam, adalah tanggungjawab kita untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar kita tidak hanya menghafal ajaran-ajaran agama, tetapi juga memahami dan mengaplikasikan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian mereka.

Justeru, sukatan pelajaran pendidikan Islam perlu ada peningkatan agar lebih relevan dan sesuai dengan keperluan masa kini. Perubahan bukanlah sesuatu yang mudah, namun kita juga ingin meningkatkan iman generasi muda tanpa menggunakan paksaan.

Maka kita perlu mencari strategi baharu yang menarik untuk mengajar Islam tanpa mengurangkan kandungan ajaran Islam yang sebenar. Salah satu pendekatan yang boleh dipertimbangkan adalah penggunaan teknologi dalam pendidikan agama. Dengan memanfaatkan *platform* digital, kita boleh menyediakan bahan pembelajaran interaktif yang menarik dan boleh diakses dengan mudah oleh pelajar-pelajar kita.

Selain itu, pendekatan kreatif seperti aktiviti luar bilik darjah seperti lawatan-lawatan ke masjid dan sebagainya juga boleh digunakan unutk meningkatkan daya tarikan pembelajaran agama.

Sekian sahaja daripada kaola. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih kepada Yang Berhormat dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi.

Perkara pengintegrasian mata pelajaran agama ke dalam sistem persekolahan umum ini banyak diperkatakan. Semalam dengan panjang lebar Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam pun sudah bercakap dan kaola merespons sekadarnya kalau nak dikatakan sekali lagi tapi panjang lebar jua kaola Yang Berhormat Pengerusi.

Ini suatu perkara yang baharu yang dalam pelaksanaannya menghendaki cara-cara baharu bagi orang yang sudah menjadi guru biasa dengan keadaan yang biasanya. Tapi dalam sistem pengintegrasian ini, ia menghadapi suatu keadaan yang baharu. Kaola berinteraksi dengan kumpulan semasa ke arah pelaksanaannya, kaola menasihatkan dengan ikhlas supaya mereka berusaha

menyesuaikan diri, melepaskan diri daripada perasaan 'uqdah, atau 'uqdah yang namanya berasa sudah awal-awal lagi mengatakan 'inda dapat' atau dalam lingkungan baharu itu merasakan rendah diri.

Kaola nasihatkan cubalah hadapi masalah ini dengan apa jua yang dapat dilakukan dan perkara-perkara yang menjadi kekhuatiran 'kitani' sama-sama difikirkan iaitu misalannya bukan saja tujuan integrasi ini meringankan bebanan kepada murid-murid, sampai ada kesannya kepada kesihatan mental, maka juga kepada guru-guru pun 'kitani' mesti fikirkan.

Kedua buah kementerian dititahkan untuk me*monitor* dari masa ke masa mengikuti perkembangan ini. Segala *inputs* kalaulah apa yang ditulis di dalam media sosial ataupun yang disampaikan kepada 'kitani' yang inda bertelinga', sampaikanlah secara teratur kepada jawatankuasa ini dan jawatankuasa ini memikirkan arah yang sebaik-baiknya.

Pertama bukan sahaja prasarana tetapi juga tenaga manusia. Penting diketahui bahawa guru-guru yang disebutkan guru-guru yang sudah biasa berkhidmat dengan suatu suasana persekolahan agama. Sekarang ini mereka berkhidmat dalam persekolahan umum walaupun ada ketua guru agama ditentukan tapi adalah dalam sistem persekolahan umum.

Hal-hal macam misalannya merasa 'bisdia' lebih banyak diberatkan dalam tugas-tugas menjaga murid, katalah tugas untuk sembahyang Zuhur, mereka sepatutnya sudah balik tapi oleh sebab tugasan tambahan, hal sedemikian ini memang telah pun difikirkan.

Apa yang menjadi keluhan mereka diketahui oleh jawatankuasa dan disampaikan kepada sekolah-sekolah untuk mengaturkan suatu tatakerja yang melibatkan semua guru, bukan saja guru-guru agama 'mentang-mentang' kerana perkara sembahyang itu guru agama, maka 'bisdia' saja yang bertanggungjawab, tapi 'bisdia' adalah sebahagian warga di sekolah tersebut, sama macam guru-guru yang lain.

Seperti yang kaola rasakan semalam itu, keluhan-keluhan seperti ini, Yang Berhormat Pengerusi, setengah pihak sudah merasakan seolah-olah 'kitani ani' sudah *deadlock* oleh pengintegrasian ini sedangkan integrasi ini belum pun sampai setahun dan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat jelas, terbuka untuk dikaji dan ada jawatankuasanya dari semua aspek, prasarananya, perisian pelajarannya, tinggal lagi pelaksanaannya dan sebagainya, memakan masa, tapi 'indalah' maknanya 'saja-saja' integrasi dilancarkan.

Kaola terpanggil semasa kaola membelek-belek semula nota kaola semalam berhubung dengan integrasi ini kaola terlihat ada saranan daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam supaya

ditubuhkan sebuah jawatankuasa bebas, bebas daripada dua kementerian kerana kedua kementerian ini adalah orang yang berkepentingan yang patut diadili, kalau dalam erti kata bahasa biasanya, walaupun yang akan jadi pengadil itu disarankan oleh JPM.

Tapi seolah-olah kita sudah *deadlock* dalam hal ini. Sehingga kepercayaan 'kitani' kepada jawatankuasa itu sudah hilang. Berilah peluang itu. Maknanya jangan kita memberi sebarang *impression* terutama sekali di Dewan yang mulia ini 'kitani' tidak menaruh kepercayaan apa yang dirancang oleh kerajaan. Tetapi kalau 'kitani' menyokongnya di manakah sokongan itu. 'Kitani' atasi dengan sebaik-baiknya sekiranya ada masalah.

Kalau ada cadangan-cadangan yang lain, sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini adalah terbuka untuk dibincangkan tapi bukanlah maknanya semacam ada suruhanjaya di luar daripadanya. Apa yang sudah terjadi sebenarnya mengenai integrasi ini? Belumlah sampai 'segawat' itu Yang Berhormat Pengerusi.

Kaola telah mengkaji semalam dan kaola terpanggil untuk menyebutkan sekali lagi, tidak sesuai untuk 'kitani' mencadangkan ataupun tidak sesuai bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama menerima cadangan atau saranan sedemikian itu untuk diangkat menjadi cadangan yang akan dilihat oleh kerajaan.

Kaola bersimpati apa yang dialami oleh guru-guru tetapi diharapkan guru-guru juga bersabar, menyesuaikan diri, kerana ini cabaran sebagai orang agama. Mereka mestilah menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan. Jangan sampai menimbulkan *cultural shock* yang *unnecessary*.

Kaola 'inda' akan menambah lagi Yang Berhormat Pengerusi, banyak 'karang' lagi. Kaola minta maaf, itulah saja yang dapat kaola jawab mengenai integrasi yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Sebagai orang yang pernah berkecimpung dalam masalah seperti ini, saya kira keputusan telah pun dibuat mengenainya.

Adalah relevan dan menjadi tugas 'kitani' untuk melaksanakannya sebaik-baiknya. Jadi *I think* peringkat 'kitani' menyoal sama ada ia boleh dibuat ataupun tidak sudah 'limpas' waktunya.

Jadi masanya adalah untuk 'kitani' melaksanakannya sebaik-baiknya. Apa jua impaknya kepada masyarakat terpulanglah kepada 'kitani' untuk membuatnya supaya 'inda' menjadikan kemudaratan kepada orang-orang yang akan menerimanya terutamanya bagi pihak-pihak yang menggelar diri mereka sebagai *educationist* supaya sesuatu perkara itu akan dapat dikelolakan dengan sebaik-baiknya

dengan berpandukan kepada kepentingan pelajar dan juga *welfare* guru-guru yang berkenaan.

Tapi macam manapun, saya sekarang ingin memberikan ruang bagi Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk membuat *intervention* memandangkan 'kitani' menunggu Yang Berhormat sejak kelmarin sudah. Kebetulan Yang Berhormat ada sekarang, 'kitani' persilakan untuk mendengar *intervention*nya. Silakan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sebenarnya terpanggil untuk menjawab ataupun menambah jawapan yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai soalan kedua yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohammad iaitu sukatan pelajaran Islam.

Walau bagaimanapun, sebelum kaola/saya menyambung penghujahan kaola/saya ini, lebih dahulu saya ingin berterima kasih atas pandangan Yang Berhormat sendiri mengatakan bahawa perubahan bukan sesuatu yang mudah.

Mengenai sukatan pelajaran Islam, saranan untuk pengemaskinian sukatan pelajaran Islam ini adalah sebenarnya objektif utama kenapa sistem pengintegrasian itu dilaksanakan. Pada dasarnya, kurikulum bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dan juga mata pelajaran agama sebelum sistem integrasi adalah mempunyai tahap pengetahuan, kefahaman dan kemahiran yang sama. Adapun perbezaannya adalah dari segi pendekatan dalam mereka bentuk dan menyampaikan kurikulum berkenaan dari perspektif kedalaman ataupun keluasan. *This is what we call depth versus breadth.*

Dalam hal ini, pihak Jawatankuasa Kerja Sukatan Pelajaran dan Penilaian telah menyediakan kurikulum yang seimbang antara kedalaman dan keluasan bagi memastikan pelajar-pelajar 'kitani' akan memperolehi pemahaman mendalam tentang mata pelajaran tertentu dan penghayatan yang luas terhadap pelbagai bidang ilmu sesuai dengan peringkat umur.

Sebenarnya, pengesahan kurikulum Pendidikan Islam yang baharu ini melibatkan pakar-pakar dari Jabatan Mufti Kerajaan, Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan juga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim: سْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi laluan kepada kaola untuk ikut serta membincangkan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas mukadimah yang begitu terperinci dan jelas yang memuatkan hala tuju, tumpuan dan pencapaian-pencapaian Kementerian Hal Ehwal Ugama. أَلْحَمْدُ لِلّٰه

Sebenarnya, kaola pada awalnya tidaklah bercadang untuk turut membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama ini kerana sebahagian daripada perkara yang akan kaola sentuh ini telah pun kaola bangkitkan dalam beberapa permesyuaratan Majlis Ugama Islam Brunei.

Namun, untuk menyampaikan dan memenuhi hajat pihak-pihak yang memberi maklum balas kepada kaola, di samping memenuhi tanggungjawab kaola sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara ini. kaola terpanggil juga untuk membangkitkan beberapa perkara . Kaola berharap dengan pencerahan Yang Berhormat Menteri nanti akan memberikan *first hand information* kepada pihak-pihak yang berkepentingan yang memberikan maklum balas tersebut.

Yang Berhormat Pengerusi.

1. Mengenai Kod 003/006 - Pemakanan dan Barang Halal berkaitan dengan proses pengeluaran sijil Halal bagi produk-produk dalam negara termasuk mengesahkan dan pemberian Sijil Halal restoran dan kedai makan di negara ini.

   KPI yang disasarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah sebanyak 275 sijil pada tahun ini. Perkara ini telah banyak kali dibangkitkan dan mendapat maklum balas dari pelbagai pihak. Kaola menyedari bahawa proses ini memakan masa dan mencabar.

   Kaola juga mengambil maklum bahawa kementerian Yang Berhormat sudah pun merancang untuk mengadakan satu *platform online* bagi memperkesankan proses permohonan ini. Mudah-mudahan apabila platform *online* ini beroperasi nanti, إِنْ شَاءَ اللهُ ia akan dapat memperkesankan dan memendekkan lagi proses pemberian sijil-sijil halal ini dan akan dapat memenuhi TPOR yang telah ditetapkan iaitu selama 45 hari pada masa ini atau boleh jadi dikurangkan pada satu tempoh yang lebih pendek.

   Ke arah itu, kaola ingin memohon pencerahan bagaimana proses ini akan beroperasi secara keseluruhannya termasuk juga tata cara pemeriksaan premis-premis ini akan dilakukan. Dalam hal yang sama, kaola juga ingin mengetahui apakah *standard operating procedure* yang digunakan oleh Kementerian

Hal Ehwal Ugama untuk mengesahkan mahupun membuat kerja-kerja audit bagi penyaji-penyaji makanan halal di negara ini. Kaola memohon pencerahan Yang Berhormat sekiranya *SOP* ini sudah ada, adakah ia akan dikongsikan nanti dalam platform *online* ini bagi memudahkan pemohon-pemohon membuat persediaan bagi mematuhi dan memenuhi *standard* audit berkenaan.

Begitu juga halnya dengan pemeriksaan dan pengesahan kehalalan produk import daging mentah dari luar negara. Maklum balas yang diberikan kepada kaola bukan sahaja proses ini memakan masa, malahan mahal bagi pengimport terutamanya bagi pengusaha kecil dan sederhana tempatan kerana mereka ini harus menanggung perbelanjaan tiket, tempat tinggal, elaun, *transport* dan lain-lain bagi pegawai-pegawai yang mengesahkan kehalalan produk ini.

Tempoh pemeriksaan di luar negeri ini juga terlalu lama ada yang sehingga satu ke satu setengah bulan. Kaola memahami mengenai keperluan mematuhi hukum dalam keadaan ini. Walau bagaimanapun, kaola ingin memohon pencerahan mengenai langkah-langkah ke hadapan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk meneroka *options* lain yang tidak bercanggah dengan hukum bagi mengurangkan masa dan perbelanjaan pihak-pihak yang terlibat.

Dalam waktu yang sama, kaola juga telah menerima maklum balas mengenai proses pemeriksaan untuk mengesahkan kebolehmakanan daging-daging import tersebut dari *laboratory* apabila ia telah sampai di negara ini. Proses ini juga memakan waktu yang lama, ia akan melambatkan proses pengeluaran daging-daging yang ada di dalam kontena yang dikhuatiri jika terlalu lama, daging-daging tersebut mungkin akan terdedah kepada pencemaran ataupun *contamination* yang boleh menjejaskan kesihatan, mengurangkan pembekalan daging-daging di negara ini dan merugikan pengusaha-pengusaha.;

2. Mengenai pembinaan masjid. Perkara ini banyak kali disentuh, cuma kaola melihat dari apa Yang Berhormat kongsikan kelmarin, bahawa dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 sebanyak 12 buah masjid baharu dengan Harga Rancangan kira-kira $63 juta akan dibina di seluruh negara, أَلْحَمْدُ لِلّٰه .

   Jadi, sudah tentu kalau masjid-masjid ini siap dibina, ia akan memerlukan beberapa orang imam dan pegawai-pegawai masjid tambahan. Oleh itu, lantikan Imam dan Pegawai Masjid berkenaan perlu juga diselaraskan dan diusahakan dari awal supaya apabila masjid-masjid ini siap nanti akan dapat terus beroperasi dengan teratur.

   Di samping itu, oleh sebab kebanyakan masjid ini di kawasan-

kawasan Skim Perumahan Negara, kaola cenderung untuk menyarankan supaya pembinaan masjid-masjid ini akan diselaraskan dengan tempoh siap bagi rumah-rumah yang dibina dalam skim ini supaya apabila perkampungan telah mula didiami, masjid-masjid tersebut juga akan dapat digunakan sebagai pusat aktiviti masyarakat di perkampungan tersebut.

Di luar negara, terdapat sebilangan masjid digunakan sebagai pusat kemasyarakatan dan penyelidikan, jadi sebagai satu idea saja yang boleh diterokai sekiranya tidak bercanggah dari segi hukum dan sebagainya. Kaola cadangkan masjid-masjid yang bakal dibina di kawasan perumahan negara akan dilengkapi dengan ruang khas yang boleh digunakan oleh jemaah. Terutamanya bagi penggunaan belia dan penuntut-penuntut misalannya untuk menelaah pelajaran yang bolehidilengkapi dengan alat-alat komputer dan sebagainya. Ini sudah setentunya memerlukan masjid-masjid ini direka bentuk untuk memiliki ruang-ruang yang kaola maksudkan tadi. Langkah ini kaola rasa akan memberi peluang bagi jemaah masjid untuk berinteraksi dan belia ini untuk berjinak-jinak dengan masjid.

Mengenai pemeliharaan masjid, 'barangkali' perkara ini sudah hangat diperkatakan di media sosial. Kaola juga mengambil maklum bahawa Kementerian Hal Ehwal Ugama sudah membenarkan kutipan Dana Masjid ini digunakan bagi pemeliharaan masjid.

Kaola rasa yang pentingnya ialah *transparency dan accountability* dalam menggunakan wang kutipan tersebut. Kaola sebenarnya tertarik dengan urusan kutipan masjid di negara jiran yang setiap minggu dipaparkan di papan tanda masjid tersebut. Tentang jumlah wang yang dikutip dan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan bagi pemeliharaan masjid. Masjid ini sentiasa bersih dan menarik. Kaola rasa ia boleh dijadikan iktibar dalam pengurusan kutipan masjid di negara ini.

3. Kaola ingin menyentuh berkaitan fungsi Kementerian Hal Ehwal Ugama mengenai penyebaran dakwah khususnya usaha kementerian untuk mengangkat kemahiran penceramah-penceramah atau daie-daie tempatan. Kebelakangan ini, أَلْحَمْدُ لِلّٰه ramai sudah penceramah belia muda tempatan 'kitani' telah tampil ke hadapan memberikan ceramah-ceramah di masjid-masjid dan majlis-majlis formal. Mereka ini mempunyai potensi untuk ditampilkan sebagai penceramah-penceramah yang berwibawa, cuma potensi mereka ini perlu diasah, diasuh dan digilap. Kaola mengucapkan syabas dan tahniah kepada penceramah-penceramah muda ini.

   Dalam pada itu, di media sosial kita juga dapat menyaksikan orang ramai

berduyun-duyun untuk mendengar ceramah-ceramah yang disampaikan oleh penceramah-penceramah dari luar negara. Oleh itu, kaola memohon pencerahan dari Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengenai kelebihan ataupun yang digelar orang-orang muda sekarang ani, "*wow factor"* nya yang ada pada penceramah-penceramah luar ini yang boleh menjadi teladan baik kepada penceramah kita di negara ini.

Bagaimanakah usaha-usaha Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam mengangkat penceramah-penceramah tempatan ini ke tahap pengetahuan, kewibawaan dan karisma penceramah-penceramah luar negara ini?

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada rakan sepermesyuaratan Yang Berhormat.

Kaola sempat mencatatkan dari ucapan Yang Berhormat tadi mengenai Sijil Halal, pemakanan halal dan barang halal yang melibatkan Sijil Halal dan *KPI* yang ditetapkan dan adakah ia tercapai. Yang Kedua, apakah platform yang dibuat dalam hal ini secara dalam talian *(online)* seperti yang kaola nyatakan semalam.

Rancangan platform ini asalnya akan secara bersendirian dilakukan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan peruntukan sejumlah $1 juta tapi sudah diputuskan platform ini telah diserapkan dalam platform di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi. إِنْ شَاءَ اللهُ

Sebagaimana yang diharapkan oleh Yang Berhormat tadi. Isu untuk kemudahan-kemudahan seperti *SOP* mengenai keperluan-keperluan yang diketahui oleh orang ramai dan diketahui juga oleh individu-individu yang berhajat untuk mendapatkan Sijil Halal. Mereka mengetahui dengan jelas mengenai *SOP*nya yang ada pada masa ini dan setentunya akan dimasukkan ke dalam platform ini.

Adakah sejumlah 225 Sijil Halal itu akan dapat dikeluarkan? Itu angka-angka yang menjadi matlamat 'abiskaola' seboleh-bolehnya sedemikian tetapi yang menjadi kepentingan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah untuk memastikan bahagian yang menguruskan Sijil Halal itu, iaitu Jabatan Syariah di bawah Bahagian Pemakanan Halal akan lebih lagi berinisiatif untuk melaksanakan tugas-tugasnya sebagaimana yang diharapkan.

Antara masalah-masalah, cara-cara mengatasi kelambatan dalam membaharui, kelambatan dalam menyelesaikan pemohonan baharu dan sebagainya. Semua itu memerlukan cara kerja yang dapat menyelesaikan masalah yang selalu menjadi rungutan sedemikian.

1. Pengimportan daging-daging mentah seperti ramai kawan-kawan 'kitani' yang terlibat dalam pengusaha bisnes peniagaan ini sedia maklum, mereka memang sangat tertekan Yang Berhormat Pengerusi. Kaola sendiri merasakan kerana menunggu ketetapan untuk menghantar pemeriksa atau pemerhati apa yang diperlukan apabila mereka mengimport daging-daging tersebut.;

2. Kaedah yang menghendaki mereka menanggung pebelanjaannya bagi penghantaran tersebut.;

3. Apabila sudah sampai, sukar untuk mempercepatkan pengeluaran dari pos kawalan ataupun kalau di pelabuhan, iaitu gudang pelabuhan dan sebagainya.

Itu dari segi Sijil Halal, kaola nyatakan dengan ringkas sahaja. Kalau dari segi Sijil Halal tadi platformnya sudah ada إِنْ شَاءَ اللهُ dan mengenai pengimportan itu telah difikirkan dengan melibatkan banyak pihak, bukan saja Kementerian Hal Ehwal Ugama sendiri tetapi melibatkan juga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan yang berkaitan di untuk mendapatkan penyelesaiannya.

Langkah pertama, untuk mempercepatkan dan langkah kedua untuk mengurangkan perbelanjaan dengan tidak menjejaskan mutu kehalalannya dan sebagainya. Itu jadi satu formula sudah didapati, bukan telah dirumuskan dan sedang dalam perhatian dan pengkajian pihak-pihak yang berkenaan dan kajian-kajian berterusan mengenai cadangan-cadangan tersebut belumlah dapat kaola sebutkan di sini tapi membayangkan bahawa ada beberapa alternatif yang difikirkan dan beberapa alternatif itu, bagaimana untuk melepaskan bebanan pengimport dan jangan pula membebankan kepada kerajaan. Jadi apa caranya, itulah caranya.

Kedua, kepercayaan kepada orang yang akan ditugaskan. Jadi ada beberapa pilihan dan itulah sekarang ini dalam pertimbangan. Dalam pertimbangan ini, itu satu untuk alternatif kepada kita tetapi perkara permohonan yang sudah ada dalam sistem yang sedia ada, masih lambat lagi dan kaola sendiri pun sangat berharap untuk mempercepatkannya Yang Berhormat Pengerusi, maklumlah perkara itu tidak sepenuhnya di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Mengenai proses perlepasan di pos-pos kawalan itu yang kaola hairan kalau di pos-pos kawalan jalan darat atau di pelabuhan, ia ada jadual Yang Berhormat Pengerusi. Kalau melalui jalan darat, asal semua keterangan cukup dan sebagainya boleh terus jalan saja. Kalau dari Labu menuju ke Puni, Daerah Temburong, diiringi tu. Jangan di tengah-tengah jalan, ada barang lain masuk. Mungkin ini yang menyebabkan proses itu lambat. Jadi mudah-mudahan dengan perkara yang kita dengar di sini, pihak-pihak yang berkenaan akan

mencari jalan-jalan yang lebih benar-benarlah.

Yang menarik mengenai pembinaan masjid. Terima kasih atas penghargaan dan sanjungan Yang Berhormat dalam perancangan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN-12), ada 12 buah masjid akan dibangunkan dan rancangan yang disebutkan di sana adalah memang di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN-12) ertinya pembelanjaannya di bawah perbelanjaan kerajaan. Tapi pada masa yang sama juga ada lagi beberapa buah masjid dalam lingkungan 5 tahun itu yang akan dibina oleh Tabung Dana bagi pembinaan masjid. Yang sekarang ini sudah di dalam tangan setentunya Kampung Lamunin dan Kampung Ukong, Daerah Tutong dan kemudian Daerah Temburong yang sebagaimana sudah ada dinyatakan .

Yang menarik di sini ialah mengenai masjid-masjid di Rancangan Perumahan Negara seperti Yang Berhormat sarankan dan ini juga yang menjadi kepada penduduk-penduduk memindahi kawasan-kawasan perpindahan tersebut. Apabila mereka baru berpindah ke sana, prasarana berhubung dengan masjid ini, ada tanah yang diperuntukkan.

Jadi yang menjadi persoalan, kenapa tidak dibangunkan bersama-sama masjid, ini jadi salah satu *input* atau maklum balas kaola dan terima kasih kepada Yang Berhormat membawakan perkara ini dan mungkin ke hadapan ataupun sekarang ini perancangan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN 12) untuk Kampung Lugu dan jangan samapai Kampung Lugu itu masuk umur berbelasan tahun, baru kita membangunkan masjid dan kalau boleh, kita siapkan seboleh-bolehnya dan yang sudah dirancang itu dipercepatkan إِنْ شَاءَ اللهُ

Pemeliharaan masjid ini, Yang Berhormat juga mengatakan tadi kalau meminta contoh daripada negara lain, yang ada *transperancy* mengenai perolehannya dan kutipannya. Yang kaola nyatakan bahawa kalau kutipan masjid maknanya bukan tabung dana. Kutipan masjid untuk masjid dan dari jemaah masjid kepada masjid dalam tabungnya, memang ada peraturan-peraturannya Yang Berhormat Pengerusi.

Sebagaimana yang kaola jawab soalan awal-awal tadi, peraturannya memang dikehendaki untuk menyatakan laporan kutipan untuk dimasukkan ke dalam *notice board* di masjid tersebut. Jadi sejauh mana ia dilaksanakan pada masa ini dapat kita pantau dan masjid juga disarankan untuk menyediakan sarana-sarana bagi kemudahan pelajar-pelajar.

Suatu masa dulu, pemikiran ini sangat bagus dalam tahun 80-an, 90-an kerana pada masa itu, kita baru akan memasuki dunia *ICT,* jadi pembangunan Masjid Jubli di Kampung Jangsak sehinggakan tanah di sekitar masjid tersebut kepunyaan orang ramai telah diambil bagi memberikan kemudahan-kemudahan yang kita sebutkan ini bagi pelajar-pelajar mempelajari *Word*

Processor, sehingga kepada *internet* dan sebagainya kemudian di sana juga dirancangkan ada bazar ke arah menyokong masjid itu, menyokong dari segi kewangan masjid. Jadi perkara seperti ini tidak berkembang nampaknya kerana لْحَمْدُ لِلّٰه, kita seperti memadai bahawa masjid-masjid itu adalah masjid kerajaan dan dibiayai kerajaan, peruntukkannya dijamin ada setiap tahun, maka kita pun merasakan tidaklah perlu mendapatkan cara-cara kewangan dan sebagainya.

Tetapi untuk pembinaan-pembinaan masjid dengan adanya prasarana bilik perpustakaan untuk kanak-kanak ataupun bagi pelajar-pelajar yang tertentu, bukan saja merujuk ke perpustakaan tapi juga untuk mereka duduk dan belajar di sana kerana keadaan rumah di sekitar rumah-rumah yang di dalam Rancangan Perumahan Negara Ke-12 (RKN-12) tidak banyak dalam keadaan yang kondusif untuk suasana pembelajaran.

Suasana pembelajaran itu bukan saja di sekolah, mestilah juga diambil tempat lain dan masjid adalah kita fikirkan sesuai. Mudah-mudahan pemikiran ini akan berkembang dan dapat dijadikan kenyataan dalam perancangan pembinaan masjid-masjid yang akan datang.

Yang Berhormat menghargai munculnya da'ie-da'ie muda sebagaimana juga kaola ada dua ke tiga orang yang sudah kaola nyatakan. Pada keseluruhanya, perancangan ini dalam usaha memantapkan dakwah, menyediakan daie-daie yang memang mantap.

Setakat ini ada program-program akan dilaksanakan إِنْ شَاءَ اللّٰهُ, mungkin dalam awal tahun ini sekurang-kurangnya sudah mengenal pasti 2 orang tenaga daie yang kita akui sangat menarik untuk memimpin dan membimbing daie – daie, kita sudah meminang mereka melalui Pusat Da'wah di tempat mereka di Semenanjung, seorang di Pahang dan seorang di Selangor.

Mereka berkesanggupan untuk datang ke Negara Brunei Darussalam dari semasa ke semasa dan akan memulakan dalam sedikit masa lagi tetapi kaola tidak ada jadualnya, tetapi akan memulakan dalam tahun ini إِنْ شَاءَ اللّٰهُ

Mudah-mudahan dengan bimbingan tersebut akan memberikan kesan kepada pembangunan daie ini. Tetapi perkara dakwah ini bukan saja ilmu ada, tetapi ialah cara dan kaedah itu juga. Jadi, banyak aspek yang boleh dibangunkan yang kita mesti ambil kira dalam melengkapkan daie-daie ke tahap mana sebagaimana karismanya daie-daie di luar negara. Banyak caranya إِنْ شَاءَ اللّٰهُ dan mudah-mudahan mereka dalam umur sekarang 30-an ke 40-an mungkin dalam menerusi pengalaman mereka akan menjadi daie yang berkarismatik dan dapat berkhidmat di luar negara إِنْ شَاءَ اللّٰهُ.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, suka untuk membuat *intervention* mengenai perkara yang ditimbulkan.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola hanya menambah berkenaan daging import yang diperiksa lagi setelah masuk ke Negara Brunei Darussalam.

Sebenarnya daging import ini diperlukan untuk diperiksa oleh pihak badan *Brunei Darussalam Food Authority* untuk di*test*, *analyse contain* di dalamnya. *Since Brunei Darussalam Food Authority* ini di bawah Kementerian Kesihatan, ada baiknya Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjawabnya. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: إِنْ شَاءَ اللهُ kita menunggunya. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk membuat *intervention*nya.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah mengenai usaha untuk memperkasa kualiti penceramah ataupun daie. Sebenarnya Fakulti Usuluddin di *UNISSA* telah membukakan ataupun menawarkan Program Diploma Kebangsaan Da'ie dan Kepimpinan bermula sesi 2022/2023 dan antara objektif program tersebut adalah ia sebagai satu platform dalam melahirkan para da'ie yang mahir dan berketerampilan dan juga menyediakan pengajian yang lebih komprehensif kefahaman dan latihan seni penyampaian dakwah kepada para daie selaras dengan perkembangan ilmu semasa.

Jadinya, pada mana-mana da'ie ataupun mereka yang berhasrat untuk menjadi daie bolehlah memohon untuk memasuki ataupun mengikuti Program Diploma Kebangsaan Daie dan Kepimpinan yang ditawarkan oleh fakulti Usuluddin di *UNISSA*. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan atas reaksi atau respons tambahan di samping penerangan-penerangan yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيمِ
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas pembentangan bajet kementeriannya. Kaola mengambil maklum penjelasan yang telah pun dihuraikan atas soalan-soalan dan cadangan-cadangan yang telah

dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Banyak isu yang telah pun ditanyakan dan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Kaola mengambil isu yang kurang kontroversi yang belum disebut. Kaola ingin merujuk kepada Catatan Petunjuk Prestasi Utama iaitu jumlah hafiz Al-Quran 30 juz. Dinyatakan anggaran sasaran bagi tahun 2024/2025, 2025/2026 dan 2026/2027 ialah 82, 85 dan 94 orang. Soalan kaola, adakah *target* yang hendak dicapai oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama mengenai bilangan atau pun jumlah hafiz ini?

أَلْحَمْدُ لِلّٰه secara peribadi kaola mengalu-alukan usaha kementerian untuk melahirkan lebih ramai hafaz untuk berada dalam kalangan masyarakat kita, terutama mereka yang akan memegang jawatan Pensyarah, Ustaz, Imam dan baru tadi disebut da'ie dan pemimpin masyarakat, terutama yang menjadi imam musolah. رَسُولُ الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda dalam hadis Riwayat Bukhari yang ertinya: "Yang lebih berhak memimpin kamu adalah paling bagus bacaan Al-Quran antara kamu".

Pada masa ini sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat sebelum ini, ada rancangan membina masjid sebanyak 12 buah dan pada pandangan kaola jika mereka ini nanti disalurkan menjadi imam dan sebagainya, mereka perlu diberi nilai tambah dengan dilengkapi etika kerja, amalan-amalan terbaik pentadbiran, pengurusan kewangan dan kebolehan berkomunikasi yang kadang-kadang perkara ini kurang didapati pada imam-imam yang ada. Dengan ini إِنْ شَاءَ اللهُ dapatlah masjid-masjid dipimpin dengan baik.

Seterusnya kaola ingin bertanya. Pada masa ini di manakah mereka yang sudah hafaz dan membuat tugas ditempatkan? Adakah semua hafiz ini berkhidmat dalam perkhidmatan di Kementerian Hal Ehwal Ugama? Adakah mereka ditempatkan ataupun tidak tahu ke mana tuju mereka ini? Seterusnya, kaola sebenarnya ada banyak isu yang kaola timbulkan mengenai isu masyarakat ini tetapi banyak soalan yang sudah dijawab dan telah ditimbulkan oleh rakan Yang Berhormat, cuma yang ingin kaola timbulkan ialah mengenai apa yang sudah disampaikan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan dan telah pun diberi penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kaola tidak akan bercakap panjang mengenai perkara ini, cuma ingin minta izin Yang Berhormat Pengerusi untuk satu soalan sahaja dan mungkin cadangan. Berapa lamakah harus mereka ini menunggu edaran untuk mendapatkan rumah?

Jika rumah yang dibina tidak banyak, kaola berharap pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pembangunan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yayasan

Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan lain-lain duduk sama untuk mencari penyelesaian segera melalui Skim Kebajikan Negara.

Mungkin dengan membangun lebih banyak rumah seperti yang dinyatakan kelmarin peruntukan memang ada. Dapatkah mereka ini diutamakan untuk diberi peruntukan rumah di bawah Skim Perumahan Negara? Mungkin ada rumah yang kosong pada masa ini dapat diperbaiki segera untuk dijadikan tempat tinggal bagi yang memerlukan rumah.

Kaola berpendapat cara kita menangani masalah memohon dan memberi bantuan perlu dikaji dari masa ke masa akan keberkesanannya.

Bagi yang sudah dapat dibantu, itu benar tetapi kenyataannya masih ramai lagi yang memerlukan bantuan. Kadang-kadang yang mendukacitakan apabila diberitahu belum lagi di*meeting*kan sebab *meeting* jarang diadakan.

Kadang-kadang *meeting* akan diadakan tetapi sudah hampir hari *meeting postpone* ataupun di*cancel* atau *meeting* diadakan tetapi tidak sempat dibincangkan. *So whichever way you lose.* Dalam perkara ini, harus ada pemikiran baharu macam mana cara mengatasinya dengan segera. Kita boleh *postpone meeting* satu tarikh ke satu tarikh, bagi orang yang menunggu, itu terlalu lama bagi mereka.

Pada masa ini, kaola lihat semakin bertumbuhnya badan sukarelawan yang menjalankan kewajipan dan pengagihan bantuan makanan dan pakaian kepada yang memerlukan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه tetapi di luar keupayaan mereka adalah membeli rumah, keupayaan mereka hanya dapat memberi makanan harian dan bukannya rumah. Kaola berharap aktiviti badan sukarelawan seperti ini akan dapat dipantau bukan untuk menyekat kegiatan mereka malah digalakkan tetapi biar teratur.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga ingin merujuk mengenai jumlah kes baharu jenayah syariah setiap tahun. Pada Tahun 2022 dan 2023 terdapat sebanyak 440 aduan dan sasaran akan dikurangkan pada tahun 2023 dan 2024 kepada 350 kes. Kaola mohon pencerahan sama ada jumlah kes yang dicatat merupakan jumlah yang membimbangkan atau jumlah kes biasa sahaja. Sebab tidak ada penerangan *detail* mengenai perkara ini.

Apakah trend yang dapat dikesan dan berapakah banyak kes jenayah syariah ini yang sudah dibicarakan. Dalam buku Anggaran Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025, Pendakwa Syar'ie pada masa ini adalah seramai 22 orang. Adakah keramaian ini mencukupi untuk menangani kes-kes yang akan dibicarakan.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi.
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: . السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat. Menumpukan kepada perkara yang dibangkitkan. Pertama

mengenai hafiz Al-Quran, lepasan-lepasan hafiz.

Yang kedua adakah target yang dicapai itu akan sempat dan kemudian adakah mereka ini sudah diberikan pekerjaan atau berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Ada 12 buah masjid dirancang dalam RKN dan Yang Berhormat mencadangkan supaya mereka ini dapat diambil bagi menjadi imam. Sesuai dengan apa yang disabdakan oleh رَسُولُ الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ 'Yang sebaik-baik menjadi imam kepada kamu ialah orang yang baik bacaannya.' Maksud lebih baik bacaannya adalah orang yang hafaz Al-Quran. Dalam hal ini, jawatan-jawatan Imam tidak tertakluk semata-mata kepada hafiz ini sahaja. Ia tertakluk kepada kelulusan-kelulusan lain jua.

Mengikut peringkat kepegawaiannya, kalau ia lulus Diploma, ada dari KUPU SB pun lulus Diploma jua. Bahkan di atas daripada itu lulus ijazah. Jadi bersainglah mereka ini. Tapi satu perkara yang sudah dilihat oleh *trend* yang ada, lepasan-lepasan daripada tahfiz ini apabila mereka dilantik menjadi Imam-Imam di masjid nampak 'walih'nya daripada yang lain-lain. Hal inilah menjadi contoh untuk diambil kira.

Kalau misalannya pada masa akan datang keutamaan akan diberikan kepada mereka yang seperti ini. Tapi pada masa yang sama tidak juga 'kitani' dapat mengesampingkan hak-hak orang yang memerlukan jawatan dan boleh memegang jawatan-jawatan di masjid-masjid. Mudah-mudahanlah sama-sama mereka bersaing 'kitani' pun ada peraturan *on merit* dan sebagainya. Selain kelayakan juga, ada *on merit*.

Tidak ramai yang berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Tapi lepasan-lepasan tahfiz apabila mereka masuk ke Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sampai kepada hafaz 10,15 atau 20, kalau dia 30 juz lagi baik tetapi mempunyai kelulusan peringkat *'O' Level,* di luar daripada bidang agama dan seterusnya melanjutkan pelajaran di peringkat *'A' Level* di luar pihak agama dan mereka terus melanjutkan pelajaran di luar bidang agama dan mereka ini أَلْحَمْدُ لِلّٰه ada yang mengikuti Skim Pentadbiran Perkhidmatan Brunei (*BAS)* dan pada masa ini seorang telah dapat menjadi Pemangku Pegawai Daerah, kemudian ada yang sudah berkhidmat di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Itulah 'kitani' bila memikirkan masa depan, lepasan-lepasan agama di samping mereka mempunyai kemahiran tertentu bahkan kalau mereka berpeluang untuk mempunyai pendidikan dalam bidang-bidang kemahiran yang lain, *professional* maka 'kitani' tidak menghalang. Masih ada lagi cara-cara untuk mereka meningkat.

Hanya satu yang membanggakan 'kitani', mereka ini hafaz, ada yang sudah masuk dalam usia 30-an lelaki dan perempuan bahkan sudah dikira dalam sejumlah penghafal-penghafal yang diiktiraf oleh negara. Pertama dengan mengiktiraf mereka itu sebagai lulusan peringkat

ijazah dan yang kedua mengiktiraf mereka dengan satu Elaun Khas Bulanan. Jadi setakat ini sudah ada nampak usaha-usaha ke arah menggalakkan lagi hafazan ini. Di peringkat menghafaz Al-Quran ada satu peringkat yang dinamakan ilmu Qiraat dan ia diajarkan di peringkat Diploma dan seterusnya boleh diambil di peringkat Sarjana Muda dan seterusnya.

Qiraat ini kegunaannya lebih luas daripada setakat menghafal dan mengetahui ilmu-ilmu tajwid tetapi juga mengetahui jenis-jenis bacaan yang ada, sebagai orang yang mengetahui mengenai Mushaf. Mushaf itu ilmu tertentu yang tidak setakat menghafal dan ini faedahnya pada masa depan. Kalau misalannya 'kitani' mendapati ada kekurangan dalam Mushaf 'kitani' maka orang sedemikian inilah yang diperlukan. Qiraat dan 'kitani' sudah mengadakan kursus tersebut di Tahfiz. Seterusnya mana yang layak untuk melanjutkan pelajarannya di Al Azhar juga akan 'kitani' hantar dan untuk menyediakan orang-orang yang sedemikian lengkap ilmu Al-Quran, pandai membaca dengan baik, menghafal dengan baik sampai 30 juz bahkan ada ilmu-ilmu yang selanjutnya ada di Negara Brunei Darussalam ini إِنْ شَاءَ اللهُ. Itulah usaha-usaha 'kitani', tidak setakat untuk memberikan Sijil Hafazan atau Diploma tetapi jua Sijil Qiraat dan seterusnya di Al Azhar peringkat Sarjana Muda dan juga kalau ada yang berkemahuan untuk melanjutkan sampai peringkat yang tertinggi.

Mengenai mendapatkan rumah di bawah Skim Perumahan Negara. Yang didapati oleh Yang Berhormat ialah Bantuan Perumahan di bawah Asnaf. Di bawah perumahan ini memang dikatakan ada angka-angkanya sudah sekian-sekian. Yang Berhormat rakan sejawatan dari Kementerian Pembangunan menyebutkan angka-angka tersebut dan yang menjadi kemusykilan kepada Yang Berhormat mengenai kelambatan memutuskan dan membangun.

Kalau kelambatan memutuskan itu tidak kaola dapat kesan Yang Berhormat Pengerusi. Tetapi, kelambatan membangun disebabkan faktor-faktor tanahnya. Kalau sudah diluluskan, tetapi tanahnya bermasalah seperti pemecahan belum lagi selesai, kedudukan tanah yang memerlukan *us work* ataupun tempatnya agak terpencil dari jalan untuk diakses, semua perkara ini menyebabkan kelambatan-kelambatan tersebut.

Ini namanya di bawah *quick win* yang diperuntukkan sebanyak $35 juta yang kaola sebutkan pada tahun 2009. Sekarang ini mungkin berbaki dalam $24 ke $25 juta dan cukup untuk membuat perumahan yang dirancangkan.

Yang Berhormat memang masih ingat lagi, ada pemikiran dan perundingan dengan Yang Berhormat sewaktu menjadi Menteri Pembangunan, yang mana perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mempercepatkan proses perumahan di tanah yang sudah

well-developed, iaitu di kawasan Rancangan Perumahan Negara.

Itulah yang sedang 'abiskaola' rancangkan sekarang dan menunggu sejauh mana ia dapat dilaksanakan. Tetapi, dari segi syarat-syarat, kerana tanah itu adalah tanah perumahan dan orang yang akan berpindah itu mesti layak dari segi Rancangan Perumahan Negara tetapi kelayakannya itu bagi abiskaola' boleh tangguhkan Yang Berhormat Pengerusi, asal mereka mendapat rumah kerana rumah itu akan menjadi rumah Majlis Ugama Islam Brunei sehingga mereka layak.

Kalau mereka *stateless*, memang tidak layak untuk memiliki tanah dalam Rancangan Perumahan Negara. Rumah yang didiaminya itu ialah rumahnya tetapi belum dapat diberikan hak milik kepadanya sehingga ia layak. Ertinya, Majlis Ugama Islam Brunei yang membayar rumah itu adalah pemiliknya dulu. Kalau bukan mereka sendiri, mungkin anaknya yang lebih cepat mendapat kerakyatan dan selama mana mereka tidak menjadi rakyat, mereka boleh tinggal di rumah itu kerana keperluan adalah keperluan perumahan bukan keperluan tanah.

Inilah yang sedang abiskaola formulakan dengan Kementerian Pembangunan dan menunggu sejauh mana lot-lot sedemikian itu dapat diusahakan menjadi perumahan.

Satu peringkat bila diperkenalkan *quick win* ini pada tahun 2009/2010 Yang Berhormat Pengerusi, ramai yang sudah mendaftar sebagai berhak mengikuti Rancangan Perumahan Negara berhijrah kepada skim ini kerana mereka tahu Rancangan Perumahan Negara menunggu sehingga 6 ke 8 tahun pada masa itu.

Tetapi melalui skim ini, إِنْ شَاءَ اللهُ dalam tahun 2 mereka akan mendapat rumah. Pada mulanya, memang begitu Yang Berhormat Pengerusi, mudah pelaksanaannya pada masa itu kerana prasarana jalan raya, sambungan bekalan air dan tenaga elektrik ditanggung oleh kerajaan. Tetapi sekarang ini, ditanggung seluruhnya oleh peruntukan Zakat. Jadi, peruntukan itu 'sintak-menyintak' Yang Berhormat Pengerusi. Dahulu, kurang daripada $50 ribu, sekarang ini dengan faktor sedemikian itu, menjadikan rumah sahaja berharga tidak kurang daripada $70 ke $75 ribu, ditambah lagi dengan prasarana lain. Itulah juga yang menyebabkan faktor-faktor itu.

Mudahan-mudahan kita akan melihat isu perumahan ini sebagai keperluan kepada perumahan dengan syarat-syarat yang tertentu. Jadi, bagaimana ia memiliki rumah di bawah syarat RKN yang sudah sedia ada? Dalam hubungan orang Asnaf yang memang memerlukan, jika mereka ini layak untuk memiliki maka akan terus diberikan anak kunci, iaitu terus menjadi miliknya. Atau boleh juga ditangguhkan hak milik untuk memenuhi keperluan perumahan yang ada Yang Berhormat Pengerusi.

Kemudian dari segi kes-kes jenayah syariah yang dalam *KPI* untuk diturunkan

daripada lebih 300 kepada jumlah yang agak kurang. Apakah jenis kesalahan jenayah syariah itu? Kalau mengikut keterangan yang diberikan, kaola difahamkan angka yang diberikan itu adalah *reported cases*. Jadi, angka bagaimana perbicaraannya memakan waktu dan sebagainya.

Jenis-jenisnya ada yang berat dari segi jenayah syariah. Misalannya percubaan persetubuhan haram dan sebagainya Yang Berhormat Pengerusi. Hukuman di bawah Kanun Hukuman Jenayah Syariah ialah hukuman sebat dan ia sudah pun dimulakan dengan kes-kes seperti ini.

Mengikut keterangan daripada saksi-saksi yang menyaksikan pelaksanaan hukum itu, apakah ia menepati syarak atau tidak? Dikatakan sebatan syarak itu sebatan "manja". Tetapi, mengikut keterangan yang kaola perolehi dari yang dapat diyakini di Bahagian Kehakiman yang menyaksikannya, walaupun sebatan manja tetapi 'berbalitai' juga belakangnya. Nampak juga kesan dirotan itu di belakangnya itu. Apabila nampak kesan rotan 'berbalitai' itu ertinya memang menyakiti walaupun tidak sesakit sebatan dalam hukuman jenayah *penal code.*

Seramai 25 orang Pegawai Pendakwa Syar'ie ini terpaksa kaola selidiki dahulu adakah mereka itu dilantik setelah memegang bermacam-macam jawatan Yang Berhormat Pengerusi. Jadi, kalau mereka ini dilantik bermakna lantikan melalui Majlis Ugama Islam Brunei, tetapi lantikan mungkin sebagai Pegawai Agama dan sebagainya. Kalau seramai 25 orang ini menjadi Pendakwa Syar'ie, kaola akan dapatkan maklumatnya kerana ramai bilangan Pendakwah Syar'ie.

Jadi, apa sahaja kes yang sudah diberikan kepada mereka? Itu sahaja yang dapat kaola catat Yang Berhormat Pengerusi, minta maaf kalau kaola ada ketinggalan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama. Adakah Yang Behormat Menteri Kesihatan ingin memberikan respons kepada perkara yang kita bincangkan pada sesi awal tadi mengenai *food authority*.

Silakan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Soalan yang diutarakan ialah kenapa kelihatannya lambat kalau ada daging import, kenapa ia mengambil masa untuk diluluskan? Kaola ingin menjelaskan *BDFA* akan membuat pemeriksaan sebaik sahaja kontena itu datang di tempat premis pengimport. Mereka akan mengambil *random sample* terhadap daging tersebut untuk dibawa ke makmal.

Di makmal, beberapa *investigation* yang *pathogens*, diperiksa sama ada berlaku atau tidak seperti *E.coli*, *salmonella* dan sebagainya. *Especially* yang *frozen food*, yang paling penting *salmonella species.* Jadi, ia akan mengambil masa 8 hari waktu bekerja *(8 working days*) *to be sure the pathogen* seperti *Salmonella* ini tidak membiak pada daging tersebut. Selepas itu, sijil keputusan *lab* ini akan diberikan kepada *BDFA* dari *Department of Scientific Services* di Kementerian Kesihatan dan *BDFA* kemudian akan mengeluarkan sijil kelulusan *within 1 or 2 working days*, *overall, it takes about 10 working days* untuk memberi kelulusan kepada sebarang daging import terutama sekali daging beku.

Jadi, di sini kaola ingin mengambil kesempatan untuk meminta pertolongan daripada *vendor* yang meng*order* daging import ini untuk memastikan *the cold chain of* barang yang diimport kerana daging-daging ini selalunya dalam 1 buah kontena sudah mengandungi beratus ribu kilogram daging.

Untuk memastikan daging-daging dalam keadaan yang baik, beberapa peraturan mesti dipatuhi. Antaranya, memastikan *cooler* kontena itu mencapai suhu yang disarankan. Maksudnya perlu ada *temperature logging*. Semasa barang-barang itu sampai di Negara Brunei Darussalam, kita boleh melihat *temperature log* yang direkodkan semasa tempoh perjalanannya itu, adakah suhu dalam kontena itu lari daripada yang disarankan. Jika sekiranya terlalu panas, itu akan menyebabkan pembiakan *pathogen* seperti *Salmonella* hingga akhirnya tidak sesuai untuk di*consume* oleh manusia. Walau bagaimanapun, *first test* yang terjadi ini pada kebiasaannya *BDFA* akan melakukan *test* lagi sekali *(another round)*, jika *second round* juga mengesahkan *Salmonella*, ia tidak akan diluluskan untuk dijual di negara ini.

Pada masa ini, seperti yang saya terangkan tadi prosesnya mengambil masa 8 hari waktu bekerja kerana 'kitani' ingin memastikan pembiakan *pathogen* terjadi ataupun tidak tapi ان شاء الله**,** dalam masa yang terdekat dengan kaedah-kaedah mesin yang baharu mungkin ia akan dapat dikurangkan sedikit. Pada masa ini belum ada lagi yang dapat melaksanakannya dalam 1 atau 2 hari. *We know the technology is there*, ان شاء الله**,** pada masa yang akan datang dengan adanya teknologi baru seperti *PCR* yang lebih 'canggih', ia akan dipercepatkan lagi. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin.

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

،بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ
اَلْحَمْدُ للهِ رَبِّ العَالَمِيْنَ وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلىَ اَشْرَفِ
ألأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِناَ وَمَوْلْنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ
وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu, kaola merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah yang setinggi-tingginya atas mukadimah oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama yang sangat jelas tentang tindakan, perancangan dan hala tuju bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama kelmarin. Yang Berhormat Pengerusi. Di sini kaola ingin menyentuh tentang jawatan Guru Ugama Terlatih, adakah jawatan tersebut masih ada kekosongan berikutan persaraan pemegang-pemegang jawatan berkenaan yang dulu dipegang oleh guru-guru agama keluaran Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan?

Jika ada kekosongan, bagaimanakah pengisian jawatan-jawatan berkenaan? Setakat yang kaola ketahui, setiap tahun banyak pemegang jawatan tersebut yang bersara. Jika jawatan itu kekal kosong, bagaimanakah Kementerian Hal Ehwal Ugama mengisikannya dalam keadaan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah dinaik taraf menjadi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) dan pelajar lepasan KUPUSB yang memegang Sijil Diploma Perguruan dan Ijazah Sarjana Perguruan?

Yang Berhormat Pengerusi. Di sini juga, saya ingin mengucapkan أَلْحَمْدُ لِلّٰه, negara kini memiliki sebuah Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal. Sehingga kini, segala urusan yang berkaitan dengan Zakat lebih terurus sehingga segala permasalahan orang ramai akan dapat ditangani dengan lebih baik dan cepat khususnya pengagihan Zakat kepada asnaf Zakat. Kaola juga tidak lupa mengucapkan tahniah dan syabas kerana telah mempelbagaikan cara pembayaran zakat fitrah secara *online* yang diungkayahkan bersama bank *BIBD* dan *DST*. Kaola ingin tahu, apakah Kementerian Hal Ehwal Ugama mempunyai perancangan untuk membuat *apps* pembayaran Zakat yang dimiliki oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama sendiri sebagaimana negara jiran yang mungkin boleh meningkatkan kutipan Zakat.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Sebelum 'barangkali' Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama memberikan jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin. Saya ingin memberi laluan kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai *Brunei Darussalam Food Authority* ini lagi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menambah sedikit mengenai apa yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengenai *cold storage* ataupun *cold chain* dan sebagainya, yang menjadi masalah pada masa ini. Memang *cold storage* dan *cold chain* ini

mempunyai kekurangan fasiliti dalam negeri pada masa ini.

Dikongsikan dalam Dewan yang mulia ini, pada masa ini Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang berunding dengan satu *FDI* untuk membangun sebuah fasiliti *cold chain* yang mencukupi *especially* untuk daging-daging yang ada dalam negeri sama ada diimport ataupun disembelih dalam negeri. ان شاء الله, projek ini jika berjalan dengan lancar mungkin akan siap pada tahun ini. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, itu satu kemajuan yang mungkin memberikan impak kepada permasalahan yang dihadapi. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Ada 2 perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi dan terima kasih kaola ucapkan kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan mengenai kekosongan jawatan berikutan daripada Guru-Guru Ugama Terlatih. Lepasan dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dulu sekarang ini sudah menempuh usia bersara dan setiap tahun ramai daripada mereka itu bersara. Adakah kekosongan jawatan itu masih diisikan dalam jawatan tersebut?

Ini, kaola terpaksa mendapatkan butirannya dengan lebih terperinci tetapi dasar yang sudah kita ketahui bahawa pengajaran agama itu sendiri memerlukan kemahiran-kemahiran tertentu dan kerana itulah KUPU SB dinaikkan tarafnya dari maktab kepada peringkat universiti. Jadi, untuk mendapatkan guru-guru yang berkemahiran bukan sahaja dari KUPUSB bahkan juga dari lepasan-lepasan luar negeri daripada Mesir dan Jordan, daripada lepasan dalam negeri daripada UNISSA.

Mengenai pengisian jawatan guru terlatih bagi orang yang di bawah daripada itu, dapatlah kaola tangguh bagi mendapatkan butir-butirnya kerana kalau kaola tersilap membuat kenyataan di sini, 'inda' jua baik di Dewan ini. Biarlah perkara itu dapat kaola pastikan daripada pihak yang berkenaan.

Mengenai penubuhan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal yang sudah banyak diperkatakan di sini, 'kitani' masing-masing menaruh harapan khususnya mengenai pengagihan zakat. Jadi, mudah-mudahanlah keterangan-keterangan yang sebahagiannya telah kaola nyatakan sebelum ini akan berguna jua untuk Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin di mana-mana yang sesuai untuk memperjelaskan kedudukan pengagihan Zakat sama ada ia lambat dan sebagainya.

Ada faktor kalau secara ringkasnya memang dalaman di bahagian zakat, dari segi permesyuaratan dan sebagainya, dari segi pendataan dan sebagainya, tapi dalam masa yang sama juga, ada faktor-faktor mengenai kemahiran *ICT* bagi pemohon-pemohon ini. Juga adanya lambat pemohon-pemohon memberikan respons untuk memberikan butir-butir yang dikehendaki oleh pemeriksa yang

datang melawat mereka atau yang sudah menemu ramah mereka. Ada yang sudah diluluskan tetapi dikehendaki untuk membuka akaun. Jadi, penyelesaiannya bagi *ICT,* mereka didatangkan ke kaunter untuk mempunyai kemahiran menggunakannya permohonan dan menekan mana *button,* jangan tersalah tekan misalnya. Semua sekali itu akan diajarkan dan itu satu penyelesaiannya. Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal mengupayakan dirinya untuk dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran. Mereka diberikan kursus di dalam negeri oleh tenaga-tenaga pengajar dan juga daripada luar negeri oleh tenaga-tenaga yang berpengalaman dalam pengurusan Zakat. Semua itu adalah usaha-usaha dan 'kitani' berharap akan mendatangkan hasil yang baik.

Kemudian yang disambut baik oleh Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin dan kaola juga menghargakan tentang usaha kutipan Zakat Fitrah melalui *online*. *Online* itu melalui telefon. Jadi soalnya sekarang ini, di*outsource* kepada pihak operator-operator telefon, syarikat-syarikat telefon. Jadi, apakah ada perancangan membuat aplikasi sendiri? Akan 'kitani' lihat sejauh mana perkembangannya ke arah itu, mana yang terbaik dapat kita lakukan إِنْ شَاءَ اللهُ. Satu saranan yang membuka minda untuk difikirkan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan salam sejahtera kepada semua. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas pencerahan dan penerangan Yang Berhormat berkaitan dengan perkembangan dan hala tuju tumpuan dan keutamaan kementerian di Tahun Kewangan 2024/2025.

Banyak sudah soalan-soalan dan penerangan yang akan kaola sampaikan sudah pun dijawab. Maka tidaklah perlu kaola terus menanyakan soalan-soalan itu. Namun, kaola ada beberapa soalan yang ingin kaola sampaikan daripada isu-isu yang disampaikan oleh rakyat kepada kaola.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Isu-isunya adalah:

1. Kod 002/000 - Pemliharaan (Promosi) Ugama.

   أَلْحَمْدُ لِلّٰه melalui dari media sosial kita telah pun mengetahui ramai ahli mewakafkan sebahagian daripada harta mereka di luar negara untuk membantu perbelanjaan berterusan anak-anak yatim, membuka sekolah, pesantren, surau dan masjid. Ada yang diketahui mengeluarkan Zakat harta terus ke luar negara untuk inisiatif serupa. Pendekatan segelintir dengan keluarga yang

berinfakkan wakaf-wakaf mereka di luar negara, sebilangan mengatakan mereka memang ingin berwakaf dalam negeri tetapi telah menghadapi banyak proses yang menyebabkan hajat mereka itu terbantut. Persepsi sebahagian mengatakan terlalu banyak operasi yang menyebabkan sumbangan mereka tidak dapat dilaksanakan atau direalisasi dengan secepatnya sehingga yang berhajat meninggal dunia sebelum dapat menyampaikan niat mereka.

Oleh itu, ada warisnya menyampaikan hajat berwakaf terus dihantar ke luar negara. Memang diketahui ada beberapa inisiatif seperti tabung-tabung kutipan untuk pembinaan masjid dan dana untuk membantu anak-anak yatim sudah disediakan di setiap masjid untuk 'diungkayahkan' bersama agensi, badan yang tertentu. Tetapi ada segelintir masyarakat yang ingin melihat sumbangan-sumbangan mereka itu diinfakkan dan direalisasi secepatnya, bukan masuk tabung yang tidak diketahui bila projek akan dilaksanakan. Soalan mungkin mohon 'membarigakan' proses dan garis pandu dan strategi pihak kementerian untuk mempermudahkan menerima wakaf-wakaf individu yang ingin melihat wakaf mereka pelaksanaannya secepatnya di Negara Brunei Darussalam.

Cadangan kaola bagi memudahkan masyarakat membuat pilihan berwakaf di dalam negeri. Mungkin kementerian boleh menyediakan senarai projek amal yang layak menerima dana wakaf beserta tarikh-tarikh bila mula pembinaan atau penggunaannya yang dijadualkan. Dengan adanya senarai projek-projek yang akan dijalankan di kementerian yang disebar luas, masyarakat akan dapat membuat pilihan projek-projek mana yang dalam negeri untuk menerima sumbangan wakaf mereka tanpa terbabit dalam birokrasi yang rumit, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Semasa melawat Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal di Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa lawatan kerja dan telah pun dimaklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh jabatan baharu ini. Cabaran-cabaran ini termasuk kekurangan tenaga untuk mengurus dan memproses wakaf-wakaf dan dana yang sedia ada.

Dengan adanya *mechanism* wakaf yang tersenarai yang kaola cadangkan, ini mungkin akan dapat mengurangkan cabaran proses pengurusan wakaf orang ramai. Isu berkaitan dengan wakaf pembinaan surau dan masjid dalam negara ialah persepsi orang ramai tentang kurangnya sokongan daripada pihak berkuasa tempatan untuk memudahkan wakaf pembinaan

masjid atau surau atau balai ibadah daripada orang awam sebab kebimbangan wakaf-wakaf sebegini akan menambah beban di dalam pengurusan masjid dan surau selepas pembinaannya selesai dan mula beroperasi.

Persoalan berkaitan dengan pengurusan masjid selepas wakaf pembinaan tersebut telah selesai menjadi rintangan utama orang ramai dalam mendukung inisiatif ini. Mungkin mohon pencerahan Yang Behrormat untuk memberikan keterangan supaya orang ramai boleh tahu dan menolak persepsi yang mungkin salah.;

2. Mengenai prasarana 'pasal' masjid yang ada masa kini, penting bagi reka bentuk masjid untuk mampu menampung jemaah termasuk mereka yang kurang upaya. Ini termasuk akses ke dalam dewan masjid dan juga kemudahan akses ke tandas, tempat berwuduk dan juga tempat letak kereta. Pada masa yang sama, mohon diadakan penilaian semula dilakukan terhadap masjid-masjid utama yang sedia ada seperti Masjid Omar `Ali Saifuddien, Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah dan masjid-masjid besar lain di negara ini untuk memastikan prasarana yang mencukupi bagi jemaah kurang upaya untuk dapat memasuki masjid-masjid ini.

   Selain itu, terdapat masjid-masjid yang menghadapi masalah prasarana asas terutama pada waktu sesak seperti sembahyang Jumaat. Pernah kaola katakan tentang Masjid RPN Kampung Pandan di Daerah Belait yang hanya mempunyai beberapa tandas untuk lelaki dan wanita. Tapi kerana waktu kerja di sektor swasta telah diubah untuk membolehkan orang Islam bersembahyang Jumaat, ramai pekerja Islam dari swasta langsung menuju ke masjid dari tempat kerja.

   Oleh itu, sebahagian besar dari jemaah perlu membersihkan diri sebelum memasuki ruang sembahyang. Malangnya, disebabkan kekurangan tempat untuk membersihkan diri, ada sebahagian jemaah yang belum sempat duduk ketika khutbah dibacakan kerana menunggu giliran untuk menggunakan fasiliti tandas yang amat terhad.

   Sebagaimana yang dicadangkan dalam perbincangan sebelum ini, disarankan untuk membuat inventori masjid-masjid yang masih belum mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk menampung jemaah-jemaah seperti dari segi *accessibility* bagi orang kurang upaya, tandas dan sebagainya.;

3. Untuk mengadakan lebih banyak surau, balai ibadah di kawasan perumahan, kaola ingin mengemukakan *view alternative* tentang kemudahan akses ke masjid yang mudah dijangkau serta

peningkatan jumlah surau, rumah ibadah di kawasan yang banyak penduduk yang jauh dari masjid utama. Kod/Akaun 1204 - Jabatan Hal Ehwal Masjid memperuntukkan $65 juta dalam RKN ke-12 untuk membina 12 buah masjid di kawasan perumahan. Sudah dikatakan ada beberapa masjid akan dibuat dengan dana dari rakyat yang dikumpulkan sebanyak $30 juta setakat ini, mungkin daripada 12 masjid ini, adakah masjid-masjid yang akan digunakan daripada dana rakyat ataupun dana RKN? Rakyat perlu memohon agar masjid-masjid baharu yang dirancangkan dapat diakses dengan mudah oleh komuniti setempat dan juga warga komuter kerana banyak orang Brunei sekarang ini *commuting* dari Daerah Belait ke Bandar Seri Begawan dan dari Bandar Seri Begawan ke Daerah Belait dan ke Daerah Temburong. Lokasi masjid-masjid baru mohon dibina berdekatan dan senang diakses dari jalan utama yang menghubungkan kawasan penduduk bagi memudahkan warga komuter membuat perhentian dan menunaikan solat berjemaah.

Selain itu, kaola ingin menyampaikan cadangan alternatif agar lokasi dan saiz masjid dikaji dan memberi penekanan kepada pembinaan lebih banyak masjid berukuran sederhana yakni untuk menampung jemaah 100-200 orang dan memperbanyakkan di kawasan-kawasan perumahan kampung supaya senang dikunjungi berbanding dengan sebuah masjid yang besar yang berupaya 1000 orang yang merangkumi beberapa kawasan yang jauh untuk di'aga'.

Lebih banyak masjid memudahkan *accessability* dan selain memudahkan jemaah, inisiatif begini dengan memperbanyakkan masjid-masjid saiz sederhana juga akan dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan untuk graduan-graduan dalam bidang agama sebagai petugas-petugas masjid إِنْ شَاءَ اللهُ

4. Kod 1201/020 - Pembinaan Kemudahan Tambahan Blok Pentadbiran & Bilik Guru Sekolah Ugama sebab integrasi dalam RKN memberi peruntukan $50 juta melibatkan 40 buah sekolah kerajaan. Mohon pencerahan, kaola maklum bahawa inisiatif ini masih dalam fasa penilaian dalam RKN-12 yang akan melibatkan 40 buah sekolah kerajaan yang memerlukan penambahan blok untuk menampung keperluan tenaga kerja tambahan dan penuntut disebabkan oleh integrasi. Ini menimbulkan persoalan tentang sama ada terdapat penilaian dan maklum balas dari sekolah-sekolah swasta bagaimana mereka akan mengatasi cabaran serta disebabkan peningkatan jumlah murid dan guru tanpa menjejaskan kualiti dan kos pembelajaran di sekolah-sekolah swasta.;

5. Zakat Harta. Kaola difahamkan jumlah kutipan dari Zakat Harta pada tahun-tahun kebelakangan ini tidaklah pada tahap yang memuaskan disebabkan oleh jumlah kecil individu yang membayar Zakat Harta berbanding dengan masyarakat Islam dalam membayar Zakat Fitrah. Salah satu sebab utamanya adalah kurangnya pemahaman ilmu dalam kalangan beberapa individu Islam tentang kewajiban untuk membayar Zakat Harta serta cara pembayaran Zakat Harta yang kurang difahami.

   Mohon pencerahan mengenai status kutipan Zakat Harta, adakah kutipan dan peserta yang berzakat pada tahap yang diharapkan dan 'barigakan' strategi dan pelan tindakan terbaharu untuk meningkatkan kutipan zakat harta termasuk usaha menyebarluaskan ilmu tentang zakat harta serta apa-apa cara mempelbagaikan cara mudah mengira dan membayar Zakat Harta.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyatakan beberapa isu yang telah diusulkan dalam Dewan tahun lalu dan masih menunggu jawapan. Kaola tidak bercadang untuk mengulang pertanyaan tersebut di sini, tetapi hanya kaola menanti maklum balas dari kementerian mengenai 2 fakta iaitu:

1. إِنْ شَاءَ اللهُ kaola menunggu status inisiatif untuk mengurangkan kos pelaksanaan Haji wajib pertama yang telah dibincangkan awalnya.;

2. Pemerkasaan Jenama Brunei Halal bagi memudahkan proses dan menjadikan Halal Brunei sebagai jenama utama yang berprestasi. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Terima kasih Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin. Mudahan masa mencukupi sampai penghujung kerana bukan soalan tapi saranan-saranan daripada Yang Berhormat yang dapat kaola ulas dapatlah kaola ulas.

Mengenai 12 buah masjid yang akan dibangunkan. RKN yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah perbelanjaaan kerajaan bukan daripada dana rakyat. *Bombastic* bunyinya sedikit. أَلْحَمْدُ لِلّٰه,Yang akan dibangunkan dengan Dana Tabung Pembinaan Masjid sudah ada di Kampung Lamunin dan Kampung Ukong. Sebanyak 12 buah itu yang di bawah RKN-12 adalah dana kerajaan. Itu yang sedang kaola buat.

Mengenai wakaf dan infak, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi birokrasi yang menyebabkan orang inda jadi berwakaf. Yang didengar daripada Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal antaranya memudahkan orang ramai supaya berwakaf dan berinfak itu ialah dengan menunggu adanya akta yang akan siap mengenai wakaf ini. Tapi dalam masa yang sama, ia akan berjalan

tanpa akta, akta yang sedia ada, akta yang di bawah Majlis Ugama Islam Brunei Penggal 7 adalah memperuntukkan bagaimana orang hendak berwaqaf dan bagaimana untuk ia dikendalikan ataupun untuk diuruskan.

Tapi dikatakan birokrasi menyebabkan orang lari, siapa yang akan berwakaf, 'inda' sempat berwakaf, ada yang sudah meninggal, atau berwakaf ke luar negeri. Satu kes orang meninggal itu asalnya hendak berwakaf, masjid, orang dari Seria, tapi dia meninggal bukan kerana menunggu wakafnya diluluskan tapi Majlis Ugama Islam Brunei menunggu untuk melaksanakan wakafnya, sampai dia meninggal. Wakafnya tidak terlaksana. Sekarang ini didengar daripada warisnya iaitu isterinya, wakafnya masih *on* إِنْ شَاءَ اللهُ akan dilakukannya. Itulah yang didengar tetapi orang yang terpaksa menunggu lama dan ini belum kaola dengar bilangan yang signifikan. Tapi yang sudah nyata orang berwakafkan surau adalah mudah seperti surau di Bandar Seri Begawan dan membangunkan masjid.

Terakhir ini di Batu 14, Jalan Tutong, Kampung Kulapis. Memang memakan masa kerana Majlis Ugama Islam mengambil kira apakah pewakaf ini akan dapat melaksanakannya sehingga selesai bangunannya. Jangan nanti terjadi seperti beberapa kalangan di Pekan Seria, di Lorong 3 suatu ketika dahulu. Daripada surau diangkat menjadi masjid dan mereka akan berwakaf untuk masjid itu.

Difikir-fikirkan kalau tidak siap akan menjadi beban kepada kerajaan. Kaji sama ada kawasan tersebut memerlukan masjid atau tidak. Dari kajian pada masa itu, kawasan tersebut memerlukan masjid. Maka dibangunkan masjid yang ada di Pekan Seria sekarang. Itu adalah salah satu contoh, yang penting bukan birokrasi, kepastian bahawa kalau mahu pembangunan itu tidak tergendala dan tidak membebankan sesiapa. Banyak masjid yang sudah ada di Seria seperti Masjid Malai Mashor, ada wakaf berjalan dengan baik dan lancar. Tinggal lagi memudahkan itu kita cuba mengusahakan apa sebenarnya birokrasi pentadbiran di sana. Adakah melibatkan pentadbiran di Majlis Ugama Islam Brunei dahulu dan sekarang ini di Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal. Maka kita akan melihat, إِنْ شَاءَ اللهُ apa yang baik itu akan kita usahakan dengan sebaik-baiknya.

Tetapi bagi yang berzakat ke luar negeri itu ada baiknya merujuk kepada hukum Berwaqaf keluar negeri tiada masalah. Berzakat ke luar negeri ada sedikit masalah hukum tapi tidaklah perlu kita bincangkan di sini kerana ia bukan bidang kaola. Tapi ia bolehlah dirujuk kepada ustaz-ustaz dan kepada pihak yang berkenaan mengenai berzakat ke luar negeri. Dasar yang ada sekarang ini wang yang terkumpul dari Zakat tidak dapat dipindahkan ke luar negeri. Tapi itu belum terkumpul.

Satu saranan yang baik daripada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin ialah untuk

menjadikan orang ramai mengetahui apa projek-projek yang sedang dirancang oleh Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal ada peluang untuk orang ramai berwakaf. Ini boleh diambil kira untuk difikirkan. Cara ini dilakukan di Singapura, bagaimana masjid-masjidnya dibangunkan. Hatta, sebiji bata itu ada harganya, jadi orang yang hendak berwaqaf mengikut beberapa ratus biji bata atau berwaqaf mengenai ruang untuk *library*, ruang untuk solat wanita, ruang untuk mimbar, itu semua ada harga-harganya. Hal sedemikian ini memang sudah terfikir tapi banyak yang hendak diusahakan lebih dahulu. Tapi saranan sedemikian ini boleh diambil catatan mengenai perkara ini. Kami tidak akan selama-lamanya seperti kata orang *defensive.* Menghadapi masalah seperti iniadalah cabaran tenaga untuk merancang dan melaksana. Seperti yang kaola katakan tadi kerja untuk 3 orang tapi yang ada 2 orang. Tapi yang 2 orang ini jangan tidak bekerja mesti bekerja untuk menyiapkan kerja yang sepatutnya dilakukan oleh 3 orang itu. Kelmarin kaola sebutkan dan kaola ulang lagi hari ini dan kaola tidak berhajat untuk mengulangnya.

Prasarana masjid untuk kemudahan-kemudahan Orang Kurang Upaya. Perkara ini berkali-kali dinyatakan setiap Musim Permesyuaratan dan ini adalah perkara yang relevan untuk diperhatikan. Kaola ada catatan di sini, jumlah masjid yang sudah mempunyai kemudahan-kemudahan sedemikian dan mana masjid-masjid yang tidak mempunyai kemudahan. Kemudahan berhubung dengan Orang Kelainan Upaya.

Di Daerah Brunei dan Muara sudah ada 50 buah masjid yang sedemikian, ada laluan untuk kerusi roda dengan cara-caranya sekali. Begitu juga tandasnya. Tandasnya sudah ada 35 buah, tempat letak keretanya sudah ada *designated* untuk Orang Kurang Upaya sebanyak 26 buah daripada 41 buah. Di Daerah Tutong ada laluan kerusi roda sebanyak 7 buah, tandas bagi Orang Kurang Upaya ada 4 buah dan tempat letak kereta ada 2 buah. Kalau dalam masjid-masjid baharu إِنْ شَاءَ اللهُ semuanya telah dilengkapkan, tetapi ini masjid-masjid lama. Ini tidak semestinya dengan dana kerajaan akan tetapi dana rakyat, orang berwakaf. Itu yang menjadikannya laju, cepat untuk dibuat.

Di Daerah Belait, ada 5 buah laluan kerusi roda dan tandas ada sebuah dan tempat letak kereta ada sebuah. Tetapi, tiada perkara yang disebutkan tidak ada tandas oleh kerana berbangkit dengan keadaan sekarang ini ramai jemaah yang dari tempat kerja akan menukar pakaian dan sebagainya. Mungkin tambahan-tambahan ini tidak memadai ataupun masjid yang ditambah ini bukan masjid yang jadi sasaran. Itu akan diperhatikan.

Di Daerah Temburong, ada kemudahan sebanyak 3 buah, tandas khas belum ada dan tempat letak kereta pun belum ada.Jadi, kesemuanya semua sudah 'dikelingai'. Kalau ada orang yang hendak berwakaf, cubalah peluang-peluang seperti ini. Begitu juga mengenai Bilik Penyempurnaan Jenazah. Daerah Brunei

dan Muara sudah ada 47 buah yang baru disediakan, Kereta Jenazah ada 52 buah, barang-barang keperluan Jenazah pun ada yang wakaf. Disediakan juga keperluan barang jenazah seperti kain kafan 'andang sedia' ukurannya. Kalau kebetulan malam kedai sudah tutup, pergilah ke masjid. Biasanya orang yang melaksanakan iaitu Penggapai perempuan atau Penggapai lelaki akan menuju ke masjid. Ataupun mereka sendiri membawa atau sudah ada orang yang bersedekah dan sebagainya.

Di Daerah Tutong, sudah ada 11 buah Bilik Penyempurnaan Jenazah dan 15 buah Kereta Jenazah. Di Daerah Belait, ada 7 buah Bilik Penyempurnaan Jenazah, 8 buah Kereta Jenazah dan barang-barang keperluan sentiasa ada.

Kaola bersetuju dengan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin. Kalau orang ramai tahu dengan sebaik-baiknya dan faham, ia akan mudah untuk menyalurkan kemurahan hatinya untuk tujuan-tujuan sedemikian. Kerana itu, perlunya promosi hal-hal seperti ini selalu diperkatakan.

Mengenai bahagian sekolah ini, kaola kurang faham apa yang dimaksudkan dari prasarana penilaian yang ada 19 buah, tetapi masih juga. Itulah, kalau keperluan untuk menyiapkan semua yang diperlukan mencukupi bilangannya, *fantastic* juga, begitu *ideal*. Tapi 'kitani' berusaha menyiapkan dan mengadakannya, mengikut fasa-fasa yang dapat kita lakukan إِنْ شَاءَ اللهُ

Jadi, bukannya ada kaitan dengan pengintegrasian. Ada 40 buah yang dirancangkan itu, Yang Berhormat sendiri pun faham. Dalam catatan, masih dalam fasa penilaian. Setakat ini, tidak lagi 40 buah, cuma ada 19 buah yang disebutkan. Mengapa masih diperlukan prasarana ini setelah pengintegrasian? Ini memerlukan rancangan asal iaitu membangun atau membina sekolah untuk guna sama. Jadi, bila sudah pengintegrasian, lebih berguna lagi kerana prasarana yang sedia ada di sekolah-sekolah umum, prasarana untuk memenuhi keperluan tempat berwuduk, dan untuk guru-guru yang ramai, jadi masih ada keperluan di sana. Walau bagaimanapun, keperluan itu dari segi bilangannya adalah masih dalam kajian. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II di bawah perkara seperti ini, kalau ada maklumat boleh menambah atau tidak mengenai membangun prasarana sekolah guna sama dan bangunan-bangunan. Sekarang ini, melibatkan bagaimana swasta seperti di Bandar Seri Begawan ada sebuah sekolah, ia merasakan untuk memenuhi keperluan pengintegrasian itu, ia memerlukan bilik-bilik yang mencukupi.

Pada masa ini, tidak perlu menyebut nama sekolahnya Yang Berhormat Menteri Pendidikan, kerana abiskaola sempat melawat bersamanya.Sekolah tersebut minta disegerakan kebenaran untuk mereka membangun semula blok, jadi 'bisdia' bersedia bukan saja menyiapkan bilik untuk sembahyang

bahkan juga surau untuk sembahyang. Jadi, mengenai Zakat Harta lebih banyak daripada Zakat Fitrah, memang orang yang Berzakat Harta Fitrah ini, Zakat perseorangan berapa ringgit sahaja, $2 ke $3 seorang, jadi jumlah 'kitani' penduduk Islam di*multiple* beberapa orang, memanglah rendah.

Tetapi kutipan Zakat Harta walaupun memang jumlahnya banyak daripada Zakat Fitrah, masih belum dikatakan sudah kepada maksimum. Setakat ini, secara sukarela orang datang. Institusi kewangan yang banyaknya. Syarikat-syarikat perniagaan sudah mula mengetahui yang sedemikian itu dan إِنْ شَاءَ اللهُ dengan 'pambarigaan' yang berterusan hal-hal mengenai Zakat Harta ini, yang kita harapkan akan menyokong sosioekonomi negara juga. Dalam perkara iniإِنْ شَاءَ اللهُ akan diusahakan dengan sebaik-baiknya dengan mengurangi birokrasinya. Tapi hairan juga Yang Berhormat menyatakan orang ramai tidak mengetahui kadar Zakat Harta yang hendak dikeluarkan. Setiap hari, ada di televisyen. Kalau tidak ada televisyen, dalam aplikasi juga ada.

Boleh diketahui berapa pengiraannya. Kalau orang tua-tua dahulu, kalau 1,000 dalam $2.50. Ada sukatannya berdasarkan Harga Emas semasa. Kaola macam peluru bertabur, minta maaf. Kaola rasa dapat jawab. Saranan berhubung urusan Haji tahun lepas, apakah saranan itu dikaji atau tidak? Kaola sudah menyatakan kelmarin, antara yang dikaji oleh Jawatankuasa *ad hoc* itu adalah saranan-saranan seperti itu. Jawatankuasa *ad hoc* sudah menguruskan setakat ini apa yang kaola bentangkan semalam dan mudah-mudahan semua 'kitani' fahami. إِنْ شَاءَ اللهُ Itu saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin. Kalau dapat Yang Berhormat *accelerate* sikit. Dewan ini makin sejuk sudah.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ
اَلْحَمْدُ للهِ رَبِّ العَالَمِيْنَ وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلىَ اَشْرَفِ
ٱللأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِناَ وَمَوْلَنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى اٰلِهِ
وَصَحْبِهِ اَجْمَعِيْنَ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dengan mukadimah yang jelas dalam menyediakan Belanjawan serta hala tuju Kementerian Hal Ehwal Ugama bagi Tahun Kewangan 2024/2025:

Yang Berhormat Pengerusi.

1. Cadangan kaola ialah mengenai pemandu jabatan-jabatan kerajaan bagi pegawai-pegawai kanan kerajaan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه dalam kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri dan Yang Mulia Timbalan Menteri, orang yang duduk sebelah kanan Yang Berhormat Pengerusi, Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap terdapatnya pegawai kanan kerajaan ini dalam kalangan wanita. Kalau

diamati semua pemandu kenderaan yang disediakan oleh kerajaan bagi mereka ini adalah semuanya lelaki.

Adakah pemikiran Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama bersama Jabatan Perdana Menteri untuk mengambil khidmat pemandu dari kalangan wanita khusus untuk pegawai-pegawai kanan kerajaan dari kalangan wanita yang baru disebutkan? Kaola percaya ia juga akan dapat membuka peluang pekerjaan kepada kalangan wanita.;

2. Beberapa tahun yang lalu telah diadakan perlawanan bola sepak yang dikenali sebagai "Piala Zain" dan "Piala Pengarah Hal Ehwal Masjid" bagi belia masjid senegara. Yang menariknya, peserta belia masjid yang menyertai kejohanan ini telah mengikuti program-program keagamaan yang disusun atur dengan rapi dan dimestikan untuk bermalam di masjid selama 2 hari dengan menunaikan solat berjemaah (fardu Maghrib, Isyak dan Subuh), membaca Ratib Al-Attas, mendengar ceramah agama, motivasi dan tazkirah Subuh.;

3. Kaola ingin mengajukan cadangan bagi menggalakkan lebih ramai lagi belia di luar sana ke masjid untuk berjinak-jinak dengan solat di masjid dan berjemaah, termasuk kaola. Dapatkah kiranya idea kaola ini diteliti kesesuaianya sepertimana Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim tertakluk dengan hukum katanya tadi? Untuk kawasan lapang masjid yang baru atau yang lama dilengkapi dengan tempat bersukan seperti futsal, badminton dan pingpong khusus bagi belia-belia yang minat bidang sukan ini.

Kaola berpendapat dengan sukat-sukat dan garis panduan dan peraturan yang digariskan nanti akan melatih belia-belia itu untuk berhenti sebelum azan dilaungkan dan menunaikan solat di masjid berkenaan tepat pada waktunya, melatih untuk menutup aurat dan sebagainya.

Usulan ketiga, koala ingin mengajukan satu usulan mengenai pendedahan kaum belia dan kanak-kanak untuk dibenarkan melaungkan azan di masjid-masjid semasa solat lima waktu. Memang ada perlawanan azan tetapi yang 'bisai-bisai' itu bolehkah dicadangkan untuk mereka supaya jangan tah 'karit-karit' bahagian takmir masjid untuk membenarkan mereka melaungkan azan? Pada pendapat kaola dengan pendedahan ini, iaitu mengikut kriteria yang sesuai dan akan ditetapkan pasti dapat melatih belia-belia dan kanak-kanak pada situasi yang sebenarnya. Kalau boleh lagi ia bilal semasa solat Jumaat, ia akan mengimarahkan lagi masjid-masjid kita di negara ini. إِنْ شَاءَ اللهُ

4. Surau di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Seperti yang kita tahu ramai yang bertugas di kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei termasuk kaum keluarga yang akan menghantar dan mengambil sanak saudara dan rakan dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei terutama sekali pada waktu solat Jumaat.

   Adakah pemikiran Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama kementerian yang berkaitan untuk menaik taraf surau ini kepada taraf masjid? Memang tertakluk kepada hukum seperti bermukim, Masjid Mohamad Bolkiah di Kampung Serusop, Masjid Sufri Bolkiah di Kampung Burong Pingai Berakas, Masjid Ash-Shaliheen bersebelahan Jabatan Perdana Menteri didapati 'limpar' ketika solat Jumaat.;

5. Empat cadangan dan satu soalan. Kaola ingin menyentuh *claw machine* atau "mesin cakar". Permainan ini seperti yang kita ketahui ialah satu permainan *arcade* yang menggunakan cakar berbentuk lengan untuk mendapatkan hadiah seperti anak patung kanak-kanak dan ada pada masa kini televisyen dan telefon. Caranya dengan memegang barang yang dihasratkan, mesin itu yang memegang. Untuk memainnya, pemain lebih dahulu memasukkan duit atau *token, token* ini ditukar daripada duit.

   Permainan yang dikenali sebagai *UFO* di Jepun ini merupakan permainan yang diminati oleh orang ramai dan juga oleh belia 'kitani'. Kaola difahamkan sesetengah negara Islam sudah mengharamkan permainan ini. MUI Indonesia dan Mufti Wilayah Persekutuan, Mantan Mufti Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al Bakri juga mengharamkannya.

   Adakah permainan mesin cakar ini yang melibatkan sesuatu yang dikategorikan 'garar' dikira haram? Sudahkah negara kita mengharamkan permainan ini demi menjaga kemaslahatan rakyat terutama sekali belia di negara ini?

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama: Adakah mesin cakar ini sudah ada di Negara Brunei Darussalam seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin? Jika sudah ada di Negara Brunei Darussalam dan ada negara-negara yang sudah mengharamkannya? Jadi, untuk memastikannya, terpaksa dipastikan adanya dan adakah sudah hukum atau belum. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Kalau ada hukum atau belum, jadi dapat kita rundingkan perkara itu secara dalaman antara Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Mufti Kerajaan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Menaik taraf surau di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Memang ada, bukan sahaja surau di Lapangan Terbang Antarabangsa tetapi terdapat pemikiran dan rancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membawa perkara ini kepada Majlis Ugama Islam Brunei. Beberapa surau-surau yang sudah patut dinaik taraf. Bahkan ada suara-suara kedengaran, kalau tarafnya surau, tidak dapat sembahyang tahiyatul masjid dan sebagainya. Masuk ke surau untuk sembahyang waktu sahaja. Apa salahnya dinaikkan tarafnya menjadi masjid dan Yang Berhormat tadi nyatakan, tidak semestinya masjid-masjid ini di Kawasan perumahan yang besar. Yang ramai orang itu besar masjidnya kerana boleh jadi ia terletak jauh. Jadi kalau ada masjid yang kecil, surau ini boleh jadi alternatifnya untuk dijadikan masjid dan sebagainya Yang Behormat Pengerusi. Itu sedang dalam pemikiran abiskaola.

Kemudian kanak-kanak melaungkan azan itu, ini satu idea untuk melihat kesesuaiannya. Memanglah untuk tujuan galakan dan sebagainya tetapi apakah ia akan menjadi suatu *trend* dalam latihan-latihan, akan difikirkan juga yang sebaiknya. Kalau hendak memperkenalkan *trend* yang baharu dalam perkara keagamaan ini, sangat konservatif abiskaola Yang Berhormat Pengerusi. Kemudian, "Piala Zain" dahulu sudah tidak ada tetapi dalam ketiadaannya itu, kegiatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi masih ada. Ertinya, belia masih ada ke masjid-masjid untuk mengikuti program-program keagamaan itu, cuma tidak segiat dulu dengan adanya "Piala Zain" kerana piala itu macam liga. Liga masjid-masjid Yang Berhormat Pengerusi. Ada hal masa itu yang menjadikannya terhenti dan sampai sekarang ini belum lagi di*revive*, mungkin dari fikiran-fikiran dan macam mana apa asbab al-nuzulnya. Sebab-sebabnya ia ditiadakan dan sebagainya, lebih diketahui dengan lebih rapi untuk difikirkan bagaimana. Tetapi apa yang penting, tarikan kepada belia-belia dan anak-anak ke masjid-masjid memang sudah ada macam-macam tarikannya.

Selain kanak-kanak belajar muqadam, pada masa yang sama jua ada masjid yang menyediakan kemudahan bagi kanak-kanak untuk melukis dan sebagainya tanpa membuang masa menunggu Muqadam atau giliran dan sebagainya. Jadi semua ini suatu perkara yang boleh difikirkan Yang Berhormat. Pemandu kereta kerajaan bagi *VIP* dan sebagainya, semuanya lelaki.

Adakah pemikiran kementerian ini, tetapi tidak ditanya adakah pemikiran Jabatan Perdana Menteri atau pemikiran Kementerian lain. Jika kementerian Hal Ehwal Ugama bercadang untuk melantik wanita untuk menjadi pemandu, bukan bidang abiskoala untuk lantikan *driver* itu, kalaupun 'abiskoala' diberikan autoriti ataupun kuasa dalam perkara itu, konservatif kaola terus. Biarlah lelaki sahaja, bukan berkenaan dengan masalah *gender* atau sebagainya tetapi kita mengambil kira banyak faktor إِنْ شَاءَ اللهُ .

Kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menarik untuk jadi bahan di sini dan didengar. إِنْ شَاءَ اللهُ . Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama atas respons dan penjelasan yang diberikan dan juga kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang turut serta memberikan *intervention* mereka masing-masing menurut *area* ataupun yang mengenai kementerian masing-masing.

Saya kira sudahlah selesai dan saya berpandangan ada baiknya Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama ini sekarang kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju sila angkat tangan:

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Yang Berhormat Pengerusi: Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka Tajuk SJ01A – Kementerian Hal Ehwal Ugama ini diluluskan.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SJ01A - Kementerian Hal Ehwal Ugama, dijadikan sebahagian daripada jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya rasa ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa kita ini ditangguhkan dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya kira cukuplah kita bersidang pada petang ini. Saya tangguhkan persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللهُ pada hari Sabtu, 9 Mac 2024 seperti biasa mulai dari pukul 9.30 pagi.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Sabtu, 28 Syaaban 1445 / 9 Mac 2024

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L.,. Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau - Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari kesembilan, hari ini Sabtu, 28 Syaaban 1445 bersamaan 9 Mac 2024, didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita bersyukur ke hadrat أَللّٰه سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua kita dapat lagi bersama-sama hadir pada pagi ini bersidang bagi hari yang kesembilan dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Sebelum kita beralih ke peringkat Jawatankuasa bagi meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang Undang-Undang tersebut selanjutnya, saya telah pun difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, ingin membuat kenyataan dan respons terutamanya bagi beberapa soalan yang telah diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Rang Undang-Undang yang telah dibahaskan semasa membincangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 pada hari Khamis yang lalu, 29 Februari 2024.

Dengan itu, saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana

Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Izinkan kaola untuk merujuk beberapa soalan dan *feedback* yang telah diajukan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat pada hari Khamis, 29 Februari 2024 yang lalu, yang kaola belum sempat memberikan penjelasan ke atasnya. Kaola ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat berkenaan dan menyambut baik *feedback* yang telah diberikan:

Soalan daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim mengenai langkah-langkah strategik.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui *Brunei Darussalam Central Bank* (*BDCB*) untuk memperbaiki lagi penglibatan sektor perbankan tempatan untuk membantu mengembangkan dan meningkatkan ekosistem di negara ini.

Lebih dahulu, izinkan kaola kongsikan beberapa usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak *BDCB* untuk memudah cara dan membantu pihak individu dan peniaga termasuk Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana (PMKS) untuk mendapatkan pinjaman kewangan dengan lebih mudah seperti berikut:

i. Pada tahun 2016, *BDCB* telah memperkenalkan Sistem Pendaftaran Cagaran ataupun *Collateral Registry* untuk membantu PMKS mendapatkan pinjaman kewangan dengan mengguna pakai *moveable property* mereka sebagai cagaran. *BDCB* juga secara berterusan meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai Pendaftaran Cagaran ini kepada industri dan topik-topik yang dibentangkan semasa sesi pembinaan kapasiti tersebut adalah berguna kepada PMKS seperti *Factoring and Asset-Based Lending.*;

ii. Pada tahun 2018*,* Skor Kredit atau *Credit Score* telah dikenalkan bagi membantu bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan untuk membuat keputusan pinjaman yang lebih bermaklumat serta memudahkan lagi akses kepada kewangan bagi *individual* dan *entity commercial* terutamanya bagi PMKS.;

iii. Melalui *Notice On Equity Based Crowdfunding (ECF*), *Platform Operators* dan *Notice on Peer-to-Peer Financing (P2P) Platform Operators* yang masing-masing dikeluarkan pada bulan Ogos 2017 dan April 2019. Notis-notis ini memberikan panduan perundangan yang jelas bagi mana-mana syarikat yang ingin mengendalikan *platform ECF* dan *P2P* di negara ini. Seterusnya, diharap akan dapat membuka jalan

terhadap sumber pembiayaan alternatif kepada peniagaan setaraf dan kecil untuk menjana modal.
Di samping itu, *BDCB* juga menggalakkan perkembangan syarikat-syarikat dan produk-produk Teknologi Kewangan ataupun *Financial Technology (FinTech)*. Pada tahun 2017, *BDCB FinTech Regulatory Sandbox* telah dikenalkan dan setakat ini terdapat sebanyak 2 buah syarikat *FinTech* yang sedang menguji perkhidmatan kewangan digital *Peer-to-Peer Crowdfunding Platform* dan juga kiriman wang.

Perkhidmatan-perkhidmatan tersebut antara lainnya menawarkan penyelesaian teknologi kewangan bagi mengatasi isu-isu kewangan yang dihadapi oleh PMKS di negara ini.

BDCB juga telah membuat kajian atas kadar pinjaman wang yang ditawarkan kepada sektor korporat dan *FDI* dan didapati bahawa kadar pinjaman bank yang ditawarkan di negara ini adalah berpatutan dan boleh dianggap rendah berbanding negara-negara serantau. إِنْ شَاءَ اللهُ Kementerian Kewangan dan Ekonomi menyambut baik cadangan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim dan akan terus memantau perkara ini dengan sebaiknya.;

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

iv. Sebelum kaola beralih ke soalan seterusnya, izinkan kaola untuk menyentuh sedikit mengenai *business sentiment* atau *business confidence* khususnya bagi menangani cabaran-cabaran yang dialami oleh para peniaga di negara ini, terutama sekali pasca*COVID-19*. Hasil daripada maklum balas yang diperolehi dari platform yang tertentu seperti sesi-sesi Dialog bersama *National Chambers of Commerce and Industry Brunei Darussalam, roundtable economic discussions, business forums* dan sebagainya, pihak kerajaan secara berterusan telah dan sedang mengenal pasti perkara-perkara yang perlu diperbaiki termasuklah mengubah dasar-dasar supaya lebih properniagaan ke arah memastikan *economy outlook* yang positif bagi *business community* dan menggalakkan pelaburan baharu. إِنْ شَاءَ اللهُ Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan berusaha untuk meningkatkan *outreach* kepada lebih banyak perniagaan. Kaola jua sangat mengalu-alukan idea dan sumbangan buah fikiran yang bernas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk memperbaiki ekosistem perniagaan di negara ini.

Seterusnya, ke arah membantu peniaga-peniaga tempatan khususnya PMKS untuk berkembang maju, izinkan kaola untuk

mengambil kesempatan ini mengongsikan hasil dapatan daripada *MSME Festival* yang telah diadakan pada 29 Februari hingga 3 Mac 2024, baru-baru ini di *Bridex Hall*, Jerudong.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه pada tahun ini, sebanyak 180 pengusaha tempatan PMKS telah ikut serta untuk mempamerkan produk-produk mereka. Sebanyak 10 buah syarikat pengimport dari Singapura, Jepun, China dan Malaysia telah diundang dengan tujuan untuk meneroka peluang-peluang bagi *business matching*. Hasil daripada festival berkenaan, sebanyak 34 produk pengeluaran tempatan seperti produk bakeri, produk makanan laut, barangan daging beku, udang kering, bahan rempah, sos, produk minuman, produk pertanian dan lain-lain telah dikenal pasti oleh syarikat-syarikat pengimport berkenaan untuk dieksport.

Festival ini telah membuktikan bahawa Negara Brunei Darussalam mempunyai potensi untuk mengeluarkan produk yang boleh dieksport. Contohnya, penyertaan *Syarikat Mustafa Centre* dari Singapura yang kali kedua menghadiri festival ini telah menunjukkan komitmen mereka untuk mengimport lebih banyak produk-produk tempatan 'kitani' seperti produk minuman teh dan sambal. Produk-produk ini adalah sebagai produk tambahan import mereka selain daripada produk-produk yang sudah diimport sebelum ini.

Seterusnya, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman:

1. Mengenai perkongsian dan 'pemberigaan' inisiatif-inisiatif yang kaola bentangkan semasa Pembentangan Rang Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025. أَلْحَمْدُ لِلّٰه terima kasih kepada Yang Berhormat atas cadangan yang baik itu. إِنْ شَاءَ اللّٰهُ Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan 'memberigakan' dan mempromosikan inisiatif-inisiatif berkenaan kepada pihak-pihak yang berkepentingan melalui pelbagai platform.; dan

2. Soalan seterusnya mengenai mekanisme pemantauan *performance* perbelanjaan untuk memastikan perbelanjaan mencapai objektif yang dilaksanakan. Pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi ada membuat beberapa pemantauan yang berjadual seperti *mid-year review* dan secara bulanan serta secara *adhoc* termasuk lawatan ke tapak-tapak khususnya bagi projek-projek RKN bersama setiap kementerian untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan perbelanjaan termasuk perkara-perkara berikut:

    i. Meneliti *Key Performance Indicators* dengan sasaran yang hendak dicapai bagi mengukur

penjanaan *output* atau pencapaian *outcomes* yang akan diperolehi daripada pelaksanaan perbelanjaan yang dibuat oleh setiap kementerian dan jabatan.;

ii. Menekankan akauntabiliti dan disiplin kewangan di setiap peringkat khususnya kepada pegawai pengawal dalam pengurusan kewangan kerajaan dalam mencapai sasaran dan matlamat dasar. Pengurusan kewangan yang lebih mantap dengan mengutamakan perbelanjaan yang penting ataupun '*priority spending'* yang akan menjurus kepada *savings* dalam jangka masa panjang ataupun meningkatkan hasil kepada setiap kementerian dan jabatan. Selain itu, memastikan pelaksanaan perancangan perbelanjaan yang berhemah dan *cost-effective* dengan menggunakan konsep *value for money* melalui guna sama serta pemilihan skop kerja dengan kawalan yang memenuhi *functionality* yang bersesuaian dengan keperluan sebenar.;

iii. Menekankan pentingnya untuk mengambil tindakan segera terhadap rancangan perolehan atau projek-projek yang tergantung dalam peruntukan yang telah diluluskan bagi memastikan peruntukan berkenaan digunakan secara efisien. Pegawai-pegawai hendaklah mengadakan *platform* pemantauan perbelanjaan secara *regular* dalam tahap jabatan mereka untuk memastikan perbelanjaan mengikut peruntukan dan keutamaan. Selain itu, Bahagian Rancangan Kemajuan Negara (RKN), di Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga telah melaksanakan beberapa usaha untuk meningkatkan prestasi pekerjaan projek-projek RKN dan fizikal.;

Seterusnya, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof mengenai peruntukan *research and development*. Kaola menyambut baik kenyataan Yang Berhormat dan bersetuju bahawa sektor *research and development* memainkan peranan yang penting dalam memacu pembangunan negara. Ke arah itu, beberapa peruntukan telah disediakan pada Tahun Kewangan 2024/2025 dan RKN-12 seperti di bawah *Council for Research and Advancement in Technology and Science (CREATES)*. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa jumlah yang disediakan adalah masih rendah dan ia perlu di*review* lagi dari masa ke masa.

Berkenaan soalan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai *Return on Investment (ROI)* yang diharapkan daripada inisiatif transformasi

digital di Negara Brunei Darussalam. Bagi menjawabnya, antara tahun 2015 hingga 2023, secara pro rata sektor teknologi dan infokomunikasi atau *ICT* telah berkembang sebanyak 3.1%. Perkembangan ini didorong oleh peningkatan bagi aktiviti telekomunikasi dan *computer programming, consultancy and information service activities*. Tidak dapat dinafikan, pandemik *COVID-19* telah memberi peluang kepada sektor ini untuk berkembang berikutan permintaan yang tinggi dan seterusnya telah mendorong kepada meningkatnya pengeluaran produk-produk perkhidmatan *ICT* seperti aplikasi mudah alih, platform e-Dagang dan teknologi telekomunikasi yang lebih canggih dan akhirnya membantu mempercepatkan usaha negara ke arah transformasi digital.;

Akhir sekali, berhubung soalan daripada Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin mengenai usaha-usaha meningkatkan pelaburan *FDI* ada pada masa ini dan yang berkaitan dengan *GLCs*. Seperti yang telah kaola sampaikan secara terperinci semasa pembentangan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025, beberapa projek telah, sedang dan akan dilaksanakan:

1. Syarikat *Muara International Fish Landing Sdn. Bhd.*, iaitu anak Syarikat *Muara Port Company Sdn. Bhd. (MPC)* telah berjaya menyiapkan kerja-kerja pemodenan dan pembangunan semula di Kompleks Pendaratan Ikan Muara yang antara lainnya termasuk pembangunan, kemudahan fasiliti, *Cold Storage* yang akan dapat menyumbang kepada kemudahan dan keperluan rangkaian *Cold Chain Logistics* di negara ini.;

2. Projek pelaburan usaha sama antara *Dana Strategic Development Capital* dengan sebuah syarikat tempatan dan beberapa syarikat antarabangsa, iaitu *Integrated Marine Maintenance and Decommissioning Yard* yang dikendalikan oleh Syarikat *Anson International Sdn. Bhd.* yang terletak di Pulau Muara Besar untuk menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan dan *decommissioning* bagi kapal-kapal yang berada di perairan negara ini termasuk *decommissioning* pelantar dan telaga minyak mentah, *fabrication* dan lain-lain.;

3. Projek Kemajuan Pulau Muara Besar Fasa-2 antara pihak kerajaan dengan Syarikat *Hengyi Industries Sdn. Bhd.* yang diharap akan meningkatkan kapasiti *feedstock* untuk menghasilkan lebih banyak produk dan memberikan lebih banyak peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Izinkan kaola menambah lagi bahawa semasa pandemik *COVID-19* melanda seluruh dunia, kerajaan juga memberikan perhatian terhadap potensi *spin-off* serta pengeluaran produk nilai tambah *(value added product)* yang dapat dimanfaatkan daripada syarikat-

syarikat yang telah ditubuhkan dan sedang beroperasi di negara ini. Sebagai contoh, di bawah strategi Sektor Hiliran Minyak dan Gas, kerajaan telah memperbanyakkan senarai bahan mentah tempatan seperti *ammonia, benzene* dan *methanol* yang akan menjadi pemangkin bagi aktiviti pengeluaran dan produk-produk lain. Dengan adanya pelbagai bahan mentah tempatan tersebut, pihak kerajaan pada masa ini sedang giat menjalankan langkah-langkah terakhir bagi menyertai peluang pelaburan untuk mengembangkan sebuah kilang pengeluaran asid *acetic* dan *aniline* di Tapak Perindustrian Sungai Liang Daerah Belait. Apabila kilang berkenaan sudah mula beroperasi, ia akan menambah lagi senarai bahan mentah yang boleh diguna pakai oleh syarikat tempatan dan juga untuk menarik *FDI* yang baharu.

Sekian sahaja, yang dapat kaola sampaikan serba sedikit untuk menjawab soalan-soalan yang bekenaan. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas penerangan lanjut mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya kira penerangan-penerangan yang begitu jelas tidaklah lagi perlu untuk disambung dengan pertanyaan-pertanyaan lain. Sekarang tiba masanya bagi kita untuk menyambung persidangan kita ini bagi meneliti Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 satu per satu. Bagi membolehkan perkara ini kita laksanakan, maka saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita akan bersidang semula dalam Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini sekarang bersidang dalam peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II secara satu per satu.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa pada petang hari Khamis yang lalu telah pun selesai membahas dan membincangkan Tajuk Belanjawan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan jabatan-jabatannya dan seterusnya tajuk-tajuk tersebut telah pun kita luluskan.

Sebelum kita beralih kepada tajuk seterusnya, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ingin membuat kenyataan ataupun respons dengan isu permainan "mesin cakar" ataupun dikenali sebagai *claw machine* yang telah dikemukakan ataupun ditimbulkan pada hari Khamis yang lalu. Saya persilakan

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memberikan kenyataannya. Saya juga tidak faham dan tidak pernah melihat *claw machine* ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, iaitu mohon pencerahan mengenai permainan "mesin cakar" yang melibatkan belia dan jualan sesuatu yang dikategorikan sebagai غرر (gharar) ini adalah diharamkan. Di bawah Akta Hiburan Awam, Penggal 181, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, jabatan-jabatan daerah, lembaga-lembaga bandaran adalah bertanggungjawab untuk mengeluarkan kebenaran permohonan yang dipohonkan oleh syarikat-syarikat yang mengendalikan mesin-mesin permainan di negara ini. Ini termasuklah "mesin cakar" atau *claw machine* dan mesin-mesin permainan yang lain seperti *balloon popper* atau *pop the balloon, basketball atau basketball machine* dan sebagainya.

Dalam pada itu, menurut Siri Fatwa Mufti Kerajaan Bil. 19/2023 mengenai permainan *claw machine* yang dikeluarkan pada 18 Disember 2023, iaitu berikutan dengan penjelasan yang dipohonkan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Jabatan Mufti Kerajaan berkenaan dengan permainan-permainan yang dimaksudkan iaitu berikutan juga dengan mesej tular daripada orang awam. Jabatan Mufti Kerajaan telah mengeluarkan fatwa secara ringkas. Berdasarkan cara permainan *claw machine,* ia mempunyai unsur-unsur judi seperti berikut:

1. Pemain disyaratkan untuk membayar sejumlah wang sebagai taruhan bagi mendapatkan hadiah.;

2. Permainan ini lebih banyak bergantung pada nasib sama ada akan dapat hadiah atau tidak.; dan

3. Permainan ini mempunyai risiko untung atau rugi.

Antara bentuk atau ciri perjudian yang diharamkan ialah setiap pihak dalam suatu permainan ragu-ragu atau tidak pasti antara sama ada dia akan mendapat habuan atau dia akan menanggung kerugian. Islam mengharamkan judi dan segala bentuk perkara yang berunsurkan perjudian sama ada melalui permainan hiburan dan sebagainya. Pengharaman judi jelas disebut dalam القرآن sebagaimana firman ٱللَّهَ تَعَالَىٰ dalam Surah ٱلمائدة ayat 90 tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman. Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah perbuatan keji daripada perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu beroleh kemenangan dan keberuntungan."

Permainan "*claw machine*" adalah permainan berunsur judi. Judi boleh saja berlaku dalam permainan pada masa kini seperti permainan "*claw machine*" dan permainan-permainan lain seperti dinyatakan tadi kerana semua permainan itu mempunyai unsur-unsur judi yang disebutkan di atas. Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengemas kini garis panduan pemberian lesen hiburan awam dengan tidak lagi membenarkan pengeluaran lesen ke atas mesin-mesin cakar atau permainan-permainan yang seumpamanya.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, jabatan-jabatan daerah dan jabatan-jabatan bandaran pada masa ini telah mengenal pasti syarikat-syarikat yang telah dikeluarkan Lesen Hiburan Awam sebelum Fatwa Mufti Kerajaan berkenaan dikeluarkan dan akan dikeluarkan Notis untuk memberhentikan operasi ke atas mesin-mesin yang dimaksudkan. Pihak kementerian juga dari masa ke masa bekerjasama dengan Jabatan Mufti Kerajaan dalam pelaksanaan tindakan terhadap permainan-permainan lain yang boleh dikategorikan sebagai judi. Itu saja, Yang Berhormat Pengerusi penjelasan daripada kaola. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Sekarang kita beralih pula kepada tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita telah pun beralih kepada tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Maka seperti lazimnya, sebelum saya membukakan jadual ini untuk dibahas dan dibincangkan, saya ingin mempersilakan dan memberi ruang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II untuk membentangkan mukadimahnya mengenai perancangan dan hala tuju kementeriannya serta penjelasan dan kenyataan mengenai penyediaan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Lebih dahulu, kaola ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan kaola peluang untuk menyampaikan mukadimah di Dewan yang mulia ini semasa Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Kaola bagi pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dengan penuh hormat dan takzim

sukacita menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tinggi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara pada 27 Februari 2024 yang lalu.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola juga ingin menzahirkan penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyokong Peruntukan berjumlah $124,706,795.00 bagi Tahun Kewangan 2024/2025 untuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Secara umumnya, peruntukan ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

1. Sejumlah $57,564,750.00 adalah untuk Emolumen yang antara lainnya bagi membiayai gaji para pegawai dan kakitangan kementerian dalam dan luar negeri.;

2. Manakala $57,400,000.00 adalah untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang,; dan

3. Sejumlah $9,742,045.00 diperuntukkan bagi perbelanjaan Kemajuan.

Peruntukan ini yang akan dimanfaatkan sebaik mungkin dan secara berhemat bagi menampung keperluan perbelanjaan kementerian ini serta memberikan keupayaan untuk terus melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya yang diamanahkan dengan lebih berkesan dan efisien. Terutamanya dalam meningkatkan keupayaan kakitangan dan menaik taraf infrastruktur kementerian dan bagi mempertingkatkan lagi usaha dan sumbangan Negara Brunei Darussalam ke arah keamanan dan kemakmuran serantau serta memberi sokongan rakyat dan agensi-agensi negara dalam arena antarabangsa.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kementerian ini juga mengalu-alukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 yang akan bermula pada Tahun Kewangan 2024/2025 ini. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 ini إِنْ شَاءَ اللهُ akan melaksanakan beberapa projek pembangunan yang bukan sahaja akan menaik taraf infrastruktur kementerian bahkan juga akan memelihara aset-aset kerajaan, pejabat-pejabat perwakilan kita di luar negara.

Projek penaiktarafan infrastruktur ini akan membolehkan kementerian untuk menampung kapasiti keseluruhannya pegawai dan kakitangan kementerian ini

pada masa ini. Ada sebahagian besarnya ditempatkan di Pusat Persidangan Antarabangsa *(ICC).* Dengan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 ini, ia akan dapat memberikan ruang pejabat yang selesa serta mencukupi bagi menampung pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedia ada mahupun menampung perkembangan tenaga kerja pada masa yang akan datang. Di samping itu, Bangunan Pusat Persidangan Antarabangsa akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya semula secara optimum untuk kegunaan persidangan, permesyuaratan, pameran dan sebarang acara keramaian mahupun yang rasmi ataupun persendirian.

Selain itu, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga perlu memelihara aset-aset negara di luar negara seperti bangunan-bangunan pejabat perwakilan. Aset-aset berkenaan hendaklah dijaga mengikut piawaian yang baik dan keperluan semasa. Projek-projek ini akan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan serta memperkukuhkan peranan dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dalam memelihara hubungan baik kedua-dua negara serta juga kepentingan rakyat semasa berada di luar negeri.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Syukur ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ tahun ini Negara Brunei Darussalam telah menyambut 40 tahun mencapai kemerdekaan penuhnya dan bersama ini juga bermakna adalah genap 40 tahun penubuhan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan jalinan hubungan diplomatik negara ini dengan beberapa negara sahabat juga mencapai 40 tahun. Tahun ini juga sangat signifikan kerana kita turut menyambut ulang tahun ke-40 keahlian Negara Brunei Darussalam dalam Pertubuhan-Pertubuhan Serantau dan antarabangsa seperti *ASEAN,* Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau *United Nation*, Pertubuhan Kerjasama Islam (*OIC*) dan Komanwel.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه dalam tempoh 4 dekad ini, walaupun sebagai sebuah negara kecil yang sedang membangun dan dengan penduduk yang kecil, Negara Brunei Darussalam telah mampu membuktikan keupayaannya dalam sama-sama memberikan sumbangan positif pada insiatif-inisiatif serantau seperti *ASEAN* dan antarabangsa ke arah keamanan dan pembangunan bersama. Dalam kata yang lain, negara kita telah berjaya mempamerkan kematangan sebagai sebuah negara yang merdeka, berdaulat serta dihormati dan dipercayai dalam arena serantau dan antarabangsa. Melalui kerjasama rapat dengan agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga telah berjaya memupuk hubungan baik dan meningkatkan lagi kerjasama dengan rakan strategik dalam menjaga dan memajukan kepentingan-kepentingan negara ini.

Walau bagaimanapun, negara tidak akan terlepas daripada pelbagai cabaran akibat persekitaran geopolitik yang semakin bergolak dan keadaan ekonomi

global yang tidak menentu. Ini memerlukan kementerian untuk lebih cekap dan tangkas dalam menghadapinya. Oleh itu, Negara Brunei Darussalam akan sentiasa konsisten dalam dasar pendekatannya berbaik-baik dengan semua negara dan saling menghormati serta tidak campur tangan dalam hal-ehwal dalaman negara-negara lain demi memastikan kedaulatan serta kepentingan negara sentiasa dihormati dan terpelihara.

Seiring dengan itu, pendekatan negara dalam menyelesaikan sebarang pertikaian secara aman melalui dialog, perundingan, bekerjasama demi manfaat bersama serta *in accordance with* undang-undang antarabangsa dan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu perlu kekal menjadi sandaran dasar luar kita. Kesemua ini selaras dengan nilai-nilai konsep Melayu Islam Beraja iaitu bertolak ansur, bersikap pemedulian, tolong-menolong, bermuzakarah dan perundingan. Prinsip-prinsip dasar luar yang pragmatik telah diamalkan selama ini telah menyumbang kepada kesejahteraan, keselamatan, pembangunan dan juga kehormatan negara.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه dalam tempoh 4 dekad yang lalu ini, Negara Brunei Darussalam telah menjalin hubungan diplomatik dengan sebanyak 172 negara dan mempunyai sebanyak 43 Pejabat Perwakilan di negara-negara sahabat serta di pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa. Kementerian ini akan berusaha dalam meningkatkan lagi hubungan dua hala khususnya dengan negara-negara jiran yang terdekat berasaskan tali persaudaraan dan persahabatan yang rapat dan mesra yang telah sekian lama terjalin. Seterusnya, kementerian ini juga akan berusaha akan mengukuhkan hubungan sedia ada bersama negara-negara yang berkepentingan melalui perundingan, pertukaran lawatan mahupun kerjasama dipelbagai sektor bagi kemanfaatan bersama.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pada tahun ini kementerian berhasrat untuk mengadakan beberapa aktiviti tambahan bagi meraikan Ulang Tahun Ke-40 penubuhan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan juga penubuhan hubungan diplomatik Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara berkenaan serta keahlian negara-negara ini dalam pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa.

Antara aktiviti yang dirancang adalah mengadakan lawatan di peringkat tinggi ke beberapa buah negara bagi mengukuhkan dan meningkatkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala Negara Brunei Darussalam bersama dengan negara-negara yang berkenaan. Ia jua adalah usaha diplomasi yang penting untuk membolehkan kita mengenal pasti peluang-peluang kerjasama baharu dengan rakan-rakan

negara terutamanya dalam bidang strategik yang menyumbang kepada kemajuan dan kedayatahanan negara seperti pelaburan, pertahanan, pendidikan, kesalinghubungan, pertanian dan sebagainya. Selain itu, ia juga memberikan peluang kepada kita untuk mengetengahkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang aman damai dan destinasi yang menarik pelabur atau pelawat.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Negara Brunei Darussalam juga akan terus aktif dalam memanfaatkan keahilannya dalam pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa. Penyertaan kita dalam *ASEAN* telah membolehkan negara memainkan peranan lebih besar dalam pemeliharaan, keamanan dan kemakmuran serantau menyumbang dalam membentuk masa depan kita bersama di rantau ini seperti ke arah pencapaian Wawasan *ASEAN 2025* dan merangka Wawasan *ASEAN* 2045 serta memupuk hubungan rapat bersama rakan-rakan dialog *ASEAN* yang juga merupakan kuasa-kuasa besar dunia. Misalannya melalui mekanisme seperti *East Asia Summit*, dan *ASEAN Regional Forum,* kita berpeluang untuk mengetengahkan kedudukan negara terhadap perkembangan pelbagai isu sekuriti, tradisi mahupun bukan tradisi, serta juga isu-isu bukan sekuriti di rantau Asia-Pasifik.

Forum-forum *ASEAN* lain juga memberi peluang kerjasama dengan rakan-rakan dialog dalam bidang-bidang strategik seperti pengurusan bencana, perubahan iklim, kesalinghubungan, keselamatan makanan, isu keganasan dan sebagainya.

Kita mempunyai peluang untuk membina dan meningkatkan kapasiti dalam bidang-bidang yang berkepentingan di negara ini melalui pelbagai rangka kerjasama yang ditawarkan dalam *ASEAN* dan juga rakan-rakan dialognya. Penglibatan Negara Brunei Darussalam dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa antara lainnya bertujuan memelihara kepentingan kita dan turut menyumbangkan usaha-usaha bagi memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan global secara amnya. Ia termasuk menegakkan pendirian negara di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Kerjasama Islam *(OIC)* dalam isu-isu yang berkepentingan seperti kedudukan Negara Brunei Darussalam terhadap isu Palestin.

Negara Brunei Darussalam berterusan dan secara konsisten berulang kali mengecam dan mengutuk sekeras-kerasnya pencerobohan yang berpanjangan (*prolonged occupation)*, serta pencabulan yang berterusan (*continued violation)* ke atas hak rakyat Palestin *(the inalienable rights of the Palestine people)* oleh kuasa penjajah tanah Palestine *(occupying power).*

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga akan terus menekankan sokongan dan rasa solidariti terhadap perjuangan

rakyat Palestin ke arah penubuhan sebuah negara Palestine yang merdeka dan berdaulat berdasarkan garis sempadan pratahun 1967 dengan Baitulmuqaddis Timur sebagai ibu negaranya.

Negara juga akan terus menekankan kepentingan bagi semua ahli masyarakat dunia untuk menegakkan serta menunjukkan komitmen lebih tinggi dan saksama terhadap penguatkuasaan prinsip-prinsip dan undang-undang antarabangsa tanpa berat sebelah oleh sebab kepentingan-kepentingan persendirian.

Di samping itu, sebagai ahli masyarakat antarabangsa yang bertanggungjawab, Negara Brunei Darussalam akan juga berusaha dengan keupayaan kita yang ada dalam sama-sama menangani isu bencana alam dan krisis kemanusiaan termasuk dengan menghulurkan bantuan kepada negara-negara yang memerlukannya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Terletak di barisan hadapan isu-isu hal-ehwal global adalah pegawai dan kakitangan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Kita sedar akan kepentingan mereka bagi memastikan kesediaan untuk berdepan dengan cabaran-cabaran ketidaktentuan global.

Oleh itu, usaha-usaha untuk mengukuhkan dan memastikan proses pengambilan dan pengisian jawatan yang lebih efektif sebagai diplomat yang profesional akan sentiasa diteruskan. Kementerian akan turut memberi fokus kepada peningkatan kebolehan pegawai-pegawai termasuk melalui latihan dan peluang-peluang pembangunan, baik di dalam mahupun di luar negara.

Proses ini akan mengambil masa dan memerlukan sumber yang berterusan bagi mencapai hasrat kementerian untuk menghasilkan diplomat yang berdaya saing dan berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab dan demi memperjuangkan kepentingan negara dengan lebih efektif.

Kementerian juga akan terus menekankan pentingnya bagi pegawai-pegawai diplomat kita untuk membina *networking* dengan rakan-rakan dari luar negara ke arah mengukuhkan lagi hubungan dua hala serantau dan antarabangsa serta mempelbagaikan kerjasama yang sedia ada. Selain itu, kementerian juga akan meningkatkan lagi dan memperkukuhkan peranan pejabat-pejabat perwakilan di luar negeri untuk menjaga dan memajukan kepentingan Kerajaan Negara Brunei Darussalam di luar negara.

Pejabat-pejabat perwakilan kita merupakan aset yang berperanan sebagai *contact point* antara agensi-agensi Negara Brunei Darussalam dengan agensi-agensi di negara-negara berkenaan. Ini termasuk memudah cara usaha-usaha *lead agencies* dalam menambah peluang perdagangan dan pelaburan serta mengenal pasti bidang kerjasama yang baharu. Kementerian ini

juga mengambil berat akan kebajikan pegawai-pegawai dan diplomat-diplomat kita serta staf sambilan tempatan yang bekerja di pejabat-pejabat perwakilan di luar negeri.

Oleh itu, kementerian akan terus berusaha memastikan kesejahteraan dan keselamatan mereka terjaga berpandukan peraturan-peraturan tempatan dan undang-undang setempat yang ditetapkan di negara berkenaan. Dalam pada itu, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri melalui pejabat-pejabat perwakilan di luar negara juga sentiasa prihatin dalam menyediakan perkhidmatan bantuan konsular kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam di luar negara. Bagi memudahkan lagi bantuan-bantuan konsular ini adalah peramba/kaola/saya ingin menekankan pentingnya untuk sesiapa yang ingin ke luar negara dengan apa juga maksud untuk mengisikan borang *e-Register*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Semua pencapaian dasar luar Negara Brunei Darussalam oleh kementerian ini telah diperoleh dengan kerjasama dan *input* daripada agensi-agensi kerajaan lain melalui *whole of government approach*, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri akan sentiasa mendukung dan memberikan sokongan padu kepada agensi-agensi kerajaan.

Ini adalah untuk terus memelihara dan memajukan kepentingan negara serta mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan bagi sama-sama mendukung usaha merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Ke arah ini Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berharap untuk mendapatkan sokongan peruntukan ini bagi membolehkan kementerian mengekalkan pencapaian semasa dan seterusnya dalam meningkatkan lagi usaha pada masa akan datang.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sebelum kaola mengakhiri mukadimah ini, kaola memohon kesempatan untuk merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar atas jasa dan khidmat beliau semasa memegang jawatan sebagai Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, dalam masa yang sama kaola juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah atas pelantikannya sebagai Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara.

Sekian saja, yang dapat kaola sampaikan bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: أَلْحَمْدُ لِلّٰه kita telah pun mendengar penerangan yang cukup jelas dan terperinci daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II berkenaan dengan hala tuju dan keutamaan Kementerian Hal Ehwal

Luar Negeri dan juga mengenai penyediaan Belanjawan kementerian yang berkenaan itu bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Oleh yang demikian, Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, sekarang saya bukakan untuk dibahaskan. Saya mempunyai senarai Ahli Yang Berhormat yang suka kepada turut serta dalam membincangkan tajuk-tajuk yang berkenaan ini. Maka saya akan memberikan laluan untuk Ahli Yang Berhormat mengemukakan soalan dan seterusnya bagi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu pula memberikan jawapan ataupun respons. Untuk memulakannya, saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dengan mukadimah yang jelas dan menyediakan Belanjawan serta hala tuju Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bagi Tahun Kewangan 2024/2025 أَلْحَمْدُ لِلّٰه dan tahniah dengan umur kementerian ini genap 40 tahun. أَلْحَمْدُ لِلّٰه sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam, pendirian dan keprihatinan yang tegas Negara Brunei Darussalam mengikut keupayaan kita mengenai isu Palestin, didoakan agar kita terlepas daripada dosa dan kita termasuk dengan orang yang membela, membantu saudara-saudara kaum muslimin.

Negara Brunei Darussalam telah menjalinkan hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara sahabat, serantau dan antarabangsa, baik dari segi dua hala mahupun pelbagai hala. Seperti yang diketahui, Negara Brunei Darussalam mengukuhkan hubungan antarabangsanya, antara lain melalui *Memorandum of Understanding (MoU)* yang ditandatangani dengan negara-negara sahabat serta dengan menyertai pelbagai perjanjian perundingan bebas *(Free Trade Agreement)*.

Beberapa memorandum persefahaman ini ditandatangani semasa lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta beberapa perjanjian *Free Trade Agreement* (*FTA)* di peringkat Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Sebagai kementerian yang menyelaras semua *MoU* ini, soalan kaola, sejauh manakah pelaksanaan *MoU's* yang ditandatangani ini membuahkan hasil yang ketara terutama sekali kepada sektor swasta dan tempatan dan melalui susulan bukan sahaja *MoU* itu ditandatangani tetapi susulan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dengan kementerian-kementerian berkenaan, sejauh manakah *MoU* ini dilaksanakan oleh sektor swasta di negara ini?

Sekian, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat mengenai pertanyaan yang diajukan.

Memanglah penandatanganan kebanyakan *MoU* diadakan semasa lawatan sama ada lawatan tersebut di peringkat Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ataupun di peringkat Ketua Negara ke Negara Brunei Darussalam atau ke luar negara. Pada kesempatan itu, setelah berunding antara agensi yang berkenaan yang merasakan ada perlu untuk mengadakan *MoU* ataupun untuk bekerjasama dengan negara-negara tersebut telah dimeterai.

Jadi, mungkin dari lawatan-lawatan kebelakangan yang lalu, *MoU* telah ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dari situ, agak ketara sudah agensi-agensi berkenaan ataupun kementerian berkenaan adalah *lead agency* yang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri cuma sebagai fasilitator ataupun sebagai perantara antara agensi di negara berkenaan dengan agensi di negara ini.

MoU yang melibatkan kementerian lain, akan membuat pemantauan dan juga membuat penilaian atas pelaksanaannya. Memang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ada menandatangani *MoU* dan kebanyakannya ditandatangani oleh kementerian ini. Ini adalah mengenai kerjasama strategik seperti peningkatan kerjasama daripada *cooperative dialogue* kepada *strategic cooperative dialogue* dan ini dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Kalau ada sudah *MoU* tersebut, mesyuarat, perundingan dan perbincangan akan diadakan tertakluk pada kesesuaian waktu kedua-dua pihak yang selalu diadakan setiap tahun.

Salah satu contoh adalah *Strategic Dialogue* dengan *United Kingdom* yang 'kitani' adakan setiap tahun di peringkat *senior officers. Strategic Dialogue* bersama dengan *United States of America* diadakan juga setiap tahun sekiranya ada di peringkat Yang Berhormat Menteri. 'Kitani' mempunyai *Comprehensive Dialogue Cooperation* bersama negara Republik Rakyat China. Ia juga diadakan seboleh-bolehnya setiap tahun. Kadang-kadang setiap Menteri-Menteri Luar Negara ini selalunya 'terlampau' sibuk, bukan 'abiskaola' memberitahu 'abiskaola' sibuk selalu tetapi untuk 'menamukan' *schedule* kedua-dua menteri luar ini memang susah, kalau 'inda' sibuk ada lagi hal lain seperti mesyuarat lain sehingga kadang-kadang tertinggal dari 1 ke 3 tahun.

Tetapi 'abiskaola' mengesyorkan yang mesyuarat tersebut akan dilaksanakan untuk meneliti kemajuan yang telah dilaksanakan dalam bahagian atau *MoU* lain yang ditandatangani seperti Kementerian Pendidikan ataupun Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan. Dalam pada itu, kalau ada masalah di negara tersebut atau negara 'kitani' untuk meningkatkan lagi usaha-usaha dalam pelbagai bidang, ia akan dibincangkan dan kemudiannya *either MoU* itu diperbaharui. Itulah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola ingin meberikan ucapan penghargaan dan terima kasih atas ucapan mukadimah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II berkenaan dengan fungsi kementerian dapat direalisasikan semua perancangan dengan sebaik mungkin إِنْ شَاءَ اللهُ. Dalam memperkatakan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bagi menghadiri persidangan ataupun konvensyen yang mempunyai kaitan dengan Kerajaan Negara Brunei Darussalam ataupun melalui undangan dari negara-negara serantau *ASEAN* dan antarabangsa. Terdapat antara delegasi ini ditaja sepenuhnya oleh pihak kerajaan ataupun negara-negara luar termasuklah urusan penerbangan, penginapan dan perbelanjaan seharian.

Dalam masa yang sama, ada juga atas urusan dan perbelanjaan sendiri, sebaik sahaja tiba di luar negara, sesetengah delegasi Negara Brunei Darussalam ini telah 'disambut' oleh kakitangan kedutaan Negara Brunei Darussalam. Namun ada juga yang datang sendiri tanpa 'disambut'.

Sehubungan itu, kaola ingin pencerahan Yang Berhormat. Apakah pihak kedutaan atau perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara sudah mengambil maklum keberadaan para delegasi Negara Brunei Darussalam di negara-negara berkenaan?

Seterusnya, apakah pihak kedutaan ada memiliki senarai acara di peringkat *ASEAN* serantau atau antarabangsa yang melibatkan permintaan dari perwakilan Negara Brunei Darussalam dan apakah terdapat usaha-usaha dari pihak kedutaan ke arah memantau keberadaan serta kesejahteraan para delegasi Negara Brunei Darussalam berkenaan? Mohon pencerahan Yang Berhormat mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan dan permohonan untuk pencerahan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ingin kaola menerangkan dan menarik perhatian balik terhadap mukadimah yang menyentuh mengenai *e-Register.* Semuanya bersandarkan kepada *e-Register* untuk mengetahui kedudukan dan keberadaan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam semasa

mereka berada di luar negara. Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam kalau delegasi-delegasi yang datang atas urusan rasmi, akan dimaklumkan oleh kementerian-kementerian atau jabatan-jabatan yang berkenaan.

So, dari awal sudah pihak kedutaan dan pejabat perwakilan mengambil maklum akan keberadaan mereka tersebut. Yang menjadi isu adalah delegasi ataupun individu yang menghadiri aktiviti, permesyuaratan ataupun *expo* dan sebagainya atas perbelanjaan sendiri. Kalau ia tidak dimaklumkan kepada pihak kedutaan/perwakilan khususnya dan kalau tidak mengisi borang *e-Register* maka ada sedikit kesulitan bagi pihak kedutaan/perwakilan untuk mengetahui waktu dan tempat mereka berada. Jadinya, dipohonkan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, kepentingan untuk mendaftar melalui *e-Register* dan juga untuk memastikan mendapatkan bantuan, dapat dibantu sekiranya berlaku *emergency* ataupun keperluan.

Dalam isu mengenai 'disambut' atau tidak 'disambut' di lapangan terbang, sekiranya yang kel uar negara ini adalah atas urusan peribadi ataupun secara persendirian, mungkin tertakluk pada kelapangan waktu pihak kedutaan/perwakilan untuk dapat menjemput mereka tetapi ia tidaklah mandatori. Ia tertakluk kepada 'kelurusan' mereka ataupun 'kelurusan' ada urusan di *airport*, mungkin dapatlah ia 'menyambut'. Walau bagaimanapun, jika untuk setiap delegasi persendirian atau individu dan sebagainya, itu mungkin akan meningkatkan lagi perbelanjaan ataupun kos. Yang pentingnya ialah mengenai *e-Register*.

Di samping *e-Register* ini jua, kaola ingin mengambil kesempatan untuk menekankan mengenai *insurance* perjalanan walaupun tidak mandatori tetapi ada baiknya untuk bersedia sekiranya berlaku *emergencies*. Satu isu yang selalu dihadapi oleh kementerian adalah para pelawat ataupun pengunjung yang ke luar negara menghadapi masalah kesihatan seperti *heart attack*, pengsan dan *stroke*. Mereka kemudian menghubungi *embassy/High Commission* untuk meminta bantuan supaya perubatannya ditanggung oleh kementerian. Sejauh ini, pengalaman abiskaola ialah khidmat kesihatan adalah percuma di Negara Brunei Darussalam sahaja. Khidmat kesihatan yang percuma tidak termasuk di luar negara. Jadinya, ini adalah satu isu yang penting supaya berjaga-jaga dan bersedia bila ke luar negara untuk membeli *insurance* supaya dapat mengelakkan bebanan sekiranya terjadi apa-apa musibah.

Itu sahaja, Yang Berhormat Pengerusi terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Kaola lebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri II atas pembentangan Anggaran Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. أَلْحَمْدُ لِلّٰه, atas dasar saling menghormati akan keutuhan wilayah dan kedaulatan sesebuah negara, prinsip berbaik-baik dengan semua negara, tidak campur tangan hal-ehwal negara lain yang diamalkan sejak 40 tahun yang lalu. Maka Negara Brunei Darussalam menikmati kestabilan politik dan keamanan hingga ke hari ini di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang bijaksana.

Negara Brunei Darussalam telah menikmati keamanan, dikenali dan dihormati sebagai sebuah negara merdeka yang berdaulat dan sebuah negara Melayu Islam Beraja. Syabas dan tahniah diucapkan kepada warga Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sekarang dan yang dahulu, yang telah berjaya memelihara dan mempromosi kepentingan Negara Brunei Darussalam bagi hubungan yang baik dengan negara-negara luar. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin merujuk kepada Anggaran Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025, salah satu perkara yang menarik perhatian kaola ialah *indicator* Petunjuk Prestasi Utama, iaitu memelihara dan mempertingkatkan imej dan kepentingan Negara Brunei Darussalam di arena antarabangsa dalam mengadakan perjumpaan dengan pihak kerajaan tuan rumah dan sasaran pada tahun 2024/2025 dan tahun-tahun seterusnya hinggalah ke tahun 2026/2027 ialah sebanyak 860 perjumpaan. Kaola kurang pasti bagaimana angka sasaran ini dicapai *with the figures* 860 *confirm.* Kalaupun angka itu adalah angka yang dicapai atau disasarkan pada tahun sebelum ini, adakah kita akan menjangka angka yang sama untuk tahun yang berikutnya?

Adakah sasaran ini akan dimaklumkan ke semua perwakilan untuk mencapainya? Kaola berpendapat adalah juga bertepatan jika salah satu petunjuk prestasi kementerian ialah sebanyak mana Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri digunakan perkhidmatan mereka oleh kementerian-kementerian, agensi-agensi kerajaan dan juga *NGO* yang lain sesuai dengan fungsinya sebagai wakil dan saluran rasmi kerajaan bila berhubung dengan kerajaan tuan rumah.

Seterusnya kaola ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II beberapa soalan:

1. Sejauh manakah perwakilan kita di luar negeri berhasil secara aktif

mengeratkan kerjasama ekonomi dan perdagangan dengan negara tuan rumah dan berjaya menarik pelaburan ke Negara Brunei Darussalam? Adakah kita mempunyai statistik yang menyatakan jumlah perdagangan dan pelaburan asing yang dapat dibawa masuk dengan nilainya sekali?;

2. Adakah pegawai dan kakitangan yang ada di semua kedutaan kita mencukupi untuk membuat kerja substantif yang lain selain daripada membuat laporan politik dan kerja-kerja pentadbiran? Dilihat dari peruntukan di bawah Kod 002/000, tidak ada penambahan pegawai di pengurusan pertengahan di perwakilan-perwakilan kita seperti yang tercatat masih 9 orang pegawai seperti tahun lepas. Sementara kakitangan dukungan kurang daripada 57 ke 54. Ini mungkin akan menyebabkan perwakilan kita tidak dapat melaksanakan semua tugas-tugas yang patut dilakukan mereka.;

3. Bagaimanakah pihak kementerian menilai prestasi sesebuah kedutaan? Adakah *Key Performance Indicator (KPI)* bagi sesebuah perkara itu dimaklumkan kepada setiap perwakilan, ini yang seharusnya dicapai mereka setiap tahun dan sebagainya.;

4. Mengenai peruntukan, tidak dinyatakan peruntukan bagi setiap pejabat perwakilan, dikumpulkan sahaja. Maka adalah sukar bagi kita mengetahui sama ada peruntukan yang diberikan itu mengikut keperluan, fungsi, peranan dan keberkesanan sesebuah perwakilan itu.

   Begitu juga, peruntukan yang diberikan mengikut pencapaian *KPI* setiap perwakilan terutama yang berjaya menarik pelaburan yang berjaya meningkatkan perdagangan yang berhasil mendatangkan *trade missions* ke Negara Brunei Darussalam, yang berhasil mendatangkan banyak pelancongan ke Negara Brunei Darussalam. Ini akan memberi motivasi kepada perwakilan kita dan jika peruntukan tambahan diberikan, mereka akan terus meneruskan usaha mereka. Jadi, kalau peruntukan itu *more or less the same,* mungkin kurang motivasi untuk membuat kerja-kerja yang lebih, Yang Berhormat Pengerusi.;

5. Seterusnya kaola ingin bertanya mengenai *MoU* ini, yang sudah pun dinyatakan tadi yang telah pun ditimbulkan oleh rakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin tadi bahawa Negara Brunei Darussalam telah banyak menandatangani *MoU* (*Memorandum of Understanding*). Berapa banyakkah *MoU* tersebut yang sudah terlaksana iaitu *materialized?* Berapa banyakkah yang sudah menjadi *MoA, agreement* untuk ditandatangani

yang dapat dilaksanakan? Adakah setiap perwakilan diarahkan untuk membuat susulan ke atas *MoU* yang sudah ditandatangani? Kalau ada, mungkin ada pencapaian-pencapaian yang telah pun diperolehi daripada *MoU* ini.; dan

6. Akhir sekali, Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin bertanya jika Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mempunyai rancangan menubuhkan akademi bagi melatih diplomat? Kalau di Malaysia ada *IDFR* (*Institute of Diplomacy Foreign Relations),* di Singapura dengan *MFA Diplomatic Academy* dan di Filipina, *Philippine Foreign Service Institute.* Mungkin perlu juga mengadakan program sedemikian sama ada *stand-alone* ataupun ditempatkan di universiti-universiti tempatan kita.

   Tujuannya ialah untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan kepakaran serta pengetahuan diplomat kita kepada tahap yang lebih tinggi. أَلْحَمْدُ لِلّٰه mereka telah berjaya menjalankan tugas mereka dengan baik, tetapi sebagaimana juga yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, masa akan datang barangkali 'inda' 'kitani' tahu macam mana konflik, hubungan antarabangsa, isu-isu yang akan timbul, konflik-konflik yang akan lahir disebabkan oleh salah faham dan sebagainya.

   Jadi, kita memerlukan diplomat yang betul-betul boleh menangani isu-isu seperti ini. Kalau pada awalnya penubuhan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, semua pegawai kita dihantar membuat *Master's Programme* di beberapa university di luar negeri dan mengikut kursus-kursus singkat diplomasi atau penempatan di negara-negara sahabat, tetapi amalan sedemikian nampaknya tidak diteruskan pada masa ini, sejauh yang diketahui.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola berpendapat dalam Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini, sesuai tempatnya bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri memberi pencerahan mengenai Pelan Strategik dan Hala Tuju kementeriannya kerana ia ada hubung kaitnya dengan jumlah peruntukan yang dipohonkan. Supaya jelas perancangan di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri itu dapat 'kitani' ketahui, walaupun tidak secara *detail,* tetapi sekurang-kurangnya pelan-pelan mereka 'kitani' ketahui.

Sekian saja Yang Berhormat Pengerusi yang ingin kaola sentuh dalam membincangkan tajuk Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengutamakan memohon daripada Dewan yang mulia ini kerana soalan-soalan itu bertubi sehingga perkiraan

kaola ada 6 sahaja, tetapi yang kaola ingat yang pertama dan terakhir. Jadinya, kalau kaola mencuba menjawab kesemuanya pada sesi hari ini, mungkin tidak memadai dengan fakta-fakta yang dipohonkan oleh Yang Berhormat tadi. Sekiranya dibenarkan Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin mengambil ataupun memohon daripada Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman untuk memberi kaola menjawab soalan-soalan tersebut supaya lebih terang dapat kaola membuat ataupun membalasnya secara lisan di mesyuarat hari yang lain. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya tidak ada halangan sekiranya itu yang diperlukan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan 'barangkali' Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, kita perlu menekankan bahawa soalan-soalan itu 'barangkali' biarlah tepat supaya lebih difahami oleh mereka yang akan menjawab soalan-soalan yang berkenaan. Tetapi saya sendiri mempunyai *interest* atau secara peribadi mengenai dengan soal melatih pelapis-pelapis yang akan mengikuti jejak langkah diplomat-diplomat 'kitani' yang akan datang. 'Barangkali' perkara ini adalah satu perkara yang baik yang mungkin boleh diterokai ataupun dilihat yang lebih mendalam lagi terutamanya kita mempunyai beberapa buah institusi berkenaan yang ada di dalam negara untuk digunakan sebaik-baiknya.

Sebagai orang yang pertama kali menjejak langkah ke luar negara untuk mendapat latihan seperti itu, saya memang mengetahui kedudukan yang sebenarnya mengenai perkara ini. Jadi, ada baiknya perkara ini dapat diteliti lagi oleh kementerian yang berkenaan.

Saya tidak syak lagi Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman bersedia untuk memberikan *input* yang lebih mendalam mengenai soalan yang dikemukakannya.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi,

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيمِ
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Soalan kaola Yang Berhormat Pengerusi ialah mengenai peranan hubungan antarabangsa dalam mendukung perkembangan ekonomi negara. Salah satu aspek penting dalam memperkukuhkan ekonomi adalah pemindahan teknologi dan inovasi yang membolehkan negara mengekalkan nilai tambah teknologi dalam negara dan

mengurangkan kebergantungan pada perkhidmatan luar. Inisiatif diplomatik strategik dan perkongsian antarabangsa dapat digunakan untuk menarik pelaburan asing, merangsang pertumbuhan ekonomi dan memfasilitasi perkongsian bersama *(JV)*.

Dengan itu, ada beberapa soalan untuk dipertimbangkan iaitu:

1. Bagaimanakah Negara Brunei Darussalam dapat menggunakan inisiatif diplomatik strategi dan perkongsian antarabangsa untuk menarik Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* khususnya dalam bidang teknologi dan inovasi yang dapat membantu dalam membangunkan sektor-sektor ekonomi yang berpotensi di negara ini?;

2. Apakah pendekatan dan amalan terbaik yang boleh diambil oleh Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan lawatan perdagangan dalam konteks *BIMP-EAGA* dan mempengerusikan kerjasama ekonomi rentas sempatan dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Malaysia dan Filipina?

3. Bagaimana pihak kementerian memastikan bahawa pemindahan teknologi dan inovasi yang dibawa masuk ke negara ini melalui kerjasama antarabangsa dapat memberikan nilai tambah yang tinggi pada ekonomi tempatan dan menyumbang kepada pembangunan jangka panjang negara serta mengurangkan kebergantungan pada perkhidmatan luar?

4. Dalam perkara lain, merujuk Petunjuk Prestasi Utama *KPI* Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri iaitu memelihara dan mempertingkatkan imej dan kepentingan Negara Brunei Darussalam dalam arena antarabangsa, *bilateral* dan *multilateral* dengan mengadakan perjumpaan dengan pihak kerajaan tuan rumah. Pada pendapat kaola, *KPI* ini perlu diteliti semula untuk ditambah baik dengan menilai hasil daripada perjumpaan itu. Seperti anggaran jumlah pelaburan teknologi atau inovasi yang akan diperolehi hasil dari perbincangan dalam perjumpaan-perjumpaan tersebut.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Sebelum Yang Behormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II menjawab soalan yang berkenaan, soalan pertama berhubung dengan pelaburan *(FDI)* adalah diketahui bahawa beberapa tahun dahulu, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri juga merangkumi perdagangan tetapi sekarang perkara ini sudah dipecah dan perdagangan sudah berpindah ke agensi lain.

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri tidak lagi mengelolakan perkara-perkara yang berhubung dengan perdagangan.

Mungkin, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ingin memberikan keterangan lanjut mengenai *FDI*, yang saya percaya ia mempunyai khazanah yang begitu banyak mengenai maklumat-maklumat *FDI* .

Ia juga telah memberikan 'kitani' sepanjang beberapa hari ini, beberapa maklumat yang telah dikemukakannya berhubung *FDI* yang sudah terjalin dan sudah sedia ada di Negara Brunei Darussalam dan mungkin akan di*attract* lagi untuk melaksanakan rancangan-rancangan perekonomian 'kitani' seterusnya. Silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kementerian Kewangan dan Ekonomi sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan juga kementerian-kementerian yang berkenaan untuk sama-sama 'kitani' memajukan ekonomi 'kitani'.

Dalam usaha untuk mengembangkan ekonomi 'kitani' sama ada dalam bidang teknologi atau industri-industri yang lain, ini bukan 100% tanggungjawab Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Kementerian-kementerian lain dan pihak swasta juga memainkan peranan.

Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat mengenai bagaimana 'kitani' menarik lebih banyak lagi syarikat teknologi dan membawa teknologi yang baharu ke dalam negara ini, memang dalam salah satu *priority sector* di bawah 5 *priority sectors* di bawah *economic blueprint* 'kitani'.

Pada masa ini, seperti yang 'kitani' dapat lihat, dengan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan, 'kitani' telah mengadakan satu syarikat *EVYD* untuk memajukan *medical application* 'kitani' dengan menggunakan *Artificial Intelligent* bukan sahaja untuk memajukan dari segi pengurusan ataupun *health management* di dalam negeri ini, pada masa ini, syarikat ini sudah bekerjasama ataupun mempromosikan *business activity* di negara-negara lain, di rantau ini, di Amerika Syarikat dan sebagainya.

Dari segi teknologi, 'kitani' teruskan bekerjasama dengan pelabur yang berminat untuk melabur di negara ini. Tapi bagi kaola, teknologi ini boleh didefinisikan sebagai *knowledge technology, knowledge process* dan sebagainya. Jadi seperti yang 'kitani' lihat, beberapa *FDI* yang datang sekarang ini seperti *Brunei Methanol Company* yang pada masa ini mengeluarkan *methanol*. Kemudian pada masa hadapan, 'kitani' fikirkan, adakah peluang 'kitani' mengeluarkan *green ammonia* dan juga *blue ammonia.*

Inilah teknologi baharu yang mungkin 'kitani' belum lagi ada pada masa ini. Bekerjasama dengan *FDI* ini, 'kitani' bukan sahaja akan menarik *FDI* yang baharu tetapi syarikat yang telah beroperasi di dalam negara ini pun boleh 'kitani' tingkatkan lagi dan bekerjasama

dengan *FDI* yang ada pada masa ini untuk memajukan dan membawakan lagi lebih banyak teknologi baharu memandangkan dengan isu *climate change* pada masa ini. Seperti *Muara Port Company* 'kitani' ada teknologi *transfer,* pada masa ini pekerja 'kitani' di *Muara Port Company* sudah mencapai lebih 90%.

Mudah-mudahan dengan terus di*transfer technology in terms of management secure* dan sebagainya. Itulah yang dikongsikan dengan orang 'kitani' supaya orang 'kitani' suatu hari dapat mengambil alih walaupun tidak sampai 100% dapat meningkat lebih banyak lagi penglibatan anak-anak tempatan 'kitani'.

Seperti yang kaola kongsikan pada hari yang lepas mengenai *cold storage cold chain,* itu pun satu teknologi yang ada pada masa ini di *Muara Fish Landing Complex*, cuma dengan skala yang kecil.

Apa yang kaola maksudkan pada hari yang lepas, satu lagi yang besar yang bukan sahaja menjana keperluan dalam negara tetapi untuk *export* dan sebagainya. Itulah teknologi yang walaupun 'kitani' bukannya melihat sahaja *semiconductor* ataupun *electric vehicle* dan sebagainya.

Tetapi yang lain-lain itu tidak berapa ketara tetapi itu pun sebenarnya juga teknologi yang sentiasa dipertingkatkan di dalam negara ini. Itu sahaja mungkin yang dapat kaola kongsikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Barangkali sedikit sebanyak 'abiskaola' ingin juga memberi pencerahan mengenai soalan yang diajukan khususnya perjumpaan untuk dinilai semula dan memfokuskan hasil Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan perwakilannya adalah fasilitator dari segi khidmat yang dapat diberikan dan bekerjasama dengan agensi-agensi yang dari Negara Brunei Darussalam, mahupun dari bahagian perdagangan, promosi dan pelaburan, *BEDB* dan sebagainya.

Jadi, dari segi kemungkinan yang kurang menjadi kefahaman ramai orang adalah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri itu apa sahaja walaupun ia perdagangan luar, import barang dan sebagainya. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri adalah fasilitator dan ia bekerjasama.

Ia dengan sendirinya tiada berfungsi kecuali *political* yang membuka jambatan ataupun jalan bagi kesemua pihak dalam negara dapat berhubung. *We are the bridge. It might sound useless thing*, tetapi *bridge* itu, 'kalau inda' terbakar, inda runtuh', barangkali dapatlah perdagangan melaluinya.

So, tugasan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri menjamin hubungan antara sesebuah negara dengan Negara Brunei Darussalam dan jambatan itu adalah usaha dari agensi-agensi lain.

Sekiranya ia memerlukan kementerian atau perwakilan untuk membantu dalam mendapatkan maklumat ataupun membuat perjumpaan, 'barutah' *we initiate* because kalau 'inda' 'karang' di*initiate* sendiri, mungkin tidak mendatangkan *interest* dari Negara Brunei Darussalam. Strategik *interest* mengenai ekonomi *is always* dengan agensi-agensi berkenaan, bukannya dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. *We do not drive the policies of other ministries* .

Mengenai *KPI* yang ada, *its a number 3 KPI,* perjumpaan. Ini tertakluk pada berapa banyak dialog yang diadakan bersama rakan-rakan negara dan juga mesyuarat-mesyuarat *ASEAN* dan sebagainya. *So those are the average* Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mempunyai *meeting* di luar negeri termasuk dengan *ASEAN* dan *bilateral*.

Bukanlah ia sebagai satu tanda jika lebih banyak *meeting* menandakan lebih baik *KPI*nya. Kadang-kadang 'inda' banyak *meeting* pun, boleh juga, tetapi 'ani' adalah *the amount of meeting* yang diadakan setiap tahun oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan kementerian-kementerian lain pun mungkin ada lagi *meeting* yang tersendiri.

Dalam *ASEAN* sahaja 'mun' sudah sampai 16 lebih ribu *meeting* setahun, *can you imagine how much* dalam *KPI* Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mengadakan *meeting*.

Mengenai *BIMP-EAGA.* Ini adalah isu yang bersangkut paut dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Kaola ingin memohon sekiranya mengenai perdagangan ini bukan lagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri memegang pelaburan, tetapi hubungan antara kedua-dua buah negara. Itulah sebabnya *KPI* Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri satu sahaja, jangan jadi perbalahan antara mana-mana negara dengan Negara Brunei Darussalam.

Sekiranya ada satu perbalahan sudah *fail our KPI. We have to maintain*. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri perlu menjamin hubungan diplomatik sentiasa baik. Itulah sebabnya dikatakan *KPI* is keamanan, kesejahteraan dan hubungan yang baik. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pertama, kaola memuji dan menghargai pencapaian Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri iaitu sebanyak 93.25% dalam Petunjuk Prestasi Utama untuk tahun 2022/2023 hingga memelihara dan mempertingkatkan imej serta kepentingan Negara Brunei Darussalam dalam arena antarabangsa, *bilateral and multilateral* dengan mengadakan perjumpaan dengan pihak kerajaan tuan rumah.

Seterusnya pertumbuhan besar sebanyak 49.38% dalam mesyuarat yang disasarkan untuk tahun 2023/2024. Menandakan satu lagi tahun kejayaan dalam mengukuhkan hubungan global kita. Kaola sangat menghargai usaha konsisten pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bagi menggalakkan rakyat dan penduduk sama ada di luar negara dan mereka yang merancang untuk melancong dengan menggunakan *e-Register* di laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Sejak tahun 2018, inisiatif ini juga telah diketengahkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada setiap mukadimah.

Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan sebagai tindak balas kepada penyataan Ahli Yang Berhormat pada tahun 2018 dan soalan keraguan dalam membuat pendaftaran menunjukkan keperluan mempertingkat-kan jaminan *confidentiality* penggunaan maklumat yang dikongsi, tambahan pula kemas kini terbaharu laman sesawang seperti yang ditunjukkan di *footer laman web* tersebut adalah pada tahun 2018. Walaupun pengumuman semasa dalam siaran akhbar telah 'dibarigakan', hal ini masih tetap dan boleh menjejaskan keyakinan para pengguna.

Oleh yang demikian, memandangkan laman web ini telah mengumpulkan lebih daripada 18 juta pelawat, mungkin sudah tiba masanya untuk dikemas kini serta dinaik taraf. Sehubungan itu, kaola harap sebahagian daripada bajet di bawah Tajuk SC01A, Kod Akaun 1213 akan diperuntukkan untuk menaik taraf laman web tersebut.

Selanjutnya mengenai *e-Register*, apakah strategi-strategi tambahan yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian dalam meningkatkan kejelasan dan *awareness e-Register* ini? Jika dilihat dari segi kepentingan dan faedahnya, masih ramai daripada mereka yang belum menyedari akan kewujudan *e-Register* tersebut.

Kaola ingin mencadangkan supaya pihak kementerian membuat kerjasama dengan *Royal Brunei Airlines* dan ejen pelancongan lain untuk mendedahkan dan memperkenalkan tentang *e-Register* semasa pembelian tiket penerbangan seperti arahan yang dikemukakan oleh ejen ketika membeli insurans perjalanan.

Seterusnya, dari aspek membina komuniti Negara Brunei Darussalam ke peringkat global, bagaimanakah platform *e-Register* didedahkan serta digunakan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dalam menganjurkan acara yang melibatkan warga negara dan penduduk di luar negara, di samping membina rangkaian sokongan yang lebih kuat dan mempromosikan Negara Brunei Darussalam di peringkat antarabangsa. Hal ini boleh menjadi sangat bermakna dan memberi impak dalam mengumpulkan maklum balas mengenai dasar dan imej Negara Brunei Darussalam serta menyumbang terhadap penambahbaikan kedua-dua dasar dalam dan luar negara.

Tambahan lagi, langkah-langkah ini juga akan dapat membantu dalam meningkatkan kedudukan Negara Brunei Darussalam di peringkat global serta sistem sokongan untuk warga negara dan penduduk di luar negara di samping memupuk komuniti Negara Brunei Darussalam yang saling berkaitan dan berpengetahuan di seluruh dunia.

Akhir sekali, kaola ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua duta besar, pesuruhjaya tinggi dan pasukannya dalam pihak berkepentingan atas peranan mereka dalam mempermudahkan penglibatan serantau negara dan memastikan semua perjalanan dengan lancar dan selamat.

Sekian sahaja daripada kaola, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat.

Kaola akan cuba menjawab sebanyak yang boleh kaola ingati. Mungkin dari segi mempromosikan *e-Register* kepada rakyat ini, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri terus berusaha untuk meningkatkan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingannya, sepertimana Yang Berhormat maklumkan tadi. Kaola sendiri setiap tahun akan membuat *statement* mengenai *e-Register.*

Walau bagaimanapun, kementerian sedar bahawa perlunya mengadakan promosi untuk meningkatkan kesedaran mengenainya. Oleh itu, kementerian sedang merancang untuk melaksanakan 'pembarigaannya' melalui media massa, media cetak ataupun media elektronik pada masa akan datang.

Dari segi menaik taraf laman sesawang, dari masa ke masa laman sesawang ini akan dipertingkatkan *standard*nya. Kementerian juga mempunyai perancangan untuk menaiktarafkan lagi laman sesawang menggunakan reka bentuk yang lebih *up to date* dengan mengisikan maklumat-maklumat yang berguna.

Mengenai meningkatkan laman sesawang, kementerian juga merancang untuk menyediakan bukan saja secara *online*, tetapi menggunakan aplikasi telefon bimbit pada masa akan datang. Perkara ini sedang diteliti untuk melihat apakah aplikasi ataupun apakah *services* yang dapat dimasukkan dalam aplikasi telefon bimbit itu nanti.

Itu saja Yang Berhormat Pengerusi. Sekiranya kalau ada soalan yang ketinggalan, kaola ingin memohon Yang Berhormat untuk menghadapkannya bagi kaola menjawab nanti. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Lebih dahulu terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi, memberi kaola peluang untuk ikut serta membincangkan Peruntukan bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Tahun Kewangan 2024/2025 dan terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II atas pencerahan dan penerangan Yang Berhormat berkaitan dengan perkembangan dan hala tuju kementerian bagi Tahun Kewangan 2024/2025 ini.

Baru sekarang 'abisamba' ketahui kenapa peluang untuk bermuzakarah dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri II tidak dapat 'diungkayahkan' sebab kesibukan masa dengan mesyuarat-mesyuarat dalam *ASEAN*. إِنْ شَاءَ اللهُ Walaupun tiada kesempatan untuk bermuzakarah, kaola terpanggil untuk mengemukakan 3 soalan dasar agar mendapat pencerahan.

Sebelum itu, kaola ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II walaupun tidak dapat menjawab soalan kaola tahun lepas di dalam Dewan ini tapi disusuli dengan jawapan bertulis bagi kesemua isu yang telah kaola bangkitkan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat.

Kaola ada beberapa isu yang kaola pohon untuk pencerahan:

1. Tentang Aset Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Kaola difahamkan ada beberapa negara sahabat yang mempunyai misi diplomatik mereka di Negara Brunei Darussalam mendapat manfaat untuk membina bangunan sendiri di tempat khas di negara kita.

   Adakah ini perjanjian bersama dan di*reciproation* (ditimbal balik) dan perwakilan kita di luar negara yang menerima manfaat yang sama? Justeru, di bawah Kod/Akaun 1209, Anggaran Pembelanjaan $53 juta yang dipohonkan dalam RKN-12 untuk pembinaan atau pengubahsuaian bangunan pejabat dan kediaman ketua perwakilan sepuluh buah negara sahabat yang disenaraikan dalam "Buku Biru". Adakah ini bangunan yang dibina atas tapak khas yang telah diberikan oleh Negara Brunei Darussalam di luar negara?;

   Mohon pencerahan apakah dasar kerajaan apabila kita ditawarkan manfaat untuk memiliki tapak tanah di luar Negara Brunei Darussalam?

Adakah kita membuat bangunan sendiri ataupun menyewa bangunan di bawah *long-term lease*?;

2. Yang Berhormat Pengerusi. Berkenaan kebajikan kakitangan yang bertugas di luar negara. Kaola beruntung pernah bekerja dan tinggal bersama keluarga di luar negara dalam waktu yang panjang (dua lokasi). Pengalaman bekerja dan bermastautin di luar negara dengan keluarga banyak memberi kesan yang positif bukan sahaja pada diri kaola dan karier tetapi juga ahli keluarga yang ikut bersama kaola semasa bertugas di luar negara.

   Kaola faham akan cabaran-cabaran yang dialami oleh pekerja yang bertugas di luar negara kerana kaola pernah merasakannya. Lebih-lebih lagi cabaran ekonomi disebabkan oleh kos kehidupan bagi menanggung perbelanjaan diri dan keluarga semasa bertugas di luar negara dan juga perbelanjaan keluarga yang ditinggalkan di Negara Brunei Darussalam.

   Soalan kaola mengenai kebajikan kakitangan kementerian semasa menjalankan misi-misi diplomatik Negara Brunei Darussalam di luar negara. Mohon pencerahan, jika terdapat proses penilaian untuk menyelaraskan elaun dan kos sara hidup di luar negara bagi kakitangan kementerian termasuk warga Negara Brunei Darussalam yang bekerja di luar negara secara *local term contract* kerana kaola difahamkan terdapat rakyat Negara Brunei Darussalam yang memohon terus ke misi di luar negara yang bukan terdiri daripada warga *MFA* yang dihantar bertugas. Kaola berpendapat penilaian dan penyelarasan segera tangga gaji, elaun dan kos sara hidup di luar negara adalah satu aspek yang perlu diambil berat bagi menjaga kebajikan kakitangan serta kecekapan operasi kedutaan di luar negara.

   Selain itu, dengan mengadakan pakej yang kompetitif akan menarik lebih banyak bakat yang berkualiti dan dalam masa yang sama mengekalkan kakitangan yang berpengalaman. Selain itu, menyediakan pakej yang kompetitif dan responsif terhadap kos sara hidup di luar negara juga boleh membantu kedutaan/ suruhanjaya tinggi untuk menarik bakat tempatan yang berkelayakan untuk menggantikan warga asing yang bekerja di beberapa buah kedutaan Negara Brunei Darussalam di luar negara.; dan

3. Sempadan darat dan laut Negara Brunei Darussalam. Memohon pencerahan mengenai status perbincangan tentang sempadan negara ini dengan negara jiran. Terdapat segelintir Warga Emas yang mengingatkan bahawa sempadan pada masa sekarang jauh berbeza dari dahulukala semasa mereka bertugas atau apabila mereka ditempatkan untuk bertugas. Ini

kelihatan dengan jelas, bagaimana pula situasinya bagi tempat yang tidak kelihatan dengan mata kasar dan bukan tempat 'pelintasan'.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola teruja dan bersyukur أَلْحَمْدُ لِلّٰه ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ bagi peluang untuk mendengar terus jawapan Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini dengan pendirian dan komitmen Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam memperjuangkan hak penduduk Palestin agar bebas daripada jajahan kejam rejim zionis مَا شَاءَ ٱللَّٰهُ. Moga usaha kita sebagai sebuah negara yang kecil mendapat keredaan ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ dan membebaskan negara dan penduduknya dari fitnah dunia dan akhirat.

Sebelum kaola mengundur diri, izinkan kaola menyampaikan ucapan terima kasih secara peribadi kepada duta/pesuruhjaya tinggi sewaktu kaola ke luar negara atas tugas rasmi. Kerjasama padu daripada duta/pesuruhjaya tinggi dalam menjaga hal-ehwal kaola sangat memberangsangkan dan ada sebahagiannya *beyond the call of duty,* dengan sentuhan *personal.*

Kaola mengucapkan terima kasih dan sampaikan salam kepada mereka, dengan doa mengiringi moga mereka terus mengekalkan dan mempertahankan kebaikan yang telah mereka capai. Salam hormat kepada semua ahli kedutaan di luar negara.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

والسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas soalan-soalan yang diajukan.

Kaola juga ingin menyatakan kegembiraan mendengar Yang Berhormat yang suruhanjaya tinggi telah memberikan penjagaan dan layanan yang baik oleh kedutaan إِنْ شَاءَ اللهُ akan disampaikan terima kasihnya kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Mengenai soalan-soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat. Yang pertama mengenai isu tanah ataupun isu mengenai bangunan di tempat-tempat khas di negara ini. Memanglah isu untuk pemberian tanah dibuat secara *reciprocate.* Sekiranya terdapat tanah yang diberikan kepada Negara Brunei Darussalam untuk membuat *mission* ataupun tempat kediaman pegawai dan kakitangannya, akan diberikan yang sama.

Walau bagaimanapun, pada masa ini kriteria tersebut sedang di*review* untuk lebih selaras dengan keadaan semasa. Dari segi pembinaan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mempunyai peruntukan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 untuk membuat bangunan-bangunan baharu bagi ketua perwakilan di luar negeri khususnya di Berlin, Riyadh dan juga Canberra.

Tetapi ini akan beransur-ansur setiap tahun dalam pembinaan tersebut. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi, memang ada timbal balik, kaola tidak ingin bercakap *reciprocate,* karang salah bunyinya. Jadinya *there is reciprocity basically* kalau 'kitani' diberikan tanah dan 'kitani' akan memberi tanah juga kepada *mission* tersebut. Adakalanya *mission* 'kitani' memerlukan membeli tanah. Jadinya, tanah yang ditawarkan kepada *diplomatic enclave,* itu mungkin juga akan dijual kepada *mission* tersebut. Tetapi pada masa ini kriteria tersebut masih lagi di*review* agar ia selaras dengan keadaan semasa.

Mengenai kebajikan kakitangan *MFA* semasa misi-misi diplomat Negara Brunei Darussalam di luar negara. Sepertimana dalam mukadimah kaola tadi, kakitangan 'kitani' di luar negeri itu menjadi satu keutamaan bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri untuk menjaga bukan sahaja pegawai-pegawai dan kakitangan dari Negara Brunei Darussalam yang dipanggil *home based staff* malahan juga bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang *locally engaged* ataupun *local engaged staff.* Ertinya orang luar ataupun orang Negara Brunei Darussalam yang bekerja dengan kedutaan ataupun perwakilan yang menggunakan *local term contract*.

Ini adalah mustahak dan أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola ingin memaklumkan jua kenaikan sedikit dari segi gaji sebab kesemua misi 'kitani' di luar negara bagi *local engaged staff* telah mendapat kebenaran untuk kenaikan gaji setelah selama 20 tahun. *So, we have managed to do that this year*, kesemua misi *local engaged staff,* gajinya akan naik dan ini adalah أَلْحَمْدُ لِلّٰه atas titah perkenan juga, dapatlah pekerja-pekerja 'kitani' di kedutaan/ suruhanjaya tinggi tersebut merasai pembayaran gaji yang setimpal dengan apa yang ditugaskannya dan kaola juga menerima surat selalunya kalau ke luar negara itu.

Fasa kedua adalah untuk meneliti dan mereviu balik gaji dan pebelanjaan kos bagi *home based staff*. Ini memanglah mengambil sedikit masa sebab ia telah dibuat *in parallel* dengan *local engaged staff,* tetapi ia memerlukan banyak lagi penelitian kerana *home based staff* ataupun pegawai dan kakitangan yang datangnya dari Negara Brunei Darussalam mempunyai elaun-elaun seperti Elaun Luar Negeri, di samping gajinya, diberikan perumahan, diberikan bekalan elektrik, air dan kemudahan-kemudahan lain.

Perkara ini semua terpaksa diteliti dan diselaraskan dengan apa yang diberikan oleh negara-negara lain juga dari rantau ini atau dari rantau lain, supaya ia selaras dan tidak melebihi atau berkurangan daripada apa yang didapati oleh warga diplomat negara-negara lain tersebut oleh warga diplomat dari Negara Brunei Darussalam. Tetapi memanglah ia perlu dan sedang diteliti semula.

Dalam isu yang ketiga mengenai sempadan darat dan status perbincangan tentang sempadan darat ini, perkara ini sangat lama sudah diusahakan dan

kaola/saya ingin memaklumkan bahawa Negara Brunei Darussalam dan Malaysia terus bekerjasama rapat dalam melaksanakan pembatasan sempadan darat antara kedua-dua negara melalui Jawatankuasa Teknikal Penandaan dan Pengukuran Sempadan Darat.

Projek ini telah berjalan sejak penubuhannya pada tahun 2012. Keseluruhan panjangnya sempadan Negara Brunei Darussalam dan Negeri Sarawak adalah berjumlah 539.450 kilometre dan setakat ini penandaan sempadan yang telah dilaksanakan baru mencapai 176.146-kilometer iaitu dalam 33.3% baru siap dilaksanakan.

Ini baru kerja-kerja penandaan, pembatasan, belum lagi sempadan sebenarnya kerana kerja-kerja ini memerlukannya masa. Ada sebab ia memerlukan yang utama persetujuan kedua-dua belah pihak untuk membuat *reconnaissance survey, verification survey, demarcation survey* dan juga penghasilan pelan dan pemetaan.

Bagi Negara Brunei Darussalam dan Malaysia, memang kedua-dua belah pihak akan terus berusaha mempercepatkan kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan darat khususnya dan terutamanya di kawasan-kawasan keutamaan, yang mungkin ada aktiviti-aktiviti bersebelahan seperti di Sungai Tujuh, Kampung Bebuloh, Kuala Lurah, Bukit Gadong kedua-dua negara.

Menyentuh mengenai apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat yang segelintir orang tua-tua 'kitani' mengingati tempat keluar masuk sekarang ini berbeza daripada dulu.

Mungkin ia dikatakan yang dulu itu salah ataupun belum lagi *official* kerana sempadan-sempadan yang ada pada masa ini seperti yang ketara adalah berdasarkan kepada perjanjian-perjanjian lama seperti yang di Sungai Tujuh dan di Pandaruan, yang berdasarkan persetujuan kedua-dua belah pihak dan bersandarkan perjanjian-perjanjian lama yang sudah *on records*.

Jadinya, mungkin dulu-dulu itu, masih lagi sempadan tersebut dianggap saja dan baru-baru ini barulah ditetapkan sempadan berkenaan berada dan penandaan tersebut ada.

Walaupun isu mengenai Kuala Lurah menjadi isu dulu sempadannya di sebelah sungai, perkara ini masih lagi dibincangkan antara kedua belah negara.

Memanglah isu-isu mengenai *claim* yang bertindih ini akan berterusan tetapi yang mustahaknya kedua belah buah negara dan kedua-dua menteri luar negara berkenaan bersetuju untuk aktiviti-aktiviti yang diadakan di kawasan-kawasan yang masih lagi bertindih ini diberhentikan buat seketika sehingga dapat diselesaikan penandaan sempadan. Memanglah kadang-kadang manusia suka mengambil kesempatan, jadinya ada *encroachment* atau ada aktiviti-aktiviti di dalamnya dan sebagainya dari masa ke masa.

Perkara ini sentiasa dimata-matai oleh agensi-agensi keselamatan, tetapi juga Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, dapat memberikan notis kepada pihak Kementerian Luar Malaysia mengenai aktiviti-aktiviti ini supaya perkara ini dapat di*handle* secara bersesuaian. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II. Saya kira tidak ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk bertanya atau membuat kenyataan mengenai belanjawan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri II.

Maka saya berpendapat ada baiknya Tajuk SC01A – Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ini sekarang kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Nampaknya semua Ahli Yang Berhormat bersetuju, maka Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ini diluluskan dan kita akan beralih kepada tajuk yang seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual. Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A - Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita telah beralih kepada tajuk di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi, maka seperti kebiasaannya sebelum saya memberi laluan untuk Ahli-Ahli Yang Berhormat membahaskan dan membincangkan jadual ini, saya ingin mempersilakan Yang Berhomat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk membentangkan mukadimahnya mengenai perancangan dan hala tuju kementeriannya serta penjelasan dan kenyataan mengenai penyediaan dan Belanjawan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Saya persilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II berkenaan, silakan.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi,

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 khususnya Matlamat Ketiga, iaitu Menjadi Sebuah Negara yang Mempunyai Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi memainkan peranan utama untuk memastikan usaha-usaha bagi merealiasasikan keberhasilan *(outcome)* yang telah ditetapkan berdasarkan aspirasi-aspirasi dalam *Economic*

Blueprint termasuk peta-peta jalan adalah lebih teratur dan strategik.

Aspirasi-aspirasi berkenaan telah disejajarkan dengan Pelan Strategik Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi tahun 2021 hingga 2025 untuk memastikan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di bawahnya akan terus berusaha ke arah mencapai 4 aspirasi dalam pelan strategik berkenaan, iaitu;

1. Pembangunan Kepelbagaian Ekonomi.;

2. Mengekalkan Kemampanan Fiskal melalui Penggunaan Peruntukan Kewangan Kerajaan yang Efisien.;

3. Penglibatan dan Kerjasama yang Efektif dengan pihak berkepentingan.; dan

4. Penyampaian Perkhidmatan yang Cemerlang.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan terus bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan syarikat-syarikat *FDI* dan *GLC's* serta industri-industri berkenaan untuk meningkatkan kedayatahanan kewangan dan ekonomi negara dengan mendukung dasar, memperluaskan asas sumber pendapatan negara di samping mempelbagaikan sumber dan aktiviti perekonomian di negara ini.

Kejayaan dan progres kemajuaan negara seperti yang kaola kongsikan semasa pembentangan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 beberapa hari yang lalu adalah bukti kegigihan dan sebagai satu pemacu dan tanda aras yang negara mampu untuk mengubah landskap dan struktur perekonomian dengan berkat kerjasama padu dari semua pihak.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi seperti juga kementerian-kementerian lain, terus mengatur strategi dan menyokong Plan Transformasi Digital kerajaan ke arah mencapai hasrat sebagai sebuah *Smart Nation*. Dalam perkara ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Perbendaharaan إِنْ شَاءَ اللهُ, akan melancarkan Sistem Tafis 2.0 pada 1 April 2024.

Tafis 2.0 ini akan mempunyai perisian modul tambahan yang tidak terdapat pada sistem Tafis pada masa kini. Antaranya, modul-modul seperti pembekalan dan belanjawan akan dapat dikendalikan secara atas talian dan *Module Project System* bagi pemantauan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN-12) dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan efisien.

Dalam masa yang sama, kaola juga ingin mengongsikan perkembangan dan keberhasilan Sistem Sumber Manusia (SSM), iaitu satu sistem yang diusahakan bersama Jabatan Perdana Menteri khususnya Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Modul-modul baharu telah dilaksanakan, iaitu modul Elaun Cuti dan Tambang bagi menggantikan modul di dalam Tafis. Penggunaan modul juga akan bermula 1 April 2024 iaitu pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan akan dapat menghadapkan permohonan Elaun dan Tambang secara atas talian.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Bagi Tahun Kewangan 2024/2025, cadangan peruntukan Belanjawan secara keseluruhan bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi adalah berjumlah $1,098,806,940.

Lebih kurang 20% dari jumlah itu, iaitu sebanyak $220,270,740 adalah untuk membiayai keperluan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta empat buah jabatan di bawahnya, iaitu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Jabatan Perbendaharaan dan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Manakala selebihnya, iaitu sejumlah $878,536,200 disediakan di bawah Tajuk SD09A, iaitu Perkhidmatan Rampaian antara lain untuk membiayai keperluan-keperluan semua kementerian dan jabatan.

Izinkan kaola untuk menerangkan terlebih dulu pecahan peruntukan bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di bawahnya:

1. Peruntukan di bawah kategori *Emolument* disediakan sebanyak $64,200,040 bagi membiayai pembayaran Gaji, Bonus, Elaun serta Caruman TAP, SCP dan SPK bagi 2,120 jawatan.

2. Di bawah kategori Perbelanjaan Berulang-Ulang pula, peruntukan sejumlah $156,066,700 disediakan antara lain untuk membiayai keperluan Operasi Kerja-Kerja, Penguatkuasaan dan 'Pembarigaan', Pemeliharaan dan Penyelenggaraan Aset, Bangunan dan Infrastruktur *ICT* di kementerian, jabatan dan cawangan-cawangan di semua daerah, khususnya:

   i. Sejumlah $16 juta disediakan bagi Penyelenggaraan dan Pembaikan Aset seperti kerja-kerja menaik taraf lif, pembaikan *main switch board* dan *genset* dan penyelenggaraan mesin-mesin pengimbas dan membaik pulih bangunan-bangunan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di setiap daerah.;

   ii. Sejumlah $26.2 juta disediakan bagi Teknologi maklumat dan Infokomunikasi antaranya untuk membiayai kerja-kerja penyelenggaraan sistem-sistem teknologi maklumat seperti *Annual MoFE Consolidated Maintenance and Support, Network Infrastructure Services,* membina *MoFE Infrastructure Disaster Recovery* untuk sistem-

sistem aplikasi di Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan *ePG Migration to One Government Private Cloud (OGPC).*

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Izinkan kaola untuk seterusnya mengongsikan secara ringkas peruntukan di bawah Tajuk SD09A - Perkhidmatan Rampaian seperti yang kaola terangkan sebantar tadi, ia disediakan untuk membiayai Perbelanjaan Guna Sama bagi kesemua kementerian dan jabatan dan juga perbelanjaan yang di luar jangkaan. Antara peruntukan yang disediakan adalah seperti berikut:

i. Sejumlah $113.5 juta disediakan bagi Bantuan, Geran Pemindahan dan Subsidi.;

ii. Sejumlah $25 juta untuk menangani Bencana Alam, sejumlah $16.5 juta bagi kerja-kerja menaikkan paras jalan raya di kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir dan sejumlah $1.1 juta bagi kerja-kerja membaik pulih cerun di beberapa lokasi.;

iii. Peruntukan untuk menangani Wabak Penyakit Berjangkit disediakan sejumlah $37 juta.;

iv. Bagi membiayai kos-kos untuk projek kementerian-kementerian di bawah Projek Rampaian sejumlah $276.4 juta disediakan untuk membiayai kerja-kerja membaik pulih Pusat Al-Islah, kerja-kerja penaiktarafan dan pemeliharaan bangunan Penjara Maraburong Fasa 1 dan Fasa 3 Penjara Jerudong dan Institusi Penjara, Pengubahsuaian bangunan lama Telekom Brunei, membaiki kebocoran atap dan kerosakan lain bagi bangunan Pusat Sejarah Brunei.; dan

Seterusnya bagi membiayai program atau projek-projek yang menjurus kepada mendukung fokus Belanjawan Negara sejumlah $27.5 juta disediakan. Antara lainnya untuk melaksanakan:

i. Projek *Tafis 2.0 (TAFIS Migration).;*
ii. Projek Pemerolehan *National Coastal Surveillance System* Pusat Penyelarasan Maritim Kebangsaan.;

iii. Projek *Supply and Delivery of 4 Units of Interceptor Class Boat*.;

iv. Kerja-Kerja Membaik Pulih Bangunan-Bangunan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kampus Gadong dan Kampus Sinaut.; dan

v. Projek Pembelian Peralatan Makmal yang diperlukan untuk makanan bagi Jabatan Perkhidmatan Saintifik Kementerian Kesihatan yang akan membantu meningkatkan produktiviti dan keupayaan jabatan berkenaan ke arah membantu pihak-pihak yang tertentu untuk meningkatkan usaha-usaha mengeksport makanan ke luar negara, di samping memastikan keselamatan makanan bagi pengguna-pengguna di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Di bawah kategori Perbelanjaan Kemajuan pula sejumlah $12.8 juta dengan Harga Rancangan berjumlah $98.3 juta adalah diperuntukkan antara lainnya untuk membiayai Projek *Government Human Resource Management System* yang sekarang dikenali sebagai Sistem Sumber Manusia (*SSM*), Projek Platform Perkhidmatan Perniagaan Nasional, Pembangunan Kluster (Makroekonomi), Projek Bangunan "Hijau", *Integrated Statistical Data System* dan Banci dan Kajian Sosial Ekonomi.

Yang Berhormat Pengerusi. Sekianlah yang dapat kaola kongsikan sebagai makluman dan panduan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum kaola mengakhiri ucapan mukadimah ini sepertimana juga yang lazimnya dibuat pada tahun-tahun yang lalu, kaola memohon izin bagi peruntukan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang disifatkan sebagai jabatan yang tertutup untuk tidak dibincangkan.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: أَلْحَمْدُ لِلّٰه Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas penerangan yang telah diberikan berkenaan dengan hala tuju dan keutamaan dalam penyediaan Belanjawan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Saya bukakan sekarang tajuk ini untuk kita bincangkan dan saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sebelum itu kaola tidak lupa mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas usaha dan perancangan strategik ke arah tadbir urus perbelanjaan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025. Apa yang kaola harapkan agar ia dapat dilaksanakan sesuai dengan hasrat dan matlamat pihak kementerian. إِنْ شَاءَ اللهُ

Kaola terpanggil untuk menyuarakan berkenaan mata wang Negara Brunei Darussalam atau Ringgit Brunei. Kaola sukacita merujuk kepada siaran akhbar bertarikh 27 September 2016 dari Autoriti Monitari Brunei Darussalam *(AMBD)* berkenaan isu pertukaran yang berbeza bagi Ringgit Negara Brunei Darussalam dan *Singapore Dollar (SGD)* yang Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang ini atau *Currency Interchangeability Agreement (CIA)* telah dikuatkuasakan pada tahun 1967 antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura. Di bawah perjanjian ini, Negara Brunei Darussalam dan

Republik Singapura masing-masing akan menerima *SGD* dan *BND* pada nilai mata wang yang sama. Mata wang Negara Brunei Darussalam yang ada dalam edaran di Republik Singapura boleh diterima sebagai *customary tender* untuk membuat mana-mana pembayaran di Republik Singapura.

Terdapat juga beberapa isu yang timbul berkenaan penerimaan Ringgit Brunei di negara-negara *ASEAN* mahupun di peringkat antarabangsa apabila membuat pertukaran wang iaitu *money changer*. Ada negara yang tidak menerima wang kertas Negara Brunei Darussalam. Kalau di Jakarta, Indonesia hanya wang kertas $100 sahaja yang diterima. Kaola menimbulkan semata-mata untuk memahami serba sedikit berkenaan hala tuju Ringgit Brunei dari segi penerimaan dan di peringkat global.

Maksudnya adakah perkara ini terkait dengan kedudukan ekonomi Negara Brunei Darussalam di peringkat global atau ada penjelasan yang tertentu yang membolehkan Ringgit Brunei satu hari nanti setanding dengan mata wang dunia yang lain, seperti Dolar Amerika, Ringgit Malaysia, Dolar Singapura? Mohon pencerahan Yang Berhormat mengenainya.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, diucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dengan soalan yang diajukan tadi mengenai mata wang Dolar Brunei.

Memang kita ada perjanjian bersama *Monetary Authority Singapore* ataupun kerajaan Singapura untuk *interchangeability currency* kita. Tapi tidak dinafikan ada sebahagian agensi pertukaran mata wang ini tidak menerima Ringgit Brunei. Mungkin ia kira kalau sudah diterima Ringgit Brunei itu kemudiannya tidak banyak lagi orang yang hendak menukar balik Ringgit Negara Brunei Darussalam ini.

Jadi, sudah ditukar mungkin mereka terus kira *cash flow* ter*stuck* pada hari itu. Jadi, memang kita selalu berbincang dengan *Monetary Authority Singapore* supaya mereka boleh *increase awareness* dalam kalangan *currency exchange agency* dan sebagainya.

Kalau di luar Singapura ataupun di luar Negara Brunei Darussalam seperti yang dinyatakan tadi, di Jakarta. Kaola kurang pasti bagaimana penguatkuasaannya sama ada kita ada kuasa untuk *enforce* terhadap semua *currency exchange* di seluruh dunia untuk menerimanya. Kaola perlu meneliti lagi perkara ini.

Ada juga sebahagian orang ramai kadang-kadang ke Singapura untuk menukar mata wang Negara Brunei Darussalam ke Singapura. Ada yang sebahagiannya dikenakan *charge fees.* Untuk makluman orang ramai, kita mesti lihat tempat kita menukar mata wang itu. Di *airport* ada 2 iaitu satu *currency exchange agent* yang benar dan ada satu

lagi *travel agent.* Jadi, *travel agent* selalunya ada mengenakan *fees* dan sebagainya. Jadi, kita mesti *check* dahulu sebelum menukar mata wang itu. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه. Kaola mengucapkan tahniah atas usaha-usaha Kementerian Kewangan dan Ekonomi, khususnya dalam melaksanakan tanggungjawab dan misi ke arah kemajuan dan pembangunan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih juga atas mukadimah Yang Berhormat yang cukup jelas dan padat.

Kaola ingin menyentuh berkenaan kawalan harga berdasarkan Perintah Akta Kawalan Harga (Pindaan), 2021 Penggal 142, barangan dikawal harga maksimum secara berterusan yang termasuk barangan yang diberikan subsidi oleh kerajaan seperti beras, gula dan bahan tenaga.

Selain itu, terdapat beberapa kategori barangan yang ditetapkan harga maksimum iaitu beras yang diperolehi dan dibekalkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Gula juga diperolehi dan dibekalkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, *motor gasoline RON97*, *motor gasoline RON92* dan *RON98*, *Automative gas oil Diesel*, susu tepung formula 'anak damit', minyak masak jagung, palma, sayur, *sunflower* dan kacang soya dan kenderaan bermotor penumpang.

Sepertimana yang dinyatakan sebelum penetapan harga maksimum ke atas barangan keperluan asasi dilaksanakan, penganalisis maklumat dan konsultasi akan dibuat dari pelbagai agensi pengawal selia sektor barangan berkenaan dan termasuk pihak berkepentingan bagi menilai impak, kos dan prasarana secara holistik ke atas penetapan harga barangan tersebut.

Akta ini dengan jelas mengatakan bahawa: "Para peniaga tidaklah sewenang-wenangnya menetapkan harga yang dikawal". Namun, masih terdapat barangan yang menjadi keperluan seharian selain yang tersenarai seperti bawang merah, bawang putih, ubi, mentega, telur ayam dan sebagainya. Semua harga barangan yang kaola nyatakan tadi akan meningkat pada musim-musim perayaan disebabkan permintaan yang tinggi.

Sehubungan itu, sebagai inisiatif tambahan, kaola mencadangkan agar diadakan kawalan harga untuk barangan tertentu yang menjadi keperluan pengguna pada musim-musim perayaan dilaksanakan oleh pihak kerajaan seperti bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri. Apakah penalti yang akan dikenakan kepada mereka yang mendapati

melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142? Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat atas soalan diajukan tadi mengenai kawalan harga.

Pada masa ini, memang Akta Penggal 142, ditentukan ada 10 jenis barangan yang di bawah kawalan harga *(price control).* Jadi baru-baru ini, kita pun sudah membuat pindaan ke atas Akta Kawalan Harga Penggal 142 yang bertujuan memperkesankan dan mengrtatkan langkah-langkah penguatkuasaan kawalan harga yang membolehkan kerja pemantauan dan penguatkuasaan secara efektif bagi barang asasi mengikut tempoh yang bersesuaian dalam keadaan tertentu seperti semasa pandemik *COVID-19* atau keadaan yang sangat memerlukan dengan mengambil kira impak terhadap pasaran dan ekonomi negara.

Melalui pindaan ini, peruntukan diberikan bagi tindakan penguatkuasaan terhadap sebarang ketidakpatuhan terhadap penetapan harga maksimum bermusim yang lazimnya dilaksanakan terhadap kategori barangan makanan tertentu sementara sahaja iaitu semasa bulan Ramadan hingga minggu pertama bulan Syawal.

Pindaan juga merangkumi pengemaskinian senarai barangan yang dikawal harga maksimum secara berterusan termasuk barangan yang diberikan subsidi oleh pihak kerajaan. Seterusnya, pada musim Ramadan dan Hari Raya, beberapa jenis makanan juga terus dikawal seperti daging ayam, telur ayam, mentega, marjerin, minyak sapi, susu dan tepung.

Seperti yang kita lihat semasa *COVID-19*, beberapa jenis makanan ataupun barangan di pasaran pun termasuk dalam akta seperti bawang merah dan sebagainya yang disebutkan tadi. Itu sahaja yang kaola dapat kongsikan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya rasa cukup dahulu kita bersidang dalam Mesyuarat Jawatankuasa ini, saya tangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita akan bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara, saya rasa

cukup dahulu kita bersidang pada pagi ini.

Saya ingin menangguhkan persidangan Majlis Mesyuarat Negara dan kita akan bersidang semula pada petang nanti mulai pukul 2.30 petang.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Bagi membolehkan kita meneliti tajuk-tajuk yang terdapat dalam Rang tersebut satu per satu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 untuk diteliti satu per satu.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang kita adakan pada sebelah pagi tadi, kita telah mula membincangkan dan membahaskan tajuk-tajuk di bawah Perbelanjaan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Bersama saya masih terdapat senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membahaskan Tajuk Kementerian Kewangan dan Ekonomi ini.

Untuk memulakannya semula, saya persilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُ dan salam Sejahtera.

Kaola ada 2 soalan Yang Berhormat Pengerusi:

1. Mengenai *Brunei Halal branding*. Jenama Halal Brunei yang ditubuhkan pada tahun 2009 di bawah *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.* kini mempunyai lebih kurang 40 produk yang tersedia. Dengan reputasi halal yang kukuh dan pengiktirafan yang meluas, peluang untuk pertumbuhan Halal Brunei adalah amat besar mengambil kira permintaan sektor halal yang semakin meningkat di peringkat antarabangsa.

Soalan kaola:

i. Bagaimanakah Brunei Halal dapat mempromosikan imej negara di peringkat antarabangsa?;

ii. Memohon pencerahan mengenai strategi jangka pendek dan panjang Brunei Halal untuk mengembangluaskan jenama ini? Dengan pengiktirafan antarabangsa dan *standard* yang tinggi, bagaimanakah kita mengetengahkan promosi produk- produk ini di dalam dan di luar negara? Adakah kementerian mempunyai peruntukan yang cukup?.

Berdasarkan pemerhatian kaola, produk Brunei Halal masih belum menjadi pilihan pertama bagi warganegara Brunei Darussalam sendiri. Ini membawa kepada soalan sama ada terdapat keperluan untuk menambah baik jenama Brunei Halal itu sendiri atau mewujudkan konsep *branded patriotism* seperti yang diamalkan di negara-negara jiran iaitu penggunaan produk-produk tempatan ditekankan kepada penggunaan domestik.

Sokongan pengguna domestik ini secara tidak langsung akan mempromosikan produk-produk Brunei Halal secara global. Merujuk *Brunei Economic Blueprint*, kejayaan *blueprint* dibayangkan sebagai *our export will be diversified with increase output form private sector such as new petrochemical product and premium food product.*

Dari ini, kaola percaya Negara Brunei Darussalam sudah mempunyai ekosistem yang tersedia untuk memanfaatkan penjenaman halal dan mempromosikan Negara Brunei Darussalam.

Ia hanya memerlukan pendekatan yang lebih padu untuk menggerakkan jenama ini lebih jauh dari apa yang kita miliki pada masa ini. Terutamanya di dalam negara dengan membangkitkan semangat bangsa Negara Brunei Darussalam terhadap jenama tempatan mereka sebelum memperluaskan lebih jauh ke luar negara.; dan

2. Mengenai Aspirasi 3 Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Berkaitan dengan Aspirasi 3 iaitu: *Open and globally connected economy* dalam *Brunei Economic Blueprint*, mmohon pencerahan penilaian sendiri (*self-assessment)* pihak kementerian mengenai kedudukan Brunei dalam aspirasi ini.

Negara Brunei Darussalam berhasrat untuk meneroka pasaran antarabangsa dengan memanfaatkan perkongisan strategik seperti *FDI, FTA dan MoU* yang ditandatangani. Cabaran yang selalu ditimbulkan oleh cabaran ekonomi pasaran kecil dan skala ekonomi yang terhad memerlukan inisiatif-inisiatif yang kreatif dan efektif.

Walaupun banyak perjanjian yang telah ditandatangani namun impak yang nyata belum dapat dirasakan oleh rakyat.

Soalan kaola, untuk merealisasikan Aspirasi 3 ini:

i. Bagaimana Kementerian Kewangan dan Ekonomi menilai pencapaian Negara Brunei Darussalam dalam mencapai Aspirasi *Open and Globally Connected Economy* sebagaimana yang tercatat dalam *Brunei Economic Blueprint*? Apakah pencapaian telah diraih dan apakah cabaran yang masih dihadapi terutama dalam hal meningkatkan keterlibatan ekonomi dan kewangan Negara Brunei Darussalam di pasaran global?;

ii. Apa langkah-langkah konkrit yang telah diambil oleh kementerian untuk aspirasi *open and globally connected economy* termasuk memanfaatkan perkongsian strategik seperti *FDI, FTA* dan *MoU* dalam konteks meningkatkan aktiviti ekonomi dan kewangan Brunei di pasaran global?;

iii. Bagaimanakah Negara Brunei Darussalam dapat memudahkan dan membantu mempercepatkan penubuhan perniagaan seperti syarikat-syarikat penerbangan baru-baru ini yang telah diuar-uarkan seperti *Gallop Air* dan *AirAsia* untuk menubuhkan perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

Adalah diambil maklum syarikat-syarikat ini masih dalam fasa penubuhan awal, namun mereka pada pendapat saya, harus disokong kerajaan bersatu padu untuk membantu mereka menggerakkan permohonan untuk beroperasi dan berjaya menubuhkan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dengan secepatnya.

Kaola sedar, bahawa setengah-setengah isu tentang penubuhan perniagaan di Negara Brunei Darussalam ini adalah berkaitan dengan isu-isu Pensijilan Penerbangan Serantau mengenai produk yang bakal digunakan oleh syarikat-syarikat ini yang diperbuat dari Negara China dengan sokongan ekosistem lain untuk membantu mereka beroperasi di rantau ini. Namun memandangkan Negara Brunei Darussalam sebagai ahli *ASEAN* yang merupakan pakatan serantau, Negara Brunei Darussalam boleh *modify*kan keahliannya bagi membantu perniagaan ini tidak hanya mempunyai prospek perniagaan Negara Brunei Darussalam, tetapi juga di negara lain.

'Kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan'. Kita seharusnya berbesar hati atas peluang yang sangat berkepentingan besar ini untuk berjaya mendirikan perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

Sebagai kerajaan, seharusnya mereka dibantu menubuhkan di Negara Brunei Darussalam dengan menyelesaikan banyak isu peraturan setidaknya pada peringkat *ASEAN* supaya pengendali baharu ini boleh menubuhkan di Negara Brunei Darussalam dan mengembangkan sayap mereka ke negara-negara lain di *ASEAN*.

3. Soalan kaola, mohon pencerahan mengenai inisiatif-inisiatif pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam membantu pengusaha-pengusaha luar negara yang menubuhkan perniagaan mereka di negara ini dengan secepatnya tanpa membebankan keselamatan dan kredibiliti?

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat atas beberapa soalan yang diajukan tadi. Pertama sekali, mengenai Halal Brunei yang telah ditubuhkan sejak tahun 2009.

Jika kita lihat dalam sejarah Halal Brunei ini, memang dari tahun 2009, kita sudah cuba memajukan *branding*. Pada masa itu, baru hanya satu nama tetapi belum ada *brand*. Jadi usaha pada masa itu, dalam negara belum terdapat produk-produk tempatan untuk disokong dengan *Brunei Halal branding* 'kitani', adapun sedikit dengan *volume* yang kecil.

Jadi, pada masa itu, Brunei Halal menggunakan *3rd party manufacturing* jadi sehingga ada barang-barang ini bukan dari buatan tempatan iaitu dari luar negeri tetapi menggunakan Brunei Halal *branding* dengan *standard* dan kualiti yang ditetapkan oleh 'kitani'. Jika kalau dilihat pada masa itu, produk 'kitani' tidak juga seberapa maju oleh sebab ada produk-produk yang dibuat di *Europe.*

Setelah itu, dihantar balik ke Negara Brunei Darussalam untuk di*distribute* dengan *transportation cost* dan sebagainya, barang kita ini dibandingkan dengan produk-produk yang lain tidak berapa *price competitive*. Jadi, itu adalah antara satu sebab-sebabnya. Semenjak tahun 2015-2016, satu strategi baharu untuk kita bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha tempatan.

Pada masa itu, sudah kita nampak ada peningkatan produk-produk tempatan yang dikeluarkan oleh *MSME* 'kitani'. Tetapi sudah 'kitani' mencuba untuk menolong membuat produk-produk tersebut dengan pengusaha-pengusaha

tempatan, ada sebahagian *MSME* tidak cukup kapasiti. Kerajaan terus bekerjasama untuk sama-sama membesarkan lagi kapasiti untuk kita dapat mem*produce* produk-produk yang mencukupi untuk eksport.

Satu contoh yang telah berjaya mendapatkan *award*, iaitu "keropok udang" 'kitani' yang di*promote* pada masa itu di Dubai, mendapatkan satu *award.* Tetapi hanya itu sahaja yang antaranya beberapa produk yang nampak kemajuannya.

Yang lain, ada kita bekerjasama dengan *other MSME* ini, mereka kebanyakannya tidak ada *ambition* untuk *expand*. Apa yang ada pada masa itu, rasanya sudah cukup dan tidak perlu untuk mencari eksport *market* dan sebagainya. Ada juga *MSME* ini, mungkin sudah cukup berpuas hati dengan apa yang ada dalam negara, tidak mahu maju lagi. Oleh itu, jumlah produk 'kitani' tidak meningkat. Jadi, Halal Brunei memikirkan juga apakah caranya jika menggunakan *3rd party manufacturing*, harganya tinggi dan sebagainya.

Kalau mengharapkan tempatan, *volume* tidak banyak. *MSME* yang hendak bekerjasama ini tidak semestinya banyak. Dalam 2-3 tahun kebelakangan ini, Halal Brunei membuat kilang sendiri, iaitu *Brunei Food Industry* sendiri. Jadi, dengan adanya kilang sendiri, mudah-mudahan kita dapat membuat *canned food, canned beef, canned chicken, canned seafood* dan sebagainya.

Jadi, itu untuk meningkatkan jumlah produk-produk 'kitani' dengan *volume* yang dapat kita keluarkan untuk mencukupi eksport *market*. Ini adalah langkah-langkah yang pada masa ini diusahakan oleh *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.* jika ada kemajuan mungkin ada sebahagian *MSME* itu dapat kita membawa sekali gus menolong untuk sama-sama keluar ke *export market*.

Pada masa ini, belum lagi nampak strategi itu di*align* dengan *MSME*. Tetapi kita juga menolong *MSME* ke luar negeri sepertimana baru-baru ini, pada bulan September tahun lepas, kita mengambil bahagian dalam satu *expo* di Sabah dan nampaknya ada kejayaan, kita dapat eksport makanan kita ke Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dan seperti yang kaola terangkan tadi pagi dalam *MSME Festival* baru-baru ini, ada juga beberapa peng*import* dari luar negara yang datang untuk melihat produk-produk kita.

إِنْ شَاءَ اللهُ ini usaha 'kitani', nampak ada sudah *some progress*. Bagaimanakah 'kitani' akan menyatukan strategi 'kitani'? Mudah-mudahan dengan kerjasama dari *MSME,* mungkin ada peluang untuk mereka terus maju ke *expo market* dan sebagainya.

Mengenai dengan Aspirasi 3, *Globally and Open Connected Economy*, kita juga mesti memikirkan dalam jangka waktu panjang dan bukan sahaja pada masa ini. Sebagai satu negara yang kecil, mungkin ada sebahagian orang ramai memikirkan mengapakah 'kitani' ingin *open and*

global connected economy dan sebagainya.

Bagi Negara Brunei Darussalam, dengan *ambition* kita untuk *diversify economy*, 'kitani' perlu memikirkan dalam jangka waktu panjang untuk kita menarik lebih banyak *FDI* ke dalam negara supaya mereka dapat mengeksportnya. Jadi untuk kita eksport ke negara lain, kita juga mesti melihatkan kepada *global market that* 'kitani' punya *trade policy* adalah *up-to-date and modern*.

Penglibatan kita dalam beberapa *FTA* seperti *RCEP*, *CPTPP* dan baru-baru ini *IPEF* Amerika Syarikat, menunjukkan kepada *global partners, that* 'kitani' punya *trade policy,* walaupun kita pada masa ini belum lagi banyak industri untuk mengeksport dan sebagainya tetapi *reputation* sebagai potensi untuk *export trading partner, policy* kita adalah *modern* dan *up to date.* Kalau dilihat, kita sudah ada juga bukannya belum ada hasilnya, sebenarnya sudah nampak ada hasilnya.

Penglibatan dalam *CPTPP,* sudah pertama kali kita mengeksport *fertilizer* 'kitani' ke negara Chile, kalau tidak salah pada tahun 2021. Dalam tahun 2022 dan 2023, kita teruskan mengeksport pertama kali ke negara Peru dan Mexico, negara yang belum pernah 'kitani' mengeksport apa-apa produk.

Nampaknya sudah dalam perjanjian ini sampai ke pasaran yang belum pernah kita mengeksport. Ini perlu kita teruskan supaya orang *global market,* melihat 'kitani' sebagai *reputable trading partner* supaya bila nanti *FDI* akan melihat pelabur dalam Negara Brunei Darussalam, ia akan memanfaatkan dengan *policy.*

Jadi, kalau bila ia nanti menubuhkan kilangnya di Negara Brunei Darussalam, produk-produknya dapat dieksport seperti *BFI* yang 'kitani' dapat mengeksport ke *South America*.

Akhir sekali, mengenai *Gallop Air*. Memang satu *proposal* yang perlu 'kitani' ambil berat dan difikirkan. Ini satu cadangan yang jarang kita jumpa. Pada masa ini, pihak-pihak yang berkenaan dalam *analyse proposal* ini. Tetapi memandangkan ada lagi beberapa *consideration,* mungkin kaola tidak dapat mengongsikannya.

Biarlah pihak yang terlibat *review proposal* ini secara mendalam lagi dengan beberapa *sensitive consideration* sekali gus sebelum membuat keputusan selepas itu.

Itulah saja, yang mungkin kaola dapat jawab soalan-soalan daripada Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: *In short, we are in the right direction.*

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: إِنْ شَاءَ اللهُ Yang Berhormat Pengerusi. Kita sebagai satu negara yang akan *diversify economy* kita tidak dapat mengharapkan *local SME* untuk men*diversify economy*.

Kita menggalakkan *our local business to expand.* Kalau boleh, masuk juga dalam *manufacturing industry* dan sebagainya tapi mungkin *magnitude*nya tidak sebesarnya untuk kita benar-benar men*diversify* ekonomi 'kitani'.

Jadi, kita berharap *FDI* juga memainkan peranan untuk sama-sama mendiversify ekonomi bekerjasama dengan *local business* dan sebagainya. Seperti *Anson International Marine Shipyard* yang baru ditubuhka ialah satu usaha *joint venture FDI* dan sebagainya.

'Kitani' fikirkan dalam jangka waktu panjang, kalau sudah *FDI* datang ke negara ini untuk mengadakan produk dan sebagainya, di manakah mereka akan eksport, 'kitani' menolong jua. Pada masa ini, kalau dilihat *free trade agreement*, ia bukan macam zaman dahulu.

Zaman dahulu, kalau *FTA* ini, ia minta bukakan *market access*, menurunkan *tariff*, jangan dicukai dan sebagainya. Tapi kalau *FTA* yang *modern chapters* melibatkan *workers right*, adakah menggunakan *child labor* dan sebagainya. *All this issues*, jadi isu yang lebih penting dibandingkan dengan *market access* dan *tariff*.

Ini yang 'kitani' perlu *improve policy* kerajaan supaya mana-mana syarikat menubuhkan kilangnya dan membuat bisnes dalam negara ini, 'kitani' ada undang-undang menjaga *workers right* dan sebagainya. Mudahlah kita mengeksport barang-barang 'kitani'.

Kalau tidak, memang orang akan membeli dan memikirkan terpaksa membuat pemeriksaan sebanyak lagi atau *FDI* terpaksa buat *research* lagi. Kalau ia tahu sudah 'kitani' *part of CPTPP, RCEP, IPEF* ia sudah faham polisi Negara Brunei Darussalam ini memang moden dan *up to date.* Kuranglah mereka buat *research* atau *less worry* apabila mereka *invest* di Negara Brunei Darussalam.

Sudah ada nanti produk-produk mereka, mudah dan senang mereka mengeksport ke negara lain. Itulah satu *direction* 'kitani' mesti sentiasa ubah mengikut *the future direction of trade arrangement.* Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh sedikit mengenai apa yang telah ditanyakan oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai *opportunity* atau mengenai memajukan industri penerbangan atau *aviation industry.*

Dalam hubungan ini, kaola ingin mengongsikan bahawa dari segi kemampuan atau kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada masa ini *operating below capacity.*

Ia boleh menampung pergerakan penumpang *up to* 3 juta orang setahun,

sebanyak 100 pergerakan kapal terbang dan sebanyak 50 ribu pergerakan kargo setahun. Pada tahap sekarang ini, kita beroperasi di bawah kapasiti tersebut.

Oleh yang demikian, memajukan industri ini dapat menyumbang dan mendukung usaha-usaha untuk mempelbagaikan ekonomi dan juga peluang-peluang yang dikenal pasti bersama dengan pihak industri dan bisnes ekosistem. Kementerian Kewangan dan Ekonomi ada *opportunity* dalam mengembangkan kapasiti mengendalikan kargo, *transshipment* termasuk juga *transshipment* nilai tinggi yang pernah dikongsikan juga memajukan *cold chain logistics* dan juga *sorting hubs*.

Antara kaedah diambil untuk memajukan peluang-peluang ini ialah dengan cara menarik pelaburan dari syarikat-syarikat *GLC's* ataupun pihak-pihak pelabur dari luar. Dengan *view* ia adalah untuk *compliment* dan *to compete especially* syarikat-syarikat tempatan.

Menyentuh mengenai *Gallop Air* tersebut, saya ingin mengongsikan bahawa proses menilai permohonan tersebut sedang berjalan. Yang ditunduki pada masa ini ialah mengenai cadangan jenis kapal terbang yang mereka *or type approval* yang dipohonkan yang pada masa ini mengikut piawaian Jabatan Penerbangan Awam.

'Kitani' merujuk kepada piawaian *USFAA*, *Canada* dan *European Aviation Standard*. Ertinya jika *type approval* kapal terbang dipohonkan itu dapat memenuhi piawaian-piawaian tersebut ia akan lebih menyenangkan proses meluluskan permohonan mereka.

Tetapi ini masih dalam perundingan dan saya juga difahamkan pihak *Syarikat Gallop Air* yang mengusulkan cadangan menggunakan kapal terbang *comet* dan juga dalam proses memohon kebenaran *European Aviation Standard.*

Itu sahaja dahulu, Yang Berhormat Pengerusi untuk dikongsikan pada masa ini. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam.

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam:

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَات dan salam sejahtera. Lebih dahulu kaola mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan pagi tadi mengenai perancangan dan inistiatif pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

1. Kaola merujuk sistem *TAFIS 2.0* yang dihasratkan akan menambah baik sistem pengurusan kewangan dan penyampaian perkhidmatan kerajaan

kepada rakyat dengan perbelanjaan sebanyak $10.8 juta di bawah Perbelanjaan Berulang-Ulang Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang akan dilancarkan إِنْ شَاءَ اللهُ pada 1 April 2024 ini.

Kaola mengambil maklum bahawa sistem ini diperkenalkan bermula pada tahun 2002 untuk memudahkan proses pembayaran elaun-elaun dan perkhidmatan-perkhidmatan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه dengan pelaksanaan pemindahan sistem *TAFIS 1.0* kepada *TAFIS 2.0* ini nanti, sudah pasti akan mempertingkat dan menambah baik proses kerja-kerja yang sedia ada إِنْ شَاءَ اللهُ.

Dalam usaha menaik taraf sistem yang mendukung transformasi digital dalam kerajaan dengan perbelanjaan yang begitu tinggi, kecekapan sumber tenaga manusia selaku pengendali sistem adalah lebih penting untuk diberikan keutamaan dengan meningkatkan kemahiran mereka sesuai dengan ciri sistem yang dinaik taraf bagi memastikan matlamat asal pembinaan sistem ini dapat dicapai.

Kaola dimaklumkan bahawa pemprosesan tuntutan-tuntutan pembayaran dalam sistem ini, meliputi kerja-kerja penyemakan, pengesahan dan kelulusan atau *approval* pembayaran mengikut peraturan kewangan yang ada dan dilaksanakan oleh sumber tenaga yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang dilantik di kementerian-kementerian dan juga di Kementerian Kewangan dan Ekonomi sendiri.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola merujuk "keluhan-keluhan" mengenai isu kelambatan bayaran yang sering dialami oleh pengusaha-pengusaha yang membuat tuntutan menerusi sistem ini.

Kaola bawakan satu contoh mengenai bayaran perkhidmatan bas sekolah. Bas sewa khas pelajar sekolah. Kaola mendapat maklum ada pembayaran yang diterima oleh pengoperasi setelah 2-3 bulan tuntutan dihantar melalui sistem ini.

Bagi pengoperasi yang hanya bergantung pendapatan pada bayaran daripada perkhidmatan ini semata-mata, kaola pasti mereka akan merasakan kesulitan dalam menjalani kehidupan mereka dan jika mereka ini warga tempatan kebiasaannya mereka ada ahli keluarga untuk disara bayaran pinjaman kereta, rumah dan keperluan hidup lain untuk dijelaskan setiap bulan.

Jadi, dengan kelambatan ini, bagaimanakah mereka akan bergantung harap untuk menjelaskan bayaran-bayaran tersebut. Bagi orang-orang yang berpendapatan tetap pun sama, apabila terlambat

sahaja sedikit menerima gaji, mereka pun sudah resah. Kita bayangkan apa lagi yang terpaksa menunggu sehingga 2-3 bulan ini. Kaola berharap pelaburan lebih $10 juta ini untuk menaik taraf sistem tersebut akan mengatasi masalah kelambatan ini dan pengurusan kewangan serta penyampaian perkhimatan kerajaan kepada rakyat akan menjadi lebih baik.

Dalam hal ini, kaola mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai ciri-ciri penambahbaikan sistem yang ada dalam *TAFIS 2.0* ini berbanding *TAFIS 1.0* yang akan memberikan perkhidmatan yang lebih bermanfaat dan mudah kepada pengguna.

Apakah inisiatif pihak kementerian untuk memastikan sistem ini mesra pengguna dan mudah diakses. Dalam tempoh kurang dari sebulan dari tarikh pelancarannya ini, apakah strategi Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk menaik taraf kemahiran pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengendalikan sistem ini sama ada pegawai di Kementerian Kewangan dan Ekonomi sendiri ataupun pegawai-pegawai dari kementerian-kementerian yang lain? Berapakah jumlah peruntukan yang ditetapkan untuk menaik taraf kemahiran pegawai-pegawai berkenaan?

Akhir sekali, untuk sistem ini, bagaimanakah sistem ini nanti akan memudahkan komunikasi 2 hala antara pihak syarikat dengan pihak kementerian yang bertanggungjawab. إِنْ شَاءَ اللهُ dengan menetapkan dan mematuhi *SOP's* yang jelas dan berdisiplin, kaola harap sistem *TAFIS 2.0* ini dapat dilaksanakan dengan lebih lancar dan efisien serta memberi manfaat yang maksimum kepada semua pihak yang terlibat.; dan

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

2. Perkara yang ingin kaola bangkitkan adalah perniagaan-perniagaan yang diusahakan oleh warga asing menggunakan lesen warga tempatan atau yang lebih dikenali dengan perniagaan "ali baba", contohnya tender-tender perniagaan yang ditawarkan oleh pihak kerajaan seperti perkhidmatan bas sekolah dan yang berkaitan dengan sektor pembinaan, aktiviti-aktiviti perniagaan kecil persendirian, seperti restoran, kedai gunting, kedai jahit, runcit dan pasar borong.

   Ada juga perniagan ini diusahakan oleh warga asing di premis-premis yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk warga tempatan seperti bangunan-bangunan bumiputera yang dibangkitkan sebelum ini oleh rakan Ahli Yang Berhormat lain.

Peniaga "ali baba", ini mempergunakan Lesen Perniagaan milik warga tempatan untuk mendapatkan tender-tender perniagaan, contohnya perkhidmatan bas sekolah, yang pada kebiasaannya mereka akan menawarkan harga sewa yang sangat rendah yang tidak sanggup ditawarkan oleh warga tempatan sehingga ada yang menjejaskan kualiti perbekalan dan perkhidmatan yang diberikan dan dalam masa yang sama kegiatan ini menghalang peluang dan hak peniaga atau pengusaha tempatan terutamanya peniaga yang baharu.

Dalam hal ini, kaola mohon pencerahan adakah sudah sebarang analisis dibuat oleh pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengenai punca-punca utama perniagaan "ali baba" ini semakin berleluasa? Apakah inisiatif pihak kementerian untuk mengawal dan membendungnya?

Kenapa pemegang lesen warga tempatan ini menyewakan lesen-lesen mereka kepada warga asing? Adakah dikenal pasti sebab-sebabnya?

Mungkinkah ia kerana kekurangan modal ataupun mereka tidak ada kemahiran yang perlu 'kitani' sokong dan dibimbing oleh pihak-pihak yang berkenaan. Punca-punca ini adalah penting untuk diketahui dan ditangani untuk 'kitani' membantu meningkatkan taraf ekonomi masyarakat.

Apakah peruntukan undang-undang yang dikenakan kepada pihak-pihak yang dikesan mengamalkan perniagaan ini?

Kaola berpendapat pihak-pihak yang berkepentingan perlu untuk meneliti dan menambah baik mekanisme yang sedia ada untuk mengenal pasti peniaga-peniaga "ali baba" ini agar tidak terus menjejaskan peluang perniagaan dan hak warga tempatan antaranya dengan memeriksa latar belakang pemilik syarikat yang memohon tender-tender kerajaan, memperkukuh penguatkuasaan melalui pemeriksaan berkala ke lapangan secara berterusan dari semasa ke semasa, memperluaskan kesedaran perniagaan tempatan mengenai hak dan peluang mereka serta isu integriti dan kerugian yang ditanggung serta membantu dan menyokong mereka dalam menangani cabaran-cabaran yang menghalang mereka daripada terus mengusahakan perniagaan sendiri.

Seterusnya, berkolaborasi dengan pihak-pihak yang berkepentingan seperti dewan perniagaan yang ada yang berkaitan dalam menjalankan pemeriksaan dan mengadakan kempen-kempen kesedaran.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih atas soalan Yang Berhormat.

Dua soalan iaitu:

1. Mengenai *TAFIS* 2.0*,* untuk dikongsikan dengan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam ini ialah *TAFIS 2.0* ini adalah *upgrading* daripada *TAFIS 1.0* untuk menambah modul-modul baharu supaya kita lebih *efficient* untuk *monitor* perbelanjaan, *manage* projek-projek dan sebagainya.

   Jadi, soalannya mengenai jumlah pelaburan kita dalam *TAFIS 2.0*, adakah cara-cara untuk mengatasi isu kelambatan pembayaran kepada syarikat-syarikat tempatan?.

   TAFIS 2.0 bukannya khas untuk kita atasi kelambatan pembayaran. Isu kelambatan pembayaran ini, kaola sering menerima surat daripada *business* tempatan. Tapi, apabila diperiksa kenapa lambat, sebenarnya kebanyakan *invoices* itu belum lagi dihantar ke kementerian untuk diproses. Mungkin masih lagi di kementerian-kementerian lain dalam proses untuk dibayar.

   Jadi, adapun yang sudah sampai ke Kementerian Kewangan dan Ekonomi, dokumen-dokumen yang belum lengkap, terpaksa dikembalikan ke kementerian berkenaan untuk dicukupkan dokumen-dokumen yang diperlukan.

   Ini selalu menjadi kelambatan. Memang dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi, setiap bulan memang ada mengingatkan setiap kementerian dengan *purchase order* dan sebagainya untuk *follow up* apa kedudukan setiap *purchase order* dan sebagainya supaya mereka dapat mempercepatkan proses dalam setiap kementerian.

   Itulah yang menjadi isu, kerana kita sekarang tidak lagi memerlukan dokumen-dokumen itu dihantar secara fizikal ke Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Mereka boleh buat secara *online* dan sebagainya.

   Jadi, itu memang menpercepatkan prosesnya. Mengikut statistik Kementerian Kewangan dan Ekonomi, dalam lebih 80% dibayar dalam TPOR yang ditetapkan. Selebihnya, disebabkan dokumennya belum lengkap, terpaksa dikembalikan semula ke kementerian berkenaan untuk memohon dokumen yang berkenaan.

   Jadi إِنْ شَاءَ اللهُ dengan sistem baharu ini mudah-mudahan kita dapat memantau kedudukan pembayaran ini lebih efisien.

2. Mengenai lesen tempatan disewakan kepada orang luar jadi "ali baba", bagaimana kita dapat membantu bisnes kita? Soalan kaola,

sebenarnya jika mereka pinjamkan jadi "ali baba", mereka tidak akan memberitahu pihak kerajaan yang mereka ini "ali baba".

Jadi, bagaimanakah kita tahu siapa sebenarnya yang "ali baba" supaya dapat kita tolong. Jika sesiapa ada cabaran boleh berjumpa dengan pihak kerajaan yang berkenaan untuk sama-sama memikirkan bagaimana kita hendak membantu. Tidak semestinya dari segi kewangan, kemahiran dan pengetahuan mengenai bisnes dengan yang terlibat itu.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi sudah mengambil langkah untuk mengatasi isu ini. Kalau ada orang kita mendaftar *company*, kita memanggil *local partner*nya supaya kita dapat lebih memahami sama ada orang kita yang menubuhkan *company* ini benar-benar faham *the nature of the business*, pandai menjalankan atau tidak.

Kalau dia menubuhkan *company* tapi dia tidak faham mengenai bisnes itu, maka mungkin dia meminjamkan lesen kepada orang lain. Semasa ikut *tender* di kementerian lain nanti, kementerian itu juga tidak tahu sama ada "ali baba" atau tidak.

Dia ikut mesyuarat dan sebagainya. Kalau dia benar-benar memerlukan bantuan, bukan dari segi kewangan sahaja, dia boleh *approach* kerajaan sama ada di bawah *DARe, BEDB* dan sebagainya untuk meningkatkan kemahiran atau *business operation* dan sebagainya.

Itu saja soalan-soalan yang diajukan dan jawapan koala yang dapat dikongsikan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera.

Lebih dahulu, kaola ingin merakamkan ucapan penghargaan atas pembentangan yang terperinci daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang jelas, termasuk semasa pembentangan Rang Undang-Undang Perbekalan sebelum ini.

Kaola ingin mengetengahkan mengenai isu berkaitan pertumbuhan ekonomi di negara kita. Khususnya yang menggalakkan keusahawanan tempatan serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperkasa usahawan tempatan dan mengurangkan dominasi usahawan asing dalam sektor perniagaan tempatan.

Kaola merasakan tiba masanya untuk kita mencari jalan dan mendorong usahawan tempatan untuk meningkatkan perniagaan kecil dan sederhana yang beroperasi dari rumah

atau platform yang lain seperti *online selling* kepada perniagaan yang difikirkan lebih menjana pendapatan rakyat tempatan iaitu khususnya perniagaan runcit yang pada masa ini masih dikuasai oleh orang-orang asing.

Beberapa cabaran yang dihadapi oleh usahawan tempatan termasuk keperluan kuota dan mencari rangkaian bekalan produk-produk jualan.

Dalam hal ini, usahawan asing yang mempunyai rangkaian besar dari segi mendapatkan kuota dan bekalan-bekalan akan dapat keuntungan. Lebih-lebih lagi, mereka juga mengambil kesempatan dengan menggunakan orang tempatan sebagai '*sleeping partner'* dalam perniagaan mereka.

Sekali gus, menjana pekerjaan bagi rakyat mereka sendiri. Kaola ingin mencadangkan pihak kerajaan untuk memudahkan usahawan tempatan dengan menyediakan lebih banyak rangkaian bekalan dan memberikan fleksibiliti dalam memberikan kuota pekerja lebih-lebih lagi kerajaan dan agensi berkaitan seperti *DARe* yang mempunyai akses kepada pergerakan dan rangkaian bekalan yang mungkin dapat membantu para usahawan tempatan untuk berhubung secara langsung kepada pembekal atau *distributor*.

Selain itu juga, kaola ingin bertanya adakah geran atau skim kewangan yang dibantu oleh pihak *DARe* kepada para usahawan khususnya kepada *start-up business* benar-benar efektif dalam membantu untuk merangsang pertumbuhan ekonomi yang *diverse.* Memandangkan trend pasaran sentiasa berubah, perancangan kita juga perlu menyesuaikan diri dengan perubahan ini.

Flexibility dalam perniagaan adalah penting dan memudah cara dalam perniagaan bagi mendorong pengusaha tempatan tanpa sekatan yang terlalu ketat seperti menyediakan *blueprint plans* dan wang yang banyak sebagai jaminan, perlu diikhtiarkan agar para usahawan tempatan tidak terasa tersekat dalam mahu menceburi bidang ini.

Walaupun ada geran dan skim kewangan yang disediakan melalui agensi-agensi yang berkaitan tetapi proses-prosesnya kadangkala sukar untuk dibuat. Mengubah pelan asal semasa menerima skim tersebut tidak dibenarkan atau perlu asas yang sangat kukuh untuk mengubahnya yang boleh mengakibatkan kehilangan minat dan pada akhirnya para usahawan tidak jadi menceburi bidang ini.

Dengan ini, kaola menyeru agar pihak kementerian dapat membantu untuk mencipta persekitaran yang mesra usahawan untuk pertumbuhan keusahawanan tempatan dengan memudahkan akses modal. Menjana perhubungan perbekalan yang mencukupi dan memberikan sokongan yang diperlukan untuk melaksanakan pelan perniagaan.

Dengan cara ini, kita dapat menggalakkan lebih ramai usahawan tempatan untuk menyertai bidang

perniagaan secara *retail* yang masih lagi sedikit dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara kita.

Sekian. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat mengenai isu *local business* terutama sekali kedai runcit yang pada masa ini nampaknya di*dominate* oleh orang asing dengan tenaga kerjanya dari negara asing juga. Mungkin perkara ini, Yang Berhormat rakan sejawatan kaola dapat menjawab atau menerangkannya.

Hal ini sudah ada yang menjalankan *enforcement* dan sebagainya. Satu usaha yang mesti 'kitani' teruskan antaranya ialah mengecek dan seumpamanya. Pengusaha kedai runcit banyak memohon kuota untuk mendapatkan pekerja asing ini. Untuk mengatasi isu kedai runcit yang di*dominate* oleh orang asing ini, sebenarnya *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.* mempunyai satu inisiatif yang telah dimulakan dalam beberapa tahun sebelum ini.

Pada masa itu, kaola pernah mengongsikan kepada orang ramai bahawa perkara ini, bukannya mula-mula 'kitani' mencuba inisiatif ini akan terus *guaranteed* berjaya tetapi 'kitani' mesti mencuba dan *learn from it and* mudah-mudahan dapat lagi 'kitani' *improve.* Jadi inisiatif ini dinamakan *The Junction*.

The Junction ini setelah dibuka beberapa *outlet* dengan bisnes tempatan, 'kitani' bekerjasama dengan sebahagian perbelanjaan ditanggung oleh *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.*, sebahagiannya dijalankan oleh *local businesses* sendiri.

Jadi, bersama-sama 'kitani' menjalankan kedai runcit ini supaya mendapat mengambil pekerja dari anak-anak tempatan dan sebagainya. Ada beberapa cabaran *that we encountered.* Ini *lesson learned,* 'kitani' *improve* lagi.

Pada masa ini, *Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.* masih meneruskan inisiatif ini dengan mengambil kira perbelanjaan dan kegagalan untuk supaya 'kitani' dapat *improve.*

Jadi, bagi pengusaha-pengusaha yang ingin meneruskan sendiri bukan semestinya mesti bekerjasama dengan *The Junction* dan sebagainya. *DARe* mempunyai satu skim, *co-matching grant* yang boleh menyokong *business* modal. *Business* modal yang mungkin boleh berjaya akan dibagi *grant* untuk menyokong pengusaha-pengusaha tempatan 'kitani' itu.

إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini *has been long outstanding* bagi kerajaan 'kitani' kerana menggunakan *GLC's* untuk sama-sama mengatasi isu ini. Jadi 'kitani' teruskan usaha di bawah inisiatif *The Junction* itu, mudah-mudahan suatu hari akan berjaya

dan perlahan-lahan 'kitani' dapat *hopefully take over* tetapi dalam masa yang sama mungkin 'kitani' juga perlu *investigate* juga kenapa kedai runcit ini di*dominate* oleh *foreign business people* dalam negara ini. Itu saja, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat rakan sejawatan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pertanyaan mengenai kedai runcit ini.

Sebagaimana yang 'kitani' telah bincangkan semasa pembentangan Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kaola juga mengumumkan setiap permohonan untuk Lesen Pekerja Asing (LPA). Kalau dulu 'kitani' panggil kuota. Kuota ini menentukan jumlah kuota yang dibenarkan tetapi pada masa ini ia berdasarkan kepada permohonan.

Permohonan ini kalau dipohonkan sejumlah 10, tidak semestinya 10 dibenarkan, ia tertakluk kepada projek dan juga sebelum Lesen Pekerja Asing ini dibenarkan ia melalui proses-proses tertentu sebagai contoh bekerjasama dengan *Job Centre Brunei.*

Job Centre Brunei ini juga mengenal pasti anak-anak tempatan yang boleh bekerja, sebagai contoh buruh kedai, *packer, supervisor*, *butcher* dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sebelum LPA itu dibenarkan memerlukan bukti bahawa kedai-kedai runcit tersebut, iaitu pemohon bagi LPA itu bukan yang menjalankan kedai ini tetapi *the owner of the license* itu sendiri, iaitu orang tempatan.

Jadi, kalau sudah proses-proses periklanan telah dibuat dan masih juga belum ada orang tempatan, kemudian baru dibenarkan pekerja asing untuk datang bagi mengisi jawatan-jawatan yang ditentukan.

Bergantung dari masa ke masa, semasa penyambungan Lesen Pekerja Asing ini, di*practice* macam itu bagi memastikan orang tempatan juga diberikan kesempatan untuk bekerja.

Inilah juga peranan 'kitani' sebagai *Whole of Government* dan *Whole of Nation* sebagaimana juga kaola pernah sebutkan 'kitani' mahukan *each* kampung itu mempunyai kedai runcitnya yang 100% *run by our local.* Itu yang akan 'kitani' laksanakan. Bukan pulang 'kitani' kan bersaing tetapi hanya untuk memastikan yang dibangkitkan ini sebenarnya.

Kenapa lesen orang tempatan ini dipinjamkan, dipakai dan dijalankan oleh orang asing? Ia disebabkan oleh 'kitani' sendiri yang meminjamkan. Itu saja, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم

اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Terima kasih, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas mukadimah dan tahniah atas inisiatif dan usaha-usaha yang telah dijalankan.

Kaola ingin mengutarakan pendapat dan soalan mengenai industri yang ada kaitannya dengan industri Halal yang pada pendapat kaola sangat berpotensi untuk dikembangluaskan di pasaran serantau dan antarabangsa.

Industri ini juga pernah diusahakan oleh kementerian bagi mengembangluaskan lagi industri negara kita dan di luar negara.

Namun pada ketika ini, kemodenan yang diharapkan itu belum sampai ke tahap seperti yang diharapkan. Jika impaknya dicapai seperti yang diharapkan tentunya akan dapat meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar dan seterusnya dapat mengurangkan pengangguran di negara ini.

Industri yang kaola maksudkan itu adalah Industri Halal seperti Farmaseutikal, perbankan Islam dan takaful. Sesetengah industri ini telah pun berkembang pesat di negara kita dan di negara lain.

Namun bagi sesetengah produk yang masih kurang nampak kemajuannya dari segi pengeksportan ke negara lain adalah tidak menyeluruh, terutama sekali bagi industri yang telah berkembang maju iaitu perbankan Islam dan takaful.

Kaola mengambil maklum mengenai perjanjian *grant for capital* bagi membangunkan sebuah syarikat *Syariah-Compliant Digital Finance and Economic Zone* yang pertama di rantau ini, terutama di kawasan *BIMP-EAGA*. Namun masih belum ada cerita mengenainya setelah ia diuar-uarkan oleh pihak berkaitan pada tahun 2021.

Mengenai Industri Farmaseutikal, menurut ramalan yang dibuat pada tahun 2021, pasaran Industri Farmaseutikal Halal dijangka mencapai USD105 bilion pada tahun ini iaitu tahun 2024. Di samping itu, nilai pasaran farmaseutikal secara global akan melebihi USD1 trilion.

Mengenai Industri Farmaseutikal Halal, mungkin orang ramai tidak mengetahui keberadaan *Simpor Pharma Sdn. Bhd*. yang telah dikatakan sebagai peneraju utama dalam industri farmaseutikal halal dalam negara ini. *Simpor Pharma Sdn. Bhd.* yang merupakan syarikat kerjasama dengan syarikat luar negara yang bernilai $26 juta dibangunkan di Kawasan Perindustrian Salambigar dan diperuntukkan kawasan sebesar lebih dua ekar.

Syarikat ini mengeluarkan produk ubat-ubatan yang dihasilkan di bawah jenama sendiri, namun pada pendapat kaola, kemajuan syarikat ini perlu dipertingkatkan dan dilestarikan.

Jadi, apakah usaha terkini untuk memajukan dan meningkatkan perusahaan-perusahaan berpotensi tinggi ini? Minta pencerahan dan penjelasan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Apakah naratif terkini mengenai inisiatif *Syariah-compliant Digital Finance and Economic Zone* ini dan apakah hala tuju kementerian bagi turut memperkasakan ekonomi dan Industri Farmaseutikal Halal di negara ini dan juga di luar negara.

Kaola ingin mencadangkan bagi industri kewangan negara seperti bank Islam dan Syarikat Takaful untuk juga mengembangkan sayapnya di peringkat serantau bagi menaikkan lagi nilai asetnya dan meningkatkan pendapatan untuk negara.

Ini menunjukkan bahawa inisiatif kementerian terdahulu dalam industri disebutkan harus diusahakan lebih hebat lagi dengan mengambil langkah-langkah yang lebih proaktif bagi menjayakan dan memberi kesinambungan visi kementerian.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat.

Mungkin ada dua soalan, satu mengenai industri Halal bagi takaful dan bank. Yang kedua mengenai, *Digital Syariah Finance Zone* dan yang ketiga mungkin farmaseutikal.

Pertama sekali mengenai kenapa kita tidak terus memajukan industri takaful kita ke luar negara, mengeksport produk kita. Perlu kita faham kalau dibandingkan bank kita dalam Negara Brunei Darussalam, walaupun ada yang kita nampak Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) yang terbesar, kalau dibandingkan dengan bank-bank di luar negara, masih lagi kecil.

Kalau hendak mengembangkannya ke luar negara, kita mesti mencari satu *niche* strategi. Mungkin *niche* strategi ini adalah takaful ataupun jenis *Islamic* produk. Jadi, daripada kita terjun begitu sahaja? perlulah kita membuat satu pengkajian. Kalau kita lihat di Thailand, pernah juga mengadakan *Islamic Bank of Thailand.*

Dalam beberapa tahun yang lepas, bank ini pun gagal dan tidak berjaya. Di Singapura ada satu *Islamic Bank* juga disokong oleh kerajaan, jadi dalam beberapa tahun yang kebelakangan ini telah pun ditutup.

Kita mesti juga lebih faham juga, membuat satu *study* yang lengkap

sebelum kita akan terus terjun ke luar negara dan sebelum itu, *I think* jangantah dahulu mengambil risiko yang tinggi memandangkan sudah beberapa contoh belum lagi nampak kejayaannya.

Memang ada hasrat seperti Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) untuk ke luar negara. Pada masa ini, ada satu *office* di Singapura dan satu *office* di Dubai. Itulah kira satu langkah pertama untuk kita lebih faham pasaran di negara masing-masing daripada terus membuka cawangan dan sebagainya.

Jadi, ini satu langkah yang *less risky approach* untuk kita mencuba *study market*nya. Kalau sudah datang masanya, rasa kita yakin akan berjaya, barulah kita melabur dengan jumlah yang lebih besar dan ambil risiko yang mungkin lebih tinggi.

Mengenai *Digital Syariah Finance Zone* ini, kaola tidak beberapa tahu yang *Digital Syariah Finance Zone* dalam *BIMP-EAGA* ini. Mungkin kalau sudah kaola dapat membuat *research* sedikit, kaola akan menjawab secara bertulis, إِنْ شَاءَ اللهُ

Mengenai dengan farmaseutikal, *Simpor Pharma Sdn. Bhd* yang ada di Negara Brunei Darussalam pada masa ini, memang sudah ditubuhkan lebih daripada 10 tahun dengan beberapa *operational challenges* dan sebagainya.

Untuk membuat *pharmaceutical company* ada cabarannya tersendiri. Pada masa ini, memang kerajaan masih memikirkan dalam perundingan dengan beberapa *technical partner* untuk dapat kita terus memajukan industri ini. Itu sahaja yang dapat kaola kongsikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Chong Chin Yee.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola mengambil baik segala insiatif dan tindakan pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam mencapai matlamat serta perkembangan dan kemajuan ekonomi negara.

1. Soalan kaola ialah mengenai infrastruktur *Digital Payment* dalam perkembangan ekonomi. Dengan Ekonomi Digital *ASEAN* yang dijangka mencecah hampir US1 trilion menjelang tahun 2030, kepentingan pembayaran secara digital adalah jelas dan signifikan untuk diketengahkan.

   Merujuk kepada Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Ke-18, Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa *Digital Payment Hub* boleh mengurangkan transaksi secara tunai kepada kerajaan sebanyak 90% iaitu dapat menjimatkan jumlah besar sehingga berjuta ringgit setahun.

   Walau bagaimanapun, kaola percaya bahawa untuk mencapai pengurangan serta ketara dalam

transaksi tunai tidak dinafikan memerlukan penggunaan digital yang meluas dan menyeluruh merentas semua peringkat dalam operasi kerajaan.

i. Soalan kaola ialah apakah langkah yang sedang dilaksanakan pihak kerajaan untuk memastikan kadar penggunaan digital yang tinggi dalam mencapaikan matlamat yang dinyatakan iaitu mengurangkan 90% dalam transaksi tunai?

Dengan jangkaan pelancaran *National Digital Payment System* yang merupakan langkah penting ke arah meningkatkan *inter-trade* dalam kalangan Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana dengan negara-negara *ASEAN* lain.Kaola ingin memahami tentang skala semasa ekonomi digital kita dan perkembangan kementerian dalam meningkatkan ekonomi digital negara pada masa akan datang.; dan

ii. Seterusnya, adakah kementerian akan mempertimbangkan untuk mewajibkan penggunaan *QR Interoperability* bagi semua kedai termasuk stesen minyak bagi memastikan ekosistem pembayaran digital yang lancar dan bersepadu?

Bagaimanakah penguatkuasaan sedemikian akan menyokong Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana negara dan landskap ekonomi yang lebih luas?;

2. Mengenai keselamatan siber bagi pembayaran digital.

Dengan perkembangan platform bagi pembayaran digital, peningkatan ancaman keselamatan siber seperti *push payment fraud*, *peer to peer fraud* dan eksploitasi *mule account* akan menimbulkan risiko yang tampak dan jelas terhadap para pengguna. Individu terbabit dalam penipuan dan *scammer* memang tidak dinafikan bertindak cepat dalam mengatasi teknologi baharu serta sering mengeksploitasi '*social engineering'* dan mereka lazim menumpukan kepada para pengguna yang kurang mahir dan bersedia terhadap perkembangan teknologi.

Isu-isu ini akan dapat mengurangkan keyakinan pengguna terhadap sistem pembayaran dalam talian dan secara tidak langsung menjejaskan pelan dan kejayaan *Digital Payment Hub.*

Soalan kaola ialah:

i. Dengan kecanggihan *online scam* yang semakin meningkat, apakah langkah dan strategi yang dilaksanakan oleh pihak kementerian untuk meningkatkan dan mengukuhkan lagi keselamatan penggunaan secara digital?; dan

ii. Di samping itu, bagaimana kementerian merancang untuk

memastikan institusi kewangan dipertanggungjawabkan untuk mencegah berlakunya penipuan ini terutamanya yang melibatkan *mule account* ?

3. Akhir sekali, tentang meningkatkan *market intelligence* untuk mengembangkan perniagaan tempatan.

   Kaola ingin mengucapkan tahniah kepada *Brunei Economic Development Board, Darussalam Enterprise* dan agensi-agensi lain yang berkaitan atas pencapaian mereka yang luar biasa sepanjang tahun lalu.

   Pencapaian tersebut termasuk *Brunei's Inaugural Startup Summit, The Initial Innovation Challenge,* penghantaran utama produk tempatan ke *Mustafa Center*, *Singapore*, eksport berskala komersial pertama produk makanan dan minuman yang diproses ke Malaysia Timur, pelancaran minyak masak pertama dan pencapaian-pencapaian lain.

   Peranan utama Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam menyediakan *market intelligence* adalah penting untuk perniagaan tempatan dalam mempertimbangkan perkembangan serantau atau antarabangsa. *Market intelligence* adalah penting untuk perniagaan tempatan yang bertujuan untuk atau berpotensi untuk perniagaan berkembang di luar sempadan negara kerana hal tersebut melibatkan pengumpulan analisis dan interpretasi saiz pasaran, trend, potensi perkembangan dan *competitive landscape*.

   Soalan kaola ialah:-

   i. Bagaimanakah pihak kementerian bekerjasama dengan agensi lain untuk meningkatkan *market intelligence* bagi perniagaan-perniagaan di Negara Brunei Darussalam dan memastikan mereka berpengetahuan tentang potensi pasaran bagi perniagaan mereka?;

      Memandangkan wujudnya kebimbangan mengenai kebolehpercayaan data Negara Brunei Darussalam terutama sekali dalam penerbitan di luar, adakah terdapat rancangan untuk menghasilkan dan menyebarkan data kita sendiri dengan lebih berkesan dan selamat?.; dan

   ii. Bolehkah pihak kementerian memudahkan penerbitan infografik dan laporan yang boleh difahami dan diserap serta menggalakkan sumbangan dari ahli ekonomi dan ahli statistik tempatan kepada media negara ini?; dan

   iii. Adakah pihak kementerian dalam melaksanakan serta mempunyai inisiatif untuk berkerjasama

dengan pencipta kandungan iaitu *content creator* yang berkredibiliti di media sosial yang boleh dipercayai untuk menyebarkan dan 'membarigakan' maklumat tersebut.

Kaola percaya langkah-langkah ini akan dapat meningkatkan pertahanan peniaga tempatan antarabangsa mengenai potensi ekonomi Negara Brunei Darussalam dan menyokong perkembangan dan pertumbuhan perusahaan tempatan kita.

Sekian sahaja, daripada kaola, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima Kasih Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee. Ada beberapa soalan terutama sekali mengenai *digital payment,* 'cemana' 'kitani' menggalakkan lebih banyak transaksi melalui *digital payment.*

Memang untuk menyokong usaha ini beberapa infrastruktur perlu disediakan, bukannya 'kitani' terus-terus kepada *digital payment* 'kitani' mesti *make sure* 'kitani' punya *connectivity* sepertimana yang dilaksanakan oleh UNN di mana-manayang *connectivity* di seluruh negara itu adalah yang *reliable* dan yang kedua *cyber security* mesti dijaga sebelum 'kitani' mengadakan *digital payment* dan lain-lain, mungkin *data center* dan sebagainya.

Jadi, أَلْحَمْدُ لِلّٰه beberapa usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan tiba masanya 'kitani' boleh meng*introduce digital payment.* Jadi *digital payment* ini ada beberapa manfaatnya, ia akan mengurangkan pembayaran *fee* dan sebagainya. Pada masa ini, kalau 'kitani' sekiranya memakai *debit card* atau *credit card* ada *charges* di kedai itu mesti dibayar *charges* dan sebagainya.

Dengan *Digital Payment* ini *charges* akan berkurang إِنْ شَاءَ الله ini akan memanfaatkan bukan sahaja orang ramai mahu jua yang syarikat-syarikat, bisnes-bisnes. Jadi, *digital payment* ini, ada jua kebaikannya untuk 'kitani' sama-sama meng*address* isu-isu *anti-money laundering*. Ini satu kebaikannya *digital payment*.

Memang *digital payment* ini satu cadangan dari *Asian Business Advisory Council*. Kalau 'kitani' lihat di negara jiran, seperti Republik Singapura, 'diorang' dari dulu sudah ada *e-Payment gateway* dalam negara. Dengan 'diorang' punya *e-payment gateway* ini, 'diorang' boleh bekerjasama dengan Thailand dengan *payment gateway* Thailand sendiri. Pada masa ini, Republik Singapura ada perjanjian dengan 4-5 negara dalam *ASEAN* ini. Jadi, satu cadangan dari *Asian Business Advisory Council*, perlulah setiap negeri *ASEAN* mendapat *digital payment gateway* sendiri.

Jadi, dapat 'kitani' *link up,* bekerjasama dengan sembilan negara *ASEAN* yang

lain, semua memang ada *connectivity*. Bila 'kitani' nanti ke luar negara, 'kitani' gunakan *this payment gateway card* seperti 'kitani' dalam negeri, boleh digunakan di negara *ASEAN*. Ini menggalakkan *intra-trade within the ASEAN community*. Ia mengurangkan kos, misalannya pertukaran wang terus dapat 'kitani' tahu sebelum 'kitani' bayar. Inilah satu usaha kerajaan mulai melaksanakan *e-Payment gateway* ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

إِنْ شَاءَ اللهُ, seakhir-akhirnya pada awal tahun depan, إِنْ شَاءَ اللهُ, akan terus dilancarkan. Pada masa ini, ada beberapa buah tempatan sama-sama 'kitani' bekerjasama untuk menyediakan *this e-Payment gateway* ini.

Kaola percaya, kalau sudah dilancarkan nanti *e-Payment gateway* ini, sambutan daripada orang ramai meningkat. Sepertimana yang 'kitani' lihat dalam *MSME Festival* baru-baru ini di *Bridex*, sebanyak 180 bisnes yang ikut serta, semua disediakan *QR code* dan sebagainya untuk dibayar secara *online* dan sebagainya. Ini satu cara untuk 'kitani' meningkatkan lagi kegunaan *digital payment*. Memang ini dikira satu *trend* baharu, yang kaola percaya sambutan ini akan menggalakkan.

Seterusnya, mengenai penggunaan *QR interoperability* seperti yang ada di stesen minyak dan sebagainya. Perkara ini sudah dibincang dengan *Brunei Shell Marketing* (*BSM)* dari segi sama ada dapat 'kitani' membayar tidak perlu menggunakan *cash*, menggunakan *mobile* dan sebagainya.

Jadi, memang ada satu *concern because* pada masa ini, kalau di stesen minyak, tidak boleh 'kitani' menggunakan *mobile phone because of the signal* dan sebagainya. Inilah satu isu yang melambatkan 'kitani' memakai *QR code* di stesen minyak dan sebagainya. Tetapi *QR code* di mana-mana *business community* banyak sudah digunakan pada masa ini.

Mengenai *online scam*, suatu isu bukan sahaja terjadi di Negara Brunei Darussalam ini, di negara lain pun banyak kes-kes ini. Jadi beberapa buah bank di Negara Brunei Darussalam ini sudah mengambil langkah sendiri untuk memastikan semasa 'kitani' membayar supaya tahu akaun itu yang akan dibayar atas nama siapa dan sebagainya supaya 'kitani' dapat *double check* benarkah akaun yang 'kitani' bayar itu dipunyai oleh orang yang 'kitani' akan bayar.

Inilah satu caranya untuk 'kitani' memastikan supaya jangan nanti 'kitani' membayar tidak diketahui siapa yang sebenarnya menerima pembayaran itu, sama ada kemungkinan *scam* dan sebagainya. Itulah satu langkah yang beberapa buah bank sudah meng*introduce* langkah-langkah seperti yang dikongsikan tadi.

Ada jua tambahan di*limit* kepada beberapa *devices*. Ada sebahagian daripada orang yang punya akaun ini, ia beri *password* kepada ahli-ahli keluarga. Ahli-ahli keluarga ini kadang-

kadang menggunakan komputernya memasukkannya dan sebagainya untuk membuat pembayaran *without his knowledge*. Ada bank-bank sudah me*limit*kan untuk menggunakan *device* yang dihadkan untuk satu *laptop* dengan satu *mobile*. Kalau ia pinjamkan *password* dan sebagainya kepada ahli-ahli keluarga yang lain, tidak dapat 'diorang' membuat transaksi. Itu *another* langkah untuk mengatasi isu ini.

Seterusnya, *market intelligence*. Pada masa ini *Darussalam Enterprise* (*DARe*) melantik satu syarikat untuk membuat *survey* dan sebagainya dari segi *our business community* dan sebagainya. Jadi, *Brunei Darussalam Central Bank* (*BDCB*) pun ada membuat kaji selidik dan sebagainya.

Pada masa ini, tidak *centralise*lah jadi, nampak pada masa ini 'kitani' punya produk tempatan mulai sudah meng*export* dan sebagainya. Ini satu *information* yang bagus bahawa 'kitani' kalau dapat dikongsikan dengan *business community* tempatan supaya 'diorang' melihat ada syarikat-syarikat sudah dapat meng*export,* memanfaatkan *export opportunity* dan sebagainya. Mungkin 'diorang' lebih *encourage* untuk ikut juga. Jadi, *market intelligence* ini kalau dapat dikongsikan dengan *business community* satu langkah yang positiflah. Pada masa ini, *information* ini tidak *centralise*. Kaola menyambut baik cadangan ini sama ada nanti difikirkan yang agensi dapat *take over* tugas ini untuk membuatkan satu *regular market intelligence report*.

Mengenai kebolehpercayaan *data* Negara Brunei Darussalam ini. Kaola ingin kongsikan bagi pihak Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES). Pada masa ini statistik yang dikeluarkan oleh JPES mengikut piawaian antarabangsa yang disarankan dalam buku garis panduan yang ditetapkan oleh badan-badan antarabangsa seperti *International Monetary Fund* (*IMF*), *United Nations Statistic Division*, *International Labour Office* dan sebagainya.

Jadi, apa yang dikeluarkan memang berkualiti dan boleh dipercayailah 'tu'. Tambahan pula Negara Brunei Darusalam sebagai ahli *ASEAN Community Statistical System*. Ini sebagai satu *platform* memastikan ahli-ahli *ASEAN* memenuhi *standard* dalam menghasilkan, menyebarkan mengkomunikasi statistik yang berkesan.

Bagi orang ramai, mana-mana pihak yang berminat boleh menggunakan bahan yang diterbitkan *in a responsible manner* untuk *spread knowledge* atau untuk membuat *research* mereka sendiri. Jadi, untuk orang ramai lebih faham apa yang dikongsikan dengan orang ramai dengan *research data* dan sebagainya, إِنْ شَاءَ اللهُ, *we will do it in a user friendly manner*, mudah difahami seperti *infographic* yang disediakan untuk meningkatkan *layman's understanding* dan laporan-laporan telah pun disediakan dan dikeluarkan melalui *website*, *instagram* dan siaran media.

Itu sahaja, mungkin kaola dapat kongsikan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonmi II. Saya persilakan pula Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Lebih dahulu, kaola ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan Peruntukan yang terperinci.

Kaola tidak akan mengulas Pembentangan Belanjawan Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang telah disampaikan dengan *eloquent* dan terperinci itu dan kaola mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II kerana dapat menyediakan peruntukan bagi memastikan jentera kerajaan berjalan terus di samping memperuntukkan di bawah RKN-12 sebanyak $4 bilion untuk tujuan Kemajuan. أَلْحَمْدُ لِلّٰه

Kaola berharap bahawa peruntukan yang telah pun diluluskan mampu membawa pertumbuhan ekonomi yang kita harapkan dan mendukung sektor-sektor yang boleh membawa pertumbuhan yang signifikan kepada ekonomi melalui peningkatan aktiviti, juga bagi projek-projek infrastruktur yang baharu akan membawa impak yang besar kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi keseluruhannya.

Yang Berhormat Pengerusi, seperti yang telah ditimbulkan di Dewan ini, kita telah mengenal pasti '3' industri utama yang pada pendapat kaola perlu diberi sokongan iaitu:

1. Industri binaan seperti perumahan, bangunan-bangunan kerajaan dan komersial, jalan raya, jambatan dan sebagainya.;

2. Pertanian, perikanan dan industri agrimakanan.; dan

3. Industri pelancongan yang mempunyai potensi menjana banyak pekerjaan, industri pemakanan, pengangkutan, tempat kediaman, hotel dan sebagainya.

Kaola ingin bertanya sama ada Kementerian Kewangan dan Ekonomi ada ruang untuk menilai semula penambahan peruntukan jika betul-betul diperlukan kerana dalam perbincangan beberapa hari yang lepas, kita dapati

peruntukan-peruntukan itu kurang mencukupi. Jadi, kalau ada ruang, jika diperlukan untuk menimbangkan pemberian tambahan peruntukan.

Banyak sudah pengusaha anak tempatan yang menceburi bidang ini. Masa depan syarikat ataupun perusahaan mereka bergantung pada sejauh mana pihak kerajaan berterusan menyokong industri ini sebagai industri yang utama. Kaola bertanya berapa kerapkah pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi "turun padang" *to feel the pulse of our business community* mengenai industri-industri yang kaola nyatakan itu?

Dalam mukadimah Yang Berhormat, salah satu tujuan pengurusan belanjawan ialah meningkatkan kepelbagaian ekonomi negara melalui industri bekalan minyak dan gas iaitu dengan strategi mewujudkan persekitaran perdagangan yang kondusif. Dikhuatiri jika ada *mismatched* antara realiti peruntukan yang dibenarkan dengan *expectation* terutama bagi mereka yang terlibat dengan keadaan ekonomi sekarang termasuk kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang mengharapkan peruntukan yang munasabah bagi membolehkan mereka melaksanakan Perancangan Strategik mereka bagi Tahun Kewangan 2024/2025 dan juga di bawah RKN-12. Ada pengusaha yang menyatakan peruntukan yang ada tidak akan banyak mengubah keadaan *on the ground.*

Di samping itu, Yang Berhormat Pengerusi, kaola juga berpendapat pertumbuhan ekonomi kita bukan sahaja perlu *injection* kewangan ke dalam ekonomi tetapi perlu juga meneliti mana-mana undang-undang dan peraturan yang tidak *business friendly* dikaji atau digantung sementara bagi memberi *business environment* yang lebih kondusif dan *supportive*. Dalam keadaan ekonomi yang masih tidak menentu, syarikat-syarikat kita memerlukan "pelampung penyelamat" (*lifebuoy*) untuk menyelamatkan mereka *and less* peraturan atau undang-undang yang hanya menyulitkan keadaan.

Sekian sahaja, Yang Berhormat Pengerusi pandangan 'abiskaola'.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman atas soalan-soalan mengenai perbelanjaan kerajaan untuk menyokong beberapa industri penting bagi negara 'kitani'.

Bagi menjawab soalan ini, kaola akan memberi sedikit *background*. Kalau 'kitani' lihat peruntukan yang disediakan oleh kerajaan, kita ambil satu angka sebagai contoh pada tahun 2018/2019, hingga sekarang Bajet 'kitani' yang dicadangkan sebanyak $6.25 bilion ini sudah meningkat $1 bilion.

Soalan mungkin bukan sahaja *injection* kewangan untuk menyokong industri-industri sahaja yang cukup, mungkin ada dasar-dasar yang perlu 'kitani' *review* untuk sama-sama kita menyokong industri-industri yang penting ini. Bagi RKN-12 'kitani' ada sediakan satu peruntukan Pembangunan Kluster Makroekonomi.

Jadi, satu peruntukan disediakan. Belum lagi dikhaskan untuk mana-mana projek. Kalau sekiranya ada keperluan untuk menyokong pembangunan makroekonomi 'kitani', peruntukan ini boleh digunakan. Memang ada peluang untuk 'kitani' tidak semestinya terikat dalam $4 bilion ini. Disediakan sebahagian peruntukan untuk 'kitani' memikirkan kalau sekiranya ada keperluan, tidak perlu 'kitani' menunggu sampai RKN-13 baru dimajukan mana-mana kluster yang dikenal pasti.

Kaola juga ingin mengongsikan dalam beberapa bidang ini, bukan sahaja perbelanjaan ini diharapkan dari kerajaan. Sepertimana yang diterangkan dalam *economic blueprint,* ia juga melibatkan *GLC's*, juga *FDI* dan sebagainya. Kalau 'kitani' melihat pada masa ini, kita akan membesarkan lagi Pelabuhan Muara, menambah satu lagi terminal, berbelanja beratus juta, ini tidak menggunakan peruntukan kerajaan, ini menggunakan *joint venture GLC's* dengan *FDI* untuk mendapatkan dana, membesarkan terminal dan sebagainya.

Jadi, bagi pelancongan memang ada satu projek yang sedang dirancangkan di Daerah Temburong yang tidak menggunakan peruntukan dari kerajaan. Ini dikira *private investment*. Jadi, itulah *economic blueprint* kita, bukan sahaja mengharapkan peruntukan dari kerajaan, tetapi di mana-mana ada peluang 'kitani' menggunakan *private capital.* 'Kitani' akan pastikan *private capital* itu digunakan secara komersial, jadi dapat *sustainable.* Tidak berbalik suatu hari nanti mengharapkan kerajaan untuk menyokong lagi.

Dari segi pertanian, memang satu usaha dari dahulu kerajaan membantu bidang pertanian ini dengan subsidi, *by bank* dan sebagainya. Ketiga-tiga ini kaola rasa memang sudah ada *sources of funding* untuk menyokong tiga industri ini. Cuma, kita mesti memikirkan kerana ada sebahagian masalah perniagaan itu, sepertimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman tadi, tidak semestinya mengenai kewangan.

Mungkin ada sebahagian dasar kerajaan perlu direviu, diubah untuk menkyokong ekonomi 'kitani'. Seperti yang kaola cadangkan tadi pagi jua, kalau boleh kaola ingin berjumpa dengan para peniaga ini supaya lebih faham apa sebenarnya isu mereka *because* kaola meng*explain* hari itu, kadang-kadang *economic structure* akan berubah dari masa ke masa yang lain. Jadi, modal bisnes sebelum ini mungkin tidak lagi berdaya tahan. Perlulah 'kitani' berubah,

change with time. Modal bisnes itu juga perlu diubah. Kalau ada orang yang mempunyai bisnes ini berasa bisnes mereka perlu diubah, kaola menggalakkan mereka terus melabur di dalam negara ini, mungkin bukannya dalam bisnes yang ada pada masa ini mungkin dalam peluang yang lain seperti *manufacturing industries* dan sebagainya. Mungkin mereka boleh *expand* dan *divert into other industries.*

إِنْ شَاءَ اللهُ akan diharapkan terdapat peluang untuk berjumpa dengan pengusaha-pengusaha bisnes seperti yang Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi. Mungkin dapat diaturkan untuk sama-sama 'kitani' berjumpa. Sepertimana yang kaola selalu lakukan, iaitu berjumpa dengan *National Chamber of Commerce, Brunei Economy Roundtable Discusison* dan sebagainya. Ini sebagai satu tambahan lagi, *grouping* yang mungkin ada manfaat dan menolong Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam menjalankan tugasnya. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin membuat *intervention,* penerangan tambahan berhubung soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Sememangnya kaola ingin menambah sedikit daripada apa yang telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai isu *cyber security*.

Ingin kaola kongsikan *ecosystem cyber* yang selamat dan terjamin adalah salah satu pemboleh utama dalam mengembangkan penggunaan kaedah *online* bagi urusan perniagaan mahupun kaedah pembayaran. Dalam hubungan ini dikongsikan juga bahawa' 3' tonggak utama keselamatan *cyber* adalah *people, process* dan teknologi. Oleh yang demikian, langkah dan strategi yang dilaksanakan adalah menjurus kepada '3' tonggak utama tersebut.

Pada masa yang sama juga tidak dinafikan bahawa isu penipuan secara dalam talian adalah membimbangkan dan berdasarkan laporan yang dikumpul oleh pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dan juga *BruCERT (Brunei Computer Emergency Response Team)*, kebanyakan daripada modus operandi yang *top 5* pada masa ini adalah tatacara *social re-engineering,* iaitu sama ada melalui jual beli atas talian, *Scam* Pelaburan, *WhatsApp Impersonation*, Skim Pinjaman Wang dan juga *scam* yang *offers loan schemes*.

Dalam hubungan ini, di samping meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai dari segi

mencegah penipuan oleh *social engineering* modus operandi ini, berbagai-bagai langkah keselamatan awam yang meliputi pelbagai lapisan masyarakat sama ada Warga Emas, kanak-kanak sekolah dan seumpamanya akan terus dan sedang berjalan. Pada masa yang sama dikongsikan juga Perintah Keselamatan *Cyber* Yang telah أَلْحَمْدُ لِلّٰه mendapat perkenan dan diwartakan pada tahun 2023.

Pada masa ini dalam proses 'memberigakan' keperluan-keperluan kepada pemilik-pemilik sistem yang dikategorikan sebagai infrastruktur maklumat kritikal atau *critical information infrastructure*. Perundangan ini akan menghendaki semua institusi yang memiliki *critical information infrastructure* yang juga termasuk institusi kewangan seperti bank-bank.

Mereka dikehendaki untuk memastikan dan melaksanakan langkah-langkah bagi mencegah sistem mereka dari mudah diceroboh. Pada masa yang sama, diakui juga dalam isu menangani *online scam* tersebut, ia juga memerlukan tindakan yang berbeza daripada *traditional crimes* yang memerlukan juga tindakan cerdas.

Dalam hubungan ini, dikongsikan bahawa sebuah *taskforce* telah ditubuhkan bagi menangani jenayah tipu dan *scamming* di bawah Jawatankuasa Keselamatan Negara yang keahliannya dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Pasukan Polis Diraja Brunei dan ahli-ahlinya terdiri daripada Pejabat Peguam Negara, pegawai-pegawai jenayah Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Infokomunikasi *(AITI)* dan juga ahli-ahli *adhoc* yang terdiri daripada *Cyber Security Brunei, UNN* dan juga Pertubuhan Bank Negara Brunei Darussalam. Ini antara langkah yang sedang dilaksanakan untuk menangani kesukaran atau kegusaran orang ramai mengenai isu *scam* ini.

Sebagai maklumat tambahan juga, pihak *AITI* juga pada masa ini sudah melaksanakan tindakan untuk menghalang nombor-nombor yang diketahui dan digunakan sebagai *short message scheme scam* yang digunakan dan juga menghalang laman-laman web yang diketahui dan digunakan atau disertakan dalam *link* kepada *short messages system* tersebut. Inilah Yang Berhormat Pengerusi dikongsikan antara langkah yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam menangani masalah isu *online scam* tersebut. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi atas penerangan tambahan yang baru disampaikan.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dengan hormatnya sukacita kaola lebih dahulu mengucapkan penghargaan yang setinggi-tingginya dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas peluang yang diberikan kepada kaola untuk sama-sama membahaskan Belanjawan Kementerian Kewangan dan Ekonomi Tahun Kewangan 2024/2025.

Kaola juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas mukadimah yang diutarakan dengan begitu komprehensif yang antara lainnya menggariskan hala tuju dan pelan-pelan tindakan yang telah dan akan dilaksanakan ke arah mencapai visi kementerian ini, iaitu fiskal dan ekonomi yang progresif ke arah negara yang aman makmur.

Berbagai-bagai strategi dan inisiatif yang telah berjaya dan dilaksanakan, seterusnya akan diteruskan untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan semata-mata bagi kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

1. Terutamanya, kaola ingin menyentuh yang berhubung kait mengenai Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana (PMKS). Kaola ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana.

   Merujuk kepada perangkaan dan laporan Banci Tahunan Perusahaan/Perniagaan (BTP) 2023 atau *Annual Cencus of Enterprises (ACE)* 2023, berperanan penting sebagai pemacu kepada perekonomian negara yang merangkumi lebih kurang 97.6% atau sebanyak 6,411 perusahaan daripada 6,570 keseluruhan perniagaan di negara ini. Manakala selebihnya ialah sebanyak 159 atau 3% yang dikategorikan sebagai perusahaan dalam perniagaan berskala besar.

   Dalam hal ini difahamkan PMKS ini juga adalah penyumbang signifikan kepada penjanaan peluang-peluang pekerjaan yang merangkumi 60% pekerjaan dalam sektor-sektor swasta dan sebanyak 40% KDNK negara yang membuktikan kepentingannya dalam menjana kelestarian ekonomi. Jika kita lihat perangkaan daripada tahun 2021 sehingga 2022, Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana telah meningkat sebanyak 3.4%.

Manakala data yang menunjukkan peningkatan *dari proportion* perusahaan daripada 42.4% kepada 43.1%. Manakala *proportion* perusahaan sederhana pula telah meningkat daripada 846 jumlah perusahaan pada tahun 2021 kepada 928 jumlah perusahaan pada tahun 2022. *Proportion* ini, bagi perusahaan sederhana adalah pada kadar 14.1% daripada jumlah jenis perniagaan. Walau bagaimanapun, daripada indikator Banci Tahunan Perusahaan/Perniagaan (BTP), ini telah menunjukkan peningkatan perusahaan skala mikro dan sederhana pada tahun 2021 dan 2022. Akan tetapi, perusahaan kecil dan besar mengalami penurunan. Perusahaan kecil telah menurun sebanyak 0.3% iaitu dengan jumlah perusahaan sebanyak 2,661 pada tahun 2021 kepada 2,652 perusahaan pada tahun 2022.

Bagi perusahaan besar pula telah pun menunjukkan penurunan dari peratusan iaitu 5.4% daripada tahun 2021 kepada tahun 2022. Apa yang dapat kita lihat, bagi pandangan kaola sendiri, ialah cabaran untuk menggalakkan dan meningkatkan lebih ramai lagi peniaga-peniaga sama ada dalam skala kecil, sederhana apatah lagi yang berskala besar yang dilihat mengalami penurunan bukannya menunjukkan peningkatan.

Jika dilihat dari segi trend pendapatan syarikat-syarikat ataupun perusahaan persendirian, apa yang difahamkan telah pun menunjukkan trend peningkatan sejak tahun 2017. Peningkatan yang paling ketara adalah sejak tahun 2021 sehingga 2022 daripada sebanyak 31.9 juta kepada 40.8 juta. Pencapaian peningkatan ini adalah suatu yang menggalakkan. Apa yang diharapkan, supaya *momentum* peningkatan ini akan terus ditingkatkan dari masa ke masa إِنْ شَاءَ اللهُ .

Menyedari akan peranan *private sector* sebagai salah satu *engine of growth* dalam aspek perekonomian dan menerusi agensi-agensi kerajaan yang bertindak sebagai tonggak utama berperanan sebagai pemudah cara dan *facilitator* untuk menjadikan persekitaran perniagaan yang kondusif dan lebih mesra iaitu ekosistem yang lebih baik, kaola ingin memohon pencerahan apakah strategi atau inisiatif-inisiatif dalam mendorong dan menggalakkan lagi bagi mengembangmajukan lagi peniaga-peniaga ke tahap sehingga mencapai perniagaan berskala besar dan seterusnya berpotensi untuk menembusi eksport ke luar negeri.;

2. Kaola ingin menyentuh tentang *fiscal policy*. Sepertimana yang dimaklumi, Visi Kementerian Kewangan dan Ekonomi ialah: "*Progressive fiscal and economy towards a prosperous nation"*. Sementara, antara tiga daripada empat Aspirasi Pelan Strategik Kementerian Kewangan dan

Ekonomi Tahun Kewangan 2021-2025.:

i. Pembangunan ekonomi dan kepelbagaian.

ii. Menggalakkan, kemampanan fiskal melalui penggunaan kewangan awam yang cekap.

iii. Penglibatan dan kerjasama pihak berkepentingan yang berkesan.

Dalam waktu yang sama, antara cabaran yang kaola nampak ialah sebagaimana semua kita maklumi, fiskal atau *balance* negara telah mengalami defisit sejak beberapa tahun yang lalu. Misalannya, pada Tahun Kewangan 2024/2025, dijangkakan sejumlah 2.99 bilion.

Tatacara mengimbangi serta mengukuhkan kestabilan fiskal negara dan yang lebih penting lagi ialah bagaimanakah negara mengawal atau menyemai segala risiko dan kesan negatif pada masa sekarang dan akan datang malahan jangka masa Panjang. Dalam kata lain, kita tidak mahu membebankan ekonomi kepada generasi akan datang.

Dalam kita bersama-sama bergerak menghadapi keadaan sosioekonomi yang masih belum kukuh dan pertumbuhan ekonomi yang berjalan dengan perlahan, di samping aktiviti-aktiviti perekonomian yang belum begitu menyerlah termasuklah juga dalam menggalakkan *Foreign Direct Investment (FDI)* secara lebih agresif. Maka sukacita mendapat pencerahan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Ekonomi II apakah strategi atau inisiatif-inisiatif bagi mengukuhkan dan memantapkan fiskal negara yang lebih terarah dan bagi menjamin kedudukan kewangan yang lebih *sustainable* dan berdaya tahan?

Kaola berpendapat peranan yang sangat penting untuk lebih bersungguh-sungguh dan agresif yang menghendaki penyejajaran dan penyelarasan dasar kerajaan khususnya sebagai *facilitator* dalam mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi negara yang lebih mampan dan *sustainable* sehingga boleh mencapai إِنْ شَاءَ اللهُ aspirasi atau Wawasan Brunei 2035.;

3. Kaola ingin menyentuh berhubung kait dengan perusahaan koperasi. Koperasi boleh diertikan sebagai persatuan *autonomy* orang-orang yang bersatu secara suka rela untuk memenuhi keperluan dan aspirasi ekonomi, sosial dan budaya bersama melalui perusahaan yang dimiliki bersama dan dikawal secara persetujuan melalui permuafakatan menurut peraturan-peraturan koperasi yang dikuatkuasakan.

Model koperasi sepertimana yang diamalkan di kebanyakan negara serantau adalah berasaskan prinsip yang melangkaui keuntungan, yang

mampu menghasilkan impak yang signifikan kepada perkembangan sesebuah masyarakat setempat bahkan merangkumi sosioekonomi sesebuah negara.

Walau bagaimanapun, ia menuntut transformasi atau pembaharuan dalam perkembangan koperasi mengikut perkembangan dan keadaan semasa dan akan datang. Menurut artikel *International Cooperative Alliance World* 2022, di peringkat global, perusahaan koperasi yang mantap adalah merupakan sektor yang mampu menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih *sustainable* bahawa perolehannya berjumlah USD2 trilion yang disumbangkan oleh kira-kira 3 juta koperasi dan seramai 1 bilion anggota.

Sebahagian besar koperasi yang terbaik di dunia, berpangkalan di Eropah iaitu 24% daripada 300 buah koperasi yang majoritinya dari koperasi ini beribu pejabat di negara-negara Perancis, Jerman dan Belanda. Ini telah membuktikan bahawa betapa pentingnya perusahaan koperasi untuk diambil perhatian dan perlu ditransformasi mengikut amalan-amalan terbaik dijadikan contoh danb tauladan tentang kemanfaatannya dalam mengembangmajukan dan mengaktifkan perusahaan koperasi di negara ini.

Sehubungan itu, kedudukan perusahaan koperasi negara ini, kaola minta pencerahan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II tentang perkara-perkara berikut:

i. Setakat manakah status perkembangan dan keaktifan perusahaan koperasi di negara ini?;

ii. Berapakah bilangan perusahaan koperasi yang berdaftar termasuklah ahli-ahlinya, meningkat atau sebaliknya?; dan

iii. Pada perhatian kaola sendiri secara peribadi, prestasi perusahaan koperasi dalam menyumbangkan sosioekonomi dan ahlinya dan perusahaan koperasi sendiri belumlah begitu menggalakkan di negara ini. Oleh yang demikian, apakah punca utama menyebabkan banyak perusahaan koperasi tidak begitu aktif dan berkembang maju malahan juga tidak bertambah jumlahnya? Apakah strategi mahupun inisiatif yang dirancang untuk memajukan perusahaan koperasi sebagai pembantu dan pemangkin pertumbuhan sosioekonomi setempat khususnya dan negara umumnya?;

4. Seterusnya Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola ingin menyentuh ialah dalam buku tajuk di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu Tajuk Jabatan Kementerian Kewangan dan Ekonomi iaitu indikator terhadap penyertaaan *expo* dan pameran perdagangan serantau dan antarabangsa. Nampaknya dalam Buku Belanjawan hanyalah 3 pameran ataupun penyertaan ekspo ditahun 2021/2022 manakala 2022/2023 hingga 2024/2025 hanyalah menampakkan 2 penyertaan dalam pameran dan *expo*. أَلْحَمْدُ لِلّٰه , apa yang kaola dapat lihat ,sepertimana yang dijalankan oleh *Economic Development Board* baru-baru ini telah mengadakan *Invest In Brunei* di Australia semasa sidang *ASEAN Special Summit Market Place* dengan menggambarkan ekosistem perniagaan yang kondusif *and friendly.* Ini adalah satu cara untuk ebenarnya bagaimana "kitani" menarik pelabur-pelabur malahan juga *expo* ini boleh kita mempromosi bagi mendatangkan pelancong-pelancong serta produk-produk tempatan yang boleh dieksport.

   Apa yang kaola ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, adakah inisiatif untuk mereviu strategi atau lebih banyak lagi penyertaan negara untuk menyertai pameran atau *expo* dalam usaha 'kitani' bersama untuk menarik lebih banyak lagi pelabur asing begitu juga kaola maksudkan tadi ialah untuk menarik lebih banyak lagi pelancong-pelancong serta mana-mana produk tempatan yang boleh 'kitani' promosi untuk dieksport.; dan

5. Seterusnya, kaola ingin menimbulkan di bawah Tajuk Jabatan Perbendaharaan iaitu berhubung dengan peratus mengurangkan tunggakan kutipan hasil bagi sektor kerajaan. Apa yang kaola fahami, Tahun Kewangan 2021/2022 berjumlah 7% - $31.71 juta tunggakan.

   Dari indikator sasaran untuk mengurangkan tunggakan bagi tahun 2022/2023 - 2.7%. Manakala ia menurun bagi tahun 2023/2024 kepada 2.0%. Kaola masih mereviu untuk memohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, kenapakah sasaran-saranan kita makin menurun bukannya 'pulang' untuk menambahkan lagi penagihan untuk mendapatkan hasil yang lebih banyak lagi dari tunggakan-tunggakan hasil.

   Sepertimana 'kitani' yang sedia maklum, pada Tahun Kewangan 2024/2025 adalah dijangkakan 'kitani' akan mengalami defisit sejumlah $2.99 billion. Dari segi itu, kaola berpendapat keadaan defisit negara ini adalah 'kitani' fikirkan bersama bukan sahaja dibebankan kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi

tapi sepatutnya jua kementerian-kementerian dan agensi kerajaan bukan sahaja memikiran untuk mendapatkan peruntukan tetapi kita bersama bersatu padu bagaimanalah untuk 'kitani' mengurangkan defisit itu dengan cara berfikir bagaimana sekurang-kurangnya mereviu atau me*review* memperkenalkan satu sistem yang boleh mendatangkan pendapatan tambahan kepada pihak kerajaaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Adalah tidak dinafikan, kalau kita memperkenalkan satu sistem untuk mengenakan bayaran atau mengembalikan lagi lesen-lesen kepada peniaga-peniaga, kita haruslah juga memikirkan supaya ia tidak akan membebankan kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Jadinya 'barangkali' ini sahaja yang dapat kaola timbulkan. Kaola sekali lagi ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, kaola sudahi dengan .وبالله التوفيق والهداية
وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada atas beberapa soalan yang diajukan tadi.

1. Mengenai PMKS dikongsikan yang perusahaan kecil dan besar ada menurun, mikro dan sederhana ada meningkat dan sebagainya. Bagi kementerian ataupun bagi kerajaan tidak kira sama ada ia kecil, mikro, besar atau serdehana "kitani" akan terus menolong dan memberikan bantuan.

   Beberapa program telah diberikan dari *Darussalam Enterprise* dan juga sokongan seperti *co matching and business helpdesk* dan sebagainya, Tidak kiralah siapa dan berapa saiznya, "kitani" juga sebahagian PMKS akan terus berkembang menjadi skala yang besar. Jadi, untuk mengembangkan lagi PMKS "kitani" supaya 'diorang' ini menjadi satu perusahaan yang besar, "kitani^ mesti melihat *market* "kitani", jika "kitani" melihat *market* dengan domestik *market* dengan jumlah penduduk 450 ribu orang dari tahun setahun lebih kurang juga jumlah itu, jadi untuk berkembang terus ia memang *either* berkembang mengambil *pie* orang lain ataupun ia mesti melihat kepada eksport *market*.

   Inilah kaola kongsi memang terus menggalakkan supaya perusahaan "kitani" terus melihat *export market* jangan diharapkan *domestic market* sahaja memandangkan penduduk ataupun *demand* 450 ribu orang akan sama sahaja. Jika ia berkembang, mungkin ia ambil *pie* dari syarikat tempatan lain. Ini bukannnya

cara kita memperkembangkan perusahaan "kitani", perlulah "kitani" melihat *export market* dan sebagainya. Ini adalah satu isu jika berjumpa dengan peniaga tempatan dan mungkin dapat dikongsikan bagaimana mendapatkan *business model* perlulah *look beyond the current operation.*

2. *Fiscal policy* cabaran-cabaran pada masa ini. Memang sejak 10 tahun yang lalu, sudah "kitani" mula mengalami *fiscal deficit*. Ini 'inda' *sustainable,* perlulah sama-sama memikirkan macam mana mengatasi isu ini daripada menggalakkan perbelanjaan yang behemah dan sebagainya, itu mungkin akan mencapai sebahagian mengurangkan defisit bukan semestinya *the only solution*.

   Kementerian Kewangan dan Ekonomi memang dari beberapa tahun kebelakangan ini sudah mengadakan satu *fiscal consolidation programme* menggalakkan kita melalui membuat kaedah *PPP*, *corporatization* dan sebagainya. Itulah yang isu-isu yang "kitani" teruskan supaya "kitani" dapat mengurangkan defisit "kitani".

   Jadi, untuk menjaga *sustainability*, kita memikirkan generasi yang akan datang, apa perbelanjaan pada masa ini mesti menghasilkan hasil yang positif pada masa depan. Seperti yang kaola pernah kongsikan *investing in our future* perbelanjaan "kitani" mudahan-mudahan pada masa depan akan mengurangkan peruntukan dari kerajaan. Inilah strategi 'kitani' pada masa ini. Satu lagi kaola ingin mengongsikan *because of fiscal policy* di Negara Brunei Darussalam ada berbeza dengan negeri-negeri lain walaupun ekonomi 'kitani' maju, walaupun KDNK 'kitani' terus meningkat, tidak semestinya menjamin kedudukan *fiscal* kerajaan akan meningkat (*improved) because* 'kitani' punya *fiscal policy* terutama sekali *tax* lain daripada negara-negara lain.

   Kalau negara-negara lain, ekonomi maju, ramai orang yang bekerja dan banyak menerima *income tax, corporate tax, property tax, sales tax, tourist tax* dan sebagainya. Bagi 'kitani' walaupun *tourist* meningkat, walaupun ramai orang beli rumah dan sebagainya, hasilnya tidak meningkat. Inilah perbezaan di negara 'kitani' dibandingkan dengan negara-negara lain. 'Kitani' memang terus membantu PNKS 'kitani' tetapi bukan semestinya objektif untuk meningkatkan hasil kerajaan.

   Kalau ada yang mendaftar syarikatnya sebagai "Sendirian Berhad" membayar cukai korporat *tax* tetapi selain itu, tidak ada lagi pendapatan yang seperti di negara jiran. Seterusnya mengenai koperasi, memang dari dulu sudah 'kitani' menghadapi cabaran koperasi, ada yang tidak membuat

financial statement, tidak membuat akaun dari tahun ke tahun.

Dua tiga tahun kebelakangan ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengambil langkah untuk meningkatkan koperasi-koperasi pada masa ini seperti 'kitani' me*improve governance* bagi koperasi *financial statement*. Kebanyakan koperasi sudah *up-to-date and then* 'kitani' juga untuk menolong men*digitalize (adoption of digital payment)* menggunakan sistem komputer. Kebanyakan koperasi dahulu terlibat dalam *petrol station* sahaja. *Now* kitani' menggalakkan melibatkan aktiviti-aktiviti mereka dalam *priority sector* di bawah *economic blueprint*, koperasi juga bekerjasama dengan Satu Kampung Satu Produk untuk *expand of production* melalui *business merchant* dan sebagainya.

Beberapa langkah sudah diambil untuk menolong dan melihat strategi bisnes bagi koperasi-koperasi yang ada di dalam negara ini. Setakat ini memang ada 160 koperasi di seluruh Negara Brunei Darussalam dan keahliannya lebih 33,000 orang dan *share capital $*36.3 juta, aset hampir $69 juta. Itulah yang 'kitani' teruskan.

Apa yang dikongsikan oleh Yang Berhormat tadi dengan kepentingan koperasi memainkan peranan untuk mengembangkan ekonomi juga dan menolong ahli-ahli yang ikut dalam beberapa buah koperasi ini. Kita terus menolong dan menyokong. Usaha ini baru kita mengatasi dalam beberapa tahun ini, satu usaha yang akan diteruskan.

Seterusnya bagi soalan mengenai *indicator expo,* pada masa ini sudah nampak hasil 'kitani' melibatkan syarikat-syarikat 'kitani' di beberapa *expo.* Di *BEDB, DARe* masing-masing ada *expo* dan bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi menyokong sebahagian *expo* bukan terlibat semua *expo*. Apa yang disenaraikan, dua atau tiga *expo* di bawah *BEDB* atau *DARe*, *expo* berkenaan tidak termasuk dalam pengiraan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Seterusnya mengenai tunggakan, kaola ingin menjelaskan pada tahun lepas mengurangkan tunggakan sebanyak 2.7% tahun 2023, 2024 terus mengurangkan lagi 2% bukannya dikurangkan daripada tahun yang sebelum itu. Maksudnya tahun ini 'kitani' capai 2.7%, tahun depan 'kitani' terus lagi mencapai *another* 2% bukannya sampai dikurangkan. Ini disebabkan pada masa ini 'kitani' masih memasang *prepaid meters*, kebanyakan tunggakan yang pada masa ini adalah bil eletrik, bil air dan mungkin ada perumahan.

Sejak tahun 2016, sudah 'kitani' putuskan untuk mengubah *prepaid meter* 'kitani' dengan *prepaid meter*

yang lebih canggih yang sebelum ini tidak dapat digunakan di bangunan besar seperti *supermarket* dan sebagainya. *Prepaid meter* yang baharu ini dapat digunakan di mana-mana bangunan. Ada beberapa cabaran *because of COVID-19* dan *because of* kekurangan *microchip* di seluruh dunia. *Production of prepaid meter* ada *delay*. Pada masa ini, kalau tidak salah 'kitani' sudah memasang lebih 20,000 *prepaid meters* di rumah-rumah dan kedai-kedai.

'Kitani' memerlukan lebih 100,000 *prepaid meters*. Pada masa ini masih menunggu *arrival of the new stocks* dan kelambatan ini disebabkan kekurangan *microchips* seluruh dunia dan *shipment issue, logistic* dan sebagainya. إِنْ شَاءَ اللهُ, akan diteruskan kalau sekiranya 'kitani' dapat mempercepatkan pemasangan *prepaid meter* dan sebagainya, maka tunggakan 'kitani' bolehlah ada sasarannya yang lebih tinggi supaya dapat mengurangkan dengan lebih cepat. Ini sudah 'kitani' usahakan dan إِنْ شَاءَ اللهُ atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, ini mungkin akan dapat dikurangkan secepatnya. Itu sahaja yang dapat kaola kongsikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas respons dan penjelasan-penjelasan yang dibuat yang telah pun memberikan penerangan-penerangan lanjut berhubung dengan pertanyaan-pertanyaan dan keraguan-keraguan yang timbul daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya kira cukuplah kita berbincang mengenai perkara ini pada petang ini. Saya berpendapat ada baiknya Mesyuarat Jawatakuasa kita ini, kita tangguhkan dulu dan kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankusa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya ingin mencadangkan persidangan kita ini kita tangguhkan dulu untuk kita berehat. إِنْ شَاءَ اللهُ kita akan bersidang semula tertakluk kepada penglihatan Anak Bulan Ramadan. Jika sekiranya tidak sabit dilihat, maka kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 11 Mac 2024 seperti biasa bermula pukul 9.30 pagi dan jika Anak Bulan Ramadan sabit dilihat, kita akan bersidang semula pada hari Selasa 12 Mac 2024 bermula pada pukul 10.00 pagi.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, selamat menunaikan ibadah Puasa Ramadan.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

DEWAN MAJLIS

Hari Isnin, 30 Syaaban 1445 / 11 Mac 2024

YANG DI-PERTUA
DAN AHLI-AHLI MAJLIS
MESYUARAT NEGARA

HADIR:

YANG DI-PERTUA:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, P.S.N.B., S.L.J., P.H.B.S., P.J.K., P.K.L., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

AHLI RASMI KERANA JAWATAN (PERDANA MENTERI DAN MENTERI-MENTERI):

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Ekonomi dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order- G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula With The Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (Johor), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, D.K., S.P.M.B., D.S.N.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, P.S.S.U.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.B.L.I., P.J.K., P.K.L., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, D.P.K.T., S.M.B., P.H.B.S., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam. **(Tidak hadir atas urusan rasmi)**

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, P.S.N.B., D.P.M.B., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, P.S.N.B., S.P.M.B., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, P.S.N.B., S.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, P.S.N.B., S.P.M.B., P.S.B., P.I.K.B., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Metussin, P.S.N.B., S.P.M.B., S.N.B., S.M.B., P.S.B., P.K.L.,. Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abd. Rashid, P.S.N.B., D.P.M.B., P.I.K.B., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, P.S.N.B., S.P.M.B., P.I.K.B., P.K.L., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, P.S.N.B., P.S.B., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, P.S.N.B., S.M.B., P.I.K.B., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, P.S.N.B., D.P.M.B., P.H.B.S., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, P.S.N.B., D.P.M.B., P.J.K., P.I.K.B., P.K.L.

AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:

Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam, S.U.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck, P.S.B.

Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee, P.I.K.B.

Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, S.M.B., P.I.K.B., P.K.L.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, S.N.B., S.M.B., P.I.K.B.

Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin, S.M.B., P.S.B.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin, P.I.K.B.

AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:

Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, P.I.K.B., P.K.L., Penghulu Mukim Lumapas -Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, P.K.L., Ketua Kampung Subok - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong, P.K.L., Ketua Kampung Lumapas 'B' – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, P.I.K.B., P.K.L., Ketua Kampung Belimbing – Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, P.I.K.B., Penghulu Mukim Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat – Daerah Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub, P.I.K.B., Penghulu Mukim Ukong – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai – Daerah Tutong.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L.P., Ketua Kampung Labu Estet dan Piasau-Piasau – Daerah Temburong.

HADIR BERSAMA:

Yang Mulia Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, P.S.B., P.I.K.B., P.K.L., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Pengiran Hajah Zaidah binti Pengiran Haji Petra, Pemangku Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

(Mesyuarat mula bersidang pada pukul 9.30 pagi)

Yang Mulia Jurutulis: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara bersidang pada hari kespuluh, hari ini Isnin, 30 Syaaban 1445 bersamaan 11 Mac 2024, didahului dengan bacaan Doa Selamat.

DOA SELAMAT

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz (Imam Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

اَلْحَمْدُ لِلّٰه, kita bersyukur ke hadrat أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat lagi bersama-sama hadir pada hari ini dan bersidang bagi hari yang kesepuluh dalam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-20 Majlis Mesyuarat Negara. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita نَبِي مُحَمَّد صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membincangkan mengenai Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Maka bagi membolehkan kita meneliti Rang Undang-Undang ini satu per satu dengan cepat dan teratur saya tangguhkan dulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula dalam Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Majlis ini sekarang bersidang dalam Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025 yang

telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Mesyuarat Jawatankuasa pada sebelah petang hari Sabtu yang lalu telah membahaskan dan membincangkan belanjawan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Maka sebelum kita beralih kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi, kita telah mula membincangkan belanjawan kementerian berkenaan ini, saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II ingin mengambil kesempatan untuk membuat kenyataan dan respons berkenaan dengan soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa membincangkan belanjawan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada pagi hari Sabtu yang lalu. Maka saya sekarang mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه ، dan salam sejahtera. Lebih dahulu, kaola ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi atas kesempatan untuk membuat sedikit penjelasan dan penerangan mengenai beberapa soalan yang telah dikemukakan pada mesyuarat yang lalu oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Di antaranya ialah soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dan Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Dalam perkara ini, untuk menjawab, soalan adalah:

1. Adakah pegawai dan kakitangan mencukupi untuk membuat kerja substantif selain kerja logistik kerana *budget* tidak menyatakan peningkatan dalam hal ini dan menunjukkan perwakilan kita dapat menjalankan tugas dengan efektif? Pada menjawab pertanyaan ini, saya ingin menyatakan bahawa kementerian beroperasi mengikut bajet dan perjawatan yang telah diperuntukkan. Pada masa ini, dari segi kakitangan, kementerian mempunyai di dalam negara dan luar negeri seramai 578 orang, dalam negera berjumlah 403 orang dan di luar negara seramai 175 orang. Jadinya dalam keadaan *ideal*, memanglah kementerian sangat mengalu-alukan penambahan pegawai dan kakitangan.

   Walau bagaimanapun, dari segi pragmatik, pendekatan kementerian seboleh-bolehnya beroperasi dengan menggunakan sumber kemanusiaan yang sedia ada secara optimum. Kementerian sentiasa berusaha untuk mencari pendekatan bagi mendapatkan jawatan tambahan bagi

menampung keperluan sumber-sumber manusia kementerian yang sentiasa progresif tetapi tertakluk pada keadaan sediakala.

Dalam perkara ini, walaupun jumlah diplomat dan kakitangan Negara Brunei Darussalam di luar negara tidak sebanyak negara-negara lain jika dibandingkan, akan tetapi kementerian akan memastikan bahawa sumber manusia yang sedia ada itu mempunyai kemahiran dan kepakaran komprehensif untuk membolehkan mereka menjalankan tugas dengan efektif dan memastikan kepentingan negara sentiasa terjaga.

Secara keseluruhannya, kementerian juga memastikan penyelarasan atau *coordination* yang lancar diadakan antara pihak perwakilan yang berada di luar negara dengan pihak kementerian supaya dapat memberi sokongan dan bimbingan yang diperlukan.;

2. Bagi menjawab soalan berikutnya, bagaimanakah kementerian menilai prestasi pejabat perwakilan mengenai perwakilan, sukar untuk mengetahui sama ada peruntukan mengikut keperluan dan fungsi perwakilan dan kenapa tidak mengikut *KPI* setiap perwakilan yang mendapatkan manfaat dari segi perdagangan dan pelancongan kepada negara ini?

   Ini akan memberikan sebagai motivasi kepada perwakilan-perwakilan tersebut. Secara amnya, pejabat perwakilan mempunyai pelbagai peranan dan tanggungjawab. Ini termasuk menghasilkan laporan-laporan substantif, politik mahupun ekonomik ataupun sosial, menjalankan tugas-tugas pentadbiran dan menyelaraskan lawatan-lawatan rasmi serta menjaga kesihatan, kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam di luar negeri. Setiap pejabat perwakilan juga ditugaskan untuk mencari peluang bagi mengembangkan ekonomi melalui penyelarasan dengan agensi-agensi kerajaan termasuk sektor perdagangan dan pelancongan.

   Dalam perkara ini, ada dipohonkan pengertian bahawa *expectation* bagi pejabat perwakilan adalah berlainan di antara satu sama yang lain, dan mengikut kepentingan negara-negara tersebut. Misalannya dari segi perdagangan, Negara Brunei Darussalam mempunyai jumlah perdagangan ataupun *trade volume* yang tinggi dengan beberapa negara yang mungkin bukan sama dengan beberapa negara yang lainnya.

   Dalam pada masa yang sama, mengambil kira jumlah pejabat perwakilan yang ada sedia ada, kementerian perlu memberikan tumpuan lebih kepada negara-negara berkenaan dan harus strategik dalam pendekatannya.

3. Seterusnya bagi menjawab soalan yang berikutnya adalah: Apakah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mempunyai perancangan untuk

mempunyai diplomatik akademi sendiri atau dengan kerjasama universiti tempatan untuk meningkatkan profesionalisme dan kapasiti seperti akademi-akademi yang diadakan di negara-negara sahabat?: Pada menjawabnya, setakat ini perancangan bagi menubuhkan diplomatik akademi ini sentiasa dalam pertimbangan secara dalaman. Ia akan memerlukan beberapa perkara yang penting.

Antaranya adalah:

i. Untuk mengadakan tempat yang sesuai, yang akan diadakan kerana tempat tersebut seboleh-bolehnya berdekatan dengan kementerian ataupun mempunyai hubungan dengan kementerian.;

ii. Sumber tenaga yang mahir, yang berpengalaman dalam isu-isu *foreign diplomacy* ataupun dalam isu-isu hubungan rangkaian dan kerjasama bersama negara-negara yang berkepentingan.;

iii. Mengenai peruntukan yang diperlukan. Jadinya perlulah mendapatkan tempat dan sumber tenaga yang mahir dan 'barutah' mendapatkan peruntukan yang tinggi. Ini perlu diberikan tumpuan kerana untuk memastikan akademi tersebut boleh beroperasi secara optimum dalam jangka masa yang panjang. Perkara ini telah lama sebenarnya dipertimbangkan dan masih lagi dalam pertimbangan, cuma tempat masih lagi belum diperolehi.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, perkara ini bukanlah baharu dan telah diketengahkan lebih dari 20 tahun yang lalu. Tetapi إِنْ شَاءَ اللهُ dengan adanya bangunan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri yang baharu nanti, perkara ini akan dapat diusahakan dengan lebih lancar.

Walau bagaimanapun, kementerian akan mengutamakan peningkatan kapasiti pegawai dan kakitangan seperti meningkatkan kemahiran mereka melalui kursus-kursus *leadership*, kursus-kursus perundingan (negotiation), kursus-kursus *public speaking* dan sebagainya dan hal-hal konsular, protokol, pentadbiran, kewangan dan lain-lainnya.

Semenjak penubuhan Kementerian ini 40 tahun yang lalu, peraturan-peraturan bagi meneruskan pengajian *Masters* atau pun *postgraduate* telah pun berkembang dan kita harus mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh agensi-agensi berkenaan.

Dalam tahun-tahun sebelum ini, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri telah memohon untuk melanjutkan pengajian di tahap *masters* di luar negeri dan

kebelakangan ini lebih banyak yang mengambil tajaan yang ditawarkan oleh negara-negara rakan. Misalnya, seramai 10 orang pegawai di negara ini telah menerima tajaan bagi melanjutkan pengajian *masters* pada tahun 2022 hingga 2023 di Australia dibiayai sepenuhnya oleh pihak Kerajaan Australia. Selain daripada itu, terdapat juga kursus-kursus pendek yang ditawarkan dalam *diplomatic training* oleh beberapa negara seperti India, Turkiye, Netherlands, Singapore, Malaysia, China, Korea Selatan, Jepun dan New Zealand.;

4. Seterusnya, bagi menjawab persoalan adakah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mempunyai pelan strategik yang boleh dikongsikan agar dapat melihat hala tuju kementerian selaras dengan peruntukan yang dinyatakan. Pada menjawabnya secara am, pendekatan strategik kementerian ini adalah untuk terus memperkukuhkan hubungan kerjasama dengan negara-negara rakan iaitu sepertimana kaola katakan dalam mukadimah ialah untuk membina dan menjaga jambatan tersebut supaya sentiasa terbuka bagi laluan hubungan yang rapat mahupun dari segi perdagangan, pelaburan, pelancongan dan sebagainya.

   Kita juga berhasrat untuk menubuhkan lebih banyak kerjasama strategik dalam pelbagai peringkat dengan beberapa negara, misalannya dengan Viet Nam kita mempunyai *comprehensive partnership,* dengan Laos *strategic partnership,* dengan United Kingdom *strategic partnership,* dan dengan Australia *comprehensive strategic partnership*. Kementerian ini akan terus mengambil pendekatan ini dan mengusahakan untuk menaik taraf kerjasama dan hubungan baik dengan negara-negara yang berkenaan.

   Dari segi strategik adalah untuk meningkatkan tahap *level of cooperation* (kerjasama bersama) negara-negara yang sudah diadakan hubungan diplomatik.

   Dalam perkara ini dasar luar negara seperti berbaik-baik dengan semua negara, tidak campur tangan dalam hal-ehwal dalaman negara lain dan sebagainya adalah konsisten dan tidak berubah.

   Di samping itu, kementerian ini juga menyediakan kertas tugasan *(tasking paper)* yang membolehkan Duta Besar, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas di perwakilan di luar negara untuk mengenal pasti dan melaksanakan kepentingan yang ditetapkan untuk menuju ke hadapan, kementerian sedang mengkaji cara-cara untuk meningkatkan lagi keberkesanan dan

kestrategikan dalam pelaksanaan dasar luar negara khususnya bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-40 Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.;

5. Seterusnya bagi menjawab satu soalan yang tertinggal yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin. Adakah kita membuat bangunan sendiri atau menyewa bangunan yang tersedia? Untuk terdapat sebanyak 15 buah bangunan pejabat perwakilan, 11 buah rumah ataupun *apartment* kediaman rasmi ketua perwakilan dan sejumlah 54 buah ataupun unit *apartment* pegawai-pegawai *home-based staff* di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Dari segi membuat bangunan sendiri, tertakluk kepada peningkatan aktiviti dan juga dari segi *the cost-benefit*nya untuk mengadakan bangunan tersebut akan dipertimbangkan dari masa ke masa. Memang untuk menyewa bangunan dalam jangka masa pendek adalah lebih murah tetapi mungkin dari segi jangka masa panjang akan lebih mahal daripada kita membuat bangunan yang sendiri.;

6. Seterusnya bagi menjawab soalan yang tertinggal yang diajukan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee. Bagaimanakah kementerian memastikan *confidentiality* data peribadi rakyat dalam pengumpulan *e-Register*. *System e-Register* dihoskan melalui laman sesawang kerajaan iaitu *Central Web Hosting* di bawah Pusat Kebangsaan e-Kerajaan. Laman sesawang kementerian ini yang digunakan dipanggil *SSL (Secure Sockets Layer)* iaitu protokol keselamatan yang menyediakan *encryption protection* bagi melindungi privasi dan integriti semasa melayari dan penghantaran maklumat melalui *e-Register*.

   Maklumat-maklumat peribadi yang dihantar oleh orang ramai diterima oleh pegawai konsular dan pejabat-pejabat perwakilan berdasarkan negara destinasi dan ia dikategorikan sebagai *confidential* dan bukan untuk dikongsikan bersama dengan agensi-agensi lain ataupun orang-orang yang tidak berkenaan. Ini adalah salah satu cara pengawalan maklumat yang hanya pegawai tersebut mempunyai akses kepada maklumat-maklumat berkenaan.

Jadi, diharapkan itulah beberapa soalan pertanyaan yang kaola memohon waktu untuk membalasnya dan dalam pada itu, kaola berterima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih respons yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, mengenai dengan soalan-soalan yang telah pun dikemukan pada hari Sabtu yang lalu. Ada lagi Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri yang ingin untuk menambah?

Sekarang menyambung semula perbahasan mengenai tajuk-tajuk di bawah Belanjawan Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Bersama saya masih terdapat satu senarai Ahli Yang Berhormat yang menyatakan keinginan mereka untuk ikut serta dalam membahaskan tajuk-tajuk yang berkenaan ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi mengingatkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya membuat soalan-soalan atau pertanyaan itu dengan lebih padat dan terus bertumpu kepada soalan-soalan yang dimaksudkan. Saya kira tidaklah perlu untuk membuat soalan-soalan tersebut dengan dimulakan dengan penjelasan-penjelasan yang begitu panjang lebar oleh sebab perkara-perkara yang sedemikian itu sudah diketahui oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Jadi kalau sekiranya mereka tidak mengetahuinya kemudian mereka akan bertanya balik. Tidaklah perlu perkara ini 'kitani' timbulkan sebagai satu mukadimah, disebabkan Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenanan sudah membuat mukadimah. Jadi, kalau yang bertanya juga membuat mukadimah, maka masa 'kitani' akan terbuang dengan mendengarkan mukadimah yang panjang lebar yang akan menyebabkan perkara-perkara yang harus dilaksanakan tergendala.

Saya sekarang ingin mempersilakan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman. Silakan.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Pertama, kaola sukacita merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas mukadimah yang cukup padat dengan informasi serta hala tuju kementerian ke arah menjurus Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025.

Kaola menyokong penuh cadangan yang dibangkitkan oleh rakan sejawatan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof mengenai koperasi. Di negara maju amalan koperasi sudah mula diperkenalkan di sekolah. Melalui Program Koperasi Sekolah terdapat beberapa faedah dan kebaikan bagi melahirkan pelajar yang celik perniagaan dan perusahaan serta memupuk semangat kerjasama antara koperasi dan bagi menambah sumber kewangan sekolah dan juga pelajar.

Kaola melihat usaha ini melalui skop yang lebih luas tentang hal-ehwal dan hala tuju serta amalan koperasi yang baik agar dapat dipelopori oleh belia mahupun dalam kalangan Majlis-Majlis

Perundingan Mukim dan Kampung. Dengan bimbingan konsisten mampu mewujudkan syarikat-syarikat koperasi yang berjaya dengan amalan terbaik tadbir urus yang sistematik sekali gus dapat melancarkan ekonomi negara. Seperti yang difahamkan Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Unit Pembangunan Koperasi, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan telah mengadakan sesi taklimat dan pameran mengenai amalan terbaik tadbir urus korporat koperasi selama 2 hari bermula pada 9-30 November 2022 yang bertemakan "Persekitaran Perniagaan Kondusif, Meningkatkan Kemampanan Koperasi".

Pertanyaannya, sebelum ini kaola mencadangkan agar koperasi ini dapat dipromosikan secara meluas dengan menyasarkan penglibatan generasi baharu sebagai usaha ke arah melahirkan usahawan dan ahli-ahli perniagaan yang baharu pada masa hadapan, إِنْ شَاءَ اللهُ .

Lazimnya ahli-ahli koperasi diceburi oleh golongan *senior* berbanding dengan golongan muda. Setakat ini, bagaimanakah keterlibatan penubuhan koperasi-koperasi di sekolah? Untuk mengembalikan kepercayaan awam dan masyarakat untuk melabur dalam koperasi, kaola menyarankan mestilah ada penguatkuasaan undang-undang untuk mengambil tindakan kepada mana-mana pemimpin yang tidak amanah seperti pengutipan wang dan aset koperasi.; dan

Kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan Tender Projek-Projek Kerajaan. Perkara ini perlu dikaji semula mengikut kesesuaiannya dengan mengambil kira kesannya kepada perbelanjaan pihak kerajaan. Ini terkait dengan isu-isu kelambatan disebabkan projek-projek gagal disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan. Dengan alasan seperti bahan-bahan binaan tidak ada stok, musim hujan, pekerja berkurangan, yang menjadi alasan yang tidak boleh diterima.

Dalam hal ini pihak kerajaan perlulah tegas dengan meletakkan pegawai-pegawai yang berintegriti dan amanah dalam melaksanakan tugas. Ini termasuklah mengenakan denda kelambatan yang tinggi agar pihak kontraktor tidak bersikap sambil lewa dalam mengurus dan melaksanakan projek-projek berkenaan. Sehubungan itu, dicadangkan agar peraturan-peraturan dan syarat-syarat dalam tender dokumen dapat di*review* semula dengan mengambil kira perkara yang kaola nyatakan tadi. Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat tadi.

1. Mengenai koperasi, kaola ingin mengongsikan sejak tanggungjawab koperasi ini mula dipindah ke Kementerian Kewangan dan Ekonomi mulai lebih kurang 3 tahun sebelumnya. Beberapa usaha telah meningkat dari segi pemantauan dan juga pembaikan atas beberapa koperasi yang ada dalam negara pada masa ini. Setakat ini 'kitani' membuat semua koperasi yang ada di dalam negara ini kepentingan *governance* seperti *annual general meeting* dan sebagainya. أَلْحَمْدُ لِلّٰه nampak hasil 'kitani' dalam beberapa koperasi pada masa ini yang sudah jauh meningkat prestasinya dari segi pencapaian kewangan dan sebagainya. Pada masa ini memang akan diteruskan usaha bagi memajukan lagi aktiviti-aktiviti koperasi.

   Pada masa ini koperasi sudah terlibat dalam beberapa bidang termasuk juga bukan *station* minyak sahaja tetapi ada juga terlibat dalam pendidikan, pertanian, pengangkutan dan sebagainya. Jadi 'kitani' akan teruskan إِنْ شَاءَ اللهُ mengongsikan maklumat-maklumat ini kepada orang ramai, sesiapa yang berminat menubuhkan koperasi baharu atau ikut serta dengan koperasi yang ada pada masa ini, bolehlah 'kitani' meningkatkan lagi 'pemberigaan' mengenai isu ini.

   Mengenai penglibatan sekolah-sekolah dalam koperasi ini, boleh ada dalam perundingan sekolah dengan mana-mana koperasi yang mereka minat untuk ikut serta. Pada masa ini ada satu koperasi yang terlibat dalam pendidikan. Jadi, kalau ada sekolah yang ada dana untuk terus ikut koperasi ini, kaola tidak berapa tahu sekolah-sekolah yang terdapat dana sendiri untuk ikut terlibat dalam koperasi. Kalau sekiranya mereka ingin lebih faham apa sebenarnya peranan koperasi ini bolehlah berjumpa di Kementerian Kewangan dan Ekonomi II untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas إِنْ شَاءَ اللهُ.; dan

2. Mengenai tender. Kerajaan memang memantau isu ini dari masa ke masa, ini bukan sahaja di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi II. 'Kitani' melihat juga dari segi masalah atau *improvement* yang perlu 'kitani' buat daripada *feedback* semua kementerian bukan sahaja di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi II. Itu sahaja yang kaola dapat kongsikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم, السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola menyambut baik atas perancangan dan hala tuju kementerian di bawah Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang cukup padat dan komprehensif.

Kaola ingin menyentuh berkenaan dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. *Entry and Exit System (EES)* dan *Vehicle Entry Exit System (VES)* digunakan sepenuhnya pada 1 Ogos 2020. Urusan permohonan bagi kedua-dua sistem berkenaan dibuat secara dalam talian *(online)*.

Kaola menyambut baik atas usaha pihak kerajaan dalam mengaplikasikan sistem-sistem baharu bagi mengimbangi kemajuan semasa. Dalam masa yang sama, negara melangkah setapak ke hadapan dalam menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai iaitu *cashless* seperti yang digunakan di negara-negara maju. Namun, kita perlu melihat *pro*s dan *cons* berkenaan sistem ini dari perspektif pengguna dan orang ramai dalam menggunakan kaji selidik secara kerap terhadap pengguna adalah satu langkah baik ke arah pembaikan perkhidmatan yang sedia ada. Ini termasuklah mengenal pasti sebarang masalah yang sering berlaku pada orang ramai seperti gagal membuat pembayaran secara *online* disebabkan beberapa faktor.

Menyediakan kaunter pembayaran menggunakan kad kredit di pos-pos kawalan adalah satu cara untuk mengatasinya. Sehubungan itu, kaola ingin pencerahan apakah kaunter-kaunter pembayaran di jabatan-jabatan kerajaan termasuklah di pos-pos kawalan dan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi urusan pembayaran termasuk pembayaran *duty and import* menggunakan sistem pembayaran kaedah tanpa tunai *cashless?*

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga atas soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat.

Mengenai pembayaran di pos kawalan kastam, di pos-pos kawalan lain menggunakan *credit card* dan sebagainya, jawapan kaola, di mana-mana pos kawalan sekarang ini pos-pos kawalan kita terima *credit card*. Jika ada orang memohon *EES* ataupun *VES* tidak secara *online*, di pos kawalan 'kitani' disediakan satu kaunter untuk orang memohon secara fizikal dan boleh menggunakan *credit card* sebagai cara pembayarannya. Disediakan juga komputer di pos kawalan sekiranya orang ramai masih ingin menggunakan *online payment,* bolehlah menggunakan komputer di pos kawalan. Itu sahaja jawapan kaola. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. اَلْحَمْدُ لِلهِ kaola mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, ke arah merealisasikan misi dan visinya bagi Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025. Diharapkan agar apa-apa yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan trend perniagaan pada masa kini di Negara Brunei Darussalam. Tahun 2023 dan tahun-tahun kebelakangan ini telah menjadi ujian bagi peniaga-peniaga sama ada mereka menjalankan perniagaan yang besar, sederhana atau kecil. Namun, Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada menerima kesan trend perniagaan yang sentiasa cepat dan berubah-ubah.

Revolusi perdagangan sosial adalah antara trend perniagaan yang menjadi alternatif menarik membeli-belah dalam talian. Selain itu, trend perniagaan yang mengalihkan *Digital Operations Platform* adalah semakin meluas bagi mencari alternatif baharu untuk menarik pelanggan seperti:

1. Menyediakan aplikasi untuk pemesanan dan pengiriman tanpa *personal contact.*;
2. Menyediakan layanan *self-pickup* di kedai atau di mana-mana yang sesuai.;
3. Menyediakan laman web yang mudah dibuka iaitu telefon bimbit.; dan
4. Membanyakkan *live chat* bagi mempromosi, menjual dan menawarkan produk-produk perniagaan.

Dengan transformasi digital ini, kaola berpandangan ia memberi gambaran tentang hala tuju dan cabaran ke arah menyediakan kemudahan prasarana dan infrastruktur yang kondusif.

Sehubungan dengan itu, kaola inginkan pencerahan apakah *trend* perniagaan di Negara Brunei Darussalam yang terus berkembang dalam tempoh 5 tahun ke hadapan? Mengikut kajian atau rekod, apakah jenis-jenis perniagaan tertinggi atau popular yang diceburi oleh anak tempatan?

Apakah perancangan dan usaha-usaha pihak kerajaan ke arah memastikan *trend* perniagaan ini dapat dimanfaatkan oleh anak tempatan khususnya peniaga Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana (PMKS) bagi memupuk pertumbuhan ekonomi negara? Itu sahaja yang dapat kaola sampaikan dan mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri di Jabatan

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang diajukan tadi.

Memang *digital transformation* ada 1 fenomena perkembangan yang 'kitani' lihat mungkin akan terus berkembang pada tahun-tahun yang akan datang. Oleh itu, kerajaan menggalakkan 'kitani' semua menyambut juga *digitalisation* dan sebagainya. Kerajaan telah menyediakan infastruktur seperti *connectivity* yang *reliable* dan cepat. 'Kitani' nampak semasa *COVID-19*, ramai orang 'kitani' terutama sekali peniaga kecil-kecilan juga ikut serta dalam *digital platform*. Soalan mengenai apakah mungkin dalam 5 tahun akan datang, bisnes popular apa yang dapat anak tempatan 'kitani' ikut serta?

Bagi kaola *digital platform* ini, kebanyakan 'kitani' melihat dari segi makanan yang di mana-mana negeri pun makin popular. Yang kedua, 'kitani' menggunakan *digital platform* untuk *advertise* bisnes-bisnes 'kitani', tidak semestinya dari segi makanan. Jadi, mana-mana yang terlibat dalam perkara seumpamanya *consultancy* ataupun jenis-jenis barang-barangan dijual boleh digunakan *digital platform* untuk kita *advertise* perkhidmatan masing-masing. Ini tertakluk kepada sambutan orang ramai juga sebenarnya. Soalan yang diajukan tadi ialah dari segi orang yang berbisnes. Tapi, 'kitani' mesti lihat juga *demand side*, bukan sahaja *supply side*. Dari segi apa perkembangan nanti, 'kitani' akan melihat tahun-tahun yang akan datang apakah *demand side*? Jadi, barulah 'kitani' dapat respons, bukannya 'kitani' boleh *predict* pada masa ini tapi tidak tahu apa sebenarnya nanti *demand* bagi produk-produk ataupun *services* yang diperlukan nanti. Jadi inilah bagi mana-mana PMKS, kita boleh membuat perancangan *based on* semasa pandemik *COVID-19*. kebanyakannya terlibat dengan makanan, ada butik yang menjual tudung, baju dan sebagainya, jadi itulah yang popular.

Walau bagaimanapun, PMKS ini perlu untuk terus meng*analyse market* yang akan datang. Dari segi *demand* dan sebagainya. Jadi, *they need to be more agile and more flexible*.

Itu sahaja yang dapat kaola kongsikan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin:
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola berterima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi

kerana memberi kaola peluang untuk ikut serta berbincang. Kaola teruskan sahaja kepada soalan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

1. Jangan terlepas perhatian sumbangan daripada operasi minyak dan gas. أَلْحَمْدُ لِلّه tahniah atas usaha gigih kementerian melalui *Economic Blueprint* dan inisiatif serupa untuk mempelbagaikan sumber dalam meningkatkan hasil negara supaya tidak bergantung sepenuhnya pada industri minyak dan gas. Hasil daripada industri minyak dan gas yang selama ini dianggap sebagai *the geese that lays the golden eggs* (itik yang bertelurkan emas) bagi Negara Brunei Darussalam yang telah menjadi enjin utama bagi pertumbuhan negara dalam tempoh 6 dekad, kini menghadapi cabaran *sustainability*.

Inisiatif untuk mendiversifikasi ekonomi dan tidak bergantung sepenuhnya pada minyak dan gas telah memberikan hasil yang memberangsangkan. أَلْحَمْدُ لِلّه Kaola mengambil maklum daipada laporan terkini yang menunjukkan bahawa hasil dan aktiviti hiliran telah mengatasi sektor minyak dan gas. Hasil daripada industri minyak dan gas dilaporkan terjejas disebabkan oleh penurunan kadar pengeluaran dan sekali gus terlepas peluang bagi meraih hasil yang lebih besar dengan harga minyak dan gas yang tinggi masa kini.

Walaupun usaha untuk memperbanyakkan kepelbagaian ekonomi ini sedang giat ditingkatkan, kaola berharap agar kementerian dan agensi-agensi berkenaan tidak mengabaikan tetapi tulus memberi tumpuan kepada penekanan syarikat-syarikat minyak dan gas untuk meningkatkan usaha mereka dengan memperbanyakkan inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran dan mengurangkan kos operasi.

Adalah penting untuk mengingatkan operator-operator minyak dan gas yang sebelum ini telah menikmati keuntungan yang besar daripada pengeluaran yang tinggi dan operasi yang berkos rendah akan terus melabur dan menyumbangkan modal baharu ke dalam sektor ini walaupun dalam suasana pulangan yang mencabar.

Alasan-alasan pulangan yang berkurang tidak boleh menghalang mereka daripada meneroka menggunakan kaedah teknologi alternatif untuk mengekalkan dan meningkatkan pengeluaran. Pada masa yang sama mencari kecekapan operasi untuk mengurangkan kos tanpa mengabaikan *standard* kesihatan, keselamatan dan alam sekitar.

Apakah langkah-langkah dan pelan tindakan yang akan kementerian ambil melalui agensi-agensi tertentu

untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat minyak dan gas tidak setakat *doing business as usual* tapi terus melabur dengan usaha penyegaran dan pemulihan aset semasa mereka dan mencari operator baharu untuk meneroka dan men*develop marginal field* di tempat-tempat yang mereka kuasai pada masa kini.;

2. *Foreign Direct Investments review.* Di mana kekurangan 'kitani'? Kejayaan kita untuk menarik Pelaburan Langsung Asing masih pada tahap rendah. Menurut Laporan Pelaburan *ASEAN 2023 (ASEAN 2023 Investment Report*), Negara Brunei Darussalam telah berada di tangga terbawah dalam kalangan negara-negara anggota *ASEAN* secara berturut-turut. Dengan *FAD* yang dilaporkan mencatitkan nilai yang *negative* sebanyak $300 juta pada tahun 2023. Kaola difahamkan yang laporan ini tidak betul dan tidak tepat. Jika fakta ini didapati salah, apa usaha kementerian untuk membetulkannya agar *investor* yang berminat melabur di negara ini tidak tersalah anggap bahawa suasana pelaburan di negara kita tidak kondusif.

   Dalam sesi perbincangan bersama kementerian, dilaporkan bahawa pelbagai usaha telah dilakukan untuk menarik Pelaburan Langsung Asing *(FDI)* terutamanya dalam sektor-sektor yang dipilih. Walau bagaimanapun, usaha-usaha perundingan ini tidak menghasilkan pelaburan yang signifikan dan kebanyakannya gagal mencapai persetujuan pada peringkat akhir disebabkan beberapa sebab yang tertentu.

   Kaola pasti pihak kementerian sudah membuat penilaian dan mempertimbangkan pengajaran yang telah dipelajari daripada perbincangan yang gagal dengan pelabur-pelabur yang berpotensi ini. Mohon pencerahan, apakah batu penghalang utama, iaitu *main stumbling block* yang menyebabkan ketidakberhasilan perundingan? Perlukah kita menambah baik pendekatan kita untuk mendapatkan syarat-syarat dan terma yang saling menguntungkan dan menarik kedua-dua pihak?

   Nampaknya usaha penarikan *FDI* adalah eksklusif yang dipimpin oleh kerajaan, iaitu *exclusively led by government agency*. Bagaimanakah kementerian dapat melibatkan sektor swasta secara aktif untuk melengkapkan usaha kerajaan dalam mencapai sasaran *FDI*? Mungkin syarat dan terma *FDI* tidak jelas dan hanya diketahui secara eksklusif oleh agensi-agensi kerajaan yang merupakan satu cabaran. Ketelusan dalam hal ini adalah penting. Mengambil contoh daripada ekonomi-ekonomi yang lain, menubuhkan zon ekonomi khas dengan syarat-syarat dan terma yang telus mungkin boleh memberi kuasa kepada pelabur swasta untuk

mendampingi dan membantu kerajaan memulakan perancangan dan menarik *FDI* secara langsung.; dan

3. *FTA's.* Terdapat beberapa Perjanjian Perdangangan Bebas yang telah ditandatangani. Merangkumi sejumlah 24 ekonomi dengan potensi jangkauan *market* kira-kira $3 bilion. Walaupun skop untuk ber*business* meluas, terdapat jurang kefahaman dan kesedaran dalam kalangan komuniti perniagaan di negara ini mengenai perincian-perincian dalam perjanjian-perjanjian *FDI* ini dan peluang-peluang yang disediakan. Ini menimbulkan persoalan, bagaimanakah kita boleh menyampaikan dengan berkesan manfaat dan *terms and conditions* yang ditawarkan oleh *FTA* yang telah ditangani ini kepada peniaga-peniaga tempatan khususnya Pengusaha Mikrokecil dan Sederhana untuk mendapatkan manfaatnya.;

4. Kutipan daripada perniagaan asing (*collection of revenue from foreign businesses*) dalam memastikan pertumbuhan dan kelestarian ekonomi kita adalah penting untuk memastikan semua perniagaan asing yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam memberikan sumbangan. Walaupun syarikat ini berulang kali mengatakan bahawa pendapatan cukai mereka tidak mencapai ambang batas yang ditetapkan, kita harus mengekalkan prinsip bahawa semua *entity* tidak kira saiz atau industri pun berperanan dalam membangunkan ekonomi.

   Ambil kira sahaja sebuah *business* kecil 'kitani' menjual "Nasi Katuk". Jika peniaga tempatan ini sendiri gagal mecatatkan keuntungan, ia pasti akan menutup *business* tidak lama selepas operasi. Oleh itu, jika *entity* asing secara berterusan melaporkan tidak ada untung untuk memberi pulangan cukai rendah daripada besarnya operasi, lihat sahaja beberapa buah kereta mewah yang dipandu oleh pemilik *business* memerlukan siasatan terperinci selanjutnya. Dengan memastikan ketelusan dan pematuhan terhadap peraturan kewangan, kita menjaga integriti ekonomi kita sambil membina persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan dan sejahtera *(enforcement of collection of taxes is important).;*

5. *Ease of Doing Business:* Kita perlu mengucapkan tahniah kepada pelbagai agensi yang telah melakukan inisiatif yang baik untuk meningkatkan kedudukan global kita dalam hal memulakan perniagaan. Berdasarkan Laporan Kemudahan Melakukan Bisnes (*Ease of Doing Business*) oleh Bank Dunia bagi Negara Brunei Darussalam pada tahun 2020, Negara Brunei Darussalam menduduki tempat ke-4 dalam kalangan Negara ASEAN di belakang Singapura, Malaysia dan Thailand dan Negara Brunei Darussalam adalah di tempat yang

ke-16 dari segi kemudahan memulakan perniagaan secara global dan merupakan negara yang ke-66 paling mudah untuk melakukan perniagaan antara 150 negara di dunia. Ia juga melaporkan bahawa negara kita yang paling mudah untuk mendapatkan kredit di seluruh dunia.

Bagaimanakah penilaian yang positif dalam inisiatif memudahkan melakukan perniagaan ini telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi kita dan apakah sumbang-sumbangan mereka dalam jumlah peratusan kepada pendapatan kewangan kita? Selain itu juga, bagaimanakah inisiatif-inisiatif ini menyumbang kepada pengurangan pengangguran di kalangan graduan dan belia kita? Jika ia tidak melihatkan positif *impact*, adakah perlu ia diteruskan?;

5. RKN-11 dan 12: *Project Completion and Financial Performance*. Adakah kita telah menjalankan analisis terperinci mengenai penyelesaian *completion of project* dalam RKN- 11 dan prestasi kewangannya? Berapa projek yang telah diselesaikan tepat pada masanya mengikut bajet dan seperti yang dirancangkan dan apa pelajaran yang telah dipelajari untuk memastikan pelaksanaan RKN 12 akan lebih baik? Memandangkan komuniti kontraktor pembinaan kita bergantung sepenuhnya kepada kerja-kerja yang berada dalam perancangan pembangunan, adalah penting RKN 12 *deliver what it is intended for.;* dan

6. Yang Berhormat Pengerusi, yang terakhir ialah Meningkatkan Pendapatan Negara Melalui Kutipan Cukai Negara. Pada menjawab soalan kaola mengenai rancangan-rancangan yang telah dikenal pasti oleh kementerian dan agensi kerajaan dalam usaha mengurangkan defisit negara yang akan berjumlah $3 bilion bagi Tahun Kewangan 2024/2025 tanpa menjejaskan Perkhidmatan Awam dan mengurangkan projek yang menangani isu rakyat: Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa defisit ini dikurangkan dengan meningkatkan pendapatan dan produktiviti dan mengurangkan pembaziran dalam perkhidmatan awam.

Satu *avenue* untuk menaikkan *revenue* negara di negara-negara lain ialah daripada kutipan cukai korporat *business* yang berdaftar *(corporate tax),* cukai jual beli atau *VAT (sales tax),* cukai harga *(property tax),* cukai pendapatan persendirian *(income tax)* dan berbagai-bagai cukai. أَلْحَمْدُ لِلّٰه atas keprihatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan kemaslahatan dan kemampuan rakyat, tidak ada rancangan kerajaan untuk mewujudkan Cukai Pendapatan dan Cukai Jual Beli untuk menambah

pendapatan negara. Jadi usaha pihak agensi dalam kerajaan dalam mengutip cukai hendaklah berkesan. Justeru, isu kutipan cukai daripada *business entity* yang meraih rezeki di Negara Brunei Darussalam mestilah dipertingkatkan dan memperkuatkan *enforcement*nya. Banyak peluang untuk *business* berfungsi di Negara Brunei Darussalam untuk menyumbang sebahagian daripada keuntungan mereka sebagai cukai.

Prinsip kalau membuka perniagaan perusahaan di Negara Brunei Darussalam meraih dan mengutip dana daripada orang ramai sama ada dari jual beli, kutip sewa atau membeli atau memberi layanan *service* dan mengambil Permit Warga Asing untuk bekerja dengannya, perlu dinilai patutkah mereka membayar cukai.

i. Kaola memohon pencerahan kalau ada usaha-usaha untuk mereviu mengutip cukai daripada *businesses* yang masih belum berdaftar tetapi menjalankan *business* besar-besaran mengutip dana yang besar daripada rakyat, seperti perniagaan yang tidak berdaftar *(sole proprietorship)* tetapi mempunyai kuota yang besar bagi membawa pekerja asing tanpa membuat sumbangan langsung, adakah ia mula dikehendaki berdaftar dengan *Register of Companies* menjadi "Sendirian Berhad dan menyediakan *audited account.; dan*

ii. Bagaimana *enterpriser estate/ housing developer* yang tidak berdaftar yang membuat dan menjual berpuluh deretan rumah dan kedai. Bolehkah sudah direviu untuk menyumbang kutipan dana mereka sebagai cukai? Individu ataupun *enterprise* yang mempunyai deretan-deretan rumah sewa dan kedai yang mengutip sewa bulanan, perlukah mereka sekarang membayar cukai? Adakah semua *business* atau *enterprise* yang mendapat kontrak dengan kerajaan sudah berdaftar dan mula membayar cukai? Bagaimana pula dengan perniagaan yang dikenali sebagai *'fly-by-night operator'* yang datang ke Negara Brunei Darussalam sebelum sesuatu perayaan mengikuti pameran, membawa produk mereka ke Negara Brunei Darussalam, menjual dengan harga Negara Brunei Darussalam kemudian membawa balik ke negara asal seluruh wang yang dikutipnya tanpa membayar cukai. Duit jualan bulat-bulat dibawa balik sampai tidak melalui bank tempatan.

Fly-by-night operator ini tidak hanya tidak menyumbang kepada ekonomi negara, tetapi juga merosakkan perdagangan *SME* yang membayar sewa kedai dan mengharapkan peningkatan jumlah

jualan pada musim perayaan tetapi terjejas oleh *operator by night* ini. Ini keluhan *SME*.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih atas beberapa soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat.

Mengenai sektor bukan minyak dan gas. Ini memang bukan bidang di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi, tetapi ada berkaitan dengan usaha 'kitani' untuk menaikkan ekonomi 'kitani'. Jadi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat itu tadi, 'kitani' memang bertujuan pada masa ini untuk mempelbagaikan ekonomi tetapi kita tidak pernah sekalipun mengatakan akan merendahkan usaha 'kitani' untuk memajukan terus sektor minyak dan gas. 'Kitani' memang terus usahakan dan *maximize* apa yang dapat 'kitani' keluarkan *production* dari minyak dan gas. Tidak pernah 'kitani' mengongsikan dengan orang ramai 'kitani' akan mengurangkan aktiviti minyak dan gas. Soalan ini memang pernah dikemukakan jua pada tahun lepas, pada sesi MMN pada tahun lepas. Sudah kaola menjawab, inda perlu lagi ditimbulkan.

Memang syarikat-syarikat minyak dan gas, sebagai mana-mana syarikat memang sentiasa *mereview cost of operation,* membawa teknologi baharu untuk meningkatkan lagi prestasi syarikat berkenaan. Tidak semestinya minyak dan gas, di mana-mana syarikat memang *this is* the *underline principles of doing business, always look at your cost of operation, improve your efficiency and productivity. So* itulah perlu diingati syarikat *oil and gas*, apa lagi syarikat *oil and gas* 'kitani' ini ialah syarikat *multinational company.* Atu pulang macam kitani kan mengajar durang macamana menjalankan bisnes.

Mengenai dengan *FDI*, Yang Berhormat tadi memberitahu pengiraan *FDI* itu mungkin salah tapi sebenarnya tidak. Laporan itu betul sebab apa yang digunakan standard 'atu' *OECD Standard* memang laporan atu. Yang maksud kaola dari segi pengiraan ini, perlulah orang melihat data-data ini, jangan tah meng*interpret based on face value,* melihat data itu sahaja. Melihat dan terus membuat *conclusion*. Jadi 'kitani' perlu melihat apa sebabnya ia negatif atau positif dan sebagainya.

Jadi untuk mengongsikan, cara mengira *FDI* ini ia bukannya maksudnya dalam tahun tersebut bukannya berapa jumlah masuk atu sahaja dikira, ia mengira juga kalau syarikat yang sudah beroperasi di dalam negeri ini *FDI,* kalau sekirannya ia ada pinjaman dari institusi kewangan dari luar negeri, jadi pembayaran *principlal repayment* ataupun *interest payment,* atu pengiraan *FDI* ini diambil kira yang mana pembayaran keluar itu dikira *outflow of FDI.*

Jadi kalau sekiranya mengambil contoh satu *FDI* yang melabur sekiranya $1

bilion dalam negara ini, jadi pada tahun itu, ia $1 bilion mungkin ada *equity investment* mungkin ada jua *financing* yang jumlahnya $1 bilion, jadi sudah datang operasi pada tahun kemudian, ada keuntungan, sebahagian keuntungan itu dibayar sebagai *principal repayment* kepada institusi kewangan di luar negeri, itu dikira *outflow of FDI ataupun* sekiranya ia membayar *dividen* balik ke *parent company* di luar negeri, itu pun dikira *FDI outflow.*

Jadi kalau yang 'kitani' lihat ia *negatif FDI its because* kebanyakan syarikat *FDI* yang sudah beroperasi di Brunei ini 'diorang' sudah beroperasi beberapa tahun di dalam negeri 'kitani', sudah ada keuntungan dari keuntungan itu dibayar keluar balik ke institusi kewangan di luar negeri ataupun dividen dibayar balik ke *parent company,* itulah dijadikan negatif 'kitani' punya *FDI.* Tapi apa yang penting, 'kitani' jangan melihat 'bulat-bulat' data itu, apa yang penting usaha 'kitani' diteruskan menarik lebih banyak lagi *FDI* ke dalam negara. Kalau ada isu memang ada beberapa cabaran dibandingkan dengan negara-negara lain.

Domestic Market 'kitani' kecil, *qualification* kadang-kadang *mismatch.* Seumpamanya 'kitani' membawa *Hengyi for example refinery,* jadi berapa orang 'kitani' sebelum itu yang *qualify* dalam *refinery* belum 'kitani' buat industri itu, belum terlibat, yang ada sebelum itu di Seria itu *refinery* yang kecil sangat, lain yang daripada *Hengyi* seumpamanya. Jadi 'kitani' akan menarik lagi *FDI* dalam berbagai-bagai industri yang mungkin 'kitani' belum pernah terlibat. Jadi ini isu 'kitani' mesti menyediakan pekerja-pekerja yang lebih bersesuaian dengan beberapa bidang, sektor yang 'kitani' akan majukan. Itulah 'kitani' punya fokus area yang ketiga 'kitani' akan terus meningkatkan lagi kemahiran pekerja-pekerja 'kitani'.

Jadi apa yang perlu dibuat 'kitani' tidak dapat fokus kepada mana yang *specific courses tetapi we generally* 'kitani' *prepare* 'diorang' punya *foundation* dan sesudah ada *FDI* datang dalam mana saja bidangnya, sekurang-kurangnya *foundation* 'kitani' ada seumpamanya *TVET, HND* dan sebagainya.

Jadi kalau sudah industri datang seumpamanya *Hengyi for example, kitani melihat Hengyi saja* di sini 'kitani' membuat *lagi kursus,* 'kitani' berkerjasama dengan *Hengyi* mengadakan pada masa ini 8 kursus *TVET, HND* dengan Politeknik Brunei dengan *IBTE.* Jadi buat-buat itu 'kitani' dapat *train* orang 'kitani', jadi sudah 'durang' pass, *Hengyi* pada masa ini meng*offer* siapa saja yang *pass* terus akan diambil kerja. Inda lagi di*interview* dan sebagainya. Inilah peluang-peluang 'kitani' itulah *try to take advantage*.

Jadi memang 'kitani' ada di mana-mana sepertimana negeri-negeri yang lain 'kitani' memang ada *strengths and weaknesses . Kitani pun ada strengths and weaknesses y*ang inda dapat kitani 'kitani' sentiasa *compare* dengan orang lain tapi apa yang penting kita terus

berusaha untuk meningkatkan banyak lagi *FDI,* inilah kerjasama daripada semua pihak perlulah 'kitani' bersatu إِنْ شَاءَ اللهُ.

Jadi, ini peranan *private sector* untuk sama-sama memajukan ataupun memainkan peranan untuk menarik *FDI*, kaola hari itu ada mengongsikan juga membangun ekonomi bukannya seratus peratus di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi, kementerian-kementerian lain dan sama juga pihak swasta, sama-sama-sama 'kitani' memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan, mempelbagaikan lagi ekonomi 'kitani'.

Jadi Kalau ada yang kurang maklumat daripada pihak swasta atau mana-mana pihak, boleh 'kitani' jumpa *BEDB* untuk mendapatkan maklumat, *AMBD* dan *DARe* juga selalu mengongsikan seperti *economic blueprint*, apa sebenarnya 'kitani' punya *priorities sector,* apa 'kitani' akan mengharapkan *private sector* sama-sama memainkan peranan dan sebagainya.

Jadi ini memang satu perkara kaola rasa di Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam tahun yang akan datang ini, إِنْ شَاءَ اللهُ akan meningkatkan lagi pemberigaan kepada orang ramai, إِنْ شَاءَ اللهُ.

Yang Ketiga, mengenai *FTA.* Ini 'kitani' pernah juga dikongsikan di Persidangan Mesyuarat ini jua 'kitani' terus mengongsikan maklumat mengenai *FTA* dengan orang-orang ramai sama ada syarikat bisnes-bisnes dalam negeri 'kitani' ini sudah tersedia untuk memanfaatkan *FTA* tertakluk kepada kemajuan syarikat bisnes masing-masing.

Kaola pada hari Sabtu, ada mengongsikan dengan *FTA* 'kitani' yang ada pada masa ini, kita telah dapat menembusi pasaran Mexico, Chile, Peru dan itu disebabkan oleh baja kita, oleh BFI kita. Jadi mungkin bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), *FTA* ini belum lagi mereka dapat memanfaatkan sepenuhnya, jadi untuk membuat persediaan memang kita sentiasa mengongsikan perincian mereka dengan sektor swasta. Jadi walaupun sekiranya Perusahaan Mikrokecil dan Sederhana (PMKS) kita belum bersedia untuk memanfaatkan *FTA* ini, kita tidak perlu risau, *FTA* ini tidak akan pergi kemana-mana dan akan kekal di sana. Sudah bila Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) kita sedia untuk mengeksport, gunakanlah *FTA* itu, ia tidak akan lari kemana-mana.

Apa yang akan terjadi mungkin *FTA* ini akan meningkat lagi dari semasa ke semasa dan inilah yang Kementerian Kewangan dan Ekonomi sentiasa mengongsikan dengan pihak swasta, jadi kalau sekiranya mana-mana pihak akan bertanya lebih mendalam, boleh menghubungi Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Seterusnya mengenai dengan kutipan hasil daripada syarikat luar negeri, kaola akan mengongsikan saja yang mana syarikat luar negeri sebelum mereka hendak menjalankan perniagaan di dalam negeri, mestilah

mendaftar syarikat dengan *Registry of Companies and Business Names Division (ROCBN)* di Negara Brunei Darussalam. Jadi sudah mereka mendaftar, ia dikira Brunei *local company* dan bukan lagi *foreign company.* Kalau mereka mendaftar dan melibatkan *foreign company*, mestilah mereka mendaftar sebagai Sendirian Berhad (Sdn. Bhd), jadi dengan sendirinya ia sebagai Sendirian Berhad, pada setiap tahun mereka mesti menyerahkan *Annual Tax Return* kepada Bahagian Hasil di Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan dari sanalah kita mengutip cukai, *corporate tax* dan sebagainya.

Jadi dari segi sama ada kita mengutip cukai yang perlu dibayar, memang Bahagian Hasil kalau dilihat pencapaian beberapa tahun kebelakangan, setiap tahun sudah nampak peningkatannya. Jadi ini memang satu usaha dijalankan dari beberapa tahun kebelakangan sudah dan bukan perkara yang baru dan memang usaha yang dijalankan *a long time ago.*

Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengingati, jadi untuk menjawab soalan itu memang dijalankan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada masa ini. Seterusnya mengenai dengan *ease of doing business,* untuk mengongsikan dengan Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin, pada tahun 2021 *ease of doing business* ini telah dibubarkan oleh *World Bank.* Sebab apa yang kita lihat dalam statistik seperti mana yang dikongsikan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin tadi, nampaknya ada sebahagian negara, *manipulating data,* jadi apa *ranking-ranking* yang kita lihat kadang-kadang tidak betul jadi oleh sebab itu, *World Bank* bubarkan *ease of doing business* dan tidak lagi ada *ranking of ease of doing business.*

Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan dan Ekonomi terus mengambil beberapa KPI di bawah *ease of doing business* sebelum ini dan terus memantau pencapaian *environment of business* kita dan mencari jalan untuk terus kita meningkatkan ataupun membaiki lagi ekosistem kita.

Seterusnya dengan soalan keenam iaitu dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN-11) ini malangnya kita mengalami *COVID-19* dan banyak syarikat swasta juga tidak mampu untuk melaksanakan beberapa projek kerana *consultant* dan pekerja tidak dapat masuk, barang susah untuk diimport dan sebagainya. Jadi kebanyakan projek ini *delay* , jadi bagi kerajaan beberapa rancangan tidak diteruskan dan dilaksanakan tapi sebagai langkah-langkah yang selalu diambil oleh pasukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi, kita terus mengadakan mesyuarat dengan kementerian-kementerian dari segi projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) ini untuk memahami atau mencari jalan supaya projek-projek itu dijalankan secepat mungkin. Memang ini satu usaha yang kita teruskan dan dalam Rancangan

Kemajuan Negara Ke-12 (RKN 12) ada juga dicadangkan beberapa langkah-langkah untuk kita dapat memperbaiki lagi proses kita إِنْ شَاءَ اللهُ dengan usaha-usaha yang telah diambil dan yang akan diambil akan lebih berkesan إِنْ شَاءَ اللهُ dari segi pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuaan Negara.

Yang ketujuh mengenai dengan *tax collection,* pada masa ini yang ada ialah *corporate tax* dan *withholding tax.* Cukai-cukai seperti di negara lain itu memang tidak ada pada masa ini. Jadi beberapa cukai yang disebutkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin tadi sebelum kita memikirkan sama ada cukai-cukai tersebut boleh di-*implement* di Brunei, kita harus juga memikirkan implikasinya terutama kepada golongan yang berpendapatan rendah tapi ini satu perkara yang perlu disemak dari semasa ke semasa. Untuk menjawab soalan ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi sentiasa menyemak perkara ini dan إِنْ شَاءَ اللهُ

Jika ada perubahan akan dikongsikan atau akan mengambil maklum balas dari masyarakat dan dari pihak swasta dan sebagainya. Jadi itulah yang dapat kaola kongsikan dan satu lagi mengenai *fly by night operators,* ini sebenarnya kalau siapa-siapa yang dari luar negeri ingin menjalankan bisnes di dalam negeri kalau tidak berdaftar dikira *illegal.* Jadi ini satu perkara untuk *enforcement agency* bersama kita mengatasi kalau sekiranya ada orang ramai atau Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin *have the knowledge* siapa yang mengendalikan *fly by night,* lapor ke pihak berkuasa yang berkenaan. Terima kasih, itu saja yang kaola dapat jawab.

Yang Berhormat Pengurusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Lau How Tek.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, selamat pagi dan salam sejahtera. Lebih dahulu, kaola ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II atas pembentangan yang dikongsikan. Sehubungan dengan itu, kaola mempunyai satu cadangan yang ingin dibangkitkan di bawah Tajuk SD04A - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Seperti yang diketahui, kebanyakan masyarakat dan rakyat Negara Brunei Darussalam pada masa ini kerap keluar dan bercuti di negara jiran. Dalam perkara ini, tidak mustahil bagi mereka pergi bercuti tanpa membeli-belah barangan keperluan asas yang dapat diperolehi dengan lebih murah di negara jiran.

Kaola sukacita membangkitkan perkara ini disebabkan terdapat perbandingan harga barangan yang sangat ketara di Negara Brunei Darussalam dan

di negara jiran. Perkara ini juga berhubung rapat dengan *purchasing power.* Kaola juga difahami bahawa perbandingan harga turut dipengaruhi oleh faktor seperti *parallel imports*.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Berhubung ini, kaola ingin meminta pencerahan lanjut mengenai langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi terutama dari segi aspek untuk memberi kemudahan dan insentif ke arah memberikan kesejahteraan, keselamatan dan keselesaan rakyat serta menggalakkan para pembeli untuk berbelanja di dalam negara untuk menyokong ekonomi tempatan.

Sebagai contoh, beberapa syarikat tempatan telah memberi baucar membeli-belah di dalam negeri dan bukannya berbentuk wang tunai sebagai *rebate*. Langkah ini boleh menggalakkan dan meningkatkan jumlah jualan di Negara Brunei Darussalam.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan untuk menggalakkan orang ramai berbelanja di dalam negeri.

Untuk menjawab soalan-soalan ini, kaola juga ingin membagi pandangan kaola sendiri. Dari segi orang kita keluar negeri, sebenarnya kita telah membincangkan perkara ini dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang sebelum ini. Mungkin bagi sesiapa pun, memang ada minat sekali-sekala keluar negeri, tidak mungkin bertahun-tahun dalam negeri sahaja. Kalau ada peluang, orang ingin juga bercuti di luar negeri dan sebagainya.

Jadi, tidak dapat dihalang. Kadang-kadang orang sudah keluar negeri, memang ada perbelanjaan di luar negeri. Ada sebahagian yang keluar negeri bukan hanya untuk cuti ataupun membawa keluarga bercuti, ia khas untuk menyeberang ke negara jiran untuk *shopping* dan terus balik.

Kita perlu melihat untuk *avoid* senario begini, kita mesti lebih faham apa sebenarnya jenis barangan yang sentiasa dibeli di luar negeri. Bukan semua barangan di negara jiran adalah yang lebih murah daripada negara kita. Sebab ada sebahagian barangan di Negara Brunei Darussalam lebih murah jika dibandingkan dengan negara jiran.

Jadi, kita lebih faham apa sebenarnya barangan yang mereka beli setiap minggu, bulan dan sebagainya. Kalau kita bagi baucar, *I think* perkara itu tidak dapat mengatasi isu ini. Negara jiran membagi baucar untuk mengatasi isu *inflation* ataupun cara menolong golongan yang berpendapatan rendah dan sebagainya.

Apabila mereka hendak berbelanja, mereka belanja di kedai dalam negeri. Jadi, untuk mengatasi isu yang

ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi, kita bagi baucar, mungkin tidak dapat mengatasi isu. Kalau kita bagi baucar, sama juga halnya, baucar digunakan untuk beli barang-barang yang mungkin lebih murah dari negara jiran. Jadi, masih juga mereka keluar negeri untuk membelanjai barangan di negera jiran yang lebih murah daripada negara kita. *So, it is not going to solve the problem.*

What we need to do is to look at apa produk-produk yang lebih murah di negara jiran untuk *addressing this issue.* Kita mungkin boleh bekerjasama dengan *distributors.* Adakah *volume* kita tidak besar *compared to* negara jiran?

Ada barangan yang mungkin *manufactured* di negara jiran, jadi kalau sudah didatangkan ke Negara Brunei Darussalam dengan *transportation cost* dan sebagainya, harganya lebih tinggi.

Perkara ini bukan sahaja *either* kita larang orang ramai keluar negeri ataupun bagi baucer, kita juga boleh bekerjasama dengan *wholesale distributors,* melihat *cost of goods, potential margin because* kalau *wholesaler* itu masih lagi 'menahan-nahan' *margin* keuntungannya, maka barang itu harganya tinggi menyebabkan orang ramai keluar negeri.

This is not going to benefit the wholesaler too. Kalau *wholesaler* itu ingin menggalakkan orang ramai membeli dalam negeri, mungkin mereka perlu melihat *the margin,* keuntungannya dan juga *identify* barangan yang lebih mahal di dalam negeri ini.

Sebenarnya dalam perkara ini, Kementerian Kewangan dan Ekonomi ada bekerjasama dengan *National Chamber of Commerce & Industry of Brunei Darussalam.* Ada hasilnya tetapi belum lagi lengkap. Baru *initial study so that* kita lebih faham apa sebenarnya yang menarik orang kita ke luar negeri untuk berbelanja di negara jiran. Itulah satu usaha di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk mengatasi isu ini.

Tapi untuk melarang orang keluar negeri, *I don't think we have the ability to do that.* Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi yang bijaksana.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dengan mukadimah yang sangat jelas dalam menyediakan belanjawan serta hala tuju Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Memandangkan negara kita adalah *welfare state* yang memberikan

pendidikan dan perubatan secara percuma, sangat difahami mengapa kita mengalami defisit sebegini rupa. Namun, kejayaan sebuah negara juga diukur dari aspek *non-financial.* Perkara yang lagi penting adalah kita masih mendapat keberkatan yang tidak ternilai.

Justeru, selagi kita berpaksikan ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ yang memberikan rezeki Ar-Razaaq dan taat beragama, ketimbangan defisit ini tiada. وَٱللَّهُ خَيْرُ ٱلرَّٰزِقِينَ وَأَنتَ خَيْرُ الْوٰرِثِينَ yang bermaksud, "Dan engkau, iaitu أَللهِ sebaik-baik pembagi rezeki".

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola mempunyai beberapa perkara yang akan dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Kod 001/002 mengenai bangunan dan prasarana kerajaan yang terbiar sehingga kini.

Seperti yang 'kitani' dapat lihat sekeliling negara bahawa banyak bangunan-bangunan kerajaan di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan terbiar bertahun-tahun lamanya dan ada yang masih dilihat sehingga kini.

Kaola percaya dengan kaedah-kaedah moden bisnes yang sesuai, bangunan ini dapat menjana kepada pendapatan negara jika ia diurus, diusai dan kemudian menjemput sektor swasta untuk menyewa atau menggunakannya untuk perniagaan mereka.

Soalan kaola, dapatkah peruntukan dengan Kod 001/002, iaitu di bawah Projek Rampaian berjumlah $203,157,070 dan Projek Fokus berjumlah $27.5 juta untuk maksud membaiki bangunan-bangunan berkenaan sebagai sebahagian daripada pelaburan dari pihak kerajaan.

Apa yang kaola faham, objektif Program Perkhidmatan Rampaian ialah untuk menguruskan dan memproses pembayaran berkaitan estet kerajaan dan lain-lain pembayaran bagi pihak kerajaan.

Yang kedua ialah mengenai dengan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Kaola difahamkan terdapat lebih kurang 15 buah mesin X-ray imbas barangan di pintu-pintu dan pos kawalan keluar masuk di seluruh negara.

Kaola juga difahamkan bahawa terdapat mesin-mesin ini telah lama rosak dan tidak berfungsi atau ada yang rosak dan telah diperbaiki dan setelah itu rosak kembali.

Soalan kaola, apakah langkah-langkah yang telah dan akan dibuat oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Jabatan Kastam Eksais Diraja bagi menangani isu yang kaola bangkitkan di atas?

Adakah strategi jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi memastikan mesin-mesin X-ray ini sentiasa berfungsi dan digunakan untuk menjaga barang-barang masuk ke dalam dan keluar negara ini dapat dijamin demi menjaga keselamatan dan sekuriti negara?

Soalan ketiga ialah mengenai *Hengyi Industries Sdn. Bhd.* Mengenai kesan dan manfaat Pelaburan Langsung Asing atau *Foreign Direct Investment (FDI)* terbesar, iaitu perusahaan *Hengyi Industries Sdn. Bhd.* kepada negara setakat ini. Fasa 1 telah tamat dan kini bermula Fasa 2. Apa yang kaola ingin bangkitkan di sini ialah mengenai kesan dan manfaatnya kepada negara setakat ini, iaitu dari segi manfaat kepada syarikat tempatan dan juga peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan, inilah tujuan *FDI.*

Soalan kaola adakah terdapat kajian untuk menganalisa kesan *spin-off?* Berapa banyak syarikat tempatan yang terlibat dan mendapat manfaat keuntungan dari pembangunan Fasa 1, bermula dari peringkat perancangan sehingga operasinya?

Isu keempat ialah *Darussalam Assets* Sdn. Bhd. *(DA). Darussalam Assets* Sdn. Bhd. *(DA),* ialah sebuah syarikat sendirian berhad yang ditubuhkan pada tahun 2012, memiliki sekitar 36 syarikat-syarikat berkaitan kerajaan ke *Government Link Company*.

Dari *portfolio Darussalam Assets Sdn. Bhd.* dalam berbagai sektor ekonomi termasuk penerbangan, telekomunikasi, utiliti kuasa, logistik, pertanian, makanan dan minuman, beriadah dan pelancongan, perubatan, pendidikan, hospitaliti dan hartanah. Ia merupakan sebahagian daripada inisiatif yang diterajui kerajaan untuk memacu pembangunan ekonomi dengan strategik untuk menjadikan syarikat-syarikat tersebut menjadi syarikat bertaraf dunia.

Soalan mengenai *Darussalam Assets* Sdn. Bhd. ini ialah:

i. 12 tahun telah berlalu, berapa banyakkah yang sudah syarikat-syarikat di bawahnya bertaraf dunia?;
ii. Selain *internal audit* dan audit oleh Juruaudit Agung. Adakah syarikat-syarikat tersebut juga dikenakan *external audit?* Mohon pencerahan hasil dari audit-audit ini.;
iii. Berapakah hasil kewangan syarikat-syarikat tersebut? Adakah untung atau sebaliknya? Adakah syarikat ini boleh berdiri di tapak kaki sendiri daripada *cash flow* yang positif?;
iv. Jika tidak mendapat untung, masihkah kerajaan '*inject*' duit untuk menguruskan syarikat yang tidak untung ini?;
v. Adakah *Darussalam Assets* Sdn. Bhd. *(DA)* melantik dari *private sector* yang *independent* yang memantau syarikat-syarikat di bawah *Darussalam Assets* Sdn. Bhd. ini? ;

   Maksud kaola itu, syarikat ini dijalankan oleh *private sector*/orang bisnes tetapi adakah *private sector* yang lain yang *independent* memantau bisnes tersebut?;

vi. Kaola percaya idea ini sudah difikirkan semasaknya, adakah dipertimbangkan oleh *Ahli-Ahli Darussalam Assets* Sdn. Bhd. di Majlis Penyeliaan (*Supervisory Council),* Lembaga Pengarah *(Board of Directors)*, Pengurusan (*Management)* yang terdiri daripada *private sector* yang mana ianya sebagai salah satu *engine of growth* dalam perekonomian?

Sekian, itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin atas beberapa soalan yang diajukan.

Pertama sekali *in general, comment* mengenai Negara Brunei Darussalam *as a Welfare State*. Bukan satu soalan tapi kaola ingin juga menambah sedikit mengenai *statement* yang dikongsikan.

Pada masa ini 'kitani' memang melihat dari segi kesihatan, pendidikan dan berbagai servis-servis itu diberikan oleh kerajaan secara percuma. 'Kitani' mesti lebih faham, ini memang satu beban kepada kerajaan yang kalau 'kitani' tidak mengawal perbelanjaan dalam bebarapa perkhidmatan-perkhidmatan ini, ini akan jadi satu *responsibility* yang tinggi kepada kerajaan.

Perlulah 'kitani' memikirkan alternatif-alternatif lain supaya fiskal kerajaan ini lebih *sustainable* pada masa yang panjang. Mengenai soalan bangunan yang terbiar, sama ada sektor swasta boleh memajukan bangunan-bangunan tersebut tapi terlebih dahulu untuk kerajaan 'mengusai' balik bangunan itu sebelum diserahkan kepada sektor swasta.

Kaola rasa modal seperti yang dicadangkan itu boleh diperbaiki lagi sepertimana satu perundingan yang sedang ada, *multi-storey carpark.* Ini salah satu contoh bagi *Public-Private Partnership (PPP).* Jadi dalam kriteria *Public-Private Partnership (PPP),* ia memerlukan pihak swasta dengan pihak kerajaan dalam contoh ini untuk sama-sama memikul risiko bisnes ini.

Jadi *bagi multi-storey carpark,* 'kitani' berunding dengan pihak swasta supaya sama-sama 'kitani' membaiki balik bangunan itu dan kemudian terus dimajukan.

Jadi selain daripada perbelanjaan semua sekali untuk membaiki bangunan, ia tidak 'bebalik' ke kerajaan tetapi lepas itu diserahkan ke pihak swasta. Pihak swasta tidak ada *investment*, hanya menjalankan sahaja. Ini tidak sama dengan modal *Public-Private Partnership (PPP)*.

Jadi bangunan yang terbiar ini boleh 'kitani' fikirkan dengan cara *Public-Private Partnership (PPP),* sama-sama 'kitani' mengambil bahagian dan seterusnya memikul risiko operasi bersama-sama dengan memberikan insentif supaya pihak swasta dan pihak

kerajaan bersama-sama mempunyai *vested interest* sebab 'kitani' sama-sama melabur dalam bangunan tersebut**,** itulah satu modal yang memang digalakkan.

Jadi kalau ada lagi pemikiran yang mana bangunan-bangunan yang terbiar, mungkin kerajaan tidak lagi pakai, boleh dicadangkan untuk kita sama-sama memikirkan *solution*. Kaola hendak menambah sedikit, ada juga projek baru, kerajaan memikirkan kalau ada pihak swasta hendak terus mengambil bahagian, membangun dan menjalankan, kerajaan ada *offer* kepada pihak swasta untuk menjalankan. Tapi nampaknya ada beberapa projek tidak diminati oleh pihak swasta, tetapi perkara ini boleh difikirkan. Memang satu cadangan yang bagus bagi kita sama-sama memikirkan.

Dari segi kastam, memang terdapat satu *x-ray machine* yang sudah berusia 15 tahun dan pada masa ini telah rosak tetapi bagi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, rasanya *it is not worth repairing*, kosnya lebih mahal kalau kita beli baharu *latest x-ray machine* dan sebagainya.

Jadi untuk *assuring the public*, pada ada masa ini di mana-mana pos kawalan semua ada terdapat x-ray yang berfungsi. Pada masa ini juga di pelabuhan, kita bekerjasama dengan *GLC* membeli satu *x-ray machine* yang dapat kita *x-ray containers* sekaligus, tidak perlu dibuka untuk di cek satu per satu. Pada masa ini menunggu keputusan dari *authority* yang berkenaan, dari segi x-ray tersebut, jadi kalau ada sudah kebenaran, dapatlah kita menjalankan. Itu lagi lebih efisien.

Dari segi *Hengyi Phase 2*. Apa impaknya kepada syarikat tempatan atau *local business*? Memang bagi setiap *FDI* yang datang ke dalam negeri, memang ada ia punya positif impak kepada *local businesses.* Jadi *depend on direct benefit* atau *indirect benefit*.

Pada hari itu ada kaola melihat tetapi jumlah ini perlu dikemaskinikan lagi. Jadi kalau *direct* atau *indirect,* Hengyi itu memanfaatkan sekurang-kurangnya 60 syarikat tempatan yang ada. Ini jumlah yang tahun lepas.

Jadi, ada yang *indirect benefit* ini, kadang-kadang *Hengyi Industries Sdn. Bhd.* Ia memerlukan sebahagian perkhidmatan-perkhidmatan yang belum dapat dijalankan oleh syarikat tempatan.

Jadi *Hengyi Industries Sdn. Bhd.* membawa rakan kongsi dari negara lain untuk membuat *joint venture* dengan syarikat tempatan supaya mereka dapat menubuhkan satu perkhidmatan yang baharu. Supaya apa *services* yang diperlukan oleh *Hengyi Industries Sdn. Bhd.* dapat dilaksanakan dalam negara, tidak perlu kita menghantar barang itu ke luar negara untuk di*service* sebelum dikembalikan ke dalam negeri.

Jadi adalah beberapa benefit, *some direct benefit* seperti *catering, security services, transport* dan sebagainya. Itu kira *a bit more direct*. Ada yang *indirect* itu seperti *joint venture* dan sebagainya.

Ini memang satu usaha yang dapat untuk kita terus tingkatkan lagi.

Bagi *Hengyi Industries Sdn. Bhd*. dan mana-mana *FDI*, mereka lebih memilih untuk dapat bekerjasama dengan syarikat tempatan *because* ia lebih murah daripada barang itu dihantar ke luar negeri dan dikembalikan semula ke dalam negeri selepas *service* dan sebagainya.

Yang keempat ialah mengenai *Darussalam Asset Sdn. Bhd*. Kita mesti lebih faham apa sebabnya *Darussalam Asset Sdn. Bhd.* itu ditubuhkan pada tahun 2012. Sebelum itu, kebanyakkan *GLC's* kita tidak *submit annual report* dan sebagainya, *corporate filing* kurang memuaskan.

Jadi inilah salah satu usaha Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengambil alih kebanyakkan *GLC's* ini supaya dapat kita meningkatkan lagi bukan sahaja laporan tahunan dan sebagainya, meningkatkan juga *governance, board of directors, trainings* dan sebagainya.

Jadi inilah isu-isu untuk sama-sama kita meningkatkan *GLC's.* Sama ada ia bertaraf dunia atau tidak, sebagai negara kecil, peluang untuk kita membandingkan syarikat kita dengan taraf dunia, apakah kriteria yang sebenarnya?

Tetapi kalau kita hendak melihat dari segi *efficiency*, impak kepada negeri, mungkin syarikat yang dapat kaola kongsikan ini ialah *UNN*. Kalau kita lihat *services mobile speed*, di tahap 10 ke atas dalam dunia pada masa ini. Kita *roll out 5G* yang banyak negeri belum terdapat. Kita punya *penetration* kepada *community* sampai lebih 90%. Inilah pencapaian kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain, mungkin banyak negeri contoh negeri maju pun tidak dapat di *compare* dengan kita.

Jadi kalau dari segi perkhidmatan *connectivity* dan sebagainya, kita *compare* dengan antarabangsa, *mobile speed top 10, top 1 in ASEAN*, itulah mungkin satu perbandingan kita boleh buat. Kalau kita *compare* dengan *revenue,* memang negeri kecil, penduduk berapa orang sahaja, jadi tidak dapat dibandingkan dengan *Vodafone* dan sebagainya.

Apa yang penting seperti mana soalan-soalan yang seterusnya. Tidak perlu kita fikirkan sama ada kita di taraf dunia atau tidak, kita teruskan *improve our company*. Jadi dari segi audit, memang semua syarikat diaudit. *External auditor, internal auditor, government auditor*, semua boleh audit.

Jadi berapa syarikat yang menguntungkan? Itu satu soalan yang bagus. Memang satu statistik yang kita buat, bukan sahaja mana syarikat yang untung, kita *monitor* juga mana syarikat yang mampu membayar dividen kepada kerajaan.

Yang mana syarikat, walaupun ia tidak membayar dividen, sama ada ia sudah di tahap *solvency, liquidity* yang memuaskan, kita juga *monitor* apakah ia

punya *dividend projection* yang akan dapat diberi kepada kerajaan.

Jadi *audit status* dan Sebagian, ini macam-macam kita memantau. Inilah tujuan kenapa Darussalam Assets Sdn. Bhd itu ditubuhkan pada tahun 2012 sehingga sekarang ini, أَلْحَمْدُ لِلّٰه *we can see every year* ada peningkatannya. Jadi *as a whole picture* sahaja, kita tiap-tiap tahun memberikan dividen kepada kerajaan.

Darussalam Assets Sdn. Bhd. sebagai satu *holding company* tidak lagi meminta *funding* daripada kerajaan. Kebanyakan *company* di negara ini nampak sudah ada keuntungan, jadi ini diteruskan. Memang kita mahu kita punya *GLC's* terus ada keuntungan supaya dapat membayar dividen kepada kerajaan, tidak memerlukan *injection* daripada kerajaan, inilah satu pencapaian kaola rasa *Darusalam Asset has done good job so far.*

Kecuali, pada masa ini *Royal Brunei* bukan lagi di bawah Darussalam Asset, ia di *another holding company*. Jadi, apa yang tinggal di *Darussalam Asset* tidak lagi ada *cash injection* daripada kerajaan.

Jadi untuk *Private Sector* memantau *GLC's,* itu 'macam' terbalik. Memang *GLC's* ini, *the shareholder is* kerajaan. Kerajaan *as shareholder* sentiasa memantau *GLC's.* Apa lagi ditambah dengan *audit, external* dan *internal*, itu cukuplah *I don't think we need the private sector* untuk memantau *GLC's*, memang ada tanggungjawabnya.

Dari segi Ahli-Ahli Lembaga DA itu sama ada 'kitani' boleh menjemput *private sector* sama-sama dalam lembaga, itu satu fikiran yang boleh. Jadi, kita pada masa ini memang ada sebahagian syarikat, memang 'kitani' melantik *CEO* dari bukan pegawai kerajaan terus memegang jawatan yang penting untuk menjalankan bisnes itu.

Ada yang sebahagian Lembaga, 'kitani' *invite* juga *private sector*, ini 'kitani' boleh terus majukan kalau ada *director* yang bersesuaian, tetapi mesti juga ada orang yang dapat *contribute.*

Itu saja mungkin yang soalan-soalan dari Yang Berhormat Pengiran tadi. إِنْ شَاءَ اللّٰهُ, mudah-mudahan sudah terjawab semuanya. Jadi, kalau kaola boleh minta kebenaran dari Yang Berhormat Pengerusi ada beberapa soalan yang diajukan sebelum ini yang belum sempat kaola menjawab.

Jadi kaola ingin merujuk balik kepada satu soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan mengenai dengan tindakan yang diambil bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 khususnya kawalan harga semasa musim perayaan.

Jadi, bagi kaola menjawab soalan tersebut. Jabatan Perancangan, Ekonomi dan Statistik melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna memang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 merangkumi skop kerja kawalan harga, paparan tanda harga dan acara jualan murah.

Melalui pindaan ke atas Akta yang tersebut, pihak JPES juga diberikan kuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kesalahan di bawah penetapan harga maksimum bermusim sejak tahun 2021.

Jadi, Bab 10(a) di bawah Akta tersebut, memberi kuasa kepada JPES untuk mengenakan kompaun dikeluarkan secara berperingkat mengikut kekerapan kesalahan dengan jumlah tidak melebih $1,000.

Bagi kesalahan pertama di bawah kategori di bawah kesalahan yang sama, notis amaran akan dikeluarkan, bagi kesalahan seterusnya kompaun akan dikeluarkan secara berperingkat tidak melebihi $1,000. Jika masih melakukan kesalahan berulang, boleh dikenakan denda maksimum $20 ribu dan penjara 5 tahun oleh mahkamah menurut Akta Kawalan Harga.

Walau bagaimanapun, setakat ini belum ada kesalahan berulang yang dihadapkan ke mahkamah. Pihak JPES pada masa ini sedang me*review* semula tata cara berkenaan bagi penguatkuasaan Akta berkenaan.

Seterusnya, beberapa soalan daripada Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam. Soalannnya yang pertama mengenai dengan penambahbaikan sistem yang ada dalam TAFIS 2.0.

Sukacita kaola mengongsikan beberapa penambahbaikan kepada TAFIS 2.0 daripada TAFIS 1.0 bagi orang ramai khususnya bagi pembekal-pembekal kerajaan adalah juga satu tambahan 1 *portal* baharu dikenalkan sebagai *Government Vendor Portal*.

Antara kelebihan dan kebaikannya adalah orang ramai atau pembekal akan dapat memantau status tuntutan dan pembayaran dari *dashboard* yang disediakan dalam *portal* tersebut.

Dashboard adalah salah satu fungsi baharu yang dihasratkan untuk membantu dalam meningkatkan ketulusan, keberkesanan dan akauntabiliti setiap kementerian dan jabatan dalam proses tuntutan dan pembayaran orang ramai.

TAFIS 2.0 juga melalui *dashboard* ini, dapat diakses pada bila-bila masa, 24 *hours* dan mengurangkan keperluan orang ramai ke kaunter kementerian dan jabatan hanya untuk mengetahui status pembayaran.

Melalui TAFIS 2.0 ini juga, orang ramai atau pembekal akan dapat mengemaskini status penghantaran dan pengeluaran tuntutan invois secara *online* tambahan lagi orang ramai juga akan menerima notifikasi secara *online* dalam TAFIS 2.0 dari kementerian dan jabatan mengenai dengan *goods and services received*.

TAFIS 2.0 melalui *Government Vendor Portal* ini juga akan digunakan untuk proses sebutharga dan tawaran yang dikeluarkan oleh kementerian dan jabatan. Fungsi baharu ini akan dapat memudahkan lagi penender untuk

menghadapkan harga dan dokumen teknikal secara *online*.

Untuk makluman juga, إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini akan diberigakan kepada orang ramai khususnya kepada pembekal-pembekal yang akan berdaftar dalam TAFIS 2.0 pada 18 Mac 2024 hingga 23 Mac 2024. Orang ramai bolehlah mendapatkan maklumat lanjut mengenainya melalui media-media massa Kementerian Kewangan dan Ekonomi nanti.

Soalan yang kedua dari Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam adalah berkenaan dengan memastikan pegawai dan kakitangan kerajaan yang berkaitan dalam hal ehwal pengurusan TAFIS 2.0 ini.

Untuk dikongsikan sejak 3-4 bulan yang lalu sehingga kini, latihan secara berperingkat-peringkat sedang giat dilaksanakan oleh Jabatan Perbendaharaan berdasarkan *road mapping* yang dihadapkan oleh setiap kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan.

Seterusnya, yang ketiga. Mengenai dengan peruntukkan latihan dalam TAFIS 2.0, ia sudah pun disediakan dalam skop kerja perlaksanaan Projek Sistem TAFIS 2.0 yang mana sejumlah lebih 900 ribu telah pun disediakan khusus untuk latihan bagi penggunan sistem ini.

Akhir sekali, kaola ingin mengambil kesempatan ini juga bagi mewakili pihak warga kerja Kementerian Kewangan dan Ekonomi, kaola ingin mengucapkan Selamat Menyambut Bulan Ramadan kepada Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Mulia Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara dan Yang Mulia Penolong Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara serta semua yang ada di Dewan yang mulia ini. Semoga amal ibadah kitani semua diterima أَللهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ juga dan akhir sekali terimalah pantun serengkap ini:

MMN menyatukan kita,
أَلْحَمْدُ لِلّٰه di bulan Ramadan yang mulia,
Mohon maaf jika ada tersilap kata,
Moga ibadah kita semua diterima.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang telah menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dengan penuh tabah dan sabar dan juga telah menjawab dengan jelas.

Maka, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk turut dalam ucapannya untuk memberikan selamat berpuasa kepada semua yang berkenaan dalam kita menyambut bulan ramadan yang mubarak ini. Walau bagaimanapun, kita harus menyelesaikan perkara yang kita hadapi ini.

Saya kira cukuplah sekian kita berunding membahaskan perkara ini dan tajuk ini sekarang sudah masak saya kira untuk mengundi. Tajuk SD01A - SD09A sekarang kita undi. Ahli-Ahli Yang

Berhormat yang bersetuju, sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Semuanya bersemangat untuk bersetuju dengan Tajuk yang berkenaan yang mana telah pun diluluskan secara sebulat suara.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SD01A hingga Tajuk SD09A bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah pun selesai membincangkan dan membahaskan Jadual di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan jabatan-jabatan di bawahnya. Kita seterusnya telah pun selesai mengundi dan meluluskan belanjawan kementerian yang berkenaan. Sebelum kita beralih kepada tajuk-tajuk lain, saya kira cukup sekian kita berunding pada pagi ini dan saya ingin menangguhkan Mesyuarat Jawatankuasa ini dan kita akan bersidang semula dalam Majlis Mesyuarat Negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara. Saya kira cukup dahulu kita bersidang pada pagi ini. Saya ingin menangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada pagi ini dan kita akan bersidang semula إِنْ شَاءَ اللهُ pada petang nanti seperti biasa mulai pukul 2.30 petang.
Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Ahli-Ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat Negara masih lagi membahaskan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025, yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Maka bagi membolehkan kita meneliti tajuk-tajuk yang terdapat di dalam Rang tersebut satu per satu dengan lancar dan teratur, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan kita bersidang semula di peringkat Jawatankuasa.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)

Yang Berhormat Pengerusi: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم . Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang majlis ini bersidang di peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025, untuk diteliti satu per satu.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang diadakan pada sebelah pagi tadi, kita telah selesai meluluskan Belanjawan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Sekarang kita akan beralih kepada tajuk-tajuk seterusnya.

Yang Mulia Jurutulis: Tajuk SF01A hingga SF06A bagi Kementerian Pendidikan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang kita beralih kepada tajuk di bawah Belanjawan Kementerian Pendidikan.

Sebelum saya membukakan bagi tajuk di bawah kementerian ini untuk dibahaskan, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk membentangkan mukadimahnya mengenai perancangan dan hala tuju kementerian serta penjelasan dan kenyataan mengenai penyediaan belanjawan bagi Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2024/2025. Dengan itu, saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ .عَلَىٰ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kaola/saya lebih dahulu mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan kesempatan kepada

kaola untuk menyampaikan mukadimah bagi mengongsikan fokus utama Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Tahun Kewangan 2023/2024 telah menuai beberapa hasil perubahan dan kemajuan yang signifikan dalam sektor pendidikan sejajar dengan keperluan negara khususnya bagi menghasilkan modal insan yang berkualiti dan berkemahiran yang relevan untuk menjana ekonomi negara di samping meneruskan usaha-usaha menangani cabaran-cabaran global yang turut memberi kesan dan pengaruh kepada komitmen dan peranan Kementerian Pendidikan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه dengan izin ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ setiap cabaran yang dihadapi telah membukakan peluang-peluang peningkatan dalam keupayaan Kementerian Pendidikan agar setanding dengan negara-negara lain dalam menyediakan ekosistem pendidikan yang lebih mampan, lestari dan responsif kepada faktor-faktor global antara lain krisis kesihatan dan kepesatan kemajuan industri serta teknologi.

Justeru, sebagai langkah memperkemaskan lagi perancangan-perancangan yang mencakupi kesemua aspek dan peringkat pendidikan agar sentiasa terarah, Pelan Strategik Kementerian Pendidikan (2023-2027) telah menumpukan pada 3 matlamat utama iaitu:-

1. Memupuk pelajar siap siaga masa hadapan. Ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran serta keupayaan pelajar dalam mengharungi masa hadapan yang sentiasa berubah dan menyumbang sebagai ahli masyarakat yang aktif;

2. Mempertingkat ekosistem pendidikan inovatif. Kementerian Pendidikan akan terus berusaha untuk memastikan amalan dan proses pendidikan yang *robust* dan relevan dalam mewujudkan penyelesaian-penyelesaian baharu; dan

3. Membina sumber tenaga manusia. Kementerian Pendidikan akan terus meningkatkan kapasiti sumber tenaga manusia dengan menyediakan latihan profesional berdasarkan piawaian etika yang tinggi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya menyembahkan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas kepercayaan dan sokongan menyediakan peruntukan keseluruhan sebanyak $810,383,636 bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2024/2025.

Daripada jumlah peruntukan di bawah Tajuk Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya, sejumlah $549,176,850 iaitu 68% disediakan untuk Emolumen kakitangan iaitu sebanyak 12,580 jawatan bagi tenaga pengajar dan bukan tenaga pengajar.

Manakala, $221,997,500 iaitu 27% untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang. Bagi Perbelanjaan Kemajuan adalah sebanyak $39,209,286 iaitu 5%.

Tidak disangkalkan, jumlah peruntukan yang signifikan ini menunjukkan komitmen Negara Brunei Darussalam yang berterusan melalui Kementerian Pendidikan untuk menjana sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi sejajar dengan Matlamat 1 Wawasan Brunei 2035 iaitu "Melahirkan Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya".

إِنْ شَاءَ اللهُ kaola/saya dan seluruh warga Kementerian Pendidikan akan memanfaatkannya dengan penuh amanah mengikut keutamaan dan keberhasilan impak untuk mendukung Tema Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025 iaitu "Bersatu Membina Masa Depan yang Lebih Makmur" khususnya memfokuskan kepada pembangunan modal insan yang dinamik dan berwawasan bagi memenuhi ekspektasi pelbagai pihak yang berkepentingan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Kesungguhan dan komitmen Kementerian Pendidikan boleh dilihat menerusi bidang-bidang keutamaan yang merentasi semua peringkat dan aspek pendidikan sepanjang tempoh Tahun Kewangan 2023/2024 sebelumnya, antara lain seperti:

1. Melaksanakan Pindaan Akta Pendidikan Wajib berkaitan umur wajib bersekolah dari 6 tahun ke 5 tahun sebagai komitmen Negara Brunei Darussalam kepada penyediaan pendidikan awal kanak-kanak.;

2. Penubuhan sekolah khas pertama yang mula beroperasi pada Januari 2024, khusus untuk menerima pelajar berkeperluan khas tahap tinggi.;

3. Pelaksanaan pengintegrasian mata pelajaran Ugama dari Darjah Pra hingga Darjah 3 ke dalam Sistem Pendidikan Umum mulai 1 November 2023, melibatkan pelajar berumur antara 7 tahun hingga 10 tahun, iaitu pelajar dalam Tahun 2 hingga Tahun 5 Sistem Pendidikan Umum.;

4. Pengukuhan *STEAM Education and Skills.* Antaranya dengan menaik taraf mata-mata pelajaran Seni dan Teknologi dalam komponen *STEAM* sebagai sebahagian dari mata pelajaran teras, khususnya bagi pelajar-pelajar Program Menengah Umum dan Terapan Tahun 9 hingga 11.;

5. Penelitian piawaian literasi dan numerasi, penyelarasan kurikulum kepada piawaian dan penghasilan piawaian literasi Bahasa Melayu serta piawaian-piawaian yang lain.;

6. Pelaksanaan rintis Program Sahsiah Pelajar (PSP) ke atas 18 buah sekolah. Ia bertujuan untuk melahirkan pelajar yang holistik dan kompeten dalam 4 komponen PSP, iaitu Fizikal, Kerohanian, Perkhidmatan dan Kreativiti.;

7. Pelancaran Program B.E.S.T singkatan bagi Bantu, Empati, Sayangi, Tanggungjawab yang bertujuan sebagai usaha untuk mencegah gejala buli dari berlaku di tempat-tempat pengajian, khususnya dengan memberikan kefahaman dan kesedaran kepada warga institusi pendidikan mengenai ancaman dan kesan buli.;

8. Penaiktarafan secara berterusan prasarana rangkaian *IT* yang merangkumi penyediaan perkhidmatan internet jalur lebar berkapasiti tinggi dan penyediaan akses *Wi-Fi* yang lebih menyeluruh di kawasan sekolah-sekolah rendah, menengah, maktab-maktab dan pusat-pusat tingkatan enam.;

9. Penyediaan Skim *TVET* mulai tahun 2023 yang merupakan usaha sama Kementerian Pendidikan dan *Manpower Planning dan Employment Council (MPEC)* kepada pelajar-pelajar yang memperolehi 3 *'O' Level credit* ke bawah yang terpilih bagi meneruskan pengajian.;

10. Kementerian Pendidikan dengan kerjasama pihak industri telah menyediakan piawaian serta garis panduan yang dinamakan *Brunei National Occupational Skill Standards (BNOSS).* Setakat ini enam piawaian telah diguna pakai oleh tenaga kerja, majikan dan pusat latihan dalam sektor tenaga dan sembilan piawaian dalam sektor perhotelan dan pelancongan.;

11. Meningkatkan pembangunan kapasiti bagi tenaga pengajar dan bukan tenaga pengajar.;

12. Penyediaan kerangka Jaminan Kualiti Intitusi Pengajian Tinggi *(Higher Education Quality Assurance Framework*) untuk meningkatkan kapasiti IPT.;

13. Mereviu Akta Pendidikan yang sedia ada dalam penyediaan dan penderafan Akta Pengajian Tinggi bagi pengawalseliaan sektor pengajian tinggi yang lebih teratur, sistematik dan relevan.; dan

14. Penandatanganan Memorandum Persefahaman *(MoU*) dalam bidang pendidikan dengan negara-negara luar yang bertujuan untuk mengukuhkan hubungan 2 hala intitusi-intitusi tempatan dan antarabangsa.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli- Ahli Yang Berhormat.

Syukur ke hadrat ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ pelaburan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sektor pendidikan telah membuahkan hasil dan pencapaian seperti berikut:-

1. Pencapaian Negara Brunei Darussalam dalam *Program for International Students Assessment (PISA)* bagi tahun 2022 telah menunjukkan peningkatan yang *significant* dari *PISA* 2018. Antara negara-negara *ASEAN* yang ikut serta, Negara Brunei Darussalam adalah salah satu daripada 3 negara teratas dalam semua domain *PISA* tahun 2022.

   Skor bagi Negara brunei Darussalam dalam ketiga-tiga domain adalah 442 bagi Matematik, 429 bagi Membaca dan 446 bagi Sains. Ini adalah peningkatan yang sangat ketara dan *significant* dibandingkan dengan keputusan *PISA* tahun 2018, dengan peningkatan sebanyak 12 skor bagi Matematik, 21 skor dalam Membaca dan 15 skor dalam Sains.;

2. Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun 2023 telah menunjukkan peningkatan yang signifikan sebanyak 15% berbanding pencapaian tahun 2022. Sebanyak 61.3% atau seramai 2,110 calon telah berjaya memperolehi Gred 'A' hingga Gred 'C' dalam semua 5 mata pelajaran teras.;

3. Bagi peperiksan *Brunei-Cambridge GCE 'O' Level* dan *IGCSE*, 41.11% atau seramai 1,687 calon telah memperolehi sekurang - kurangnya memperolehi 5 *'O' Level* kredit pada tahun 2023. Terdapat sedikit penurunan, iaitu sebanyak 2.04% berbanding tahun 2022. Walau bagaimanapun, pencapaian ini masih menggambarkan *trend* keputusan yang konsisten sepuluh tahun kebelakangan.;

4. Bagi peperiksan *Brunei-Cambridge GCE 'A' level*, 68.03% atau seramai 1,032 calon telah memperolehi sekurang-kurangnya 3 '*A' level* pada tahun 2023. Pencapaian ini menunjukkan penurunan peratus berbanding tahun 2022. Walau bagaimanapun, jumlah calon yang memperolehi sekurang-kurangnya 1 *'A' level* Gred 'A' hingga Gred 'C' telah meningkat dari 920 pada tahun 2002 ke 990 pada tahun 2023.

   Manakala, jumlah calon yang memperolehi sekurang-kurangnya 1 '*A' level* Gred 'A' hingga Gred 'E' telah meningkat dari 1,320 pada tahun 2022 ke 1,430 pada tahun 2023. Peningkatan ini menunjukkan akan lebih ramai pelajar yang berpotensi untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya pada tahun ini.;

5. Pencapaian dalam *employment rate* selepas 6 bulan menamatkan pengajian dalam kalangan graduan institusi-institusi teknikal dan pengajian tinggi awam serta swasta, telah menunjukkan peningkatan kepada 76% pada tahun 2022 berbanding 67.8% pada tahun 2021. Ini adalah hasil daripada kerjasama Kementerian Pendidikan bersama *MPEC* dan industri, untuk menarik kemasukan pelajar ke program-program yang relevan dengan keperluan pekerjaan dalam industri tempatan.;

6. Kajian Kepuasan Majikan *(Employer Satisfaction Survey* atau *ESS*) dalam kalangan graduan institusi pendidikan teknikal dan IPT awam dan swasta pada tahun 2021 menunjukkan kadar yang memberangsangkan, iaitu 80.6%.; dan

7. Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) masing-masing berada dalam kedudukan ke-387 dan ke-525 dalam *QS World University Rankings* mengikut piawaian baharu bagi tahun 2024. Manakala, Universiti Islam Sultan Sharif Ali pula buat julung kalinya tersenarai di kedudukan ke-74 dalam *QS Asian University Ranking - South Eastern Asia* bagi tahun 2024.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli- Ahli yang Berhormat.

Di sebalik segala pencapaian yang kaola/saya kongsikan tadi, masih terdapat usaha-usaha yang perlu dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan untuk terus meraih kecemerlangan dalam penyediaan sistem pendidikan yang berkualiti tinggi.

Dalam hal ini, sukacita kaola/saya mengongsikan beberapa inisiatif yang akan dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2024/2025 bagi mendukung ketiga-tiga matlamat strategik Kementerian Pendidikan.

Bagi matlamat 1, iaitu memupuk Pelajar Siap Siaga Masa Hadapan, projek-projek yang akan dilaksanakan adalah:-

1. Pengukuhan kualiti dan perisian kurikulum sejajar dengan piawaian antarabangsa.;

2. Pemantauan berterusan tahap kompetensi pelajar melalui sistem penilaian yang bersistematik dan komprehensif.;

3. Mengukuhkan Program *STEAM Education and Skills (SES),* menerusi pembentukan *STEAM Competency Framework* dan Penyediaan Garispandu Pelaksanaan *SES* bagi tahun 2 hingga 5.;

4. Mempelbagaikan lagi kursus-kursus dan program-program peningkatan kemahiran di institusi-institusi teknikal dan pengajian tinggi awam serta swasta.;

5. Memperkukuh dan meneruskan kerjasama dengan sektor industri untuk membentuk dan menawarkan program-program yang relevan dengan keperluan industri;

6. Pemantauan berterusan kualiti graduan melalui kajian seperti *Graduate Employment Survey* dan *Employer Satisfaction Survey* serta *Cohort Tracking Project.;* dan

7. Melaksanakan inisiatif untuk mengukuhkan sahsiah pelajar yang siap siaga masa depan agar lebih berdaya tahan dalam mengharungi cabaran-cabaran dan isu-isu global dan tetap mengekalkan identiti kebruneian, Melayu Islam Beraja (MIB) dengan nilai-nilai agama, budaya, kewarganegaraan dan patriotisme.

Bagi Matlamat 2 iaitu mempertingkatkan ekosistem pendidikan inovatif, projek-projek yang akan dilaksanakan pada tahun kewangan 2024/2025 termasuk:

1. Penyediaan *Digital Citizenship Framework and Handbook for School Community* serta pembinaan piawaian Literasi Digital bagi meningkatkan dan mengembangkan kemahiran pelajar dalam bidang teknologi.;

2. Meningkatkan infrastruktur dan ekosistem digital di institusi-institusi pendidikan termasuk penyediaan pelaksanaan *smart classroom* secara rintis di 15 buah sekolah rendah dan menengah kerajaan untuk memberikan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif dan inovatif;

3. Meneruskan pembinaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran secara digital melalui *Digital Resource Management System (DRMS)* dan *MoE TV* serta penggunaan *Learning Management System* (LMS) secara rintis di bebrapa buah sekolah rendah, menengah, maktab serta pusat tingkatan enam.;

4. Meneruskan pengukuhan kaedah pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi untuk memberikan pengalaman belajar yang lebih dinamik dan inovatif. Antaranya ialah pelaksanaan program pembelajaran membaca dan numerasi *renaissance* di sekolah-sekolah terpilih, pelaksaan penilaian berasaskan teknologi ataupun *technology-based assessment* untuk menilai profisiensi pelajar melalui *student learning survey* ataupun *(SLS), blended-learning* dan sebagainya.;

5. Menaik taraf sistem permohonan kemasukan ke institusi-institusi pengajian tinggi secara berpusat dengan membentuk sebuah *Central Admission System (CAS);*

6. Membangunkan secara berperingkat satu sistem berpusat *(centralised system)* dikenali sebagai *School*

Entreprise Resource Planning System untuk pengurusan dan pemantauan maklumat-maklumat pelajar, tenaga pengajar dan institusi pendidikan, termasuk penganalisisan maklumat *(data analytic)* bagi membantu Kementerian Pendidikan merangka dasar-dasar yang berkaitan.;

7. Penaiktarafan prasarana rangkaian IT di sekolah-sekolah bagi memperluaskan akses *Wi-Fi* di kawasan sekolah-sekolah.;

8. Pelaksanaan *reviewed curriculum* bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik secara rintis. Di samping itu, melaksana proses penelitian dan penyelarasan kurikulum serta piawaian literasi bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Sains, Literasi Digital dan mata-mata pelajaran lain secara berperingkat;

9. Meneruskan pelaksaan *Integrated Curriculum (InC)* secara rintis bagi mata-mata pelajaran rendah bawah dan penyediaan rangka kerja serta bahan-bahan pembelajaran *InC* bagi Tahun 2 dan Tahun 3;

10. Penyediaan buku rangka kerja dan kurikulum pendidikan khas untuk pendidikan rendah dan menengah';

11. Mereviu Kerangka Kelayakan Brunei Darussalam atau *Brunei Darussalam Qualification Framework* (BDQF) dalam memastikan ia relevan dengan mengemas kini kelayakan-kelayakan yang perlu diiktiraf seperti *recognition of prior learning, micro-credentials* dan sebagainya.;

12. Peningkatan infrastruktur sekolah menerusi penambahan dan pembaikan terhadap infrastruktur bangunan sekolah;

13. Mengendalikan kajian secara berterusan bagi memastikan inisiatif-inisiatif yang diungkayahkan oleh Kementerian Pendidikan adalah sejajar dengan haluan strategik Kementerian Pendidikan dan Wawasan Brunei 2035.; dan

14. Meneruskan usaha-usaha *stakeholder engagement* dengan institusi-institusi dan oranisasi-organisasi tempatan dan serantau.

Seterusnya projek-projek yang akan dilaksanakan pada Tahun Kewangan 2024/2025 berkaitan dengan Matlamat 3, iaitu Membina Sumber Tenaga Manusia, antaranya ialah:-

1. Mengukuhkan proses pemilihan dan pengambilan tenaga pengajar baharu menerusi Program Perantis serta proses penggantian tenaga pengajar yang lebih terancang berdasarkan *human resource projection,* keperluan dan kemahiran;

2. Mengemas kini dan mengimplimentasi kerangka kompetensi khusus atau *specialised competency* bagi tenaga bukan mengajar.;

3. Merangka sistem dalam talian secara berfasa bagi melaksanakan penilaian kompetensi khusus menggunakan *MoE Employee and Services Hub* (MESH).;

4. Pelaksanaan fasa rintis bagi penggunaan *Educators Management System (EMS)* bagi dua belas (12) buah sekolah sebelum dilaratkan ke semua sekolah-sekolah rendah dan menengah, maktab serta pusat tingkatan enam.;

5. Tatanan dan penstrukturan semula Program *Master of Teaching (MTeach)* di Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE), UBD untuk menambah baik kandungan kurikulum bagi memastikan program ini adalah setanding dengan kualiti, piawaian dan amalan terbaik antarabangsa.;

6. Menyediakan Kerangka Kerja Kompetensi bagi Kepimpinan Pengajian Tinggi *(Higher Education Leadership Competency Framework)* dalam memastikan pemimpin-pemimpin pengajian tinggi yang berkaliber dan berpotensi tinggi sebagai antara program perancangan penggantian (*Succession Planning Program*).; dan

7. Melaksanakan projek *Manpower Auditing and Planning* untuk membuat perancangan sumber tenaga kerja, dalam usaha meningkatkan kapasiti sumber tenaga manusia agar mencukupi dan terancang.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

ان شاء الله inisiatif-inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan bukan hanya untuk mencapai visi Kementerian Pendidikan tetapi turut melambangkan komitmen Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan *"Education for all"* dari segi akses ke pendidikan yang berkualiti, sejajar dengan tuntutan *Sustainable Development Goals* (SDG) di peringkat global.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه segala pencapaian dan pelaksanaan inisiatif di semua peringkat dan aspek pendidikan ini tidak mungkin akan dapat dikecapi tanpa adanya sokongan, kemitraan dan kerjasama dari semua pihak terutama sekali tenaga pengajar, pemimpin-pemimpin institusi pendidikan, ibu bapa dan penjaga, warga Kementerian Pendidikan dan masyarakat. Kementerian Pendidikan sangat menghargai sokongan berterusan yang telah diberikan.

Justeru, kaola berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat akan dapat memberikan pandangan dan cadangan-cadangan yang strategik untuk membantu kaola/saya melaksanakan tanggungjawab Kementerian Pendidikan dengan telus dan penuh amanah.

Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga akan memberikan kerjasama dan sokongan yang penuh atas inisiatif-

inisiatif Kerajaan yang lain ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّه
Dengan bertawakal kepada ٱللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ kaola / saya berharap segala usaha Kementerian Pendidikan ini akan membawa Negara Brunei Darussalam lebih dekat lagi kepada sasaran Wawasan Brunei 2035 khususnya matlamat pertama iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. آمِيْنُ يَا رَبَّ الْعَالَمِيْن.

Sekian sahaja dan kaola ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberikan kesempatan untuk menyampaikan mukadimah ini.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: أَلْحَمْدُ لِلّٰه Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang telah menghuraikan dengan jelas berkenaan dengan hala tuju dan keutamaan dalam penyediaan Belanjawan Kementerian Pendidikan bagi Tahun Kewangan 2024/2025.

Oleh yang demikian, Tajuk SF01A hingga SF06A sekarang saya bukakan untuk dibahaskan. Saya mempunyai senarai yang agak panjang yang terdiri daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta dalam membincangkan Belanjawan Kementerian Pendidikan ini.

Seperti biasa, saya akan memberikan laluan Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan dan diikuti dengan jawapan ataupun respons daripada Yang Berhomat Menteri Pendidikan. Sekiranya diperlukan Yang Berhormat Menteri Pendidikan bolehlah mengambil masa untuk menjawab soalan-soalan pada satu ketika yang sesuai sekiranya ia memerlukan *information y*ang lebih lanjut daripada Kementeriannya.

Saya persilakan sekarang untuk memulakan perbahasan ini, saya persilakan Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Behormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه Dikesempatan ini kaola terlebih dahulu merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas mukadimah Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Siti Romaizah binti Haji Md. Salleh, Menteri Pendidikan berkenaan dengan perancangan strategi dan hala tuju Kementerian ke arah meningkatkan kualiti pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Kaola sukacita menyentuh berkenaan dengan teknologi di dalam pendidikan di Negara Brunei Darussalam. Berdasarkan perkembangan semasa, kemajuan teknologi memainkan peranan yang cukup signifikan terutama sekali budaya hidup dan kerja seharian. Ini

termasuklah di dalam sektor pendidikan negara. Dalam menyediakan pendidikan berkualiti yang saksama dari pengetahuan dan kemahiran abad Ke-21 serta mempertingkatkan kompentasi sumber manusia ke arah *work and future ready*. Pelan tranformasi digital *(DTP)* Kementerian Pendidikan 2023 hingga 2027 menekankan tiga bidang tumpuan iaitu teknologi pendidikan, pengurusan teknologi dan membolehkan dasar dan infrustuktur.

Apakah usaha-usaha yang telah dan akan pihak Kementerian Pendidikan laksanakan dalam memastikan keupayaan dan kesediaan dari segi infrustuktur digital, kemudahan dan kapasiti serta *mindset* tenaga manusia termasuk para guru dan pemimpin sekolah.

Apakah insiatif-inisaitif Kementerian Pendidikan dalam mengekalkan kesinambungan amalan terbaik penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran *pasca pandemik.* Selain daripada itu, menyentuh berkenaan teknologi pendidikan pula iaitu di bawah rangka kerja ini beberapa projek utama teknologi pendidikan diperkenalkan yang mana antara lain adalah seperti:

1. Sistem Pengurusan Pembelajaran *(Learning Management System (LMS))*;
2. Sistem Pengurusan Sumber Digital *(Digital Resource Management System (DRMS));*
3. Televisyen Kementerian Pendidikan (*MOE TV*);
4. Bilik Darjah Pintar (*Smart Classroom*); dan
5. *Blended Learning*.

Apakah perkembangan projek-projek yang disebutkan di atas hingga setakat ini? Adakah projek-projek berkenaan telah di*benchmark* dengan amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan oleh sistem-sistem pendidikan yang bertaraf tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa seperti Republik Singapura, Finland dan Australia? Serta sejauh mana ianya telah memberikan keberhasilan, impak kepada pelajar sepertimana yang dihasratkan?

Dalam usaha untuk memastikan pembelajaran dapat dilaksanakan secara berterusan semasa pandemik *COVID 19*, Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta agensi-agensi yang berkaitan telah melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut, *Device Donation Drive* - pemberian peranti kepada para pelajar yang memerlukan bagi pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian (*online teaching and learning*).

Bantuan khas pemberian kepada tenaga pengajar serta pelajar Skim Miftaahun Najaah (SMN) bagi pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian (*online teaching*) semasa pembelajaran dirumah *(home-based learning*) dalam bentuk bantuan peranti

(*device*) dan data *10GB* bermula bulan Oktober dan November 2021.

Sejauh mana penggunaan bantuan-bantuan ini membantu dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah bidang teknologi Kementerian Pendidikan ke arah menjana ekosistem Pendidikan yang berinovatif?

Akhir sekali, di dalam usaha untuk memacu pendidikan dalam teknologi, apakah perancangan Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan penggunaan *e-textbook* dan *e-book* untuk mengurangkan beban beg sekolah pelajar? Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan. Ada 4 soalan seperti berikut:

1. Mengenai dengan Teknologi dan Kemahiran Abad Ke-21.

   Apakah usaha-usaha yang telah dan akan dibuat oleh pihak Kementerian Pendidikan mengenai dengan pelaksanaannya dalam memastikan keupayaan atau *capability readiness,* kemudahan serta infrastrukurnya?

   Bagi memastikan keupayaan ataupun *capability* dan kesediaan pihak sekolah dari segi infrastrukur *digital* dan juga kemudahan ataupun *connectivity* dan *devices.* Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi sebenarnya telah membekalkan sebuah komputer riba kepada setiap guru di Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Hal Ehwal Ugama. Dan semua sekolah juga telah disediakan kemudahan *internet connection* termasuklah di sekolah-sekolah pedalaman seperti Sekolah Rendah Dato Maharaja Setia Dian Sukang dan juga Sekolah Rendah Melilas.

   Selain itu, Kementerian Pendidikan juga telah membekalkan komputer riba kepada penuntut-penuntut yang kurang berkemampuan. Setakat Februari 2024, sebenarnya semua *desktop* atau *PC* di semua sekolah telah diganti dengan komputer riba.

   Mengenai dengan *mindset* tenaga manusia termasuk para guru dan juga pemimpin sekolah. Akademik kepimpinan dan tenaga pengajar Brunei Darussalam ataupun BDLTA bersama dengan Pusat Teknologi Pendidikan telah menyediakan latihan secara berterusan bagi mempertingkatkan kapasiti serta *mindset* para guru dan pemimpin sekolah dalam kemahiran dan penggunaan teknologi melalui latihan berterusan kelolaan bersama BDLTA dan Pusat Teknologi Pendidikan. Antaranya adalah Bengkel Penggunaan *Smart Classroom* bagi sekolah-sekolah yang terlibat dan juga latihan-latihan penerapan *blended learning* dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.;

2. Soalan mengenai dengan perkembangan projek-projek yang disebutkan iaitu *Learning Management System (LMS), DRMS, MoE TV, Smart Classroom, Blended Learning.* Perkembangan projek-projek tersebut, mengenai dengan LMS pelaksanaan bagi projek ini dijalankan secara berfasa dan kini dalam fasa penyediaan dan pembekalan. Manakala Sistem Pengurusan Sumber Digital ataupun *Digital Resource Management System (DRMS)* ia telah dilancarkan pada 3 Mei 2023 dan setakat ini *DRMS* telah mengandungi 187 sumber pendidikan digital iaitu 24 sumber digital bagi pra sekolah, 21 sumber digital bagi rendah bawah, 31 sumber digital bagi rendah atas dan 18 sumber digital bagi sekolah menengah. *DRMS* setakat 5 Februari 2024 juga telah menerima 2,364 lawatan ke platform tersebut sejak ia mula beroperasi.

   Manakala *MoE TV* setakat ini telah mengandungi sebanyak 379 video, 32 video pra sekolah, 248 video peringkat rendah dan 13 video peringkat menengah dan juga lain-lain video. Bilik Darjah Pintar (*Smart Classroom*) setakat ini terdapat 15 buah sekolah dan 1 buah *Smart Classroom BDLTA* dan 15 buah sekolah itu adalah 6 buah pusat tingkatan enam, 4 buah sekolah menengah, 5 buah sekolah rendah dan seperti yang telah saya sampaikan tadi 1 buah sekolah *Smart Classroom* di *BDLTA*.

   Manakala *blended learning* iaitu inisiatif pembelajaran *teradun* ataupun *blended learning* ini adalah usaha sama dengan Jabatan Sekolah-Sekolah untuk mengimplementasikan inisiatif tersebut di seluruh negara. Melalui kolaborasi ini teknologi digunakan secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran memastikan bahawa penggunaan teknologi adalah sebahagian daripada amalan pengajaran guru.

   Manakala *benchmarking* dengan amalan-amalan terbaik. Dalam usaha Kementerian Pendidikan untuk memastikan projek-projek ICT adalah selaras dengan amalan-amalan terbaik, pihak Kementerian Pendidikan telah mengadakan lawatan kerja ke negara-negara jiran untuk mengetahui lebih lanjut mengenai dengan perancangan dan pelaksanaan digital masing-masing.

   Selain itu, Kementerian Pendidikan juga melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum telah melibatkan konsultan dalam pembinaan dan meneliti semula piawaian numerasi, literasi dan *literacy science* agar kurikulum yang sedia ada seperti *Mathematics, English* dan juga *Science direview* merujuk kurikulum daripada negara-negara serantau seperti Republik Singapura, Hong Kong, Estonia, Australia, Finland, Yang Berhormat sebutkan tadi, yang sememangnya berprestasi tinggi sebagai penanda aras.;

3. *Device Donation Drive* dan juga bantuan-bantuan khas semasa *COVID-19.* Peranti dari *Donation Drive* yang telah diagihkan semasa *COVID* masih digunakan oleh pelajar-pelajar bagi program-program sekolah seperti yang telah disampaikan tadi semasa *blended learning, read theory dan Program Renaissance* dan yang terbaru di dalam *STEAM.*

   Program *Renaissance* melibatkan 31 buah sekolah, 7 menengah dan juga 24 buah sekolah rendah dan keramaian pelajar yang akan mengikutinya adalah seramai 4,504 orang. Untuk makluman jumlah peranti yang diterima melalui *Donation Drive* pada tahun 2021 adalah berjumlah sebanyak 1,181 dan peranti-peranti yang rosak dan tidak dapat digunakan berjumlah 102 dan setakat bulan Februari 2024 sebanyak 1,079 dalam keadaan masih baik dan masih digunakan.

   Mengenai dengan *e-book,* setakat ini penerbitan buku-buku teks di sekolah dicetak dengan kerjasama penerbit swasta atau *publisher* yang terpilih. Sebelum penggunaan *e-textbook* ataupun *e-book* dapat dilaksanakan beberapa faktor perlu diambil perhatian iaitu isu hak cipta dalam penerbitan buku-buku teks sekolah, isu pengendalian penyimpanan keselamatan alat-alat peranti sekolah dan juga isu akses kemudahan seperti internet.

   إِنْ شَاءَ اللهُ Kementerian Pendidikan akan mereviu *klausa-klausa* di dalam kontrak-kontrak tersebut dengan mengambil kira kepentingan dan juga keperluan buku *digital* dalam usaha membantu para pelajar, mengurangkan bebanan membawa beg sekolah.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub.

Yang Berhomat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم

السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه kaola tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas mukadimah yang begitu padat dengan usaha-usaha seterusnya ke arah meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan negara terus mencapai keseimbangan إِنْ شَاءَ اللهُ .

1. Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Hari Kebangsaan yang Ke-39 mengenai dengan kepentingan memperluaskan kemahiran *STEAM* iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan Seni dan Matematik' dan ianya sebagai pemangkin pembangunan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenalkan bagi mata pelajaran teknologi kejuruteraan seni dalam komponen *STEAM* dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran pilihan teras semasa Sambutan Hari Guru ke-33 tahun 2023. Bagi menjunjung titah tersebut apakah usaha inisiatif pihak Kementerian Pendidikan dalam memperluaskan dan meningkatkan pendidikan dan kemahiran *STEAM* khususnya bagi pelajar sekolah rendah dan menengah dan pengajian tinggi.

Selain daripada itu usaha meningkatkan pendidikan kemahiran *STEAM* dalam kurikulum biasa apakah inisatif-inisiatif lain yang mendukung pelaksanaan *STEAM*. Seterusnya pendidikan *STEAM* memainkan peranan penting dalam menyediakan pelajar untuk cabaran dan peluang abad ke-21 iaitu *6C's Communication, Creativity, Critical Thinking, Collaboration, Citizenship dan Character* membekalkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk *future ready planning,* untuk masa depan.

2. Bagaimanakah Kementerian Pendidikan dapat memastikan inisiatif yang dilaksanakan dapat meningkatkan kompetensi 6C's pelajar?, Kementerian Pendidikan telah giat bekerjasama dan berkolaborasi dengan pelaksanaan aktiviti, program dan pertandingan dengan pihak-pihak yang berkepentingan khususnya agensi-agensi luar seperti AITI bagi Projek Rintis *Coding with Smart Devices for Schools 2023 dan Seria Energy Lab* dengan program *Seria Energy Lab (SEL) Nxplorers Young Innovators 2024.;*

3. Adakah Kementerian Pendidikan membuat perancangan untuk meluaskan jaringan bersama dengan pihak luar khususnya negara-negara maju dalam sistem pendidikan seperti Finland, Estonia dan Singapura?;

4. Seperti yang kita maklum, keusahawanan adalah satu komponen penting untuk menyokong kepelbagaian ekonomi negara kita. Sehubungan itu, apakah inisiatif-inisiatif yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan terutama institusi pengajian tinggi untuk menyokong inisiatif ini?;

5. Seterusnya, kaola ingin menyentuh mengenai mesin pelupusan dan penghapusan yang digunakan di Jabatan Penghapusan, Kementerian Pendidikan. Sistem mesin penghapusan dan pelupusan yang melibatkan pembakaran belum ada diperuntukkan setakat ini. Jabatan Penghapusan di bawah Kementerian Pendidikan masih menumpang menggunakan sistem mesin *burner* di UNISSA. Sistem penggunaan *burner* ini sangat mencemarkan alam sekitar yang berdekatan.

Sehubungan itu, kaola mencadangkan supaya penggunaan proses ini yang melibatkan pembakaran akan dapat dikurangkan dengan lebih efektif yang melibatkan proses pembakaran *volume* sampah dalam tong penghapusan seperti buku-buku, kertas dan cakera padat serta lain-lain. Menyentuh mengenai perkara ini, kaola mencadangkan supaya penggunaan sistem penghapusan melibatkan pembakaran dapat digunakan dengan mesin *incinerator* yang lebih efektif.

Menggunakan mesin *incinerator* ini, dapat mengurangkan *volume* sampah menurut *World Bank, volume* sampah global yang diperkirakan akan meningkat hingga 70% pada tahun 2050. Dengan mesin *incinerator* ini, dapat mengurangkan *volume* sampah penghapusan yang harus dibuang ke tempat pembuangan akhir iaitu *TPA*. Soalan kaola:

Adakah Kementerian Pendidikan memikirkan atau ingin memiliki mesin *incinerator* tersebut untuk memudahkan proses penghapusan lebih aman dan selamat? Setakat ini, mesin ini adalah satu-satunya ada di Negara Brunei Darussalam dan dimiliki oleh Kementerian Kesihatan bagi proses tersebut.

Sekian sahaja daripada kaola. Memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenainya.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub. Ada lima soalan dan satu cadangan.

1. Mengenai *STEAM (Science, Technology, Engineering, Arts and Mathematics)*. Apakah usaha dan juga inisiatif Kementerian Pendidikan dalam memperluaskan lagi kemahiran *STEAM* ini khususnya bagi pelajar-pelajar sekolah rendah dan juga sekolah menengah serta pengajian tinggi?

   Program pendidikan serta kemahiran *STEAM* ini dilaksanakan dalam 3 kaedah iaitu *STEAM* dalam kurikulum, *STEAM* merentas kurikulum dan *STEAM* merentas kokurikulum. Apa yang dimaksudkan dengan *STEAM* dalam kurikulum? Ia adalah pengemaskinian dasar taburan dan mata pelajaran di peringkat menengah iaitu seni dan teknologi dijadikan sebagai mata pelajaran teras. Manakala, *STEAM* merentas kurikulum adalah penerapan kemahiran 6C *(Six Cs)* iaitu *critical thinking, creative thinking, communication, collaboration, character* dan juga *citizenship*.

   Sebenarnya kemahiran-kemahiran *Six C's* ini boleh dikembangkan melalui kaedah pengajaran yang pelbagai. Sebab itulah guru-guru sentiasa diberikan *professional development*

supaya mengembangkan lagi ataupun memberikan lagi mereka asas-asas *new methodologists in teaching* supaya kemahiran-kemahiran abad ke-21 ini dapat dikembangkan.

Manakala, *STEAM* merentas kokurikulum adalah penerapan pendidikan dan juga kemahiran *STEAM* melalui aktiviti-aktiviti di luar darjah. Ia merujuk juga terus kepada soalan kedua mengenai aktiviti-aktiviti *STEAM*. Selain daripada di dalam kurikulum itu, apakah lagi yang perlu dibuat? Kalau tidak silap, itu soalan daripada Yang Berhormat.

Sebenarnya, pihak Kementerian Pendidikan mengendalikan juga program-program ataupun aktiviti berkaitan dengan pendidikan dan juga kemahiran *STEAM* di luar waktu kurikulum sama ada di peringkat sekolah ataupun kementerian melalui Pusat Kerjasama Sains Teknologi dan Alam Sekitar *(STEP)*, Pusat Inovasi Keusahawanan *(EIC)*, Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat *(EDGE)*, Jabatan Perkembangan Kurikulum dan Jabatan Pendidikan KoKurikulum. Sebenarnya, banyak lagi aktiviti yang telah dilakukan oleh unit ataupun jabatan-jabatan ini seperti *Iconic STEP's Program* yang mengandungi bengkel dan juga latihan-latihan *STEAM* yang dilaksanakan oleh Pusat *STEP*, Program Celik-Biz dan *BigStart* yang diungkayahkan oleh Pusat Keusahawanan Inovasi, projek *Coding with Smart Devices for Schools*, pertandingan-pertandingan di peringkat nasional, *STEAM Outreach Program* dan *Green School Initiative and Gardening* di sekolah-sekolah.

3. Mengenai peningkatan kompetensi ataupun kemahiran *Six Cs*. Seperti yang telah saya beritahu tadi bahawa penguasaan kemahiran ini boleh dikembangkan dengan kepelbagaian metodologi pembelajaran.

   Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan melalui Pusat *STEP* pada masa ini sedang giat menyediakan satu instrumen bagi menilai kemahiran kompetensi abad ke-21 dengan menggunakan satu *STEAM Competency Rubric*. Ertinya, kalau ada sudah *rubric* , إِنْ شَاءَ اللهُ , guru-guru akan berpandukan *rubric* ini untuk menilai apa kemahiran ataupun tahap kemahiran-kemahiran *Six C's* yang dapat dikuasai oleh kanak-kanak.

   Salah satu cara pembelajaran yang sangat efektif adalah *enquiry base learning* ataupun pembelajaran berasaskan *enquiry.* Seperti soal jawab di dalam *classroom* dan sebagainya. *So all those with good methodology of teaching and learning*, kanak-kanak, إِنْ شَاءَ اللهُ, dapat menguasai kemahiran tersebut.

   Meluaskan jaringan kerjasama. Selain bekerjasama dengan agensi-agensi tempatan, Kementerian Pendidikan juga sebenarnya

melaksanakan jaringan bersama dengan organisasi-organisasi luar negara antaranya, *ASEAN-Japan Young Environmental Leaders Network*, *SEAMEO Young Scientists, Camp* anjuran *National University Singapore* dan *Temasek Foundations*. Jaringan kerjasama Kementerian Pendidikan dengan organisasi-organisasi luar negara ini bertujuan untuk memastikan program-program pendidikan termasuklah *STEAM* yang dilaksanakan di negara ini selaras dengan amalan dan piawaian antarabangsa.

Melalui kerjasama ini juga diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan serta kemahiran para guru dan pelajar melalui *knowledge exchange* serta memberi peluang untuk mendapat akses kepada sumber-sumber pendidikan.

4. Mengenai keusahawanan dan inisiatif yang dilakukan terutamanya pengajian tinggi. UBD telah memperkenalkan *Entrepreneurship Blueprint* sebagai perancangan strategik untuk memantapkan ekosistem keusahawanan di UBD dan bagi graduan yang berminat untuk memulakan perniagaan, mereka boleh menghadiri klinik keusahawanan di UBD bagi memahami dan juga mempelajari cara untuk memulakan perniagaan. UNISSA pula melaksanakan inisiatif *bazaar* keusahawanan alumni. IPT swasta seperti *Laksamana College of Business (LCB),* mereka membimbing graduan mereka untuk memulakan perniagaan dan menghubungkan mereka ini dengan syarikat atau rakan kongsi korporat melalui *incubation centre* di institusi tersebut.

   Micronet International College juga ada menawarkan program keusahawanan. Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan melalui Pusat Keusahawanan Inovasi *(EIC)* juga bekerja rapat dengan rakan kongsi seperti pihak *Shell LiveWIRE, DARe* dan sebagainya untuk menawarkan berbagai program-program latihan, aktiviti-aktiviti dan pertandingan keusahawanan seperti *MasterClass, LiveWIRE Brunei Business Awards* dan sebagainya.

5. Mengenai mesin pelupusan. Memang betul Kementerian Pendidikan masih belum mempunyai *incinerator* sendiri dan 'kitani' bekerjasama dengan kementerian lain untuk sama-sama menggunakannya, dikira guna sama. Adakah terdapat perancangan bagi Kementerian Pendidikan untuk memiliki sendiri *incinerator* ini? إِنْ شَاءَ اللهُ perkara ini akan dibawa balik ke Kementerian Pendidikan untuk dipertimbangkan, satu cadangan yang baik, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya ingin memberi komen, kita beruntung kerana Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita adalah seorang *professional educationist*. Jadi, soalan-soalan yang dikemukakan nampaknya

merangkumi beberapa *area-area* tertentu dalam pendidikan yang dapat dijawab dengan tenang.

Saya harap soalan-soalan berikutnya 'barangkali' yang lebih *less professional.* Jadi, walau bagaimanapun saya persilakan sekarang Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه أَلْحَمْدُ لِلّه kaola mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan ke arah merealisasikan misi dan visinya bagi Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025 dan diharapkan agar apa-apa yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Merujuk kepada laman sesawang UNISSA pada bulan Julai 2022, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menyempurnakan Majlis Doa Selamat bagi memulakan projek-projek kerja tanah dan infrastruktur kampus kekal UNISSA yang terletak di Kampung Piasau-Piasau, Mukim Labu, Daerah Temburong.

Projek kerja-kerja tanah dan infrastruktur kampus kekal UNISSA telah bermula pada 7 Mei 2022 dan dijangka siap pada 6 Mei 2024. Tempoh selama 24 bulan di atas keluasan tapak projek seluas 310 hektar. Kaola ingin tahu perkembangan dan juga status projek tersebut?

Selanjutnya, semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-19 Majlis Mesyuarat Negara tahun lepas, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, telah mengumumkan ke arah mengukuhkan kemudahan akses pendidikan.

Peruntukan secara keseluruhannya berjumlah $19.8 juta dengan Harga Rancangan $195.4 juta di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN-11) akan terus disediakan untuk penyediaan infrastruktur sekolah-sekolah rendah, menengah dan ugama serta institusi pengajian tinggi. Ini termasuk penyediaan infrastruktur untuk Kampus Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di Daerah Temburong dan kampus kekal Politeknik di Ikas, Bandung. Kaola ingin tahu apakah status bagi kampus kekal Politeknik di Ikas, Bandung?

Seperti yang kita maklum keusahawanan adalah satu komponen penting untuk menyokong kepelbagaian ekonomi negara kita. Justeru itu, apakah inisiatif-inisiatif yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan terutama institusi pengajian tinggi untuk menyokong inisiatif ini?

Akhirnya, dengan ramai graduan yang menamatkan pengajian mereka setiap tahun daripada institusi pengajian tinggi, kaola ingin tahu sama ada Kementerian

Pendidikan ada membuat kaji selidik mengenai keberadaan mereka, iaitu jika mereka bekerja atau sebaliknya? Mohon pencerahan Yang Berhormat Menteri mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira bagi projek pembinaan UNISSA, 'barangkali' Yang Berhormat lebih tahu daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri sebab saya percaya Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir setentunya dapat ke sana setiap hari melihat keadaan pembangunan yang dilaksanakan di dalam kawasan pembinaan yang dilaksanakan dalam projek ini.

Barangkali Yang Berhormat Menteri Pendidikan suka untuk memberikan jawapan. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir.

1. Mengenai perkembangan dan status terkini kampus kekal UNISSA.
   Projek pembangunan kampus kekal UNISSA di Kampung Piasau-Piasau, Daerah Temburong ini sedang dalam pelaksanaan dan masa ini ia adalah dalam kerja-kerja tanah dan juga infrastruktur yang pada asalnya dijadualkan siap pada Mei 2024, 2 bulan lagi.

   Walau bagaimanapun, terdapat isu-isu di luar jangkaan khususnya keadaan tanahnya mengandungi batu lumpur *(mud stone*) yang tidak dapat dikesan sebelum ini dan juga keadaan cuaca yang kurang membantu telah menyebabkan kelambatan terhadap kerja-kerja tanah dan juga infrastruktur. Akibatnya kemajuan fizikal, iaitu kerja-kerja tanah tadi setakat 31 Disember 2023 hanya mencapai 31.3%. Berdasarkan dengan perkembangan terkini projek tersebut setakat ini, oleh kerana tertangguh sedikit ini, kampus kekal UNISSA dijangka siap pada pertengahan tahun 2026.;

2. Manakala kampus kekal Politeknik di Ikas Bandung, sebenarnya tapak kampus kekal Politeknik baharu adalah akan terletak di Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A'. Di mana Kampung Madaras ini? Ia berhampiran dengan Universiti Tekonologi Brunei (UTB) sebelahnya dan kenapa ia berpindah daripada Ikas Bandung, ia adalah disebabkan oleh anggaran kos pembangunan di tapak Kampung Ikas, Daerah Tutong adalah sangat tinggi dari segi keperluan kerja-kerja infrastruktur, saliran, pembetungan, pembinaan, pembesaran jalan raya akses ke tapak tersebut, bekalan air, elektrik dan seumpamanya.

   Ia memakan belanja yang sangat besar jadinya ia berpindah daripada Ikas Bandung, Daerah Tutong

ke Kampung Madaras. Status terkini tanah tersebut masih dalam proses pewartaan tapak dan إِنْ شَاءَ اللهُ Kementerian Pendidikan akan memohonkan *early entry* bagi membolehkan pelaksanaan kerja-kerja *feasibility study* ataupun *soil investigation* dan juga *topographical survey* dapat dijalankan.

3. Keusahawanan rasanya soalan ini sudah saya jawab semasa soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub tadi mengenai inisiatif pengajian tinggi yang tadi ada UBD ada *blueprint* nya LCB, Micronet dan sebagainya sudah berjawab tadi.

4. Mengenai kajiselidik graduan yang telah menamatkan pengajian, di mana keberadaan mereka, sama ada sudah bekerja ataupun sebaliknya. Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi memang melaksanakan kajian tahunan iaitu *graduate employment survey (GES)* yang mengenal pasti status pekerjaan graduan dari institusi pendidikan teknikal dan pengajian tinggi awam dan swasta enam bulan selepas mereka menamatkan pengajian mereka.

Sehingga kini, Jabatan Pengajian Tinggi telah menjalankan tiga kajian iaitu bagi Kohort 2019, 2020 dan juga Kohort 2021. Secara keseluruhannya bagi Kohort 2019, ada 66.4% yang telah bekerja, Kohort 2020 67.8% dan Kohort 2021 76%. Data ini menunjukkan ada peningkatan graduan-graduan yang telah bekerja daripada Kohort 2019 tadi ke 2020 dan juga 2021. أَلْحَمْدُ لِلّٰه Itu saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Untuk makluman, Ikas Bandung tidak ada hubungannya dengan Bandung di Indonesia, menjadi salah faham Bandung ini di mana Bandung Indonesia ataupun di mana tetapi Ikas Bandung di Brunei.

Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Othman.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu, kaola sukacita merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan di atas mukadimah yang cukup baik dan padat dengan informasi serta hala tuju Kementerian Pendidikan ke arah mengurus perbelanjaan Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025. Di dalam memeduli hal ehwal dan kesejahteraan pelajar-pelajar dan penuntut, kaola sukacita mengemukakan beberapa soalan mengenainya:

1. Berikutan Laporan *PISA* 2018 dan beberapa laporan oleh akhbar tempatan dan media sosial tentang insiden buli dalam kalangan penuntut di sekolah-sekolah. Apakah tindakan

yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan dalam menangani masalah tersebut dan adakah laporan terbaharu mengenai buli di sekolah-sekolah sejak yang dibuat oleh *PISA*?;

2. Semenjak Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan yang (BKPT) diperkenalkan yang bertujuan menghulurkan bantuan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan pada tahun 2022, tetapi masih lagi kedengaran sungutan dan aduan daripada pihak ibu bapa penjaga mengenai kelewatan keputusan permohonan mereka sehingga ada pemohon yang hanya menerima *voucher* pembelian mereka selepas bulan Januari. Dalam masalah ini, mungkin Yang Berhormat Datin boleh mengongsikan kenapa perkara ini berlaku?;

3. Berkenaan dengan Elaun Pelajar Biasiswa Luar Negara dengan mengambil kira kos sara hidup di negara-negara maju seperti Australia, United Kingdom dan Ireland meningkat. Adakah pihak Kementerian Pendidikan berhasrat untuk mereviu semula kadar elaun yang diterima oleh pelajar biasiswa di negara-negara berkenaan?; dan

4. Akhirnya, kaola difahamkan keputusan *PISA (Programmed for International Student Assessment)* bagi tahun 2022 telah diumumkan dan tahniah diucapkan kepada Kementerian Pendidikan diatas pencapaian yang memberangsang-kan.

   Dalam pada itu, melihat kepada peningkatan tersebut, apakah strategi Kementerian Pendidikan untuk *PISA* 2025? Mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenainya.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat. Ada empat soalan:

1. Mengenai isu buli. Sebenarnya isu buli ini pernah dikongsikan pada permesyuaratan tahun lepas dan daripada sana, memang pelbagai aktiviti ataupun inisiatif telah dilakukan oleh Kementerian Pendidikan bagi membanteras gejala buli ini.

   Antara program ataupun aktiviti yang telah dijalankan termasuklah yang pertama seperti yang telah saya kongsikan tadi semasa mukadimah iaitu Program *BEST,* Bantu, *Emphaty*, Sayangi dan juga Tanggungjawab dan juga pelancaran buku model panduan menangani isu buli di peringkat sekolah dan ada lagi program iaitu SINAR (Stabiliti Integriti Nationalisma Akauntabiliti dan Rohani), ia adalah kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan bersama dengan kaunselor-kaunselor sekolah.

Ia memberikan pendedahan awal kepada pelajar-pelajar mengenai dengan perilaku buli agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan perkara yang merosakkan akhlak dan juga menjejaskan prestasi akademik mereka. Program *awareness* juga dilakukan, program keibubapaan yang bertujuan agar ibu bapa dan penjaga juga sentiasa mengawasi dan mengetahui hal-ehwal anak-anak mereka termasuklah keberadaan anak-anak mereka dan juga dengan siapa anak-anak mereka itu berkawan.

أَلْحَمْدُ لِلّٰه, ada penurunan dari segi peratus, ada di dalam buku saya tapi kalau terjumpa 'karang' memberitahu, ada penurunan daripada 2018 hingga 2022.

2. Mengenai dengan BKPT, mengenai dengan aduan kenapa ada kelambatan. Permohonan BKPT telah dibukakan pada bulan Mei 2023, iaitu untuk penerimaan tahunan, bulan Mei 2023 sehingga bulan September 2023 dan sehingga 22 Januari 2024, pelajar-pelajar yang telah menerima kupon bagi tahun 2024 adalah seramai 3,999 orang dan sebenarnya ada seramai 1,211 orang lagi yang belum menerima kupon. Ini 'barangkali' yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi yang yang 'diaorang' belum menerima.

   Tapi sebenarnya mereka ini masih dalam penyiasatan sebab ada urutan proses yang perlu dilaksanakan oleh *team* ataupun proses-proses kerja BKPT yang perlu dilaksanakan seperti proses siasatan, proses pengesahan dan sebagainya. Jadinya, ada seramai 1,211 ini lagi yang masih di dalam *investigation*. إِنْ شَاءَ اللهُ kalau 'diaorang' ini dapat nanti ok, layak, *they will be given the coupon*.

   Mengambil kesempatan sedikit saja, tadi pagi ada Yang Berhormat Awang Lau How Teck membuat saranan mengenai dengan penggunaan kupon ataupun baucer supaya orang berbelanja di dalam negeri. أَلْحَمْدُ لِلّٰه BKPT ini kupon-kupon diberikan kepada tender-tender yang terpilih untuk dibelanjakan di dalam kedai-kedai di dalam negeri. So kiranya, terima kasih juga di atas saranan Yang Berhormat Awang Lau How Teck tadi.;

3. Mengenai dengan elaun luar negara. Sebenarnya kadar elaun ini *especially* di *United Kingdom* dan *Ireland,* ianya telah dinaikkan pada 1 Januari 2019 dan bagi negara-negara lain seperti *Australia, New Zealand, Amerika Syarikat, Singapore, Perancis, Kanada* dan juga *Jerman*, ia bermula pada 1 April 2019. Kiranya masih belum lama ia direviu.

   Walau bagaimanapun, pada masa ini memang pihak Kementerian Pendidikan melalui Ataci Pendidikan di luar negara seperti di *United Kingdom,* di *Australia* sedang giat mengumpulkan maklumat dan juga membuat kaji selidik mengenai dengan kos sara hidup dengan

mengambil kira kadar semasa ataupun *current situation* dan jika ada keperluan Kementerian Pendidikan akan menyemak semula kadar elaun bagi memastikan kebajikan pelajar tidak terjejas.

4. Mengenai PISA. Inisiatif yang akan dibuat persediaan *PISA* 2025. 'Kitani' ada peningkatan daripada 2018. Semasa ada keputusan 2018 itu, 'kitani' melihat di mana kekurangan-kekurangan 'kitani' *then we compare our initiative* dengan inisiatif negara-negara yang di atas 'kitani'. Jadi, di sana 'kitani' telah menggunakan inisiatif tersebut dan dilaksanakan di sekolah-sekolah dan أَلْحَمْدُ لِلّٰه ia membuahkan hasil bagi tahun 2022. Ini sebenarnya yang 'kitani' cari, formula-formula ini kita uji, perbaiki dan sebagainya.

   Oleh kerana ia mendatangkan hasil, jadinya untuk *PISA* 2025 إِنْ شَاءَ اللهُ 'kitani' akan menggunakan pendekatan yang sama dengan memperbaiki lagi mana-mana yang dapat diperbaiki tetapi memang 'kitani' *on the right track* إِنْ شَاءَ اللهُ.

Saya ada menerima di sini data penurunan kes buli pada tahun 2018, 69% dan pada tahun 2022 56% ada penurunan sekurang-kurangnya pernah merasa dibuli sekali dalam setahun. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk membuat *intervention* ketika ini.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحْيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Kaola di sini ingin menambah saja mengenai isu buli. Jadi pihak *MOH* melalui Pusat Promosi Kesihatan telah mewujudkan Program Bebas Buli bersama dengan Kementerian Pendidikan untuk pencegahan dan pengurusan buli di sekolah-sekolah.

Mengambil kira hasil dapatan kaji selidik tersebut, beberapa langkah utama telah dikenal pasti untuk meningkatkan pengetahun pelajar-pelajar sekolah mengenai isu buli dan seterusnya mencegah dari berlaku di sekolah-sekolah.

Di antaranya ialah keperluan untuk mempelbagaikan kaedah penyampaian tentang isu buli kepada pelajar-pelajar mahupun guru di sekolah-sekolah serta masyarakat. Penyelarasan pengetahuan mengenai isu buli dengan pendidikan awal pelajar, topik Bebas Buli adalah perlu diterapkan di dalam korikulum pendidikan kebangsaan seawal tahun 4 dan Program Bebas Buli akan diungkayahkan melalui program *school outreach* dan *community outreach* di seluruh negara.

Walau bagaimanapun perlu diingatkan juga, di sini ingin ditambah isu buli ini bukan saja orang yang dibuli, isu buli juga ialah orang yang membuli itu. Jadi, *these poor social behaviour at home or* melalui *online* dan sebagainya. Jadi *effort*

untuk *bullying* ini, *should be also promotion of good parenting at home and it needs multi agency approach, what we call whole nation approach to solve the problem*. Itu saja terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan. Memang kedua-duanya harus di*counsel.* Saya kira yang lebih di*counsel* adalah orang yang membuli. Sebab biasanya orang yang membuli ini adalah orang yang *unstable*. Sebab itu ia mengambil kesempatan untuk mencuba-cuba kekuatan atau tenaganya itu kepada orang yang difikirkannya lebih lemah daripada 'kedia'. Dari segi *psychology*, barangkali ia lebih lemah daripada orang yang dibulinya.

Anyway, saya juga ingin memberi sedikit mengenai soalan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman berhubung dengan *PISA*, saya kira barangkali waktu ini oleh sebab kita bersaing dengan negeri-negeri yang lain, saya tidak terdengar Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan kepada Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman bahawa ini adalah *trade secret* dan tidak boleh 'kitani' memberikan pada khalayak ramai dan jika diketahui *secret* kita akan terbongkar oleh sebab kita bersaing dengan negeri-negeri yang lain untuk menentukan kedudukan kita dalam tahun-tahun berikutnya.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann.

Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann: بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـنِ الرَّحِيم السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. أَلْحَمْدُ لِلّٰه

Kaola menyambut baik di atas perancangan dan hala tuju Kementerian Pendidikan di bawah Belanjawan Tahun Kewangan 2024/2025. Terima kasih di atas mukadimah Yang Berhormat Kementerian Pendidikan yang cukup padat dan komprehensif.

Sehubungan itu, kaola ingin tahu jika Kementerian Pendidikan ada membuat *review* terhadap keberkesanan pelaksanaan pelan strategik Kementerian Pendidikan 2018-2022 yang lalu dan jika ada apakah pencapaian dan juga penambahbaikan yang boleh kementerian kongsikan dalam memeduli kesejahteraan dan pendidikan pelajar-pelajar berkeperluan khas dari aspek *inclusivity* dan *equality* pendidikan.

Sekolah khas pertama telah ditubuhkan pada tahun 2023 khusus bagi pelajar-pelajar berkeperluan khas yang mempunyai *priority level (PL)* dan yang tinggi iaitu PL4 dan PL5.

Kaola ingin memohon pencerahan apakah perkembangan sekolah khas swasta yang ada pada masa ini. Dan apakah usaha-usaha yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Khas dalam memastikan

pelajar-pelajar berkeperluan khas tidak ketinggalan dalam pelaksanaan integrasi pendidikan ugama.

Seterusnya kaola ingin menyentuh pula berkenaan dengan kanak-kanak berkeperluan khas ini. Apakah mereka ini perlu mematuhi Pindaan Akta Pendidikan Wajib Penggal 211, umur wajib bersekolah 6 tahun ke 5 tahun yang telah berkuatkuasa mulai pada tahun ini. Seterusnya di dalam menggerakkan sistem pendidikan, peranan guru dan pihak-pihak yang berkepentingan adalah penting bagi melaksanakan apa sahaja usaha ke arah menjamin kualiti pendidikan dapat dinikmati oleh pelajar dan penuntut.

Pertanyaan kaola bagaimanakah pihak Kementerian Pendidikan menangani hal ehwal kesejahteraan guru mahupun kakitangan bukan guru dan apakah Kementerian Pendidikan memberikan contoh program-program yang disediakan untuk menjaga kesejahteraan guru.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat. Ada beberapa soalan. Ada yang ter*captur*e, ada yang tidak. إِنْ شَاءَ اللهُ saya akan cuba. Terutama sekali adalah mengenai *reviewing* Pelan Strategik 2018-2022.

Dan sekarang kita ada *new* Pelan Strategik 2023-2027 dan apakah penambahbaikan. Seperti juga yang telah saya sampaikan semasa mukadimah tadi ada tiga objektif strategik utama:

i. Objektif pertama, adalah mentransformasikan sumber tenaga manusia yang ada ke arah budaya yang berasaskan prestasi. Tadi semasa mukadimah ada saya kongsikan strategi ataupun inisiatif yang akan dilakukan dan dilaksanakan seperti pembaikan pengemaskinian proses pemilihan pengambilan tenaga pengajar, melalui program *PERANTIS*, pembaikan program-program kursus yang ditawarkan di Brunei Darussalam *Leadership and Teacher Academy (BDLTA),* pelaksanaan *signature programme*, pembinaan kerangka pakar dan *specialisation track*, pengemaskinian sistem penilaian prestasi guru dan penubuhan Unit Kesejahteraan Pemimpin dan sebagainya.;

ii. Objektif kedua, iaitu penyediaan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan yang berkualiti. Secara ringkasnya beberapa inisiatif yang telah berjaya dilaksanakan adalah mempertingkatkan kualiti pemeliharaan aset di institusi-institusi pendidikan dengan menaiktaraf prasarana dan bangunan-bangunan melalui projek *facility management*. Kedua mengemas kini Bantuan Keperluan Persekolahan Tahunan (BKPT), penubuhan Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas

Pintar dan Berbakat (EDGE) dan sebagainya.

iii. Manakala objektif ketiga, iaitu meningkatkan perkongsian akauntabiliti dengan pihak berkepentingan pembangunan pembelajaran. Antara projek-projek yang akan dilaksanakan adalah peningkatan hubungan dua hala Kementerian Pendidikan dan institusi pendidikan luar negara, meningkatkan sinergi dan penglibatan pihak industri dan kerajaan dalam penyelidikan dan inovasi, penempatan kerja dan juga mengukuhkan kerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Sebenarnya banyak aktiviti-aktiviti ini adalah sebahagian sahaja tapi tadi semasa mukadimah sudah dihuraikan juga dengan panjang lebar.

Soalan mengenai dengan pelajar berkeperluan khas, أَلْحَمْدُ لِلّٰه sekolah khas pertama telah mula beroperasi pada awal Januari 2024. Sekolah-sekolah khas ini adalah bagi pelajar yang mempunyai *priority level* yang tinggi, 4 atau pun 5. Sebenarnya ada 5 *priority level*. Yang pertama adalah *diagnostic*, kedua *mild,* ketiga *moderate,* keempat *severe dan* kelima adalah *profound.* Ertinya PL4 dan 5 ini adalah yang *severe* dan *profound*, yang sebenarnya menjadi kesukaran jika mereka berada di sekolah inklusif ataupun sekolah kerajaan awam dan swasta. أَلْحَمْدُ لِلّٰه dengan tertubuhnya sekolah swasta ini yang PL4 dan PL5 dapatlah dihantar ke sana.

Oleh kerana ia masih baru mungkin keramaian pelajarnya di sekolah ini belum ramai, saya dimaklumkan masih dalam 59 orang pelajar telah memulakan pembelajaran di sana mungkin kalau meningkat lagi kapasiti atau keramaian guru boleh dipertingkatkan lagi keramaian pelajar-pelajar itu. Sekolah ini beroperasi 5 hari dalam seminggu, hari Isnin hingga hari Jumaat mulai pukul 8.30 pagi – 12.30 tengahari.

Itulah status terkini mengenai dengan sekolah khas swasta pertama tadi. Yang ketiga memastikan pelajar-pelajar berkeperluan khas ini tidak ketinggalan dalam pelaksanaan ataupun dalam persekolahan mereka, yang mana ketika ini memang 'kitani' sudah berada dalam fasa sistem pengintegrasian.

Kementerian Pendidikan akan terus bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pendidikan Khas di kedua-dua kementerian tersebut. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk memantau perkara ini. Antara 3 perkara penting yang dilihat adalah dari segi kurikulum dan penjadualan, tenaga pendidik khas dan juga prasarana dan sumber. Ini adalah bagi PL1 dan PL3 yang saya sebutkan tadi, yang *diagnostic mild and moderate* yang berada di sekolah awam dan juga swasta.

Bagi kurikulum dan penjadualan, ini adalah gabungan kurikulum Pendidikan Islam dan kurikulum Pendidikan Khas Ugama dengan mengambil kira jumlah waktu mengajar, kemahiran atau *demand* yang bersesuaian dengan

keperluan pelajar, pengukuran dan juga penilaian.

Manakala bagi tenaga pendidik khas, ia akan dipantau melalui aktiviti-aktiviti meningkatkan kapasiti para guru. Prasarana dan sumber pula adalah dengan memantau penyediaan sumber-sumber yang bersesuaian bagi kanak-kanak itu tadi.

Adakah mereka ini mesti memenuhi pindaan Akta Pendidikan Wajib Penggal 211 iaitu umur wajib bersekolah berumur 6 tahun ke 5 tahun? Memang sebelum Akta Pendidikan Wajib, memang ada pelajar-pelajar yang berkeperluan khas telah mengikuti pendidikan awal kanak-kanak seawal umur 5 tahun ke sekolah-sekolah.

Ertinya, *they go to school* walaupun masa itu belum lagi diwajibkan. Tidak menjadi masalah *they go to school.* Apatah lagi sekarang dengan pindaan Akta Pendidikan Wajib ini, 5 tahun sudah diwajibkan bersekolah. Bagi pelajar-pelajar yang berkeperluan khas, *yes they go to school.*

Kementerian Pendidikan telah menubuhkan Unit Kesejahteraan Pemimpin Sekolah dan Tenaga Pengajar (UKPSTP) pada 1 Mac 2021. Perkhidmatan unit pada masa ini ditawarkan kepada tenaga pengajar kerajaan di pendidikan teras sahaja dahulu. *This is new.*

Antara tugas dan tanggungjawab UKPSTP adalah memberikan perkhidmatan sokongan *(supporting role)* melalui cara-cara pendekatan kauseling, meningkatkan motivasi, kreativiti, produktiviti melalui 'pembarigaan', menyediakan program pengayaan dan intervensi yang bersesuaian mengikut keperluan dan juga bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkepentingan.

Manakala, bagi mereka yang bukan dalam kalangan tenaga pengajar, mereka boleh mendapatkan khidmat kaunseling dari bahagian-bahagian tertentu di Kementerian Pendidikan dan juga agensi-agensi yang lain. Mungkin itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَـٰنِ الرَّحِيم
اَلْحَمْدُ لِلهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ
أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُه dan salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi kesempatan kaola untuk ikut serta membincangkan peruntukan Kementerian Pendidikan.

Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas mukadimah yang disampaikan yang begitu komprehensif memuatkan hala tuju, tumpuan termasuk mengenai pelan

strategik Kementerian Pendidikan. Kaola juga ingin mengucapkan tahniah atas inisiatif yang telah dikongsikan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi. Pertama, kaola ingin menyentuh mengenai Petunjuk Prestasi Utama peratus pelajar yang lulus dan *BC-GCE 'O' Level* dengan 5 *'O' Level* dan ke atas yang mana sasaran bagi tahun 2023/2024 adalah sebanyak 60%.

Dalam keputusan *BC-GCE 'O' Level* baru-baru ini, nampaknya sasaran ini tidak dapat dicapai. Keputusan yang dicapai hanyalah 43% berbanding 60% dalam sasaran. Kaola ingin memohon pencerahan Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengapa sasaran ini tidak dapat dicapai dan apakah langkah-langkah strategik Kementerian Pendidikan untuk mencapai sasaran ini?

Kaola juga memerhatikan bahawa sasaran dari tahun kewangan pada tahun ini sehingga Tahun Kewangan 2026/2027 pun masih lagi kekal dalam tahap 60% sahaja. Sedangkan kalau kita melihat pelaburan kerajaan termasuk dalam teknologi, *best practises, capacity* dan lain-lain dalam pendidikan semakin bertambah setiap tahun. Dari jumlah 43% yang lulus dengan mempunyai kredit 5 *'O' Level* dan ke atas, berapakah peratus yang mempunyai kredit dalam mata pelajaran Inggeris, Sains dan Matematik? Begitu juga di peringkat pasca menengah dan pengijazahan (pengajian tinggi, pendidikan teknikal dan vokasional) yang disasarkan 90% lulus setiap tahun, adakah sasaran ini telah tercapai dan apakah peranan Kementerian Pendidikan dalam membantu meningkatkan lagi lepasan ijazah ini untuk mendapatkan pekerjaan?

Kedua, kaola perhatikan anggaran perbelanjaan Tahun Kewangan 2024/2025 bagi Tajuk SF01A Kementerian Pendidikan, jumlah pembinaan sekolah-sekolah baharu dan tambahan bangunan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan dalam Rancangan Kemajuan Negara ke-12 adalah sebanyak 10 buah. Namun, kaola perhatikan jumlah bilangan tenaga pengajar masih dalam bilangan yang sama. Ke arah itu, kaola ingin mengetahui mengenai Pelan Tindakan Strategik Kementerian Pendidikan untuk menyelaraskan keperluan tenaga pengajar ini apabila sekolah-sekolah baharu dan tambahan ini nanti beroperasi.

Nampak kepada kaola jika keperluan ini tidak diselaraskan pada ketika ini, ia akan mendatangkan tekanan *(pressure)* bukan sahaja di peringkat kementerian, malahan di peringkat pengurusan sekolah dan juga kepada tenaga-tenaga pengajar yang sedia ada. Ini mungkin akan menjejaskan prestasi kedua-dua tenaga pengajar dan penuntut yang terlibat.

Pada Tahun Kewangan 2024/2025 ini, Kementerian Pendidikan telah mendapat tambahan peruntukan sebanyak hampir $10 juta. Daripada penelitian kaola, tambahan ini adalah disebabkan oleh penyediaan peruntukan kemajuan

sebanyak kira-kira $19.4 juta dengan Harga Rancangan kira-kira $111 juta. Kaola tertarik untuk mengetahui isi ataupun *content* yang terdapat dalam projek berikut:

i. 1213-021 *Government School Network Infrastructure Upgrade Phase 2.;*

ii. 1213-023 *School Enterprise Resource Planning System.*

Dari segi apakah *output* dan sasaran yang akan didapati dari kedua-dua projek ini? Seperti yang kita maklum, apa juga sistem yang akan diperkenalkan ia akan memerlukan *alignment* dan keperluan *software* termasuk pembangunan kapasiti dan *change management*. Apakah perkara ini telah diambil kira dalam perbelanjaan?

Seterusnya, kaola mengambil maklum mengenai usaha Kementerian Pendidikan terhadap *STEAM* sebagai mata pelajaran teras. Mudah-mudahan usaha ini akan dapat meningkatkan kemahiran yang diharapkan sebagai pemangkin pembangunan seperti hasrat yang dititahkan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengongsikan apakah *KPI* ataupun sukat-sukat yang digunakan bagi menilai keberkesanan inisiatif-inisiatif di bawah *STEAM* ini.

Sebagai pihak terpenting dan utama dalam menggubal dasar dan arah tuju pendidikan di negara ini, kaola juga ingin memohon pencerahan dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Apakah *set of skills* tambahan yang perlu ada pada belia di negara ini untuk menyumbang bagi menjayakan Wawasan Brunei 2035 ini?

Adakah pensejajaran telah dibuat oleh agensi-agensi yang berkepentingan untuk mengenal pasti dan memupuk *set of skills* ini supaya kita sentiasa *future ready* dan akan setanding serta dapat bersaing dengan negara-negara yang maju terutamanya dalam bidang teknologi dan inovasi kerana realitinya, *set of skills* ini akan sentiasa berubah menurut keperluan semasa dan akan datang.

Persoalan seterusnya ialah berkaitan dengan institusi pengajian tinggi seperti UBD, UNISSA, UTB, Politeknik Brunei dan *IBTE.* أَلْحَمْدُ لِلّٰه dalam anggaran belanjawan bagi Tahun Kewangan 2024/2025, institusi-institusi ini pada keseluruhannya telah diperuntukkan sebanyak kira-kira $279 juta dalam Rancangan Kemajuan Negara (RKN-12).

Apa yang menarik perhatian kaola ialah mengenai projek-projek yang akan dilaksanakan seperti pembinaan *UBD Digital Science Nexus,* pembinaan *UBD Innovation Hub, UNISSA Smart University, UTB Phase 4 School of Applied Science and Mathematics*. Nampaknya projek-projek ini berbentuk *innovation, technological, digitalization* mahupun *science based.*

Kaola ingin mendapatkan pencerahan mengenai perkara-perkara berikut. Berapa ramai anak-anak tempatan yang telah menceburkan diri secara sepenuh masa dalam aspek penyelidikan, sains,

inovasi, teknologi dan *digitalization* ini? Setakat manakah sudah program-program dan hasil-hasil penyelidikan ini telah de*commercialized*?

Seperti yang kaola pernah bangkitkan pada tahun lepas dalam Dewan ini, kaola berharap untuk melihat lebih banyak pensejajaran dan *coordination* terutama bagi membina rangkaian kerja dalam aspek *capacity building,* dalam mencapai sasaran penyelidikan ini. Pensejajaran dan *coordination* yang kaola maksudkan ini ialah bukan dari segi akademik sahaja akan tetapi juga dari cara sistem pendidikan kita sendiri untuk mengolah atau mengadun cara berfikir pelajar-pelajar kita secara holistik untuk memuatkan strategik taktikal dan *positive thinking* dari peringkat teras hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi supaya mereka ini sentiasa industri dan *future ready*. Setakat ini, apakah inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan dalam mempraktikkan perkara ini? Adakah terdapat sudah hasil yang dapat dipetik dari usaha ini?

Yang terakhir, mengenai Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan *(Student Education Loan).* أَلْحَمْدُ لِلّٰه. Semenjak skim ini dilancarkan beberapa tahun lalu, ia telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai. Maklum balas yang diterima, skim ini juga telah berjaya menghasilkan graduan-graduan yang cemerlang dalam bidang masing-masing, أَلْحَمْدُ لِلّٰه.

Sehubungan dengan itu, kaola ingin memohon pencerahan dari Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Berapakah jumlah graduan-graduan yang telah berhasil menamatkan pengajian mereka melalui skim ini? Berapakah jumlah yang mendapat keputusan yang cemerlang peringkat kelas pertama dan 2.1?

Kaola sebenarnya hanya ingin menyampaikan cadangan dari ibu bapa. Kemungkinan ada fleksibiliti dari segi bilangan penuntut yang dihantar dalam skim ini akan dapat ditambah dan bidang kursus juga akan diluaskan bagi mengambil kira minat dan keperluan pihak-pihak yang terlibat ini kerana mereka juga bukan sahaja menyumbang pembiayaan, malahan sebilangan mereka mempunyai sasaran tertentu dalam memilih kursus-kursus tersebut.

Kaola rasa keprihatinan mereka ini munasabah juga untuk diteliti secara mendalam dan saksama memandangkan bilangan biasiswa kerajaan dari segi jumlah dan kursus pun sudah terhad.

Sekian,
وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih Yang Berhormat. Ada banyak soalan di sini, boleh kaola menjawab yang senang dahulu?

Mengenai dengan *STEAM,* apakah *KPI*nya*?* Oleh kerana ia baru dilaksanakan jadinya *KPI* Kementerian Pendidikan adalah bagi setiap sekolah

sekurang-kurangnya dapat menawarkan satu mata pelajaran teras. Pada masa ini, terdapat beberapa sekolah-sekolah swasta yang belum dapat menawarkan mata pelajaran *STEAM* menjadi satu mata pelajaran teras. *So,* 'kitani' memberi mereka masa dan ia merupakan satu *KPI* 'kitani'. Ertinya, kalau boleh semua sekolah awam dan swasta akan dapat menawarkan sekurang-kurangnya satu mata pelajaran teras dalam *STEAM.*

Kedua, mengenai *set of skills* untuk pelajar-pelajar 'kitani' *to be future ready.* Sebenarnya itu sebab kenapa 'kitani' menekankan penguasaan kemahiran *6 C's* yang telah tadi kaola sampaikan seperti *critical thinking, communication, creativity* dan sebagainya. Jadinya, oleh kerana 'kitani' mahu pelajar-pelajar 'kitani' dapat menguasai kemahiran ini.

Di sini 'kitani' akan memasukkan elemen-elemen penting seperti perubahan kepada metodologi pembelajaran seperti bukan sahaja *"chalk and talk"* dan sebagainya tetapi melalui penemuan, penguasaan, melalui *enquiry based*, dengan soal jawab dan sebagainya. Semasa soal jawab kalau boleh jangan menggunakan *close ended questions* tetapi menggunakan *open ended questions* dan sebagainya.

So, itulah yang kitani masukkan elemen-elemen cara pembelajaran itu 'kitani' ubah dan salah satu jua cara memantau sama ada penguasaan *6 C's* ini berkesan atau tidak*. That is why* Kementerian Pendidikan di Negara Brunei Darussalam mengikuti *PISA*. *PISA is not a test of content knowledge but PISA is actually* menilai the *application of education and knowledge,* ia *menilai* macam mana kanak-kanak ini tadi selain menguasai *content knowledge* tetapi macam mana kanak-kanak menggunakan *content knowledge* itu untuk menjawab atau menyelesaikan masalah-masalah semasa, *so that is 2.*

Mengenai penyediaan insfratruktur *IT* kalau kaola tidak silap, iaitu *Government School Network Infrastructure Upgrade,* Fasa II. Ia adalah penaiktarafan infrastruktur rangkaian sekolah kerajaan bagi 153 buah sekolah, iaitu 26 buah sekolah menengah dan 79 buah sekolah rendah. Keseluruhannya adalah untuk menaik taraf prasarana rangkaian bagi 153 buah sekolah di Negara Brunei Darussalam.

Mungkin pada masa ini, sekolah-sekolah mempunyai *Wi-Fi* tetapi tidak meliputi keseluruhan kawasan sekolah itu. Mungkin ada *Wi-Fi* di *admin block* saja atau *IT block* saja tetapi bukan di bangunan yang lain-lain seperti bangunan *classroom* dan sebagainya.

Ini memang kalau 'kitani' kan menggunakan *mesh* yang 'kitani' pakai di rumah, *the router* itu mungkin boleh digunakan tapi kalau 'kitani' menggunakan *router* ini, 'kitani' inda dapat mengawal kandungan yang kanak-kanak boleh layari di *YouTube* atau laman sesawang lain yang boleh dibuka. Jadinya, 'kitani' terpaksa menggunakan infrastruktur yang bersesuaian supaya 'kitani' dapat melihat dan memblok apa

laman-laman yang bersesuaian untuk pembelajaran yang dapat diakses di sekolah.

Mengenai dengan *School Enterprise Resource Planning System,* ia adalah penyediaan satu sistem maklumat untuk penyimpanan dan pengurusan rekod dan data pelajar, tenaga-tenaga pengajar, maklumat mengenai dengan sekolah-sekolah serta melaksanakan penilaian pelajar-pelajar di sekolah secara *online*.

Sistem ini adalah pengumpulan kepada empat (4) sistem iaitu *Student Information System, Educator Management System, Assessment Management System* dan *School Management System*. Kalau dulu, sistem ini akan dibuat secara berasingan dan kalau ditemukan menggunakan *Application Programming Interface* atau pun API, tetapi oleh kerana ia lebih baik untuk satu sistem menggabungkan ke empat-empat ini, ertinya 'kitani' tidak perlu lagi menggunakan *API* itu. Walau bagaimanapun, *API* akan tetap juga digunakan bagi sistem ini untuk berhubung dengan sistem yang lebih besar yang lain daripada sistem yang telah kaola *mention* tadi.

Mengenai dengan *UBD Innovation Hub*, ia adalah bangunan guna sama bagi tiga (3) fakulti: *Centre for Life-Long Learning (C3L), School of Business and Economy (SBE Innovation Triangle) and UBD Centralized Equipment dan Prototyping Development Unit*. Manakala pembinaan *UBD Digital Science Nexus*, ia adalah pembinaan sebuah fasiliti yang memfokus kepada pengajaran penyelidikan yang merangkumi pelbagai aspek sains digital.

Mengenai dengan pembinaan *UBD Digital Science Nexus* ini, pada masa ini program-program yang ditawarkan adalah seperti *applied artificial intelligence*, *artificial intelligence and robotics*, *computer science, cyber security* dan juga *data science*. Pelajar-pelajarnya adalah semakin meningkat dan memang penyelidikan adalah komponen wajib di dalam program-program tersebut kerana kalau bukan ada data dan penyelidikan atau pun *the analysis of data*, ertinya ia bukan di dalam *data science*, bukan di dalam pembelajaran *digital science*. *So, at the moment*, ada 48 orang pelajar yang *enrol* di tahun 2023. Ia adalah meningkat daripada 15 orang pelajar pada tahun 2019, 25 orang pelajar dalam tahun 2020, 31 orang pelajar dalam tahun 2021 dan 42 orang pelajar dalam tahun 2022.

Pembinaan *UBD Innovation Hub* ini tadi sebenarnya menolong saranan Yang Berhormat Pehin tadi mengenai dan juga soalan Yang Berhormat tadi: berapakah penyelidikan yang sudah diangkat, yang sudah dapat, yang sudah menjadi.

Sebenarnya *UBD Innovation Hub* ini salah satu projek RKN seperti yang telah kaola sampaikan tadi, ia adalah bangunan guna sama bagi 3 fakulti *Centre for Life-Long Learning* dan sebagainya, tetapi yang paling penting *UBD Innovation Hub* ini, ia akan

meningkatkan lagi keupayaan untuk mem*patent research-research* pelajar.

Kalau masa ini, pelajar-pelajar UBD, 84% daripada pelajar-pelajar ini *patent* mereka ini adalah di bawah *Technology Readiness Level 4*, sedangkan 'kitani' mahu kalau boleh *Technology Readiness* ini sampai ke 7, 8 ataupun 9, ia *beyond development* sudah, kira ia dapat sudah di*deploy research finding, so that is why* kenapa Kementerian Pendidikan melalui Universiti Brunei Darussalam telah memohonkan peruntukan untuk pembinaan *UBD Innovation Hub* yang bejumlah $20 juta harga rancangannya. Dan juga untuk *commercialization*, sebab untuk *commercialization* ia mesti TRL yang lebih tinggi.

Manakala peperiksaan *'O' Level,* kenapa ia menurun, seperti yang telah kaola sampaikan di dalam mukadimah tadi, walaupun ia sedikit menurun *GCE 'O' Level* itu, ia nampak menurun walaupun ia nampak sangat menurun kerana pada tahun 2021, results *'O' Level* 'kitani' adalah tinggi. Tetapi di sana tidak dapat dijadikan sebagai perbandingan kerana cara penilaian adalah lain daripada yang selalu diamalkan.

Pada tahun tersebut, ia adalah peperiksaan tersebut dinamakan *SAG* atau pun *Student Assess Grade so* ia menggunakan *continuous assessment* pelajar itu, itu yang dinilai dan ia punya *'O' Level* adalah meningkat hingga kalau peringkat nasional 56%, 56.48% dan juga kalau peringkat sekolah adalah 56.48%, sama nasional dan sekolah sebab masa *SAG* itu tidak ada *private candidates*. Tetapi ia menurun pada tahun 2022 ke 45.83%, ia punya penurunan itu sangat steep.

If I can show you the graph, can see penurunan itu sangat *steep* di sini tetapi apabila sudah tahun 2024 *if you can see*, ia punya walaupun penurunan tetapi ia punya *gradient is much less than this one*. *So* ertinya, *we are almost* kembali kepada *trend* asal pada 10 tahun kebelakangan. *This is for 'O' Level, 'A' Level,* dan juga PSR. *You can see* semasa ini, 'kitani' kalau PSR meningkat, tetapi 'A' Level ia punya *gradient* sama jua, tidak se*steep* semasa selepas *COVID-19* hari itu.

Peningkatan terbaik adalah dalam *Computer Science* dan juga *Geography* dan prestasi yang menurun adalah seperti *Food and Nutrition*, lebih 10% menurun, *Business Studies, Agriculture, Travel and Tourism* dan kalau kurang daripada 10%, *Art and Design* dan sebagainya. Kalau kitani amat-amati subjek-subjek ini, *these are the non-sciences*, kebanyakannya *the non-sciences* ertinya yang peningkatan terbaik di *Computer Science* dan *Geography*, *the non-sciences Food and Nutrition, Business Studies,* ia memerlukan banyak *hands-on so they are affected* tetapi kenapa ia *affected* itu, perkara ini akan diselidiki lagi kenapa kerana banyak data-data yang perlu di*triangulate* lagi sebelum pihak kementerian dapat mengusulkan apa sebenarnya yang telah menyebabkan penurunan tersebut, walau pun

penurunan itu tidak seteruk penurunan pada tahun lepas. Perbelanjaan RKN-12 ada peruntukan untuk institusi baharu dan kenapa tenaga pengajar masih belum ada tanda-tanda untuk ditingkatkan lagi keramaiannya.

Untuk menjawab soalan ini, sebenarnya pihak Kementerian Pendidikan sedang giat untuk membuat *manpower auditing*. Jadinya kiranya macam berapa pelajar dalam satu kelas dan berapa *period per teacher* yang boleh mengajar. Kalau ada kelebihan-kelebihan guru *on school* itu akan diselaraskan dulu dan إِنْ شَاءَ اللهُ kalau misalnya masih belum mencukupi إِنْ شَاءَ اللهُ pihak Kementerian Pendidikan akan mencadangkan untuk jawatan tenaga pengajar ini dipohonkan peruntukannya. Barangkali kaola sudah jawab semua kali Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Semua sudah soalan Yang Berhormat Pehin itu terjawab ataupun ada masih lagi satu, dua yang belum bejawab?

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim: Ada masih berbaki sedikit Yang Berhormat Pengerusi. Pertama mengenai mengapa 'tahan-tahan' 60% *target* 'kitani' sampai 2026/2027 masih lagi *target* 'kitani' itu 60% 'lakat'. Kemudian dari segi peranan Kementerian Pendidikan dalam membantu meningkatkan lagi lepasan ijazah untuk mendapatkan pekerjaan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Kenapa 60% *it is very interesting question* Yang Berhormat Pengerusi. Sebenarnya semasa meletakkan 60% sebagai *KPI GCE 'O' Level* itu, ia dibuat menggunakan simulasi ataupun *trend line*. Pada ketika itu, memang 'kitani' mengharapkan pelajar-pelajar 'kitani' ini yang sampai ke *tertiary education* adalah 30%, memang dalam buku 'kuning hitam', memang 'kitani' di sana memberitahu 'kitani' mengharap 30% daripada pelajar-pelajar "kitani' sekurang-kurangnya mencecahkan kaki ke *tertiary education*.

Tetapi *year in, year out* memang 'kitani' tidak dapat mencapai sasaran tersebut. Jadinya apabila kiranya macam anggaran dalam 19% ke 20% sahaja yang sampai ke *tertiary education* dan apabila 'kitani' *simulate that pool,* 'kitani' dapat 20% itu adalah berdasarkan keramaian pelajar-pelajar 'kitani' yang lulus dengan *5 'O' Level Credit* di peringkat 'O'. Jadinya di sanatah, kalau 'kitani' membuat simulasi kalau 30% di *tertiary education,* berapakah *pool*, berapakah ramainya orang dalam *pool 5 'O' Level* itu yang dapat mesti 'kitani' ada supaya mereka dapat lulus 'A' Level dan seterusnya ke *tertiary education*. *That is why* 'kitani' berangan-angan besar supaya dapat pelajar-pelajar itu, 60% daripada pelajar-pelajar 'kitani' dapat *5 'O' Level* supaya 'kitani' dapat mencapai merealisasikan 30% pelajar-pelajar 'kitani' sampai ke *tertiary education. But having said that,* memang inilah satu cabaran yang paling besar macam 'kitani' seolah-olah

te*lock* kenapa sampai saat-saat ini 'kitani' masih belum mencapai 60% itu.

Tapi kalau 'kitani' melihat data, 'kitani' daripada dulu daripada 33% memang ada peningkatan. Peningkatan itu ada tapi tidak terlalu besar. Misalannya daripada tahun 2009, 33% dan *it took us almost* 2 dekad untuk mencapai ia sampai ke 40%. Jadinya memang 'kitani' terpaksa bekerja keras lagi supaya pelajar-pelajar 'kitani' yang dapat mencapai *5 'O' Level* itu melimpasi 40%, melimpasi 50% dan sampai mencapai 60%. Memang diakui Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pendidikan atas jawapan yang diberikan. Saya memberikan kesempatan bagi Yang Berhormat Menteri Pendidikan dengan pegawai-pegawainya untuk barangkali meneliti sama ada yang masih belum dijawab barangkali boleh dijawab pada hari-hari yang berikutnya.

Saya kira cukuplah dulu kita berbahas di peringkat Jawatankuasa ini dan saya berpendapat ada baiknya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dulu dan kita bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang bersidang semula dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

Saya ingin mencadangkan supaya persidangan ini kita tangguhkan dulu bagi membolehkan kita berhenti dan إِنْ شَاءَ اللهُ kita akan bersidang semula pada hari Rabu, 13 Mac 2024 mulai pukul 10.00 pagi.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلاَمُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)